# PENCETUS PERUBAHAN




**Laporan Tahunan 2014**

**TELEKOM MALAYSIA BERHAD**
(128740-P)

IMBAS UNTUK KANDUNGAN AURA

**JENAMA & KOMUNIKASI KUMPULAN**
**TELEKOM MALAYSIA BERHAD**
(128740-P)
Aras 8 (Sayap Selatan), Menara TM, Jalan Pantai Baharu
56072 Kuala Lumpur, Malaysia

**www.tm.com.my**

IMBAS UNTUK MUAT TURUN APLIKASI

www.tm.com.my/annualreport/2014

TELEKOM MALAYSIA BERHAD (128740-P)

Laporan Tahunan 2014




# PENCETUS PERUBAHAN

Anda merupakan inspirasi kami untuk menjadi ***pencetus perubahan***. Dalam dunia yang sentiasa berubah ini, anda berupaya untuk mengeratkan hubungan walau di mana anda berada. Saling berinteraksi di alam maya dan pada waktu yang sama masih menikmati kehidupan yang nyata. Tanpa disedari kita telah melangkah ke era integrasi.

Dan kami telah membantu untuk merealisasikan semua ini. Sebagai ***peneraju perkhidmatan berintegrasi*** anda, TM akan sentiasa memberikan pengalaman pelanggan yang berkesan, produk dan perkhidmatan yang inovatif kepada pelanggan kediaman dan perniagaan – ***untuk menjadikan kehidupan anda lebih mudah*** dan penuh bermakna.

# TM AURA

Laporan Tahunan 2014 TM ini mengandungi TM AURA, sebuah aplikasi penambahan realiti yang dibangunkan oleh Pusat Kajian & Pembangunan TM (TM R&D). Aplikasi ini membenarkan anda untuk mengimbas halaman dan imej yang terpilih dalam laporan ini bagi mengakses kandungan tambahan yang lebih berkualiti dan menghiburkan.

Muat turun TM AURA di telefon pintar atau tablet anda *(iOS* dan *Android)* untuk merasai sendiri pengalaman pencetus perubahan penambahan realiti!

Cari TM AURA di *Apple App Store* atau *Google Play Store* untuk muat turun.

App Store   Google play

# FAKTA SEKILAS PANDANG

**No.1**
penyedia jalur lebar di Malaysia

**2.23 juta**
pelanggan jalur lebar

**hasil RM11.24 bilion**
peningkatan hasil tertinggi dalam industri pada kadar 5.7%

**316.1%**
jumlah pulangan pemegang saham (TRS)

**lebih daripada 1.62 juta**
premis sedia dipasang untuk jalur lebar berkelajuan tinggi

**28,047 anggota**
aset terpenting TM

**RM846.8 juta**
jumlah pembayaran balik dividen

# intisari laporan

laporan tahunan 2014

## PERSPEKTIF


**012** Penyata Pengerusi
**020** Penyata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
**028** Sektor Telekomunikasi: Tinjauan & Pandangan
**034** Perjalanan Strategik: Penghasilan Nilai Mampan
**036** Maklumat Penting Kewangan Kumpulan
**038** Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan & Analisis Segmen Kumpulan
**040** Prestasi Kewangan Suku Tahunan Kumpulan
**041** Komunikasi Pengurusan Pihak Berkepentingan
**043** Hubungan dengan Pelabur
**046** Prestasi Saham
**048** Kalendar Kewangan


## PROFIL KORPORAT


**054** Tentang Kami
**056** Pencapaian-Pencapaian Sepanjang Dua Abad
**062** Pencapaian-Pencapaian Media Sepanjang Tahun
**064** Acara-Acara Korporat 2014
**068** Anugerah & Pengiktirafan 2014
**070** Anugerah-Anugerah TM yang Pernah Dimenangi
**074** Maklumat Korporat
**078** Struktur Korporat Kumpulan
**080** Struktur Organisasi Kumpulan
**082** Infrastruktur Antarabangsa & Domestik & Rangkaian Gentian Optik Utama
**084** Liputan TM Seluruh Dunia


## KEPIMPINAN & AKAUNTABILITI


**090** Lembaga Pengarah
**092** Profil Pengarah
**100** Barisan Kepimpinan Kumpulan
**102** Profil Barisan Kepimpinan Kumpulan
**109** Penyata Tadbir Urus Korporat
**129** Penyata Lembaga Pengarah Mengenai Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman
**136** Laporan Jawatankuasa Pencalonan & Ganjaran
**142** Laporan Jawatankuasa Audit
**147** Penyata Audit Dalaman
**149** Laporan Jawatankuasa Risiko
**154** Pengurusan Kesinambungan Perniagaan
**156** Maklumat Pematuhan Tambahan
**159** Integriti Korporat


## ULASAN PRESTASI


**166** Ulasan Kewangan Kumpulan
**170** Penyata Nilai Tambah
**171** Pengagihan Nilai Tambah
**173** Produk & Perkhidmatan Kumpulan TM


## ULASAN PERNIAGAAN & FUNGSI


**178** Pasaran Massa
- **178** Pengguna
- **182** Perusahaan Kecil dan Sederhana
- **186** Media Baharu

**190** Rencana: Pusat Pertukaran Inovasi
**194** Akaun Terurus
- **194** Perusahaan
- **196** Kerajaan
- **198** VADS

**202** Rencana: "Perniagaan Lebih Mudah" dengan Pengurusan Produk Akaun Terurus
**204** Global & Borong
**208** Mudah Alih & Tanpa Wayar: P1
**212** Rencana: Evolusi Ke Arah Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi
**214** Perniagaan Sokongan
**218** Aliran Pendidikan: MMU, MMC & Yayasan TM
**222** IT&NT – Transformasi Ke Arah Ketangkasan


## INISIATIF-INISIATIF UTAMA


**230** CEMT: Memperkukuhkan Ekosistem Bagi Menginsankan Khidmat Pelanggan Kami
**234** Rencana: Menjadi Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi Berorientasikan Pelanggan
**238** Pemacu Budaya Berinovasi: Kerja-Hidup Lebih Mudah
**242** Keselamatan Diutamakan – Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (OSHE)
**244** Tanggungjawab Korporat

## PENYATA KEWANGAN


**258** Penyata Tanggungjawab oleh Pengarah-Pengarah

**259** Laporan Pengarah

**264** Penyata Pendapatan

**265** Penyata Pendapatan Keseluruhan

**266** Penyata Kedudukan Kewangan

**268** Penyata Perubahan Ekuiti yang Disatukan

**270** Penyata Perubahan Ekuiti Syarikat

**272** Penyata Aliran Tunai

**273** Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

**385** Penyata Pengarah

**385** Akuan Berkanun

**386** Laporan Juruaudit Bebas


## MAKLUMAT LAIN


**388** Modal Saham Dibenarkan dan Diterbitkan

**390** Analisa Perangkaan Pegangan Saham

**391** Senarai 30 Pemegang Saham Teratas

**392** Nilai Buku Bersih Tanah & Bangunan

**393** Penggunaan Hartanah

**394** Direktori Kumpulan

**400** Glosari

**404** Notis Mesyuarat Agung Tahunan

**407** Penyata Mengiring Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-30

• Borang Proksi


# Ke-30

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

**Tarikh** 30 April 2015, Khamis
**Waktu** 10.00 pagi
**Tempat** Dewan Kristal, TM Pusat Konvensyen TM, Menara TM, Jalan Pantai Baharu, 50672 Kuala Lumpur, Malaysia

# VISI

"Untuk menjadi peneraju komunikasi generasi baru Malaysia yang memenuhi keperluan pelanggan menerusi inovasi dan kecemerlangan pelaksanaan"

# NILAI-NILAI KRISTAL

1. **Komitmen Menyeluruh terhadap Pelanggan**
2. **Kewibawaan Tanpa Kompromi**
3. **Hormat & Prihatin**

**Lagu Kristal***

Mesti komited pada pelanggan
Dan berusaha sehabis upaya
Tunjukkan kesefahaman tinggi
Berfikiran terbuka sepanjang masa

Jujur ikhlas dan dipercayai
Pada rakan, teman dan semua
Amalkan hormat dan menghormati
Bekerja penuh dengan dedikasi

Korus:
Mari kita melangkah bersatu
Sajikanlah perkhidmatan bermutu
Merempuh segala cabaran
Pasti kita unggul selalu

TM terus maju jaya
Di bawah kepimpinan berwibawa
Dan dengan kesefahaman waja
TM kebanggaan negara

# MISI

**Untuk mencapai visi kami, kami telah menggariskan perkara-perkara berikut:**

- Mencapai kecemerlangan khidmat pelanggan dan kecekapan operasi
- Mempertingkat gaya hidup dan pengalaman pelanggan dengan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan generasi akan datang yang inovatif
- Mempertingkat prestasi perniagaan para pelanggan kami dengan menyediakan penyelesaian maklumat dan komunikasi yang bernilai tinggi
- Memberi nilai kepada pihak-pihak yang berkepentingan dengan merangsang nilai pemegang saham dan menyokong pertumbuhan serta pembangunan Malaysia

# MEMAKSIMUMKAN PRESTASI

Memaksimumkan hasil dan keuntungan bergantung kepada usaha memaksimumkan capaian dan penggunaan rangkaian. Berteraskan visi perniagaan "Pusat Pertukaran Maklumat dan Inovasi", strategi-strategi telah diterjemahkan dan dilaksanakan menerusi Program Peningkatan Prestasi (PIP 3.0), "Hidup Lebih Mudah (LME)" dan "Perniagaan Lebih Mudah (BME)". Strategi kami juga menekankan peningkatan kecekapan operasi, produktiviti dan mengekalkan kecekapan struktur kos untuk menambahbaik produktiviti keseluruhan.

# STRATEGI SEKILAS PANDANG

## LME DAN BME

LME dan BME melambangkan strategi mendekati pasaran (GTM) kami yang berdasarkan konsep mudah bagi memastikan semua pelanggan kami mendapat perkhidmatan cemerlang dan berkualiti. Ini dicapai dengan menyediakan himpunan perkhidmatan yang komprehensif, mengoptimumkan proses sokongan dan menambahbaik titik-titik sentuhan yang membolehkan interaksi dengan pelanggan.




### PUSAT PERTUKARAN MAKLUMAT

Memandu TM ke arah membina dan mengendali rangkaian dan platform secara selamat, pantas, boleh dipercayai serta terbuka untuk menyokong semua pelanggan tanpa mengira alat peranti atau aplikasi yang digunakan, pada bila-bila masa dan di mana jua.

### PUSAT PERTUKARAN INOVASI

Memandu TM ke arah meneroka bidang inovasi yang berfokuskan kandungan, aplikasi dan alat peranti yang disampaikan melalui rangkaian dan platform kami bagi memacu penggunaan rangkaian.

## PIP 3.0

PIP 3.0 merupakan strategi tiga tahun yang menjadi asas kepada keseluruhan rangka strategi. PIP 3.0 dibahagikan kepada tiga bidang utama dengan setiap bidang disokong oleh inisiatif-inisiatif terperinci.

- Pertumbuhan Berterusan
- Anjakan Produktiviti Asas
- Meningkatkan Kemantapan Institusi

# Masa depan kami dilakar semula

Di mana kami semua boleh berkolaborasi dan mereka cipta bersama dalam dunia yang terhubung. Di mana inspirasi dikongsi, idea ditukar dan penyelesaian dijana. Berinteraksi, hayati dan perkayakan hidup kami dengan peluang dan kemungkinan tanpa sempadan yang bakal tiba. Sebagai Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi anda, kami bawakan pengalaman menyeluruh ini kepada semua rakyat Malaysia.





PENC
PERUB

# PERSPEKTIF


012 Penyata Pengerusi
020 Penyata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
028 Sektor Telekomunikasi: Tinjauan & Pandangan
034 Perjalanan Strategik: Penghasilan Nilai Mampan
036 Maklumat Penting Kewangan Kumpulan
038 Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan & Analisis Segmen Kumpulan
040 Prestasi Kewangan Suku Tahunan Kumpulan
041 Komunikasi Pengurusan Pihak Berkepentingan
043 Hubungan dengan Pelabur
046 Prestasi Saham
048 Kalendar Kewangan

IMBAS UNTUK KANDUNGAN AURA



SAYA MENGAMBIL ALIH JAWATAN INI DARIPADA DATO' SRI DR. HALIM SHAFIE DENGAN HASRAT BERSAMA YANG TEKAD UNTUK MEMBANGUNKAN NEGARA SERTA MENYENTUH HIDUP RAKYAT MALAYSIA, DENGAN BERPANDUKAN NILAI-NILAI YANG SAMA SEPERTI YANG DIHAYATI OLEH TM SEBAGAI TERAS ETOSNYA.

**TAN SRI DATO' SERI DR SULAIMAN MAHBOB**
PENGERUSI



# PENYATA PENGERUSI

Para Pemegang Saham,

Ini adalah Penyata Laporan Tahunan ulung saya kepada anda sebagai Pengerusi baru Telekom Malaysia Bhd (TM), jawatan yang disandang oleh saya mulai Januari 2015 dengan penuh hormat dan rasa rendah diri. Izinkan saya terlebih dahulu memberi penghormatan kepada Dato' Sri Dr. Halim Shafie, mantan Pengerusi, bukan sahaja atas kebijaksanaan beliau dalam memimpin Lembaga Pengarah tetapi atas peranan beliau sebagai Pengerusi yang amat dihormati dan disayangi oleh semua Warga TM. Dalam tempoh beliau memegang jawatan, semenjak langkah pengasingan yang bersejarah itu, kita telah menyaksikan TM mencatat kemajuan bermula dengan kejayaan pelancaran projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) dan perkhidmatan tiga serangkai UniFi hingga ke kedudukannya pada hari ini: Peneraju Jalur Lebar Malaysia berevolusi menjadi Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi, dengan pengambilalihan Packet One (Malaysia) Sdn Bhd (P1) yang meneraju perubahan.

Saya mengambil alih jawatan ini daripada Dato' Sri Dr. Halim Shafie dengan hasrat bersama yang tekad untuk membangunkan negara serta menyentuh kehidupan rakyat Malaysia, dengan berpandukan nilai-nilai yang sama seperti yang dihayati oleh TM sebagai teras etosnya – Komitmen Menyeluruh kepada Pelanggan, Kewibawaan Tanpa Kompromi dan Hormat serta Prihatin – sambil disokong oleh kebijaksanaan ahli-ahli Lembaga dan semangat 1TM oleh pihak Pengurusan dan lebih daripada 28,000 warga TM yang berdedikasi.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya amat berbesar hati untuk membentangkan Laporan Tahunan untuk TM bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 dengan tema: PENCETUS PERUBAHAN – sesuai dengan acara-acara dan perkembangan-perkembangan sepanjang tahun 2014 dan kemunculan TM dengan peranan sebagai Peneraju Berintegrasi Malaysia menunaikan janji jenama dan pelanggan kami iaitu "Hidup Lebih Mudah".

**TM sebagai Peneraju Jalur Lebar Malaysia berevolusi** menjadi Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi

# MEWUJUDKAN NILAI PEMEGANG SAHAM

**PATAMI Dinormalisasi**
**RM941.2 juta**

**Jumlah Pembayaran Dividen**
**RM846.8 juta**
**adalah 22.9 sen sesaham**

**316.1%**
**jumlah pulangan kepada pemegang saham**

## Prestasi kami dimantapkan: Sorotan Keputusan Kewangan 2014

Bagi kami, tahun 2014 merupakan tahun yang memberi pencapaian bercampur dari segala aspek ketika menghadapi persekitaran persaingan dan operasi yang mencabar. Yang boleh dibanggakan ialah Hasil Kumpulan TM mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.7% kepada RM11.24 bilion, melampaui titik tanda RM11.0 bilion, sementara Keuntungan Operasi Kumpulan (Perolehan Sebelum Faedah dan Cukai (EBIT) bagi TK 2014 adalah sebanyak RM1.29 bilion, berbanding dengan RM1.37 bilion yang dicatatkan pada tahun 2013. Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) Yang Dilaporkan meningkat sebanyak RM5.7% Tahun-ke-Tahun kepada RM1.11 bilion sementara Keuntungan Bersih Kumpulan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) adalah sebanyak RM831.8 juta dan PATAMI Kumpulan Dinormalisasi adalah sebanyak RM941.2 juta.

Kami mengekalkan kedudukan yang kukuh sebagai Peneraju Jalur Lebar Malaysia dengan peningkatan bilangan pelanggan jalur lebar kepada 2.23 juta orang, yang didahului oleh UniFi. Ke arah merealisasikan aspirasi kami menjadi Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi, kami amat berbesar hati mendapati bahawa pelanggan telah mengakui usaha-usaha kami yang berterusan dalam mempertingkatkan pengalaman pelanggan dengan indeks kepuasan pelanggan TRI*M melebihi 72 iaitu lebih tinggi daripada skor purata global sebanyak 68 bagi tahun keempat berturut-turut.

Keputusan-keputusan yang mantap ini adalah bukti terhadap transformasi TM yang sedang berlangsung sebagai warga korporat contoh serta sebagai sebahagian daripada agenda Transformasi Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCT) yang lebih luas bermula pada tahun 2005 dan dijangka tamat pada tahun 2015. Selaras dengan program GLCT, TM telah mencapai sasaran Penunjuk Prestasi Utama (KPI) setiap tahun bagi 10 tahun yang lepas, dan malah telah melebihi sasaran itu bagi empat tahun berturut-turut sepanjang tempoh pelaksanaan program tersebut.

Bagi tahun 2014, KPI kami merangkumi pertumbuhan hasil sebanyak 5.0% hingga 5.5%, pertumbuhan EBIT sebanyak 5.0% dan indeks kepuasan pelanggan berdasarkan TRI*M sebanyak 72. Adalah penting diambil perhatian bahawa kesemua KPI ini telah ditetapkan sebelum pelaburan dan penyatuan P1 ke dalam Kumpulan TM. Oleh yang demikian, dengan tidak mengambil kira impak P1, kami telah sebenarnya mencapai ketiga-tiga KPI tersebut, dengan hasil Kumpulan meningkat sebanyak 5.3% berbanding dengan tahun 2013, pertumbuhan EBIT Dinormalisasi pada sebanyak 5.0% kepada RM1.43 bilion dan indeks TRI*M lebih daripada 72, seperti yang nyatakan awal tadi.

Sukacita juga saya mengumumkan bahawa, sekali lagi, TM telah memenuhi komitmen dividennya, dan mencadangkan dividen akhir sebanyak 13.4 sen sesaham tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan. Bersama dengan dividen interim sebanyak 9.5 sen sesaham berjumlah RM348.4 juta yang dibayar pada Oktober 2014, jumlah pembayaran dividen akan menjadi 22.9 sen sesaham atau sebanyak RM846.8 juta. Sukacita kami menyatakan bahawa sejak pengasingan pada tahun 2008, TM telah menyampaikan jumlah pulangan kepada pemegang saham (TRS) sebanyak 316.1%.

Penyata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan memberikan laporan tentang prestasi kewangan dan operasi kami dengan lebih terperinci, sebagaimana juga halaman ringkasan kewangan utama dan akaun kewangan yang dilampirkan bersama Laporan Tahunan ini.

# Asas Kami Diperkukuhkan: Rakan Kongsi Pembangunan Negara Yang Diyakini

Tiada tujuan yang lebih besar bagi TM daripada peranan dan tanggungjawab kami yang unik dalam pembangunan negara dan dalam mentransformasikan hidup semua rakyat Malaysia melalui produk dan perkhidmatan, dan lebih daripada itu, melalui inisiatif tanggungjawab korporat (CR) kami. Industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) adalah pemangkin penting pembangunan negara dan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), dan pada zaman keterangkuman dan pengintegrasian, mengurangkan jurang digital bukan lagi sekadar inisiatif CR, tetapi sudah menjadi amat penting bagi negara. Malaysia sebenarnya amat bernasib baik kerana semangat kolaboratif dan saling menyokong di kalangan agensi Kerajaan dan para penggiat industri sedang berkembang subur, yang akan memberi lebih manfaat kepada pengguna dan perniagaan Malaysia. Oleh yang demikian, kami amat menghargai peluang-peluang yang diberikan kepada kami untuk memanfaatkan kedudukan kami sebagai rakan kongsi pembangunan nasional yang boleh dipercayai.

TM terus komited sepenuhnya dalam menyokong Program Transformasi Ekonomi (ETP) Kerajaan, khususnya untuk Projek-projek Permulaan (EPP) 10 – "Memperluaskan Rangkaian Serantau" serta Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) tentang sektor Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur (CCI) dalam mempertingkatkan infrastruktur komunikasi dan langganan perkhidmatan. Kami menjajar diri secara jelas dengan objektif-objektif ini melalui aspirasi Pusat Pertukaran Maklumat dan Inovasi kami.

Ke arah meningkatkan kapasiti Malaysia dalam jalur lebar berkelajuan tinggi, kami berbesar hati bahawa tahun 2014 telah berakhir dengan TM dianugerahi kontrak mercu tanda oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) untuk memaju dan membina sistem kabel dasar laut, iaitu Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia (SKR1M) yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Dengan jarak kira-kira 3,500 km, SKR1M akan mempunyai kapasiti awal sebanyak 4 Terabit sesaat (Tbps), untuk meningkatkan keterhubungan jalur lebar negara selanjutnya bagi memenuhi permintaan industri yang semakin meningkat terhadap aplikasi Protokol Internet (IP).

Projek ini akan dilaksanakan melalui Usahasama Awam-Swasta (PPP) antara SKMM dan TM dengan menggunakan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) di bawah bidang kuasa SKMM.

Sukacita juga kami mengumumkan bahawa baru-baru ini kami telah menerima Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 (HSBB2) dan Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) juga melalui kolaborasi dengan Kerajaan, untuk menyediakan akses, rangkaian teras domestik bagi pelaksanaan infrastruktur dan perkhidmatan rangkaian jalur lebar secara keseluruhan dan dengan demikian meningkatkan liputan bagi negara.

Untuk terus mengukuhkan kedudukan sebagai Peneraju Jalur Lebar Malaysia, kami telah melancarkan penawaran jalur lebar 4G pertama di Alor Setar, Kedah pada Ogos 2014. Ini menegaskan komitmen kami terhadap menyediakan perkhidmatan jalur lebar komprehensif, dengan itu memperkasakan masyarakat merentasi semua segmen dan lokasi, selaras dengan Pelan Jalur Lebar Negara. Sehingga kini, TMgo boleh didapati di Kedah, Melaka, Perak dan Negeri Sembilan. Apabila kami membina lebih banyak lokasi di negeri-negeri lain di seluruh negara, liputan perkhidmatan akan turut diperluaskan.

## Fakta Sekilas Pandang



**>28,000**
Anggota keluarga 1TM

**10 tahun**
Program Transformasi GLC



Komited kepada Perkhidmatan Pelanggan Yang Cemerlang

TRI*M lebih tinggi daripada purata global bagi tahun keempat berturut-turut

TM juga mengesahkan komitmen kami untuk mempelopori transformasi digital di landskap penyiaran Malaysia dengan menandatangani perjanjian kolaborasi dengan MYTV Broadcasting Sdn Bhd (MYTV) untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan rangkaian yang perlu untuk Televisyen Terestrial Digital (DTT). Penghijrahan dari analog ke DTT akan merevolusikan industri penyiaran di Malaysia dan menetapkan hala tuju industri bagi tahun-tahun akan datang. Dengan tersedianya infrastruktur, adalah menjadi harapan Kerajaan bahawa semua penggiat dalam industri penyiaran termasuk TM, dapat memanfaatkan sepenuhnya pelbagai peluang yang sedia ada.

Itulah antara beberapa perkembangan sepanjang tahun 2014 yang dikategorikan oleh TM sebagai ruang Pusat Pertukaran Maklumat kami. Sementara itu, kami juga berjaya mengukir kejayaan di ruang Pusat Pertukaran Inovasi.

Melalui Pusat Pertukaran Inovasi, TM telah melancarkan program pemecutan syarikat permulaan (start-up) sendiri yang membeza dirinya dengan memberi akses kepada syarikat-syarikat permulaan membangun dan menguji model-model pergi-ke-pasaran dengan ekosistem TM sedia ada dan tersedia yang merangkumi Universiti Multimedia (MMU), Telekom Research & Development Sdn Bhd (TM R & D), Bidang-bidang Perniagaan Kami (LoB) sebagai rakan kongsi dan sekutu strategik. Sebenarnya kami menyediakan tapak pelancaran ke pasaran bagi syarikat-syarikat permulaan terpilih untuk membantu mereka meningkatkan usaha niaga dan mendapat pengesahan pelanggan.

Konsep Pusat Pertukaran Inovasi juga diwujudkan dalam bentuk fizikal dengan memberi akses kepada ruang kolaborasi untuk syarikat-syarikat permulaan, sementara Pusat TM R & D di Cyberjaya akan berfungsi sebagai hab untuk program pemecutan, para peserta juga mendapat akses kepada kemudahan MMU dan makmal R & D kami untuk ujian tekanan perkakasan dan Pusat Konvesyen TM (TMCC) untuk menganjurkan acara. Pada tahun 2014, kami telah menjadi tuan rumah kepada lebih daripada 30 acara yang fokus kepada keusahawanan dan inovasi termasuk *Startup Grind*, *Startup Weekend*, *AngelHack* dan *Echelon Malaysia*.

Yang paling penting ialah Pusat Pertukaran Inovasi merupakan satu seruan terhadap Warga TM untuk bertindak dengan menyemaikan inovasi dalam minda dan dalam perilaku kita di tempat kerja.

## Idea kami direka cipta khas: "Hidup Lebih Mudah" melalui Pengintegrasian

Pengintegrasian dalam dunia perkhidmatan komunikasi dan ICT sendirinya bukanlah satu konsep baru. Bagaimanapun, ia merangkumi beraneka makna bermula dari teknologi, produk dan perkhidmatan (tetap, mudah alih, nomad) hingga ke peranti pelbagai skrin dan malah merentasi industri (media, hiburan, didikhiburan, ICT dan juga kewangan).

Kita boleh juga mengatakan bahawa dunia fizikal dan digital juga sedang melalui pengintegrasian, seperti juga penggunaan teknologi dan perkhidmatan untuk tujuan peribadi dan perniagaan. Pelanggan mengharapkan pengalaman perkhidmatan yang setimpal, sama ada mereka berada di dunia fizikal atau perniagaan, sama ada mereka bekerja atau bermain – itulah hidup dalam era penyepaduan.

TM berhasrat untuk menyampaikan pengintegrasian sebagai pengalaman yang lancar melangkaui apa yang disebut di atas, menjadikan pelanggan sebagai titik tumpuan utama kesemua ini. Ini bermakna kami menyahut cabaran dengan melihat pengalaman ini dari hujung-ke-hujung sepanjang perjalanan pelanggan dengan TM merentasi semua titik sentuhan. Kami berhasrat untuk mencambahkan idea dan pendekatan kami supaya dapat menepati janji jenama dan pelanggan kami "Hidup Lebih Mudah" dan "Perniagaan Lebih Mudah". Ini tidak boleh ditunaikan secara semalaman tetapi merupakan sesuatu yang disemai sebagai sebahagian daripada DNA kami, dan kami percaya kami telah membuat permulaan yang mantap ke arah hala tuju yang betul.

Dengan gambaran landskap ini, 2014 adalah tahun yang penuh dengan peristiwa bagi TM. Kami terus mengalami langganan positif untuk penawaran jalur lebar dengan lebih daripada 750,000 orang pelanggan UniFi hingga kini, meskipun persaingan dalam pasaran jalur lebar semakin meningkat. Tahun ini telah menyaksikan pengambilalihan P1 dan pelancaran TMgo, penawaran jalur lebar 4G yang pertama ketika kami meneruskan perjalanan transformasi untuk menjadi Penyedia Perkhidmatan Komunikasi Bersepadu No. 1. Kami akan mengukuhkan penawaran jalur lebar dengan perkhidmatan jalur lebar wayarles Evolusi Jangka Panjang (LTE) yang akan dilaksanakan melalui P1.

Kami juga telah menjalin beberapa perkongsian strategik seperti perjanjian yang ditandatangani dengan IBM Malaysia Sdn Bhd untuk melancarkan Virtual Private Cloud (VPC) yang pertama di Malaysia untuk memenuhi keperluan perusahaan besar terhadap penyelesaian pengkomputeran awan tanpa memerlukan pelaburan pendahuluan yang besar atau sumber-sumber yang mahir. TM juga telah menubuhkan sebuah syarikat usahasama dengan UEM Sunrise dan Iskandar Investment Berhad untuk mereka membentuk dan membina infrastruktur bandaraya pintar dan menyediakan perkhidmatan bandaraya pintar di Nusajaya.

TM berasa amat bertuah serta rasa rendah diri apabila kami diberi Anugerah The Best of The Best, *Telecom Service Provider of the Year 2014* di *Frost & Sullivan Malaysia Excellence Awards 2014*. Ini adalah kali ketiga TM diiktiraf dengan anugerah ini di upacara penyampaian anugerah tahunan yang berprestij itu.

Saya telah memberi sorotan beberapa perkembangan yang signifikan sepanjang tahun. Penyata Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan serta pelbagai seksyen dalam Laporan Tahunan memberi liputan yang lebih mendalam dan meluas tentang perniagaan TM pada tahun 2014.

## Integriti Kami Diperteguhkan: Menerajui Tadbir Urus

Tahun ini kami tetap berfokus kepada integriti, menjadikannya batu penjuru operasi kami sebagai satu daripada nilai-nilai teras TM KRISTAL selaras dengan komitmen kami dalam menyokong Pelan Integriti Nasional dan salah satu daripada Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Kerajaan. Kami telah melantik Felo Integriti kami sendiri, mengendali kursus latihan dan induksi, melaksana program menjelajah *(roadshow)* untuk membina momentum terhadap penghayatan Kod Etika Perniagaan (CBE) kami.

TM adalah penandatangan Akujanji Integriti Korporat dan telah mencapai kemajuan ketara dalam menggalakkan integriti korporat dalam organisasi. Dari perspektif ini, TM menunjukkan teladan mengenai apa yang seharusnya berlaku dalam organisasi yang telah menandatangani Akujanji Integriti Korporat (IIK) dengan Kerajaan.

Penubuhan Unit *Enterprise, Ethics & Integrity* (EEIU) sejak Februari 2013 adalah bukti komitmen teguh TM dalam meningkat dan mengukuhkan tadbir urus dan etika perniagaan, di samping menyemai perilaku beretika di kalangan pasukan kerja dan wakil-wakil Syarikat. Sebenar kami mempunyai dua unit yang meneliti hal-hal etika dan integriti. Sementara EEIU mencipta kesedaran terhadap etika dan integriti di kalangan semua pihak berkepentingan, Unit Hal Ehwal Khas (SAU) fokus kepada penyiasatan terhadap sebarang tuduhan amalan salah dan rasuah, dan diketuai oleh seorang pegawai kanan sandaran daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Kami juga mempergiatkan penglibatan dengan rakan kongsi perniagaan untuk meningkatkan kesedaran mereka terhadap Kod Etika Perniagaan kami yang ketat. Bagi organisasi kami, ini bermakna berkata 'tidak' kepada usaha memberi rasuah yang nyata, sebagai contoh pembayaran 'pemudahan' dan pemberian hadiah secara tidak ketara seperti hampers semasa musim perayaan. Usaha hendak melibatkan rakan kongsi kami dalam amalan-amalan beretika bermula secara bersungguh-sungguh pada tahun 2012, ketika kami melancarkan Pakatan Integriti yang bertujuan melibatkan rakan kongsi dalam amalan-amalan beretika antara TM dengan para pembekal/pihak yang menyertai pembidaan untuk menjauhi diri daripada rasuah, bersubahat atau amalan-amalan rasuah lain bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam pemerolehan.

Selaras dengan objektif mengedarkan pengetahuan dan kefahaman terhadap perkara-perkara ini secara kerap dan berkesan, TM telah memulakan satu program eksklusif dikenali sebagai Felo Integriti TM. Felo Integriti TM merangkumi kira-kira 200 anggota daripada pelbagai bahagian dan peringkat termasuk Pengurusan Atasan, Pengurusan Kanan, Ketua-ketua Negeri (Naib Presiden Negeri dan Pengurus Besar Negeri) serta warga kerja lain. Felo Integriti ini merupakan orang bersumber *(resource persons)* dalam semua perkara berkaitan dengan etika dan integriti dan akan mengendali program dan acara kesedaran di bahagian masing-masing.

Di TM, integriti adalah satu perjalanan. Sepanjang perjalanan itu, kami mengharapkan semua anggota kerja menanam integriti dalam sanubari mereka dan membina satu budaya di mana integriti adalah sebahagian yang penting dalam hidup mereka. Komited terhadap menjunjung integriti, tadbir urus dan ketelusan dalam operasi perniagaan, kami telah mengambil langkah selanjut untuk menjalankan kaji selidik berdasarkan *Global Corruption Barometer Transparency International* untuk membuat penilaian tentang persepsi warga kerja terhadap integriti, dan akan menggunakan penemuannya sebagai asas untuk mengukur keberkesanan aktiviti kami.

Baru-baru ini, kami telah menganjurkan kempen dalaman berjudul Integrity@ Heart dengan objektif untuk menyemai, menghayati dan mendukong nilai teras Syarikat iaitu Integriti Tanpa Kompromi dan etika kerja yang mantap di kalangan Lembaga Pengarah, Pengurusan, warga kerja dan semua pihak berkepentingan Syarikat, di samping meningkatkan pelbagai inisiatif integriti sedia ada. Kami juga menganjurkan buat julung kali Hari Integriti TM yang pertama, yang mensasarkan warga kerja serta rakan kongsi perniagaan.

Untuk semua usaha ini, TM telah diberi pengiktirafan baru-baru ini atas piawaian tadbir urus korporat kami yang tinggi apabila kami diumumkan sebagai satu-satunya penerima pengiktirafan *Top Transparency* di Anugerah Indeks Tadbir Urus Korporat Kumpulan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG)-ASEAN. Di samping menjadi syarikat tunggal yang dianugerah pengiktirafan Ketelusan Tertinggi, TM juga menjadi tumpuan utama kerana telah menerima lima anugerah, lebih daripada mana-mana syarikat di acara itu. Anugerah-anugerah itu adalah:*Top Corporate Governance* dengan skor 86.9%, Exemplary Annual General Meeting (AGM) Minutes, Exemplary Environment, Soial and Governance (ESG) Practices dan Industry Excellence in Telecommunications and Utilities.

Bagaimanapun, saat yang paling gemilang bagi kami pada tahun 2014 ialah apabila kami membawa pulang Trofi Rebutan kerana telah memenangi Anugerah Platinum bagi Anugerah Kecemerlangan Keseluruhan untuk Laporan Tahunan Terbaik sempenan Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2014. Ini adalah tahun kedua berturut-turut TM memenangi anegerah cemerlang ini, dan merupakan kali keempat dalam sejarah kami, di samping pada tahun 2013, 2011 dan 2006. Laporan Tahunan 2013 kami juga telah mencatat kemenangan dalam semua lima kategori utama di NACRA 2014 iaitu Anugerah Platinum untuk Kecemerlangan Keseluruhan bagi Laporan Tahunan Terbaik bagi Tahun, Anugerah Platinum untuk Kecemerlangan Industri bagi Syarikat di Papan Utama di bawah Kategori Dagangan dan Perkhidmatan untuk 18 tahun berturut-turut, Anugerah Platinum untuk Laporan Tahunan Terbaik dalam Bahasa Malaysia, Anugerah Platinum untuk Pelaporan Tanggungjawab Sosial Terbaik dan Anugerah Emas bagi Laporan Tahunan Dengan Direka Bentuk Terbaik.

Sebagai sebuah entiti penyenaraian awam, adalah menjadi amalan biasa bagi kami merangkumkan tadbir urus dalam operasi bagi memastikan kami terus meningkatkan nilai pelabur dan pihak berkepentingan. Semua anugerah ini bukan sahaja akan terus mengukuhkan kedudukan kami sebagai warga koporat contoh tetapi juga menjadi satu motivasi bagi Warga TM untuk meneruskan penghayatan nilai-nilai KRISTAL kami.

# Masa Depan Kami Dilakar Semula: Tanggungjawab Korporat dan Kelestarian

Dalam beberapa tahun yang lalu, TM terus menjalani transformasi menjadi sebuah syarikat dengan pertumbuhan yang mampan, dengan disokong oleh satu model perniagaan yang dinamik serta dipacu oleh tujuan. 2014 merupakan satu tahun yang progresif, ketika kami terus mengukuhkan nilai jangka panjang melalui inovasi demi menyampaikan penawaran yang menarik, yang selanjutnya menyumbang kepada pencapaian cita-cita menjadi Peneraju Pengintegrasian.

Di TM, tanggungjawab korporat (CR) dan Kelestarian merupakan cara kami mencapai piawaian etika yang lebih tinggi dan ekonomi, alam sekitar dan imperatif sosial yang seimbang bagi menangani kebimbangan serta harapan para pihak berkepentingan. Kelestarian merupakan asas untuk meningkatkan tanggungjawab operasi perniagaan yang kemudian diterjemahkan menjadi nilai jangka panjang kepada pihak berkepentingan dan kumpulan pihak berkepentingan lain secara amnya.

Rangka kerja untuk CR dan Kelestarian meliputi empat dimensi yakni tempat kerja, pasaran, masyarakat dan alam sekitar. Dua dimensi terakhir dibahagikan seterusnya kepada tunggak-tunggak Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) iaitu Pembangunan Masyarakat/Negara, Pendidikan dan Alam Sekitar.

Tadbir urus yang baik bergerak seiringan dengan pelaporan yang telus di mana TM telah menerbitkan Laporan Kelestarian berasingan sejak tahun 2008. Selaras dengan usaha-usaha berterusan untuk meningkatkan ketelusan, kami telah melaksanakan Garis Panduan Pelaporan Kelestarian generasi terkini yang dibangunkan oleh Global Reporting Initiatives (GRI), iaitu GRI G4. Selaras dengan itu, kami telah memperkenalkan kaji selidik materialiti pihak berkepentingan yang mengambil kira input daripada semua kumpulan pihak berkepentingan

yang terlibat dengan TM. Dengan memahami kebimbangan pihak berkepentingan, kami akan dapat mereka bentuk strategi ke hadapan dengan lebih baik lagi dalam cara yang boleh membawa nilai kepada mereka dan seterusnya kepada organisasi kami.

Tema Laporan Kelestarian (SR) 2014 iaitu "PENCETUS PERUBAHAN UNTUK KELESTARIAN" adalah seiring dengan tema "PENCETUS PERUBAHAN" Laporan Tahunan kerana operasi perniagaan dan kelestarian adalah saling berpaut secara intrinsik. Kelestarian menjadi punca asasi dalam pencetus perubahan model dan operasi perniagaan kami.

Terangkum dalam seksyen ini adalah sorotan perkembangan kelestarian utama pada tahun 2014. SR itu sendiri serta bab yang asing Laporan Tahunan ini memberi maklumat selanjutnya untuk diterokai mengikut keselesaan anda.

Seperti yang disebut awal tadi, kami amat berbesar hati kerana telah dianugerah dengan Anugerah Platinum NACRA 2014 untuk Laporan Tahunan Terbaik bagi kali keempat dalam sejarah kami. Yang menjadikannya lebih bermakna ialah selain daripada sejumlah lima anugerah, kami juga telah memenangi Anugerah Platinum bagi Pelaporan Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik bagi kali kedua, yang mengesahkan kerja dan fokus yang sentiasa dicurahkan oleh TM dalam usaha dan inisiatif kelestarian kami.

Di pasaran, CR ialah berkaitan dengan menilai impak produk dan perkhidmatan teras TM terhadap mesyarakat dan bagaimana kesemua itu disampaikan, perdagangan dan pengiklanan yang beretika serta cara Pengurusan berurusan dengan rakan kongsi perniagaan yang berkolaborasi dengan kami.

TM sudah sekian lama menjadi pemacu Program Pembangunan Pembekal (VDP). Sebenarnya, kami adalah antara GLC yang pertama yang menubuh dan melaksanakan program ini dengan fokus memberi sokongan kepada pembangunan mampan pembekal. Pada tahun 2014, penunjuk prestasi utama (KPI) kami merangkumi pembangunan peneraju Bumiputra. Sehubungan dengan ini, kami berusaha memantapkan pembekal kami dan meningkatkan keupayaan mereka untuk bersaing dalam pasaran. Lebih daripada 600 pembekal telah menerima manfaat daripada penyertaan mereka dalam program ini dan kami sedang bergerak ke fasa seterusnya iaitu mengkaji kemampanan para pembekal itu. Kami telah menetapkan sasaran untuk menganugerah 40.0% daripada kontrak kepada pembekal Bumiputra dan telah melangkaui sasaran dengan mencapai kadar 47.0%. Kami akan terus mempromosi segmen ini dengan usaha yang lebih tertumpu bagi meningkatkan kemahiran dan kompetensi mereka.

Sebagai sebahagian daripada Transformasi Pengurusan Pengalaman Pelanggan (CEMT), TM juga memberi tumpuan kepada peningkatan perkhidmatan pelanggan secara berterusan melalui kecemerlangan operasi dengan memanfaatkan Sistem Pengurusan Pasukan Kerja (WFMS) kami. Di bawah sistem ini, kami telah mengautomasikan aktiviti-aktiviti yang dahulunya telah dikendalikan secara manual dan telah berjaya mengurangkan kesilapan manusia dan kos pengurusan. Melalui sistem ini, kami menyediakan pengemaskinian secara dalam talian kepada pasukan pemasangan dan kontraktor-kontraktor lain bagj memudahkan kerja mereka serta meningkatkan kualiti perkhidmatan.

Kami mengakui bahawa kejayaan Syarikat bergantung kepada seramai lebih daripada 28,000 warga kerja di seluruh negara yang bertanggungjawab untuk memacu inovasi yang boleh mengekalkan TM sebagai peneraju dalam pasaran.Tahun ini bidang tumpuan utama penglibatan warga kerja merangkumi berdampingan dengan mereka di semua peringkat dalam organisasi, berkomunikasi mengenai peranan yang unik setiap warga kerja dalam memacu inovasi, dan menyumbang kepada perniagaan, melayani pelanggan dan masyarakat tempatan.

Kami telah menerima ganjaran yang amat dihargai apabila Kaji selidik My 1TM atau indeks penglibatan warga kerja telah mencatatkan skor setinggi 90% bagi empat tahun berturut-turut, iaitu empat mata peratus lebih tinggi daripada norma Global High Performing Companies (GHPC). Kami berharap dengan sesungguh hati bahawa paras penglibatan yang amat tinggi ini dapat diterjemahkan kepada prestasi dan produktiviti yang lebih tinggi.

Saya khususnya amat berbesar hati dan dengan rasa rendah diri dengan semangat kesukarelawanan dalam TM seperti yang dapat dilihat melalui platform TM Reaching Out Volunteers (TM ROVers). TM ROVers telah berkali-kali menjangkau masyarakat yang kurang mendapat perkhidmatan untuk memberi bantuan. Tahun ini mereka telah melampaui prestasi lalu dengan mengembeling tenaga untuk membantu mangsa-mangsa banjir besar yang melanda Pantai Timur. Mereka bukan sekadar memberi bantuan kepada rakan sekerja yang mengalami kerosakan harta benda yang besar disebabkan malapetaka itu, tetapi juga turut menghulur bantuan kepada seramai rakyat Malaysia yang boleh yang juga menjadi mangsa banjir. Lebih daripada 1,006 TM ROVers telah dikerah untuk misi bantuan banjir mulai Disember 2014 hingga Februari 2015.

Inisiatif-inisiatif seumpama ini memberi makna yang sama kepada warga TM seperti juga mereka yang menerima bantuan, dan telah menyumbang kepada pengiktirafan TM sebagai majikan pilihan. Baru-baru ini kami telah menambah lagi penghormatan yang diterima apabila dinobatkan 5 Syarikat Terbaik untuk bekerja di Asia pada Anugerah Kelestarian dan Kecemerlangan Korporat (ACES) 2014 yang dianjurkan oleh MORS Group Asia.

Anugerah ini diberi kepada syarikat yang mengambil pendekatan mengutamakan pekerja serta menunjukkan komitmen mantap terhadapmemperkasa dan memperkayakan pengalaman pekerja. Syarikat-syarikat yang menerima anugerah ini telah menunjukkan advokasi terhadap pelaburan dalam modal insan, pengiktirafan dan pengekalan, meningkatkan kepuasan kerja para pekerja, mengamalkan komunikasi saksama dan menggalakkan keseimbangan kerja dan kehidupan. Mereka juga mencatatkan kadar atrisi yang rendah, mempunyai sekumpulan besar bakat dan mengamal perkongsian pengetahuan di kalangan pekerja dan pihak berkepentingan.

Di bawah tunggak pendidikan, TM sudah mempunyai strategi kelestarian yang komprehensif dengan tumpuan utama terhadap membina keupayaaan melalui pendidikan. Pendekatan kami terhadap pendidikan dan pembangunan kemahiran mempunyai fokus yang pelbagai. Kami menjangkakan penembusan yang lebih mendalam dan fokus dalam pendidikan berkualiti melalui Yayasan Telekom Malaysia (YTM) dan cabang pendidikan kami, Universiti Multimedia (MMU) dan Kolej Multimedia (MMC) serta melalui Program Sekolah Anak Angkat kami.

TM adalah penaja perintis Program Robotik TM dalam kumpulan sekolah-sekolah PINTAR pada tahun 2014, di mana kami telah berkolaborasi dengan Sasbadi Sdn Bhd. Program ini menggalakkan kreativiti dan motivasi di kalangan penuntut yang merupakan elemen penting dalam Higher Order Thinking Skills (HOTS).

Di bawah tunggak Masyarakat/Pembangunan Negara, Program Sejahtera kami di Kelantan telah memberi bantuan kewangan kepada lima orang ibu tunggal untuk menyara keluarga serta memperbaiki kehidupan mereka. Ibu-ibu tunggal ini telah diberi latihan kemahiran asasi dan menghadiri bengkel keusahawanan di mana mereka mendapat pendedahan kepada perangkaian dan peluang-peluang perniagaan. TM telah memberi bantuan geran kecil untuk membolehkan mereka memula atau meningkatkan perniagaan di samping mendaftar anak-anak mereka yang layak di MMU atau MMC untuk meningkatkan potensi pendapatan

masa depan. Pada tahun 2014, tiga orang anak kepada ibu tunggal telah mendapat bantuan akademik di MMC dan seorang di MMU.

Dari segi merapatkan jurang digital, TM adalah rakan kongsi utama dan pemboleh USP melalui kerjasama dengan SKMM untuk menggalakkan ketersediaan dan penggunaan perkhidmatan rangkaian dan aplikasi secara meluas di seluruh Malaysia. Bermula dengan memberi tumpuan utama ke kawasan luar bandar, skop projek-projek ini kini merangkumi penyediaan infrastruktur, kabel dasar laut, WiFi hotspot, jalur lebar wayarles, telefon berbayar dan pusat jalur lebar masyarakat.

Akhir sekali di bawah tunggak Alam Sekitar, TM tetap komited dalam mengurus jejak alam sekitar semua operasi kami. Kami telah memanfaatkan infrastruktur IP E3 (efisien, efektif dan elastik) untuk meningkatkan efisiensi tenaga selanjutnya, dan dengan itu dapat mengurangkan pemancaran dan meningkatkan pemuliharaan sumber. Perlu disebut di sini bahawa pada tahun 2014, kami telah menetapkan sasaran untuk mengurangkan penggunaan sebanyak 20GWh/tahun untuk selama tiga tahun daripada garis asas baru sebanyak 612/2GWh pada tahun 2013. Langkah ini akan menghasilkan jumlah pengurangan sebanyak 60GWh menjelang 2016.

CR dan kelestarian telah dipacu di seluruh KumpulanTM. Kami terus menyaksikan sumbangan aktif daripada Bidang-bidang Perniagaan (LoB) dan anak-anak syarikat kami seperti Menara KL serta Muzium Telekom, dalam mengendalikan aktiviti pendidikan dan alam sekitar masing-masing dengan memberi penekanan terhadap sejarah dan warisan.

# Pendekatan Kami Diselaraskan: Prospek Untuk Tahun 2015

Pada tahun 2015, industri telekomunikasi Malaysia dijangka mencabar walaupun secara amnya adalah stabil. Dijangka bahawa persaingan yang semakin meningkat akan memberi tekanan ke atas margin keuntungan sementara pertumbuhan hasil akan terbatas kerana perkembangan pesat perkhidmatan data akan diimbangi oleh kejatuhan dalam hasil suara tradisional. Menurut Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), tahun 2015 dijangka merupakan tahun yang mencabar bagi ekonomi Malaysia dengan pertumbuhan KDNK benar diunjurkan sederhana kepada 5.0% bergantung kepada besarnya kadar naik turun harga minyak serta pergerakan ringgit berbanding mata wang rakan kongsi perniagaan utama kita. (sumber: Malaysian Economic Outlook, MIER, 28 Januari 2015). Perdana Menteri dalam ucapan semakan Bajet 2015 telah mengulangi unjuran ini, walaupun pertumbuhan KDNK yang dijangka telah diberi julat atau jurang yang lebih besar antara 4.5% hingga 5.5.%.

Bagi TM, kami mengalu-alukan persaingan sihat antara penggiat utama pasaran dan pada tahun 2015 kami bercadang hendak mengekalkan hala tuju wawasan kami yang telah ditetapkan dalam persekitaran yang semakin mencabar. Kami akan teguh menepati komitmen untuk meningkatkan gaya hidup jalur lebar bagi rakyat Malaysia, di samping memaksimumkan hasil daripada rangkaian HSBB yang sedia ada. Kami sedia mengalu-alukan tahun yang lebih mengujakan apabila kami membuka peluang-peluang baru untuk pertumbuhan melalui perkongsian dan inovasi, dan pada masa yang sama terus mengukuhkan asas kami dalam perkhidmatan keterhubungan.

Kami percaya terdapat potensi besar dalam *Internet-of Things* (IoT) seperti yang ditunjukkan oleh langkah kami baru-baru ini menceburi perkhidmatan pintar dengan memanfaatkan penyelesaian menegak hartanah di Nusajaya melalui perkongsian kami dengan UEM Sunrise Berhad dan Iskandar Investment Berhad. Di samping itu dengan terbentuknya Programe Pemecut Pusat Pertukaran Inovasi (IX), kami berhasrat hendak berkongsi sumber-sumber kami pada tahun akan datang sebagai menyokong ekosistem syarikat permulaan *(start-up)* Malaysia dengan membolehkan pembangunan penyelesaian kreatif dan inovasi untuk pertumbuhan industri dan negara.

TM akan terus fokus kepada pelaksanaan Program Peningkatan Prestasi (PIP) 3.0 dalam perjalanan transformasi yang berterusan ke arah menjadi Peneraju Berintegrasi, yang akan membolehkan Syarikat menepati janji 'Hidup Lebih Mudah" dan "Perniagaan Lebih Mudah" bersama TM.

Tertakluk kepada keadaan di luar jangkaan, Lembaga Pengarah meramalkan tahun 2015 sebagai tahun yang positif bagi Kumpulan.

# Penghargaan

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan iaitu para pelanggan, pemegang saham, rakan kerjasama dan rakan kongsi industri, pihak media dan media sosial atas sumbangan mereka yang amat bernilai kepada TM. Keyakinan dan kesetiaan anda menjadi asas untuk pertumbuhan dan kejayaan berterusan bagi kami.

Kepada Kerajaan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), penghargaan kami yang tidak terhingga atas peluang untuk terus menunjukkan komitmen terhadap matlamat bersama membawa negara ke satu tahap yang lebih tinggi lagi.

Akhir sekali, sempena tahun pertama menyertai TM, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih dari sanubari saya kepada keluarga besar – Pengurusan yang berkebolehan, Warga TM yang bertenaga, yang telah membuatkan saya berasa kehadiran saya amat dialu-alukan. Saya amat bertuah kerana dalam Lembaga Pengarah saya dikelilingi oleh individu-individu yang berkaliber tinggi, termasuk rakan sejawat sebelum saya, Dato' Sri Dr. Halim, yang telah membimbing Syarikat dengan kebijaksanaan dan integriti. Saya berharap dapat sama-sama mengadakan perbincangan secara aktif pada masa akan datang untuk membentuk masa depan Peneraju Berintegrasi kita dan merealisasikan "Hidup Lebih Mudah" kepada semua rakyat Malaysia.



**TAN SRI DATO' SERI DR SULAIMAN MAHBOB**
*Pengerusi*



# Hidup Lebih Mu

## PENERAJU PERK

B

**TAN SRI DATO' SRI ZAMZAMZAIRANI MOHD ISA**
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

dah

HIDMATAN
ERINTEGRASI

# PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

2014 merupakan tahun pencetus perubahan dari pelbagai sudut. Dalam persekitaran operasi dan pasaran yang mencabar, TM telah menyempurnakan pengambilalihan Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd (P1) pada 30 September 2014. Oleh yang demikian, kami sekali lagi telah mencetuskan perubahan kepada industri sejak pelancaran UniFi, iaitu perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) pertama negara pada tahun 2010. Peneraju Jalur Lebar Malaysia kini dikenali sebagai Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi Malaysia yang unggul.

Melalui P1, TM bersama rakan-rakan perkongsian akan memulakan pelaksanaan rangkaian teknologi tanpa wayar Evolusi Jangka Panjang (LTE) serta bertekad menyediakan perkhidmatan berintegrasi generasi akan datang. Kami percaya bahawa menyediakan penyelesaian mudah alih kepada pelanggan adalah suatu perkembangan semulajadi dalam proses TM untuk meneruskan perjalanan transformasi, dan selaras dengan evolusi industri yang menuju ke arah integrasi sebenar. TM berhasrat untuk melaksanakan perkhidmatan yang berintegrasi sebagai suatu pengalaman yang lancar melangkaui teknologi, produk dan perkhidmatan serta peranti – demi memperkaya, menambahbaik dan memberi kesan kepada kehidupan cara hidup semua rakyat Malaysia di mana-mana sahaja; lalu menepati janji kami menjadikan "Hidup dan Perniagaan Lebih Mudah".

Pelaburan TM dalam P1 dan pelancaran penawaran jalur lebar 4G TMgo pertama pada bulan Ogos 2014 adalah sebahagian daripada hala tuju kami ke arah menjadi penyedia perkhidmatan berintegrasi No. 1 negara. Usaha ini juga berpandukan aspirasi "Pusat Pertukaran Maklumat dan Inovasi" kami di samping membina kekuatan dan asas jalur lebar dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Berlatarbelakangkan ini, saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa TM telah mencapai prestasi yang mantap bagi tahun 2014. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2014, hasil Kumpulan telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.7% kepada RM11.24 bilion daripada RM10.63 bilion yang dicatatkan pada tahun 2013 sementara Keuntungan Bersih Kumpulan Dinormalisasi atau Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) adalah sebanyak RM941.2 juta. Kami telah mencapai skor indeks kepuasan pelanggan TRI*M lebih daripada 72 iaitu lebih tinggi daripada skor purata telco global sebanyak 68. Sebenarnya kami telah melampaui purata industri secara konsisten sejak kami mula merakam skor TRI*M pada tahun 2011, satu pencapaian yang amat kami banggakan lebih-lebih lagi kerana pengalaman pelanggan merupakan titik tumpuan utama kepada apa yang kami lakukan.

**Ciptaan nilai pemegang saham yang mampan tetap menjadi keutamaan** organisasi kami dan kami kekal komited terhadap polisi dividen kami.

**KEUNTUNGAN KUMPULAN**

**RM 11.24 bilion**

**direkodkan pada tahun 2014**

# "HIDUP DAN PERNIAGAAN LEBIH MUDAH" DENGAN TM

Kepada pemegang-pemegang saham kami yang setia serta kepercayaan mereka terhadap TM dan komitmen kami untuk mencipta nilai yang mampan, TM kini mencadang dividen akhir sebanyak 13.4 sen sesaham, tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang. Bersama dengan dividen interim sebanyak 9.5 sen sesaham berjumlah RM348.4 juta yang telah dibayar pada Oktober 2014, jumlah keseluruhan bayaran dividen akan menjadi 22.9 sen sesaham atau RM846.8 juta.

Tema Laporan Tahunan 2014 TM adalah PENCETUS PERUBAHAN – di mana ilham rekabentuk serta pengalaman penerbitan kami juga turut merangkumi konsep ini. Buat pertama kalinya Laporan Tahunan ini mengandungi ciri-ciri inovasi penambahan realiti yang dibangunkan oleh TM R&D dengan nama AURA, di mana anda akan dapat menikmati video iklan kami yang terkini "Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi", dengan mengimbas peranti mudah alih anda di muka depan Laporan Tahunan serta siri klip-klipnya pada halaman-halaman terpilih dalam laporan ini. Ini adalah tambahan kepada versi e-buku Laporan Tahunan dan Laporan Kelestarian kami. Untuk kedua-dua AURA dan e-buku, anda perlu muat turunkan aplikasi (apps) yang berkaitan terlebih dahulu, yang terdapat dalam Apps Store pada peranti *iOS* atau *Google Play* pada peranti *Android*.

'Pencetus Perubahan' telah dipilih bukan sahaja ia dapat menggambarkan dengan terbaik tahun yang baru kami lalui, tetapi yang lebih penting, ia adalah pencetus kepada perubahan pemikiran warga TM untuk bertindak, dalam usaha kami mengubah budaya dan cara kerja operasi harian kami. Ianya merupakan satu kepuasan kepada kami untuk sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik demi kebaikan pelanggan, dan kepada seluruh pihak berkepentingan kami – kerana kami amat berbangga menjadi sebahagian daripada perubahan ini.

## Prestasi Mantap Tahun 2014

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, hasil Kumpulan TM telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.7% kepada RM11.24 bilion daripada RM10.63 bilion yang dicatatkan pada tahun 2013, didorong oleh peningkatan hasil Internet, Data dan Perkhidmatan Lain yang secara kolektifnya mewakili 69.1% daripada hasil Kumpulan – satu peningkatan yang ketara daripada paras hampir 66% pada tahun 2013.

Keuntungan Operasi Kumpulan (Perolehan Sebelum Faedah dan Cukai (EBIT)) bagi TK 2014 adalah sebanyak RM1.29 bilion, menyusut sebanyak 5.7% daripada RM1.37 bilion yang dicatatkan pada TK 2013. Dengan tidak mengambil kira butiran sekali gus seperti pelan persaraan awal opsyenal (Skim MESRA), EBIT Kumpulan Dinormalisasi mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.0% kepada RM1.30 bilion berbanding RM1.36 bilion yang dicatatkan pada tahun 2013.

Keuntungan Kumpulan Sebelum Cukai Yang Dilaporkan (PBT) adalah lebih tinggi sebanyak 5.7% tahun ke tahun kepada RM1.11 bilion berbanding dengan RM1.05 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 2013, didorong oleh hasil operasi yang lebih tinggi.

Perolehan Sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai dan Pelunasan (EBITDA) bagi tahun kewangan 2014 adalah 2.9% lebih tinggi sebanyak RM3.64 bilion berbanding dengan tahun tahun kewangan 2013.

Keuntungan Bersih Kumpulan Yang Dilaporkan atau Keuntungan Bersih Kumpulan Dinormalisasi atau Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) adalah sebanyak RM831.8 juta disebabkan oleh tiada insentif cukai untuk Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) pada tahun 2014. PATAMI Kumpulan Dinormalisasi kekal sebanyak RM941.2 juta.

TM juga telah meningkatkan nisbah perbelanjaan modalnya (CAPEX) dengan hasil sebanyak 16.3% berbanding 17.5% bagi tahun kewangan 2013 di mana jumlah CAPEX yang dibelanja bagi tahun kewangan 2014 adalah sebanyak RM1.84 bilion.

Pada tahun 2014, kami telah mengumumkan sasaran tiga Penunjuk Prestasi Utama (KPI) yang merangkumi pertumbuhan hasil sebanyak 5.0 hingga 5.5%, pertumbuhan EBIT sebanyak 5.0% dan skor kepuasan pelanggan berdasarkan indeks TRI*M sebanyak 72. Kesemua KPI ini telah ditetapkan sebelum pelaburan dan penggabungan P1 ke dalam Kumpulan TM. Berasaskan itu, dengan tidak mengambil kira impak P1, kami telah mencapai ketiga-tiga KPI tersebut. Pertama, hasil Kumpulan TM telah meningkat sebanyak 5.3% berbanding tahun 2013. Kami juga telah mencatatkan pertumbuhan EBIT Dinormalisasi hampir sebanyak RM1.43 bilion dan dari segi pengukuran prestasi pengalaman pelanggan, kami telah mencapai skor indeks TRI*M lebih daripada 72, seperti yang dinyatakan awal tadi.

Dari segi prestasi, 2014 merupakan tahun yang mencerminkan pencapaian yang pelbagai, mengujakan dan penuh dengan cabaran. Meskipun persekitaran operasi semakin mencabar, kami telah berjaya memberikan hasil dan keputusan yang mantap.

Ciptaan nilai pemegang saham yang mampan kekal menjadi keutamaan organisasi dan kami tetap komited kepada polisi dividen kami. Pada Oktober 2014, kami telah membayar dividen interim sebanyak 9.5 sen sesaham berjumlah RM348.4 juta. TM turut mencadangkan dividen akhir sebanyak RM13.4 juta sesaham berjumlah RM498.4 juta. Ini menjadikan jumlah pembayaran bersih bagi tahun kewangan 2014 kepada 22.9 sen sesaham atau sebanyak RM846.8 juta. Sekali lagi kami telah menepati komitmen dividen tahunan kepada pemegang saham seperti yang dijanjikan sejak tahun 2008.

## Pencetus Perubahan: Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi Menjadikan "Hidup Lebih Mudah"

Dalam pada TM menumpukan perjalanan transformasi kami ke arah menjadi Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi dan Penyedia Perkhidmatan Komunikasi Berintegrasi No.1, kami terus membina asas sebagai Peneraju Jalur Lebar Malaysia. Tahun lalu, bilangan pelanggan jalur lebar kami telah meningkat kepada 2.23 juta pelanggan. Sukacita saya maklumkan bahawa semakin ramai pelanggan melanggani pakej jalur lebar berkelajuan tinggi 4Mbps dan ke atas. Ini menjadikan 48.0% atau lebih daripada 1.1 juta pelanggan kami kini menjadi pengguna jalur lebar berkelajuan tinggi. UniFi terus mencatatkan pertumbuhan yang mantap sebanyak 14.8%, meningkat kepada 729,000 pelanggan pada akhir tahun 2014. Sehingga kini, kami mempunyai lebih daripada 750,000 pelanggan UniFi, bersamaan dengan kadar langganan lebih kurang 45.0%. Hasil Purata Setiap Pengguna (ARPU) adalah lebih tinggi disebabkan oleh kejayaan aktiviti peningkatan jualan dan pembelian kandungan HyppTV.

TM turut memperkenalkan sebahagian produk dan perkhidmatan untuk merealisasikan sasaran "Hidup Lebih Mudah" dan "Perniagaan Lebih Mudah" bagi kepada pelanggan kami selaras dengan tahun Pencetus Perubahan.

Antara kejayaan utama pada tahun 2014 ialah pelancaran perkhidmatan tanpa wayar 4G kami yang pertama iaitu TMgo dengan menggunakan teknologi LTE yang menawarkan jalur lebar berkelajuan tinggi kepada pelanggan di kawasan-kawasan yang sukar menerima liputan. Buat masa ini, usaha tersebut bukan sebahagian daripada kolaborasi kami dengan P1 malah ia merupakan pembaharuan rangkaian teknologi Kod Pembaharuan Pelbagai Akses (CDMA) kami dan ia juga sebahagian daripada arah tuju kami menjadi Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi. Di samping lokasi-lokasi terpilih di Kedah dan Melaka, kami telah meluaskan liputan perkhidmatan TMgo ke Gerik, Perak dengan tujuan mencapai kira-kira 280 lokasi di kawasan kurang menerima liputan di seluruh negara tahun ini. Pusat Pengalaman TMgo pertama di Gerik telah diperkenalkan sebagai sebahagian daripada usaha membawa pengalaman jalur lebar 4G kepada masyarakat setempat serta meningkatkan kesedaran orang ramai tentang penawaran perkhidmatan TMgo kami.

Pada Jun 2014, kami juga melancarkan perkhidmatan aplikasi mesej mudah alih dan suara pertama iaitu HyppMe, yang menandakan kehadiran TM ke landskap komunikasi telefon pintar.

Kami terus menambah penawaran kandungan baru yang bertujuan memberi lebih nilai kepada pelanggan dan meningkatkan pengalaman tontonan TV sekeluarga. Ini adalah bukti kepada usaha berterusan kami untuk menyediakan kandungan terbaik bagi memuaskan keperluan dan pilihan pelanggan yang semakin meningkat, sama ada untuk hiburan, didikhiburan *(edutainment)* atau sukan.

### Fakta Sekilas Pandang

**Peningkatan 5.7%**
**Hasil Kumpulan berbanding TK2013**

**5.7% tahun ke tahun**
**Keuntungan Sebelum Cukai Kumpulan**

**>72 TRI*M**
**Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI)**

HyppTV kini menawarkan sebanyak 121 saluran dengan 44 saluran dalam Berdefinisi tinggi (HD), terdiri daripada 56 saluran premium, 22 saluran percuma, lima saluran radio, 16 saluran video-on-demand (VOD) dan 22 saluran interaktif merangkumi pelbagai pakej mampu milik atau melalui pilihan ala-carte. HyppTV dipacu oleh perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi TM, iaitu UniFi dan Streamyx 4Mbps dan 8Mbps, yang boleh ditontoni dalam apa jua keadaan cuaca melalui pakej-pakej perniagaan dan kediaman.

Melalui HyppTV, TM turut melancarkan HyppSensasi (boleh didapati melalui Saluran 116) iaitu saluran hiburan am keluaran tempatan pertama dengan menawarkan program-program berbahasa Malaysia dalam bentuk HD. Kami juga telah bergabung dengan sebuah syarikat pengeluaran tempatan terulung untuk membawa filem *blockbuster* tempatan yang terbaik dan terkini kepada pelanggan HyppTV melalui saluran VOD kami, HyppFlicks+. Pada bulan Julai, kami telah melancarkan kandungan *Islam On Demand* – saluran *AlHijrah On Demand* yang menyediakan kandungan bercirikan Islamik yang berkualiti dalam HD buat kali pertama di platform ini.

TM kini sedang menawarkan peluang kepada pelanggan UniFi dan Streamyx untuk meningkatkan kelajuan jalur lebar supaya dapat menikmati pengalaman Internet dan hiburan keluarga yang dipertingkatkan melalui promosi terkini, iaitu "Ja-Jumbo Deal". Di bawah promosi ini, pelanggan baharu yang melanggani HyppTV Jumbo Pack boleh meningkatkan kelajuan jalur lebar mereka sehingga 20Mbps sambil dapat menikmati 31 saluran Premium dan tujuh saluran VOD, serta 21 saluran percuma, yang memaparkan saluran-saluran Hiburan, Berita, Kanak-kanak, Sukan dan Gaya Hidup HyppTV yang terbaik. Di samping Jumbo Pack, TM juga memperkenalkan dua pakej vernakular yang mensasarkan penonton Melayu dan India iaitu HyppTV Anika Pack dan HyppTV Varnam Pack, baru-baru ini.

TM juga menawarkan HyppTV kepada orang ramai melalui aplikasi mudah alih *HyppTV Everywhere* baru. Ini membolehkan pelanggan menggunakan peranti mudah alih mereka untuk menikmati saluran eksklusif bertaraf antarabangsa pada platform HyppTV di mana-mana dan pada bila-bila masa walaupun mereka tidak melanggani pakej UniFi dan Streamyx TM. Aplikasi mudah alih ini membolehkan pendaftaran "dalam app" atau *"in-app"* melalui nombor telefon mudah alih, alamat emel atau Facebook. Aplikasi ini boleh dimuat turun di Google Play untuk pengguna *Android* dan di *Apple App Store* untuk pengguna *iOS*.

Di samping penawaran produk dan perkhidmatan pengguna yang inovatif bagi meningkatkan pengalaman integrasi "Hidup Lebih Mudah", TM melalui perkongsian strategik berusaha menyediakan penyelesaian inovatif kepada pelanggan-pelanggan perniagaan. Meneruskan aspirasi "Perniagaan Lebih Mudah" untuk menjadi rakan kongsi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) pilihan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan perniagaan di Malaysia, kami terus membantu PKS mencapai prestasi lebih baik dengan memperkenalkan beberapa alat komunikasi dan penyelesaian dengan kos efektif seperti penyelesaian pembayaran *Shop-in-a-Box Surepay* dan *Surepay Point of Sales* (POS). Anak syarikat ICT-Penyumberluaran Proses Perniagaan (BPO) kami VADS telah menyertai satu perkongsian untuk membolehkan penyampaian perkhidmatan awan yang pantas kepada PKS. VADS kini berupaya menyediakan penyelesaian dengan memperuntukkan dan menyediakan bil platform Office 365 secara pantas serta digabungkan dengan mana-mana perkhidmatan awan tambahan yang dirancang untuk masa hadapan.

Kami juga telah mengembangkan Hospitality Entertainment Solution (HES) ke Sarawak. Penyelesaian semua-dalam-satu ini sebagai peneraju perubahan dalam industri hospitaliti, dan ia bukan sahaja meningkatkan pengalaman tetamu hotel malah lebih penting, meredakan kebimbangan pengurusan teknikal pihak hotel. Penyelesaian ini turut menyediakan Internet jalur lebar berkelajuan tinggi dan akses WiFi melalui rangkaian DOME kami, hiburan bertaraf dunia melalui HyppTV serta Pusat Panggilan dan sokongan pelanggan 24/7. Ringkasnya, hotel-hotel kini boleh memberi tumpuan kepada operasi perniagaan mereka iaitu menyediakan keselesaan dan hospitaliti kepada tetamu mereka dan TM akan menguruskan yang selebihnya.

Pada Jun 2014, TM telah melancarkan perkhidmatan Awan Persendirian Maya atau *Virtual Private Cloud* (VPC) yang pertama untuk memenuhi keperluan perusahaan besar terhadap penyelesaian pengkomputeran awan yang fleksibel dan khusus, tanpa perlu pelaburan pendahuluan yang besar atau sumber-sumber tenaga kerja yang mahir. Kami juga telah menubuhkan sebuah syarikat usahasama dengan UEM Sunrise dan Iskandar Investment Berhad untuk membentuk dan membina infrastruktur serta menyediakan perkhidmatan bandaraya pintar di Nusajaya. Ini merupakan bukti sokongan dan komitmen kami ke arah merealisasikan aspirasi Nusajaya Pintar dan Terhubung, dan seterusnya mengukuhkan kedudukan kami sebagai penyedia perkhidmatan ICT dan telekomunikasi terulung di Malaysia.

TM juga memainkan peranan penting dalam menerajui perubahan industri penyiaran Malaysia. Pada November 2014, kami telah menandatangani perjanjian mercu tanda dengan MYTV Broadcasting Sdn Bhd (MYTV) yang akan mempelopori transformasi digital di landskap penyiaran Malaysia. Kolaborasi ini akan memastikan insfrastruktur dan perkhidmatan sokongan yang perlu disediakan bagi memastikan kelancaran dan kejayaan pelaksanaan projek transformasi Televisyen Terestrial Digital (DTT). Ini akan membantu dalam merealisasikan wawasan negara dalam menubuhkan sektor penyiaran yang dinamik dengan menawarkan lebih banyak pilihan dalam hiburan, TV interaktif serta program-program bermaklumat yang berkualiti tinggi.

Bagi TM, menjadi Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi bermakna menunaikan janji jenama kami "Hidup dan Perniagaan Lebih Mudah". Yang menjadi titik tumpuan utama janji ini sememangnya adalah pelanggan dan pengalaman pelanggan kami.

Pada tahun 2014, kami melancarkan program Transformasi Pengalaman Pelanggan jangka panjang untuk terus meningkatkan budaya mengutamakan pelanggan dalam organisasi. Dengan memberi tumpuan kepada perjalanan pelanggan yang menyeluruh, inisiatif ini bertujuan memastikan interaksi yang berkualiti pada setiap titik sentuhan, daripada saluran jualan kepada perkhidmatan pelanggan kami, operasi rangkaian malahan rakan kongsi sah kami. Pada dasarnya, program ini beraspirasi untuk membawakan anjakan set minda di kalangan warga TM supaya pelanggan menjadi titik tumpuan utama bagi segala yang dilakukan oleh organisasi. Ini memberikan kesedaran kepada setiap warga TM memikirkan semula cara organisasi mengendalikan urusan dan menyusun semula proses-proses kami untuk memacu produktiviti, kecekapan dan keberkesanan operasi dan seterusnya menyampaikan nilai terbaik kepada pelanggan.

Satu contoh penting bagaimana TM telah melaksanakan perubahan untuk meningkatkan kecekapan operasi ialah melalui automasi dan pengoptimuman. Satu sistem pengurusan pasukan pekerja (WFMS) dengan kod nama SWIFT telah diperkenalkan untuk mengautomasikan kebanyakan proses penyampaian perkhidmatan supaya dapat bertindak balas dengan lebih pantas terhadap permintaan untuk pemasangan atau pemulihan, serta mencapai kaedah "lakukan dengan betul kali pertama" dalam pelaksanaan tugas. Sistem ini telah dibangunkan secara dalaman oleh Telekom Research & Development (TM R & D) sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memacu inovasi perniagaan. Kami amat

teruja apabila melihat sistem ini telah dapat meningkatkan produktiviti anggota lapangan setinggi 25.0%.

Saluran penglibatan media sosial yang mantap seperti @TM Corp, @TMConnects, Team Malaysia dan Everyone Connects, antara lain, terus meningkatkan penglibatan pelanggan. Pada tahun 2014, kami melaksanakan mekanisme sistematik *Voice of Customers* untuk memberi maklum balas terhadap interaksi mereka dengan TM. Inisiatif ini telah dirintis di Koridor Raya Multimedia (MSC) dengan penarafan pelanggan terhadap prestasi pemulihan perkhidmatan kami – keputusannya membolehkan kami lebih memahami kebimbangan pelanggan dan dengan itu memperbaiki sebarang kelemahan melalui latihan dan proses-proses yang dimantapkan secara berterusan.

Sepanjang tahun 2014, TM telah mencapai kemajuan besar dari segi penyampaian perkhidmatan yang menyeluruh, kecekapan operasi yang lebih tinggi, pengalaman perkhidmatan yang lebih baik dan produktiviti organisasi yang dipertingkatkan. Apabila digabungkan, kesemua pencapaian ini telah membantu meningkatkan prestasi kami serta membina momentum untuk perjalanan transformasi yang sedang berlangsung ini. Segala usaha kami sekali lagi telah diiktiraf apabila TM mencapai satu lagi skor yang melebihi 72 dalam indeks kepusan pelanggan TRI*M, dan memenuhi KPI kami untuk tiga tahun berturut-turut.

Selain produk dan perkhidmatan, TM menawarkan diri sebagai platform pilihan untuk para pencipta dan pembangun kandungan dengan tujuan untuk memenuhi permintaan yang meningkat terhadap data dan aplikasi serta perkhidmatan yang didorong oleh penembusan Internet dan percambahan platform. Oleh itu, TM telah menubuhkan manifestasi fizikal bagi konsep "Pusat Pertukaran Inovasi" kami dengan dua objektif utama: merangsang dan menyemai inovasi, kreativiti dan keusahawanan dalam TM serta memanfaatkan peluang-peluang pasaran dalam ekosistem inovasi. Kami berada pada kedudukan yang unik untuk memanfaatkan sumber-sumber kami iaitu TM R & D, MMU serta rangkaian sekutu strategik industri yang kukuh dan telah menubuhkan satu rangka kerja dan program pemecut. Tujuannya bukan sekadar hendak memacu inovasi dalam organisasi tetapi mendapat manfaat daripada ekosistem inovasi secara amnya.

Melalui Pusat Pertukaran Inovasi (TM IX), kami melengkapi rantaian nilai inovasi dengan memberi akses kepada syarikat-syarikat permulaan *(startups)*, Vendor Perisian Bebas (ISV) dan usahawan-usahawan yang berusaha untuk melancar dan meningkatkan produk-produk mereka. Rangka kerja ini dipacu melalui empat ciri: Ruang Kolaborasi, Petunjuk Inovasi, Alat Pembangun dan Perkongsian. Sila rujuk kepada rencana di halaman 190 hingga 193 untuk butiran lanjut.

TM IX telah mencatat namanya dalam ekosistem inovasi melalui penyertaan dalam acara-acara utama yang dianjurkan oleh para penggiat inovasi lain pada tahun 2014. Yang wajar diberi perhatian ialah pasukan MMU di mana mereka adalah antara lima peserta akhir di *Imagine Cup Malaysia* bersama Microsoft, dan telah memenangi *Angelhack Kuala Lumpur*. Pasukan yang memenangi *Angelhack* akan selanjutnya bertanding di peringkat antarabangsa di Silicon Valley.

Di samping itu, anak syarikat milik penuh kami TM R & D telah memenangi Anugerah Pengerusi di Anugerah *Information Technology Services Alliance* (WITSA) *Global ICT Excellence Awards* yang dianjurkan sempena Kongres Teknologi Maklumat Global (WCIT) di Guadalajara, Mexico. Kemenangan itu adalah berdasarkan Advanced Internet Lighting Application (AILA) yang inovatif yang berkeupayaan menyediakan Internet jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan cahaya sebagai medium alternatif dan pelengkap kepada komunikasi tanpa wayar yang sedia ada. Dengan menggunakan teknologi Diod Pancaran Cahaya (LED), AILA merupakan penyelesaian keterhubungan peringkat akhir yang memberikan tenaga yang efisien dengan keupayaan pencahayaan dan komunikasi. Anugerah Pengerusi mengiktiraf produk teknologi dan ICT yang paling cemerlang yang memberi manfaat kepada masyarakat. Pengiktirafan ini benar-benar merupakan satu penghormatan yang amat tinggi bukan sahaja bagi kami di TM tetapi juga bagi Malaysia.

Satu lagi pergerakan penting TM sebagai pencetus perubahan bergerak dengan caranya yang tersendiri. Dilancarkan pada April 2011, Team Malaysia adalah kempen TM yang paling utama dan unik yang memperjuangkan kebanggaan negara melalui sukan dan menggerakkan sokongan daripada 29 juta penduduk Malaysia untuk pasukan kebangsaan. Tujuannya ialah untuk merangsang mereka ke arah mutu permainan yang lebih tinggi demi mencapai prestasi yang lebih baik. Team Malaysia bertujuan untuk menggerak, menyusun dan merangsang penyokong sukan Malaysia serta para ahli sukan lelaki dan wanita kita. Kebanggaan, keghairahan dan cinta terhadap sukan menjadi intipati Team Malaysia sementara janjinya "Menyatukan Semangat Kami" mencerminkan penyatuan matlamat, kepentingan dan aspirasi bersama rakyat Malaysia dari segenap lapisan masyarakat terhadap sukan. Pada tahun 2014, larian *Fan Run* tahunan yang popular telah mencatatkan satu lagi pencapaian pertama melalui kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan dalam kempen *Fit Malaysia* yang julung kali diadakan. Lebih daripada 8,000 pelari telah telah menyertainya dengan memakai jersi eksklusif belang harimau Team Malaysia direka semula sebagai pakaian larian mereka.

Antara inisiatif melalui Team Malaysia, ialah penerbitan rancangan televisyen realiti, Mencari Ramli (MR) yang diilhamkan melalui iklan televisyen terkenal TM pada tahun 2013 yang mengisahkan seorang pemain bola sepak yang berjaya mencapai kecemerlangan dalam Liga Perdana Inggeris. Sejak itu, TM telah menjelajah ke seluruh negara dengan memberi peluang kepada setiap remaja yang layak untuk mencontohi "Ramli" dan memenuhi impian mereka. Musim Ketiga pada tahun 2014 telah menyaksikan enam pemenang yang berbakat dipilih, tiga pemain masing-masing dalam kategori Bawah 14 tahun dan Bawah 16 tahun.

Sebagai pemenang MR Musim 3, mereka telah menyertai sesi bimbingan bola sepak yang intensif di Manchester United Soccer School (MUSS) yang terkenal di dunia serta berpeluang menyaksi Manchester United beraksi di Old Trafford. Peluang lumayan ini telah diperolehi melalui perkongsian antara TM dengan Manchester United di mana TM adalah rakan kongsi Telekomunikasi Bersepadu Rasmi Manchester United di Malaysia.

Kesemua di atas menunjukkan aspirasi Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi TM dalam menyampaikan "Hidup dan Perniagaan Lebih Mudah" dengan tujuan yang lebih tinggi yang melampaui teknologi, produk dan perkhidmatan serta peranti – untuk memperkaya, memperbaiki dan memberi kesan kepada kehidupan rakyat Malaysia dan masyarakatnya di mana-mana saja.

## 1TM: Satu Pasukan Pencetus Perubahan

Potensi peneraju sesebuah syarikat serta kemampanan prestasinya hanya dapat dicapai melalui set minda pasukan anggota kerjanya. Justeru itu adalah amat penting bagi TM untuk menyemai budaya inovasi di tempat kerja.

Pelbagai inisiatif pencetus perubahan telah diwujudkan bagi menggalakkan perilaku kerja yang menyepadukan harapan perniagaan serta warga kerja. Ini merangkumi falsafah "Kerja – Hidup Lebih Mudah" kami untuk memperbaiki produktiviti dan kemampanan perniagaan dan pada masa yang sama menyokong TM ke arah tiga pencapaian utama dari segi pembangunan

sumber manusia dan barisan kepimpinan serta peningkatan produktiviti pasukan kerja untuk memastikan TM kekal sebagai majikan pilihan.

Pada tahun 2014, bakat di seluruh organisasi telah terlibat dalam projek *"needle moving"* sebagai platform yang membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih aktif dan signifikan dalam perniagaan untuk mendedah potensi kepimpinan mereka. Mereka sudah pun dikenalpasti sebagai eksekutif muda berpencapaian tinggi di bawah *Fast Track Programme (FTP)* di mana mereka menghadiri program pembangunan yang giat lagi mudah cara bagi meningkatkan mobiliti dan ketangkasan mereka dalam memainkan peranan di bahagian-bahagian berlainan, di samping menyediakan mereka untuk menjadi pemimpin yang serba boleh.

Di samping itu, pada tahun 2014, lebih daripada 200 pengurusan kanan telah menghadiri Program Kepimpinan Perniagaan TM, sementara sebilangan kecil yang terpilih telah menghadiri program eksekutif di sekolah-sekolah perniagaan terkemuka serta program-program anjuran TalentCorp Malaysia. Melalui program ini, pembimbing perniagaan eksekutif telah ditugaskan untuk memimpin dan menilai tahap peningkatan prestasi mereka. Sebilangan anggota kerja telah juga dihantar untuk bertugas di agensi-agensi Kerajaan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan TalentCorp.

Barisan kepimpinan tetap komited dan meneruskan perjuangan dengan Warga TM melalui pelbagai platform seperti Turun Padang, Jom Bersama, Konvensyen *Business Kick-Off* dan Program Jelajah, sesi Teh Tarik, Majlis Zon Perniagaan (ZBC), *Amazing Race* dan Kempen *'I Love TM'*.

Semua program pembangunan dan inisiatif insan telah dirangsang oleh semangat *'Teaming with Passion'* (TWP) dengan berpandukan nilai-nilai teras KRISTAL kami iaitu Komitmen Menyeluruh Terhadap Pelanggan, Kewibaan Tanpa Kompromi dan Hormat dan Prihatin; dan dibina di sekitar sifat-sifat Kompetensi Kepimpinan SUCCESS yang merangkumi Kecemerlangan Perkhidmatan, Perpaduan dan Kerja Berpasukan, Memupuk Kolaborasi Dengan Pihak Berkepentingan, Memangkin Perubahan, Mendukung dan Mengasuh Minda Bakat, Berusaha Mencapai Keputusan dan Berminda Strategik dan Keusahawanan.

Kami percaya dengan menawarkan persekitaran kerja yang bukan sahaja memperkasakan kecemerlangan tetapi juga menginspirasikan semangat bekerjasama dan kesetiaan untuk memotivasikan prestasi kerja ke tahap optimum. Ini dicapai dengan memberi penghargaan dan sumbangan kepada setiap anggota kerja, melibatkan mereka secara positif dan memberi pengiktirafan kepada jasa dan pengorbanan mereka. Malam Anugerah Tahunan TM, Anugerah KRISTAL dan Warisan Kasih adalah bukti kepada inisiatif ini. Di samping itu, menyedari bahawa anggota kerja mempunyai kehendak dan harapan yang berbeza, kami telah memperkenalkan satu *Flexi Plan* pada tahun 2014 yang merangkumi faedah teras dan pilihan.

Kami berbesar hati bahawa TM telah diberi penghormatan dalam beberapa bentuk anugerah pembangunan sumber manusia. Ianya telah dianugerahkan sebagai *Top 5 Companies to Work for in Asia* pada tahun 2014, Anugerah *Asia's 50 Best Employer Brand Awards 2014* dan *Top 10 Preferred Employers in Malaysia 2014*.

Bagaimanapun pengiktirafan yang paling bermakna yang diterima oleh TM ialah pengakuan dan undi kepercayaan tahunan yang diberikan oleh warga kami sendiri. Kaji selidik My1TM 2014 atau Indeks Penglibatan Anggota yang dilakukan pada tahun 2014 telah mencatatkan skor setinggi 90.0% bagi tahun keempat berturut-turut, iaitu empat mata peratus lebih tinggi daripada norma Syarikat-Syarikat Global Berprestasi Tinggi (GHPC).

Pengiktirafan-pengiktirafan ini sebenarnya mencerminkan Warga TM yang berdedikasi dan tenaga serta dorongan yang mereka curahkan terhadap kerja mereka, setiap hari. Kami mengakui bahawa adalah menjadi satu tanggungjawab dan peranan yang unik yang kami pikul secara kolektif sebagai anggota TM, kerana ia adalah lebih daripada sebuah syarikat bagi kami. TM adalah sebuah institusi yang berkhidmat untuk negara, menjadikan hidup semua rakyat Malaysia lebih mudah.

# Bergerak Lebih Pantas: Melabur untuk Pertumbuhan, Membentuk Masa Depan

Cita-cita TM untuk menjadi Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi dan menyampaikan "Hidup dan Perniagaan Lebih Mudah" adalah berpandukan strategi yang berpandukan wawasan Pusat Pertukaran Maklumat dan Inovasi: dan kami tetap menepati arah tuju itu melalui Program Peningkatan Prestasi (PIP) 3.0 dengan ciri-ciri yang merangkumi pertumbuhan berterusan, kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi serta pembangunan institusi.

Perniagaan teras kami terutamanya adalah penawaran perkhidmatan suara, data dan Internet talian tetap yang telah berkembang ke bidang mudah alih, ICT, kandungan dan aplikasi untuk memacu pertumbuhan dan memperbaiki pengalaman pelanggan. Pada masa hadapan, Pusat Pertukaran Maklumat (infrastruktur, platform dan keterhubungan) akan terus menjadi tumpuan teras kami, dilengkapi dengan usaha-usaha Pusat Pertukaran Inovasi (kandungan, aplikasi, peranti), serta memanfaatkan inovasi syarikat permulaan tempatan, ekosistem inovasi global dan peluang-peluang inovasi dalaman.

Landskap ekonomi dan pasaran juga penuh dengan cabaran. Pada tahun 2015, dengan kelembapan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dijangkakan antara 4.5% – 5.5% *(sumber: Semakan Bajet 2015 – Ucapan oleh Perdana Menteri Malaysia)*, pertumbuhan industri telco dijangka menjadi perlahan. Bagaimanapun, pertumbuhan masih dijangkakan dalam pasaran mudah alih disebabkan peluang-peluang dalam LTE, dengan Kadar Pertumbuhan Tahunan Kompaun industri sebanyak 5.8% bagi 2013 – 2017 *(sumber : IDC)*. TM memang berada pada kedudukan yang kukuh dengan pengambilalihan P1.

TM juga percaya bahawa terdapat potensi besar dalam *Internet of Things (IoT)* seperti yang ditunjukkan oleh usaha kami baru-baru ini ke arah e-perkhidmatan pintar dengan memanfaatkan penyelesaian khusus hartanah

di Nusajaya melalui perkongsian kami dengan UEM Sunrise Berhad dan Iskandar Investment Berhad untuk mereka bentuk, membina dan menyediakan perkhidmatan bandaraya pintar.

Berpegang kepada janji "Hidup dan Perniagaan Lebih Mudah" untuk para pelanggan kami, pelbagai pelan yang hebat akan dilaksanakan untuk meningkatkan penawaran kami terhadap Pasaran Massa (Pengguna dan PKS) beserta dengan penyelesaian teras dan khusus dalam segmen Akaun Terurus (Kerajaan dan Keusahawanan). Kami juga memantapkan bahagian Global dan Borong untuk memaksimumkan potensi dan peluang-peluang dalam negeri dan serantau.

Kami berbesar hati bahawa tahun 2014 telah berakhir dengan TM diberikan kontrak mercu tanda oleh SKMM untuk menubuhkan sistem kabel dasar laut, iaitu Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia (SKR1M) yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, untuk meningkatkan lagi keterhubungan jalur lebar demi memenuhi permintaan industri yang semakin meningkat terhadap aplikasi IP. Kolaborasi ini juga menunjukkan komitmen TM untuk menjadi rakan kongsi ICT yang boleh dipercayai dan menggerak Malaysia ke arah menjadi hab data serantau.

Ini adalah susulan kepada Sistem Kabel 5 Asia Tenggara-Timur Tengah-Eropah Barat (SEA-ME-WE 5) yang ditandatangani pada Mac 2014. Sehingga kini, TM memiliki 13 sistem kabel dasar laut perkhidmatan yang meliputi lebih daripada 60,000 batu laluan-gentian di seluruh dunia, termasuk beberapa laluan kabel dasar laut yang digunakan oleh Syarikat untuk membawa lalulintas antara rantau Asia Pasifik dan Amerika Utara. Jumlah reka bentuk kapasiti TM bagi kabel dasar laut antarabangsa kami adalah sebanyak 30 Tbps, mencukupi untuk menampung peningkatan permintaan jalur lebar antarabangsa masa hadapan.

Yang paling signifikan ialah TM baru-baru ini telah mengumumkan penerimaan Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 (HSBB2) dan Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) melalui kolaborasi dengan Kerajaan, untuk menyediakan akses, rangkaian teras domestik bagi pelaksanaan infrastruktur dan perkhidmatan rangkaian jalur lebar hujung-ke-hujung. Jumlah kos untuk pelaburan HSBB2 bagi tempoh 10 tahun adalah sebanyak RM1.8 bilion sementara jumlah kos pelaburan SUBB bagi tempoh 10 tahun adalah RM1.6 bilion.

Kami ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) atas keyakinan yang berterusan terhadap TM dalam pembangunan negara serta usaha kami untuk mengurangkan jurang digital bagi memastikan keterangkuman yang lebih dalam menyampaikan gaya hidup digital kepada semua rakyat Malaysia.

Tahun 2015 bakal memberikan banyak cabaran tetapi akan juga menjanjikan perkembangan yang merangsang. TM percaya bahawa dengan pelaburan sedia ada yang telah dijanakan, kami akan dapat memanfaatkan peluang-peluang yang ada untuk memberikan nilai terbaik kepada pemegang saham bagi jangka yang lebih panjang. Kamilah yang akan membentuk masa depan.

## Penghargaan

Bagi pihak barisan Pengurusan dan Warga TM, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada mantan Pengerusi kami, Dato' Sri Dr. Halim Shafie, yang telah meletakkan jawatan pada Januari 2015. Kepimpinan dan bimbingan beliau telah menggerak Syarikat kepada kedudukan yang kami berada sekarang. Sepanjang tempoh beliau menjadi Pengerusi, TM telah mencatat beberapa pencapaian penting termasuk kejayaan pelaksanaan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) serta pengenalan UniFi. Di samping itu, sebagai Pengerusi MMU dan Tanggungjawab Korporat (CR) Syarikat, Dato' Sri Dr. Halim Shafie adalah seorang penyokong kuat serta bersemangat terhadap pembangunan pendidikan yang menyaksikan beliau menyertai pelbagai inisiatif termasuk program membina negara berkaitan ICT, program-program kesedaran alam sekitar dan program-program berasaskan masyarakat. Penghargaan tertinggi kami terhadap dedikasi, kepimpinan dan sumbangan beliau yang amat besar kepada Kumpulan TM sepanjang tempoh beliau menyandang jawatan.

Pada masa yang sama, kami berbangga dan berbesar hati untuk mengalu-alukan Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman Mahbob sebagai Pengerusi baru Lembaga Pengarah TM. Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman tidak asing lagi dengan industri kami kerana beliau pernah berkhidmat sebagai Ahli Suruhanjaya SKMM semasa penggubalan Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998. Dengan pengalaman dan pengetahuan beliau yang luas merentasi pelbagai organisasi utama, kementerian, agensi Kerajaan serta dalam bidang ekonomi, ICT, pendidikan dan integriti, kami mengharapkan kepada bimbingan dan kepimpinan Tan Sri ketika Syarikat meneruskan perjalanan transformasinya dan fasa pertumbuhan seterusnya.

Kepada semua pelanggan dan pemegang saham, yang juga pihak berkepentingan – terima kasih kami ucapkan. Kepercayaan, sokongan dan taat setia yang kukuh dan berterusan anda akan menjadi inspirasi dan tujuan bagi kami menyampaikan "Hidup dan Perniagaan Lebih Mudah".

Kepada Lembaga Pengarah – kebijaksanaan dan bimbingan kami terima telah membantu dalam menegakkan tuntutan kami sebagai Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi Malaysia dan membentuk masa depan yang baru untuk TM.

Terima kasih di atas komitmen yang ditunjukkan oleh lebih daripada 28,000 anggota kerja Warga TM dengan semangat 1TM yang membara, terima kasih atas komitmen, dedikasi dan kerja kuat, dorongan, semangat dan ketabahan dalam perjuangan kita membina sebuah institusi yang berkekalan.

Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada komuniti rakan kongsi ekosistem – pembekal, pihak berkepentingan, rakan penggiat industri, Organisasi Bukan Kerajaan (NGO), rakan media arus utama dan media sosial – kerana sudi menjadi sebahagian daripada pusat pertukaran maklumat dan inovasi bersama TM.

Kami juga terhutang budi kepada Kerajaan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan SKMM, atas kepercayaan yang berterusan terhadap TM sebagai peneraju utama dalam membina negara. Inilah hala tuju sebenar kami – memberi makna kepada "Hidup Lebih Mudah".



**TAN SRI DATO' SRI ZAMZAMZAIRANI MOHD ISA**
*Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan*

# SEKTOR TELEKOMUNIKASI: TINJAUAN & PANDANGAN

## FAKTA SEKILAS PANDANG

**70.2%**

**Penembusan Jalur Lebar setiap Isi Rumah pada tahun 2014**

**2.23 juta**

**Pelanggan Jalur Lebar TM pada tahun 2014**

**45.0%**

**Kadar Langganan UniFi pada tahun 2014**

## Tinjauan 2014

Sektor telekomunikasi Malaysia terus mengalami penembusan perkhidmatan yang tinggi dipacu oleh pelaburan tertumpu dalam infrastruktur jalur lebar serta penyelesaian dan perkhidmatan sokongan. Pada suku keempat tahun 2014, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melaporkan bahawa kadar penembusan jalur lebar bagi setiap isi rumah di Malaysia telah meningkat dan mencecah 70.2%, berbanding 67.1% yang dicatatkan pada tahun 2013. Ini turut didorong oleh prestasi ekonomi Malaysia yang semakin baik dan dijangka lebih kukuh berbanding tahun sebelumnya. Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) menganggarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar Malaysia akan mengalami pertumbuhan pada kadar 5.9% pada tahun 2014 didorong oleh penggunaan dan pelaburan sektor swasta. Penepuan pasaran telekomunikasi Malaysia telah memperlahankan pertumbuhan pasaran, namun IDC tetap mengunjurkan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) sebanyak 5.8% (dari 2013 hingga 2017) untuk pasaran runcit telekomunikasi dipacu terutamanya oleh sektor mudah alih dengan CAGR sebanyak 6.1%, serta didorong oleh penerimaan rangkaian Evolusi Jangka Panjang (LTE) oleh negara kita.

Trend dan perkembangan semasa telah membuka lebih peluang dan memberi cabaran baru kepada penggiat-penggiat pasaran telekomunikasi tempatan. Perkhidmatan data didapati terus berkembang maju namun ia telah menyebabkan kemerosotan perkhidmatan suara dan SMS tradisional. Sebahagian besar daripada data mudah alih digunakan untuk perkhidmatan video yang distrimkan kepada alat peranti mudah alih. Trafik video mudah alih dijangka akan meningkat tiga belas kali ganda antara tahun 2013 dan 2019. Oleh yang demikian, perlu dipastikan bahawa kapasiti rangkaian adalah mencukupi bagi memenuhi permintaan yang pesat terhadap perkhidmatan berkelajuan tinggi serta perkhidmatan yang lebih berkualiti. Pada tahun 2014, para penyedia perkhidmatan terus memperluaskan rangkaian 4G masing-masing untuk mencapai sasaran liputan penduduk 4G LTE sehingga 50% menjelang tahun 2017 agar dapat memenuhi permintaan terhadap lebar jalur beserta kelajuan yang semakin meningkat. Satu perkembangan penting yang diperhatikan pada tahun 2014 ialah susutan jumlah hasil keseluruhan syarikat-syarikat telekomunikasi utama sebanyak kira-kira 0.1% [TK2014 berbanding TK2013]. Ini adalah suatu isyarat yang menunjukkan peningkatan di dalam paras penepuan pasaran telekomunikasi di Malaysia.

Trend dan perkembangan industri yang paling ketara berkisar di sekitar pasaran jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) serta sektor jalur lebar mudah alih yang sedang pesat berkembang. Pada awal tahun 2014, Celcom dan DiGi telah bersetuju untuk melanjutkan perjanjian perkongsian rangkaian sehingga tahun 2017 sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan kecekapan kos. Perjanjian awal telah ditandatangani pada Januari 2011 untuk perkongsian peralatan rangkaian tertentu di antara kedua-dua pihak termasuk tapak menara, hubungan gelombang mikro dan penghantaran sesalur gentian. Pada bulan Jun 2014 pula, Nexmo, sebuah syarikat yang berpangkalan di Amerika Syarikat dan YTL Communications telah menandatangani perjanjian perkongsian untuk menyediakan perkhidmatan tertumpu 4G mudah alih. Perjanjian ini telah membolehkan penawaran telefon mudah alih maya pertama di Malaysia, yang termasuk perkhidmatan SMS dan suara. Sementara itu, Celcom Axiata telah bercadang untuk melaburkan hampir RM1 bilion untuk menyediakan sebanyak 2,014 stesen pengkalan yang serasi LTE menjelang akhir tahun 2014 untuk memperbaiki prestasi keseluruhan rangkaian serta meningkatkan liputan rangkaian. Pada bulan November, Axiata telah mengumumkan rancangan untuk menubuhkan dana usahasama berjumlah RM100 juta bersama MAVCAP untuk memupuk para innovator perkhidmatan digital tempatan dengan harapan untuk beroleh lima hingga sepuluh juara perkhidmatan digital serantau menjelang tahun 2020.

**Pada tahun 2014, para penyedia perkhidmatan terus memperluaskan rangkaian 4G masing-masing untuk mencapai sasaran liputan penduduk 4G LTE sehingga 50% menjelang tahun 2017** agar dapat memenuhi permintaan terhadap lebar jalur beserta kelajuan yang semakin meningkat.

**MALAYSIA: PERTUMBUHAN KDNK BENAR**




*Sumber: MIER, Oktober 2014*

# Apa yang baru untuk TM pada tahun 2014

Tahun 2014 telah bermula sebagai tahun Peneraju Perubahan bagi TM dan kami bertekad untuk meneruskan perjalanan transformasi kami untuk menjadi sebuah Pusat Pertukaran Maklumat dan Inovasi. Kami terus mengukuhkan kedudukan kami sebagai Juara Jalur Lebar Malaysia dan berjaya meningkatkan jumlah pelanggan kepada 2.2 juta orang menjelang 31 Disember 2014. Pelanggan UniFi kami telah mencecah seramai 729,000 orang dan sebanyak 1.627 juta port juga telah dipasang melalui 106 ibu sawat. Oleh yang demikian, kadar langganan UniFi adalah sebanyak kira-kira 45.0% daripada jumlah keseluruhan port. Kami telah melancarkan perkhidmatan data jalur lebar 4G pertama di Malaysia, iaitu TMgo, di Alor Setar, Kedah pada bulan Ogos 2014. Ini merupakan titik tolak untuk kami menyediakan perkhidmatan 4G mudah alih, sebagai salah satu daripada usaha kami dalam hala tuju untuk mencapai perkhidmatan integrasi yang sebenar, yakni kebolehan kami untuk menyediakan perkhidmatan mudah alih sebagai pelengkap kepada perkhidmatan jalur lebar talian tetap yang kami tawarkan kini.

Kami juga telah menyertai beberapa perkongsian strategik utama sepanjang tahun 2014. Salah satu perjanjian kemuncak yang telah dimeterai ialah pengambilalihan P1 oleh TM yang disempurnakan pada 30 September 2014 melalui perkongsian dengan Green Packet Berhad dan SK Telekom Co. Ltd. Pihak kami yakin bahawa melalui P1, kami akan dapat meluaskan keupayaan kami di dalam ruang pasaran jalur lebar tanpa wayar dengan lebih cekap lagi. Perkongsian ini merupakan asas untuk membolehkan kami membangunkan platform LTE yang baru, yang memungkinkan penyediaan perkhidmatan berintegrasi data, Internet dan aplikasi berkualiti tinggi merentasi semua segmen pasaran.

Pada tahun 2014, kami juga telah mengorak langkah yang pertama dalam perkhidmatan pintar yang dijangka dapat mencorakkan gaya hidup ICT masa depan di Malaysia. Pada Julai 2014, TM menerusi anak syarikat milik penuhnya, Intelsec Sdn Bhd telah menandatangani satu perjanjian dengan UEM Sunrise Berhad (menerusi anak syarikat milik penuhnya, Iskandar Innovations Sdn Bhd) untuk menubuhkan sebuah syarikat usahasama (JV Co) yang akan menyediakan dan mengendalikan perkhidmatan pintar di Nusajaya. JV Co tersebut telah ditubuhkan pada bulan September untuk menjalankan perniagaan syarikat operasi perkhidmatan terurus. Syarikat ini dijangka akan mempelopori rekabentuk dan pembinaan infrastruktur sebuah bandaraya pintar, serta menyediakan bangunan dan perkhidmatan bandaraya pintar termasuk perkhidmatan keselamatan, tenaga dan pengurusan kemudahan.

Sementara itu, perkembangan dalam bidang penyiaran telah menyaksikan TM menandatangani satu perjanjian bernilai lebih daripada RM1 bilion dengan MYTV Broadcasting Sdn Bhd pada bulan November bagi menyediakan infrastruktur dan kemudahan rangkaian untuk perkhidmatan televisyen digital terestrial (DTTV) di Malaysia bagi tempoh 15 tahun. Kerjasama ini akan memacu Malaysia ke arah merealisasi wawasan negara untuk menaiktaraf bidang penyiaran daripada analog sedia ada kepada digital ke seluruh negara menjelang tahun 2016.

# Pandangan 2015

Pada tahun 2015, Malaysia diramalkan mencapai pertumbuhan KDNK sebanyak 5.5%-6% digalakkan oleh permintaan domestik yang lebih kukuh. Penggunaan dan pelaburan oleh sektor awam dijangka akan mengimbangi kekurangan dari sektor swasta. International Monetary Fund (IMF) mengunjurkan ekonomi dunia akan berkembang daripada 3.3% pada tahun 2014 kepada 3.8% pada tahun 2015, manakala KDNK ASEAN-5 akan meningkat daripada 4.7% kepada 5.4%.

Menurut agensi penarafan Fitch, kebanyakan telco di Asia Selatan dan Asia Tenggara dijangka akan menghadapi persaingan lebih mencabar pada tahun 2015, walaupun sektor telekomunikasi secara keseluruhan kekal stabil. Aliran tunai bebas (FCF) dijangka minimal atau negatif disebabkan oleh perbelanjaan modal yang tinggi; margin keuntungan juga dijangka akan merosot disebabkan persaingan yang semakin hebat. Manakala pertumbuhan hasil juga dijangka akan terhad kepada peratusan 'satu angka' yang rendah disokong oleh perkhidmatan data yang pesat berkembang yang mengimbangi kemerosotan daripada hasil suara dan SMS tradisional. Telco-telco akan meneruskan pelaburan yang agak besar untuk rangkaian 3G/4G masing-masing, namun pelaburan ini perlu dilakukan ketika peningkatan hasil dari operasi perniagaan semakin perlahan disebabkan oleh margin yang menurun dan sesungguhnya ini memberikan tekanan kepada FCF yang semakin minimal. Hasil daripada telco-telco di Malaysia dan Thailand berkemungkinan akan meningkat tetapi pada peratusan yang rendah disebabkan oleh persaingan hebat di kalangan telco. Sementara itu, margin keuntungan telco-telco di Filipina, Malaysia dan Indonesia juga dijangka akan merosot disebabkan oleh persaingan yang semakin hebat, perbelanjaan pemasaran yang lebih tinggi serta penukaran perkhidmatan data kepada perkhidmatan suara/teks.

Pihak SKMM percaya bahawa era integrasi sudah bermula di Malaysia memandangkan kematangan ekosistem industri komunikasi dan multimedia kini. Dalam ekosistem berintegrasi ini, perkhidmatan berasaskan Protokol Antara Rangkaian (IP) membolehkan orientasi perniagaan dan perkhidmatan merentasi pelbagai platform dan mewujudkan peluang baru bagi para penggiat industri serta pengguna. SKMM percaya bahawa dengan infrastruktur yang bertambah baik dan pelaksanaan 4G LTE bersama dengan perkhidmatan Penyiaran Televisyen Digital Terestrial, penggiat industri dijangka mencatat hasil setinggi RM57 bilion menjelang tahun 2020 berbanding RM45 bilion pada tahun 2013, dengan sektor telekomunikasi menyumbang hampir 85% daripada jumlah hasil. SKMM menggalakkan penyedia perkhidmatan mudah alih tempatan untuk meningkatkan pelaburan modal bagi memperluaskan liputan rangkaian dan kapasiti masing-masing memandangkan perbelanjaan modal mudah alih per kapita Malaysia adalah hanya sebanyak RM100 [berbanding RM340 di Amerika Syarikat, di mana pelaburan modal yang lebih tinggi diperuntukkan bagi penambahbaikan rangkaian infrastruktur tanpa wayar.

Pengumuman Bajet 2015 pada bulan Oktober lalu memperlihatkan sokongan Kerajaan terhadap sektor telekomunikasi di mana pelaburan sebanyak RM2.7 bilion telah dirancangkan untuk memperluaskan rangkaian HSBB di Malaysia. Projek HSBB2 dijangka dilaksanakan di kawasan ekonomi berimpak tinggi, meliputi ibu negeri dan bandar utama terpilih dalam tiga tahun berikutnya. Objektif projek ini adalah untuk membina 1,000 menara telekomunikasi baru serta membina kabel dasar laut. Bajet 2015 juga memperuntukkan sejumlah RM100 juta untuk Dana Industri Kandungan Digital di bawah SKMM untuk menggalakkan pembangunan kandungan digital kreatif di dalam negara.

Bagi TM, tahun 2015 membuka peluang baru untuk kami meningkatkan perniagaan menerusi aktiviti perkongsian dan inovasi, sementara kami berusaha untuk terus memperkukuhkan perkhidmatan asas. Kami percaya akan wujudnya potensi besar dalam trend "Internet of Things (IoT)" yang dibuktikan dengan langkah kami baru-baru ini untuk menceburi sektor hartanah di Nusajaya menerusi perkongsian dengan UEM Sunrise Berhad dan Iskandar Investment Berhad. Menurut Frost & Sullivan, terdapat potensi di dalam bangunan konsep hijau yang membawa peluang pembangunan konsep rumah pintar di Malaysia. Selanjutnya sektor hartanah ini juga didorong oleh proses urbanisasi yang pesat dalam negara di mana ianya dijangka meningkat dari 64.4% pada tahun 2012 kepada 65.4% pada tahun 2017.

Kami komited dalam menyokong rancangan kerajaan untuk mengembangkan projek HSBB2 ke kawasan bandar dan pinggir bandar, sementara terus berusaha untuk memaksimumkan hasil dari rangkaian HSBB yang sedia ada. Dengan pengambilalihan P1 oleh TM baru-baru ini, kami akan meneruskan perjalanan transformasi kami untuk menjadi Penyedia Perkhidmatan Komunikasi Integrasi No. 1 negara. Sementara itu kami akan terus memperkukuhkan perkhidmatan jalur lebar kami dengan merangkumi perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar LTE.

Di TM, kami sedar bahawa inovasi, sifat keusahawanan serta usahasama merupakan elemen penting dalam pembinaan sebuah negara digital yang maju. Demi sokongan kami kepada pihak kerajaan dalam semua bidang ini, kami dengan bangganya telah menubuhkan Program Pemecut Pusat Pertukaran Inovasi (IX) TM. Menerusi TM IX ini, kami teruja untuk berkongsi sumber-sumber yang kami miliki untuk menyokong ekosistem "start-up" tempatan yang akan membantu dalam penyediaan perkhidmatan yang kreatif dan inovatif untuk pembangunan industri dan negara kita.

*Sumber:*


1. *Malaysia Telecommunications Report, Business Monitor, Q4 2014*
2. *SKMM Komunikasi & Multimedia: Buku Maklumat Statistik, Q4 2014*
3. *IDC Tracker, International Data Corporation, 1H 2013*
4. *Malaysian Economic Outlook, MIER, 21 Oktober 2014*
5. *International Monetary Fund, World Economic Outlook: Legacies, Clouds, Uncertainties, Oktober 2014*
6. *Reinforcing Basics for Connected Services, Industry Performance Report 2013, SKMM, 2014*
7. *Celcom to Enhance Network With Nokia's Optimisation Services, www.malaysianwireless.com, 2 Jun 2014*
8. *Axiata, MAVCAP Setting Up RM100mil Venture Fund, The Star, 5 November 2014*
9. *RM1bil Deal to Provide Digital Terrestrial Television in Malaysia, The Star Online, 19 November 2014*
10. *Fitch: South/SE Asia Telcos' Profitability, FCF May Fall in 2015*
11. *Budget 2015: Govt to Invest RM2.7bil to Expand HSBB, The Star Online, 11 Oktober 2014*
12. *Telecommunication Sector Update, Moving Into Convergence Era, Kenanga Research, 12 September 2014*
13. *Moves to Boost Creative-Content Industry Gain Momentum, The Star Online, 3 November 2014*
14. *IoT Potential Excites Telekom Malaysia, Digital News Asia, 11 Julai 2014*
15. *Microsoft Holds Malaysian Developers Conference, www.computerworld.com, 17 Oktober 2014*
16. *Smart Homes in Asia Pacific – A CEO's 360-Degree Perspective: Building Homes Beyond Green, Disember 2013*
17. *Maklum Balas TM terhadap Soal Selidik Kajian Prestasi Industri SKMM, November 2014*
18. *Maxis, Celcom, DiGi, Time terbitan suku tahunan laporan kewangan*
19. *Pengumuman Suku Tahun Bursa TM*
20. *Siaran Media TM*
21. *Taklimat Penganalisa TM, 2014*
22. *Analisis Dalaman TM, 2014*


*[1]ASEAN-5 = Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam*




| | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pasaran Tetap (RM' bil) | 6.901 | 5.747 | 7.260 | 7.561 | 7.872 | 8.466 | 9.013 | 9.538 | 9.964 | 10.322 |
| Pasaran Mudah Alih (RM' bil) | 16.315 | 16.896 | 18.247 | 21.044 | 22.528 | 23.932 | 25.638 | 27.328 | 28.689 | 30.317 |
| Jumlah (RM' bil) | 23.216 | 22.644 | 25.508 | 28.605 | 30.400 | 32.398 | 34.651 | 36.866 | 38.653 | 40.640 |

*Sumber: IDC Tracker, Analisis Pasukan Dalaman*

**PELUANG EKOSISTEM RUMAH PINTAR NEGARA**

| Negara | China | India | Jepun | Thailand | Indonesia | Malaysia | Singapura |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Tenaga dan Air (Utiliti) | Tinggi | Sederhana | Tinggi | Sederhana | Rendah | Tinggi | Tinggi |
| Keselamatan Rumah | Rendah | Rendah | Sederhana | Sederhana | Sederhana | Tinggi | Sederhana |
| Penjagaan Kesihatan | Sederhana | Rendah | Tinggi | Rendah | Rendah | Sederhana | Tinggi |
| Media (Hiburan) | Tinggi | Sederhana | Tinggi | Tinggi | Sederhana | Sederhana | Tinggi |
| Potensi Rumah Pintar (dalam 5 Tahun) | Sederhana | Rendah | Tinggi | Rendah | Rendah | Sederhana | Tinggi |

Peluang: Tinggi · Sederhana · Rendah

*Sumber: Smart Homes in Asia Pacific – A CEO's 360-Degree Perspective: Building Homes Beyond Green, Frost & Sullivan, Disember 2013*




| Kategori | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Bilangan Isi Rumah ('000) | 6,091 | 6,219 | 6,605 | 6,676 | 6,744 | 6,939 | 7,029 |
| Kadar Penembusan Jalur Lebar Isi Rumah (%) | 21.1 | 31.7 | 55.6 | 62.3 | 66.0 | 67.1 | 70.2 |

*Sumber: SKMM Komunikasi & Multimedia: Buku Maklumat Statistik, Q4 2014*

# PERJALANAN STRATEGIK: PENGHASILAN NILAI MAMPAN

Pertumbuhan hasil serta keuntungan yang mampan bergantung kepada keupayaan TM memaksimumkan jangkauan, liputan dan penggunaan rangkaiannya. Ini boleh dicapai dengan melaksanakan strategi-strategi kami yang berlandaskan wawasan perniagaan Pusat Pertukaran Maklumat dan Inovasi yang direalisasikan melalui Program Peningkatan Prestasi (PIP 3.0), dan strategi "Hidup Lebih Mudah" dan "Perniagaan Lebih Mudah". Strategi kami juga merangkumi peningkatan kecekapan operasi, produktiviti serta pengekalan struktur kos yang cekap bagi meningkatkan keseluruhan produktiviti.

Sejak pengasingan perniagaan mudah alih dan talian tetap TM yang berlangsung pada tahun 2008, TM telah melalui dua fasa PIP yang agak berbeza. Dalam Fasa 1, kami mengukuhkan kedudukan sebagai peneraju jalur lebar dengan melaksanakan rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) pertama negara. Fasa 2 pula menyaksikan transformasi kami menjadi Pusat Pertukaran Maklumat yang telah membangunkan dan mengendalikan rangkaian dan platform yang terjamin, pantas dan boleh dipercayai. Ianya juga bebas untuk menyokong aplikasi-aplikasi pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja menggunakan pelbagai alat-alat peranti. Di bawah fasa ini, matlamat kami adalah untuk menjadi rakan kongsi telco pilihan bagi semua perkhidmatan-perkhidmatan suara, data, multimedia dan video.

## Strategi Pelaksanaan: PIP 3.0 2013 -2015

Kini di bawah Fasa 3 PIP, fokus adalah ke arah membina pertumbuhan, efisiensi dan produktiviti perniagaan di samping menyemai budaya meningkatkan produktiviti dan mengutamakan perkhidmatan pelanggan demi memastikan perniagaan yang mampan untuk masa hadapan. PIP 3.0 dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu:

**Pertumbuhan Berterusan**

Membina sebuah institusi Pusat Pertukaran Maklumat yang bertaraf dunia dengan memanfaatkan perkhidmatan ketersambungan tradisional dan nilai tambah inovasi.

**Anjakan Produktiviti Asas**

Perubahan asas ke arah satu paradigma yang mantap demi melestarikan keuntungan tinggi dengan menggabungkan kekuatan telco tradisional yang stabil dengan perkhidmatan tambah nilai yang baru.

**Meningkatkan Kemantapan Institusi**

Mengukuhkan pengalaman pelanggan serta membina TM ke arah sebuah institusi yang mampan. Transformasi menjadi lebih cekap, fleksibel, fokus kepada pelanggan serta bersedia menerokai perniagaan-perniagaan baru.

## Menjangkaui PIP 3.0

Pelan jangka sederhana dan jangka panjang TM telah dirangka berpandukan wawasan perniagaan Pusat Pertukaran Maklumat dan Inovasi. Rangkaian talian tetap kami akan terus berkembang dengan rangkaian HSBB dan jalur lebar pinggir bandar (SUBB) yang diperluaskan dalam usaha kami menyokong kerajaan untuk memacu penembusan jalur lebar negara sehingga mencapai kadar penembusan sebanyak 75.0% menjelang tahun 2015.

Pengambilalihan P1 oleh TM melengkapkan lagi usaha ini kerana P1 telah membekalkan TM dengan satu platform Evolusi Jangka Panjang (LTE) yang sedia ada, lantas mengukuhkan kedudukan kami untuk menawarkan produk-produk jalur lebar tanpa wayar dan seterusnya perkhidmatan mudah alih yang lengkap. Penyediaan perkhidmatan mudah alih merupakan suatu perkembangan semula jadi yang disokong oleh sinergi dengan perkhidmatan talian tetap kami. Ianya sejajar dengan evolusi industri yang menuju ke arah perkhidmatan jalur lebar dan






data berintegrasi yang lengkap bukan sahaja dari perspektif teknologi atau alat peranti semata-mata tetapi yang lebih penting dari segi pengalaman pelanggan. Seterusnya, TM berhasrat untuk meneruskan transformasi menjadi peneraju perkhidmatan telekomunikasi berintegrasi di Malaysia.

TM juga sedang menerokai bidang-bidang inovasi baru yang bertumpu kepada kandungan, aplikasi dan alat peranti yang diharap akan menggalakkan lagi penggunaan rangkaian kami serta mengekalkan pelanggan bersama kami. Ini merupakan satu komponen penting dalam hasrat TM untuk membolehkan gaya hidup digital yang lengkap. Kami telah mengorak langkah dalam perjalanan ini dengan memperkenalkan perkhidmatan IPTV kami, iaitu HyppTV. Kami berhasrat untuk terus meningkatkan mutu perkhidmatan melalui kerjasama dengan syarikat pengeluaran kandungan tempatan bagi membolehkan penghasilan kandungan baru. Di samping itu, platform kami juga diperluaskan melalui pelancaran *HyppTV Everywhere*, iaitu perkhidmatan *over-the-top* (OTT) HyppTV.

Dalam usaha kami untuk menjadi sebuah organisasi ICT yang bersepadu, kini kami sedang bekerjasama dengan perusahaan-perusahaan besar untuk membolehkan kami menjangkaui perkhidmatan tradisional serta penyelesaian yang lengkap untuk membantu meningkatkan perniagaan mereka.

Kami berhasrat untuk merealisasikan perkhidmatan ICT bersepadu yang menyediakan penyelesaian bagi industri-industri tertentu. Kami telah mulakan usaha ini dengan sektor hartanah, khususnya perkhidmatan bandaraya pintar. Anak syarikat milik penuh kami, Intelsec Sdn Bhd sudah bergabung dalam usahasama dengan UEM Land Berhad dan Iskandar Innovations Sdn Bhd bagi mereka bentuk dan membangunkan perkhidmatan dan infrastruktur bandaraya pintar di Nusajaya, yang merangkumi perkhidmatan keselamatan, tenaga dan pengurusan kemudahan. Pada pandangan kami, ini adalah suatu model perniagaan yang mampan yang boleh direplikasikan bagi membolehkan penyediaan penyelesaian bagi industri-industri yang lain pada masa hadapan.

Kami juga telah melancarkan satu perkhidmatan aplikasi mesej mudah alih dan suara kami yang pertama iaitu HyppMe dan berhasrat untuk menghasilkan lebih banyak lagi aplikasi pelengkap melalui "Program Pemecut" kami di Cyberjaya yang diwujudkan khas untuk membantu syarikat-syarikat permulaan *(start-ups)* membangunkan perkhidmatan mereka dengan memanfaatkan pengetahuan, rangkaian dan keupayaan yang sedia ada di TM. Kandungan, aplikasi dan perkhidmatan nilai tambah ICT dijangka menjadi pemangkin yang akan menggalakan pertumbuhan mampan rangkaian kami pada masa hadapan.

Rancangan-rancangan bersepadu di bawah Pusat Pertukaran Maklumat dan Inovasi serta usaha transformasi kami yang masih dijalankan ke arah menjadi Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi No. 1 di Malaysia dijangka dapat menjana nilai yang mampan kepada TM serta pemegang-pemegang sahamnya pada tahun-tahun yang akan datang.

**TM juga sedang menerokai bidang-bidang inovasi baru yang bertumpu kepada kandungan, aplikasi dan alat peranti** yang diharap akan menggalakkan lagi penggunaan rangkaian kami serta mengekalkan pelanggan bersama kami.

# MAKLUMAT PENTING KEWANGAN KUMPULAN

| Dalam RM Juta | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|---|
| **Keputusan Kendalian** | | | | | |
| 1. Hasil kendalian | 8,791.0 | 9,150.7 | 9,993.5 | 10,628.7 | **11,235.1** |
| 2. Keuntungan sebelum cukai dan zakat | 1,360.2 | 1,001.2 | 1,069.6 | 1,046.0 | **1,105.5** |
| 3. Keuntungan bagi tahun kewangan tersebut | 1,245.0 | 1,237.1 | 1,305.9 | 1,047.8 | **842.5** |
| 4. Keuntungan milik pemegang ekuiti Syarikat | 1,206.5 | 1,191.0 | 1,263.7 | 1,012.2 | **831.8** |
| **Data Utama Kedudukan Kewangan** | | | | | |
| 1. Jumlah ekuiti pemegang saham | 7,659.7 | 7,424.0 | 6,894.8 | 7,136.7 | **7,571.1** |
| 2. Jumlah aset | 21,079.0 | 22,252.3 | 22,195.9 | 21,146.5 | **22,623.2** |
| 3. Jumlah peminjaman | 5,532.0 | 6,410.4 | 7,140.4 | 6,455.2 | **6,448.4** |
| **Maklumat Saham** | | | | | |
| 1. Sesaham | | | | | |
| Perolehan (asas) | 33.9 sen | 33.3 sen | 35.3 sen | 28.3 sen | **22.9 sen** |
| Dividen kasar | 26.1 sen | 19.6 sen | 22.0 sen | 26.1 sen | **22.9 sen** |
| Aset bersih | 214.7 sen | 207.5 sen | 192.7 sen | 199.5 sen | **203.6 sen** |
| 2. Maklumat harga saham | | | | | |
| Tinggi | RM3.60 | RM5.09 | RM6.40 | RM6.00 | **RM7.57** |
| Rendah | RM3.04 | RM3.50 | RM4.71 | RM5.05 | **RM5.28** |
| **Nisbah Kewangan** | | | | | |
| 1. Pulangan ekuiti pemegang saham | 16.5% | 15.8% | 17.7% | 14.4% | **11.3%** |
| 2. Pulangan jumlah aset | 5.9% | 5.6% | 5.9% | 5.0% | **3.7%** |
| 3. Nisbah hutang ekuiti | 0.7 | 0.9 | 1.0 | 0.9 | **0.9** |
| 4. Liputan dividen | 1.3 | 1.7 | 1.6 | 1.1 | **1.0** |

## Hasil Kendalian
(RM Juta)




## Pulangan Ekuiti Pemegang Saham
(%)




## Keuntungan Milik Pemegang Ekuiti Syarikat
(RM Juta)




## Jumlah Ekuiti Pemegang Saham
(RM Juta)




## Jumlah Aset
(RM Juta)




## Jumlah Peminjaman
(RM Juta)




## Pulangan Jumlah Aset
(%)




## Nisbah Hutang Ekuiti



# RINGKASAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN & ANALISIS SEGMEN KUMPULAN






MENGIKUT SEGMEN PERNIAGAAN

MENGIKUT LOKASI GEOGRAFI

## Hasil Kendalian Segmen

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember




## Keputusan Segmen

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember




## Aset Segmen

pada 31 Disember



# PRESTASI KEWANGAN SUKU TAHUNAN KUMPULAN

## 2014

| Dalam RM Juta | Suku Tahun Pertama | Suku Tahun Kedua | Suku Tahun Ketiga | Suku Tahun Keempat | Tahun 2014 |
|---|---|---|---|---|---|
| Hasil kendalian | 2,620.0 | 2,821.8 | 2,636.0 | 3,157.3 | **11,235.1** |
| Keuntungan kendalian sebelum kos pembiayaan | 316.3 | 337.7 | 317.4 | 327.7 | **1,299.1** |
| Keuntungan sebelum cukai dan zakat | 279.6 | 309.4 | 262.8 | 253.7 | **1,105.5** |
| Keuntungan milik pemegang ekuiti Syarikat | 210.6 | 214.1 | 188.8 | 218.3 | **831.8** |
| Perolehan sesaham asas (sen) | 5.9 | 6.0 | 5.1 | 5.9 | **22.9** |
| Dividen setingkat sesaham (sen) | – | 9.5 | – | 13.4 | **22.9** |

## 2013

| Dalam RM Juta | Suku Tahun Pertama | Suku Tahun Kedua | Suku Tahun Ketiga | Suku Tahun Keempat | Tahun 2013 |
|---|---|---|---|---|---|
| Hasil kendalian | 2,424.6 | 2,613.8 | 2,610.5 | 2,979.8 | **10,628.7** |
| Keuntungan kendalian sebelum kos pembiayaan | 297.9 | 332.8 | 364.4 | 378.5 | **1,373.6** |
| Keuntungan sebelum cukai dan zakat | 229.5 | 241.9 | 264.9 | 309.7 | **1,046.0** |
| Keuntungan milik pemegang ekuiti Syarikat | 213.2 | 213.9 | 240.9 | 344.2 | **1,012.2** |
| Perolehan sesaham asas (sen) | 6.0 | 6.0 | 6.7 | 9.6 | **28.3** |
| Dividen setingkat sesaham (sen) | – | 9.8 | – | 16.3 | **26.1** |

# KOMUNIKASI PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Kami mentakrif pihak berkepentingan sebagai mereka yang mungkin menerima kesan daripada atau memberi kesan kepada operasi kami. Kami amat peka tentang siapa yang menjadi pihak berkepentingan kami dan mengkategorikan mereka sebagai pihak berkepentingan utama, penting dan sekunder.

## Pengenalan pihak berkepentingan

Pihak berkepentingan berkeupayaan mengenakan kesan terhadap aktiviti perniagaan kami secara positif dan negatif. Setiap tahun kami memantau jenis publisiti terhadap Syarikat yang siarkan kami dan menilai ke atas kesan yang ditanggap publisiti tersebut kepada pihak berkepentingan kami.

TM rasa amat bangga kerana menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian jutaan orang yang menggunakan produk dan perkhidmatan kami di peringkat individu serta organisasi, dan melalui perkongsian awam-swasta dengan Kerajaan. Dengan wujudnya rangkaian teknologi dan perkhidmatan kami di seluruh dunia, kami mengakui kewajipan untuk berinteraksi dengan pihak berkepentingan melampaui sempadan negara. Berurusan dengan pihak berkepentingan yang besar bilangannya mempunyai kekompleksan tersendiri dan ada kalanya, keutamaan-keutamaan yang saling bersaing. Bagaimanapun, kami amat menghargai maklum balas daripada pelbagai kumpulan pihak berkepentingan, dan menjalankan kajiselidik formal pendampingan pihak berkepentingan sepanjang tahun.

## Hubungan dengan pihak berkepentingan

Kami telah memperkenalkan pelbagai saluran formal dan tidak formal untuk tujuan penglibatan dengan setiap kumpulan pihak berkepentingan dan memahami keperluan dan kekhuatiran mereka terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan dan operasi kami. Matlamat utama kami ialah untuk mengurus harapan pihak berkepentingan kami secara efektif demi mencapai hubungan jangka panjang yang mampan.

Hubungan rapat yang telah dijalin dapat membantu dalam menjangkakan penyelesaian dan mengurangi kesan negatif. TM menjana idea, mengenalpasti kelemahan dan menetapkan pelan penambahbaikan yang menyepadukan kepentingan semua pihak. Kami telah menyediakan saluran komunikasi seperti berikut, kebanyakannya boleh diakses 24 jam sehari, 365 hari setahun.

**Pihak Berkepentingan TM: Mereka yang amat penting bagi kami**



| | | |
|---|---|---|
| Pelanggan | Pengurusan maklum balas Pelanggan | *Harian* |
| | Pusat Sokongan Pelanggan di 100 | *Harian* |
| | Alat media sosial – Twitter, FB, YouTube | *Harian* |
| | Penyelidikan pasaran | |
| | Program *loyalty* | *Berulang* |
| | Acara, sesi dialog, lawatan, Sesi bersama pelanggan | *Adhoc* |
| Kerajaan & Pihak Berkuasa | Mesyuarat formal | *Adhoc* |
| | Laporan prestasi | *Berulang* |
| | Perbincangan tentang inisiatif Kerajaan | *Adhoc* |
| Pemegang Saham & Pelabur | Acara Hubungan Pelabur | *Adhoc* |
| | Laporan-laporan tahunan dan kelestarian | *Tahunan* |
| | Mesyuarat Agung | *Tahunan* |
| | Mesyuarat Agung Luar Biasa | *Adhoc* |
| | Kemaskini pemegang saham | *Berulang* |
| | Laporan suku tahunan | *Suku Tahunan* |
| Rakan Kongsi Perniagaan | Laporan kemajuan | *Regular* |
| | Laporan-laporan tahunan dan kelestarian | *Tahunan* |
| | Penyampaian Korporat | *Adhoc* |
| | Upacara menandatangan | *Adhoc* |
| Masyarakat | Laman Web dan katalog perkhidmatan | *Harian* |
| | Laporan-laporan tahunan dan kelestarian | *Tahunan* |
| | Lawatan seminar dan aktiviti bersama | *Adhoc* |
| | Aktiviti Mendampingi Masyarakat | *Berulang* |
| Anggota | Kaji selidik Kepuasan Pekerja | *Tahunan* |
| | Dialog dan penglibatan | *Berulang* |
| | Intranet, mesyuarat jabatan, | |
| | Akhbar Dalaman | *Berulang* |
| | Program Bersama Anggota | *Berulang* |
| | Kelab-kelab TM: Kelab TM, BAKIT, TIARANITA | |
| | Perutusan pengurusan kanan | *Berulang* |
| Pembekal | Kaji selidik ketelusan | *Tahunan* |
| | Program latihan pembekal | *Berulang* |
| | Pengurusan hubungan pembekal | *Berulang* |
| Kesatuan Sekerja & Badan-badan Profesional | Dialog dan sesi bersama | *Berulang* |
| | Aktiviti bersama | *Berulang* |
| | Perundingan dan rundingan | *Adhoc* |
| Penganalisis | Taklimat penganalisis | *Berulang* |
| | Lawatan tapak | *Berulang* |
| | Seminar, sesi soal jawab | *Berulang* |
| | Laporan prestasi | *Suku Tahunan* |
| Orang Awam | Laman web TM | *Harian* |
| | Pusat Hubungan TM seperti premis-premis TMpoint | *Harian* |
| | Laporan-laporan tahunan dan kelestarian | *Tahunan* |
| | Kempen dan lawatan | *Berulang* |
| Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs), Kumpulan Pengguna & Organisasi Aktif | Dialog dan pendampingan | *Berulang* |
| | Kolaborasi | *Berulang* |
| | Penajaan/Derma | *Adhoc* |
| Media | Siaran akhbar | *Berulang* |
| | Sidang akhbar, sesi soal jawab | *Berulang* |
| | Liputan akhbar | *Berulang* |
| | Makan tengahari bersama media | *Berulang* |
| Media Sosial | Sesi bersama pengamal media sosial | *Berulang* |
| | Akaun Twitter Korporat | |
| | Akaun Facebook TM | *Harian* |
| | Saluran dalam talian lain | *Harian* |

# Isu-isu berkaitan oleh pihak berkepentingan sapanjang tahun

Inisiatif laporan Global mentakrifkan isu-isu material sebagai "topik-topik yang mempunyai kesan secara langsung atau tidak langsung terhadap keupayaan sesebuah organisasi mencipta, memulihara atau menghakis nilai-nilai ekonomi, alam sekitar dan sosial untuk dirinya, untuk pihak berkepentingannya dan masyarakat secara keseluruhannya,"

Secara mudah ia bermaksud, menangani materialiti dengan cara mengenalpasti kepentingan semua isu-isu yang berpotensi menimbulkan risiko atau melahirkan peluang. Isu-isu ini diberi perhatian mengikut tahap kepentingan yang ditimbulkan oleh isu-isu tersebut terhadap pihak berkepentingan dan kelestarian operasi kami. Analisis materialiti membantu mengenalpasti topik yang paling menyerlah yang telah diberi tumpuan dalam Laporan Kelestarian kami.

Mengaplikasikan proses materialiti yang rapi juga telah membantu TM merangka strategi untuk peruntukan sumber-sumber dalaman.

Perkara-perkara yang merupakan peluang atau risiko berpotensi pada masa kini atau masa depan dikenalpasti dan kemudian dianalisis bagi menentukan keberkaitannya kepada masyarakat dan perniagaan kami. Satu topik dianggap sebagai berkepentingan material yang tinggi jika dianggap keberkaitannya kepada pihak berkepentingan kami dan juga TM. Satu kaji selidik materialiti yang terperinci telah dijalankan pada tahun 2014 demi menentukan pandangan setiap kumpulan pihak berkepentingan. Metodologi dan keputusan kaji selidik ini telah disusun, dikaji dan kini dibentangkan dalam Laporan Kelestarian kami.

# HUBUNGAN DENGAN PELABUR

## Komitmen kepada Pemegang Saham

Dalam usaha untuk menjadi peneraju komunikasi generasi akan datang di Malaysia, kami sentiasa peka terhadap tanggungjawab mencipta nilai kepada pemegang-pemegang saham kami.

Komitmen ini terbukti pada tahun kewangan 2014 di mana kami mengumumkan cadangan jumlah pembayaran dividen berbayar dan bersih kepada pemegang-pemegang saham sebanyak RM846.8 juta yang terdiri daripada:

- Dividen interim sebanyak 9.5 sen sesaham berjumlah RM348.4 juta yang telah dibayar pada 20 Oktober 2014; dan
- Cadangan dividen akhir sebanyak 13.4 sen sesaham berjumlah RM498.4 juta.

Di samping itu, TM mengumumkan skim baru dividen kepada pemegang-pemegang saham. Skim Pelaburan Semula Dividen (DRS) memberi opsyen kepada pemegang-pemegang saham untuk memilih sama ada untuk melabur semula, keseluruhan atau sebahagian daripada dividen tunai mereka yang merangkumi interim, akhir, khas atau apa-apa dividen tunai, dalam saham biasa baru sebanyak 0.70 sen sesaham di TM. Bergantung kepada kadar penerimaan, Skim ini dijangka memperbesarkan asas modal saham TM serta mengukuhkan kedudukan modal kami.

**Polisi Pembayaran Dividen RM700 juta atau sehingga 90.0% PATAMI Dinormalisasi, yang mana lebih tinggi**




1 Dividen interim 2014 sebanyak 9.5 sen & dividen akhir sebanyak 13.4 sen
2 Perolehan Dividen Bersih berdasarkan harga tutup pada hujung tahun
3 Tidak termasuk pengagihan modal/pembayaran balik modal

Tahun 2014 merupakan tahun yang kukuh bagi kami di pasaran modal. TM telah menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding rakan-rakan kami dari segi prestasi harga saham dan mengekalkan kedudukan antara telco teratas dari segi jumlah pulangan pemegang saham. Jumlah pulangan pemegang saham 12-bulan pada 31 Disember 2014 adalah sebanyak 29.0% dan daripada tarikh pengasingan kami (25 April 2008) sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak 316.1%.

### Jumlah Pemegang Saham

Jumlah pemegang saham kami pada 30 Januari 2015 merangkumi 26,217 pemegang saham institusi dan swasta/runcit. Pemegang-pemegang saham utama kami adalah Khazanah Nasional Berhad, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan AmanahRaya Trustees Berhad – Skim Amanah Saham Bumiputra dengan gabungan pegangan saham Kumpulan sebanyak 56.5%. Selain itu, pegangan saham asing kami setakat 31 Disember 2014 adalah sebanyak 15.5%.

### Ketelusan

Kami terus mengekalkan tahap ketelusan yang tinggi dalam laporan kewangan kami dan juga tegas dalam tadbir urus korporat kami. Operasi kami adalah berlandaskan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, Peraturan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities) dan menggunapakai amalan-amalan terbaik antarabangsa.

### Pengiktirafan

Kami diiktiraf sebagai Hubungan Pelabur Terbaik dalam *FinanceAsia 14th Annual Poll for the Best Companies in Malaysia*. Di samping itu, kami juga telah memenangi anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat Strategik Terbaik dan Laporan Tahunan Terbaik di Malaysia, Penganjur Hubungan Pelabur Terbaik serta Sokongan Pengurusan Kanan Hubungan Pelabur Terbaik di *Alpha Southeast Asia 4th Annual Corporate Institutional Investor Awards*.

Sebagai sebuah organisasi korporat yang bertanggungjawab yang komited kepada meningkatkan kelestarian perniagaan kami demi kepentingan semua pihak, kami telah menerbitkan Laporan Kelestarian ketujuh pada tahun 2014 yang telah mematuhi Garis Panduan G4 - Inisiatif Pelaporan Global (GRI). Pada tahun 2014, kami telah dianugerah dengan Anugerah Platinum bagi Laporan Tahunan Paling Cemerlang untuk tahun 2013, Laporan Tahunan Terbaik dalam Bahasa Malaysia serta Tanggungjawab Sosial Terbaik di Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (National Annual Corporate Reports Awards (NACRA). Kami juga telah memenangi Emas NACRA untuk Laporan Tahunan Dengan Reka Bentuk Terbaik dan Anugerah Kecemerlangan Industri untuk Syarikat di Papan Utama di bawah Kategori Perdagangan & Perkhidmatan untuk Tahun Ke-18 berturut-turut.

TM telah diiktiraf untuk Tadbir Urus Terbaik dengan markah tertinggi sebanyak 86.9%, Minit Mesyuarat Agung Tahunan Contoh, Amalan Tadbir Urus, Sosial dan Alam Sekitar (ESG) Terbaik dan Kecemerlangan Industri dalam Telekomunikasi dan Utiliti di Anugerah Kumpulan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) – Indeks Tadbir Urus Korporat ASEAN 2014.

# Polisi Dividen

Kami menjelaskan semula komitmen dividen kami menerusi penyata polisi dividen seperti berikut:

"Dalam menentukan nisbah pembayaran dividen bagi mana-mana tahun kewangan selepas Pengasingan yang Dicadangkan, Syarikat kami bercadang untuk menggunapakai polisi dividen yang progresif dalam membolehkan kami memberikan dividen yang stabil dan berkekalan kepada pemegang-pemegang saham kami di samping mengekalkan struktur modal yang efisien dan memastikan pembiayaan yang cukup untuk pertumbuhan di masa hadapan.

Syarikat kami ingin mengagihkan dividen tahunan sebanyak RM700 juta atau sehingga 90.0% daripada PATAMI yang dinormalisasi, yang mana lebih tinggi.

Dividen hanya akan dibayar jika diluluskan oleh Lembaga Pengarah kami dan diambil daripada dana sedia ada untuk tujuan pengagihan berkenaan. Jumlah dan tempoh sebenar pembayaran dividen akan bergantung kepada kedudukan tunai dan perolehan tersimpan, prestasi operasi, prospek perniagaan, monetisasi aset-aset bukan teras, unjuran kedudukan perbelanjaan modal dan cadangan pelaburan lain, tanggungan semasa dan yang dijangka serta perkara-perkara lain yang difikirkan berkaitan oleh Lembaga Pengarah."

# Skim Pelaburan Semula Dividen (DRS)

Pada 27 Mac 2014, TM mengumumkan satu cadangan untuk melaksanakan skim pelaburan semula dividen yang memberi opsyen kepada pemegang-pemegang saham TM (Pemegang-pemegang Saham) untuk melabur keseluruhan atau sebahagian daripada dividen tunai mereka, merangkumi interim, akhir, khas atau apa-apa dividen tunai, dalam saham biasa baru sebanyak 0.70 sen sesaham di TM (DRS).

Pada 8 Mei 2014, Pemegang-pemegang Saham telah meluluskan DRS dan menggunapakai DRS dalam Dividen Akhir TM, di Mesyuarat Agung Luar Biasa.

Menerusi DRS, 89,770,254 saham baru TM telah diterbitkan pada harga terbitan sebanyak RM5.38 sesaham baru TM. Ini bersamaan dengan 82.8% kadar penerimaan Pemegang-pemegang Saham yang melabur semula dividen tunai mereka ke dalam saham-saham baru TM. Dari dividen akhir berjumlah RM583.1 juta, sebanyak RM483.0 juta telah dibayar dengan terbitan saham-saham baru TM sementara bakinya diselesaikan dengan tunai.

Pada 27 Ogos 2014, TM mengumumkan dividen interim sebanyak RM0.095 sesaham biasa sebanyak RM0.70 sesaham dan dividen interim tersebut telah juga digunapakai untuk DRS. Menurut DRS kedua, sebanyak 52,196,765 saham baru TM telah diterbitkan pada harga terbitan sebanyak RM5.67 sesaham baru TM. Ini bersamaan dengan 84.9% kadar penerimaan. Dari dividen interim berjumlah RM348.4 juta, sebanyak RM296.0 juta telah dibayar dengan terbitan saham-saham baru TM sementara bakinya diselesaikan dengan tunai.

# Penarafan Kredit TM

TM terus menunjukkan asas yang kukuh dan kunci kira-kira yang mantap. Ini dibuktikan melalui penarafan kredit yang telah disahkan oleh agensi-agensi penarafan tempatan dan antarabangsa, seperti yang ditunjukkan di bawah:

- Agensi Penarafan Malaysia — AAA
- Perkhidmatan Pelaburan Moody's — A3
- Perkhidmatan Penarafan Standard & Poor's — A- (profil kredit berasingan di tahap "a-")
- Fitch — A-

Kami tetap komited untuk mengekalkan penarafan kredit gred pelaburan kami dan akan terus mengambil pendekatan berhemah dalam inisiatif pengurusan kewangan dan modal.

## Hutang Wang Tempatan

| | TMISIS B |
|---|---|
| Kupon | 4.870% |
| Tempoh Matang | 28 Dis 2018 |
| Prinsipal (RM) | 925,000,000 |

***Nota:***

*TMISIS – TM Islamic Stapled Income Securities*

| | IMTN 001 | IMTN 002 | IMTN 003 | IMTN 004 | IMTN 005 | IMTN 006 | IMTN 007 | IMTN 008 | IMTN 009 | IMTN 010 | IMTN 011 | IMTN 012 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kupon | 4.50% | 4.20% | 4.20% | 4.00% | 3.95% | 3.95% | 3.93% | 4.30% | 4.82% | 4.738% | 4.55% | 4.55% |
| Tempoh Matang | 25 Jun 2021 | 13 Sep 2021 | 10 Dis 2021 | 13 Mei 2022 | 19 Dis 2022 | 28 Apr 2023 | 23 Jun 2023 | 18 Dis 2020 | 21 Mac 2024 | 27 Jun 2024 | 7 Okt 2024 | 20 Dis 2024 |
| Prinsipal (RM) | 300,000,000 | 300,000,000 | 200,000,000 | 250,000,000 | 300,000,000 | 400,000,000 | 250,000,000 | 200,000,000 | 300,000,000 | 300,000,000 | 300,000,000 | 300,000,000 |

**Nota:**

*(i) ICP – Islamic Commercial Paper dan IMTN – Islamic Medium Term Note*

*(ii) IMTN 001 hingga IMTN 007 telah dikeluarkan di bawah program ICP/IMTN sehingga RM2.0 bilion*

*(iii) IMTN 008 hingga IMTN 012 telah dikeluarkan di bawah program ICP/IMTN sehingga RM3.0 bilion*

## Hutang Matawang Asing

| | Bon Yankee |
|---|---|
| Kupon | 7.875% |
| Tempoh Matang | 1 Ogo 2025 |
| Prinsipal (USD) | 300,000,000 |

| | Pinjaman JPY | Pinjaman USD |
|---|---|---|
| Kadar Faedah | 0.91375% | 3mLibor + 0.91% |
| Tempoh Matang | 20 Nov 2017 | 30 Okt 2020 |
| Prinsipal | 7,800,000,000 | 100,000,000 |

**Nota:**

*(i) Pinjaman JPY telah ditukar kepada pendedahan RM dengan kadar faedah sebanyak 3.62%*

*(ii) Pinjaman USD telah ditukar kepada pendedahan RM dengan purata kadar faedah sebanyak 4.01%*

# Hubungan Pelabur

TM tetap komited dalam mengekalkan komunikasi terbuka dan telus dengan para pemegang saham dan pelabur kami untuk memupuk hubungan yang kukuh dengan mereka. Untuk memastikan mereka sentiasa dimaklumkan berhubung dengan strategi, prestasi dan aktiviti perniagaan utama, kami mempunyai program hubungan pelabur yang terancang yang merangkumi persidangan, siri jelajah *non-deal roadshow* dan mesyuarat perseorangan. Kami mempunyai unit Perhubungan Pelabur dengan peranan utama menyebar secara proaktif maklumat yang berkaitan dan terkini kepada golongan pelabur.

Demi memastikan amalan terbaik digunapakai, semua komunikasi dengan pasaran modal adalah tertakluk kepada Polisi dan Garis Panduan Hubungan Pelabur dan berpandukan Panduan Pendedahan Korporat Bursa Malaysia 2011.

## Pengumuman dan Taklimat Keputusan Kewangan Suku Tahunan

Selepas pengumuman perolehan setiap suku tahunan yang dibuat kepada Bursa Securities, sesi taklimat diadakan untuk para penganalisa, pengurus-pengurus dana dan para pelabur menerusi telepersidangan. Sesi ini dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, bersama dengan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan dihadiri oleh Pengurusan Kanan yang mewakili bahagian-bahagian perniagaan utama TM. Sesi taklimat ini bertujuan untuk memberi pemahaman yang lebih jelas tentang prestasi kewangan dan operasi Kumpulan TM kepada pelabur.

## Pembentangan Keputusan Kewangan

Slaid pembentangan keputusan kewangan kami disediakan dalam bentuk mesra pelabur bagi memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai keputusan dan prestasi kewangan Kumpulan. Slaid pembentangan ini boleh didapati di laman web Syarikat sejurus selepas pengumuman maklumat tersebut dibuat kepada Bursa Securities. Salinan slaid pembentangan tersebut juga diagihkan menerusi e-mel kepada para penganalisa dan pelabur yang berada di dalam senarai agihan unit Perhubungan Pelabur.

## Aktiviti-aktiviti Bersama Pelabur

### Mesyuarat Perseorangan, Telepersidangan dan Persidangan Pelabur

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan unit Perhubungan Pelabur telah mengadakan mesyuarat dan sidang panggilan secara berulang dengan pengurus dana, penganalisa kewangan, agensi penarafan dan pihak berkepentingan lain di Malaysia dan luar negara. Dalam situasi tertentu, ahli Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah juga mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti tersebut.

Pada tahun 2014, kami meluaskan jangkauan di peringkat antarabangsa dengan menyertai siri jelajah *non-deal roadshow* dan persidangan di Edinburgh, Boston, Washington DC, Hong Kong, London dan Singapura.

Di dalam negara, TM telah menyertai perjumpaan-perjumpaan berkumpulan yang dianjurkan oleh firma-firma penyelidikan tempatan seperti *CIMB 6th Annual Malaysia Corporate Day* dan *MIDF Corporate Spotlight 2014*. Sepanjang tahun itu, lebih daripada 300 mesyuarat dan sidang panggilan dengan pelabur dan penganalisa telah dianjurkan.

### Portal Perhubungan Pelabur

Unit Perhubungan Pelabur menyediakan portal https://www.tm.com.my/About TM/InvestorRelations/Pages/Introduction.aspx yang boleh didapati di laman web korporat TM. Ia menyediakan platform komunikasi yang juga bertindak sebagai sumber maklumat kepada pemegang-pemegang saham dan orang awam. Portal ini mengandungi laporan tahunan Kumpulan, keputusan kewangan, slaid pembentangan untuk pelabur, maklumat struktur modal, siaran akhbar dan juga pautan kepada Bursa Securities. Portal ini dikemaskini secara komprehensif dan terkini.

### Maklum Balas

TM amat menghargai maklum balas daripada golongan pelabur kerana ia membolehkan kami terus memperbaiki hubungan. Untuk terus memperbaiki fungsi Perhubungan Pelabur, kami sentiasa mencari idea-idea membina melalui perjumpaan secara berterusan dengan pihak-pihak berkepentingan dan juga menyediakan kaedah berkomunikasi secara terus dengan pasukan Perhubungan Pelabur di alamat investor@tm.com.my.

# PRESTASI SAHAM

Kami telah disenaraikan di Bursa Malaysia sejak 1990. Pada tahun 2014, saham TM mencatatkan jumlah pusingan bernilai RM10,997 juta dengan 1,766 juta saham yang diperdagangkan berbanding dengan RM8,721 juta dengan 1,621 juta saham yang diperdagangkan pada tahun 2013.

## Harga Saham & Jumlah Dagangan

Jumlah Dagangan Bulanan & Harga Saham Tertinggi-Terendah 2014




| | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogo | Sep | Okt | Nov | Dis |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Jumlah ('000) | 132,653 | 164,416 | 253,542 | 158,354 | 159,302 | 137,222 | 114,508 | 85,749 | 128,355 | 149,701 | 117,335 | 164,382 |
| Tertinggi (RM) | 5.59 | 5.74 | 6.20 | 6.20 | 6.59 | 6.38 | 6.43 | 6.44 | 6.60 | 7.22 | 7.57 | 7.10 |
| Terendah (RM) | 5.28 | 5.39 | 5.63 | 5.78 | 6.05 | 6.08 | 6.20 | 6.14 | 6.26 | 6.50 | 6.92 | 6.34 |

# Prestasi Harga Saham TM berbanding FBM KLCI 2014




# Modal Pasaran/Harga Saham




[1]*Harga saham ditutup pada hujung tahun*

# KALE KEWA

**27 FEBRUARI 2014**

Pengumuman keputusan kewangan yang disatukan dan diaudit serta pengisytiharan dividen setingkat akhir sebanyak 16.3 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

**27 MAC 2014**

Pengumuman Cadangan Pelaburan Semula Dividen (DRS) yang memberi pilihan kepada para pemegang saham untuk melabur semula keseluruhan atau sebahagian dividen tunai mereka dalam saham biasa baru TM bernilai RM0.70 sesaham.

**15 APRIL 2014**

Pengeluaran Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-29 dan Laporan Tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

**23 APRIL 2014**

Pengeluaran Notis Mesyuarat Agung Luar Biasa dan Pekeliling Pemegang-pemegang Saham.

**08 MEI 2014**

Mesyuarat Agung Tahunan ke-29 dan Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat.

**26 MEI 2014**

Tarikh kelayakan penerimaan dividen setingkat akhir sebanyak 16.3 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, yang mana DRS diguna pakai.

**28 MEI 2014**

Pengumuman keputusan suku tahun pertama berakhir 31 Mac 2014 yang disatukan dan belum diaudit.

**23 JUN 2014**

Tarikh pembayaran dividen setingkat akhir sebanyak 16.3 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, yang mana DRS diguna pakai.

**24 JUN 2014**

Penyenaraian tambahan 89,770,254 saham biasa baru bernilai RM0.70 sesaham selaras dengan DRS.

# NDAR
# ANGAN

**OGOS 2014** 27

Pengumuman keputusan suku tahun kedua berakhir 30 Jun 2014 yang disatukan dan belum diaudit serta pengisytiharan dividen setingkat interim sebanyak 9.5 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, yang mana DRS diguna pakai.

**SEPTEMBER 2014** 29

Tarikh kelayakan dividen setingkat interim sebanyak 9.5 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, yang mana DRS diguna pakai.

**OKTOBER 2014** 29

Tarikh pembayaran dividen setingkat interim sebanyak 9.5 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, yang mana DRS diguna pakai.

**OKTOBER 2014** 30

Penyenaraian tambahan 52,196,765 saham biasa baru bernilai RM0.70 sesaham selaras dengan DRS.

**NOVEMBER 2014** 26

Pengumuman keputusan suku tahun ketiga berakhir 30 September 2014 yang disatukan dan belum diaudit.

**FEBRUARI 2015** 26

Pengumuman keputusan kewangan yang disatukan dan diaudit serta pengisytiharan dividen setingkat akhir sebanyak 13.4 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, yang mana DRS akan diguna pakai.

**APRIL 2015** 06

Pengeluaran Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-30, Penyata Tahunan dan Laporan Kelestarian 2014 dan Pekeliling Pemegang-pemegang Saham.

**APRIL 2015** 30

Mesyuarat Agung Tahunan ke-30 Syarikat.

# Asas kami diperkukuhkan

Perjalanan memberikan yang terbaik buat pelanggan kami dan membina sebuah institusi berdaya tahan memiliki asas yang kukuh ke arah mencatat kecemerlangan berterusan. Pengiktirafan yang kami terima akan terus mendorong kami untuk mencapai aspirasi ini.





PENC

PERUB

## PROFIL KORPORAT


054 Tentang Kami
056 Pencapaian-Pencapaian Sepanjang Dua Abad
062 Pencapaian-Pencapaian Media Sepanjang Tahun
064 Acara-Acara Korporat 2014
068 Anugerah & Pengiktirafan 2014
070 Anugerah-Anugerah TM Yang Pernah Dimenangi
074 Maklumat Korporat
078 Struktur Korporat Kumpulan
080 Struktur Organisasi Kumpulan
082 Infrastruktur Antarabangsa & Domestik & Rangkaian Gentian Optik Utama
084 Liputan TM Seluruh Dunia

# TENTANG KAMI

**Telekom Malaysia Berhad (TM) adalah syarikat peneraju penyelesaian maklumat dan komunikasi bersepadu di Malaysia, menawarkan rangkaian perkhidmatan dan penyelesaian komunikasi yang menyeluruh menerusi jalur lebar, data dan talian tetap.**

Ditubuhkan sebagai Jabatan Telekomunikasi Malaya pada tahun 1946, TM telah membangunkan dan meningkatkan infrastruktur telekomunikasi dan penyiaran negara secara berterusan. Tahun 2008 telah menjadi titik perubahan buat TM yang menyaksikan perubahan strategik di mana operasi perkhidmatan mudah alih diasingkan daripada perniagaan talian tetap dan dalam tahun yang sama TM telah menandatangani perjanjian Usahasama Awam-Swasta (PPP) dengan Kerajaan Malaysia untuk membina dan menyediakan jalur lebar berkelajuan tinggi [HSBB]. Kurang dari dua tahun, TM telah melancarkan perkhidmatan HSBB pertama negara iaitu UniFi – yang telah diberi pengiktirafan menerusi pelbagai anugerah global termasuk sebagai pelaksana jalur lebar berkelajuan tinggi yang terpantas dengan kos antara yang terendah di dunia.

Seperti tahun-tahun yang lalu, kami terus mengukuhkan kedudukan sebagai Peneraju Jalur Lebar negara, dalam persekitaran persaingan yang mencabar. Didorong oleh penciptaan nilai pihak-pihak berkepentingan, TM komited untuk memberi pengalaman pelanggan yang lebih baik melalui penambahbaikan dan inovasi yang berterusan, di samping memfokus kepada peningkatan kecekapan operasi dan produktiviti.

"Hidup dan Perniagaan Lebih Mudah" – merupakan satu ikrar berinspirasi yang menjangkau dedikasi kami untuk memperbaiki pengalaman pelanggan supaya apa jua yang kami lakukan, baik kecil atau besar, sentiasa tertumpu untuk menjadikan kehidupan semua pihak berkepentingan kami lebih mudah. Ini dicapai bukan sahaja dengan memperkayakan gaya hidup dan meningkatkan produktiviti perniagaan, malah menjangkau sambungan demi menyediakan peluang komunikasi dan kerjasama. TM terus memainkan peranan penting dalam mentransformasikan cara rakyat untuk saling berhubung, berkomunikasi dan bekerjasama ke arah masa depan yang lebih cerah, kami menyelami kehidupan rakyat Malaysia – menerusi produk dan perkhidmatan serta penyelesaian kami, atau program pembangunan masyarakat dan negara serta melalui pendidikan.

Di samping itu, dengan rangkaian global kami yang menyeluruh, infrastruktur rangkaian dan kepakaran kolektif kami telah memacu Malaysia ke hab Internet dan gerbang digital ke Asia Tenggara. TM bersedia menjadi Pusat Pertukaran Maklumat dan Inovasi seperti yang kami jangkakan dalam perjalanan transformasi yang berterusan.

Kami tetap komited dalam menyokong inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan kapasiti jalur lebar berkelajuan tinggi. TM berbangga kerana telah dianugerahkan kontrak mercu tanda oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) untuk menubuhkan satu sistem kabel dasar laut, iaitu Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia (SKR1M), yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Ia akan meningkatkan lagi sambungan jalur lebar negara bagi memenuhi permintaan industri yang semakin meningkat untuk aplikasi Protokol Internet. Baru-baru ini TM juga telah dianugerah kontrak untuk Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 (HSBB2) dan Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar dengan kerjasama Kerajaan untuk mengatur rangkaian teras akses domestik bagi penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan rangkaian jalur lebar keseluruhan, serta meningkatkan liputan di seluruh negara.






Berpandukan aspirasi Pusat Pertukaran Maklumat dan Inovasi, 2014 telah menyaksikan pengambilalihan Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd (P1) dan kemasukan kami ke ruang Evolusi Jangka Panjang (LTE) dengan pelancaran TMgo, iaitu penawaran jalur lebar 4G kami yang pertama. Ketika kami meneruskan perjalanan ke arah menjadi Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi No.1, kami berhasrat untuk menyediakan perkhidmatan berintegrasi sebagai satu pengalaman tanpa sempadan menjangkau teknologi, produk, perkhidmatan dan peranti bagi memperkayakan, memperbaiki dan memberi kesan kepada kehidupan rakyat Malaysia secara amnya, menepati janji kami –"Hidup dan Perniagaan Lebih Mudah".

Menyedari kandungan adalah salah satu daripada pencetus perubahan, kami menumpukan kepada peningkatan kandungan HyppTV dengan menawarkan lebih banyak saluran dan pakej yang sesuai dengan gaya hidup pelanggan. Pakej nilai tambah baru dapat menambahkan pilihan pelanggan untuk saluran sukan, hiburan, didikhibur (edutainment), berita dan gaya hidup. Menerusi HyppTV Everywhere, pelanggan dapat menikmati himpunan saluran bertaraf dunia yang eksklusif menerusi peranti mudah alih mereka pada platform HyppTV walaupun mereka tidak melanggani pakej UniFi atau Streamyx daripada TM. Tawaran baru ini bertujuan menarik lebih ramai penonton dari kalangan segmen mahir teknologi Gen-Y yang merupakan pengguna terbesar hiburan dan kandungan mudah alih dan pada masa yang sama membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia menonton HyppTV di mana-mana dan pada bila-bila masa.

Seiring dengan transformasi pesat ke arah Pusat Pertukaran Maklumat dan Inovasi, fokus kami terhadap latihan dan pembangunan kepada lebih daripada 28,000 anggota terus dipergiatkan. Pusat Latihan TM telah membangunkan program-program menyeluruh yang bertujuan meningkatkan kemahiran insani dan teknikal semua anggota dengan modul-modul khusus untuk memenuhi keperluan anggota teknikal serta bakal pemimpin. Di samping itu, menerusi aliran Pendidikan TM yang merangkumi Universiti Multimedia (MMU) dan Kolej Multimedia (MMC), Syarikat menyokong wawasan Kerajaan dalam membentuk sebuah masyarakat yang dipacu pengetahuan, dengan membekalkan aliran modal insan yang berkeupayaan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang kepakaran.

Sebagai contoh warga korporat yang komited terhadap tadbir urus dan ketelusan yang baik, TM meneruskan janjinya untuk memastikan tahap proses integriti, anggota dan reputasi serta kemampanan operasinya. Falsafah Tanggungjawab Korporat (CR) TM mengukuhkan amalan bertanggungjawab dalam empat domain utama iaitu pasaran, tempat kerja, masyarakat dan alam sekitar. Program *Reaching Out* Kumpulan TM memanfaatkan kepakaran ICT untuk memperkasakan masyarakat dan menjadi contoh terbaik bagaimana sesebuah perniagaan boleh menyumbang kepada pembangunan yang mampan.

Penekanan TM terhadap kecemerlangan telah membawa kepada banyak pengiktirafan dalam hampir setiap aspek operasi termasuk tadbir urus dan tanggungjawab korporat. TM baru-baru ini telah dianugerah dengan Anugerah Platinum bagi Anugerah Kecemerlangan Keseluruhan untuk Laporan Tahunan Terbaik sempena Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2014. Ia merupakan satu kecemerlangan yang pernah TM memenangi sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 2013, 2011 dan 2006. Kami juga telah memenangi Anugerah Kecemerlangan Industri bagi Syarikat di Papan Utama di bawah Kategori Dagangan dan Perkhidmatan untuk 18 tahun berturut-turut. Di samping itu, TM juga telah dianugerahkan dengan Anugerah Platinum untuk Laporan Tanggungjawab Sosial Terbaik di NACRA 2014 dan Anugerah CSR Perdana Menteri untuk Amalan-amalan Tempat Kerja pada tahun 2009 dan 2010. TM juga merupakan pemenang Anugerah Laporan Kelestarian Terbaik (SRA) di Malaysia bagi dua tahun berturut-turut di Anugerah Laporan Kelestarian 2013 yang dianjurkan oleh Pusat Kebangsaan Laporan Kelestarian (NCSR) yang berpangkalan di Indonesia. Kami juga diberi pengiktirafan sebagai Penyedia Perkhidmatan Telekom Terbaik bagi tahun ketiga di Anugerah Kecemerlangan Malaysia *Frost & Sullivan* 2014 serta sebagai Penyedia Perkhidmatan Jalur Lebar Terbaik Tahunan bagi kali kelapan dan Penyedia Perkhidmatan Komunikasi Data Terbaik Tahunan untuk tahun kesepuluh berturut-turut. Di peringkat serantau, TM telah juga menerima anugerah Penyedia Perkhidmatan Jalur Lebar Tetap Terbaik Tahunan pada Anugerah ICT *Frost & Sullivan* Asia Pasifik bagi tahun kedua berturut-turut. TM juga diiktiraf sebagai Pembekal Borong Ethernet Terbaik Asia Pasifik untuk dua tahun berturut-turut pada 2011 dan 2012 daripada Forum Ethernet Metro kerana komitmennya menyamai perkembangan piawaian Ethernet Global. Di samping itu, Syarikat juga dianugerah dengan Anugerah Pembawa Jalur Lebar Terbaik di Anugerah Telekom Asia 2012.

TM akan terus memfokus kepada perjalanan transformasinya ke arah menjadi Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi yang akan membolehkan Syarikat memenuhi janji "Hidup Lebih Mudah" dan "Perniagaan Lebih Mudah" bersama TM.

Untuk maklumat lanjut mengenai TM, sila layari www.tm.com.my

1894

# PENCAPAIAN-PENCAPAIAN SEPANJANG DUA ABAD

## 1800an

**1874** Pengenalan telefon di Perak

**1882** Perak dan Pulau Pinang dihubungkan dengan telefon melalui sebuah kabel dasar laut

**1891** Ibu sawat telefon pertama dilancarkan di Kuala Lumpur

**1894** Sebuah kabel dasar laut menghubungkan Labuan dengan Singapura dan Hong Kong

## 1900an

**1900** Perkhidmatan telefon magneto pertama diperkenalkan di Kudat, Jesselton (Kota Kinabalu) dan Sandakan

**1908** Perkhidmatan pos dan telegraf diperbadankan

**1926** Kemunculan komunikasi radio di negara ini

**1946** Penubuhan Jabatan Telekomunikasi di Malaya

**1962** Pengenalan kepada Pendailan Pelanggan Jarak Jauh (STD) antara Kuala Lumpur dan Singapura melalui sambungan gelombang mikro jarak jauh pertama

**1963**
- Peluasan rangkaian gelombang mikro seluruh Malaysia
- Pelancaran perkhidmatan televisyen di Semenanjung Malaysia

**1968** Jabatan Telekomunikasi Sabah dan Sarawak serta Semenanjung Malaysia bergabung membentuk Jabatan Telekomunikasi Malaysia

**1970** Stesen satelit bumi pertama bertaraf antarabangsa dilancarkan di Kuantan, menandakan kemunculan siaran secara langsung di Malaysia

**1975** Penubuhan Ibu sawat Teleks Automatik

**1979** Pengenalan kemudahan Dail Terus Antarabangsa (IDD)

**1980** Malaysia melancarkan kabel dasar lautnya sendiri yang menghubungkan Kuantan dan Kuching

**1982** Pengenalan Telefaks dan Perkhidmatan Maritim Antarabangsa

**1983** Pengenalan komunikasi data

**1984** Pengenalan teknologi suis paket yang mendorong pembentukan rangkaian data awam Malaysia

**1985**
- Pemasangan perkhidmatan ATUR menggunakan teknologi radio selular analog 450 yang pertama di Asia
- Sistem Radio Pelbagai Akses diperkenalkan, menyediakan perkhidmatan akses telefon yang lebih mudah kepada pelanggan di kawasan pedalaman

**1987** Jabatan Telekom Malaysia (JTM) diswastakan menjadi Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STMB), entiti swasta yang pertama di negara ini

**1988** Pengenalan Perkhidmatan Perniagaan digital INTELSAT

**1989** Pengenalan perkhidmatan bebas tol 800

**1990**
- Pengenalan perkhidmatan bebas tol antarabangsa dan kadfon prabayar (Kadfon)
- Penyenaraian STMB di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan pengenalan logo baru syarikat

**1991**
- Penjenamaan semula Syarikat sebagai Telekom Malaysia
- Pengenalan *Malaysia Direct* dan *Home Country Direct*

**1992** Pengenalan Persidangan Video dan CENTREX

**1993** Pengenalan perkhidmatan ISDN

**1996** Pengenalan perkhidmatan selular digital 1800 MHz TMTOUCH

**1997** Pengenalan Lebuhraya Unggul Maklumat Korporat (COINS), penyelesaian perniagaan canggih berkeupayaan tinggi Telekom Malaysia

2007

1962

2014

# 2000an

**2001**
- Pelancaran BlueHyppo.com, portal Internet gaya hidup Telekom Malaysia yang mencatat lebih daripada 290 juta carian setahun
- Pengenalan perkhidmatan jalur lebar dengan pelancaran Streamyx
- Telekom Malaysia menjadi rakan kongsi utama dalam pelancaran kabel dasar laut canggih Rangkaian Kabel Asia Pasifik 2 (APCN2)
- Penubuhan TMNet sebagai Pembekal Perkhidmatan Internet terbesar di rantau Asia Tenggara
- Pelancaran perkhidmatan telefoni tetap wayarles CDMA

**2002** Penganugerahan spektrum 3G kepada Telekom Malaysia

**2003** Penggabungan di antara Celcom dan TMTOUCH menjadi pengendali perkhidmatan selular terbesar di Malaysia

**2004** Penstrukturan semula TM TelCo kepada dua Unit Perniagaan Strategik (SBU) – TM Borong *(TM Wholesale)* dan TM Runcit *(TM Retail)*

**2005**
- Telekom Malaysia melaksanakan penjenamaan semula dan TM telah digunapakai sebagai jenama baru
- Pelancaran Perkhidmatan 3G – pertama di Malaysia
- Pemerolehan kepentingan 27.3% dalam PT Excelcomindo Pratama Tbk, Indonesia

**2006**
- TM membentuk satu pakatan strategik dengan Vodafone dan menjadi Rakan Rangkaian Vodafone yang mempunyai jangkauan global kira-kira 179 juta pelanggan di seluruh dunia
- Pelaksanaan fasa kedua penstrukturan semula TM, menyusun semula perniagaan Kumpulan kepada Malaysia Business, Celcom, TM International dan TM Ventures
- XL, anak syarikat TM di Indonesia memperoleh lesen 3G, sementara Dialog, anak syarikat TM di Sri Lanka melancarkan perkhidmatan 3G pertama di Asia Selatan
- Pemerolehan 49.0% dalam baki Telekom Malaysia International (Cambodia) Company Limited, (dahulunya dikenali sebagai Cambodia Samart Communications Ltd), Kemboja dan 49.0% kepentingan dalam Spice Communications Private Limited di India
- TM memulakan konsortium untuk membangunkan sistem kabel dasar laut, Gerbang Asia-Amerika, menghubungkan Asia Tenggara dan Amerika Syarikat

**2007**
- TM menjadi syarikat Malaysia yang pertama dinobatkan sebagai Pembekal Perkhidmatan Terbaik di Anugerah ICT Frost & Sullivan Asia Pasifik 2007
- Buku kenangan bertajuk 'Transforming a Legacy' telah dilancarkan oleh Dato' Seri Abdullah Hj Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia
- Penjualan perniagaan Telefon Awam TM kepada Pernec Corporation Berhad
- Syarikat bersekutu TM di India, Spice Communications Limited memulakan urus niaga di Bursa Saham Bombay dan menerima lesen Jarak Jauh Nasional dan Antarabangsa
- Kumpulan TM memulakan Langkah Pengasingan yang menghasilkan dua entiti berbeza – TM dan TM International (TMI)

**2008**
- Kumpulan TM telah diasingkan secara rasmi pada bulan April dan TMI disenaraikan sebagai sebuah entiti berasingan di Bursa Securities
- Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dan TM menandatangani Memorandum Persefahaman untuk melantik TM sebagai penyedia telekomunikasi pilihan bagi wilayah Iskandar Malaysia
- TM menswastakan VADS sebagai sebahagian daripada pelan pertumbuhan strategiknya
- TM menerima tiga Anugerah Telekom Frost & Sullivan Malaysia 2008 termasuk Penyedia Perkhidmatan Suara Alternatif Terbaik untuk kali pertama
- TM menandatangani Perjanjian Perkongsian Awam-Swasta (PPP) dengan Kerajaan untuk melaksanakan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB)
- TM memenangi lima anugerah NACRA 2008, termasuk Anugerah Emas untuk Kecemerlangan Keseluruhan, Perak untuk Tanggungjawab Sosial Korporat dan Rekaan Terbaik Laporan Tahunan
- TM dan Verizon bekerjasama untuk membangun dan menambah baik keupayaan IP Tempatan

**2009**

- TM mengumumkan Terma-terma & Syarat-syarat Indikatif bagi perkhidmatan HSBB (Borong)
- TM memenangi tiga anugerah Frost & Sullivan Malaysia 2009 termasuk Penyedia Jalur Lebar bagi tahun kelima berturut-turut
- Ketua Pegawai Teknologi dan Inovasi/Pengerusi Majlis Pengurusan Akaun
  - Naib Presiden Eksekutif Perusahaan
  - Ketua Pegawai Bela Pelanggan
  - Ketua Pegawai Eksekutif, VADS Berhad
- Ketua Pengurusan dan Transformasi Pengalaman Pelanggan/ Timbalan Ketua Pegawai Teknologi dan Inovasi
- Naib Presiden Eksekutif Pengguna & SME
- Naib Presiden Eksekutif Kerajaan
- Naib Presiden Eksekutif Media Baharu/Ketua Pegawai Eksekutif TM Net Sdn Bhd
- Ketua Pegawai Eksekutif P1*

*Nota:*
** Bukan Ahli GLT*

pada 13 Mac 2015

# STRUKTUR ORGANISASI KUMPULAN

# INFRASTRUKTUR ANTARABANGSA & DOMESTIK & RANGKAIAN GENTIAN OPTIK UTAMA





Intelsat 10
68.5ºE
ABS2
75.0ºE
ABS2
76.5ºE
Insat 4A/2E
83.0º E
Measat 3
91.5º E
NSS 6
95.0º E
Asiasat 5
100.5º E
Asiasat 3S
105.5º E
JCSAT 3A
128.0º E
Apstar 6
134.0ºE
Apstar 5
138.0ºE
Intelsat 19
166.0º E
Kudat
Menggaris
Tanjung Aru
Kota Kinabalu
Segaliud
Sandakan
Papar
Telupid
Labuan
Keningau
Beaufort
Lahad Datu
Kalumpang
Tenom
Tawau
Miri
Bintulu
Kuching
Petunjuk
Kabel utama
Sistem Kabel Dasar Laut Domestik Malaysia (MDSCS)
Fibrecomm
Fiberail
Sistem Kabel Dasar Laut Antarabangsa
Satelit
Stesen Satelit Buki
5 Stesen Kabel Dasar Laut Antarabangsa
7 Stesen Kabel Dasar Laut Domestik
Nod Utama

# LIPUTAN TM SELURUH DUNIA




| RANTAU | KABEL DASAR LAUT |
|---|---|
| Asia Tenggara | AAG, APCN2, BRIGHT, MDSCS, DMCS, FLAG, BDM, SAT3-WASC-SAFE, SEA-ME-WE-3, SEA-ME-WE-4, SEA-ME-WE-5, BBG, CAHAYA MALAYSIA |
| Asia Pasifik | AAG, APCN2, CUSCN, FLAG, JUSCN, SEA-ME-WE-3, TGN, CAHAYA MALAYSIA |
| Eropah | FLAG, SAT3-WASC-SAFE, SEA-ME-WE-3, SEA-ME-WE-4, SEA-ME-WE-5 |
| Amerika Utara | FLAG, AAG, JUSCN, CUSCN, TGN |
| Benua India | FLAG, SAT3-WASC-SAFE, SEA-ME-WE-3, SEA-ME-WE-4, SEA-ME-WE-5, BBG |
| Timur Tengah | FLAG, SEA-ME-WE-3, SEA-ME-WE-4, SEA-ME-WE-5, BBG |
| Afrika | FLAG, SAT3-WASC-SAFE, SEA-ME-WE-3, SEA-ME-WE-4, SEA-ME-WE-5 |
| Oceania | SEA-ME-WE-3 |




**Domestik** | 100
**Antarabangsa** | +603 8318 2797
**Laman Web** | www.tm.com.my
**E-mel** | global@tm.com.my

# Integriti kami diperteguhkan

Komitmen kami untuk membina masa depan yang lebih baik tersemat dalam setiap perbuatan kami – daripada meningkatkan lagi pengalaman pelanggan, keprihatinan terhadap anggota kami, menyumbang semula kepada masyarakat dan memberi nilai kepada pemegang saham. Kami menerajui dengan integriti dan etika sebagai asas kepada sebuah organisasi yang berjaya dan bertanggungjawab.





PENC

PERUB

# KEPIMPINAN & AKAUNTABILITI


090 Lembaga Pengarah
092 Profil Pengarah
100 Barisan Kepimpinan Kumpulan
102 Profil Barisan Kepimpinan Kumpulan
109 Penyata Tadbir Urus Korporat
129 Penyata Lembaga Pengarah Mengenai Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman
136 Laporan Jawatankuasa Pencalonan & Ganjaran
142 Laporan Jawatankuasa Audit
147 Penyata Audit Dalaman
149 Laporan Jawatankuasa Risiko
154 Pengurusan Kesinambungan Perniagaan
156 Maklumat Pematuhan Tambahan
159 Integriti Korporat



# LEMBAGA P

*Berdiri dari Kanan ke Kiri*

Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob, Dato' Fauziah Yaacob, Dato' Ibrahim Marsidi, Davide Giacomo Federico Benello @ David Benello,
Datuk Seri Fateh Iskandar Tan Sri Dato' Mohamed Mansor, Gee Siew Yoong,
Dato' Siti Zauyah Md Desa, Nik Rizal Kamil Tan Sri Nik Ibrahim Kamil



# PENGARAH

*Berdiri dari Kiri ke Kanan*
Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa, Datuk Bazlan Osman, Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin,
Dato' Danapalan T.P Vinggrasalam, Dato' Ir Abdul Rahim Abu Bakar, Datuk Zalekha Hassan

*Setiausaha-setiausaha:*
Idrus Ismail, Hamizah Abidin, Zaiton Ahmad

# PROFIL PENGARAH



**TAN SRI DATO' SERI DR SULAIMAN MAHBOB**
PENGERUSI/PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman, 66 tahun, warganegara Malaysia telah dilantik sebagai Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif TM pada 12 Januari 2015. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya, Sarjana Sains dari University of London dan Ijazah Kedoktoran dari Maxwell School of Citizenship and Public Affairs, Syracuse University, New York. Beliau juga telah mengikuti kursus Reformasi Mata Wang Dunia di Harvard University pada tahun 1999. Beliau telah dianugerahkan Doktor Kehormat dalam Pengurusan Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada Oktober 2013.

Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman telah berkhidmat lebih 38 tahun di sektor Kerajaan dengan memegang pelbagai jawatan termasuk sebagai Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Setiausaha Bahagian (Ekonomi) di Kementerian Kewangan, juga Ketua Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) ketika krisis kewangan pada tahun 1997/1998 dan Malaysia melaksanakan polisi kawalan modal. Beliau juga pernah dipinjamkan ke Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) sebagai Pengarah Eksekutif dari 1995 sehingga 1997. Beliau pernah berkhidmat di Institut Integriti Malaysia (IIM) sebagai Presiden Pengasas dari 2004 sehingga 2005, di mana beliau memperkenalkan beberapa program bagi menggalakkan budaya beretika dan integriti dalam sektor awam dan swasta selaras dengan Pelan Integriti Nasional Kerajaan.

Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman adalah mantan Pengerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia serta ahli Lembaga Petroliam Nasional Berhad (Petronas), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi.

Beliau kini merupakan Pengerusi Universiti Telekom Sdn Bhd dan GITN Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh TM, dan juga Pengerusi MIER serta Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG). Beliau juga merupakan Timbalan Pengerusi Persatuan Ekonomi Malaysia (MEA) dan ahli Lembaga Bank Negara Malaysia, Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa (ISIS) dan Felda Global Ventures Holdings Berhad. Beliau adalah Profesor Adjung (Ekonomi) di Universiti Malaya, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Tun Abdul Razak.

Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman mematuhi Perenggan 15.06(1) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (Keperluan Penyenaraian Utama) Bursa Malaysia Securities Berhad berkaitan sekatan ke atas bilangan keahlian sebagai pengarah dalam syarikat yang tersenarai, di mana beliau mempunyai dua keahlian dalam syarikat yang tersenarai termasuk TM.

Beliau adalah Pengarah Bukan Eksekutif yang dicalonkan oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), iaitu Pemegang Saham Istimewa TM dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.



## TAN SRI DATO' SRI ZAMZAMZAIRANI MOHD ISA
PENGARAH URUSAN/
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN
PENGARAH EKSEKUTIF BUKAN BEBAS

Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani, 54 tahun, warganegara Malaysia, dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Bukan Bebas dan memegang jawatan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM pada 25 April 2008. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Komunikasi dari Plymouth Polytechnic, United Kingdom (UK) dan telah menamatkan program Kewangan Korporat, Strategi Dalam Membentuk Nilai Pemegang Saham di Kellog School of Management, Northwestern University, Amerika Syarikat. Beliau pernah mengikuti Program Kepimpinan Strategik di Saïd Business School, University of Oxford dan juga Sesi Mejabulat Ketua Pegawai Eksekutif IMD di Lausanne, Switzerland pada tahun 2013.

Beliau mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam industri telekomunikasi di mana 13 tahun pertamanya adalah di TM. Beliau kemudiannya menyertai beberapa syarikat multinasional seperti Global One Communications dan Lucent Technologies (Malaysia) Sdn Bhd, sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sebelum kembali semula ke TM pada tahun 2005 sebagai Naib Presiden Kanan, Strategi dan Teknologi Kumpulan. Beliau seterusnya dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysia Business sebelum menyandang jawatan sekarang.

Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani merupakan pengarah beberapa anak syarikat Kumpulan TM termasuk sebagai Pengerusi VADS Berhad, Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd dan TM Net Sdn Bhd serta sebagai Timbalan Pengerusi GITN Sdn Bhd.

Di bawah kepimpinan beliau, TM telah berjaya melancarkan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi melalui kolaborasi bersejarah bersama Kerajaan Malaysia pada tahun 2010. Beliau merupakan Profesor Adjung di Universiti Multimedia.

Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani mematuhi Perenggan 15.06(1) Keperluan Penyenaraian Utama, di mana beliau mempunyai satu keahlian dalam syarikat yang tersenarai iaitu TM.

Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM, Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani merupakan ahli Jawatankuasa Tender Lembaga (JTL) TM. Beliau adalah Pengarah Eksekutif yang dicalonkan oleh MKD, iaitu Pemegang Saham Istimewa TM dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

Datuk Bazlan, 51 tahun, warganegara Malaysia, dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Bukan Bebas TM pada 25 April 2008. Beliau juga merupakan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan TM sejak 1 Mei 2005. Datuk Bazlan adalah Ahli Felow Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA), UK dan juga Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Isu, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dari tahun 2006 hingga 2010. Beliau telah mengikuti Program IMD untuk Eksekutif Kanan pada tahun 2008 dan Program Kepimpinan Strategik di Saïd Business School, University of Oxford pada tahun 2013.

Beliau memulakan kerjaya sebagai juruaudit di Tetuan Hanafiah Raslan Mohamad, sebuah firma perakaunan awam pada tahun 1986 dan seterusnya berkhidmat dengan Kumpulan Sime Darby dengan menjawat pelbagai jawatan di bahagian pengurusan kewangan korporat di Kuala Lumpur, Singapura dan Melaka. Datuk Bazlan pernah menyertai American Express Malaysia Berhad pada tahun 1993 sebelum menyertai Kumpulan FIMA Berhad pada tahun 1994 sebagai Naib Presiden Kanan Kewangan/ Setiausaha Syarikat. Beliau menyertai Celcom Axiata Berhad pada tahun 2001 sebagai Naib Presiden Kanan Kewangan Korporat dan Perbendaharaan dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan pada tahun 2002 sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan TM pada tahun 2005.

Beliau juga bertanggungjawab menyelia operasi Perniagaan Global dan Borong, Perniagaan Sokongan TM dan Universiti Multimedia. Datuk Bazlan merupakan Pengerusi Fiberail Sdn Bhd dan pengarah beberapa anak syarikat Kumpulan TM termasuk VADS Berhad dan Tulip Maple Berhad.

Datuk Bazlan mematuhi Perenggan 15.06(1) Keperluan Penyenaraian Utama, di mana beliau mempunyai satu keahlian dalam syarikat yang tersenarai iaitu TM.

Datuk Bazlan merupakan ahli JTL, Jawatankuasa Risiko Lembaga (JRL) dan Jawatankuasa Pelaburan Lembaga (JPL) TM. Beliau adalah Pengarah Eksekutif yang dicalonkan oleh MKD, iaitu Pemegang Saham Istimewa TM dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.



## DATUK BAZLAN OSMAN
PENGARAH EKSEKUTIF/
KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN
PENGARAH EKSEKUTIF BUKAN BEBAS



## DATO' FAUZIAH YAACOB
PENGARAH BUKAN BEBAS
BUKAN EKSEKUTIF

Dato' Fauziah, 59 tahun, warganegara Malaysia, dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif TM pada 4 Mac 2013. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dan Diploma Pendidikan, kedua-duanya dari Universiti Malaya. Beliau juga memperolehi Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Diploma Pengajian Pentadbiran dan Sarjana Pentadbiran Awam dari University of Liverpool, UK.

Kerjaya Dato' Fauziah dalam perkhidmatan awam bermula sejak tahun 1981 sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Pendidikan dan telah dilantik sebagai Ketua Penolong Setiausaha di kementerian yang sama dari tahun 1986 sehingga 1987. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke UK dan kembali pada tahun 1989 untuk berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Kewangan sehingga 1992. Beliau kemudiannya ditugaskan ke Kementerian Pengangkutan sebagai Penolong Pengarah untuk tempoh dua tahun dan pernah ditugaskan sebagai Pengurus Kanan di Kuala Lumpur International Airport Berhad dari tahun 1993 sehingga 1999. Dato' Fauziah kembali ke Kementerian Kewangan sebagai Ketua Penolong Pengarah di Bahagian Belanjawan dari tahun 1999 sehingga 2006 dan telah berkhidmat di pelbagai bahagian di kementerian tersebut termasuk sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Sistem dan Kawalan) sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pelaburan) pada 15 Januari 2014.

Dato' Fauziah adalah Pengarah Pos Malaysia Berhad dan beberapa syarikat dan agensi berkaitan Kerajaan seperti Pembinaan BLT Sdn Bhd, Aman Sukuk Berhad (anak syarikat Pembinaan BLT Sdn Bhd), Pyrotechnical Managers Holdings Sdn Bhd, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan ahli Suruhanjaya Sekuriti. Beliau juga merupakan Pengarah Ganti Malaysian Airline System Berhad dan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA).

Beliau mematuhi Perenggan 15.06(1) Keperluan Penyenaraian Utama, di mana beliau memegang dua keahlian sebagai pengarah dalam syarikat yang tersenarai termasuk TM.

Dato' Fauziah merupakan ahli JTL dan JPL TM. Beliau adalah Pengarah Bukan Eksekutif yang dicalonkan oleh MKD, iaitu Pemegang Saham Istimewa TM dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.



## TUNKU DATO' MAHMOOD FAWZY TUNKU MUHIYIDDIN
PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

Tunku Dato' Mahmood Fawzy, 56 tahun, warganegara Malaysia, dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif TM pada 25 April 2008. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dalam Pengajian Perniagaan dari Polytechnic of Central London (sekarang Westminster University), Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Warwick University, UK dan Diploma Pemasaran dari Chartered Institute of Marketing. Beliau merupakan ahli Akauntan Awam Australia, Institut Pengurusan Malaysia (MIM) dan Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG).

Tunku Dato' Mahmood Fawzy telah memegang pelbagai jawatan sepanjang kerjayanya. Beliau bermula sebagai Penganalisa Tukaran Asing di NCR UK Limited dan kemudiannya menyertai Svenska Handelsbanken, London sebagai Penganalisa Risiko sebelum menyertai Shell Malaysia Trading Sdn Bhd pada tahun 1990 dan seterusnya ditugaskan ke Shell New Zealand pada tahun 1991. Pada tahun 1997, beliau menyertai Wira Security Holdings Sdn Bhd, sebuah syarikat pemegang pelaburan, sebagai Pengarah Eksekutif dan kemudiannya beralih ke Tajo Bhd sebagai Ketua Pegawai Eksekutif. Tunku Dato' Mahmood Fawzy kemudiannya menyertai PricewaterhouseCoopers sebagai Pengarah Eksekutif, Kewangan Korporat pada tahun 2000. Pada tahun 2002, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Engen Limited, anak syarikat Petronas, sebuah syarikat minyak bersepadu yang berpengkalan di Afrika Selatan. Beliau seterusnya dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Energy Africa Limited sehingga Januari 2004 dan merupakan ahli Lembaga Gabenor Persatuan Industri Petroliam Afrika Selatan (SAPIA). Tunku Dato' Mahmood Fawzy meninggalkan Engen pada bulan Jun 2005 dan menyertai sebuah syarikat perkapalan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sehingga bulan Disember 2006. Beliau menyertai Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) sebagai Pengarah Pelaburan pada bulan Mei 2007 dan kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Pelaburan sebelum bersara dari Khazanah pada Mei 2010.

Tunku Dato' Mahmood Fawzy juga merupakan Pengarah Hong Leong Islamic Bank Berhad, Hong Leong Assurance Berhad, Hong Leong MSIG Takaful Berhad, Hong Leong Asset Management Berhad, SapuraKencana Petroleum Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad dan Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd, anak syarikat TM. Beliau mematuhi Perenggan 15.06(1) Keperluan Penyenaraian Utama, di mana beliau mempunyai tiga keahlian sebagai Pengarah dalam syarikat tersenarai termasuk TM.

Tunku Dato' Mahmood Fawzy merupakan Pengerusi Bukan Eksekutif Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran Lembaga (JPG) dan juga ahli Jawatankuasa Audit Lembaga (JAL) TM. Beliau adalah Pengarah Bukan Eksekutif yang mewakili Pemegang Saham Utama Syarikat, Khazanah dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

---

Dato' Danapalan, 72 tahun, warganegara Malaysia, dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif TM pada 25 April 2008 dan dilantik sebagai Pengarah Bebas Kanan TM pada 21 Mei 2009. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Awam dari Penn State University, Amerika Syarikat.

Beliau merupakan Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dari Februari 2004 sehingga persaraan beliau pada bulan Mac 2006. Dato' Danapalan pernah menjadi Naib Presiden Kanan di Multimedia Development Corporation Sdn Bhd dari bulan Jun 1998 sehingga Januari 2004. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dari Disember 1991 hingga Mac 1998, Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Pembangunan Sosial dan Masyarakat dan Timbalan Pengarah di INTAN.

Dato' Danapalan merupakan Pengarah Gibraltar BSN Life Berhad (dahulunya Uni.Asia Life Assurance Berhad) dan Sirim QAS International Sdn Bhd (sebuah anak syarikat Sirim Berhad), dan salah seorang ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan M.U.S.T Ehsan dan Yayasan Maybank. Beliau juga merupakan Pengerusi Telekom Research & Development Sdn Bhd dan Pengarah Universiti Telekom Sdn Bhd, anak-anak syarikat milik penuh TM.



Dato' Danapalan mematuhi Perenggan 15.06(1) Keperluan Penyenaraian Utama, di mana beliau mempunyai satu keahlian sebagai Pengarah dalam syarikat yang tersenarai iaitu TM.

Dato' Danapalan merupakan ahli JAL, JPG, JPL dan JRL TM. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

## DATO' DANAPALAN T.P VINGGRASALAM
PENGARAH BEBAS KANAN BUKAN EKSEKUTIF



## DATUK ZALEKHA HASSAN
PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

Datuk Zalekha, 61 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif TM pada 9 Januari 2008 dan dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 1 Jun 2011 berikutan persaraan beliau dari Kementerian Kewangan. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya.

Datuk Zalekha memulakan kerjayanya dalam perkhidmatan awam pada tahun 1977 sebagai Penolong Pengarah, Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya di Jabatan Perkhidmatan Awam. Beliau pernah berkhidmat di beberapa kementerian termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Beliau kemudiannya menyertai Kementerian Kewangan sebagai Penolong Pengarah Kanan Bahagian Belanjawan pada tahun 1997 dan telah memegang pelbagai jawatan termasuk di Bahagian Perolehan Kerajaan. Beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) di Kementerian Kewangan sebelum bersara pada bulan Mei 2011. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Penasihat Perolehan di Kementerian Kewangan dari bulan Jun 2011 sehingga Jun 2013.

Datuk Zalekha juga adalah ahli Lembaga Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh TM dan merupakan Pengarah Malaysia Airports Holdings Berhad. Beliau mematuhi Perenggan 15.06(1) Keperluan Penyenaraian Utama, di mana beliau mempunyai dua keahlian sebagai Pengarah dalam syarikat yang tersenarai, termasuk TM.

Datuk Zalekha merupakan Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif JTL dan ahli JAL dan JPG TM. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

---

Dato' Ir Abdul Rahim, 69 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif TM pada 25 April 2008. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Kejuruteraan Elektrik dari Brighton College of Technology, UK. Beliau adalah ahli Institut Jurutera Malaysia dan seorang Jurutera Profesional, serta memiliki Sijil Kompetensi Jurutera Elektrik Gred 1.

Dato' Ir Abdul Rahim memulakan kerjaya pada tahun 1969 di Lembaga Letrik Negara dan telah memegang pelbagai jawatan teknikal dan kejuruteraan ketika di situ sehingga 1979. Beliau kemudiannya menyertai Pernas Charter Management Sdn Bhd, sebuah syarikat pengurusan industri perlombongan bijih timah sebagai Jurutera Elektrik Daerah sebelum dilantik sebagai Ketua Jurutera Elektrik pada akhir 1983.

Beliau menyertai Malaysia Mining Corporation Berhad pada tahun 1984 sebagai Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan sehingga tahun 1991. Pada bulan November 1991, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan MMC Engineering Services Sdn Bhd dan seterusnya sebagai Pengarah Urusan MMC Engineering Group Berhad. Pada bulan Mei 1995, Dato' Ir Abdul Rahim telah menyertai Petronas Gas Berhad sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Pengawai Eksekutif sehingga bulan Ogos 1999. Pada bulan September 1999, beliau dilantik sebagai Timbalan Presiden di Petronas mengetuai Perniagaan Petro-Kimia sehingga persaraan beliau pada 31 Ogos 2002. Beliau kemudiannya dilantik sebagai perunding bebas Petronas selama 6 bulan. Setelah itu, Dato' Ir Abdul Rahim dilantik sebagai pengarah beberapa syarikat persendirian dan syarikat awam, termasuk TM.

Dato' Ir Abdul Rahim kini merupakan Pengarah Westports Holdings Berhad dan Global Maritime Ventures Berhad. Beliau mematuhi Perenggan 15.06(1) Keperluan Penyenaraian Utama, di mana beliau mempunyai dua keahlian sebagai Pengarah dalam syarikat yang tersenarai termasuk TM.

Dato' Ir Abdul Rahim merupakan Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif JPL, dan ahli JPG dan JRL TM. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau pemegang saham utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.



## DATO' IR ABDUL RAHIM ABU BAKAR
PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

Dato' Ibrahim, 62 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif TM pada 25 April 2008. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Ekonomi (Analitikal) (Kepujian) dari Universiti Malaya.

Beliau merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Dagangan Berhad (PDB) sehingga persaraan beliau pada 31 Disember 2007. Beliau telah menerajui transformasi PDB yang melibatkan strategi pembangunan jenama, perniagaan, serta sistem pentadbiran dan pembayaran elektronik. Dato' Ibrahim menyertai Petronas pada tahun 1979 dan pernah memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan di situ di antaranya sebagai Pengurus Kanan Kawasan Timur dan Utara, Pengurus Besar Perniagaan Gas Petroleum Cecair (Liquified Petroleum Gas- LPG) dan Perniagaan Runcit di PDB serta Pengurus Besar Kumpulan Minyak Mentah, Petronas.

Dato' Ibrahim juga merupakan ahli Lembaga Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh TM dan Pengarah UMW Oil & Gas Corporation Berhad. Beliau mematuhi Perenggan 15.06 Keperluan Penyenaraian Utama, di mana beliau mempunyai dua keahlian sebagai Pengarah dalam syarikat yang tersenarai termasuk TM.

Dato' Ibrahim merupakan Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif JRL dan ahli JPG, JAL dan JTL TM. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.



**DATO' IBRAHIM MARSIDI**
PENGARAH BEBAS
BUKAN EKSEKUTIF

---



David, 61 tahun, warganegara Itali, dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif TM pada 21 November 2011. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Matematik dan memperolehi Sarjana dalam Matematik dari University of Oxford, UK dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Harvard University, Amerika Syarikat.

David pernah menjadi Pengarah dan Ketua Pengamal bagi UK Telecom, Media dan Amalan Teknologi di McKinsey & Company, sebuah firma yang disertainya pada bulan Ogos 1982. Beliau bersara pada bulan Jun 2011 dan kini merupakan Pengarah Emeritus di firma yang sama.

**DAVIDE GIACOMO FEDERICO BENELLO @ DAVID BENELLO**
PENGARAH BEBAS
BUKAN EKSEKUTIF

Beliau berpengalaman luas sebagai perunding strategi korporat, teknologi komunikasi maklumat, pemulihan perniagaan serta operasi dan perkhidmatan pelanggan bagi syarikat-syarikat telekomunikasi terutamanya di Eropah (selain dari Amerika Syarikat dan Asia). Sebelum itu, David pernah berkhidmat sebagai Pegawai Kanan di Arthur Andersen dan Leftenan Muda di Scuola Militare Alpina, Aosta, Itali. Beliau juga merupakan Pengarah Bebas Telecom Italia S.p.A.

Beliau mematuhi Perenggan 15.06(1) Keperluan Penyenaraian Utama, di mana beliau mempunyai satu keahlian sebagai Pengarah dalam syarikat yang tersenarai iaitu TM.

Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu dan tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.



## DATUK SERI FATEH ISKANDAR TAN SRI DATO' MOHAMED MANSOR
PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

Datuk Seri Fateh Iskandar, 47 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif TM pada 7 Oktober 2013. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Perundangan (Kepujian) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Queensland University, Australia.

Beliau merupakan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Glomac Berhad (Glomac). Beliau menyertai Kumpulan Glomac sejak tahun 1992 dan dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Kumpulan pada tahun 1997. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Urusan Kumpulan pada tahun 2004 dan seterusnya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Glomac pada 24 Mac 2009. Sebelum menyertai Glomac, Datuk Seri Fateh Iskandar merupakan pengamal undang-undang di Australia dan menyertai Kumpulan Perangsang Selangor Berhad sekembalinya ke Malaysia.

Datuk Seri Fateh Iskandar merupakan Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) dan juga bekas Pengerusi REHDA cawangan Selangor. Beliau merupakan mantan Timbalan Pengerusi Dewan Perniagaan Malaysia Australia (MABC), Pengerusi Gagasan Badan Ekonomi Melayu (GABEM) cawangan Selangor, sebuah badan yang menggalakkan keusahawanan Melayu di negara ini. Beliau adalah Pengerusi Bersama Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) dalam bahagian Perundangan dan Perkhidmatan dan ahli Pemudah Selangor. Beliau juga adalah salah seorang Pengarah Pengasas Malaysia Property Incorporated, sebuah perkongsian di antara Kerajaan dan sektor swasta yang ditubuhkan bagi menggalakkan pelaburan hartanah dan milikan di Malaysia kepada warga asing di seluruh dunia.

Beliau adalah penerima Anugerah Perniagaan Malaysia (Hartanah) 2012 dari Dewan Perniagaan Melayu Malaysia dan juga Anugerah Keusahawanan Cemerlang 2013 Malaysia sempena Anugerah Kecemerlangan Asia Pasifik Malaysia 2013. Pada April 2014, beliau telah menerima "Anugerah Kepimpinan Global 2014 – Pembangunan Hartanah Komersil" dari The Leaders International.

Datuk Seri Fateh Iskandar merupakan pengarah VADS Berhad (anak syarikat milik penuh TM), Axis Reit Managers Berhad, Media Prima Berhad dan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.

Beliau mematuhi Perenggan 15.06(1) Keperluan Penyenaraian Utama, di mana beliau mempunyai empat keahlian sebagai Pengarah dalam syarikat yang tersenarai termasuk TM.

Datuk Seri Fateh Iskandar merupakan ahli JPL dan JRL TM. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu dan tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

---



## GEE SIEW YOONG
PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

Gee Siew Yoong, 65 tahun, warganegara Malaysia, dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif TM pada 13 Mac 2014. Beliau adalah ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan MIA. Beliau pernah mengikuti International Banking Summer School (IBSS) di Cambridge, Massachusetts, Amerika Syarikat.

Kerjaya beliau bermula di PriceWaterhouse pada tahun 1969 yang mana jawatan terakhir beliau sebelum meninggalkan firma tersebut pada tahun 1981 adalah Pengurus Audit Kanan dan Pengurus Pendidikan Berterusan. Beliau kemudiannya menyertai Kumpulan Selangor Pewter sebagai Pengawal Kewangan Kumpulan dan telah dipinjamkan ke Amerika Syarikat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Senaca Crystal Inc, sebuah syarikat Kumpulan Selangor Pewter yang sedang menjalani penyusunan semula di bawah Bab XI, Kod Kebangkrapan Amerika Syarikat. Beliau kemudiannya bertugas sebagai Pembantu Peribadi kepada Pengerusi Eksekutif Kumpulan Lipkland dari tahun 1985 hingga 1987.

Gee telah dilantik oleh Bank Negara Malaysia sebagai Pengarah Eksekutif dan Ketua Eksekutif Supreme Finance (M) Berhad, sebuah institusi kewangan yang ketika itu sedang menjalani penyusunan semula di bawah pengawasan Bank Negara sehingga selesainya penyusunan semula tersebut pada tahun 1991. Beliau kemudiannya menyertai Land & General Berhad sebagai Ketua Bahagian Kumpulan, Perkhidmatan Pembangunan Pengurusan pada tahun 1993 sebelum menyertai Multi-Purpose Capital Holdings Berhad sebagai Pembantu Eksekutif kepada Ketua Eksekutif dari tahun 1997 hingga 1999. Dalam tempoh tersebut, beliau juga merupakan Pengarah Multi-Purpose Bank Berhad, Multi-Purpose Insurans Berhad dan Pengarah Eksekutif Multi-Purpose Trustee Berhad.

Beliau kini merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Sapura Resources Berhad, SapuraKencana Petroleum Berhad dan Malaysia Smelting Corporation Berhad. Beliau mematuhi Perenggan 15.06(1) Keperluan Penyenaraian Utama, di mana beliau memegang empat keahlian sebagai Pengarah dalam syarikat yang tersenarai, termasuk TM.

Gee merupakan Pengerusi Bukan Eksekutif JAL dan ahli JPL dan JRL TM. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu dan tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

Dato' Siti Zauyah, 55 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Ganti Bukan Bebas Bukan Eksekutif kepada Dato' Fauziah Yaacob pada 5 November 2014. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains dalam Juruukur Bahan dari University of Reading, UK, Diploma Pengurusan Awam dari INTAN dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perbankan Antarabangsa) dari University of Manchester, UK.

Dato' Siti Zauyah memulakan kerjaya dalam pentadbiran awam pada tahun 1982 sebagai Juruukur Bahan di Jabatan Kerja Raya dan kemudiannya memegang pelbagai jawatan di sebuah institut pengajian tinggi dan beberapa syarikat swasta sebelum mengambil Diploma Pentadbiran Awam di INTAN. Beliau kemudiannya menyertai Kementerian Kewangan sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Pengurusan Kontrak dari tahun 1989 sehingga 1993 sebelum melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana pada tahun 1995. Dato' Siti Zauyah meneruskan khidmat sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Cukai dan Kewangan di Kementerian Kewangan sebelum dinaikkan pangkat sebagai Ketua Penolong Setiausaha pada tahun 2001. Pada tahun 2003, beliau telah dipinjamkan ke Bank Pembangunan Asia di Manila sebagai Penasihat kepada Pengarah sehingga bulan Ogos 2006. Sekembalinya ke Malaysia, beliau telah menyambung perkhidmatan di Bahagian Pengurusan Pinjaman di Kementerian Kewangan dan dilantik sebagai Timbalan Setiausaha (Ekonomi, Pengangkutan dan Infrastruktur Awam), Pelaburan MKD dan Bahagian Penswastaan pada bulan April 2008. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Setiausaha, Bahagian Pengurusan Pinjaman pada bulan November 2012 dan seterusnya Setiausaha, Bahagian Pelaburan Syarikat Kerajaan sebelum dilantik ke jawatan sekarang sebagai Pengarah, Belanjawan Negara di Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan pada 18 Disember 2014.

Dato' Siti Zauyah juga merupakan Pengarah Malaysia Airports Holdings Berhad, Bank Simpanan Nasional, Johor Corporation, Malaysia Debt Ventures Berhad, Prasarana Malaysia Berhad dan Westports Malaysia Sdn Bhd (anak syarikat Westports Holdings Berhad) serta Pengarah Ganti di Johor Petroleum Development Corporation Berhad. Beliau mematuhi Perenggan 15.06(1) Keperluan Penyenaraian Utama, di mana beliau mempunyai dua keahlian dalam syarikat yang tersenarai termasuk TM.

Dato' Siti Zauyah juga merupakan Ahli Ganti kepada Dato' Fauziah Yaacob di dalam JTL dan JPL TM. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu dan tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.



**DATO' SITI ZAUYAH MD DESA**
PENGARAH GANTI
BUKAN BEBAS
BUKAN EKSEKUTIF



**NIK RIZAL KAMIL**
**TAN SRI NIK IBRAHIM KAMIL**
PENGARAH GANTI
BUKAN BEBAS
BUKAN EKSEKUTIF

Nik Rizal Kamil, 42 tahun, warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Pengarah Ganti Bukan Bebas Bukan Eksekutif kepada Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin pada 29 November 2012. Beliau berkelulusan Sarjana Sains (Kewangan) dari London Business School dan Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi & Perakaunan dari University of Bristol, UK. Beliau juga merupakan ahli Felow Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Bertauliah England dan Wales (ICAEW).

Kerjaya profesional beliau bermula pada tahun 1995 sebagai Akauntan/Juruaudit di Coopers & Lybrand, UK selama dua tahun. Beliau kembali ke Kuala Lumpur pada 1997 dan menyertai Arthur Anderson & Co sebagai Penolong Pengurus Audit dan Penasihat Perniagaan. Setelah lima tahun dalam bidang pengauditan, Nik Rizal menyertai RHB Sakura Merchant Bankers Bhd pada tahun 2000 sebagai Penolong Pengurus di bahagian kewangan korporat. Beliau kemudiannya menyertai Sarawak Shell Berhad sebagai Perancang Sektor Utama di bahagian Perancangan Perniagaan di Miri, Sarawak selama dua tahun sebelum dihantar ke Bahagian Carigali dan Pengeluaran Kawasan Shell di Singapura sebagai Penganalisa Kanan Perniagaan. Pada masa yang sama, Nik Rizal juga telah diberi tanggungjawab sebagai Ketua Perancangan dan Ekonomi di Shell Deepwater Borneo Ltd, Brunei. Pada awal tahun 2007, beliau telah ditugaskan ke ibu pejabat Shell Corporate Global di London sebagai Penganalisa Kanan Kewangan Hiliran bagi perniagaan pelincir global dan perniagaan B2B. Beliau merupakan Pengurus Kewangan Projek Khas di Shell Malaysia Limited sebelum menyertai Khazanah sebagai Pengarah Pelaburan pada bulan April 2011.

Nik Rizal mematuhi Perenggan 15.06(1) Keperluan Penyenaraian Utama, di mana beliau mempunyai satu keahlian sebagai Pengarah Ganti dalam syarikat yang tersenarai iaitu TM.

Beliau juga merupakan ahli JTL dan JPL TM. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan undang-undang dalam tempoh 10 tahun yang lalu dan tidak mempunyai sebarang talian persaudaraan dengan mana-mana Pengarah Syarikat atau Pemegang Saham Utama TM mahupun sebarang percanggahan kepentingan dengan Syarikat.

# BARISAN KEPIMP

*Duduk dari Kanan ke Kiri*
Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa, Dato' Ghazali Omar, Nor Akmar Md Yunus

*Berdiri dari Kiri ke Kanan*
Moharmustaqeem Mohamed, Zaidy Jaafar, Massimo Migliuolo, Michael Parker, Badrul Hisham Ahmad, Nooreha Shaarani, Dato' Kairul Annuar Mohamed Zamzam, Dato' Mohd Khalis Abdul Rahim, Giorgio Migliarina, Hazimi Kassim, Jeremy Kung, Dato' Zuraidah Mohd Said, Idrus Ismail



# INAN KUMPULAN

*Duduk dari Kiri ke Kanan*
Datuk Bazlan Osman, Dato' Mohd Rais Azhar, Shazurawati Abd Karim

*Berdiri dari Kiri ke Kanan*
Izlyn Ramli, Wan Ahmad Kamal Wan Halim, Mohamad Mohamad Zain, Ahmad Ismail, Asmawati Yusuf, Nizam Arshad, Rafaai Samsi, Zam Ariffin Ismail, Dr Farid Mohamed Sani, Ahmad Azhar Yahya, Rohaila Mohamed Basir, Imri Mokhtar, Mohamad Rozaimy Abd Rahman, Vasantha Mohan Vasudevan, Dato' Sharif Zaimi Abu Hashim



# PROFIL BARISAN KEP

## TAN SRI DATO' SRI ZAMZAMZAIRANI MOHD ISA

PENGARAH URUSAN/
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani, 54 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Komunikasi, United Kingdom (UK) dan telah mengikuti program Kewangan Korporat, Strategi Dalam Membentuk Nilai Pemegang Saham di Kellog School of Management. Beliau pernah mengikuti Program Kepimpinan Strategik di Saïd Business School, University of Oxford dan juga Sesi Mejabulat Ketua Pegawai Eksekutif IMD di Lausanne, Switzerland pada tahun 2013.

Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani dilantik sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM pada 25 April 2008. Beliau berpengalaman lebih 30 tahun di dalam industri telekomunikasi di mana 13 tahun pertamanya adalah di TM. Beliau kemudiannya menyertai beberapa syarikat multinasional seperti Global One Communications dan Lucent Technologies (Malaysia) Sdn Bhd sebagai Ketua Pegawai Eksekutif sebelum kembali semula ke TM pada tahun 2005 sebagai Naib Presiden Kanan, Strategi dan Teknologi Kumpulan. Beliau seterusnya dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysia Business sebelum memegang jawatan sekarang. Di bawah kepimpinan beliau dan melalui kolaborasi bersejarah bersama Kerajaan Malaysia, TM telah berjaya melancarkan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi pada tahun 2010. Beliau juga merupakan Profesor Adjung di Universiti Multimedia.

## DATUK BAZLAN OSMAN

PENGARAH EKSEKUTIF/
KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN

Datuk Bazlan, 51 tahun, adalah ahli Felow Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA), UK dan juga Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Isu, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dari tahun 2006 hingga 2010. Beliau telah mengikuti Program IMD untuk Eksekutif Kanan pada tahun 2008 dan Program Kepimpinan Strategik di Saïd Business School, University of Oxford pada tahun 2013.

Beliau memulakan kerjaya sebagai juruaudit di Tetuan Hanafiah Raslan Mohamad, sebuah firma perakaunan awam pada tahun 1986 dan seterusnya berkhidmat dengan Kumpulan Sime Darby dengan memegang pelbagai jawatan di bahagian pengurusan kewangan korporat di Kuala Lumpur, Singapura dan Melaka. Datuk Bazlan pernah menyertai American Express Malaysia Berhad pada tahun 1993 sebelum menyertai Kumpulan FIMA Berhad pada tahun 1994 sebagai Naib Presiden Kanan, Kewangan/Setiausaha Syarikat. Beliau menyertai Celcom Axiata Berhad pada tahun 2001 sebagai Naib Presiden Kanan Kewangan Korporat dan Perbendaharaan dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan pada tahun 2002 sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan TM pada 1 Mei 2005. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif TM pada 25 April 2008. Beliau juga bertanggungjawab menyelia operasi Perniagaan Global dan Borong, Perniagaan Sokongan TM dan Universiti Multimedia.

## DR FARID MOHAMED SANI

KETUA PEGAWAI STRATEGI

Dr Farid, 39 tahun, berkelulusan Ijazah Kedoktoran dalam Kejuruteraan Kimia, Sarjana Kejuruteraan dan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Kelas Pertama dengan pengkhususan dalam Kejuruteraan Kimia daripada University of Cambridge, UK.

Beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Strategi TM pada 1 Januari 2012. Sebelum menyertai TM, Dr Farid merupakan Pengarah Pelaburan khusus dalam sektor telekomunikasi di Khazanah Nasional Berhad (Khazanah). Beliau pernah bertugas di Pejabat Pengurusan Transformasi dan kemudiannya sebagai Naib Presiden Kanan, Pejabat Pengarah Urusan Khazanah. Dr Farid merupakan perunding di McKinsey & Company selama dua tahun sebelum menyertai Khazanah pada tahun 2004.

# IMPINAN KUMPULAN

## GIORGIO MIGLIARINA

KETUA PEGAWAI TEKNOLOGI DAN INOVASI/PENGERUSI AKAUN TERURUS

Giorgio, 46 tahun, berkelulusan Sarjana (Sains) dalam Kejuruteraan Elektronik dari Polytechnic University of Turin, Itali dan Sarjana Pengurusan Pentadbiran dari INSEAD, Perancis.

Beliau pernah menjadi rakan kongsi McKinsey & Company yang berpengkalan di London dan Beijing, memberi khidmat kepada beberapa pengendali terkemuka dunia dan syarikat-syarikat berteknologi tinggi. Beliau pernah berkhidmat di Olivetti SpA sebelum berpindah ke Infostrada SpA, syarikat pengendali talian tetap yang kedua terbesar di Itali. Di Infostrada SpA, Giorgio memegang pelbagai jawatan di bahagian perancangan rangkaian dan pembangunan korporat. Sebagai Ketua Pegawai Teknologi dan Inovasi (CTIO) TM, beliau bertanggungjawab terhadap Rangkaian, Teknologi Maklumat, Penyelidikan dan Pembangunan dan keseluruhan operasi teknikal. Selain itu, Giorgio juga diamanahkan untuk menyelia transformasi kluster Akaun Terurus TM, yang terdiri dari perniagaan Perusahaan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan Penyumberluaran Proses Perniagaan (BPO). Beliau pernah dinobatkan sebagai Ketua Pegawai Teknologi Asia 2012 oleh Asia Communication Award.

## DATO' MOHD KHALIS ABDUL RAHIM

KETUA PEGAWAI MODAL INSAN

Dato' Khalis, 51 tahun, berkelulusan Sarjana Pengurusan Sumber Manusia dari University of Canberra, Australia dan Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Psikologi Gunaan dari Coventry University, UK. Beliau telah ditauliahkan sebagai Pengamal Kanan Pengurusan Sumber Manusia Bertauliah (CAHRP) oleh Institut Pengurusan Sumber Manusia Malaysia dan merupakan Jurulatih Perniagaan dan Eksekutif Bertauliah dari Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCeD).

Beliau berpengalaman lebih 20 tahun dalam pengurusan modal insan dan pernah berkhidmat dengan beberapa syarikat multinasional dalam pelbagai industri. Dato' Khalis pernah terlibat dalam beberapa cabang bidang sumber manusia termasuk pembangunan organisasi, pengurusan prestasi, perhubungan perusahaan, perekayasaan sumber manusia serta pembangunan bakat. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Sumber Manusia di Colgate Palmolive Malaysia dari Jun 2000 sehingga Oktober 2006 dan seterusnya Pengarah Sumber Manusia Freescale Semiconductor, Malaysia, Singapura dan Rantaian Bekalan Asia selama tiga tahun. Beliau menyertai TM sebagai Ketua Pegawai Modal Insan pada 17 Ogos 2009. Dato' Khalis telah dianugerahkan sebagai Ketua Pegawai Sumber Manusia Tahunan dan Anugerah Kepimpinan Sumber Manusia di Majlis Anugerah Kecemerlangan Sumber Manusia Global ke-21 pada tahun 2013.

## IDRUS ISMAIL

KETUA UNDANG-UNDANG, PEMATUHAN DAN SETIAUSAHA SYARIKAT

Idrus, 61 tahun, berkelulusan Ijazah Ekonomi dari Universiti Malaya dan Sarjana Muda Undang-Undang dari National University of Singapore. Beliau memperolehi Sijil Penterjemahan dari Institut Terjemahan Negara, Malaysia, Sarjana Eksekutif dalam Perbankan dan Pembiayaan Islam dari Asia eUniversity dan kini sedang mengikuti Program Pembiayaan Islam di Pusat Antarabangsa bagi Kewangan Islam (INCEIF) secara dalam talian. Beliau telah diterima masuk ke Majlis Peguam pada tahun 1988.

Idrus memulakan kerjaya sebagai pelatih pengurusan di Petroliam Nasional Berhad (Petronas) dan berpengalaman lebih 30 tahun terutamanya dalam institusi kewangan konvensional dan Islam sebagai Setiausaha Syarikat serta Penasihat Undang-Undang Dalaman di institusi-institusi tersebut. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Syarikat di Kumpulan CIMB, bahagian kesetiausahaan syarikat PROKHAS (yang menyediakan perkhidmatan kesetiausahaan syarikat kepada syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan) dan Penasihat Kanan Perbankan Islam dan Kewangan di sebuah firma undang-undang korporat utama. Idrus menyertai TM pada 1 Disember 2009 sebagai Ketua Undang-undang dan Pematuhan, dan dilantik sebagai Setiausaha Syarikat TM pada 18 Januari 2010. Idrus juga bertanggungjawab ke atas pelaksanaan program-program bagi memupuk amalan etika dan integriti yang menyeluruh di TM seperti yang terkandung dalam Kod Etika Perniagaan TM. Beliau merupakan Pegawai Integriti Bertauliah yang ditauliahkan secara bersama oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Institut Integriti Malaysia.

## MOHAMAD MOHAMAD ZAIN
KETUA PEGAWAI PEROLEHAN

Mohamad, 51, seorang Pengamal Insurans Berkanun dan Ahli Bersekutu Chartered Insurance Institute, UK dan juga ahli Society of Fellow Chartered Insurance Institute, UK. Beliau juga memiliki Diploma dalam Insurans Am dari Australian Institute Insurance dan Sarjana Pengurusan Komunikasi dari University of Strathclyde Glasgow. Beliau adalah Pengerusi Persatuan Pengurusan Risiko dan Insurans Malaysia (MARIM). Beliau memperolehi pengalaman luas dalam perkhidmatan insurans semasa berkhidmat di syarikat insurans yang berpengkalan di UK selama enam tahun, termasuk sebagai Pegawai yang bertanggungjawab untuk agensi dan penaja jamin langsung pelanggan, pengurusan tuntutan dan insurans semula serta cadangan insurans untuk syarikat kad kredit dan jaminan bank kepada pelanggan domestik dan syarikat multinasional.

Mohamad menyertai TM pada tahun 1993 sebagai Penolong Pengurus dan telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan program insurans korporat dan mempelopori pelaksanaan Program Pengurusan Risiko Perniagaan TM pada tahun 2001. Pada tahun 2007, beliau telah dilantik sebagai Pengurus Besar (PB) Kumpulan Jaminan Perniagaan yang lebih luas portfolionya meliputi Pengurusan Risiko Enterpris, Jaminan Pendapatan, Pengurusan Penipuan, Pengurusan Insurans, Polisi Pengurusan dan Pemantauan Kredit, Pematuhan Korporat, Pengurusan Kesinambungan Perniagaan dan Pengurusan Perniagaan Perusahaan. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Naib Presiden (NP), Kumpulan Jaminan Perniagaan pada tahun 2011 dan seterusnya dilantik sebagai Ketua Pegawai Perolehan pada 1 September 2014.

## HAZIMI KASSIM
KETUA AUDIT DALAMAN

Hazimi, 50 tahun, berkelulusan Sarjana Muda (Perakaunan) dari University of Canberra, Australia. Beliau pernah mengikuti Program Lanjutan Pengurusan Wharton di University of Pennsylvania, Amerika Syarikat pada tahun 2006. Beliau merupakan Akauntan Bertauliah (CPA) dari Australian Society of Certified Practising Accountants (ASCPA) dan ahli bertauliah MIA dan Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM).

Hazimi berpengalaman luas dalam bidang audit luaran dan audit dalaman, kewangan dan pengurusan akaun, kewangan korporat serta perancangan strategik, pembangunan perniagaan dan hubungan pelabur. Beliau berpengalaman luas dalam pelbagai industri termasuk perkhidmatan audit dan perundingan, sekuriti, insurans perbankan dan telekomunikasi. Beliau pernah berkhidmat di Malayan Banking Berhad sebagai Ketua Audit Eksekutif di Bahagian Audit Dalaman dan Ketua Perancangan Strategik dan Korporat sebelum menyertai TM pada 1 November 2011 sebagai Ketua Audit Dalaman.

## AHMAD ISMAIL
KETUA PEGAWAI KORPORAT DAN KAWAL SELIA

Ahmad, 54 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dari University of Aston, Birmingham, UK dan memperolehi Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Multimedia, Cyberjaya.

Beliau menyertai TM pada 1983 sebagai Penolong Pengawal Telekom dan telah memegang pelbagai jawatan kejuruteraan sebelum diberi tanggungjawab dalam pengurusan. Sepanjang lebih 30 tahun perkhidmatan bersama Kumpulan TM, beliau pernah bertugas sebagai Pengarah Urusan TM International Bangladesh Limited (sekarang dikenali sebagai Robi Axiata Limited), PB Strategi Perniagaan, TM Retail, Ketua Pegawai Strategi Bahagian Strategi Telco TM, Ketua Pegawai Eksekutif Telekom Sales & Services Sdn Bhd, dan juga PB Operasi Negeri, TM Pulau Pinang dan TM Melaka. Pada tahun 2008, beliau telah dilantik sebagai NP, Pengurusan Khidmat Pelanggan dan kemudiannya NP, Pejabat Pengurusan Program dan Prestasi pada Julai 2010. Ahmad telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Korporat dan Kawal Selia sejak 1 Oktober 2010.

## RAFAAI SAMSI

### KETUA PENGURUSAN DAN TRANSFORMASI PENGALAMAN PELANGGAN/TIMBALAN KETUA PEGAWAI TEKNOLOGI DAN INOVASI

Rafaai, 57 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Sains dengan kepujian dalam bidang Kejuruteraan Elektronik dari Brighton University, UK dan Sarjana Pengurusan Komunikasi dari Stratchlyde University, UK.

Kerjaya beliau di bidang telekomunikasi bermula di Jabatan Telekom Malaysia pada tahun 1978 dan telah memegang pelbagai tugas meliputi bidang teknikal dan pengurusan perniagaan telekomunikasi dalam Kumpulan TM. Beliau pernah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif syarikat usahasama TM-NTT Communications Corporation pada bulan Julai 1997 sebelum kembali semula ke TM pada bulan Julai 2001 dan ditugaskan sebagai PB di beberapa bahagian operasi TM termasuk operasi perniagaan di peringkat negeri, Pembangunan Pasaran dan Bahagian Perniagaan Pengendali Perkhidmatan Domestik. Beliau dilantik sebagai NP, Pemasaran dan Jualan bagi segmen Borong pada bulan Oktober 2006 dan kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Naib Presiden Eksekutif (NPE) Perniagaan Borong pada 1 Julai 2008. Rafaai telah ditugaskan sebagai Timbalan Ketua Pegawai Teknologi dan Inovasi bagi mengurus operasi seharian dan pelaksanaan inisiatif dalam memajukan Bahagian IT dan Rangkaian Teknologi TM sejak Januari 2013. Pada 1 Julai 2014, beliau ditugaskan sebagai Ketua Pengurusan dan Transformasi Pengalaman Pelanggan yang melapor terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM dan pada masa yang sama kekal sebagai Timbalan Ketua Pegawai Teknologi dan Inovasi. Beliau juga merupakan Pengerusi Majlis Pengurusan Perkhidmatan yang bertanggungjawab terhadap keseluruhan pengurusan khidmat pelanggan TM.

## AHMAD AZHAR YAHYA

### KETUA ADVOKASI PELANGGAN

Ahmad Azhar, 50 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Sains dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dari Oklahoma State University, Amerika Syarikat.

Beliau memulakan kerjaya sebagai jurutera di Agilent Technologies (dahulunya Hewlett Packard) pada tahun 1987. Beliau kemudiannya menyertai syarikat perunding pengurusan, Accenture pada tahun 1990 dan bertanggungjawab ke atas beberapa portfolio pelanggan di Malaysia, Asia dan Timur Tengah dari pelbagai industri seperti komunikasi, teknologi tinggi, petroleum dan gas serta sektor perkhidmatan awam. Beliau berpengalaman dalam perancangan strategik dan perubahan pengurusan, sistem sokongan perniagaan dan operasi, pengurusan sumber perusahaan, pengurusan hasil dan hubungan pelanggan. Beliau merupakan Rakan Kongsi di Accenture pada tahun 2000 sebelum menyertai TM sebagai Ketua Pegawai Maklumat Kumpulan pada 2 Ogos 2004. Pada tahun 2008, Ahmad dilantik sebagai Pengarah Program Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) TM dan telah menyumbang kepada kejayaan pelancaran UniFi pada bulan Mac 2010. Beliau merupakan Ketua Pegawai Strategi TM dari 15 Julai 2010 sehingga bulan Disember 2011 dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif VADS Berhad dari 1 Januari 2012 sehingga 31 Januari 2015. Beliau dilantik sebagai Ketua Advokasi Pelanggan TM pada 1 Februari 2015.

## DATO' GHAZALI OMAR

### PENASIHAT KHAS KUMPULAN, PROGRAM TRANSFORMASI

Dato' Ghazali, 57 tahun, berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) dalam Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dari University of Leeds, UK dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Multimedia, Cyberjaya.

Beliau mempunyai pengalaman lebih 34 tahun dalam bidang telekomunikasi, bermula di Jabatan Telekom Malaysia pada tahun 1980 sebagai Jurutera Perancangan dan Pembangunan, dengan pengkhususan dalam Komunikasi Data. Beliau telah dilantik sebagai PB, Pemasaran dan Jualan di TM Net Sdn Bhd (TM Net) pada tahun 2002, dan seterusnya sebagai NP, Jualan Perusahaan dan Kerajaan, TM Retail pada tahun 2007. Dato' Ghazali telah dilantik sebagai NPE, Perusahaan pada bulan Februari 2009 sebelum dilantik ke jawatan sekarang sebagai Penasihat Khas Kumpulan, Program Transformasi pada 1 Jun 2014. Beliau pernah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Eksekutif VADS Berhad dari bulan Mac 2009 sehingga bulan Januari 2012.

## IMRI MOKHTAR
NAIB PRESIDEN EKSEKUTIF, PENGGUNA DAN PERUSAHAAN KECIL SEDERHANA (PKS)

Imri, 41 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dan Pengajian Pengurusan dengan Ijazah Kelas Pertama dari University College of London dan pernah mengikuti program kepimpinan di Cambridge Judge Business School dan Harvard Business School.

Beliau memulakan kerjaya di TM pada tahun 1996 sebelum menyertai McKinsey & Company pada tahun 1999 dan seterusnya di sebuah stesen TV berbayar Malaysia. Beliau kembali menyertai TM pada tahun 2005 sebagai PB Pembangunan Strategi. Beliau kemudiannya dilantik sebagai PB Pejabat Pengurusan Program pada tahun 2006, sebelum menyandang jawatan NP Pejabat Pengurusan Program dan Prestasi pada tahun 2008. Beliau kemudiannya dilantik sebagai NPE Pengguna pada tahun 2010 dan juga Ketua Pegawai Eksekutif, Telekom Sales & Services Sdn Bhd dari bulan Januari 2012 hingga bulan Februari 2014. Imri telah ditugaskan mengetuai segmen Pengguna dan PKS mulai Oktober 2014, bertanggungjawab menguruskan segmen perniagaan Pengguna dan PKS termasuk pembangunan dan pengurusan produk. Beliau juga diberi tanggungjawab menyelia kluster Pasaran Massa TM.

## DATO' KAIRUL ANNUAR MOHAMED ZAMZAM
NAIB PRESIDEN EKSEKUTIF, KERAJAAN

Dato' Kairul Annuar, 51 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Sains Kejuruteraan dari University of Western Ontario, Kanada dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Multimedia, Cyberjaya. Beliau pernah mengikuti Program Latihan Pengurusan Lanjutan di INSEAD pada tahun 2003.

Beliau mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam industri telekomunikasi, di mana kerjaya beliau bermula di Jabatan Telekom Malaysia pada tahun 1985 sebagai Eksekutif Perancangan Sumber Manusia. Sejak itu, beliau telah menyandang pelbagai jawatan termasuk di bahagian akses tempatan, rangkaian pensuisan dan transmisi, dan pernah dilantik sebagai PB, Kawasan Operasi Terengganu pada tahun 1998. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pembantu Peribadi Ketua Eksekutif Kumpulan pada tahun 2002 sebelum dilantik sebagai PB Hal Ehwal Korporat dan NP Bahagian Jualan Pengguna dan Perniagaan pada tahun 2004. Dato' Kairul Annuar pernah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif, Telekom Sales & Services Sdn Bhd sebelum dilantik ke jawatan sekarang sebagai NPE, Kerajaan pada Februari 2009.

## MOHAMAD ROZAIMY ABD RAHMAN
NAIB PRESIDEN EKSEKUTIF, GLOBAL DAN BORONG

Rozaimy, 43 tahun, berkelulusan Sarjana Muda Sains Pengagihan Pengkomputeran dari University of East London dan Sarjana Pengurusan Teknologi dari Staffordshire University, UK. Beliau pernah mengikuti program Lanjutan IP dan Pengurusan Teknologi di AT&T School of Business and Technology dan di AT&T Bell Labs di New Jersey, Amerika Syarikat. Beliau juga pernah mengikuti program Pengurusan Lanjutan Kepimpinan di Institut Kepimpinan dan Keusahawanan Madinah, Arab Saudi.

Beliau mempunyai lebih 18 tahun pengalaman dalam industri telekomunikasi dan pernah menjadi Pengarah Jualan AT&T, sebelum menyertai TM pada tahun 2006 sebagai PB Pemasaran Produk. Beliau kemudiannya dilantik sebagai NPE TM Global pada 1 Julai 2009, bertanggungjawab ke atas pejabat-pejabat Wilayah TM di United Kingdom, Amerika Syarikat, Hong Kong, Singapura dan Australia. Berikutan penyelarasan segmen pasaran TM pada Januari 2013, Rozaimy telah ditugaskan mengetuai dan menyelia operasi perniagaan kluster Global dan Borong.

## JEREMY KUNG ENG CHUANG

NAIB PRESIDEN EKSEKUTIF, MEDIA BARU/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, TM NET SDN BHD

Jeremy, 51 tahun, berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) Sains Komputer dari University of Ottawa, Kanada.

Beliau mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang teknikal dan pengurusan termasuk pembangunan sistem IT untuk media, telekomunikasi dan Perniagaan-ke-Pengguna (B2C). Beliau pernah berkhidmat selama tiga tahun di J.Walter Thompson dan tujuh tahun di Star-TV, sebelum menyertai kumpulan syarikat PCCW Limited (PCCW), Hong Kong, selama lebih sepuluh tahun. Jawatan akhir beliau di PCCW adalah sebagai Naib Presiden Kanan, Advokasi Pelanggan dan Ketua Pegawai Maklumat PCCW Global, unit perniagaan PCCW yang menyediakan perkhidmatan telekomunikasi global. Jeremy menyertai Kumpulan TM sebagai Ketua Pegawai Eksekutif TM Net pada 20 Mei 2008 dan dilantik sebagai NPE Pengguna pada 1 Februari 2009. Beliau kemudiannya dilantik sebagai NPE Media Baru berkuat kuasa 15 Julai 2010 dan kekal sebagai Ketua Pegawai Eksekutif TM Net.

## WAN AHMAD KAMAL WAN HALIM

NAIB PRESIDEN EKSEKUTIF, PERUSAHAAN

Wan Ahmad Kamal Wan Halim, 51 tahun, berkelulusan Sarjana Muda (Sains) Sains Komputer dan Perangkaan dari Monash University, Melbourne, Australia.

Beliau mempunyai lebih 25 tahun pengalaman profesional khususnya dalam Pengurusan Kanan dan Jualan Wilayah, berperanan dalam Pengurusan Perniagaan dan Akaun seluruh Pembekal Perkhidmatan dan sektor Perusahaan di ASEAN dan Malaysia. Kerjaya beliau bermula pada tahun 1986 sebagai Penolong Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan di Kementerian Pelajaran Malaysia sehingga tahun 1990 dan kemudiannya berpindah ke Kumpulan Guthrie Berhad di bahagian Pengurusan Akaun dan Jualan. Pada tahun 1994, beliau menyertai Sapura Telecommunications Berhad, di bahagian Pengurusan Jualan, Saluran, Pemasaran dan Produk. Pada tahun 2000, beliau menyertai Juniper Networks sebagai Pengurus Tempatan Malaysia dan dilantik sebagai Pengarah Jualan bagi Malaysia, Indonesia dan Vietnam pada tahun 2002. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Urusan Malaysia pada tahun 2007 dan dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Urusan ASEAN pada tahun 2012. Beliau menyertai TM sebagai NPE Perusahaan pada 1 Jun 2014.

## DATO' ZURAIDAH MOHD SAID

NAIB PRESIDEN, PERNIAGAAN SOKONGAN

Dato' Zuraidah, 53 tahun, berkelulusan Sarjana Muda (Kepujian) Sains Komputer dari Ohio University, Amerika Syarikat dan Sarjana (Sains) Pengurusan Sistem Maklumat dari University of Leeds, UK.

Beliau berpengalaman lebih 28 tahun dalam industri teknologi maklumat, pemasaran dan telekomunikasi. Kerjaya beliau bermula pada tahun 1985 bersama Malaysia Institute of Microelectronic Systems (MIMOS). Beliau menyertai TM di bahagian Teknologi Maklumat pada akhir tahun 1988 dan kemudiannya ditugaskan ke Kumpulan Pemasaran Produk TM dari tahun 1996 sehingga 2001 sebelum ditukarkan ke bahagian Perniagaan Utama dan Jualan Kerajaan. Seterusnya beliau dilantik sebagai PB di Bahagian Jualan Perniagaan, TM Retail dan bertanggungjawab ke atas sektor PKS yang menjana hasil RM2.1 bilion pada tahun 2004. Dato' Zuraidah kemudiannya ditugaskan pula ke bahagian Perusahaan Jualan dengan jawatan yang sama pada tahun 2009, bertanggungjawab ke atas pelanggan korporat dengan prestasi jualan dan kos yang cemerlang. Beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd (MKLSB) dari Ogos 2010 sehingga 30 Jun 2014. Di bawah kepimpinan beliau, MKLSB telah dinobatkan sebagai anak syarikat terbaik TM pada tahun 2011 dan 2012. Beliau telah dilantik sebagai NP Perniagaan Sokongan pada 1 September 2013. Dato' Zuraidah juga merupakan ahli World Federation of Great Towers, sebuah persatuan antarabangsa yang menghubungkan 35 menara telekomunikasi terkemuka di dunia.

## IZLYN RAMLI
NAIB PRESIDEN, JENAMA DAN KOMUNIKASI KUMPULAN

Izlyn, 44 tahun, berkelulusan Sarjana dengan Kepujian dari City University (Cass) Business School, London dengan pengkhususan dalam Pengurusan Teknologi dan e-Perniagaan Strategik, serta Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari University College London.

Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1992 di PricewaterhouseCoopers, sebelum menyertai BzW Capital sebagai penganalisa pelaburan. Izlyn menyertai TM pada tahun 1998 dan berkhidmat di bahagian Strategi dan Perancangan Kumpulan selama 10 tahun. Beliau pernah dilantik sebagai Pembantu Peribadi kepada Pengerusi Kumpulan TM dari tahun 2006 hingga 2008, bertindak sebagai pegawai perhubungan utama polisi untuk organisasi-organisasi kebangsaan dan antarabangsa, termasuk APEC (Asia-Pacific Economic Cooperation), ABAC (APEC Business Advisory Council) dan UNGAID (United Nation Global Alliance), menumpukan pada pembangunan dan penggunaan ICT. Ekoran pengasingan TM pada 2008, Izlyn menyertai Axiata Group Berhad (Axiata) dan dinaikkan pangkat untuk mengetuai bahagian Komunikasi Korporat. Beliau merupakan ahli utama pasukan penjenamaan semula Axiata serta memainkan peranan penting merangka Strategi Tanggungjawab Korporat Axiata. Izlyn kembali ke TM sebagai NP Komunikasi Korporat Kumpulan pada 1 Oktober 2010 dan diberi tanggungjawab lebih besar sebagai NP Jenama dan Komunikasi Kumpulan pada 1 Jun 2014.

## MASSIMO MIGLIUOLO
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, VADS BERHAD

Massimo, 52 tahun, berkelulusan Sarjana Muda (Baccalaureate) dari Lycee Chautebriand, France dan Sarjana Muda Sains dan Sarjana (Sains) Pengurusan Perniagaan dari University Luigi Bocconi, Italy.

Beliau berpengalaman lebih 20 tahun dalam pembangunan perniagaan strategik, seni bina jualan dan strategi pemasaran, terutama dalam industri mudah alih dan awan. Beliau adalah seorang pemimpin perniagaan global yang berpengalaman dengan rekod prestasi yang baik dalam membina pertumbuhan perniagaan dalam pasaran inovatif. Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1989 sebagai Pengurus Kontrak dengan Kumpulan Montedison (Itali) dan kemudiannya berpindah ke AT&T Network System, Itali pada tahun 1991 sebagai Pengarah, Pembangunan Perniagaan Mudah alih. Pada tahun 1996, Massimo menyertai Lucent Technologies sebagai Pengarah Urusan, Jualan Mudah Alih Eropah, Timur Tengah dan Afrika (EMEA). Beliau kemudiannya berkhidmat selama 11 tahun di Cisco dari tahun 1999 di mana jawatan terakhir beliau di sana adalah sebagai NP Pasaran Meningkat, bertanggungjawab ke atas fungsi-fungsi Pembekal Perkhidmatan, Perusahaan, Sektor Awam dan PKS serta Pemasaran dan Senibina Teknologi.

Massimo menyertai TM pada tahun 2014 sebagai NP Hartanah, Akaun Terurus dan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Intelsec Sdn Bhd, sebuah anak syarikat TM pada 1 November 2014. Di samping itu, beliau juga dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, VADS Berhad pada 1 Februari 2015.

## PUAN CHAN CHEONG
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, PACKET ONE NETWORKS (MALAYSIA) SDN BHD

Puan Chan Cheong, 46 tahun, berkelulusan Sarjana Muda (Sains) Pentadbiran Perniagaan dan Pengurusan Sistem Maklumat dan Kewangan dari University of Nebraska-Lincoln, Amerika Syarikat. Chan Cheong, yang lebih dikenali sebagai CC, adalah seorang usahawan berwawasan dan berpengalaman lebih 20 tahun dalam bidang perniagaan, merangkumi perundingan dan pembangunan serta pengurusan telekomunikasi berskala besar serta infrastruktur dan projek hartanah di peringkat antarabangsa. Antara kejayaan peribadi beliau ialah dinobatkan sebagai Usahawan Tekno oleh Persatuan ICT Malaysia (PIKOM) pada tahun 2014.

Beliau merupakan pengasas bersama dan ahli Lembaga Green Packet Berhad (Green Packet), sebuah syarikat yang ditubuhkan sebagai Green Packet Inc. di Silicon Valley pada tahun 2000.

Di bawah kepimpinan CC, Green Packet telah melancarkan sebuah syarikat pengendali komersil WiMAX berskala besar yang pertama di Malaysia dan Asia Tenggara iaitu Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd (P1) pada tahun 2008. Beliau memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif P1 pada tahun 2013 dan telah dilantik semula menyandang jawatan yang sama pada bulan Oktober 2014 setelah TM mengambil alih pegangan majoriti dalam syarikat tersebut.

Dengan penyertaan P1 dalam Kumpulan TM sebagai anak syarikat mudah alihnya, CC akan mengetuai cabaran dalam mewujudkan sebuah penyedia telekomunikasi mudah alih yang mantap bagi melengkapkan penawaran produk dan perkhidmatan TM serta mengukuhkan wawasan Kumpulan ke arah menjadi syarikat peneraju perkhidmatan berintegrasi.

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

"KECEMERLANGAN DALAM TADBIR URUS KORPORAT ADALAH SATU KOMPONEN PENTING DAN STRATEGIK BAGI MEMPROMOSI ASEAN SEBAGAI ASET UTAMA DAN PEMBANGUNAN KESELURUHAN PASARAN MODAL ASEAN. INISIATIF TADBIR URUS KORPORAT INI MELENGKAPI INISIATIF LAIN DI BAWAH FORUM PASARAN MODAL ASEAN YANG MENCERMINKAN KOMITMEN KOLEKTIF DAN TEGUH NEGARA-NEGARA ANGGOTA ASEAN UNTUK MENJADI KOMUNITI EKONOMI ASEAN YANG BERINTEGRASI MENJELANG 2015"

*Datuk Ranjit Ajit Singh, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*
*Petikan Akhbar, Suruhanjaya Sekuriti, 18 Jun 2014*

Tadbir urus korporat kekal berakar umbi dalam setiap aspek organisasi Syarikat. Amalan tadbir urus Korporat yang baik ini terus diperkasakan dengan nilai-nilai korporat yang berteraskan etika yang kukuh dan Integriti Tanpa Kompromi sebagai asas untuk warga kerja TM, sejajar dengan aspirasi negara dan juga Syarikat.

Malaysia adalah salah satu daripada enam negara ASEAN yang telah mengambil bahagian dalam penilaian Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN (Kad Skor ASEAN). Sejajar dengan itu, amalan tadbir urus korporat Syarikat juga telah memasuki fasa evolusi yang seterusnya di mana ianya di tanda aras bukan sahaja dengan negara-negara lain di rantau ASEAN, tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Di kedua-dua peringkat, amalan tadbir urus Syarikat telah diiktiraf sebagai tadbir urus korporat yang baik membuktikan perkembangannya di TM sejak tadbir urus korporat diperkenalkan.

Tahap amalan tadbir urus korporat yang tinggi penting dalam menyokong fasa transformasi Syarikat dari sebuah "Peneraju Jalur Lebar" kepada "Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi". Struktur tadbir urus korporat yang kukuh adalah penting dalam meningkatkan nilai pemegang saham melalui prestasi kewangan dan pada masa yang sama mengekalkan kemampanan perniagaan, yang memerlukan sokongan berterusan daripada pihak berkepentingan.

Tadbir urus korporat juga dapat menarik dan memberi keyakinan serta jaminan kepada pelabur-pelabur baru domestik dan antarabangsa, untuk membuat keputusan pelaburan. Pengukuhan tadbir urus korporat merupakan salah satu komponen strategik dalam mempromosikan TM dan juga Malaysia kepada pasaran-pasaran modal lain.

Usaha yang berterusan dan berkala telah dibuat untuk meningkatkan rangka kerja tadbir urus korporat TM, proses dalaman, garis panduan dan sistem untuk memastikan ianya tetap kukuh dan relevan. Keperluan peraturan yang berkenaan serta pelaksanaan pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang bersesuaian adalah selaras dengan tadbir urus korporat sejajar dengan evolusi TM.

# Testimoni Tadbir Urus yang Baik

Model tadbir urus korporat TM dirangka berdasarkan keperluan dan garis panduan berikut:




*Carta 1: Model Tadbir Urus TM*

TM juga menanda aras amalan tadbir urus korporatnya dengan Kad Skor ASEAN.

Komitmen berterusan TM dalam memastikan ketelusan, kebertanggungjawaban, penzahiran dan kesaksamaan dalam pentadbiran dan pengurusan pihak berkepentingan diperakui secara meluas oleh pihak industri. Di majlis Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2014 yang diadakan pada 20 November 2014, TM telah memenangi Anugerah Platinum Kecemerlangan Keseluruhan bagi Laporan Tahunan Paling Cemerlang untuk kali ke-4. TM juga mengekalkan Anugerah Kecemerlangan Industri dalam kategori Dagangan dan Perkhidmatan untuk Syarikat Senaraian Pasaran Utama untuk kali ke-18 berturut-turut; Anugerah Platinum bagi Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik, peningkatan dari Anugerah Emas pada tahun sebelumnya; dan Anugerah Platinum bagi Laporan Tahunan Terbaik dalam Bahasa Malaysia, juga peningkatan dari Anugerah Perak pada tahun 2013. TM juga dianugerahkan Anugerah Emas untuk Rekaan Laporan Tahunan Terbaik.

Di samping itu, Kumpulan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) telah memberi penghormatan kepada TM sebagai antara syarikat Malaysia terbaik dengan Pengiktirafan Tadbir Urus Korporat Terbaik, Pengiktirafan Ketelusan Terbaik, Kecemerlangan Teladan Industri Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Terbaik dan Teladan Minit Mesyuarat Agung Tahunan di Majlis Anugerah MSWG-ASEAN bagi Indeks Ketelusan Tadbir Urus Korporat, Rumusan dan Pengiktirafan 2014 – Malaysia pada 9 Disember 2014.

Gambaran Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat TM adalah seperti berikut:




*Carta 2: Rangka Kerja Tadbir Urus TM*

Lembaga Pengarah berbesar hati mengulas lanjut bagaimana TM telah mengguna pakai prinsip-prinsip serta cadangan-cadangan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 (Kod Tadbir Urus 2012) dan tahap pematuhan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, di dalam penyata ini.

# Lembaga Pengarah

TM terus diterajui dan dikuasai oleh ahli-ahli Lembaga yang aktif, proaktif dan berpengalaman luas. Lembaga Pengarah mempunyai keseimbangan yang sihat dengan pelbagai latarbelakang merangkumi bidang ekonomi dan kewangan, pengalaman teknikal dan pengawal seliaan di dalam sektor swasta dan awam termasuk industri telekomunikasi dalam dan luar negara. Pada tahun kewangan 2014, tiga pengarah iaitu seorang Pengarah asing dan dua Pengarah tempatan mempunyai pengalaman dari segi perundangan dan pengawalseliaan dalam industri telekomunikasi.

Sepanjang tahun 2014 juga, Lembaga Pengarah terus membimbing dan menerajui Syarikat dengan jayanya dengan penglibatan aktif bersama Pengurusan dalam merancang strategi dan pelan tindakan.

## Piagam Lembaga Pengarah

Sejak ia mula diguna pakai pada Januari 2013, Piagam Lembaga Pengarah TM (Piagam Lembaga) terus menjadi panduan Syarikat dalam amalan tadbir urus korporat yang baik. Piagam Lembaga ini merangkumi amalan tadbir urus, polisi Lembaga Pengarah dan garis panduan untuk seluruh Syarikat berdasarkan prinsip-prinsip yang digariskan di dalam Kod Tadbir Urus 2012 dan kod-kod sebelum ini serta piawaian antarabangsa tadbir urus korporat, yang pada pendapat Lembaga Pengarah merupakan amalan terbaik sejajar dengan keperluan dan peraturan-peraturan kawal selia.

Piagam Lembaga tersebut juga menjadi rujukan kepada Pengarah-pengarah berhubung peranan, kuasa, tanggungjawab dan fungsi mereka. Ia menggariskan proses dan prosedur bagi Lembaga dan jawatankuasa-jawatankuasanya dalam menjalankan tugasan mereka dengan berkesan dan cekap.

Keputusan Lembaga dicapai melalui majoriti mudah kecuali untuk perkara-perkara yang dikhususkan untuk Pemegang Saham Khas sepertimana yang dinyatakan di dalam Tataurus Syarikat.

Piagam Lembaga adalah dokumen dinamik yang akan sentiasa disemak semula dan dikemas kini dari semasa ke semasa bagi memastikan ianya terus relevan selaras dengan kaedah dan peraturan serta amalan tadbir urus korporat terbaik di peringkat tempatan dan antarabangsa. Proses-proses dan prosedur-prosedur sedia ada akan sentiasa ditambah baik bagi memastikan Piagam ini sentiasa komprehensif.

Semakan Piagam Lembaga ini merupakan sebahagian daripada aktiviti tahunan di bawah Program Peningkatan Prestasi Lembaga (PPPL), yang antara lain meliputi penilaian objektif, peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dalam memastikan keseragaman dan pematuhan peraturan, undang-undang dan tadbir urus yang berkaitan.

Piagam Lembaga serta Tataujud dan Tataurus Syarikat boleh dirujuk dengan melayari laman web rasmi Syarikat di www.tm.com.my.

## Peranan dan Tanggungjawab Lembaga

Peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan dinyatakan dengan jelas dalam Piagam Lembaga. Walaupun prinsip-prinsip, peranan dan tanggungjawab setiap Pengerusi, Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif (PBE) diasingkan, fungsi masing-masing masih dikekalkan dan saling bergantungan antara satu sama lain bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab mereka.

Tumpuan utama Lembaga adalah hala tuju strategik keseluruhan, pembangunan dan mengawal selia Kumpulan dengan lebih bertanggungjawab dan berkesan. Manakala pihak Pengurusan pula berperanan untuk menjalankan operasi dan aktiviti perniagaan secara keseluruhan di samping menguruskan hal ehwal kewangan Kumpulan selaras dengan kuasa yang diberikan oleh Lembaga.

Enam tanggungjawab teras berikut menjadi panduan utama Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tugasnya:

- Menyemak semula dan meluluskan pelan strategik dan pelan operasi tahunan Kumpulan.

  Lembaga memperuntukkan masa yang mencukupi untuk meneliti dan membincangkan secara terperinci pelan strategik dan pelan operasi tahunan Kumpulan untuk unjuran jangka pendek dan panjang. Ini membolehkan Lembaga memberi panduan, maklum balas dan pandangan dalam merangka strategi perniagaan Kumpulan bagi memastikan pihak Pengurusan telah membincangkan dan menganalisa dengan teliti strategi tersebut ketika proses rangkaan. Ini termasuk menyoal semula analisa mereka dengan menimbang semua aspek berkaitan yang akan menyokong atau memberi kesan kepada hala tuju semasa dan masa depan perniagaan Kumpulan.

  Sesi berasingan telah diadakan untuk membincangkan strategi dan pelan operasi tahunan secara mendalam. Satu mesyuarat strategik Lembaga telah diadakan pada suku kedua tahun ini untuk menganalisa dan meneliti semula kedudukan semasa dan hala tuju strategik Syarikat. Setiap Aliran Perniagaan dan Bahagian-bahagian Utama yang berkenaan telah membentangkan pelan strategik masing-masing ke arah merealisasikan pelan strategik Kumpulan TM sebagai "Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi". Mesyuarat strategik Lembaga yang kedua telah diadakan pada suku keempat khususnya untuk membincangkan pelan operasi tahunan dan sasaran kewangan Kumpulan TM berdasarkan pelan strategik yang telah dipersetujui pada awal suku tahunan kedua.

  Status pelan strategik, pelaksanaannya dan cabaran yang dihadapi dilaporkan kepada Lembaga di sepanjang tahun. Manakala ulasan setengah tahun juga dibuat untuk memantau pelaksanaan pelan strategik dan pelan operasi tahunan yang telah diluluskan.

  Berdasarkan keputusan Penilaian Keberkesanan Lembaga 2014 (Penilaian Prestasi 2014), Lembaga bersetuju bahawa ia telah mengkaji dan mengguna pakai pelan strategik dan pelan kewangan untuk Syarikat termasuk penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang sesuai dalam masa yang ditetapkan. Mesyuarat-mesyuarat juga telah diadakan pada masa yang bersesuaian bagi merumuskan pelan strategik dan pemantauan rancangan perniagaan setengah tahun Syarikat. Lembaga Pengarah juga berpuas hati dengan proses mantap yang dilaksanakan oleh Pengurusan dalam merangka plan strategik dan pelan operasi tahunan.

- Mengawasi dan menilai pengendalian perniagaan Syarikat.

  Aliran Perniagaan dan Bahagian-bahagian Utama telah membentangkan prestasi, teras perniagaan dan bidang tumpuan utama mereka untuk tahun ini, bertujuan memastikan tumpuan dan hubungan yang lebih rapat dengan Lembaga. Prestasi dan kad skor seimbang Syarikat dipantau pada setiap bulan oleh Pengarah-pengarah Eksekutif bersama-sama dengan ketua-ketua Aliran Perniagaan dan Bahagian Utama

di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan. Laporan Prestasi Perniagaan adalah agenda wajib yang dibentangkan pada setiap mesyuarat Lembaga. Prestasi mereka diukur dan dipantau melalui KPI yang diluluskan. Unjuran yang telah diluluskan diumumkan pada suku pertama setiap tahun manakala pencapaian keseluruhan dimaklumkan semasa pengumuman keputusan kewangan suku keempat pada bulan Februari.

Berdasarkan keputusan Penilaian Prestasi 2014, Lembaga Pengarah bersetuju bahawa Syarikat mempunyai proses pemantauan prestasi Syarikat yang berkesan.

- Mengenalpasti dan menguruskan risiko-risiko utama.

  Bahagian Jaminan Perniagaan Kumpulan (JPK) memantau semua risiko yang mungkin dihadapi oleh perniagaan dan Kumpulan secara keseluruhan, manakala Jawatankuasa Risiko Lembaga (JRL) dimaklumkan mengenai sebarang risiko yang boleh menjejaskan perniagaan Syarikat. Lembaga, melalui JRL, memastikan pengurusan risiko yang sesuai dan sentiasa memantau semakan semula dan pengurusan risiko utama untuk memastikan kesinambungan perniagaan Syarikat.

  Salah satu isu penting yang dibincangkan JRL pada tahun 2014 adalah pengurusan rancangan luar jangka bagi memastikan kesinambungan perniagaan semasa bencana. Ini amat bertepatan berikutan bencana alam yang dihadapi negara pada penghujung tahun 2014.

  Berdasarkan keputusan Penilaian Prestasi 2014, Lembaga Pengarah bersetuju bahawa ia telah menjalankan tanggungjawabnya dalam mengenal pasti risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang bersesuaian agar mempunyai imbangan risiko dan ganjaran yang bersesuaian dengan berkesan. Selain itu, Lembaga juga bersetuju bahawa Syarikat mempunyai proses Pengurusan Risiko Korporat yang bersesuaian dan mencukupi.

- Mengawal selia rancangan penggantian.

  Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran Lembaga (JPG) memastikan rancangan penggantian yang berkesan bagi Lembaga dan Jawatan-jawatan Utama (Pengurusan Kanan Utama) Kumpulan TM dan memberi laporan kemajuan kepada Lembaga dari masa ke semasa. JPG juga memantau prestasi Lembaga dan Pengurusan Kanan Utama, serta menilai dan mengkaji kesesuaian dan pengalaman calon-calon yang berpotensi, untuk mengisi sebarang kekosongan.

  Pada tahun 2014, JPG menjalani proses selektif terperinci dalam memilih calon sesuai yang mematuhi Perenggan 15.09(1)(c) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (Keperluan Penyenaraian Utama) Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities) untuk mengisi satu kekosongan dalam Lembaga Pengarah sejak September 2013. Berikutan itu, Lembaga Pengarah pada 13 Mac 2014 telah meluluskan pelantikan Cik Gee Siew Yoong sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (PBBE) seperti yang dicadangkan JPG.

  Berdasarkan keputusan Penilaian Prestasi 2014, Lembaga Pengarah bersetuju bahawa rangka kerja rancangan penggantian Pengurusan Kanan telah dipatuhi. Di samping memantau keberkesanan rancangan penggantian, Pengurusan Kanan perlu diberi latihan yang sesuai untuk mengurus dan menceburi perniagaan baru berkaitan mobiliti, Pusat Pertukaran Maklumat dan Inovasi, serta perkhidmatan berintegrasi.

- Membangun dan melaksanakan program Hubungan Pelabur.

  Lembaga Pengarah mengakui bahawa program Hubungan Pelabur yang mantap adalah penting bagi menarik minat dan menjaga persepsi pelabur terhadap Syarikat. Penglibatan berterusan dengan komuniti pelabur dikekalkan melalui jadual aktiviti terancang yang diuruskan Unit Hubungan Pelabur. Ini termasuk siri jelajah dengan pelabur dan pihak media dan persidangan pelabur yang diadakan selepas pengumuman keputusan suku tahunan. Piagam Lembaga juga menggariskan dasar Syarikat mengenai komunikasi dengan pihak berkepentingan melalui garis panduan Komunikasi Dalaman sedia ada.

  Berdasarkan Penilaian Prestasi 2014, Lembaga bersetuju bahawa pihak Pengurusan telah melaksanakan program ini dengan jayanya.

- Mengkaji semula kecukupan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman Syarikat.

  Fungsi Audit Dalaman Syarikat diuruskan oleh Audit Dalaman Kumpulan (ADK), bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk memantau sistem kawalan dalaman keseluruhan Syarikat dan melaporkan sebarang penemuan terus kepada Jawatankuasa Audit Lembaga (JAL). ADK mempunyai bidang kuasa untuk mengaudit mana-mana bahagian Syarikat atau anak-anak syarikat Kumpulan TM, atau mengkaji semula sebarang projek dan sistem pada bila-bila masa dan melaporkan penemuannya kepada JAL. JAL akan mengkaji semula kecukupan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman dan memastikan pelaksanaan sistem kawalan dalaman yang sesuai disokong dengan laporan juruaudit luar.

  Di samping itu, kawalan dalaman Syarikat disemak semula oleh juruaudit luar setiap tahun dan dilaporkan kepada JAL.

  Berdasarkan keputusan Penilaian Prestasi 2014, Lembaga bersetuju bahawa kajian semula audit dalaman dan luaran serta laporan-laporan yang dibincangkan di mesyuarat-mesyuarat JAL telah membantu Lembaga dalam menjalankan tanggungjawab ini.

Selain daripada enam tanggungjawab-tanggungjawab utama di atas, Lembaga juga bertanggungjawab sepenuhnya secara bebas dan mempunyai akauntabiliti bagi kelancaran proses-proses teras yang melibatkan tadbir urus Lembaga, nilai perniagaan dan etika. Lembaga Pengarah sentiasa menyedari perlunya melindungi kepentingan semua pihak-pihak berkepentingan. Bagi membolehkan para Pengarah menjalankan tanggungjawab mereka dengan berkesan, jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga dengan terma rujukan yang jelas telah ditubuhkan dan dianggotai ahli-ahli Lembaga yang komited dari segi masa dan kegigihan mereka.

## Pengasingan Kuasa di antara Lembaga dan Pengurusan

TM mempunyai polisi yang jelas dalam mengenal pasti pengasingan fungsi dan peranan Lembaga dan Pengurusan, serta di antara Pengerusi dan Pengarah-pengarah Eksekutif melalui pembahagian tanggungjawab yang nyata bagi memastikan pengurusan perniagaan Syarikat yang cekap. Peranan dan tanggungjawab yang berasingan ini memastikan tiada sebarang individu atau kumpulan berupaya untuk mendominasi proses membuat keputusan dan seterusnya melindungi keseimbangan kuasa di dalam Syarikat.

Peranan dan tanggungjawab Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif (BBBE), dan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, diasingkan dengan jelas. Pembahagian ini memastikan keseimbangan peranan dan kuasa dalam Lembaga dan dilaksanakan selaras dengan amalan tadbir urus terbaik. Ini seterusnya

memastikan pengawasan yang sesuai dan peningkatan akauntabiliti ke atas pengurusan Syarikat di samping menjaga keseimbangan kuasa dalam Lembaga.

Pengerusi BBBE TM pada tahun 2014, Dato' Sri Dr Halim Shafie, tidak pernah memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat dan juga tidak pernah menjadi sebahagian daripada ahli Pengurusan TM sebelum ini. Maka risiko mengenai pengaruh tidak wajar dari masa lalu tidak wujud.

Sepanjang tempoh menjadi Pengerusi, Dato' Sri Dr Halim telah memupuk hubungan yang berkesan dan terpuji di kalangan Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Eksekutif. Pengalaman luas beliau dalam pelbagai sektor perkhidmatan dan agensi-agensi kerajaan, ditambah pula dengan perwatakan yang tenang dengan jayanya membina persekitaran kerja yang sesuai bagi membolehkan beliau memacu perbincangan Lembaga Pengarah yang aktif dan berkesan. Sikap beliau yang mudah didekati di luar mesyuarat juga membina hubungan positif dengan pihak-pihak yang berkepentingan lain, institusi dan juga individu.

Berdasarkan keputusan Penilaian Prestasi 2014, Pengerusi telah menunjukkan prestasi yang mantap dan cemerlang serta berjaya memacu perbincangan Lembaga Pengarah dengan keputusan yang nyata dan jelas. Beliau malar dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai Pengerusi Lembaga dan pada masa yang sama berupaya mengekalkan hubungan yang sangat baik dengan pihak Pengurusan.

Dengan pelantikan Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob sebagai Pengerusi BBBE baru pada 12 Januari 2015, Lembaga Pengarah yakin bahawa pembahagian peranan dan tanggungjawab ini akan membolehkan beliau menerajui Lembaga Pengarah dan bekerjasama erat dengan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Pengalaman beliau sebagai Pengerusi MSWG, badan pemantauan amalan tadbir urus korporat di Malaysia, sudah pasti akan membantunya dengan lebih berkesan. Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman juga tidak pernah memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat dan tidak pernah menjadi sebahagian daripada ahli Pengurusan TM.

Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan yakin Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman layak menerajui TM dan seterusnya mengukuhkan lagi amalan tadbir urus korporat Syarikat.

**Pengarah-pengarah Eksekutif**

Pengarah-pengarah Eksekutif iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan mempunyai fungsi masing-masing yang jelas bagi memastikan kelancaran operasi Syarikat. Fungsi dan tanggungjawab utama mereka ditentukan dan dinilai melalui KPI masing-masing yang dibentang, disemak semula dan diluluskan oleh Lembaga pada setiap tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bertanggungjawab ke atas pelaksanaan keseluruhan polisi yang diluluskan oleh Lembaga, dan perlu melapor dan membincangkan kesemua perkara-perkara penting yang sedang atau berkemungkinan menjejaskan prestasi Kumpulan termasuk hala tuju strategik, projek-projek dan perkembangan pengawalseliaan di mesyuarat Lembaga Pengarah.

Manakala Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan pula bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Kumpulan, membangunkan inisiatif dan strategi peningkatan prestasi keseluruhan Kumpulan, melaksanakan strategi perniagaan dan ekonomi, memantau aspek perbendaharaan, dan meramal serta menganalisa keadaan kewangan jangka panjang Kumpulan. Beliau juga merupakan jurucakap Kumpulan dalam interaksi dengan pasaran; dan menyelia operasi Global dan Borong, Sokongan Perniagaan Syarikat dan cabang pendidikan Kumpulan, Universiti Multimedia.

Pengarah-pengarah Eksekutif telah mewujudkan beberapa jawatankuasa pengurusan untuk membantu dalam melaksanakan tugas-tugas operasi dan pengurusan. Forum ini menyediakan landasan bagi Pengurusan Kanan termasuk ketua-ketua bahagian dan jabatan untuk sentiasa berinteraksi secara langsung sesama mereka, berbincang, memberi pandangan dan mengkaji semula matlamat, strategi dan operasi Syarikat.

**Pengarah Bebas Kanan Bukan Eksekutif (PBK)**

Dato' Danapalan T.P Vinggrasalam telah dilantik sebagai PBK TM pada 21 Mei 2009. Selain memenuhi kriteria yang ditetapkan sebagai seorang PBK, Dato' Danapalan adalah calon yang paling sesuai dipilih di kalangan PBBE berdasarkan pengetahuan beliau dalam industri telekomunikasi sebagai mantan Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Beliau juga mempunyai pengaruh besar dalam Lembaga Pengarah.

Dato' Danapalan terus berperanan sebagai penghubung di antara para Pengarah Bebas dan Pengerusi bagi perkara-perkara yang dianggap sensitif. Beliau juga merupakan saluran alternatif kepada pemegang-pemegang saham serta pihak berkepentingan untuk menyampaikan pandangan mereka dan mengutarakan isu-isu berkaitan, supaya ianya dapat disalurkan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Dato' Danapalan sentiasa dedikasi dalam peranannya sebagai PBK dan berupaya menangani sebarang isu dan kebimbangan yang diutarakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, beliau juga telah mengekalkan kebebasannya dari pihak Pengurusan sepanjang tahun 2014.

Ciri-ciri dan peranan PBK dinyatakan di dalam Piagam Lembaga yang boleh diakses di laman web Syarikat. Segala permasalahan mengenai Kumpulan boleh disalurkan ke alamat e-mel PBK, sid@tm.com.my, atau ke alamat berikut:

Pengarah Bebas Kanan Bukan Eksekutif
Aras 51, Sayap Utara, Menara TM
Jalan Pantai Baharu
50672 Kuala Lumpur

**Keanggotaan dan Keseimbangan Lembaga**

Selaras dengan Artikel 96 Tataurus Syarikat, keahlian Lembaga Pengarah tidak boleh melebihi 12 orang. Pada masa ini, Lembaga Pengarah telah mencapai keahlian maksima yang terdiri daripada seorang Pengerusi BBBE, dua Pengarah Eksekutif yang menyandang jawatan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, dua Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (PBBBE) dengan Pengarah-pengarah Ganti masing-masing sebagai Pengarah Ganti BBBE, dan tujuh PBBE, termasuk seorang Pengarah asing. Ahli-ahli Lembaga Pengarah ini mempunyai kemahiran dan pengalaman yang diperlukan untuk meneraju serta memberi bimbingan mengenai rancangan strategik dan aspirasi masa depan TM.

Memandangkan Pengerusi adalah BBBE, tujuh PBBE membentuk majoriti dari keseluruhan 12 pengarah, memastikan keseimbangan dalam fungsi Lembaga Pengarah. Keanggotaan semasa ini juga mematuhi perenggan 15.02 Keperluan Penyenaraian Utama dengan 58.0% daripada ahli-ahli Lembaga adalah Pengarah Bebas.

Pada tahun ini, keanggotaan Lembaga TM menyaksikan beberapa perubahan. Cik Gee Siew Yoong dilantik sebagai PBBE pada 13 Mac 2014. Ini diikuti dengan peletakan jawatan Puan Eshah Meor Suleiman sebagai Pengarah Ganti kepada Dato' Fauziah Yaacob pada 31 Oktober 2014 dan pelantikan Dato' Siti Zauyah Md Desa sebagai Pengarah Ganti yang baru pada 5 November 2014.

Pada 12 Januari 2015, TM telah mengalu-alukan Pengerusi baru, Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman, menggantikan Dato' Sri Dr Halim yang telah dilantik sebagai Pengerusi SKMM.

Dengan pelantikan Cik Gee dan tidak mengambil kira Dato' Siti Zauyah yang merupakan Pengarah Ganti kepada Dato' Fauziah, nisbah pengarah wanita:lelaki di dalam Lembaga TM telah meningkat daripada 2:9 pada tahun 2013 kepada 3:9 pada tahun 2014.

Ketujuh-tujuh PBBE ini berperanan dan bertanggungjawab mewakili serta melindungi hak pemegang-pemegang saham minoriti. Mereka bukan bekas kakitangan Syarikat, tidak bergantung kepada pihak Pengurusan dan bebas dari apa-apa kepentingan perniagaan atau lain-lain hubungan yang berkemungkinan mempengaruhi keputusan bebas mereka.

Dalam menunaikan tanggungjawab masing-masing, kesemua PBBE menunjukkan sifat ingin tahu yang tinggi pada setiap mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat Jawatankuasa untuk memahami perkara yang dibincangkan dengan lebih baik, tidak ragu-ragu untuk bersuara semasa perbincangan dan bijak dalam membuat keputusan. Mereka tidak berat sebelah dalam membuat keputusan demi menjaga kepentingan Syarikat dan pihak-pihak berkepentingan lain. PBBE telah mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan dan keputusan Lembaga, yang telah merangsang dan menggalakkan Pengurusan untuk melaksanakan tugas dengan lebih objektif. Hakikat ini jelas di mana Pengerusi jawatankuasa-jawatankuasa utama Lembaga iaitu JAL, Jawatankuasa Tender Lembaga (JTL), Jawatankuasa Pelaburan Lembaga (JPL) dan JRL adalah dari kalangan PBBE.




*Carta 3: Keanggotaan Lembaga TM*

## Kebebasan Lembaga

Kebebasan Pengarah TM ditentukan selaras dengan kriteria yang ditetapkan dalam Perenggan 1.01 Keperluan Penyenaraian Utama, di mana seseorang pengarah perlu bebas daripada Pengurusan dan tidak terlibat dengan mana-mana perniagaan atau hubungan lain yang boleh mengganggu pertimbangan bebas atau kebolehan mereka bertindak untuk kepentingan Syarikat. Ketujuh-tujuh PBBE ini telah memenuhi kriteria kebebasan sepertimana dinyatakan dalam Keperluan Penyenaraian Utama.

PBBE tidak terlibat dalam operasi harian Syarikat. Transaksi perniagaan yang dikendalikan oleh Syarikat adalah bebas daripada sebarang pengaruh PBBE, kecuali bagi keputusan akhir yang perlu dibuat secara kolektif oleh Lembaga. Ini mengurangkan kemungkinan risiko pengaruh yang tidak wajar dari pihak ketiga dan membolehkan PBBE membuat keputusan yang seimbang serta mengelakkan kemungkinan timbulnya percanggahan kepentingan.

Di samping itu, semua Pengarah dikehendaki mengisytiharkan kepentingan mereka atau sebarang pencanggahan mengenai sebarang perkara yang dibentangkan sebelum bermulanya Mesyuarat Lembaga Pengarah. Dengan kertas cadangan diedarkan kepada para Pengarah lima hari sebelum mesyuarat, mereka dapat memastikan penglibatan mereka jika ada dan, apabila diperlukan, berkecuali dan menarik diri dari perbincangan berkenaan bagi membolehkan perbincangan dan keputusan yang bebas dan tidak berat sebelah.

Semangat setia kawan yang wujud antara ahli-ahli Lembaga tidak menghalang mereka daripada mengemukakan pandangan-pandangan yang bertentangan atau tidak bersetuju mengenai perkara yang dibincangkan. Sebaliknya, ia menggalakkan perbincangan yang lebih terbuka, telus dan menyeluruh untuk mencapai keputusan. Dengan mempunyai latar belakang, pengalaman, personaliti yang utuh dan kefahaman mengenai amalan tadbir urus yang baik, PBBE berupaya membuat pertimbangan yang objektif, tidak mudah dipengaruhi oleh faktor-faktor yang tidak berkaitan, serta dapat menjaga kepentingan Syarikat dan melindungi pihak-pihak berkepentingan TM.

Tahap kebebasan PBBE disemak setiap tahun melalui Penilaian Prestasi untuk pengesahan. Penilaian ini melibatkan soal selidik yang meliputi prinsip-prinsip, perspektif dan pandangan peribadi PBBE, dan dilengkapkan oleh semua Pengarah. Penilaian ini meliputi diri mereka sendiri dan juga Pengarah-pengarah lain. Sebagai sebahagian daripada terma rujukannya, JPG membuat semakan semula penilaian tahunan tersebut untuk mengesahkan tahap kebebasan setiap PBBE.

Bagi pelantikan baru, penilaian ke atas kebebasan Pengarah yang dicadangkan dijalankan sebelum pelantikan dibuat menurut kriteria yang dinyatakan dalam Keperluan Penyenaraian Utama.

Kriteria kebebasan di bawah Perenggan 1.01 Keperluan Penyenaraian Utama atau sebarang pindaannya perlu dipatuhi. Lembaga Pengarah, melalui JPG, menjalankan penilaian kebebasan melalui Penilaian Prestasi dengan mengambil kira kemahiran, pengalaman dan sumbangan serta latar belakang mereka, hubungan ekonomi dan keluarga. Seterusnya JPG menentukan sama ada Pengarah boleh terus memberi pertimbangan bebas dan objektif kepada Lembaga. JPG juga perlu menentukan, melalui watak dan pertimbangan, sama ada terdapat hubungan atau keadaan yang boleh menjejaskan atau kelihatan menjejaskan pertimbangan para Pengarah Bebas.

Tempoh keahlian Lembaga tidak diambil kira dalam kriteria penilaian kebebasan Pengarah memandangkan Lembaga percaya bahawa tanggungjawab fidusiari para Pengarah yang terkandung di dalam Akta Syarikat, 1965 (Akta Syarikat) adalah tanggungjawab paling utama, tanpa mengambil kira status mereka. Lembaga amat yakin bahawa keupayaan seorang Pengarah untuk menjalankan tugas dengan berkesan tiada kaitan dengan tempoh perkhidmatan mereka tetapi bergantung kepada kaliber, kelayakan, pengalaman dan kualiti peribadi serta kewibawaan dan objektiviti mereka. Keputusan Penilaian Sesama Pengarah di dalam Penilaian Prestasi Lembaga memastikan sama ada Pengarah Bebas telah menjalankan tugasnya dengan bebas atau tidak.

Walaupun tiada seorang PBBE yang telah berkhidmat lebih daripada sembilan tahun secara kumulatif dalam TM, Lembaga bersetuju bahawa banyak manfaat yang boleh diperolehi daripada Pengarah yang telah lama berkhidmat di TM kerana mereka mempunyai wawasan dan pengetahuan mendalam tentang perniagaan dan hal ehwal Syarikat.

Memandangkan TM tidak mengguna pakai cadangan Kod Urus Tadbir 2012 yang menghadkan tempoh perkhidmatan Pengarah Bebas kepada sembilan tahun, Lembaga Pengarah berpendapat keperluan kelulusan pemegang saham untuk mengekalkan status bebas Pengarah-pengarah Bebas yang telah berkhidmat lebih dari sembilan tahun adalah tidak perlu.

## Memupuk Komitmen Lembaga

Jadual mesyuarat Lembaga Pengarah telah dirangka pada awal Oktober setiap tahun dan dikongsi dengan Pengarah sebelum akhir tahun yang sama bagi memastikan komitmen masa para Pengarah.

Tujuh mesyuarat Lembaga Pengarah telah dijadualkan bagi membincangkan dan memutuskan keputusan kewangan suku tahunan Syarikat, isu-isu tertentu yang dibangkitkan yang memerlukan maklumbalas dan kelulusan Lembaga Pengarah dan pelbagai perkara lain berdasarkan agenda yang telah dipersetujui. Di samping itu, empat mesyuarat khas telah diadakan untuk mendapatkan keputusan-keputusan segera dan strategik.

Satu mesyuarat strategik Lembaga telah diadakan pada bulan Jun 2014 untuk membincangkan rancangan strategik dan pertumbuhan Syarikat, manakala sesi strategi khas Lembaga telah diadakan pada bulan Disember 2014 bagi membincangkan pelan operasi tahunan Kumpulan dan sasaran pencapaian kewangan Kumpulan. Di samping mesyuarat Lembaga, Pengarah juga telah meluluskan isu-isu penting lain menerusi tiga Resolusi Pekeliling Pengarah pada tahun 2014.

Kesemua Pengarah mematuhi syarat minima sekurang-kurangnya 50.0% kehadiran di mesyuarat Lembaga yang diadakan sepanjang tahun kewangan menurut Keperluan Penyenaraian Utama. Lembaga Pengarah juga bersetuju menerima pakai syarat kehadiran minima 50% bagi semua Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga. Secara keseluruhan, semua ahli Jawatankuasa telah mematuhi keperluan kehadiran tersebut.

Maklumat kehadiran setiap Pengarah dalam Lembaga dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga serta Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) ke-29 pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

*Carta 4: Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah 2014*

| Bil | Pengarah | Lembaga | | JAL | | JPG | | JTL | | JRL | | JPL | | Kehadiran di MAT ke-29 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Jumlah Mesyuarat | | Jumlah Mesyuarat | | Jumlah Mesyuarat | | Jumlah Mesyuarat | | Jumlah Mesyuarat | | Jumlah Mesyuarat | | |
| | | Kehadiran/ Mesyuarat | % | Kehadiran/ Mesyuarat | % | Kehadiran/ Mesyuarat | % | Kehadiran/ Mesyuarat | % | Kehadiran/ Mesyuarat | % | Kehadiran/ Mesyuarat | % | |
| | **Pengarah** | | | | | | | | | | | | | |
| 1. | Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob *(Pengerusi)* *[Dilantik pada 12 Januari 2015]* | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan | Tidak berkenaan |
| 2. | Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa *(Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutf Kumpulan)* | 12/12 | 100.0 | – | – | – | – | 11/12 | 92.0 | – | – | – | – | ✔ |
| 3. | Datuk Bazlan Osman *(Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan)* | 12/12 | 100.0 | – | – | – | – | 12/12 | 100.0 | 4/4 | 100.0 | 6/6 | 100.0 | ✔ |
| 4. | Dato' Fauziah Yaacob | 12/12 | 100.0 | – | – | – | – | 12/12 | 100.0 | – | – | 6/6 | 100.0 | ✔ |
| 5. | Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin | 11/12 | 92.0 | 8/8 | 100.0 | 5/5 | 100.0 | – | – | 2/2 | 100.00 | – | – | ✔ |
| 6. | Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam | 12/12 | 100.0 | 8/8 | 100.0 | 5/5 | 100.0 | – | – | 4/4 | 100.0 | 6/6 | 100.0 | ✔ |
| 7. | Datuk Zalekha Hassan | 12/12 | 100.0 | 7/8 | 88.0 | 4/5 | 80.0 | 12/12 | 100.0 | – | – | – | – | ✔ |
| 8. | Dato' Ir Abdul Rahim Abu Bakar | 9/12 | 75.0 | – | – | 3/5 | 60.0 | – | – | 3/4 | 75.0 | 5/6 | 83.0 | – |
| 9. | Dato' Ibrahim Marsidi | 11/12 | 92.0 | 7/8 | 88.0 | 5/5 | 100.0 | 12/12 | 100.0 | 4/4 | 100.0 | – | – | ✔ |
| 10. | Davide Giacomo Federico Benello | 12/12 | 100.0 | – | – | – | – | – | – | – | – | – | – | ✔ |
| 11. | Datuk Seri Fateh Iskandar Tan Sri Dato' Mohamed Mansor | 10/12 | 83.0 | – | – | – | – | – | – | 4/4 | 100.0 | 6/6 | 100.0 | ✔ |
| 12. | Gee Siew Yoong *[Dilantik pada 13 Mac 2014]* | 9/9 | 100.0 | 6/6 | 100.0 | – | – | – | – | 2/2 | 100.0 | 3/3 | 100.0 | ✔ |
| | **Pengarah Ganti** | | | | | | | | | | | | | |
| 1. | Dato' Siti Zauyah Md Desa *[Pengarah Ganti kepada Dato' Fauziah Yaacob]* *[Dilantik pada 5 November 2014]* | 1/2 | – | – | – | – | – | – | – | – | – | – | – | – |
| 2. | Nik Rizal Kamil Tan Sri Nik Ibrahim Kamil *[Pengarah Ganti kepada Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin]* | 9/12 | – | – | – | – | – | 9/12 | 75.0 | – | – | 4/6 | 67.0 | ✔ |
| | **Pengarah-pengarah yang telah meletak jawatan/berhenti sejak laporan terdahulu** | | | | | | | | | | | | | |
| 1. | Dato' Sri Dr Halim Shafie *(Pengerusi)* *[Meletak jawatan pada 12 Januari 2015]* | 12/12 | 100.0 | – | – | – | – | – | – | – | – | – | – | ✔ |
| 2. | Eshah Meor Suleiman *[Pengarah Ganti kepada Dato' Fauziah Yaacob]* *[Berhenti pada 31 Oktober 2014]* | 1/10 | – | – | – | – | – | – | – | – | – | – | – | – |

Kehadiran mesyuarat secara purata dikira dari tarikh pelantikan hingga tarikh peletakan jawatan.

Pengarah Ganti kepada pengarah prinsipal. Pada tahun berkenaan, Pengarah yang mempunyai Pengarah Ganti, sama ada di dalam Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa telah memastikan setiap mesyuarat dihadiri oleh mereka sendiri atau diwakili pengarah ganti. Di mesyuarat yang mana ketidakhadiran Tunku Dato' Mahmood Fawzy tidak dapat dielakkan, Pengarah Gantinya, Nik Rizal Kamil hadir mewakili beliau.

Pengarah Ganti sebagai ahli utama jawatankuasa.

Bagi mengekalkan dan memantau had keahlian Pengarah menurut Keperluan Penyenaraian Utama, Pengarah-pengarah sejurus selepas pelantikan akan memaklumkan keahlian mereka sebagai pengarah dalam syarikat-syarikat lain di setiap mesyuarat Lembaga. Semua Pengarah TM mematuhi Keperluan Penyenaraian Utama berkaitan sekatan lima keahlian sebagai pengarah di dalam syarikat-syarikat tersenarai.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa peruntukan-peruntukan Akta Syarikat dan Keperluan Penyenaraian Utama adalah memadai untuk memastikan komitmen bagi melaksanakan tugas mereka dan Pengarah berupaya untuk mencerap dan memperuntukkan masa yang mencukupi untuk Syarikat, tanpa perlu peruntukan kawal selia yang rasmi. Ini terbukti dengan kehadiran memberansangkan para Pengarah di mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga seperti dinyatakan sebelum ini.

## Penilaian Keberkesanan Lembaga

TM telah mengguna pakai Penilaian Prestasi sejak tahun 2004. Ianya telah dijalankan secara dalaman sejak 2011 merangkumi Penilaian Lembaga, Penilaian Jawatankuasa Lembaga serta Penilaian Diri Pengarah/Sesama Sendiri. Penilaian Prestasi tersebut dikendalikan dengan terperinci bagi meningkatkan keberkesanan Lembaga serta memudahkan Lembaga untuk memberi tumpuan kepada perkara-perkara penting yang perlu ditangani di samping mengekalkan kesepaduan Lembaga, walaupun terdapatnya kepelbagaian Lembaga.

Melalui Penilaian Prestasi, keberkesanan Lembaga dinilai dari segi keahlian, pentadbiran dan proses, perilaku, akauntabiliti, tanggungjawab serta hubungan dan interaksi dengan pihak Pengurusan dan pihak berkepentingan lain termasuk penilaian ke atas Pengerusi Lembaga dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Keberkesanan setiap Pengarah juga mengambil kira sumbangan interaktif, pemahaman peranan mereka dan mutu sumbangan yang diberikan.

Penilaian Prestasi ini melibatkan soal selidik tentang keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhannya, serta jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga. Prestasi jawatankuasa ini dinilai dari segi struktur, proses, akauntabiliti dan tanggungjawabnya. Kaji selidik ini dilengkapkan oleh Pengarah-pengarah bagi Penilaian Diri dan Sesama Sendiri.

Maklum balas dan temu bual para Pengarah dengan Setiausaha Syarikat melengkapi soal selidik Penilaian Prestasi 2014 dan menggambarkan persepsi keseluruhan Lembaga Pengarah dan pendapat mereka mengenai Kumpulan TM. Keputusan Penilaian Prestasi yang telah dikumpul dan dianalisa akan dibincangkan dengan Pengerusi Lembaga dan Pengerusi JPG untuk analisa yang lebih mendalam. Seterusnya laporan ringkas Penilaian Prestasi serta analisa perbandingan keputusan tahun sebelumnya telah dibentangkan kepada JPG dan Lembaga pada bulan Februari untuk membolehkan Lembaga mengenalpasti perkara-perkara yang memerlukan penambahbaikan serta sebarang isu yang mungkin timbul berkaitan Lembaga, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengarah individu.

Keputusan Penilaian Prestasi 2014 merumuskan Lembaga telah menjalankan tanggungjawabnya dengan baik, di mana kebanyakan perkara telah dinilai sebagai "Baik" atau "Cemerlang". Keputusan keseluruhan penilaian secara purata bagi Tanggungjawab Lembaga Pengarah, Kelakuan Lembaga, Komposisi, Interaksi Lembaga Pengarah dan Komunikasi dengan Pengurusan dan Pihak Berkepentingan mencatatkan keputusan yang lebih tinggi daripada "3.5" daripada jumlah maksima "4.0", menunjukkan Pengarah-pengarah berpuas hati dengan prestasi keseluruhan Lembaga.

Penilaian untuk Jawatankuasa Lembaga juga bertambah baik berbanding 2013. Keputusan "Baik" atau "Cemerlang" yang dicapai oleh Jawatankuasa Lembaga menunjukkan ahli-ahli Jawatankuasa telah menjalankan tanggungjawabnya dengan baik secara berkumpulan dalam membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugas serta tanggungjawabnya.

Penilaian Diri dan Sesama Sendiri juga dijalankan untuk menilai sifat-sifat, personaliti dan kualiti setiap Pengarah. Setiap Pengarah akan dimaklumkan mengenai keputusan penilaian Diri dan Sesama Sendiri untuk perbandingan dan tindakan penambahbaikan. Keputusan Penilaian Sesama Sendiri terus tinggi pada tahun 2014, menggambarkan Lembaga yang sihat dan dinamik, kolektif serta mantap dengan hubungan kerja yang baik di kalangan ahli-ahli Lembaga dan di antara Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan.

Berdasarkan keputusan Penilaian Prestasi 2014 dan temubual dengan para Pengarah, Lembaga Pengarah kekal objektif untuk memberi tumpuan kepada perkara-perkara strategik berikut pada tahun 2015 bagi mengekalkan daya saing TM:




*Carta 5: Bidang Strategik Utama 2015*



## Ganjaran Para Pengarah

Lembaga memastikan bahawa polisi ganjaran Kumpulan kekal berdaya saing serta setimpal dengan tanggungjawab mereka untuk menarik minat dan mengekalkan Pengarah yang mempunyai kemahiran dan pengalaman untuk pengurusan Kumpulan TM yang berkesan. Dasar dan rangka kerja ganjaran keseluruhan Pengarah Eksekutif dan PBE disemak semula oleh JPG mengikut amalan pasaran sebelum cadangan-cadangan berkaitan dikemukakan kepada Lembaga untuk kelulusan.

Satu semakan semula ke atas pakej ganjaran PBE telah dibuat secara holistik pada tahun 2013. Semakan semula yuran Pengarah-pengarah bagi Pengerusi BBBE, PBK dan PBE telah diluluskan para pemegang saham di MAT ke-28 Syarikat pada 7 Mei 2013. Para pemegang saham telah meluluskan yuran Pengarah sebanyak RM276,000 setahun bagi Pengerusi BBBE, RM180,000 setahun bagi PBE; dan RM27,000 setahun kepada PBK berkuat kuasa 1 Januari 2012 dan masih terpakai sehingga kini memandangkan tiada semakan semula yuran para Pengarah dibuat pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 dan tahun kewangan yang akan berakhir pada 31 Disember 2015. Menurut Artikel 99(3) Tataurus Syarikat, yuran ini tidak boleh dinaikkan kecuali mendapat kelulusan melalui resolusi biasa pada mesyuarat agung Syarikat.

### Pengarah-pengarah Eksekutif

Pakej imbuhan Pengarah-pengarah eksekutif mengandungi elemen tetap dan elemen berkaitan prestasi yang seimbang. Sebagai Pengarah Eksekutif, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dibayar gaji, elaun, bonus dan lain-lain faedah biasa yang sewajarnya bagi Pengurusan Atasan. Sebahagian besar pakej imbuhan bagi Pengarah Eksekutif berubah bergantung kepada prestasi Syarikat sepanjang tahun kewangan, yang ditentukan berdasarkan KPI individu yang diselaraskan dengan Kad Skor Seimbang Kumpulan TM. Mereka tidak dibayar yuran Pengarah atau elaun mesyuarat bagi mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa yang mereka hadiri.

Penilaian prestasi Pengarah-pengarah Eksekutif (termasuk Pengurusan Kanan Utama dan Setiausaha Syarikat) juga disemak semula setiap tahun oleh JPG. Sebarang cadangan semakan semula gaji dan/atau ganjaran akan dikemukakan kepada Lembaga, sesuai dengan sumbangan dan prestasi mereka bagi tahun yang berkenaan. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan serta pihak Pengurusan diberi ganjaran berdasarkan gabungan pencapaian sasaran dan maklum balas penilaian 360 darjah mereka. Ganjaran-ganjaran ini adalah wajar dan berdaya saing, sejajar dengan objektif korporat, budaya dan strategi Kumpulan TM. Pengarah-pengarah Eksekutif sedia maklum bahawa mereka perlu meninggalkan mesyuarat Lembaga dan JPG semasa perbincangan mengenai ganjaran prestasi dan semakan semula ganjaran mereka.

Pada tahun 2013, Pelan Insentif Jangka Panjang (Pelan Insentif) Pengarah-pengarah Eksekutif dan Pengurusan Atasan telah dilaksanakan di bawah Transformasi Ganjaran TM dan dianugerahkan kepada mereka yang layak berdasarkan mekanisma yang diluluskan. Matlamat utama inisiatif ini adalah untuk menyelaraskan kepentingan Pengurusan Atasan dengan para pemegang saham, untuk menerapkan budaya berprestasi tinggi dan sebagai tarikan untuk Pengurusan Atasan kekal bersama Syarikat.

### Pengarah-Pengarah Bukan Eksekutif (PBE)

Penentuan pakej ganjaran PBE diputuskan oleh Lembaga Pengarah secara keseluruhan. Yuran PBE adalah tetap dan tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham. Elaun mesyuarat dibayar menurut jumlah mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa yang mereka hadiri dalam tahun berkenaan. PBE tidak layak menyertai sebarang skim saham pekerja atau skim insentif berasaskan prestasi selaras dengan Buku Biru yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) (PCG) bagi memastikan keseimbangan dan keputusan yang wajar. Walau bagaimanapun, mereka berhak dibayar elaun-elaun seperti elaun perjalanan luar negara, pembayaran balik bil-bil peralatan perniagaan dan telekomunikasi di samping perlindungan insurans, dan faedah perubatan.

Walaupun tidak ada cadangan untuk menyemak semula yuran para Pengarah sedia ada dan kelulusan pemegang-pemegang saham Syarikat pada tahun 2013 masih berkuat kuasa, resolusi bagi jumlah yuran Pengarah-pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 dan pembayaran yuran dari 1 Januari 2015 sehingga tamatnya MAT yang akan datang akan dibentangkan pada MAT ke-30 untuk kelulusan pemegang saham bagi memastikan tadbir urus korporat yang baik dan ketelusan yang tinggi.

Butiran jumlah ganjaran setiap Pengarah Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, dikategorikan mengikut komponen yang sesuai adalah seperti berikut:

*Carta 6: Ganjaran Pengarah-pengarah pada tahun 2014*

| BIL. | NAMA PENGARAH | GAJI (RM) | YURAN (RM) | | ELAUN (RM) | | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | TM | ANAK SYARIKAT | TM | ANAK SYARIKAT | |
| **PENGARAH-PENGARAH BUKAN BEBAS DAN PENGARAH EKSEKUTIF (PEBB):** | | | | | | | |
| 1 | Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa | 2,108,566.00 [a] | – | – | 235,789.93 [b] | – | 2,344,355.93 |
| 2 | Datuk Bazlan Osman | 1,205,660.00 [a] | – | – | 164,339.38 [b] | – | 1,369,999.38 |
| **PENGARAH-PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF (PBBBE):** | | | | | | | |
| 3 | Dato' Sri Dr Halim Shafie (Meletak jawatan pada 12 Januari 2015) | – | 276,000.00 | 276,000.00 | 84,200.00 | 14,000.00 | 650,200.00 |
| 4 | Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin | – | 180,000.00 | 85,000.00 | 126,750.00 | 3,500.00 | 395,250.00 |
| 5 | Dato' Fauziah Yaacob | – | 180,000.00 | – | 129,250.00 | – | 309,250.00 |
| **PENGARAH-PENGARAH GANTI BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF (PBBBE):** | | | | | | | |
| 6 | Dato' Siti Zauyah Md Desa<br>*(Pengarah ganti kepada Dato' Fauziah Yaacob)*<br>*(Dilantik pada 5 November 2014)* | – | – | – | – | – | – |
| 7 | Eshah Meor Suleiman<br>*(Pengarah ganti kepada Dato' Fauziah Yaacob)*<br>*(Berhenti pada 31 Oktober 2014)* | – | – | – | 51,250.00 | – | 51,250.00 |
| 8 | Nik Rizal Kamil Tan Sri Nik Ibrahim Kamil<br>*(Pengarah Ganti kepada Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin)* | – | – | – | 22,000.00 [c] | – | 22,000.00 [c] |
| **PENGARAH-PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF (PBBE):** | | | | | | | |
| 9 | Datuk Zalekha Hassan | – | 180,000.00 | 90,000.00 | 148,750.00 | 2,000.00 | 420,750.00 |
| 10 | Dato' Ir Abdul Rahim Abu Bakar | – | 180,000.00 | – | 102,750.00 | – | 282,750.00 |
| 11 | Dato' Danapalan T.P Vinggrasalam | – | 207,000.00 | 90,000.00 | 98,000.00 | 12,600.00 | 407,600.00 |
| 12 | Dato' Ibrahim Marsidi | – | 180,000.00 | 90,000.00 | 151,750.00 | 2,000.00 | 423,750.00 |
| 13 | Davide Giacomo Federico Benello | – | 180,000.00 | – | 152,000.00 [d] | – | 332,000.00 |
| 14 | Datuk Seri Fateh Iskandar Tan Sri Dato' Mohamed Mansor | – | 180,000.00 | 15,000.00 | 53,000.00 | 1,000.00 | 249,000.00 |
| 15 | Gee Siew Yoong<br>*(Dilantik pada 13 Mac 2014)* | – | 144,193.54 | – | 60,000.00 | – | 204,193.54 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | 3,314,226.00 | 1,887,193.54 | 646,000.00 | 1,579,829.31 | 35,100.00 | 7,462,348.85 |

*Nota:*

[a] *Termasuk caruman Syarikat kepada KWSP.*

[b] *Termasuk elaun kereta sebagai peruntukan kereta Syarikat.*

[c] *Dibayar terus kepada Khazanah Nasional Berhad.*

[d] *Termasuk elaun "per diem" bagi pengarah warga asing berjumlah RM110,000.*

## Perlindungan Gantirugi Pengarah-pengarah

TM mengekalkan Polisi Insurans Liabiliti untuk Pengarah-pengarah dan Anggota Syarikat pada tahun kewangan 2014. Mereka akan dijamin atas sebarang liabiliti sewaktu melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Walau bagaimanapun polisi ini tidak melindungi mana-mana Pengarah dan ahli Pengurusan yang terbukti cuai semasa menjalankan tugas, melakukan penipuan, tidak amanah atau dikenakan penalti atas kesalahan. Para pengarah sama-sama menyumbang untuk pembayaran premium tahunan untuk polisi insuran ini.

# Jawatankuasa Lembaga

Menurut Artikel 118 Tataurus Syarikat, Lembaga boleh menurunkan kuasanya kepada Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkannya.

Kesemua Jawatankuasa ini mempunyai Terma Rujukan, prosedur operasi bertulis serta had kuasa yang diluluskan Lembaga, yang mana ianya dikaji semula dari semasa ke semasa bagi memastikan ianya sentiasa bersesuaian dan dikemaskini. Tema Rujukan Jawatankuasa-jawatankuasa ini dinyatakan secara terperinci di dalam Piagam Lembaga yang terdapat di laman web rasmi Syarikat.

Bagi membantu Lembaga menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan, lima Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga berikut telah ditubuhkan dan diberi kuasa khusus yang bersesuaian:
- Jawatankuasa Audit
- Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran
- Jawatankuasa Tender
- Jawatankuasa Risiko
- Jawatankuasa Pelaburan

Selain itu, Lembaga Pengarah boleh menubuhkan jawatankuasa "ad-hoc" dikenali sebagai Jawatankuasa Kecil Lembaga (JKL) bila diperlukan jika terdapat keperluan khusus bergantung kepada jenis dan isu/kes yang dibangkitkan.

Keputusan dan perbincangan di Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga dilaporkan oleh setiap Pengerusi jawatankuasa berkenaan di setiap mesyuarat Lembaga. Sekiranya jawatankuasa-jawatankuasa tersebut tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan ke atas perkara-perkara yang dikhaskan bagi Lembaga, cadangan serta perakuan berkenaan berserta dengan perbincangan dan pandangan ahli-ahli Jawatankuasa akan dimaklumkan di dalam laporan jawatankuasa untuk perbincangan dan kelulusan Lembaga Pengarah.

## Jawatankuasa Audit Lembaga (JAL)

Selaras dengan Keperluan Penyenaraian Utama dan Kod Tadbir Urus 2012, dan di samping tugas dan tanggungjawab yang dinyatakan di bawah Terma Rujukannya, JAL membantu Lembaga dengan memberikan pandangan yang bebas dan objektif mengenai keberkesanan dan kecekapan kawalan dalaman Kumpulan TM.

Laporan lengkap berkenaan keahlian, jumlah dan kehadiran ahli di mesyuarat-mesyuarat JAL, serta ringkasan kegiatan dan aktiviti latihan sepanjang tahun 2014 dinyatakan di muka surat 142 hingga 146 laporan tahunan ini. Selain itu, Penyata Audit Dalaman juga dinyatakan di muka surat 147 hingga 148 laporan tahunan ini.

## Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran Lembaga (JPG)

TM menggabungkan Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran bertujuan mempercepatkan proses membuat keputusan, memandangkan ahli-ahli yang sama dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas kedua-dua jawatankuasa tersebut. Pada tahun 2014, JPG telah diberi tanggungjawab tambahan untuk membincangkan hal-hal berkaitan tadbir urus. Ahli JPG mengambil maklum tugas-tugas yang diperuntukkan dengan jelas dan berasingan di dalam agenda setiap mesyuarat.

Laporan lengkap berkenaan keahlian, jumlah dan kehadiran ahli di mesyuarat-mesyuarat JPG, serta ringkasan kegiatan dan aktiviti utama sepanjang tahun 2014 dinyatakan di muka surat 136 hingga 141 laporan tahunan ini.

## Jawatankuasa Tender Lembaga (JTL)

JTL telah ditubuhkan untuk menimbang dan meluluskan cadangan perolehan menurut had kuasa yang diluluskan Lembaga.

**Keahlian**

- Datuk Zalekha Hassan *(Pengerusi/PBBE)*
- Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa *(Ahli/PEBB)*
- Datuk Bazlan Osman *(Ahli/PEBB)*
- Dato' Fauziah Yaacob *(Ahli/PBBBE)*
- Dato' Ibrahim Marsidi *(Ahli/PBBE)*
- Nik Rizal Kamil Tan Sri Nik Ibrahim Kamil *(Ahli/Pengarah Ganti BBBE)*
- Dato' Siti Zauyah Md Desa *(Ahli Ganti/Pengarah Ganti BBBE)* *[Dilantik pada 5 November 2014]*
- Eshah Meor Suleiman *(Ahli Ganti/Pengarah Ganti BBBE)* *[Berhenti pada 31 Oktober 2014]*

Pada tahun 2014, Puan Eshah telah berhenti sebagai Pengarah Ganti kepada Dato' Fauziah di Lembaga TM dan sehubungan itu, beliau juga berhenti sebagai ahli ganti kepada Dato' Fauziah dalam JTL.

**Mesyuarat-mesyuarat JTL**

JTL telah mengadakan dua belas mesyuarat di sepanjang tahun 2014. Ketua Pegawai Perolehan Kumpulan menghadiri kesemua mesyuarat JTL sebagai jemputan tetap, manakala Ketua Pegawai Teknologi dan Inovasi dijemput hadir jika maklumat tambahan atau penjelasan mengenai perkara-perkara teknikal diperlukan. Ahli-ahli Jawatankuasa Penilaian Pengurusan juga dijemput untuk memberi keterangan mengenai isu-isu tertentu, jika perlu.

**Aktiviti-aktiviti Utama pada tahun 2014**

Pada tahun ini, JTL telah membincangkan, antara lain, ringkasan status perolehan, rancangan perolehan dan prestasi tahun terkini serta cadangan perolehan selaras dengan had kuasa JTL. JTL juga membincangkan pelan transformasi perolehan untuk terus meningkatkan kecekapan perolehan Syarikat. JTL terus aktif dalam mengenalpasti isu-isu perolehan dan penambahbaikan proses supaya lebih telus dengan mengamalkan amalan-amalan terbaik serta pengukuhan pematuhan pemerolehan, untuk menghapuskan sebarang kemungkinan amalan rasuah dan penyelewengan.

Perkara-perkara penting yang dikhaskan untuk kelulusan Lembaga dan cadangan perolehan dalam had kuasa Lembaga TM telah dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah.

JTL seterusnya disokong jawatankuasa-jawatankuasa kecil Pengurusan yang dipengerusikan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan Ketua Pegawai Perolehan Kumpulan, bergantung kepada tahap kuasa yang diberikan kepada mereka.

## Jawatankuasa Risiko Lembaga (JRL)

JRL telah ditubuhkan untuk membantu penambahbaikan pengurusan dan pengawalan profil risiko Kumpulan. Penubuhan JRL dapat memastikan pendekatan yang lebih bersepadu dan berstruktur dalam pengurusan pelbagai risiko perniagaan yang dihadapi Kumpulan TM.

Laporan terperinci berkenaan keahlian, terma rujukan, jumlah dan kehadiran ahli di mesyuarat-mesyuarat JRL sepanjang tahun 2014 serta Laporan Pengurusan Risiko Kumpulan dinyatakan di muka surat 149 hingga 153 laporan tahunan ini.

## Jawatankuasa Pelaburan Lembaga (JPL)

JPL telah ditubuhkan untuk membantu Pengurusan menganalisa dan menilai cadangan-cadangan pelaburan ekuiti dan/atau pelupusan cadangan berkaitan dan seterusnya mengesyorkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Pada tahun 2014, peranan JPL telah dipertingkatkan dengan kuasa untuk membincangkan cadangan-cadangan berkaitan dengan hartanah Kumpulan TM.

**Keahlian**

- Dato' Ir Abdul Rahim Abu Bakar *(Pengerusi/PBBE)*
- Datuk Bazlan Osman *(Ahli/PEBB)*
- Dato' Fauziah Yaacob *(Ahli/PBBBE)*
- Dato' Danapalan T.P Vinggrasalam *(Ahli/PBK)*
- Datuk Seri Fateh Iskandar Tan Sri Dato' Mohamed Mansor *(Ahli/PBBE)*
- Gee Siew Yoong *(Ahli/PBBE)* *[Dilantik pada 12 Jun 2014]*
- Nik Rizal Kamil Tan Sri Dato' Nik Ibrahim Kamil *(Ahli/ Pengarah Ganti BBBE)*
- Dato' Siti Zauyah Md Desa *(Ahli Ganti/Pengarah Ganti BBBE)* *[Dilantik pada 5 November 2014]*
- Eshah Meor Suleiman *(Ahli Ganti/Pengarah BBBE)* *[Berhenti pada 31 Oktober 2014]*

Pada tahun ini, keahlian JPL telah disemak semula dengan pelantikan Cik Gee sebagai ahli baru dan Dato' Siti Zauyah sebagai ahli ganti bagi menggantikan Puan Eshah setelah beliau berhenti sebagai pengarah ganti kepada Dato' Fauziah dalam Lembaga TM. Kedua-dua Pengarah dan Pengarah Ganti mempunyai latar belakang kewangan dan berpengalaman luas dalam sektor kewangan, membolehkan mereka memberi maklumbalas mengenai cadangan pelaburan yang dibincangkan.

**Mesyuarat-mesyuarat JPL**

JPL telah mengadakan enam mesyuarat sepanjang tahun 2014. Keputusan/cadangan dari mesyuarat JPL telah dilapor dan dibahaskan di mesyuarat Lembaga.

**Aktiviti-aktiviti utama pada tahun 2014**

Pada tahun ini, JPL telah membincangkan beberapa cadangan strategik yang melibatkan pelaburan jangka panjang untuk memastikan ia sejajar dengan hala tuju strategik TM. Beberapa cadangan juga dipertimbangkan bagi memastikan penyelarasan strategi-strategi TM dengan perkembangan pasaran dan perubahan teknologi.

## Jawatankuasa Kecil Lembaga (JKL)

Pada tahun ini, TM dengan sukacitanya melaporkan bahawa tiada isu-isu utama yang telah dibangkitkan yang memerlukan pembentukan JKL.

# Jawatankuasa Pengurusan dan Jawatankuasa Kecil Pengurusan

Lembaga telah menubuhkan dua jawatankuasa pengurusan utama, iaitu Jawatankuasa Pengurusan dan Barisan Kepimpinan Kumpulan, dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bagi memantau operasi Syarikat dan Kumpulan.

## Jawatankuasa Pengurusan (JP)

Terma-terma rujukan utama JP adalah seperti berikut:

- Merangka strategi perniagaan utama Kumpulan dan polisi-polisi berkaitan serta rancangan pelaksanaannya.
- Menilai, menyemak dan memberi panduan mengenai polisi-polisi Kumpulan, termasuk pelaburan, pelupusan pelaburan, pengurusan perniagaan perusahaan, kawal selia dan kewangan.
- Mencadangkan hala tuju strategik dan polisi rangka kerja berkaitan isu-isu modal insan Kumpulan TM kepada Lembaga, termasuk pengurusan bakat dan perancangan penggantian.
- Membincang, menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga perubahan ganjaran dan imbuhan Kumpulan TM.
- Menyedia dan memperakukan Rancangan Perniagaan Kumpulan TM kepada Lembaga.
- Membincangkan perkara-perkara yang diminta oleh Lembaga dan jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga untuk semakan dan perakuan.

## Barisan Kepimpinan Kumpulan (BKK)

BKK ditugaskan, antara lain, untuk:

- Menyemak prestasi perniagaan bulanan keseluruhan Kumpulan TM.
- Membincang, menimbang dan mencabar laporan-laporan penambahbaikan prestasi perniagaan Kumpulan TM dan Aliran Perniagaan Syarikat.
- Membincang dan menyemak isu-isu perniagaan Utama dan operasi Kumpulan TM.

## Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil Pengurusan

Dalam memastikan pentadbiran dan pemantauan operasi harian Syarikat yang berkesan, Pengarah Eksekutif dan ahli-ahli Pengurusan Utama dibantu oleh jawatankuasa-jawatankuasa kecil berikut:

**Jawatankuasa Pengurusan Pasaran Massa (JPPM)**

JPPM, dipengerusikan Naib Presiden Eksekutif (NPE) Pengguna dan PKS, telah ditubuhkan pada bulan Oktober 2014 berikutan penjajaran kluster Pasaran Massa. Objektif utamanya adalah untuk membincangkan perkara-perkara strategik berkaitan perniagaan Pasaran Massa untuk kelulusan JP dan menyediakan panduan dan/atau membuat keputusan berkaitan dengan operasi perniagaan Pasaran Massa.

**Majlis Akaun Terurus (Majlis AT)**

Majlis AT ditubuhkan pada tahun 2013 dan dipengerusikan oleh Pengerusi Akaun Terurus yang merupakan Ketua Pegawai Teknologi dan Inovasi. Objektif utama Majlis AT adalah untuk menjana usaha dan tumpuan kolektif dalam memajukan perniagaan Akaun Terurus. Ia memberi panduan dan kelulusan bagi inisiatif-inisiatif utama, mengkaji prestasi perniagaan dan mengemudi keutamaan perniagaan Akaun Terurus, bagi memastikan sinergi di seluruh Aliran-aliran Perniagaan di bawah Akaun Terurus termasuk VADS Berhad.

**Majlis Panduan Mobiliti (PB)**

Majlis PB ditubuhkan pada tahun 2014 dan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Tujuan utamanya adalah untuk memastikan pembangunan dan pelaksanaan strategi mobiliti dan tanpa wayar yang bersepadu untuk Kumpulan TM dan memastikan penyelarasan strategi berkaitan dengan penumpuan kepada integrasi TM yang lebih luas.

**Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (JPPKP)**

JPPKP diwujudkan pada bulan Mac 2012 dan dipengerusikan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Ia merupakan badan utama untuk membuat keputusan berkaitan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan TM dan juga memantau program-program berkaitan untuk Kumpulan TM.

**Jawatankuasa Pemandu Pemfokusan Pelanggan (JPPP)**

JPPP diwujudkan pada bulan November 2009 dan dipengerusikan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bertujuan menambahbaik pengalaman dan kepuasan serta pencapaian matlamat piagam khidmat pelanggan.

**Jawatankuasa Pelaburan Teknikal Kumpulan (JPTK)**

JPTK diwujudkan pada bulan Jun 2012 dan dipengerusikan Ketua Pegawai Teknologi dan Inovasi dengan Ketua Pegawai Strategi sebagai Pengerusi Ganti. JPTK bertujuan menangani isu-isu berkaitan pelaburan teknikal supaya ianya selari dan dioptimakan di seluruh Kumpulan TM.

**Jawatankuasa Kewangan (JK)**

JK diwujudkan pada bulan Julai 2009 dan dipengerusikan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan. Ia merupakan landasan untuk mengkaji semula dan membincang usul-usul kewangan termasuk pelaburan dan bajet, serta menyelesaikan isu-isu kewangan dan operasi utama. Perkara-perkara khusus yang memerlukan kelulusan Lembaga dibincangkan oleh JK terlebih dahulu sebelum dibentangkan kepada JP untuk maklum balas sebelum dibentangkan kepada Lembaga sekiranya perlu.

**Jawatankuasa Produk Kumpulan (JPK)**

JPK diwujudkan pada tahun 2009 dan dipengerusikan Ketua Pegawai Strategi. Ianya merupakan pusat rujukan strategik bagi isu-isu perniagaan bersilang dan operasi berkaitan produk dan segmentasi pelanggan. Ia juga memberi panduan dan menetapkan polisi untuk memastikan sinergi produk-produk yang diperkenalkan Kumpulan TM.

**Jawatankuasa-jawatankuasa Perolehan Pengurusan (JPP)**

Tiga JPP diwujudkan dengan setiap satunya dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan Ketua Pegawai Perolehan, untuk membincang hal-hal perolehan menurut had-had kuasa yang diluluskan.

**Jawatankuasa Hartanah Kumpulan (JHK)**

JHK diwujudkan pada bulan Disember 2009 dan dipengerusikan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan bagi memantau dan membincangkan hal-hal berkaitan hartanah Kumpulan TM dan mengesyorkan cadangan-cadangan berkaitan yang perlu untuk kelulusan Lembaga dan/atau JPL, sekiranya perlu.

# Program Peningkatan Prestasi Lembaga (PPPL)

Aliran kerja tadbir urus PPPL yang diterima pakai sejak bulan Januari 2008 telah menjalani beberapa penambahbaikan untuk meningkatkan fungsi dan struktur Lembaga serta memastikan keutamaan Lembaga sejajar dengan mandat Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Pelbagai inisiatif diperkenalkan sebagai Kaedah Operasi Lembaga (KOM) bagi mempertingkatkan keberkesanan Lembaga. Pencapaian PPPL akan dipantau dan dilaporkan kepada Lembaga secara tahunan. Pengurusan akan merangka pelan tahunan bagi Agenda dan Keutamaan Mesyuarat Lembaga TM bagi kelulusan Lembaga Pengarah pada suku pertama setiap tahun dengan mengambil kira Keutamaan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan juga perkara-perkara tumpuan utama yang diminta oleh Lembaga Pengarah berdasarkan keputusan Pernilaian Prestasi. Agenda mesyuarat Lembaga seterusnya diselaraskan dengan Wawasan dan Misi Syarikat, sejajar dengan peranan utama Lembaga Pengarah dan mandat yang diberikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.

Pada tahun 2014, tumpuan utama Lembaga Pengarah adalah strategi dan isu-isu industri, sejajar dengan hala tuju perniagaan dan lanskap industri telekomunikasi yang kompetitif. Pengagihan masa yang diluangkan Lembaga bagi membincangkan pelbagai tajuk dan agenda di mesyuarat Lembaga pada tahun 2014 adalah seperti carta 7 di bawah:




*Carta 7 – Pembahagian Masa Lembaga pada 2014*

# Latihan dan Perolehan Pengetahuan Lembaga

Sehingga kini, kesemua Pengarah, termasuk Pengarah yang baru dilantik, telah menjalani Program Pentauliahan Mandatori (MAP) yang ditetapkan Bursa Securities. Ahli Lembaga yang baru dilantik telah diberi taklimat pengenalan mengenai industri telekomunikasi Malaysia di samping aspirasi, sasaran perniagaan dan prestasi Kumpulan. Selain daripada MAP, Pengarah telah menghadiri program-program latihan lain yang berkaitan serta seminar-seminar yang dianjurkan pihak berkuasa, kawal selia dan badan-badan profesional.

Lembaga terus menilai keperluan latihan Pengarah melalui Program Latihan Lembaga yang membantu Pengarah dalam melaksanakan tugas mereka.

## Program Latihan Lembaga (PLL)

Lembaga Pengarah telah menerima pakai Garis Panduan PLL sejak 1 Januari 2005, bagi menentukan keperluan latihan para Pengarah selepas pemansuhan keperluan Program Pendidikan Berterusan (CEP) Bursa Securities. Ini adalah selaras dengan Kod Tadbir Urus 2012 yang menggalakkan para Pengarah menjalani latihan berterusan untuk memastikan pengetahuan dan kemahiran mereka sentiasa dikemaskini.

Struktur latihan Lembaga Pengarah sentiasa disemak semula bersesuaian dengan keperluan perniagaan yang sentiasa berubah. Hasil dari pemantauan teliti PLL oleh JPG dan sejajar dengan keputusan Penilaian Prestasi Lembaga, struktur latihan para Pengarah bagi tahun 2014 telah diselaraskan dengan tumpuan keperluan latihan kepada bidang Industri, Strategi, Tadbir Urus Korporat dan Hubungan Pelabur.

Dalam tahun 2014, para Pengarah telah menghadiri pelbagai seminar dan konvensyen antarabangsa untuk mengikuti perkembangan industri dan perubahan kawal selia serta perkembangan teknologi terkini yang sesuai dengan perniagaan Kumpulan.

TM juga telah menganjurkan latihan dalaman sebagai inisiatif pembangunan Pengarah. Pada tahun 2014, dua sesi telah diadakan berkenaan "Perjalanan Pengalaman Pelanggan" dan "Aplikasi Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 dan kesannya kepada Pengarah". Pada bulan Oktober 2014, satu lawatan ke Manchester, United Kingdom telah dianjurkan untuk Lembaga Pengarah merangkumi sesi perkongsian pengetahuan di Sidang Kemuncak Teknologi CXO mengenai kandungan dan aplikasi media serta lawatan ke pusat pendidikan di MediaCityUK.

Berdasarkan rekod PLL, kesemua Pengarah memenuhi keperluan latihan minima 36 jam yang ditetapkan bagi tahun 2014. Para Pengarah juga bersetuju bahawa mereka telah meluangkan masa yang mencukupi untuk menambah pengetahuan dan meningkatkan kemahiran mereka melalui program-program latihan yang sesuai, dalam usaha mengekalkan penyertaan aktif dalam perbincangan Lembaga.

Menurut keputusan PLL pada tahun 2014, para Pengarah meluangkan lebih daripada 50.0% daripada latihan mereka untuk bidang utama iaitu Pengetahuan Industri dan Strategi. Ini adalah sejajar dengan keperluan untuk mengekalkan dan meningkatkan pengetahuan mereka dan mengambil maklum perkembangan terkini perniagaan dan pasaran telekomunikasi. Peningkatan tajuk "Industri" (2013: 20.0%; 2014: 36.0%) telah didorong oleh penyertaan para Pengarah di CommunicAsia 2014, Forum "Megatrends" Khazanah, Kongres Mudah Alih Sedunia GSMA 2014, Sidang Kemuncak Microsoft dan Sidang Kemuncak Teknologi CXO.

Struktur latihan Pengarah pada tahun 2014 digambarkan seperti carta di bawah:




Lain-lain:
- Kawal Selia – 25 jam
- Etika – 2 jam
- Undang-undang – 8 jam
- Teknologi Maklumat – 3 jam
- Pengurusan Harta – 32 jam

*Chart 8 – Struktur Latihan Lembaga 2014*

Bagi menggalakkan usaha pembelajaran berterusan, pemerolehan kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan, peningkatan kemahiran perniagaan serta profesionalisma, para Pengarah telah menghadiri persidangan, seminar dan program latihan berikut pada tahun 2014:

| Fokus Latihan | Persidangan/Seminar dan Program Latihan |
|---|---|
| Tadbir Urus | • Panduan Tadbir Urus Korporat: Menuju Kecemerlangan Lembaga (Edisi ke-2)<br>• Seminar Tahunan Tanggungjawab Pengarah, Pematuhan dan Kawal Selia 2014<br>• Bengkel Tadbir Urus Korporat oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) |
| Industri | • CommunicAsia 2014<br>• Forum *"Megatrends"* Khazanah 2014: Mempertingkatkan Sempadan Kecekapan<br>• Sidang Kemuncak Teknologi VADS CXO<br>• Forum Komunikasi Global 2014<br>• Perkembangan Industri Telekom<br>• Kongres Mudah Alih Sedunia GSMA |
| Strategi | • Mesyuarat Strategik Lembaga Pengarah : Perjalanan Pengalaman Pelanggan CIMB<br>• Pengurusan Perkembangan Perniagaan yang Lestari<br>• Usaha ke arah Keamanan melalui Media<br>• Sidang Kemuncak dan Dialog Ekonomi Kebangsaan ASLI<br>• Pelaburan di Malaysia 2014 |
| Risiko | • Persidangan Pengurusan Risiko Enterpris IERP<br>• Perisikan Risiko Lembaga – Mengamalkan Pematuhan Risiko<br>• Krisis Global yang Seterusnya: Adakah Sistem Perbankan Dunia Mengancam Keselamatan Ekonomi Masa Hadapan Kita? |

| Fokus Latihan | Persidangan/Seminar dan Program Latihan |
|---|---|
| Kewangan/Audit | • Bengkel Siri Jawatankuasa Audit 2014<br>• Kini Masanya: Memahami dan Mengamalkan Perakaunan di Sektor Awam Malaysia<br>• Perkembangan Teknikal Institut Jawatankuasa Audit (ACI)<br>• Program Pembangunan Pengarah-pengarah Institusi Kewangan FIDE<br>• Siri Jelajah Kewangan Jersey Asia |
| Pengurusan Modal Insan | • Sesi Dialog Kepimpinan TM<br>• Program Kepimpinan Kanan: Penjenamaan Pemimpin, Penjenamaan Negara |
| Pengurusan Prestasi | • Siri Bersarapan Pengarah Bersama Beehan: Syarikat Hebat Wajar Memiliki Lembaga Pengarah Yang Hebat<br>• Program Pengarah Korporat MINDA<br>• Pengurusan Pengetahuan dan Penyelidikan Tindakan<br>• Sidang Kemuncak Pengarah Antarabangsa |
| Hubungan Pelabur | • Siri Jelajah *Non-Deal* Hubungan Pelabur<br>• Siri Jelajah *Non-Deal* Hubungan Pelabur CLSA |
| Lain-lain | • Kawal Selia<br>• Etika<br>• Perundangan<br>• Teknologi Maklumat<br>• Hartanah |

# Akses Maklumat kepada Pengarah

## Akses kepada Pengurusan

Memandangkan teknologi dalam industri sentiasa berubah, adalah penting bagi Lembaga untuk menghubungi Pengurusan Kanan dengan mudah bagi mendapatkan penjelasan dan pemahaman sepenuhnya bagi membolehkan Lembaga membuat keputusan yang berkesan.

Sehubungan ini, Lembaga mempunyai akses langsung kepada Pengurusan Kanan dan akses tidak terhad kepada maklumat berkaitan hal ehwal perniagaan Kumpulan. Kebergantungan kepada kewibawaan Pengurusan Kanan Syarikat dan juga akses kepada pakar undang-undang, perakaunan, kewangan dan penasihat yang lain membolehkan para Pengarah melaksanakan tugas mereka dengan berkesan untuk membuat keputusan yang bijak dan tepat.

Maklumat penting dan relevan yang berkaitan dibekalkan kepada Lembaga serta Jawatankuasa-jawatankuasanya secara purata dalam masa lima hari sebelum setiap mesyuarat diadakan bagi membolehkan Pengarah-pengarah menyemak semula cadangan-cadangan atau maklumat-maklumat yang diberikan dalam jangkamasa yang sesuai. Pada tahun 2014, purata enam hari dicatatkan bagi pengagihan kertas Lembaga kecuali Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah di mana tempoh masa yang lebih singkat telah dipersetujui.

## Setiausaha Syarikat

Lembaga boleh mendapatkan khidmat nasihat Setiausaha Syarikat secara langsung. Ketua Undang-undang, Pematuhan dan Setiausaha Syarikat yang dibantu oleh Setiausaha-setiausaha Bersama bertanggungjawab memberi sokongan dan nasihat yang diperlukan mengenai polisi, prosedur, undang-undang dan peraturan yang berkaitan Syarikat serta amalan terbaik tadbir urus.

Lembaga juga boleh mendapatkan maklumat melalui Sistem Pengurusan Dokumen dan Mesyuarat yang merupakan sistem arkib elektronik yang selamat untuk penyimpanan kertas kerja dan minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga dan Jawatankuasa Pengurusan.

## Akses kepada Pakar-pakar Luar

Di samping sumber-sumber dalaman Kumpulan, Lembaga dan Jawatankuasanya boleh mendapatkan akses kepada maklumat luar dan nasihat pakar, dengan melantik pakar-pakar bebas luar yang mana kosnya ditanggung sepenuhnya oleh Syarikat, sekiranya difikirkan perlu untuk menjalankan tugas mereka dengan berkesan.

Pada tahun ini, panel peguam telah dilantik untuk memberi pendapat undang-undang kepada JPG mengenai isu-isu tadbir urus.

## Pek Maklumat Industri

Lembaga juga dimaklumkan mengenai perubahan dan maklumat terkini industri telekomunikasi melalui Pek Maklumat Industri suku tahunan yang mengandungi ringkasan kompilasi pandangan penganalisa mengenai TM, perkembangan terkini tempatan dan global, peristiwa, laporan daya saing pasaran, laporan industri dan maklumat pengawalseliaan tempatan dan luar negara. 35 jilid Pek Maklumat Industri telah dikeluarkan sehingga Disember 2014.

# Komunikasi dan Perhubungan

## Lembaga dan Pengurusan

Ahli-ahli Pengurusan Kanan dijemput menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga untuk membentangkan dan memberi penjelasan mengenai perakuan dan cadangan-cadangan berkaitan di bawah tanggungjawab mereka. Kertas kerja yang ringkas dan padat disedia dan dibentangkan bagi memastikan Lembaga Pengarah mempunyai maklumat yang diperlukan serta gambaran menyeluruh mengenai syor atau isu yang dikemukakan untuk keputusan. Mulai tahun 2012, ahli-ahli dan jemputan tetap JP telah dijemput menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah semasa pembentangan laporan prestasi bulanan/kad skor seimbang prestasi Syarikat/Kumpulan untuk perbincangan yang berkesan.

Keputusan-keputusan penting Lembaga disampaikan kepada pihak Pengurusan dalam masa satu hari bekerja selepas mesyuarat. Manakala minit mesyuarat diedarkan kepada Pengerusi dan Pengarah-pengarah Eksekutif untuk ulasan dalam masa lima hari bekerja dari tarikh mesyuarat. Cabutan minit mesyuarat berkenaan diedarkan kepada pihak Pengurusan untuk tindakan sewajarnya dalam jangkamasa tiga hingga lima hari bekerja mengikut kepentingan perkara-perkara tersebut.

Proses penilaian kertas mesyuarat dan pembentangan oleh Pengurusan pada setiap mesyuarat membantu Lembaga untuk memberikan maklum balas yang membina kepada Pengurusan dan meningkatkan kualiti kertas kerja yang dibentangkan. Markah penilaian Lembaga ke atas kertas cadangan dan pembentangan oleh Pengurusan bagi tahun 2014 direkodkan melebihi 4.00 mata dari jumlah 5.00 mata.

Pengurusan juga diberi peluang untuk menilai Lembaga setiap tahun, dari segi sama ada keputusan yang dibuat oleh Lembaga dilakukan dengan membina, penuh sokongan, penumpuan, serta berdasarkan maklumat dan fakta-fakta yang dikemukakan. Bagi tahun 2014, markah penilaian purata Pengurusan terhadap Lembaga meningkat kepada 4.28 mata dari jumlah 5.00 mata berbanding 4.21 mata pada 2013.

## Pemegang-pemegang Saham dan Pelabur

Program-program Hubungan Pelabur yang mantap adalah penting bagi melindungi kepentingan pemegang-pemegang saham, pelabur dan pihak berkepentingan Syarikat. TM mengekalkan komunikasi secara proaktif dan berterusan dengan komuniti pelabur melalui aktiviti hubungan pelabur yang terancang dan dikendali oleh Bahagian Hubungan Pelabur yang melapor kepada Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan.

Pemegang saham dan pemerhati pasaran juga dialu-alukan untuk mengutarakan pertanyaan bila-bila masa melalui Bahagian Jenama dan Komunikasi Kumpulan dan Unit Hubungan Pelabur.

Semua komunikasi Syarikat dengan pasaran modal dibuat mengikut Polisi dan Garis Panduan Hubungan Pelabur bagi menjamin penzahiran maklumat yang betul dan berkualiti dalam masa yang ditetapkan kepada para pemegang saham dan pelabur untuk membolehkan mereka membuat penilaian dan keputusan pelaburan yang tepat.

TM juga telah mengumumkan Petunjuk Prestasi Utama untuk 2014-2016 pada Februari 2014 dalam usaha berterusan untuk meningkatkan ketelusan. Sasaran ini telah ditetapkan dan dipersetujui oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan sebagai sebahagian daripada rangka kerja KPI TM, sepertimana yang ditetapkan di bawah Program Transformasi GLC.

Pada 14 April 2014, TM juga menjalankan sesi perbincangan dengan MSWG untuk memberi penjelasan mengenai cadangan korporat yang dilaksanakan oleh Syarikat pada tahun 2014.

Selain itu, Syarikat menyediakan saluran alternatif bagi para pelabur dan pihak berkepentingan lain melalui PBK. Ini merupakan saluran penting kepada pemegang-pemegang saham minoriti dan pihak berkepentingan lain untuk menyalurkan sebarang persoalan kepada Syarikat dan pihak Pengurusan.

Komunikasi dan maklum balas daripada para pelabur boleh ditujukan kepada investor@tm.com.my. Selain itu, ia boleh dialamatkan kepada:

Ketua Hubungan Pelabur
Aras 11, Sayap Selatan, Menara TM
Jalan Pantai Baharu
50672 Kuala Lumpur

Maklumat mengenai inisiatif dan aktiviti Bahagian Hubungan Pelabur dinyatakan di muka surat 43 hingga 47 laporan tahunan ini.

## Perbincangan Pengarah-pengarah Bebas

PBK bertanggungjawab mengadakan perbincangan secara sulit dengan PBE lain yang merasakan pandangan mereka tidak diambilkira sepenuhnya oleh Lembaga. Perbincangan ini boleh diadakan pada bila-bila masa sekiranya dirasakan perlu oleh PBK. Dengan cara ini, Lembaga dapat mencapai tahap kebebasan yang lebih tinggi, dalam proses membuat keputusan yang terbaik dan PBE boleh bertemu dan bertukar pendapat dengan aktif tanpa kehadiran pihak Pengurusan.

Pada tahun ini, tiada mesyuarat tersebut diadakan, menunjukkan bahawa PBBE berpuas hati isu-isu yang telah dibincangkan telah dapat diselesaikan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah dan sesi santai.

## Hubungan dengan Juruadit Dalam dan Luar

Lembaga sentiasa mengekalkan hubungan yang wajar dengan Juruaudit Syarikat menerusi JAL. Jawatankuasa ini telah diberi kuasa jelas di bawah Piagam Lembaga untuk berhubung secara terus dengan juruaudit luar dan dalaman bagi melaksanakan tugas mereka dengan berkesan.

JAL dan Lembaga memberi penekanan kepada objektiviti dan kebebasan juruaudit luar, Tetuan PricewaterhouseCoopers (PwC), dalam menyediakan laporan yang telus kepada para pemegang saham. PwC terus memberikan pandangan mereka mengenai Syarikat kepada pemegang saham, yang merupakan sebahagian daripada laporan kewangan selaras dengan audit yang dijalankan dalam tahun kewangan berkanun ini. PwC sering dijemput untuk menghadiri mesyuarat JAL untuk melaporkan pendedahan penuh mengenai audit yang dilaksanakan khususnya mengenai isu-isu berkaitan kewangan dan kewajaran sistem yang berkaitan dengan aspek-aspek kewangan. JAL juga telah menggunakan hak yang diberikan sepenuhnya di bawah Piagam Lembaga untuk perbincangan penuh dan bebas mengenai isu-isu yang dibangkitkan JAL dan/atau PwC dua kali setahun tanpa kehadiran pihak Pengurusan.

Juruaudit luar juga dijemput hadir di MAT Syarikat untuk membentangkan laporannya kepada pemegang saham dan menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh pemegang saham.

Laporan penuh merangkumi peranan JAL dan hubungan dengan juruaudit luar dan dalaman dinyatakan di muka surat 144 hingga 145 laporan tahunan ini.

## Laporan Tahunan dan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT)

Laporan tahunan TM mengandungi pelbagai maklumat berguna khususnya kepada para pemegang saham dan orang awam amnya untuk pemahaman yang lebih mendalam mengenai Syarikat. Ianya merupakan saluran komunikasi utama antara Kumpulan dan pihak-pihak berkepentingan. Ia mengandungi laporan komprehensif mengenai hala tuju serta prestasi kewangan Kumpulan, memastikan pematuhan melebihi Keperluan Penyenaraian Utama bagi menggalakkan tadbir urus yang lebih baik.

Ringkasan laporan tahunan juga dicetak dan dihantar melalui pos bersama-sama dengan laporan tahunan dalam bentuk CD-ROM kepada pemegang saham. Versi elektronik laporan tahunan tersebut juga boleh didapati dan dimuat turun di laman web korporat Syarikat. Seperti tahun sebelumnya, TM terus menerbitkan Laporan Tahunan 2013 dalam versi e-book, yang boleh dimuat turun menggunakan iOS dan Android.

Versi lengkap laporan tahunan bercetak dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu disediakan untuk para pemegang saham atas permintaan. Maklumat terperinci mengenai permohonan salinan bercetak serta borang permohonan juga disediakan dalam ringkasan laporan tahunan. Pendaftar Saham TM akan memastikan bahawa salinan bercetak diterima pemegang saham dalam tempoh empat hari dari tarikh permintaan diterima.

TM juga telah mengambil maklum Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu Antarabangsa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (IIRC) dan juga analisa mengenai keadaan Pelaporan Bersepadu di Malaysia, dan Lembaga yakin bahawa Laporan Tahunan dan Laporan Kelestarian TM adalah seiring ke arah Pelaporan Bersepadu tersebut. Maklumat di dalam Laporan Tahunan TM adalah selaras dengan maklumat mandatori yang diperlukan Bursa Securities. Usaha penstrukturan semula kandungan Laporan Tahunan untuk memastikan ianya selari dengan konsep Pelaporan Bersepadu dibuat secara berterusan.

Mesyuarat agung, terutamanya MAT, merupakan saluran komunikasi dan dialog yang penting antara Syarikat dan pemegang-pemegang saham dan pelabur-pelabur. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan akan menyampaikan laporan lengkap mengenai prestasi Syarikat serta nilai tambah bagi pemegang saham dan pembangunan terkini Kumpulan, dengan bantuan visual dan grafik yang jelas dan terperinci di MAT. Soalan yang dikemukakan MSWG sebelum MAT dikongsi bersama dengan semua pemegang saham semasa MAT berserta maklum balas mengenai isu-isu penting berkaitan perniagaan Syarikat. Laporan ini juga akan dimuat naik di laman web Syarikat setelah tamatnya MAT.

Selaras dengan prinsip Kod Tadbir Urus 2012 yang menggalakkan penyertaan pemegang-pemegang saham di mesyuarat agung, notis MAT telah ditambahbaik dengan penambahan maklumat-maklumat mengenai hak-hak pemegang saham di mesyuarat agung.

Lembaga akan menimbang penggunaan pengundian secara elektronik bagi undian dengan tangan dan secara bertulis (poll), untuk menggalakkan penyertaan pemegang saham di MAT, dengan mengambil kira kebolehpercayaan, kesesuaian, kos dan kecekapan sistem tersebut.

TM juga menggalakkan penglibatan aktif pemegang-pemegang saham di MAT. Kehadiran pemegang-pemegang saham di MAT terus menggalakkan, dengan pendaftaran 2,519 pemegang saham di MAT ke-29 Syarikat yang diadakan pada 8 Mei 2014, iaitu peningkatan sebanyak 10.0% daripada kehadiran pada MAT ke-28.

Di awal mesyuarat agung, Pengerusi akan memaklumkan peraturan mesyuarat termasuk prosedur pengundian. Syarikat mengambil khidmat pemantau bebas untuk mengira, mengaudit dan mengesahkan undian bagi setiap cadangan yang dikemukakan kepada pemegang saham. Pengerusi juga akan mengenal pasti dan mengingatkan pihak yang berkepentingan jika mereka perlu berkecuali dari mengundi, sebelum proses pengundian dijalankan. Keputusan undian bagi setiap resolusi dimaklumkan kepada para pemegang saham selepas setiap undian dijalankan, manakala ringkasan keputusan undian dipamerkan di akhir mesyuarat untuk makluman para pemegang saham. Resolusi-resolusi mesyuarat berkenaan seterusnya dimuat naik di laman web Bursa Securities. Di samping itu, minit mesyuarat agung tersebut juga boleh diakses melalui laman web Syarikat.

Pada mesyuarat agung, para pemegang saham telah mengambil peluang untuk mengemukakan soalan mengenai agenda-agenda MAT. Jawapan atau maklum balas akan diberikan oleh Lembaga Pengarah, Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Lembaga atau Pengurusan Kanan TM. Sidang akhbar juga diadakan setelah tamatnya MAT dihadiri Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan pihak Pengurusan Kanan berkaitan untuk menjelas dan menerangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak media.

### Polisi Penzahiran Maklumat Dalaman Korporat

Lembaga telah mewujudkan Polisi Komunikasi Dalaman dan Amalan Terbaik untuk memudahkan pengendalian dan penzahiran maklumat penting dalam cara dan masa yang tepat dan sesuai. Polisi ini dibuat berdasarkan keterbukaan dan ketelusan, komunikasi dua hala, akauntabiliti, ketepatan masa, ketepatan maklumat dan kesederhanaan, bertujuan untuk memastikan pematuhan keperluan penzahiran seperti yang dinyatakan dalam Keperluan Penyenaraian Utama dan undang-undang lain yang berkaitan. Syarikat juga telah mengguna pakai Garis Panduan Maklumat Korporat (Edisi Ke-2) yang dikeluarkan oleh Bursa Securities pada Oktober 2013.

## Ketertiban Lembaga

### Percanggahan Kepentingan dan Urus Niaga Pihak Berkaitan

Bagi memastikan akauntabiliti dan mencegah percanggahan kepentingan, para Pengarah mempunyai tanggungjawab berterusan untuk menentukan dan mengisytiharkan sama ada mereka berkemungkinan atau mempunyai percanggahan kepentingan dalam perkara-perkara yang dibincangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah. Setiausaha Syarikat juga mengingatkan Lembaga mengenai tugas dan tanggungjawab berkanun mereka dan memaklumkan mengenai sebarang perkembangan atau perubahan undang-undang atau peraturan berkaitan dari masa ke semasa.

Buku Daftar mengenai kepentingan para Pengarah serta keahlian sebagai Lembaga Pengarah di syarikat lain, termasuk mereka yang berkaitan disimpan oleh Setiausaha Syarikat untuk tujuan pemantauan antara lain, Urus Niaga Pihak Berkaitan oleh Unit Pematuhan dan Bahagian Perolehan Kumpulan.

Pada tahun ini, semua Pengarah telah memaklumkan maklumat terkini mengenai perubahan kepentingan mereka dari semasa ke semasa kepada Setiausaha Syarikat.

Pengarah-pengarah juga maklum bahawa mereka perlu mengisytiharkan kepentingan dalam sebarang urusan dengan Syarikat dan Kumpulan dan perlu berkecuali dan menarik diri dari perbincangan dan pengundian berkaitan urus niaga tersebut di mesyuarat Lembaga Pengarah atau mesyuarat agung yang diadakan bagi tujuan tersebut. Sekiranya kelulusan pemegang saham diperlukan untuk cadangan korporat, Pengarah yang berkepentingan juga dikehendaki berkecuali dari mengundi resolusi tersebut dan perlu memastikan pihak-pihak yang berkaitan dengan beliau juga tidak mengundi bagi resolusi yang sama.

### Urus Dagang Berdasarkan Maklumat Dalaman

Lembaga Pengarah dan anggota TM dilarang sama sekali melakukan sebarang urus dagang sekuriti atau urus niaga lain berdasarkan maklumat sensitif harga atau perkara yang masih belum diketahui umum.

Peringatan berkenaan larangan berurus dagang saham Syarikat dalam tempoh waktu dilarang seperti yang diperuntukkan dalam Keperluan Penyenaraian Utama, diedarkan kepada Pengarah-pengarah dan Pengurusan Kanan setiap suku tahun. Para Pengarah juga disaran untuk tidak berurus dagang saham Syarikat apabila maklumat yang boleh mempengaruhi harga saham Syarikat dikongsi dengan mereka, melalui kertas kerja Lembaga.

Pada tahun ini, tiada kes dilaporkan berhubung sebarang pelanggaran larangan tersebut.

## Integriti Korporat

Kod Etika Pengarah Syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia dijadikan panduan teras dan diguna pakai Lembaga Pengarah. Melalui penzahiran kepentingan mereka pada setiap mesyuarat, Pengarah dapat melaksanakan prinsip berkaitan keikhlasan, integriti dan kebertanggungjawaban.

Di samping itu, perlakuan Lembaga TM, Pengurusan, warga kerja dan semua pihak yang berkepentingan dengan Kumpulan juga ditadbir oleh Kod Etika Perniagaan, Amalan Etika Perolehan, Pakatan Integriti, Panduan Pencegahan Rasuah TM dan Polisi Berkenaan Pemberi Maklumat bertujuan menegakkan nilai "Integriti Tanpa Kompromi".

Bagi pembekal-pembekal TM, pengisytiharan di bawah Kod Etika Perniagaan adalah aktiviti tahunan, yang memberikan peringatan berterusan kepada mereka mengenai polisi Kumpulan terhadap integriti.

Kesemua pekerja, ahli-ahli Lembaga dan pembekal yang terlibat di semua peringkat aktiviti perolehan dalam TM dikehendaki membuat ikrar patuh kepada Pakatan Integriti, yang merupakan pengisytiharan terhadap amalan rasuah. Pakatan Integriti ini mula diperkenalkan pada 13 Ogos 2012 sebagai satu inisiatif yang diguna pakai oleh Kerajaan untuk membendung rasuah dalam kontrak awam. Lembaga Pengarah dan ahli Pengurusan komited untuk meningkatkan keberkesanan tadbir urus dan integriti dalam Syarikat. Pelaksanaannya adalah selaras dengan peraturan berkaitan perolehan dalam Kod Etika Perniagaan serta dasar terhadap rasuah dan konflik kepentingan seperti yang termaktub dalam Peraturan dan Amalan Etika Perolehan.

Pengisytiharan ini menunjukkan kepada semua yang terlibat dalam aktiviti perolehan, termasuk pihak luar, mengenai komitmen Kumpulan ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada amalan rasuah dalam pengendalian perniagaannya dan interaksi dengan rakan kongsi perniagaan serta Kerajaan.

Selain itu, semua ahli JTL diwajibkan membuat pengisytiharan mengesahkan mereka tidak mempunyai percanggahan kepentingan ke atas cadangan-cadangan yang dibentangkan, sebelum setiap mesyuarat. Maklumat sulit mengenai pemerolehan juga dirahsiakan sepanjang proses perolehan.

Kod Etika Perniagaan TM juga merangkumi Polisi Pemberi Maklumat di mana pekerja Kumpulan TM digalakkan untuk melaporkan dakwaan tingkah laku yang tidak beretika, penipuan yang berlaku atau yang disyaki berlaku dalam Kumpulan. Kesedaran di kalangan pihak berkepentingan terbukti dengan peningkatan bilangan laporan dan kualiti maklumat yang mengakibatkan tindakan tegas diambil terhadap pesalah laku.

Kod Etika Perniagaan, Amalan Etika Perolehan, Pakatan Integriti dan Polisi Pemberi Maklumat menunjukkan sikap tiada toleransi Syarikat terhadap amalan rasuah dan tingkah laku yang tidak diingini di dalam dan yang berkaitan dengan Kumpulan. Ini merupakan usaha kolektif antara Unit Etika dan Integriti Enterpris (EEIU), Juruaudit Dalaman Kumpulan, Unit Hal Ehwal Khas, Kumpulan Pengurusan Modal Insan dan Kumpulan Perolehan di bawah Jawatankuasa Etika dan Integriti.

Butir-butir inisiatif Integriti Korporat dinyatakan di muka surat 159 hingga 161 laporan tahunan ini.

## Pengurusan Konflik

Lembaga sedar pentingnya menangani konflik dalaman Lembaga Pengarah TM dengan bijak, adil dan cekap tanpa mengira pihak yang terlibat. Jika sebarang isu atau perkara sensitif timbul antara ahli Lembaga Pengarah, Pengerusi dan PBK mempunyai peranan tersirat untuk bertindak sebagai perantara untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Jika terdapat sebarang konflik atau isu antara ahli-ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan yang melibatkan perlakuan tidak beretika mana-mana anggota Lembaga Pengarah, TM telah mewujudkan tatacara ketidakpuasan hati di mana pekerja yang terkilan boleh mengemukakan aduan terhadap ahli Lembaga Pengarah tersebut menerusi saluran rasmi melalui PBK dan/atau Setiausaha Syarikat

PBK dan/atau Setiausaha Syarikat akan menilai dan jika diperlukan, menyalurkan aduan tersebut kepada Pengerusi JPG untuk berunding bagi menentukan tindakan seterusnya. Sekiranya aduan tersebut berasas dan memerlukan siasatan lanjut, sebuah badan "ad hoc" bebas, iaitu Jawatankuasa Lembaga Etika akan ditubuhkan untuk mengkaji dan menyiasat, dan mengesyorkan tindakan seterusnya kepada JPG. Lembaga TM akan menentukan tindakan wajar yang akan diambil terhadap Pengarah tersebut, menurut kesesuaian kes tersebut.



# Menggalakkan Kelestarian

TM terus menumpukan kepada pertumbuhan organik dengan mewujudkan model perniagaan yang berkekalan bagi pelanggan dan warga kerja. Aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar diambil kira dalam operasinya dan akan terus diurus bagi memastikan kejayaan dan daya maju perniagaan jangka panjang Syarikat.

Laporan Tahunan Kelestarian TM menghurai usaha Syarikat ke arah aspek-aspek ini dan juga inisiatif-inisiatif Tanggungjawab Korporat. Laporan tahunan menekankan aspek kewangan perniagaan dan bersama-sama Laporan Kelestarian memberi gambaran yang jelas, komprehensif dan telus mengenai prestasi tahunan Syarikat secara menyeluruh.

Laporan Tahunan Kelestarian boleh diperolehi di laman web rasmi Syarikat.

# Kebertanggung-jawaban dan Audit

## Laporan Kewangan

Lembaga memastikan para pemegang saham diberikan maklumat mengenai prestasi kewangan dan prospek Kumpulan yang bermakna dan seimbang pada setiap akhir tahun kewangan, terutamanya melalui penyata kewangan tahunan, pengumuman keputusan suku tahunan yang dibuat pada 28 Mei, 27 Ogos dan 26 November 2014 serta Penyata-penyata Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif di dalam laporan tahunan ini. Lembaga dibantu JAL untuk menyelia dan mengawasi proses serta kualiti laporan kewangan Kumpulan.

## Penyata Tanggungjawab oleh Pengarah

Selaras dengan Akta Syarikat, para Pengarah telah memastikan penyata kewangan yang disediakan pada setiap tahun kewangan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai urusan Syarikat dan Kumpulan pada hujung tahun kewangan, berserta keputusan dan aliran tunai Syarikat dan Kumpulan bagi tahun kewangan tersebut.

Penyata Tanggungjawab Pengarah-pengarah bagi penyata kewangan beraudit dinyatakan di muka surat 258 laporan tahunan ini. Manakala, maklumat penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 dinyatakan pada muka surat 259 hingga 387 laporan tahunan ini.

## Kawalan-kawalan Dalaman

Rangka kerja dan suasana kawalan dalaman yang sesuai untuk mengkaji keberkesanan, kecukupan dan integriti adalah bukti tanggungjawab dan komitmen menyeluruh Lembaga bagi memastikan sistem kawalan dalaman Kumpulan yang teguh. Ia direka untuk mengurus risiko ketidakcapaian objektif Kumpulan dan memberikan jaminan yang mencukupi ke atas sebarang kenyataan yang salah atau kerugian yang material.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman Pengarah (PPRKD), yang memberi gambaran keadaan kawalan dalaman Kumpulan, dinyatakan di muka surat 129 hingga 135 laporan tahunan ini.

# Penyata Pematuhan

Selaras dengan Perenggan 15.25 Keperluan Penyenaraian Utama, Lembaga Pengarah dengan ini melaporkan bahawa Penyata Tadbir Urus Korporat ini membentangkan amalan tadbir urus korporat Syarikat yang merujuk kepada Kod Tadbir Urus 2012. TM telah menerima pakai prinsip-prinsip umum yang dinyatakan dalam Kod Tadbir Urus 2012. Walau bagaimanapun, beberapa Cadangan dan Ulasan Kod Tadbir Urus 2012 tersebut tidak diguna pakai memandangkan Lembaga percaya ianya adalah wajar dan kenyataan di dalam penyata ini telah memberi penjelasan dan justifikasi mengenai alasan ketidakpatuhan berkenaan. Namun demikian, TM akan terus mengukuhkan amalan tadbir urus untuk melindungi kepentingan pemegang-pemegang saham dan pihak-pihak berkepentingan yang lain.

Penyata ini bersama PPRKD, serta Laporan-laporan JAL, JPG dan JRL menggambarkan amalan tadbir urus korporat Syarikat yang merujuk kepada Kod Tadbir Urus 2012.

Penyata Tadbir Urus Korporat ini telah diluluskan menurut resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 26 Februari 2015.



**TAN SRI DATO' SERI DR SULAIMAN MAHBOB**
*Pengerusi*

# PENYATA LEMBAGA PENGARAH MENGENAI PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

Penyata ini dibuat selaras dengan Perenggan 15.26(b) Keperluan Penyenaraian Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities) yang memerlukan Lembaga Pengarah Syarikat Tersenarai menyatakan di dalam laporan tahunan mereka satu "penyataan mengenai kedudukan kawalan dalaman syarikat sebagai kumpulan". Kod Tadbir Urus (2012) yang telah disemak mengkehendaki Lembaga Pengarah mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh. Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan bahawa Penyata berikut disediakan menurut "Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis panduan untuk Pengarah-pengarah Syarikat Tersenarai" yang telah disokong oleh Bursa Securities yang menggariskan sifat dan skop pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan untuk tahun kewangan ini.

## Tanggungjawab dan Akauntabiliti

Lembaga Pengarah secara keseluruhan bertanggungjawab terhadap pembangunan dan pemantauan rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan. Rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan direkabentuk untuk mengurus risiko-risiko dalam Kumpulan pada tahap potensi risiko yang boleh diterima yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan daripada menghapuskan risiko-risiko kegagalan bagi mencapai misi dan objektif Kumpulan. Lembaga Pengarah turut menilai dari masa ke semasa keberkesanan, kecukupan dan integriti rangka kerja dan sistem kawalan tersebut. Pengurusan bertanggungjawab untuk melaksanakan polisi dan prosedur terhadap risiko dan kawalan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dengan mengenalpasti serta memberi jaminan ke atas risiko-risiko yang dihadapi dalam rekabentuk operasi dan kawalan dalaman yang sesuai bagi mengurangkan dan mengawal risiko-risiko tersebut.

Rangka kerja dan sistem direka untuk menguruskan dan bukan menghapuskan risiko-risiko kegagalan untuk mencapai objektif perniagaan dan seterusnya mampu memberikan jaminan yang munasabah dan tidak mutlak sekiranya berlaku kesilapan penyata kewangan atau kerugian. Terdapat dua jawatankuasa di peringkat Lembaga Pengarah yang memikul tanggungjawab-tanggungjawab utama dalam pengawasan pengurusan risiko dan kawalan dalaman:

- Jawatankuasa Risiko Lembaga (BRC) – dengan pengawasan untuk pengurusan risiko.
- Jawatakuasa Audit Lembaga (BAC) – dengan pengawasan untuk sistem kawalan dalaman, kewangan dan perkara-perkara berkenaan tadbir urus.

## Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Kumpulan TM mempunyai rangka kerja dan proses-proses Pengurusan Risiko Perusahaan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko-risiko ketara yang dihadapi oleh Kumpulan berdasarkan piawaian MS ISO31000. Tanggungjawab Lembaga Pengarah untuk tadbir urus risiko dan kawalan termasuk:

- Menetapkan kesedaran dan budaya untuk pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang efektif;
- Menerapkan pengurusan risiko dalam semua aspek perniagaan dan aktiviti serta proses operasi harian Kumpulan TM;
- Meluluskan tahap kecenderungan risiko yang boleh diterima oleh Lembaga Pengarah; dan
- Membuat penyemakan terhadap rangka kerja, proses dan tanggungjawab pengurusan risiko, dan memastikannya boleh memberi jaminan yang munasabah bahawa risiko adalah diuruskan dalam lingkungan yang boleh diterima.

Pada tahun 2014, TM memperbaiki lagi pendekatan dan metodologinya secara berterusan dalam menilai dan mengekang risiko merentasi operasi mendatar dan menegak Kumpulan. Berpandukan dokumen dan kertas teknikal yang dikeluarkan oleh TM Forum, TM telah menanamkan *Telco Risk Universe* yang mengandungi set-set risiko yang dikumpulkan menjadi kategori-kategori risiko dalam mencerminkan operasi perniagaan yang sama dalam sebuah syarikat komunikasi. Dengan pendekatan ini, semua risiko strategi dan operasi dalam TM digabungkan dan dipantau serta diuruskan secara proaktif. Pengurusan risiko operasi yang kuat mempertingkatkan keberkesanan operasi berkesudahan dengan pengurangan keseluruhan risiko korporat.

Penaksiran dan penilaian risiko merupakan sebahagian daripada proses perancangan strategik tahunan TM dan operasi hariannya. Terdapat proses pengurusan risiko terperinci yang berakhir dengan penilaian oleh Lembaga Pengarah, yang mengenalpasti risiko-risiko utama yang dihadapi oleh Kumpulan dan setiap unit perniagaan. Maklumat ini dinilai oleh Pengurusan Kanan sebagai sebahagian daripada penilaian strategik dan proses pemantauan prestasi perniagaan berkala.

Maklumat lanjut berkenaan Pengurusan Risiko dinyatakan di mukasurat 151 ke 153 Laporan Tahunan ini.

# Rangka Kerja Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah mengiktiraf bahawa sistem kawalan dalaman adalah direka untuk menguruskan dan mengurangkan bukan untuk menghapuskan risiko yang boleh menghalang Kumpulan daripada mencapai matlamat dan objektifnya. Ianya memberikan jaminan yang munasabah, namun bukan mutlak terhadap sebarang kemungkinan berlakunya kesilapan dalam kenyataan berkenaan pengurusan dan maklumat kewangan, rekod-rekod atau terhadap kerugian kewangan atau penyelewengan. Sistem kawalan dalaman tersebut saling berkait dalam aktiviti operasi Kumpulan dan ia wujud atas sebab-sebab asas perniagaan.

Sistem dan rangka kerja kawalan dalaman adalah berasaskan Rangka Kerja Kawalan Dalaman Bersepadu COSO (Jawatankuasa Organisasi Penajaan Suruhanjaya Treadway) yang umumnya diterima sebagai rangka kerja kawalan dalaman. Proses ini disemak dengan kerap sepanjang tahun oleh Lembaga Pengarah dengan mengambil kira perubahan dalam pematuhan dan persekitaran perniagaan untuk memastikan kecukupan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman.

# Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

# Lembaga Pengarah

Dalam menilai keberkesanan pengawasan risiko dan kawalan dalaman, Lembaga Pengarah mengambil kira sama ada risiko perniagaan telah memberi kesan atau boleh mendatangkan kesan kepada pencapaian objektif dan strategi Kumpulan. Lembaga Pengarah juga menilai keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman dalam menguruskan risiko-risiko tersebut melalui BRC dan BAC.

### Jawatankuasa Risiko Lembaga

Peranan utama Jawatankuasa Risiko Lembaga adalah membantu Lembaga Pengarah menentukan rangka kerja pengurusan risiko perniagaan yang kukuh dan sihat dilaksanakan dengan berkesan untuk mempertingkatkan keupayaan Kumpulan TM mencapai objektif-objektif strategiknya. Terma Rujukan BRC serta polisi dan aktiviti pengurusan risikonya dinyatakan dengan terperinci dalam mukasurat 149 ke 153 Laporan Tahunan ini.

### Jawatankuasa Audit Lembaga

Peranan dan tanggungjawab utama BAC adalah untuk menilai kecukupan dan keberkesanan Rangka Kerja Kawalan Dalaman dan pelaksanaannya dalam Kumpulan dan ini termasuk memastikan pelaksanaan polisi dan kecukupan kawalan serta penyemakan integriti sistem kawalan dalaman dan sistem pengurusan maklumat melalui fungsi Audit Dalaman. Di samping itu, BAC membuat penyeliaan terhadap laporan kewangan Kumpulan TM bagi memastikan bahawa ia memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan dan prestasi Kumpulan TM dan mematuhi piawaian laporan kewangan yang berkaitan dan keperluan peraturan kawal selia. Terma Rujukan TM BAC serta polisi dan aktiviti pengurusan risikonya dinyatakan dengan terperinci dalam mukasurat 142 ke 146 dalam Laporan Tahunan ini.

Semasa penilaian tahunan, Lembaga Pengarah telah mempertimbangkan semua isu yang ditangani dalam laporan-laporan yang disemak olehnya sepanjang tahun kewangan bersama dengan sebarang maklumat tambahan yang diperlukan untuk memastikan Lembaga Pengarah telah mengambil kira semua aspek penting risiko dan kawalan dalaman Kumpulan TM untuk tahun kewangan ini sehingga tarikh kelulusan penyata dalam Laporan Tahunan.

Langkah-langkah penyemakan yang diambil oleh Lembaga Pengarah termasuk:

- Perubahan dalam sifat dan kesan risiko ketara sejak penilaian yang terakhir dan bagaimana Kumpulan TM telah memberi maklum balas kepada perubahan dalam perniagaan dan persekitaran luarannya;
- Keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan TM;
- Hasil kerja audit dalaman dan unit-unit pengurusan risiko serta pemberi jaminan yang lain, termasuk juruaudit luaran;
- Sejauh mana tahap dan kecukupan kekerapan komunikasi hasil pemantauan kepada Lembaga Pengarah;
- Insiden kegagalan atau kelemahan kawalan ketara yang dikenalpasti pada bila-bila masa dalam tempoh tersebut dan kesannya terhadap prestasi atau keadaan kewangan, perniagaan atau operasi TM.

Lembaga Pengarah mengakui bahawa tiada pengurusan risiko mahupun proses kawalan dalaman mampu memberikan jaminan mutlak. Lembaga Pengarah berpendapat proses-proses yang dilaksanakan dan dijalankan oleh Pengurusan memberi jaminan munasabah bahawa risiko utama yang mengimpak strategi dan objektif TM untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 adalah dalam tahap bersesuaian dengan perniagaan TM dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Dalam menyatakan jaminan di atas, penyataan bertulis telah diperolehi daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan yang mengesahkan bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat beroperasi secukupnya dan berkesan dalam semua aspek berdasarkan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman serta polisi-polisi yang digunapakai oleh TM.

# Pengurusan

Pengurusan mengiktiraf bahawa mereka bertanggungjawab untuk melaksanakan proses-proses bagi mengenalpasti, membuat penilaian, memantau dan membuat laporan tentang risiko-risiko dan kawalan dalaman, dan juga mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya tepat pada masa sekiranya perlu. Pengurusan juga memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman TM beroperasi secukupnya dan berkesan dalam semua aspek material, berdasarkan model pengurusan risiko yang digunapakai oleh TM. Pengurusan telah melaksanakan proses-proses yang diperlukan untuk:

- mengenalpasti risiko-risiko yang berkaitan dengan perniagaan TM dan pencapaian objektif dan strateginya;
- mereka bentuk, melaksanakan dan memantau rangka kerja pengurusan risiko sejajar dengan visi strategik TM dan kecenderungan risiko secara keseluruhannya; dan
- mengenalpasti perubahan kepada risiko atau kemunculan risiko, mengambil tindakan sewajarnya, dan dengan segera membawa perkara-perkara tersebut untuk perhatian Lembaga Pengarah.

# Audit Dalaman

TM telah mewujudkan fungsi audit dalaman bebas yang melapor kepada Lembaga Pengarah untuk memberi jaminan yang bebas serta aktiviti perundingan yang direka untuk menambah nilai dan meningkatkan operasi. Ia membantu Kumpulan TM untuk mencapai objektif-objektifnya dengan membawa pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan mempertingkatkan keberkesanan proses-proses pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus. Dalam tahun kewangan ini, fungsi audit dalaman telah menilai, mengurus, memantau dan menangani secara mencukupi risiko-risiko yang berkemungkinan untuk menghalang TM daripada mencapai objektifnya. Ia juga membuat penilaian terhadap keberkesanan rangka kerja tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman dan menyelia sebarang penambahbaikan. Di mana bersesuaian, cadangan diberikan untuk memperbaiki keberkesanan proses-proses pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus. Pengurusan telah mengambil tindakan susulan dan menyemak status tindakan berdasarkan cadangan-cadangan daripada juruaudit dalaman dan luaran.

Penyemakan audit dilakukan ke atas unit-unit yang dikenalpasti berdasarkan pendekatan risiko-tinggi, selaras dengan objektif dan polisi Kumpulan, dalam konteks persekitaran perniagaan dan kawal selianya yang berkembang dengan mengambil kira input Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah. Maklumat lanjut tentang fungsi audit dalaman dinyatakan di mukasurat 147 ke 148 Laporan Tahunan ini.

Di bawah Rangka Kerja Kawalan Dalaman Bersepadu COSO, penilaian kawalan dalaman dibahagikan kepada lima komponen yang saling berkait, seperti berikut:

# A. Persekitaran Kawalan

Persekitaran kawalan merupakan struktur organisasi dan budaya yang diwujudkan oleh Pengurusan dan anggotanya bagi mengekalkan sokongan organisasi untuk kawalan dalaman yang berkesan. Ianya merupakan asas kepada kesemua komponen kawalan dalaman yang lain, mengekalkan disiplin dan struktur. Komitmen pengurusan untuk mewujudkan dan mengekalkan kawalan dalaman yang berkesan disebarluaskan ke bawah dan diterapkan dalam persekitaran kawalan Kumpulan, membantu menjayakan pelaksanaan kawalan dalaman. Aktiviti-aktiviti utama termasuk:

## Struktur Organisasi

- Kumpulan TM mempunyai struktur organisasi formal yang menggariskan skop tanggungjawab dan bidang kuasa yang ditakrifkan dengan jelas untuk memudahkan maklumbalas yang pantas dalam persekitaran perniagaan yang berkembang, penyeliaan urusan perniagaan harian yang berkesan dan akauntabiliti untuk prestasi operasi.
- Peranan Fungsi Pusat (Pusat Korporat) telah diperkukuhkan untuk memberi panduan kepada Aliran-aliran Perniagaan dalam strategi-strategi fungsi teras dan hal-hal berkaitan dengan tadbir urus.

## Pengagihan Kuasa dan Tanggungjawab

- Kumpulan telah mewujudkan matriks Had Bidang Kuasa (LOA) yang jelas menggariskan had dan kuasa Pengurusan untuk memberi kelulusan merentasi pelbagai proses utama seperti Struktur Modal, Penggabungan dan Pengambilalihan, Perolehan, Kewangan Korporat, Akaun Penerimaan serta Bangunan dan Peralatan Hartanah. LOA tersebut diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan tertakluk kepada semakan berterusan dan penambahbaikan untuk memastikan ia mengikut perubahan dalam akauntabiliti dan kecenderungan risiko Kumpulan.
- Akauntabiliti dan tanggungjawab yang jelas untuk proses-proses utama perniagaan yang telah diwujudkan menerusi Manual Proses Perniagaan Kumpulan dan Polisi Anak Syarikat, kedua-duanya telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

## Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Risiko, Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran, Jawatankuasa Tender, Jawatankuasa Pelaburan, Jawatankuasa Penyelesaian dan Pertikaian dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil pengurusan yang lain, kesemuanya ditadbir urus menerusi terma rujukan yang ditakrifkan dengan jelas.

## Nilai-nilai Teras

- Penerapan Nilai-nilai Teras Kumpulan TM iaitu 'Komitmen Menyeluruh kepada Pelanggan', 'Integriti Tanpa Kompromi' dan 'Hormat dan Prihatin' berfungsi sebagai asas kepada budaya Kumpulan.

## Kod Etika Perniagaan

- Kod Etika Perniagaan TM menyokong visi dan nilai-nilai teras Syarikat dengan menerapkan, memupuk dan mendokong nilai Integriti Tanpa Kompromi dalam perilaku dan tatacara Lembaga Pengarah, Pengurusan, anggota-anggota dan semua pihak berkepentingan Syarikat.
- Semua Pengarah Eksekutif, Pengurusan dan anggota dikehendaki mengisytiharkan aset-aset dan kepentingan mereka secara tahunan untuk mengemaskinikan nilai aset-aset persendirian atau perkongsian.

## Etika, Peraturan & Amalan Perolehan

- Etika, Peraturan & Amalan Perolehan (Etika Perolehan) yang diperkenalkan secara rasmi pada tahun 2006 memberi tumpuan kepada tiga rukun perilaku beretika yang dijangkakan daripada semua warga kerja dan rakan perniagaan dalam amalan-amalan perniagaan TM, iaitu:
  - Toleransi sifar terhadap rasuah;
  - Tiada atau percanggahan kepentingan yang telus;
  - Menyampaikan keupayaan dengan jujur.
- Semua warga TM termasuk Syarikat-syarikat dalam Kumpulan TM dan rakan perniagaannya diminta patuh kepada prinsip-prinsip dan amalan-amalan Etika Perolehan yang bertujuan menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi di samping memupuk persekitaran kerja beretika yang akan mengurangkan rasuah, membolehkan produk dibeli pada harga pasaran yang kompetitif yang akhirnya akan meningkatkan keuntungan.

## Akujanji Integriti

- Akujanji Integriti yang ditandatangani oleh TM pada 27 April 2011 menunjukkan komitmen TM dalam menegakkan integriti dalam proses, tatacara dan polisi organisasi.

### Pakatan Integriti

- Pelaksanaan Pakatan Integriti TM pada 2012 memastikan lagi bahawa semua aktiviti perolehan di TM adalah bebas dari rasuah dengan memastikan semua rakan perniagaan, ahli-ahli Jawatankuasa Perolehan dan warga kerja menandatangani akujanji bahawa mereka akan menjauhi amalan-amalan rasuah dan melaporkan sebarang perbuatan rasuah.

### Tema Strategik dan Objektif

- Pengurusan meneruskan perlaksanaan Program Peningkatan Prestasi (PIP3.0) yang menumpukan kepada empat bidang strategik seperti berikut:
  - Berorientasikan pelanggan dan peningkatan kualiti;
  - Pemikiran satu syarikat dengan berorientasikan perlaksanaan;
  - Kecemerlangan operasi dan produktiviti modal; dan
  - Kepimpinan menerusi inovasi dan kecemerlangan komersial.

### Penyata Pengurusan Risiko dan Polisi Kawalan Dalaman

- Lembaga Pengarah dan Pengurusan mengeluarkan Penyata Pengurusan Risiko dan Polisi Kawalan Dalaman Kumpulan yang komited terhadap "Sistem Kawalan Dalaman Berdasarkan Risiko" yang direka untuk memberi jaminan yang munasabah dan meningkatkan pelaburan pemegang saham dan aset Kumpulan TM. Ini akan dicapai menerusi pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Bersepadu dan program di seluruh Kumpulan. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua-ketua Perniagaan dan Kumpulan Sokongan serta Ketua-ketua Pegawai Eksekutif anak-anak syarikat diamanahkan dan dipertanggungjawabkan dalam pelaksanaan rangka kerja dan amalan pengurusan risiko.

### Polisi dan Prosedur Sumber Manusia

- Kumpulan telah menjalankan usaha yang giat untuk menyelaraskan polisi dan prosedur Sumber Manusia sedia ada sejajar dengan inisiatif-inisiatif yang dibangunkan oleh Kerajaan di bawah Program Transformasi GLC.
- Model Kepimpinan TM telah diwujudkan untuk menyokong inisiatif-inisiatif strategik Kumpulan dan diterapkan dalam fungsi utama sumber manusia menerusi perkembangan modal insan, pengurusan bakat dan pengambilan sumber tenaga kerja dari luar.
- Terdapat pelbagai garis panduan dalam Kumpulan untuk pengambilan dan pemecatan anggota, program-program latihan formal untuk anggota sama ada menerusi sesi bilik darjah atau e-pembelajaran, penilaian prestasi separuh tahun dan tahunan serta prosedur-prosedur lain yang berkaitan untuk memastikan anggota mempunyai kecekapan dan menerima latihan yang secukupnya untuk menjalankan tugasan dan tanggungjawab masing-masing.

### Rangka Kerja Pembangunan Berasaskan Kecekapan

- Kumpulan TM telah membentuk rangka kerja menyeluruh yang menyediakan satu struktur keperluan kecekapan minimum untuk menilai keperluan pembangunan modal insan sedia ada merentasi pelbagai lapisan pengurusan. Ini adalah untuk memastikan aset utama Kumpulan iaitu warga kerjanya, serta kemahiran dan keupayaan mereka mempunyai daya saing pada masa kini dan di masa akan datang.

## B. Penilaian Risiko

Penilaian risiko merupakan proses mengenalpasti dan menganalisis risiko yang boleh menghalang pencapaian objektif Kumpulan, membentuk satu asas untuk menentukan bagaimana risiko-risiko tersebut perlu diuruskan. Aktiviti-aktiviti utama dalam bidang ini adalah seperti berikut:

### Pengurusan Risiko Perusahaan (ERM)

- Pengurusan risiko termaktub kukuh dalam sistem kawalan dalaman Kumpulan kerana ianya dianggap oleh Lembaga Pengarah sebagai satu kepentingan untuk operasi. Menguruskan risiko merupakan tanggungjawab bersama. Oleh yang demikian, ianya disepadukan dengan tadbir urus, proses perniagaan dan operasi Kumpulan. Ia merupakan satu proses interaktif merangkumi langkah-langkah yang sekiranya dilakukan mengikut turutan, akan membolehkan peningkatan berterusan dalam proses membuat keputusan. Komitmen para anggota terhadap ERM sentiasa diberi penekanan dan dikuatkuasakan secara berterusan.

### Penilaian Kawalan Sendiri (CSA)

- Penilaian Kawalan Sendiri (CSA) membolehkan anggota dalam Kumpulan mengenalpasti risiko dalam lingkungan persekitaran perniagaan mereka dan menilai kecukupan dan keberkesanan kawalan yang dilaksanakan. Hasil daripada CSA dijadikan maklumat utama dalam mengenalpasti bidang-bidang berisiko tinggi dalam Kumpulan.

## C. Aktiviti Kawalan

Aktiviti kawalan merupakan polisi dan prosedur yang membantu memastikan arahan Pengurusan dilaksanakan sewajarnya. Aktiviti-aktiviti yang berkaitan dalam Kumpulan TM termasuk:

### Polisi Perniagaan dan Tadbir Urus (BPG)

- BPG merupakan satu set dokumen yang menggariskan polisi dan tadbir urus perniagaan dalam TM.
- BPG memberi gambaran keseluruhan mengenai polisi-polisi utama dan tadbir urus Syarikat merentasi fungsi utama dalam organisasi. Ia juga mengenalpasti pemilik proses utama fungsi tersebut dan menunjukkan proses dan prosedur yang relevan yang menyokong polisi-polisi dan tadbir urus.
- Polisi tersebut digunakan oleh semua anggota TM yang terlibat dalam proses perniagaan masing-masing dan mesti dipatuhi apabila menjalankan tanggungjawab.

### Polisi Perolehan

- Polisi Perolehan diwujudkan untuk mengawal dan menguruskan aktiviti-aktiviti perolehan Kumpulan. Falsafah perolehan TM adalah untuk mendapatkan barangan/perkhidmatan/kerja yang terbaik dari segi kualiti, harga, kuantiti, penyediaan perkhidmatan pembekal dan teknologi, menggunakan pendekatan 'Jumlah Kos Pemilikan' bagi memastikan pulangan yang maksimum.

### Polisi Pengurusan Kredit

- Kumpulan terus mengukuhkan pelaksanaan dan implementasi kawalan-kawalan utama seperti yang digariskan di dalam Polisi Pengurusan Kredit yang baharu, merangkumi pengkategorian taraf kredit, pengurusan

cagaran, pengurusan penarafan perilaku pembayaran oleh pelanggan dan menyenaraihitamkan pelanggan dengan pola pembayaran yang buruk. Untuk pasaran yang lebih besar, Kumpulan telah memulakan pelaksanaan had kredit untuk akaun-akaun UniFi yang akan turut dilaksanakan untuk perkhidmatan telefon dan jalur lebar yang lain.

- Pengukuhan polisi pengurusan kredit Kumpulan memberikan jaminan bahawa pelanggan yang berisiko tinggi telah dimaklumkan dengan sewajarnya dan kawalan kredit yang bersesuaian dilaksanakan untuk meminimumkan risiko kredit dan pembayaran kepada Kumpulan.

## Polisi Anak Syarikat (SP)

- SP diletakkan untuk memastikan kepentingan-kepentingan Kumpulan dilindungi dan diutamakan pada setiap masa, dan pada masa yang sama, memberikan kelonggaran yang secukupnya kepada anak-anak syarikat untuk mencapai objektif perniagaan masing-masing.

## Polisi Keselamatan Korporat TM

- Polisi Keselamatan Korporat TM diwujudkan bagi menyediakan rangka kerja untuk amalan-amalan terbaik dalam Pengurusan Keselamatan bagi semua anggota dalam meminimumkan risiko keselamatan dan memastikan semua insiden berkaitan keselamatan diuruskan dengan efektif.

## Polisi Tadbir Urus IT (ITG)

- Kumpulan TM telah melaksanakan ITG yang merangkumi lima bidang teras iaitu Maklumat Umum ITG, Prinsip IT, Senibina IT, Infrastruktur IT, Keperluan Aplikasi Perniagaan dan Pelaburan serta Keutamaan IT. Polisi ini menetapkan sebuah rangka kerja kepentingan dan akauntabiliti untuk menggalakkan tatacara beretika dalam penggunaan IT di TM.

## Polisi dan Rangka Kerja Tadbir Urus Data

- Kumplan TM telah melaksanakan Polisi dan Rangka Kerja Tadbir Urus Data untuk melindungi datanya daripada ancaman dalaman dan luaran terhadap privasi dan kerahsiaan. Tadbir Urus Data menetapkan pendekatan secara holistik kepada kitaran jangka hayat data bermula daripada pentakrifan pemilikan data, pengklasifikasian pengurusan, pengekalan dan pelupusan data perniagaan yang penting.

## Rancangan Perniagaan Tahunan

- Rancangan perniagaan tahunan disediakan oleh Aliran-aliran Perniagaan TM dan semua anak syarikat operasi utama. Rancangan perniagaan tahunan tersebut dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Prestasi sebenar disemak berdasarkan sasaran pencapaian bulanan dan ini membolehkan maklum balas serta merta dan tindakan pembetulan diambil untuk mengawal risiko. Lembaga Pengarah mengkaji laporan daripada Pengurusan berkenaan statistik operasi utama dari masa ke semasa, dan juga perkara-perkara berkaitan undang-undang dan kawal selia yang ada.

## Polisi dan Garis Panduan Pengurusan Prestasi Perniagaan (BPM)

- BPM menyediakan rujukan yang menyeluruh kepada Kad Skor Imbang (BSC) TM, menyatakan prinsip-prinsip yang menjadi panduan dan polisi-polisi untuk Kumpulan TM dalam membangun dan melaksanakan proses-proses BSC. Ia menyokong Tadbir Urus Korporat TM, menyediakan rangka kerja kawalan dalaman bagi menguruskan pelaksanaan strategi untuk prestasi perniagaan yang mantap.

## Pusat Penilaian Tender (TMTEC)

- Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kumpulan untuk mengurangkan risiko kebocoran maklumat sensitif semasa aktiviti penilaian tender, TMTEC telah dibangunkan di Menara TM dan berperanan sebagai pusat penilaian dan tempat bermesyuarat untuk semua aktiviti perolehan. Lokasi ini dilengkapkan dengan sistem keselamatan fizikal dan IT yang dipertingkat untuk mengesan dan menyediakan jejak audit yang bersepadu dalam pergerakan dokumen-dokumen dan maklumat tender dalam pusat tersebut.

## Insurans dan Perlindungan Fizikal

- Insurans dan perlindungan fizikal yang secukupnya untuk aset-aset utama dilaksanakan bagi memastikan aset-aset Kumpulan dilindungi secukupnya daripada sebarang kejadian yang tidak diingini yang boleh mengakibatkan kerugian ketara. Program perlindungan insurans Kumpulan juga meliputi liabiliti perundangan akibat daripada operasi, faedah insurans anggota dan program-program insurans lain yang dianggap sesuai untuk menghadapi kerugian yang diinsuranskan dan di luar jangkaan.

## Panduan Pencegahan Rasuah TM

- Panduan Pencegahan Rasuah TM adalah didorong oleh keperluan mematuhi undang-undang relevan yang ada kaitan dengan rasuah termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Kanun Keseksaan dan Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram dan Akta Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dan menyokong polisi-polisi dalaman TM yang sedia ada yang memberi tumpuan tegas terhadap pembasmian rasuah di TM.

## Program Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM)

- Kumpulan TM sentiasa meningkatkan Program Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) untuk memastikan ianya terus mampu menyediakan perkhidmatan komunikasi tanpa gangguan sekiranya berlaku krisis buatan manusia luar jangkaan atau bencana. Pengurusan komited untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan ketahanan perkhidmatan Kumpulan menerusi peningkatan liputan BCM Operasi Rangkaian & IT, menilai program BCM untuk semua Pusat Panggilan TM dan membangunkan program BCM untuk pejabat korporat TM.

## Tanggungjawab Korporat

- Kumpulan telah menerima pakai garis panduan untuk Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) seperti yang terkandung dalam *Silver Book* sebagai panduan dalam merangka, melaksana dan melapor inisiatif kemasyarakatan.
- Ia juga menerima pakai Rangka Kerja CSR untuk Syarikat Swasta Berhad oleh Bursa Malaysia dan rangka kerja *Global Reporting Initiative (GR-G3)* sebagai garis panduan tambahan untuk membentangkan prestasi TM dengan tepat dan menyeluruh dalam pengurusan aktiviti dan inisiatif CRnya.

# D. Maklumat dan Komunikasi

Maklumat dan komunikasi memastikan bahawa maklumat yang berkaitan dikenal pasti, direkodkan dan disebarluaskan dalam bentuk dan tempoh masa yang membolehkan semua pihak menjalankan tanggungjawab mereka. Aktiviti-aktiviti utama yang relevan dalam Kumpulan termasuk:

### Polisi Komunikasi

- Kumpulan TM komited terhadap komunikasi terbuka dan berkesan sebagai komponen asas dalam budayanya bagi mendorong tenaga kerja untuk memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi dan penghasilan nilai yang luar biasa kepada pelanggan dan juga pihak-pihak berkepentingan yang lain dalam menjangkakan maklum balas mereka.
- Matlamatnya ialah untuk menggalakkan komunikasi dan memastikan komunikasi merentasi Kumpulan dikoordinasikan dengan baik, diuruskan dengan berkesan dan memenuhi pelbagai keperluan organisasi.

### Rangka Kerja Perekodan kepada Laporan (R2R)

- R2R merupakan rangka kerja laporan ketidakpatuhan yang diterima pakai oleh Kewangan Kumpulan TM untuk menerap dan menguatkuasakan perubahan tatacara di seluruh organisasi bagi meningkatkan kualiti dan integriti proses perekodan kepada laporan.
- Objektif rangka kerja ini adalah pelaksanaan mekanisme bagi mengenalpasti dan merekod insiden-insiden ketidakpatuhan yang mengimpak kualiti perekodan dan laporan, dan pada masa yang sama, mempromosikan kesedaran pematuhan dan meningkatkan akauntabiliti Pengurusan Kanan. Laporan tentang insiden-insiden ketidakpatuhan amat penting untuk memberi amaran awal kepada Pengurusan TM bagi mengenalpasti punca sebenar kelemahan, untuk mencegah insiden tersebut daripada berulang dan membolehkan Pengurusan membentangkan laporan berkualiti dan tepat pada masanya dalam proses membuat keputusan yang lebih pantas dan tepat.

### Jawatankuasa Praktis Terbaik

- Jawatankuasa Praktis Terbaik merupakan jawatankuasa Pengurusan yang melapor kepada Jawatankuasa Audit. Ia menyediakan maklumat terkini tentang perkembangan praktis terbaik dan draf pendedahan tadbir urus, keperluan berkanun dan kawal selia yang ditetapkan oleh badan-badan berkanun dan pihak berkuasa berkaitan, pematuhan kepada piawaian perakaunan dan garis panduan perniagaan yang lain. Semua peringatan yang perlu dan pengemaskinian dibangkitkan menerusi sekretariatnya, iaitu Unit Pematuhan.

### Laporan Insiden Kawalan Dalaman (ICI)

- Laporan berkala ICI merekodkan dan menyebarluaskan pengajaran yang diperolehi daripada insiden kawalan dalaman dari masa ke semasa dengan objektif untuk mencegah insiden yang sama daripada berulang di bahagian-bahagian dan syarikat-syarikat operasi yang lain dalam Kumpulan.

### Polisi Pemberi Maklumat

- Kumpulan telah menerima pakai polisi pemberi maklumat dan mewujudkan "Talian Etika" untuk membolehkan para anggota melaporkan kesalahan serta ketidakpatuhan kepada polisi Kumpulan dan undang-undang secara sulit dan selamat.

# E. Pemantauan

Pemantauan keberkesanan kawalan dalaman telah diterapkan dalam urusan perniagaan. Penilaian berkala adalah sebahagian daripada elemen penting dalam pemantauan berterusan ke atas kawalan dalaman oleh Pengurusan. Proses-proses sistematik yang sedia ada untuk menangani sebarang kekurangan termasuk:

### Jawatankuasa Pengurusan

- Dua jawatankuasa peringkat atasan telah ditubuhkan iaitu, Jawatankuasa Pengurusan dan Pasukan Kepimpinan Kumpulan (GLT) yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, masing-masing dengan pembahagian peranan yang jelas dalam menguruskan strategi dan polisi Kumpulan dengan lebih berkesan. Fokus Jawatankuasa Pengurusan adalah memberi dan membuat keputusan bagi perkara-perkara strategik sementara GLT pula menumpukan perhatiannya kepada prestasi peniagaan dan memastikan penyeliaan yang berkesan terhadap isu-isu operasi yang utama.

### Jawatankuasa Audit dan Jaminan Perniagaan (ABAC)

- ABAC yang terdiri daripada Pengurusan Kanan daripada Aliran-aliran Perniagaan yang berlainan, memantau isu-isu utama audit dalaman dan luaran dari masa ke semasa dalam memastikan isu-isu tersebut ditangani dan diselesaikan dengan segera.

### Rangka Kerja Pengurusan Prestasi

- Laporan pengurusan yang menyeluruh disediakan secara konsisten dan kerap untuk memudahkan Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kumpulan melaksanakan penilaian kewangan dan operasi unit-unit perniagaan. Ini termasuk penilaian prestasi kewangan dan bukan kewangan yang utama, perbezaan di antara peruntukan dan hasil operasi serta pematuhan kepada undang-undang dan peraturan.

### Penilaian Kendiri Berkala

- Pengisytiharan tahunan dilaksanakan oleh Pengurusan Kanan TM – diwakili oleh para Ketua Pegawai Kumpulan, Naib Presiden Eksekutif, Naib Presiden dan Pengurus Besar – dan juga oleh Ketua Pengawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Syarikat-syarikat Operasi Kumpulan TM berkenaan keberkesanan, jaminan dan kecukupan sistem-sistem kawalan dalaman dan kewangan syarikat masing-masing secara keseluruhan.
- Pengisytiharan Suku Tahunan berkenaan dengan Pematuhan Kawalan Kewangan dan Penyata Jaminan (FCCAS) adalah sebahagian daripada inisiatif untuk menerapkan kesedaran tentang keperluan kawalan kewangan dan kawalan dalaman Kumpulan.
- Kawalan dalaman ke atas laporan kewangan direkabentuk untuk memberi jaminan yang sewajarnya berkenaan dengan kebolehpercayaan laporan kewangan dan penyediaan penyata kewangan untuk tujuan laporan luaran selaras dengan MFRS.

### Petunjuk Prestasi Utama (KPIs)

- KPI merupakan subset kepada petunjuk prestasi yang lebih luas yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pada tahun 2014, Lembaga Pengarah telah memberikan persetujuannya bagi tiga KPI yang diambil daripada Kad Skor Korporat Kumpulan TM untuk dilaporkan sebagai KPI Utama iaitu peningkatan hasil, peningkatan EBITDA dan Indeks TRI*M.

### Audit Dalaman Kumpulan (GIA)

- GIA menjalankan penilaian berterusan ke atas kecukupan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman. GIA mengekalkan pendekatan audit yang fleksibel serta pelan audit yang bersesuaian yang bersama menangani kemunculan risiko baharu dan juga risiko yang berpotensi. Penemuan penting dan saranan untuk penambahbaikan diketengahkan kepada Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Audit, dengan semakan susulan perlaksanaan pelan tindakan dari masa ke semasa.

### Unit Hal Ehwal Khas (SAU)

- SAU bertanggungjawab mengkaji semula dan memantau perilaku dan amalan-amalan beretika kesemua para anggota, termasuk Pengurusan Kanan. Penyiasatan ICI juga dijalankan oleh Unit tersebut (jika berkenaan) dan dibentangkan kepada Jawatankuasa ICI dan Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit Lembaga. Tindakan sewajarnya akan diambil berdasarkan merit hasil siasatan tersebut. SAU juga mengendalikan isu-isu yang dibangkitkan oleh pemberi maklumat untuk siasatan lanjut.

## Kecukupan dan Keberkesanan Sistem Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah telah menerima jaminan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman beroperasi secukupnya dan berkesan dalam semua aspek material dalam tahun kewangan ini. Mengambil kira jaminan daripada Barisan Pengurusan dan input daripada pemberi jaminan yang relevan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko adalah memuaskan dan mencukupi untuk melindungi pelaburan para pemegang saham, kepentingan pelanggan dan aset Kumpulan dan tidak mengakibatkan sebarang kerugian ketara, hal di luar jangkaan atau ketidakpastian.

Sistem kawalan dalaman TM tidak digunapakai oleh syarikat-syarikat yang bersekutu dengannya. Walau bagaimanapun, kepentingan-kepentingan TM dilaksanakan melalui perwakilan dalam Lembaga Pengarah dan perlantikan Pengurusan Kanan kepada syarikat-syarikat bersekutu dan juga melalui akaun pengurusan yang diterima. Kesemua ini memberi Lembaga Pengarah maklumat berkaitan prestasi supaya keputusan yang mantap dan tepat mengenai pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat tersebut dapat dibuat.

## Rumusan Penyata oleh Juruaudit Luar

Seperti yang dinyatakan dalam perenggan 15.23 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini. Semakan ini dibuat menurut Panduan Cadangan Amalan (RPG) 5 (Disemak) yang diterbitkan oleh Institut Perakaunan Malaysia. Berdasarkan semakan mereka, juruaudit luar melaporkan bahawa tiada apa yang telah dibawa kepada perhatian mereka yang menyebabkan mereka percaya bahawa penyata ini adalah tidak konsisten dengan fahaman mereka terhadap proses yang diterima pakai oleh Lembaga Pengarah dalam semakan berhubung dengan kecukupan dan integriti pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan. RPG 5 tidak memerlukan juruaudit luar untuk, dan jika mereka tidak berbuat demikian, menimbang sama ada penyata ini merangkumi semua risiko dan kawalan dalaman, atau membuat pandangan mengenai kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

# LAPORAN JAWATANKUASA PENCALONAN & GANJARAN



**Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin**
Pengerusi
*Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif*



**Dato' Danapalan T.P Vinggrasalam**
Ahli
*Pengarah Bebas Kanan Bukan Eksekutif*



**Dato' Ir Abdul Rahim Abu Bakar**
Ahli
*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*



**Datuk Zalekha Hassan**
Ahli
*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*



**Dato' Ibrahim Marsidi**
Ahli
*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

## Keahlian

Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran TM (JPG) telah ditubuhkan selaras dengan saranan pihak berkuasa berkaitan untuk mengukuhkan tadbir urus Syarikat dalam meningkatkan kecekapan dan akauntabiliti Lembaga. Ianya dapat memastikan proses membuat keputusan bukan sahaja bebas malah turut dilihat sebagai bebas.

TM menggabungkan jawatankuasa pencalonan dan jawatankuasa ganjaran, bertujuan mempercepatkan proses membuat keputusan, memandangkan ahli-ahli yang sama dipertanggungjawabkan dengan fungsi kedua-dua jawatankuasa tersebut. Ahli-ahli JPG mengambil maklum dua tugas-tugas tersebut yang diperuntukkan dengan jelas dan berasingan di dalam agenda setiap mesyuarat. Tugas-tugas dan tanggungjawab fungsi pencalonan dan ganjaran ini dinyatakan dalam Piagam Lembaga Pengarah TM (Piagam Lembaga).

Kesemua ahli JPG terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif (PBE), yang mana 80% daripada mereka adalah Pengarah Bebas. Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin yang merupakan Pengarah Bukan Bebas tunggal dalam jawatankuasa itu, terus menerajui JPG. Berdasarkan Penilaian Keberkesanan Lembaga (Penilaian Prestasi), JPG yang dipengerusikan oleh Tunku Dato' Mahmood Fawzy telah mempamerkan prestasi yang amat berkesan.

Pengerusi JPG dipilih melalui proses yang telah dipersetujui dengan mengambil kira kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan. Sebagai wakil Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan, Tunku Dato' Mahmood Fawzy dapat memastikan penilaian Pengarah-pengarah sedia ada dan pemilihan Pengarah-pengarah baru adalah bersesuaian dan selaras dengan keperluan Syarikat.

Ini memastikan wujudnya kawalan dan keseimbangan dalam membuat sesuatu keputusan yang adil dan saksama memandangkan Lembaga juga perlu meluluskan cadangan-cadangan dan keputusan mutakhir JPG.

Walaupun Syarikat tidak mengguna pakai pengesyoran Kod Tadbir Urus 2012 yang mana Pengarah Bebas Kanan (PBK) bukan Pengerusi JPG TM, Lembaga Pengarah, melalui Penilaian Prestasi, bersetuju bahawa JPG di bawah kepimpinan Tunku Dato' Mahmood Fawzy, telah mengekalkan kebebasan dan objektivitinya semasa proses pelantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah dan penilaian prestasi. Pendapat yang bernas serta personaliti beliau yang dinamik, mempunyai sifat ingin tahu dan kemahiran memimpin, ditambah pula dengan sokongan daripada rakan-rakan ahli jawatankuasa, mewujudkan asas yang kukuh untuk keberkesanan JPG di bawah pimpinan beliau.

Komposisi jawatankuasa JPG masih sama seperti tahun sebelumnya. Berdasarkan Penilaian Prestasi tersebut, Lembaga berpuas hati dengan prestasi JPG yang terus memberikan pendapat yang bernas bagi perbincangan dan syor-syor kepada Lembaga Pengarah.

# Mesyuarat dan Kehadiran

JPG telah mengadakan lima mesyuarat sepanjang tahun kewangan 2014. Perkara-perkara penting yang memerlukan keputusan segera telah diedarkan kepada ahli-ahli menerusi Resolusi Pekeliling serta kertas cadangan yang mengandungi maklumat berkaitan untuk pertimbangan JPG. Dua Resolusi Pekeliling JPG telah diedar dan diluluskan di sepanjang tahun ini.

Kehadiran ahli-ahli JPG adalah seperti berikut:

| Ahli JPG | Bilangan Mesyuarat JPG | |
|---|---|---|
| | Kehadiran/ Mesyuarat | % |
| Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin | 5/5 | 100.0 |
| Dato' Danapalan T.P Vinggrasalam | 5/5 | 100.0 |
| Dato' Ir Abdul Rahim Abu Bakar | 3/5 | 60.0 |
| Dato' Ibrahim Marsidi | 5/5 | 100.0 |
| Datuk Zalekha Hassan | 4/5 | 80.0 |

# Ringkasan Terma Rujukan

JPG ditadbir oleh Terma Rujukannya yang tersendiri. Pada tahun 2013, semakan semula Terma Rujukan telah dibuat sebagaimana cadangan Kod Tadbir Urus 2012 agar Piagam Lembaga yang juga merangkumi Terma Rujukan JPG disemak semula secara tahunan. Semakan semula Terma Rujukan JPG telah juga dibuat pada bulan Januari 2014 dan seterusnya pada bulan Januari 2015 untuk mengukuhkan tadbir urus dan menjamin keberkesanan serta keseragaman operasi kesemua Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga TM di samping mengambil kira perubahan peraturan-peraturan dan dasar-dasar dalaman yang berkaitan.

Berdasarkan semakan semula yang dibuat pada bulan Januari 2015, kuasa JPG telah dikembangkan merangkumi perkara-perkara berkaitan urus tadbir dan isu-isu pematuhan yang memberi kesan kepada Lembaga Pengarah, secara langsung atau tidak langsung, yang difikirkan wajar oleh JPG.

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya, JPG mempunyai kuasa-kuasa berikut:

- Capaian sepenuhnya dan tanpa had ke atas rekod-rekod TM, harta-harta dan anggota-anggotanya.
- Mengesyorkan cadangan mereka kepada Lembaga untuk pertimbangan dan kelulusan.
- Menggunakan khidmat firma pencarian pekerja profesional untuk mendapatkan calon-calon pengarah atau mendapatkan nasihat profesional bebas, sekiranya perlu.
- Melantik perunding luar untuk menilai kesesuaian pakej ganjaran dan terma-terma lain pekerjaan, sekiranya perlu.

Terma Rujukan JPG yang telah dikemaskini telah diselaraskan dalam Piagam Lembaga dan boleh dilayari di laman web rasmi Syarikat di www.tm.com.my.

Fungsi-fungsi utama, tugas serta tanggungjawab JPG adalah seperti berikut:

a) Pencalonan:

(i) Fungsi-fungsi utama

- Memastikan para Pengarah memiliki ciri-ciri tertentu bagi memenuhi kepelbagaian tanggungjawab, kemahiran dan pengalaman yang diperlukan oleh Lembaga.
- Memberi sokongan kepada Lembaga dalam menggalakkan kepelbagaian Lembaga dari segi pengalaman, kemahiran, kecekapan, bangsa, jantina, budaya dan kewarganegaraan bagi memaksima prestasi perniagaan dan tadbir urus Syarikat.
- Memastikan setiap Pengarah yang dilantik mematuhi semua peraturan-peraturan berkaitan termasuk Akta Syarikat 1965 (Akta Syarikat) dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (Keperluan Penyenaraian Utama) Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities).
- Membantu Lembaga membuat semakan penilaian tahunan ke atas keseimbangan dan penyertaan PBE; dan mewujudkan prosedur penilaian keberkesanan tahunan Lembaga secara menyeluruh dan sumbangan setiap Pengarah dan ahli Jawatankuasa Lembaga.
- Sekiranya terdapat kekosongan atau didapati bahawa Lembaga akan mendapat manfaat dari Pengarah Eksekutif atau PBE baru yang memiliki kemahiran tertentu, JPG boleh mencalonkan mereka yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang sesuai sebagai Pengarah Eksekutif atau PBE yang baru. JPG boleh mengguna pakai khidmat firma profesional pengambilan pekerja dan mengemukakan cadangan calon-calon kepada Lembaga untuk kelulusan.
- Proses yang sama juga diguna pakai untuk calon-calon berpotensi yang dikenal pasti oleh Pemegang Saham Khas.
- Memastikan prosedur pelantikan Lembaga dan cadangan yang dibuat kepada Lembaga dibuat secara terbuka dan telus.
- Menjalankan penilaian tahunan ke atas Pengarah Bebas dengan mengambil kira latar belakang, status ekonomi dan hubungan kekeluargaan untuk menentukan sama ada Pengarah tersebut boleh terus membuat pertimbangan yang bebas dan objektif sebagai ahli Lembaga.

(ii) Tugas-tugas dan Tanggungjawab Utama

- Menilai saiz Lembaga untuk menentu dan mengesyorkan bilangan Pengarah yang bersesuaian bagi menentukan keberkesanannya.
- Menilai dan mengesyorkan gabungan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan, kualiti yang bersesuaian serta kecekapan yang diperlukan PBE bagi Lembaga setiap tahun dan menzahirkannya dalam laporan tahunan.
- Mengesyorkan program-program orientasi, induksi, pendidikan dan latihan yang bersesuaian untuk terus melatih dan meningkatkan kemahiran para Pengarah baru dan sedia ada.
- Mengkaji semula, menimbang dan meluluskan pelantikan dan kenaikan pangkat Pengarah-pengarah Eksekutif dengan kuasa untuk melantik semula, menyingkir atau memecat berdasarkan terma dan syarat kontrak perkhidmatan mereka.
- Mengesyorkan calon-calon yang sesuai sebagai ahli Lembaga Syarikat dan Kumpulan kepada Lembaga Pengarah.
- Menilai struktur Lembaga dan memastikan keseimbangan antara Pengarah Eksekutif dan PBE serta mengesyorkan sebarang perubahan kepada Lembaga.
- Menilai kesesuaian struktur, saiz dan keahlian kesemua Jawatankuasa dan mengesyorkan sebarang perubahan kepada Lembaga.
- Memastikan Piagam Lembaga disemak semula secara berkala termasuk juga Terma Rujukan semua Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga.
- Menilai dan mempertimbangkan cadangan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dalam pelantikan, peningkatan dan kenaikan pangkat Pengurusan Kanan yang dikenali sebagai Jawatan-jawatan Utama (Pengurusan Kanan Utama) dan Setiausaha Syarikat.

b) Ganjaran:

(i) Fungsi-fungsi utama

- Menetapkan rangka kerja dasar dan mencadangkan kepada Lembaga tentang semua perkara berkaitan ganjaran, syarat-syarat perkhidmatan, struktur ganjaran dan manfaat sampingan para Pengarah Eksekutif dan ahli-ahli Pengurusan Kanan Utama, bermatlamat untuk menarik, mengekal dan memberi dorongan kepada individu yang berkeupayaan tinggi.
- Mengesyorkan kepada Lembaga berkenaan ganjaran dan imbuhan para PBE termasuk Pengerusi Bukan Eksekutif untuk kelulusan Lembaga secara keseluruhan.

(ii) Tugas-tugas dan Tanggungjawab Utama

- Menetap, menyemak semula, mencadang dan menyarankan polisi rangka kerja bagi semua unsur ganjaran seperti struktur imbuhan, manfaat sampingan dan syarat-syarat perkhidmatan lain bagi para Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan Utama selaras dengan garis panduan dan rangka kerja keseluruhan polisi Kumpulan yang berlandaskan strategi perniagaan dan hala tuju jangka panjang Syarikat.
- Memaklumkan kepada Lembaga mengenai prestasi para Pengarah Eksekutif dan menilai kelayakan imbuhan mereka berdasarkan prestasi dan menyarankan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan berkenaan ganjaran, dan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan pihak Pengurusan Kanan.
- Menjaga kepentingan awam dan memastikan tiada penyalahgunaan dana awam dalam menimbangkan pembayaran pemberhentian perkhidmatan ahli-ahli Pengurusan Kanan. JPG perlu memastikan sebarang pakej pampasan dibuat dalam jumlah yang wajar dan tidak berlebihan.
- Mengkaji semula cadangan pakej ganjaran setiap Jawatankuasa Lembaga Syarikat.
- Mewujud dan mengesyorkan prosedur rasmi dan telus untuk membangunkan polisi ganjaran untuk Pengerusi Bukan Eksekutif, PBE dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga, untuk kelulusan Lembaga secara keseluruhan.
- Menimbang dan meluluskan Rangka Kerja Ganjaran untuk Lembaga Pengarah anak-anak syarikat Kumpulan TM dan sebarang perubahan rangka kerja ganjaran kepada anak-anak syarikat mengikut keperluan.

## Kepelbagaian Lembaga

Adalah penting mempunyai pelbagai kepakaran dan pengalaman dalam memastikan Lembaga yang bertenaga dan kukuh. Mewujudkan persekitaran yang membolehkan Lembaga berinteraksi secara bersepadu dengan pelbagai latar belakang mampu memastikan keputusan yang adil dan saksama serta menghasilkan persekitaran semasa yang membina dan mencabar dalam memastikan amalan tadbir urus yang baik. Lembaga TM menyedari manfaat mempunyai kepelbagaian dalam Lembaga ini, dan melihat peningkatan kepelbagaian Lembaga penting dalam memastikan produktiviti berterusan dan peningkatan prestasi.

Lembaga Pengarah mengakui bahawa terdapatnya ruang untuk meningkatkan kepelbagaian bagi memastikan keberkesanan fungsi Lembaga. Lembaga juga bersependapat bahawa untuk mewujudkan kepelbagaian Lembaga, ianya melibatkan pelbagai unsur-unsur kritikal dan tidak hanya terhad kepada jantina dan/atau usia, tetapi juga pengalaman, kemahiran serta latar belakang pendidikan dan personaliti, kaum/bangsa, kewarganegaraan, kepercayaan agama dan budaya atau sejarah peribadi sosio-ekonomi seseorang ahli.

Lembaga percaya proses pelantikan ahli baru yang sedia ada adalah memadai dengan mengambil kira keperluan kemahiran, pengalaman, kecekapan, pengalaman industri dan pengetahuan calon individu, selain daripada jantina dan umur calon tersebut dalam menambah kepelbagaian Lembaga Pengarah.

Pada tahun 2014, bilangan Pengarah wanita dalam Lembaga TM telah meningkat dengan pelantikan Cik Gee Siew Yoong, sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (PBBE). Dengan pelantikan itu, Lembaga TM kini mempunyai empat ahli wanita: iaitu seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (PBBBE), dua PBBE dan seorang Pengarah Ganti PBBBE:

(i) Dato' Fauziah Yaacob (PBBBE)

(ii) Datuk Zalekha Hassan (PBBE)

(iii) Ms Gee Siew Yoong (PBBE)

(iv) Dato' Siti Zauyah Md Desa (Pengarah Ganti BBBE kepada Dato' Fauziah Yaacob)

Sebagai langkah menyokong inisiatif Kerajaan untuk mencapai sasaran 30.0% penglibatan wanita di peringkat Lembaga dalam negara, TM telah memilih ahli Pengurusan Kanan wanita yang berkelayakan untuk menjalani latihan di Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) (NIEW) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Mereka kemudiannya dicalon untuk menjadi Pengarah dalam lembaga anak-anak syarikat TM.

Jadual 1 dan 2 menggambarkan umur, bangsa dan juga tempoh perkhidmatan para Pengarah sedia ada pada tarikh laporan ini:

Jadual 1:

| Bil. | Nama Pengarah | Umur | Bangsa | Tarikh Pelantikan | Tempoh (Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob | 66 | Melayu | 12.01.2015 | 0.1 |
| 2. | Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani Md Isa | 54 | Melayu | 25.04.2008 | 6.8 |
| 3. | Datuk Bazlan Osman | 50 | Melayu | 25.04.2008 | 6.8 |
| 4. | Dato' Fauziah Yaacob | 59 | Melayu | 04.03.2013 | 1.9 |
| 5. | Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin | 56 | Melayu | 25.04.2008 | 6.8 |
| 6. | Dato' Danapalan T.P Vinggrasalam | 71 | India | 25.04.2008 | 6.8 |
| 7. | Datuk Zalekha Hassan | 61 | Melayu | 09.01.2008 | 7.2 |
| 8. | Dato' Ir. Abdul Rahim Abu Bakar | 69 | Melayu | 25.04.2008 | 6.8 |
| 9. | Dato' Ibrahim Marsidi | 62 | Melayu | 25.04.2008 | 6.8 |
| 10. | Datuk' Seri Fateh Iskandar Tan Sri Dato' Mohamed Mansor | 47 | Melayu | 07.10.2013 | 1.3 |
| 11. | David Giacomo Federico Benello @ David Benello | 60 | Itali | 21.11.2011 | 3.3 |
| 12. | Gee Siew Yoong | 65 | Cina | 13.03.2014 | 0.9 |
| 13. | Dato' Siti Zauyah Md Desa (Pengarah Ganti) | 55 | Melayu | 05.11.2014 | 0.3 |
| 14. | Nik Rizal Kamil Tan Sri Nik Ibrahim Kamil (Pengarah Ganti) | 42 | Melayu | 29.11.2012 | 2.3 |

Jadual 2:




Lembaga beriltizam untuk mempunyai kepelbagaian dari segi pengalaman, kemahiran, kebolehan, bangsa, jantina, budaya dan kewarganegaraan untuk meningkatkan keberkesanan prestasi perniagaan dan tadbir urus Syarikat.

Berikut adalah pendekatan yang diambil oleh Kumpulan TM bagi memastikan kepelbagaian Lembaga:

(i) Memilih calon Pengarah dari himpunan calon-calon yang mempunyai pelbagai latarbelakang dan pengalaman;

(ii) Menyemak semula rancangan penggantian dengan tumpuan kepada kepelbagaian latarbelakang calon;

(iii) Mengenalpasti faktor-faktor tertentu yang boleh diambil kira dalam proses pengambilan dan pemilihan untuk menggalakkan kepelbagaian; dan

(iv) Mewujudkan program-program yang sesuai untuk memastikan kumpulan calon-calon Pengarah yang berpengalaman dan berpengetahuan lebih luas.

Pendekatan di atas tidak membenarkan Kumpulan TM dan Lembaga untuk mengambil sebarang tindakan yang tidak wajar atau perbuatan bercanggah dengan mana-mana undang-undang atau peraturan berkaitan anti-diskriminasi atau peluang pekerjaan saksama.

## Proses Pelantikan Lembaga

Syarikat mengekalkan prosedur rasmi yang telus bagi pelantikan Pengarah-pengarah baru. Pelantikan ahli Lembaga Pengarah boleh dibuat oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), sebagai Pemegang Saham Khas selaras dengan peruntukan Artikel 109 Tataurus Syarikat, atau oleh Lembaga Pengarah sendiri menurut peruntukan Artikel 98(1) Tataurus Syarikat.

Calon-calon untuk Lembaga akan dipertimbangkan terlebih dahulu oleh JPG dengan mengambil kira kepelbagaian kemahiran, kecekapan dan pengalaman serta lain-lain kualiti yang difikirkan perlu untuk menerajui Syarikat di dalam industri komunikasi yang mencabar, sebelum pelantikan mereka disyorkan kepada Lembaga.

Walaupun Lembaga bertanggungjawab melantik ahli Lembaga baru, proses pemilihan dan penilaian awal, termasuk pencarian luar, dijalankan oleh JPG terlebih dahulu dengan menilai kebolehan dan kesesuaian calon-calon untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Pengarah, sebelum disyorkan kepada Lembaga untuk kelulusan.

JPG menilai kebolehan calon-calon untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka terlebih dahulu, sebelum mengesyorkan pelantikan mereka sebagai Pengarah kepada Lembaga untuk kelulusan.

Pada tahun ini, JPG menilai kemahiran, pengalaman dan latar belakang Cik Gee Siew Yoong sebagai PBBE dan Dato' Siti Zauyah sebagai Pengarah Ganti BBBE Syarikat dan mencadangkan pencalonan mereka kepada Lembaga TM. Lembaga TM telah menerima kedua-dua cadangan tersebut dan Cik Gee dan Dato' Siti Zauyah masing-masing dilantik pada 13 Mac 2014 dan 5 November 2014.

Pada 12 Januari 2015, Pemegang Saham Khas TM telah mencalonkan Pengerusi baru Syarikat. Selaras dengan Artikel 109 Tataurus Syarikat, Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob telah dipilih menggantikan Dato' Sri Dr Halim Shafie. Setelah mengambil kira kelayakan dan pengalaman luas beliau dalam pelbagai bidang yang berbeza-beza, JPG menerima dan mengesyorkan pelantikan Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman kepada Lembaga Pengarah.

## Persaraan, Pelantikan dan Pemilihan Semula Pengarah

Selaras dengan Keperluan Penyenaraian Utama dan Artikel 103 Tataurus Syarikat, kesemua Pengarah, termasuk Pengarah Eksekutif, adalah tertakluk kepada pelantikan semula secara giliran setiap tiga tahun dan pelantikan semula Pengarah-pengarah hendaklah diadakan di setiap Mesyuarat Agung Tahunan (MAT). Menurut Artikel 98(2) Tataurus Syarikat dan Akta Syarikat, ahli Lembaga yang dilantik untuk mengisi kekosongan keahlian akan memegang jawatan tersebut sehingga MAT yang berikutnya dan layak untuk dilantik semula.

Pelantikan dan pemilihan semula Pengarah di MAT adalah tertakluk kepada penilaian dan cadangan JPG. Pengarah-pengarah berkenaan dikehendaki memberi persetujuan untuk dilantik semula sebelum cadangan tersebut dibentangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah. Dalam menilai kesesuaian Pengarah, JPG mengambil kira ciri-ciri kecekapan, komitmen, personaliti dan kualiti individu, sumbangan dan prestasi mereka berdasarkan Penilaian Prestasi. Struktur dan keseimbangan Lembaga serta status kebebasan Pengarah-pengarah juga dinilai JPG sebelum dikemukakan kepada Lembaga dan seterusnya kepada pemegang-pemegang saham untuk kelulusan.

Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob, Pengerusi PBBBE baru TM, disyorkan untuk pemilihan semula oleh JPG dan Lembaga Pengarah. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam sektor kerajaan dan amat mahir dalam urusan kawal selia dan agensi-agensi kerajaan. Pengalaman beliau sebagai pengarah dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan yang disenaraikan serta penyertaan beliau dalam pelbagai agensi-agensi kerajaan dan juga beberapa universiti tempatan adalah bukti keserbabolehan, kesesuaian dan komitmen Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman dalam memberikan khidmat kepada pelbagai pihak yang berkepentingan. Beliau sangat layak sebagai Pengerusi TM dan mampu untuk memberi kepimpinan yang mantap dan buah fikiran yang berharga kepada mesyuarat Lembaga TM dan anak-anak syarikat yang dipengerusikan oleh beliau.

Menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, Dato' Danapalan T.P Vinggrasalam, Pengarah Bebas Kanan (PBK) TM yang akan mencapai umur 72 tahun pada Mac 2015, akan bersara di MAT ke-30 dan pelantikan semula beliau adalah tertakluk kepada kelulusan tidak kurang daripada tiga perempat pemegang-pemegang saham yang hadir di MAT tersebut. Jika dilantik semula, Dato' Danapalan akan memegang jawatan sebagai Pengarah sehingga MAT Syarikat yang akan datang dan selanjutnya pelantikan beliau akan ditentukan di MAT pada setiap tahun. Komitmen Dato' Danapalan kepada TM terbukti dengan kehadiran penuh beliau dalam mesyuarat-mesyuarat Lembaga TM mahupun Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga di sepanjang tahun 2014. Beliau terus memberi sumbangan yang tidak ternilai dan pandangan yang bernas kepada Lembaga dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga. Beliau telah menunjukkan prestasi yang sangat cemerlang sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga (JAL) sejak mengambil-alih jawatan tersebut daripada bekas Pengerusi JAL pada bulan September 2013. Dengan kepimpinan yang berwibawa, beliau telah menerajui JAL sehingga 31 Disember 2014 dan berjaya melaksanakan tugas tersebut dengan baik sebelum pelantikan Cik Gee Siew Yoong, seorang akauntan berkelayakan pada 1 Januari 2015. Dato' Danapalan kekal sebagai ahli JAL dan terus memberi komitmen sebagai PBK, yang menjadi saluran untuk pihak berkepentingan menyuarakan sebarang masalah mereka kepada Syarikat. Dengan mengambil kira komitmen beliau yang berterusan, bantuan dan bimbingan serta kepimpinan dan kepakaran, JPG dan Lembaga Pengarah mengesyorkan Dato' Danapalan dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat.

Memasuki tahun ketiga sebagai Pengarah TM, Dato' Fauziah Yaacob telah memberi sumbangan yang besar sebagai ahli Lembaga Pengarah. Beliau sentiasa menyuarakan saranan dan tegas dalam pendapatnya. Dengan pengetahuan, pengalaman, pertimbangan dan nasihat yang bernas, terutamanya berkaitan dasar-dasar Kerajaan, beliau telah menyumbang kepada keberkesanan Lembaga Pengarah yang dinamik. Beliau juga komited dalam memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa dilindungi dalam kapasiti beliau sebagai Pengarah yang dicalonkan Kementerian Kewangan (MoF), serta melaksanakan tugas-tugas fidusiari beliau di samping melindungi kepentingan Syarikat. Lembaga Pengarah dan JPG mengakui komitmen berterusan dan sumbangan Dato' Fauziah yang tidak ternilai kepada Syarikat dan mengesyorkan pemilihan semula beliau sebagai Pengarah Syarikat.

Datuk Zalekha Hassan terus menjadi ahli yang penting dalam Lembaga TM. Latar belakang kukuh dalam perolehan Kerajaan sepanjang perkhidmatan beliau di Kementerian Kewangan membolehkan Datuk Zalekha mempengerusikan Jawatankuasa Tender Lembaga (JTL) dengan berkesan. Dalam menerajui JTL, beliau komited dalam memastikan integriti dan tadbir urus menjadi amalan Syarikat khususnya dalam urusan perolehan kerana ianya adalah satu bahagian penting dalam strategi perniagaan Syarikat. Datuk Zalekha bersifat ingin tahu dan lantang bersuara dalam memberi pandangan serta mampu memberi pendapat yang bernas ketika perbincangan bersama Lembaga Pengarah. Oleh itu, Lembaga berpendapat bahawa sumbangan beliau kepada Syarikat adalah penting dalam mewujudkan kepelbagaian dalam Lembaga Pengarah, dan mengesyorkan beliau dipilih semula sebagai Pengarah di MAT yang akan datang.

Dato' Ibrahim Marsidi mempunyai pengalaman yang luas dalam pengurusan syarikat, di mana beliau sebelum ini pernah menerajui sebuah syarikat minyak dan gas tempatan terkemuka dalam industri yang dinamik. Dengan pengalaman tersebut, beliau dapat memberikan nasihat berharga dan wawasan kepada Pengurusan dan Lembaga Pengarah, khususnya berhubung dengan jualan, pemasaran dan penjenamaan. Keahlian Dato' Ibrahim dalam empat daripada lima jawatankuasa Lembaga adalah bukti kepercayaan Lembaga Pengarah terhadap

kebolehan, kemahiran, pengetahuan dan kepakaran beliau. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Risiko Lembaga, Dato' Ibrahim mampu menganalisa dan mengenal pasti unsur-unsur risiko yang dihadapi oleh Syarikat. JPG dan Lembaga berpendapat keahlian Dato' Ibrahim penting untuk Lembaga Pengarah yang dinamik dan mengesyorkan beliau untuk dilantik semula.

Kesemua lima Pengarah di atas tertakluk kepada pelantikan dan pemilihan semula pada MAT yang akan datang, berdasarkan penilaian JPG dan kelulusan Lembaga Pengarah. Mereka telah memenuhi kehendak Lembaga Pengarah dan terus melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan melalui sumbangan mereka dalam perbincangan mesyuarat Lembaga. Lembaga TM berpendapat bahawa kesemua Pengarah-pengarah tersebut telah memberi pendapat secara bebas dan objektif ketika pertimbangan/perbincangan Lembaga Pengarah. PBBBE, sebagai wakil pihak berkepentingan, memahami tugas dan tanggungjawab mereka terhadap Syarikat dan oleh itu, dapat mengurangkan risiko yang mungkin timbul daripada percanggahan kepentingan. Penilaian kebebasan mereka dijalankan setiap tahun melalui Penilaian Prestasi dan laporan mengenainya dibentangkan untuk pertimbangan JPG pada bulan Februari. Setelah menimbangkan faktor-faktor di atas, Lembaga Pengarah telah mencadangkan lima Pengarah tersebut untuk pelantikan dan pemilihan semula. Para Pengarah juga telah bersetuju dengan cadangan pelantikan dan pemilihan semula mereka.

# Ringkasan Kegiatan-Kegiatan Utama Sepanjang Tahun Kewangan

Ahli-ahli JPG telahpun melaksanakan tanggungjawab mereka dengan wajar dan berkesan. Sepanjang tahun, JPG telah melaksanakan beberapa kegiatan utama seperti berikut:

a) Pencalonan

Menimbang dan mengesyorkan kepada Lembaga perkara-perkara berikut:

- Pemilihan dan pelantikan semula Pengarah-pengarah di MAT ke-29.
- Pelanjutan Perkhidmatan Pengarah-pengarah Eksekutif.
- Perubahan Pengarah Ganti yang mewakili MKD.
- Pelantikan PBBE sebagai ahli Lembaga TM.
- Pelantikan Pengarah dan Pengarah Ganti dalam lembaga syarikat-syarikat operasi utama.
- Penilaian tahunan dan kajian semula keanggotaan semua Jawatankuasa Lembaga TM.
- Penilaian ke atas status bebas para PBBE.
- Penilaian kesan pelaksanaan Akta Umur Persaraan Minima 2012 (MRA 2012) ke atas kakitangan Kumpulan TM.

b) Ganjaran

Menimbang dan mengesyorkan kepada Lembaga perkara-perkara berikut:

- Pakej ganjaran untuk Pengarah-pengarah Eksekutif.
- Mengkaji semula Rangka Kerja Imbuhan Anak-anak Syarikat TM, termasuk syarikat-syarikat Tahap 1 mengikut keperluan.
- Penilaian prestasi Pengarah-pengarah Eksekutif, Pengurusan Kanan Utama dan Setiausaha Syarikat bagi tahun 2013 berdasarkan pencapaian sasaran tahun 2013 mereka.
- Pelaksanaan Pelan Insentif Jangka Panjang untuk Pengarah-pengarah Eksekutif dan ahli-ahli Pengurusan Kanan.

Menurut Piagam Lembaga, JPG memastikan bahawa polisi ganjaran dan manfaat dikaji semula setiap tahun bagi menarik perhatian Pengarah yang berwibawa dan berbakat untuk menyertai Lembaga TM.

Polisi ganjaran dan manfaat Syarikat disemak semula secara berkala bagi memastikan ianya berdaya saing dengan pasaran. Yuran Pengarah telah dikaji semula selepas 5 tahun, dan diluluskan oleh para pemegang saham di MAT ke-28 pada tahun 2013. Tiada semakan dicadangkan untuk yuran para Pengarah dan ianya akan kekal hingga MAT ke-30 yang akan datang.

c) Hal-hal Lembaga

Menimbang dan mengesyorkan kepada Lembaga perkara-perkara berikut:

- Pelaksanaan dan skop Penilaian Prestasi untuk 2013.
- Memantau status program pendidikan berterusan Pengarah dalam mematuhi Program Latihan Lembaga Pengarah.
- Memantau keperluan kehadiran minima pada mesyuarat Lembaga dan jawatankuasa yang diadakan pada tahun kewangan secara terperinci.
- Semakan semula Piagam Lembaga secara tahunan.
- Pelaksanaan rancangan penggantian untuk Lembaga Pengarah.

JPG telah menilai dan mengesahkan bahawa keperluan kehadiran minima 50% di mesyuarat lembaga selaras dengan Keperluan Penyenaraian Utama telah dicapai. Lembaga juga mengambil maklum bahawa kesemua Pengarah telah mematuhi keperluan 50% kehadiran minima di mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa selaras dengan Piagam Lembaga.

# Latihan

Sepanjang tahun ini, ahli-ahli JPG telah menghadiri pelbagai persidangan, seminar dan program latihan bagi membolehkan mereka menjalankan tugas sebagai Pengarah Syarikat dengan berkesan serta meningkatkan lagi kecekapan teknikal dalam bidang kepakaran masing-masing. Butir-butir latihan yang dihadiri ahli-ahli JPG dinyatakan dalam Penyata Tadbir Urus Korporat di muka surat 123 hingga 124 laporan tahunan ini.

Keputusan Penilaian Prestasi 2014 mendapati ahli-ahli JPG telah mengekalkan tahap kecekapan teknikal yang tinggi dan wajar.

Laporan JPG ini telah diluluskan menurut resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 26 Februari 2015.



**TUNKU DATO' MAHMOOD FAWZY**
**TUNKU MUHIYIDDIN**
*Pengerusi JPG*

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT



**Gee Siew Yoong**
Pengerusi
*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*
*[Dilantik sebagai Ahli pada 27 Mac 2014 dan sebagai Pengerusi pada 1 Januari 2015]*



**Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam**
Ahli
*Pengarah Bebas Kanan Bukan Eksekutif*
*[Dilantik sebagai Pengerusi daripada 30 September 2013 sehingga 31 Disember 2014 dan kekal sebagai Ahli berkuatkuasa 1 Januari 2015]*



**Dato' Ibrahim Marsidi**
Ahli
*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*



**Datuk Zalekha Hassan**
Ahli
*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*



**Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin**
Ahli
*Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif*

## Keahlian

Jawatankuasa Audit Lembaga (JAL) terdiri daripada lima orang ahli; empat Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (PBBE) dan seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Majoriti ahli JAL adalah Pengarah Bebas dan tiada pengarah ganti dilantik sebagai ahli. Ini adalah selaras dengan peruntukan yang berkaitan dalam Piagam Lembaga berkenaan dengan urus tadbir JAL dan pematuhan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (Keperluan Penyenaraian Utama) Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities).

Sepanjang tahun 2014, terdapat beberapa perubahan dalam keahlian JAL yang mana telahpun diumumkan ke Bursa Securities.

Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran (JPG) dan Lembaga TM telah mempertimbangkan keanggotaan Lembaga Pengarah pada tahun 2013 dan bersetuju dengan pelantikan Cik Gee Siew Yoong sebagai PBBE pada 13 Mac 2014. Cik Gee kemudiannya dilantik sebagai ahli tambahan JAL pada 27 Mac 2014. Beliau merupakan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah (CPA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan mempunyai kelayakan, pengalaman dan pengetahuan kewangan yang diperlukan untuk jawatan tersebut. Profil, kelayakan dan pengalaman beliau terdapat di muka surat 98 laporan tahunan ini.

JPG dan Lembaga TM juga bersetuju dengan pertukaran Pengerusi JAL berkuatkuasa 1 Januari 2015, di mana Cik Gee telah dilantik sebagai Pengerusi menggantikan Dato' Danapalan T.P Vinggrasalam yang kekal sebagai ahli JAL.

Dengan perubahan ini, JAL kini mempunyai dua ahli yang menepati kelayakan yang diperuntukkan di bawah Perenggan 15.09(1)(c), Keperluan Penyenaraian Utama. Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin adalah seorang ahli Institut Akauntan Awam, Australia dan menepati kelayakan di bawah perenggan 15.09(1)(c)(iii) dan 7.1(a)(iii) Nota Amalan 13. Di samping itu, Cik Gee, sebagai ahli CPA dan MIA, memenuhi keperluan perenggan 15.09(1)(c)(i).

Melalui Penilaian Keberkesanan Lembaga (Penilaian Prestasi), semakan tahunan dibuat untuk mengkaji keanggotaan dan prestasi JAL telah termasuk tempoh keahlian, prestasi dan keberkesanan serta tanggungjawab ahli-ahli JAL.

Berdasarkan keputusan Penilaian Prestasi 2014, Lembaga Pengarah bersetuju bahawa JAL telah mempamerkan prestasi yang amat memberangsangkan sepanjang perkhidmatan mereka. Kesemua ahli JAL, sepertimana yang dinyatakan dalam profil mereka di muka surat 95 hingga 98 laporan tahunan ini, mempunyai pertimbangan yang wajar, bermatlamat, berpendirian tetap, berpengalaman dalam pengurusan, bersikap profesional, berwibawa dan juga berpengetahuan luas dalam bidang industri dan kewangan. Dengan kepelbagaian kepakaran dan pengalaman yang seimbang, mereka telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang. Lembaga Pengarah TM bersetuju mengekalkan komposisi JAL sedia ada.

# Mesyuarat dan Kehadiran

Mesyuarat JAL untuk 2014 telah dijadualkan terlebih dahulu dalam bulan Oktober 2013 dan dimaklumkan kepada ahli-ahli bagi memastikan komitmen masa mereka. Mesyuarat JAL untuk perbincangan dan pertimbangan keputusan suku tahunan dan lain-lain isu audit dalaman dan luaran diadakan secara berasingan. Pengasingan ini memastikan perancangan yang teratur dan peruntukan masa yang mencukupi untuk JAL membincangkan setiap isu audit dengan teliti.

JAL telah mengadakan lapan mesyuarat dalam tahun kewangan 2014. Empat daripadanya adalah untuk membincangkan analisa keputusan suku tahunan dan selebihnya berkenaan perkara-perkara audit dalaman dan luaran.

Butir-butir kehadiran ahli-ahli JAL adalah seperti berikut:

| Ahli JAL | Mesyuarat JAL | |
|---|---|---|
| | Kehadiran/ Mesyuarat | % |
| Gee Siew Yoong<br>*[Dilantik sebagai Ahli pada 27 Mac 2014 dan Pengerusi pada 1 Januari 2015]* | 6/6 | 100.0 |
| Dato' Danapalan T.P Vinggrasalam<br>*[Pengerusi daripada 30 September 2013 sehingga 31 Disember 2014 dan kekal sebagai Ahli berkuat kuasa 1 Januari 2015]* | 8/8 | 100.0 |
| Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin | 8/8 | 100.0 |
| Dato' Ibrahim Marsidi | 7/8 | 87.5 |
| Datuk Zalekha Hassan | 7/8 | 87.5 |

Sepanjang tahun kewangan 2014, pengendalian kesemua mesyuarat JAL menepati syarat korum seperti yang diperuntukkan di dalam Terma Rujukan JAL di mana majoriti kehadiran ahlinya adalah pengarah bebas.

Setiausaha Syarikat bertindak sebagai Setiausaha JAL bagi kesemua mesyuarat JAL. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Ketua Audit Dalaman (KAD) bersama-sama dengan ahli-ahli Pengurusan Kanan dan juruaudit luar, menghadiri mesyuarat atas jemputan JAL untuk memberi penerangan mengenai isu-isu penting kepada JAL.

JAL turut mengadakan dua sesi tertutup dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan.

Minit-minit mesyuarat JAL telah diedarkan kepada semua ahli dan cabutan keputusan-keputusan JAL telah diedarkan kepada pihak berkenaan untuk tindakan seterusnya. Isu-isu penting yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah TM disalurkan ke mesyuarat Lembaga Pengarah untuk perbincangan. Pengerusi JAL akan melaporkan keputusan dan cadangan-cadangan JAL kepada Lembaga TM.

# Ringkasan Terma Rujukan

Terma Rujukan JAL kekal selaras dengan Keperluan Penyenaraian Utama Bursa Securities, cadangan-cadangan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 (Kod Tadbir Urus 2012) dan amalan-amalan terbaik yang berkaitan. Ianya juga telah disemak dan dikemas kini dengan mengambil kira Garis Panduan Tadbir Urus Korporat: Ke Arah Kecemerlangan Lembaga (Edisi ke-2), yang dikeluarkan oleh Bursa Securities pada 2 Oktober 2013.

Terma Rujukan yang menetapkan kuasa, tugas dan tanggungjawab JAL telah digabungkan di dalam Piagam Lembaga yang boleh didapati di laman web rasmi Syarikat di www.tm.com.my. Piagam Lembaga dikemas kini dari masa ke semasa untuk menambahbaik proses dan prosedur selaras dengan peruntukan dan peraturan-peraturan baru yang berkaitan.

Pada tahun ini, Terma Rujukan JAL telah disemak semula dengan menambahbaik garis panduan berkaitan penglibatan juruaudit luar untuk menyediakan perkhidmatan bukan audit bagi memastikan tahap kebebasan mereka.

Tugas dan tanggungjawab utama serta fungsi utama JAL diringkaskan seperti berikut:

1. Menilai kawalan persekitaran dalaman Kumpulan TM termasuk memastikan pelaksanaan dasar dan kawalan yang secukupnya, dan mengkaji kewibawaan sistem kawalan dalaman dan sistem pengurusan maklumat.
2. Memantau laporan kewangan Kumpulan TM untuk memastikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan dan prestasi Syarikat serta pematuhan piawaian-piawaian laporan kewangan dan keperluan-keperluan kawal selia yang berkenaan.
3. Membincangkan Pelan Audit berteraskan sistem kawalan audit dalaman dan memantau kerja-kerja bukan audit yang dijalankan oleh juruaudit luar bagi memastikan peruntukan perkhidmatan berkaitan tidak menjejaskan kebebasan dan objektiviti mereka.

4. Mengkaji dan meluluskan Piagam Audit Dalaman dan Pelan Audit Dalaman sambil memastikan kebebasan dan kesaksamaan Bahagian Audit Dalaman Kumpulan (ADK).
5. Mengesyorkan pelantikan, pelantikan semula dan pemberhentian juruaudit luar.
6. Menyemak semula situasi percanggahan kepentingan dan cadangan urus niaga dengan pihak berkaitan (UPB) yang akan dibuat oleh Kumpulan TM.
7. Mengesahkan peruntukan opsyen saham kepada anggota kumpulan yang layak (jika ada). Sepanjang tahun kewangan 2014, tiada peruntukan opsyen saham baru yang dibuat.
8. Memastikan kewujudan saluran bagi membolehkan pemberi maklumat melaporkan tentang penyelewengan dan mengkaji semula prosedur pengesanan penipuan.
9. Melaporkan ketidakpatuhan Keperluan Penyenaraian Utama kepada Bursa Securities sekiranya ianya tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan oleh Lembaga Pengarah TM.

# Ringkasan Aktiviti-aktiviti JAL dalam Tahun Kewangan

Sepanjang tahun 2014, JAL melaksanakan pelbagai strategi dan tindakan dalam menyempurnakan tugas dan tanggungjawabnya dengan berkesan. Aktiviti-aktiviti utama yang dijalankan di sepanjang tahun kewangan 2014 adalah seperti berikut:

## 1. Kawalan Dalaman

a) Membincangkan Penyata Pengarah mengenai Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (PPRKD), yang telah disemak oleh juruaudit luar pada bulan Februari 2014 untuk disertakan dalam Laporan Tahunan 2013. Kenyataan PPRKD itu juga disemak semula bersama Jawatankuasa Risiko Lembaga. PPRKD disokong oleh Kajian Khas 2013 berkenaan Semakan Kawalan Dalaman TM, Laporan Insiden Kawalan Dalaman 2013 dan Penyata Jaminan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan mengenai Keberkesanan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman. Berdasarkan dokumen-dokumen tersebut, JAL merumuskan bahawa PPRKD memberi gambaran yang benar dan saksama tentang keadaan kawalan dalaman Syarikat.

b) Mengkaji semula laporan suku tahunan berhubung kecukupan, keberkesanan dan kebolehpercayaan sistem kawalan dalaman berdasarkan penilaian yang dilakukan setiap tahun oleh Pengurusan Aliran-Aliran Perniagaan dan anak-anak Syarikat. Isu-isu berkaitan telah dibincangkan dengan terperinci untuk mencapai kesimpulan dan langkah tindakan susulan yang memuaskan.

c) Membincangkan laporan suku tahunan daripada Jawatankuasa Audit dan Jaminan Perniagaan (JAJP), satu jawatankuasa kecil yang diketuai oleh Ketua Pegawai Kewangan, mengenai tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak Pengurusan dalam menyelesaikan isu-isu penting kawalan dalaman dan perakaunan yang dibangkitkan oleh juruaudit dalaman dan luar.

d) Memantau isu atau perkara yang menjejaskan kecekapan Syarikat dan prestasi.

e) Mengkaji semula dasar-dasar penting dan menyemak Matrik Had Kuasa dan penambahbaikan proses perolehan di dalam Manual Proses Perniagaan seperti yang disyorkan pihak Pengurusan bagi memastikan kecekapan dalam operasi perniagaan.

Perubahan dan penambahbaikan dipastikan sentiasa sejajar dengan amalan perniagaan terbaik dan proses kawalan dalaman yang berkesan. Cadangan ini kemudiannya disyorkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah TM.

f) Membincangkan laporan Jawatankuasa Amalan Terbaik (JAT) seperti berikut:

- Maklumat terkini dan perkembangan Tadbir Urus Korporat dan amalan perniagaan terbaik, keperluan berkanun dan peraturan, pematuhan terhadap piawaian perakaunan serta garis panduan-garis panduan perniagaan yang lain.
- Kedudukan litigasi material dan kesannya ke atas kewangan syarikat.
- Mengkaji transaksi UPB atau urus niaga berulang dengan pihak berkaitan (UPBB) pada setiap suku tahun.

## 2. Laporan Kewangan

Perkara-perkara berikut telah dikaji dan dibincangkan oleh JAL sebelum disyorkan kepada Lembaga TM untuk kelulusan:

a) Penyata kewangan suku tahunan beraudit dan tidak beraudit Kumpulan TM selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS) 134 dan Keperluan Penyenaraian Utama.

- JAL membincangkan penyata suku tahunan pada 25 Februari, 23 Mei, 22 Ogos dan 24 November 2014 masing-masing untuk suku kewangan keempat 2013, suku pertama 2014, suku kedua 2014 dan suku ketiga 2014. JAL merumuskan bahawa laporan-laporan yang telah dibentangkan menggambarkan prestasi kewangan Syarikat yang benar dan saksama.
- Ulasan audit dalaman setiap suku tahun untuk memastikan pematuhan MFRS 134.
- JAL turut menyemak deraf pengumuman penyata kewangan beraudit dan tidak beraudit ke Bursa Securities bagi memastikan ianya mematuhi keperluan kawal selia.

b) Menyemak penyata kewangan beraudit Kumpulan TM bagi tahun kewangan 31 Disember 2014 pada bulan Februari 2014 dan telah membuat kesimpulan bahawa laporan kewangan yang

dibentangkan memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap prestasi kewangan Syarikat bagi tahun tersebut.

c) Cadangan pembayaran dividen dan skim pelaburan semula dividen bagi tahun kewangan 2014.

## 3. Audit Luaran

a) Mengkaji laporan juruaudit luar mengenai laporan audit akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 dan PPRKD pada Februari 2014 sebelum mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

b) Mengkaji semula Memorandum Kawalan Dalaman serta maklum balas pihak Pengurusan terhadap hasil siasatan audit juruaudit luar. Laporan awal telah dibentangkan pada November 2013 manakala Memorandum Kawalan Dalaman 2013 bagi Kumpulan TM dibentangkan pada April 2014.

c) Mengkaji semula pelan audit juruaudit luar bagi tahun 2014 yang merangkumi cadangan kerja audit, pelan tindakan, skop audit dan strategi penglibatannya pada Ogos 2014 sebelum pelaksanaannya. Semakan tersebut juga merangkumi audit ke atas sistem-sistem teknologi maklumat yang berkait secara langsung dengan maklumat di dalam penyata kewangan.

d) Mengkaji semula terma pelantikan juruaudit luar selepas mengesahkan kebebasan dan objektiviti mereka bagi audit berkanun 2014 dan PPRKD pada Ogos 2014, sebelum dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah TM. Pelantikan juruaudit luar bagi pengauditan Kumpulan TM dipantau dan diproses oleh Kumpulan bagi menyelaraskan terma pelantikan mereka.

Pada tahun ini, JAL telah mengkaji terma pelantikan juruaudit luar bagi pengauditan Penyata Kewangan Pengawalseliaan untuk memastikan pematuhan Garis Panduan Pemisahan Perakaunan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM).

e) Mengkaji semula prestasi keseluruhan dan keberkesanan juruaudit luar untuk Kumpulan TM, dan setelah berpuashati dengan penilaian yang dibuat mengesyorkan pelantikan semula juruaudit luar dan yuran yang harus dibayar berdasarkan bidang kerja yang dilakukan untuk TM untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

Penilaian telah dijalankan oleh ahli Pengurusan yang berkaitan dan JAL terhadap kelayakan dan prestasi juruaudit luar; kualiti komunikasi dan interaksi; dan kebebasan, objektiviti dan keraguan profesional. Hasil penilaian 2013 telah dibentangkan kepada JAL pada bulan Februari 2014. JAL dan Pengurusan secara amnya berpuas hati bahawa juruaudit luar telah memenuhi tugas dan tanggungjawabnya.

Daripada penilaian ini, JAL berpendapat bahawa juruaudit luar adalah proaktif dan kerap berhubung dengan JAL dalam menjalankan tanggungjawabnya. Di samping itu, juruaudit luar telah menyediakan perkhidmatan yang bebas dan profesional kepada Syarikat sepanjang tahun taksiran.

Pada tahun 2014, terdapat perubahan rakan kongsi dan pasukan audit juruaudit luar atas dasar giliran. Tahun kewangan berakhir 2014 merupakan tahun kedua rakan kongsi audit dan pasukan audit semasa melakukan kerja-kerja audit untuk TM.

f) Mengkaji dan meluluskan perkhidmatan bukan audit yang dijalankan juruaudit luar untuk memastikan kebebasan atau objektiviti mereka. Ini termasuk memantau yuran bukan audit bagi juruaudit luar untuk memastikan status kebebasan mereka tidak terjejas.

Pada tahun kewangan 2014, Syarikat telah melantik juruaudit luar untuk beberapa tugasan bukan audit. Pelantikan tersebut dibuat berdasarkan proses perolehan sedia ada di mana transaksi tersebut telah disemak secara terperinci oleh JAL. Kelulusan hanya diberi apabila JAL berpuas hati dengan justifikasi yang diberikan oleh pihak Pengurusan untuk mengambil khidmat juruaudit luar tersebut, dan JAL yakin tentang kebebasan berterusan mereka.

Jumlah yuran bukan audit yang dibayar kepada juruaudit luar pada tahun ini dan justifikasinya dinyatakan dalam Maklumat Pematuhan Tambahan di muka surat 156 dan 157 dalam laporan tahunan ini.

g) JAL juga telah menggunakan hak mereka dengan mengadakan dua sesi mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, iaitu pada 25 Februari 2014 dan 22 Ogos 2014. Sesi-sesi tersebut diadakan untuk memastikan tugasan dan skop audit juruaudit luar tidak terhalang.

h) Pengerusi JAL, KAD dan juruaudit luar juga telah mengadakan beberapa pertemuan tertutup tanpa kehadiran pihak Pengurusan sebelum mesyuarat JAL.

Selain dari mendalami maklumat berkaitan isu-isu audit dengan lebih baik, sesi tertutup ini juga membantu JAL memperkukuhkan lagi kebebasan fungsi audit dalaman dan luaran Syarikat.

## 4. Audit Dalaman

a) Mengkaji dan meluluskan Pelan Audit Tahunan ADK pada bulan Januari 2014 untuk memastikan bidang dan liputan menyeluruh aktiviti Kumpulan.

b) Menyemak Petunjuk Prestasi Utama (KPI), prestasi, kecekapan dan sumber fungsi audit dalaman bagi memastikan bahawa ADK mempunyai kepakaran dan profesionalisma yang diperlukan secara kolektif untuk melaksanakan tugas mereka.

Penyata Audit Dalaman dibentangkan di muka surat 147 hingga 148 laporan tahunan ini.

c) Membincangkan laporan audit dalaman, cadangan audit dan maklum balas pihak Pengurusan terhadap cadangan-cadangan tersebut. Di mana perlu, JAL akan mengarahkan pihak Pengurusan untuk memperbetulkan dan memperbaiki tatacara kawalan berdasarkan cadangan ADK untuk penambahbaikan. Laporan terperinci ADK telah dihantar kepada ahli-ahli JAL apabila selesainya audit dan penganalisaan. Manakala ringkasan penemuan penting dari laporan ADK dibentang dan dibincangkan di mesyuarat JAL.

d) Memantau pelaksanaan cadangan audit dalaman oleh pihak Pengurusan bagi isu-isu tertunggak pada setiap suku tahun dan memastikan semua risiko utama dan kelemahan kawalan ditangani.

e) Mengadakan mesyuarat tertutup dan perbincangan dengan KAD mengenai kawalan dalaman utama dan perkara-perkara berkaitan audit dalaman.

f) Mengkaji laporan mesyuarat jawatankuasa audit anak syarikat.

## 5. UPB dan Percanggahan Kepentingan

a) Mengkaji laporan UPB dan di mana transaksi urus niaga berkemungkinan mempunyai percanggahan kepentingan, memastikan transaksi-transaksi tersebut adalah adil, munasabah dan untuk kepentingan terbaik TM, selaras dengan terma perdagangan biasa dan tidak memberi kesan buruk kepada pemegang saham minoriti. JAL membincangkan jenis urus niaga dan memastikan penzahiran yang sewajarnya dibuat menurut Keperluan Penyenaraian Utama sebelum diusulkan kepada Lembaga Pengarah. Sejurus itu, pengumuman akan dibuat berdasarkan keputusan selepas kajian semula JAL.

b) Menyemak UPBB dari masa ke semasa bagi memastikan urus niaga tersebut dilaksanakan dengan telus dan dipantau mengikut jumlah mandat yang diluluskan.

c) Mengkaji anggaran Mandat UPBB bagi tahun yang berikutnya beserta Pekeliling kepada pemegang-pemegang saham bagi Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang-pemegang Saham untuk kelulusan Lembaga Pengarah TM.

## 6. Etika dan Kewibawaan

a) Membincangkan kes laporan berkaitan isu-isu kawalan dalaman, penyiasatan, siasatan dalaman dan salah laku dalaman dan luaran Kumpulan, yang menyalahi Kod Etika Perniagaan, Pakatan Integriti dan Program Pemberi Maklumat.

JAL memberi pendapat dan/atau arahan mengenai tindakan seterusnya ke atas isu-isu yang dibangkitkan dan dimaklumkan mengenai kemajuan kes dari semasa ke semasa oleh unit Hal Ehwal Khas sehingga penyelesaian dicapai.

b) Mengemaskini Kod Etika Perniagaan yang turut mengambil kira peruntukan yang berkaitan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Persaingan 2010 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 untuk pelaksanaan dan pematuhan oleh Kumpulan TM dan pihak-pihak berkepentingan.

## 7. Laporan Tahunan

a) Menyemak penzahiran di dalam Laporan JAL, PPRKD, penyata-penyata Audit Dalaman, Hubungan Pelabur, Pematuhan Tambahan dan laporan Integriti Korporat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, untuk Laporan Tahunan 2014 dan mengesyorkan penyata-penyata dan laporan-laporan tersebut untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

## 8. Lain-lain

a) Memantau laporan kajian projek mengenai isu-isu seperti penilaian seni bina IT, aktiviti dan proses perolehan tahunan Laporan Kemajuan dari Pasukan Petugas Pencerobohan dan Pelan Transformasi Pusat Hubungan Pasaran Massa, untuk memastikan kemajuan mereka mengikut jangka waktu yang dipersetujui.

# Latihan

Pada tahun ini, ahli-ahli JAL telah menghadiri pelbagai persidangan, seminar dan program latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan lebih cekap sebagai pengarah Syarikat di samping meningkatkan lagi kecekapan teknikal dalam bidang kepakaran mereka. Butir-butir program latihan yang telah dihadiri oleh ahli-ahli JAL dibentangkan dalam Penyata Tadbir Urus Korporat di muka surat 123 hingga 124 laporan tahunan ini.

Keputusan Penilaian Prestasi 2014 menunjukkan bahawa ahli-ahli JAL dapat mengekalkan tahap pengetahuan teknikal yang tinggi dan mereka secara amnya mengikuti arus perubahan dan mengemas kini pengetahuan teknikal mereka dari masa ke semasa.

Laporan JAL ini dibuat berdasarkan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 26 Februari 2015.



**GEE SIEW YOONG**
*Pengerusi JAL*

# PENYATA AUDIT DALAMAN

Audit Dalaman Kumpulan (GIA) berusaha membantu Kumpulan TM mencapai objektif perniagaannya dengan melaksanakan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin dalam menilai dan meningkatbaik keberkesanan langkah-langkah kawalan pengurusan risiko dan proses tadbir urus. Ini dilakukan dengan memberikan jaminan bebas serta objektif dan perkhidmatan perundingan yang dirumus untuk memberi nilai tambah dan memperbaiki operasi TM. GIA telah menunjukkan tujuan, kuasa dan tanggungjawabnya menurut Piagam Audit Dalaman yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga (JAL). Piagam Audit Dalaman juga menetapkan kedudukan GIA dalam Kumpulan TM, iaitu melaporkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga di samping bebas daripada campur tangan oleh mana-mana elemen dalam organisasi supaya kebebasan dan objektivitinya tidak terjejas.

Ketua Audit Dalaman Kumpulan juga melaporkan secara berkala tentang aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan serta isu-isu strategik dan kawalan yang dicatatkan oleh GIA kepada Jawatankuasa Audit Lembaga (JAL) untuk memelihara kebebasannya. JAL menyemak dan meluluskan belanjawan tahunan Audit Dalaman Kumpulan, pelan audit dan keperluan sumber manusia untuk memastikan keperluan fungsi tersebut dipenuhi dengan sewajarnya dengan juruaudit-juruaudit yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang mencukupi.

GIA menerima pakai Piawaian Antarabangsa Untuk Amalan Profesional Pengauditan Dalaman oleh Institut Juruaudit Dalaman (IIA) serta definisi Audit Dalaman dan Kod Etika.

## Amalan dan Rangka Kerja

Untuk memastikan keseragaman dan konsistensi dalam memberikan jaminan tentang kecukupan, kewibawaan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan tadbir urus Kumpulan secara keseluruhan, GIA telah menyelaraskan amalan-amalan audit dalaman terkini dengan Rangka Kerja Kawalan Dalaman Bersepadu COSO. Dengan menggunakan rangka kerja ini, semua penilaian kawalan dalaman yang dilaksanakan oleh GIA adalah berdasarkan kepada lima elemen kawalan dalaman seperti berikut:

- Persekitaran Kawalan
- Penilaian Risiko
- Aktiviti Kawalan
- Maklumat dan Komunikasi
- Pemantauan

## Skop dan Liputan

GIA menerima pakai pelan audit berasaskan risiko bagi memastikan program yang dilaksanakan diberi keutamaan mengikut risiko utama dan bidang teras/keutamaan Kumpulan. Input daripada pelbagai sumber termasuk Rangka Kerja Risiko Perusahaan, Pelan Perniagaan, isu-isu audit yang lalu, juruaudit luaran, Pengurusan dan Lembaga Pengarah telah dikumpul, dinilai dan diutamakan untuk merangka pelan audit tahunan.

Pada tahun 2014, semakan telah dijalankan ke atas beberapa bidang yang melibatkan Rangkaian, Teknologi Maklumat, Kewangan, Perolehan, Pengurusan Sumber Manusia, Pasaran Massa, Akaun Terurus dan Anak-anak Syarikat telah dijalankan. Antara bidang liputan utama termasuk yang berikut:

- Tadbir Urus
- Pengurusan
- Operasi
- Jualan dan Pemasaran
- Perkhidmatan pelanggan
- Penunaian perkhidmatan
- Penyampaian rangkaian
- Pengurusan keselamatan IT
- Pembilan dan jaminan hasil
- Projek-projek utama
- Pengurusan aset
- Pematuhan pengawalseliaan
- Aktiviti kewangan/perakaunan

Semua laporan daripada semakan audit dalaman yang dijalankan telah dikemuka dan disampaikan kepada JAL berserta dengan maklum balas dan tindakan pembetulan yang dipersetujui oleh pihak Pengurusan. Seterusnya, kemajuan tindakan-tindakan pembetulan ini akan dipantau dan disahkan oleh GIA pada setiap suku tahun dan dikemukakan kepada JAL.

## Komitmen Terhadap Kompetens

GIA tetap komited dalam melengkapkan juruaudit dalaman dengan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Pada tahun 2014, para juruaudit dalaman telah menghadiri sejumlah 4,400 jam program latihan dan pembangunan. GIA telah mengendalikan modul Latihan Asas Audit Dalaman dengan menggunakan pendekatan kajian kes berasaskan persekitaran perniagaan sebenar. Di samping itu, juruaudit dalaman juga menghadiri pelbagai latihan, seminar serta bengkel dalaman dan luaran dalam pelbagai disiplin teknikal untuk meningkatkan prestasi kerja mereka seperti berikut:

- Kewangan/Perakaunan
- Rangkaian
- Teknologi Maklumat
- Tadbir Urus dan Pemantauan Projek
- Pematuhan
- Aktiviti Penyelewengan
- Jaminan, Penyemakan dan Persiapan Kualiti Dalaman
- Pengurusan Kelestarian Perniagaan
- Teknik Pengauditan Bantuan Komputer
- Penyemakan Profesional/Pensijilan Berkaitan

Para juruaudit dalaman juga menghadiri latihan kemahiran insaniah dalam bidang komunikasi, perundingan dan pembentangan bagi meningkatkan kemahiran dan prospek kerjaya mereka.

# Sumber

Sejumlah RM6.95 juta telah dibelanjakan untuk aktiviti-aktiviti audit dalaman pada tahun 2014. Ringkasan kos aktiviti audit dalaman adalah seperti berikut:

| Kategori | RM (juta) | % daripada jumlah kos |
|---|---|---|
| Tenaga Kerja | 5.05 | 73.0 |
| Kos Luar Jangka (termasuk kos perjalanan) | 0.66 | 9.0 |
| Caj Semula Dalaman (termasuk Sewa Ruang, Caj IT, Kos Latihan) | 1.24 | 18.0 |
| **Jumlah** | **6.95** | **100.0** |

Semua aktiviti audit pada tahun 2014 telah dijalankan secara dalaman dengan sumbangan tenaga kesemua 36 orang juruaudit dalaman dengan pelbagai latar belakang serta kepakaran seperti berikut:

| Bidang | Bilangan Juruaudit Dalaman | Peratusan (%) |
|---|---|---|
| Perakaunan dan Kewangan | 8 | 22 |
| Teknologi Maklumat | 8 | 22 |
| Kejuruteraan/ Rangkaian | 8 | 22 |
| Pemasaran | 8 | 22 |
| Perolehan/ Sumber Manusia | 4 | 11 |
| **Jumlah** | **36** | **100.0** |

# Kualiti Audit Dalaman

Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan membangunkan dan mengekalkan program jaminan kualiti dan peningkatan yang merangkumi kesemua aspek aktiviti audit dalaman. Program jaminan kualiti menilai kecekapan proses GIA dan mengenalpasti peluang-peluang untuk penambahbaikan melalui penilaian dalaman dan luaran.

GIA mempunyai mekanisme Semakan Setara untuk memastikan hasil yang berkualiti dan konsisten bagi setiap penglibatan audit. Penyemak setara dengan kepakaran dalam bidang berkaitan daripada juruaudit berpengalaman dapat memberikan nasihat profesional dan memastikan semua bidang risiko diambil kira secukupnya sebelum memaklumkan hasil akhir penglibatan kepada pihak yang berkenaan.



**HAZIMI KASSIM**
*Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan*



**GEE SIEW YOONG**
*Pengerusi Jawatankuasa Audit*

# LAPORAN JAWATANKUASA RISIKO

## Keahlian

Jawatankuasa Risiko Lembaga (JRL) memantau perkembangan dan menyemak semula pelan dan dasar pengurusan risiko TM di samping mengkaji semula keberkesanan struktur organisasi pengurusan risiko, tanggungjawab dan kebertanggungjawabannya secara tahunan. Ia juga memastikan rangka kerja pengurusan risiko dilaksanakan bagi meningkatkan kemungkinan potensi risiko yang tidak dijangka.

JRL terdiri daripada enam ahli: lima Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan satu Pengarah Eksekutif Bukan Bebas. Majoriti ahli-ahlinya terdiri dari Pengarah-pengarah Bebas.

Lembaga TM boleh melantik mana-mana ahli atau Pengarah Ganti mereka untuk menganggotai JRL, yang keahliannya hendaklah tidak kurang dari tiga orang, termasuk Pengerusi. Majoriti ahli JRL hendaklah Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif (yang mana sekurang-kurangnya seorang ahli mempunyai pengalaman dalam pengurusan risiko). Ahli-ahli JRL hendaklah mempunyai pertimbangan yang wajar, pandangan yang objektif, pendekatan yang bebas, pengalaman di peringkat pengurusan, profesionalisma, integriti dan berpengetahuan tentang industri. JRL mematuhi kesemua peruntukan-peruntukan tersebut.

Sepanjang tahun 2014, keahlian JRL mengalami perubahan-perubahan berikut:

a) Peletakan jawatan Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin sebagai ahli pada 12 Jun 2014; dan
b) Pelantikan Gee Siew Yoong sebagai ahli baru berkuatkuasa 12 Jun 2014.



**Dato' Ibrahim Marsidi**
Pengerusi
*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*



**Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam**
Ahli
*Pengarah Bebas Kanan Bukan Eksekutif*



**Dato' Ir Abdul Rahim Abu Bakar**
Ahli
*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*



**Datuk Seri Fateh Iskandar Tan Sri Dato' Mohamed Mansor**
Ahli
*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*



**Gee Siew Yoong**
Ahli
*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*
*[Dilantik pada 12 Jun 2014]*



**Datuk Bazlan Osman**
Ahli
*Pengarah Eksekutif Bukan Bebas/*
*Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan*

Berikutan peletakan jawatan Tunku Dato' Mahmood Fawzy sebagai ahli JRL, pengarah ganti beliau, Nik Rizal Kamil Tan Sri Nik Ibrahim Kamil turut berhenti sebagai ahli jemputan tetap JRL.

Keahlian dan prestasi kesemua Jawatankuasa Lembaga, termasuk JRL disemak semula secara tahunan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran (JPG) dan Lembaga TM. Tempoh keahlian, prestasi dan keberkesanan struktur dan proses serta akauntabiliti dan tanggungjawab JRL dinilai oleh Lembaga melalui Penilaian Keberkesanan Lembaga (Penilaian Prestasi) yang dikendalikan setiap tahun.

Berdasarkan rumusan Penilaian Prestasi 2014, Lembaga TM bersetuju bahawa ahli-ahli JRL telah melaksanakan tugasan dan tanggungjawab mereka dengan jayanya dan amat berkesan serta memberi nilai tambah kepada Lembaga TM dalam membuat keputusan. Prestasi JRL juga telah meningkat semenjak penubuhannya. Berdasarkan profil ahli yang terdapat di muka surat 94 hingga 98 laporan tahunan ini, ahli-ahli JRL telah berjaya melaksanakan tugasan dan tanggungjawab mereka dengan cemerlang serta saksama.

Sepanjang tahun 2014, JRL juga proaktif dalam membincangkan isu-isu semasa yang berkemungkinan berisiko kepada perniagaan TM seperti pengurusan kesinambungan perniagaan akibat bencana, kecurian kabel dan risiko pelaburan dalam perniagaan. JRL mendapat sokongan sewajarnya daripada Lembaga dalam menjalankan tugas. Laporan perbincangan dan keputusan JRL dikemukakan pada setiap Mesyuarat Lembaga TM.

# Mesyuarat dan Kehadiran

JRL mengadakan empat mesyuarat sepanjang tahun kewangan 2014.

Kehadiran setiap ahli di dalam mesyuarat JRL yang diadakan pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

| Ahli JRL | Mesyuarat JRL | |
|---|---|---|
| | Kehadiran/ Mesyuarat | % |
| Dato' Ibrahim Marsidi | 4/4 | 100.0 |
| Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam | 4/4 | 100.0 |
| Dato' Ir Abdul Rahim Abu Bakar | 3/4 | 75.0 |
| Datuk Seri Fateh Iskandar Tan Sri Dato' Mohamed Mansor | 4/4 | 100.0 |
| Gee Siew Yoong *[Dilantik pada 12 Jun 2014]* | 2/2 | 100.0 |
| Datuk Bazlan Osman | 4/4 | 100.0 |
| Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin *[Meletak jawatan pada 12 Jun 2014]* | 2/2 | 100.0 |

Naib Presiden, Bahagian Jaminan Perniagaan Kumpulan, merangkap Ketua Unit Pengurusan Risiko, hadir di mesyuarat JRL sebagai jemputan tetap. Kehadiran pihak lain, sama ada dari luar atau dalaman TM di sepanjang sesi atau sebahagian daripada sesi mesyuarat adalah atas jemputan JRL mengikut keperluan dan kesesuaian serta dengan keizinan daripada Pengerusi bagi melancarkan urusan JRL.

Setiausaha JRL adalah Setiausaha Syarikat, manakala Bahagian Jaminan Perniagaan Kumpulan bertindak sebagai urus setia mesyuarat-mesyuarat JRL.

# Terma Rujukan

Terma rujukan yang menyatakan kuasa-kuasa, tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab JRL telah digabungkan dalam Piagam Lembaga yang boleh diakses oleh orang awam di laman web rasmi Syarikat di www.tm.com.my.



# Laporan Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah mengiktiraf kepentingan dan keberkesanan Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM) dalam meningkatkan nilai pemegang saham di samping memastikan standard tadbir urus yang tinggi. Penggabungan komitmen yang kuat dan berterusan dari Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan beserta dengan arahan dan pengawasan yang jelas dari semua peringkat kepimpinan, Kumpulan TM melaksanakan pendekatan pengurusan risiko yang menyeluruh untuk mencapai sasaran perniagaan dengan kejutan yang minima.

Polisi dan amalan pengurusan risiko menjadi sebahagian daripada strategi menyeluruh TM untuk menggariskan perkembangan positif dalam lanskap perniagaan telekomunikasi yang berkembang pesat. Lembaga Pengarah terus memastikan pengurusan risiko diinstitusikan secara efektif dan tahap kematangan risiko dipertingkatkan.




**Bahagian Strategik Utama Pengurusan Risiko TM**

## Mengkaji dan Meningkatkan Polisi dan Rangka Kerja

TM telah meletakkan sistem tadbir urus yang teguh merangkumi polisi dan rangka kerja yang satu dan prosedur operasi berlandaskan ISO 31000 standard ERM bagi mencapai pemahaman yang sama dan amalan ERM yang konsisten merentasi Kumpulan TM. Lembaga Pengarah mengkaji secara berterusan polisi ERM dan meningkatkannya sejajar dengan perubahan keperluan perniagaan.

Memandangkan TM menghadapi pelbagai risiko dalam operasi perniagaan, adalah penting untuk mempunyai bukan sahaja polisi risiko dan strategi yang jelas didefinisikan tetapi mempunyai tahap penerimaan risiko yang dinyatakan dengan jelas. Dalam menjalankan pengawasan yang sesuai, Pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah mesti berhadapan dengan persoalan asas mengenai berapa banyak risiko yang diterima dalam mengejar objektif. Dalam proses ini, TM telah menubuhkan tahap penerimaan risiko pematuhan yang standard pada 2014 di bawah tadbir urus risiko. Seterusnya, TM akan berusaha untuk mengukuhkan budaya dan amalan risiko, menyelaraskan risiko dan tahap penerimaan risikonya di peringkat operasi di mana sahaja yang mungkin.

## Struktur Risiko/Akauntabiliti dan Tanggungjawab

Dalam memperbaiki tadbir urus risiko di TM, struktur ERM telah ditubuhkan di setiap bahagian (Fungsi Pusat dan Perniagaan), aliran perniagaan dan anak syarikat. Ini adalah bertujuan menghayati budaya risiko melalui pemilikan risiko dan membawa pelaksanaan ERM di setiap peringkat fungsi. Wakil Sumber ERM (ERM Resource Persons), juga dikenali sebagai Koordinator Risiko (RCs), adalah dilantik di setiap unit perniagaan, dan bertindak sebagai titik hubungan tunggal untuk berhubung secara terus dengan Kumpulan Perniagaan Assurance mengenai perkara berkaitan ERM termasuk serahan laporan secara berkala. Tambahan pula, mereka juga bertanggungjawab untuk membantu Ketua Bahagian untuk mengurus dan mentadbir portfolio risiko unit perniagaan termasuk menyusun, menganjur dan menyelaras program ERM.

## Operasi Risiko

TM terus menerapkan penilaian risiko ke dalam proses perniagaan terasnya dan ke dalam pembangunan dan pelancaran produk dan projeknya. Pengiktirafan dan penilaian risiko membolehkan TM menjalankan langkah-langkah kawalan yang perlu untuk memaksimumkan peluang dan mengurangkan kejadian buruk yang boleh menghalang objektif perniagaan Kumpulan.

Sebagai Penyedia Perkhidmatan Komunikasi, TM menggunakan TM Forum Risk Universe yang diperkenalkan pada 2013, di mana ia berperanan sebagai panduan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurangkan risiko-risiko strategik dan operasi merangkumi seluruh organisasi. Pada 2014, selaras dengan janji yang diketengahkan oleh jenama Kumpulan iaitu Hidup dan Perniagaan Lebih Mudah, penambahan penekanan diberikan untuk mengurangkan risiko yang mempengaruhi pengalaman pelanggan.

Tahun 2014 juga menyaksikan pelaksanaan ERM yang lebih mendalam di anak-anak syarikat TM. Risiko utama dilaporkan dan selanjutnya dibincangkan oleh BRC. Sebagai tambahan, memandangkan pertambahan undang-undang luaran, penilaian risiko ketidakpatuhan undang-undang luaran telah diwajibkan di seluruh Kumpulan untuk memupuk kesedaran dan terlebih dahulu mengurangkan ketidakpatuhan undang-undang. Penambahbaikan telah diperkenalkan dalam proses dan pendekatan penilaian risiko produk dan projek, di mana penilaian sendiri telah digalakkan untuk memupuk pemilikan risiko, kefahaman dan akauntabiliti. Inisiatif-inisiatif ini menunjukkan contoh usaha-usaha TM untuk meningkatkan tahap kematangan risiko.

## Komunikasi Risiko

Bagi mencapai tahap kematangan risiko yang tertinggi, adalah penting untuk memupukkan budaya pengurusan risiko dalam organisasi. Komunikasi ERM dan program latihan berterusan, perundingan dan bengkel telah pun dan akan terus dianjurkan pada tahun ini dan tahun seterusnya, bukan sahaja untuk Wakil Sumber ERM tetapi untuk semua warga kerja Kumpulan.

## Laporan Risiko dan Pemantauan

Apa yang penting dalam program pelaksanaan ERM yang baik adalah persekitaran mudah cara yang membenarkan aliran lancar informasi berkaitan risiko dan telus. Pengurusan Risiko Perniagaan, Pematuhan, Insuran, Insiden dan Sistem Keselamatan Maklumat (MERCIS) akan mengumpul profil risiko termasuk maklumat identiti dan penilaian risiko, serta tahap pendedahan dan pelan tindakan. Ini bertujuan

untuk menambahbaik risiko kebolehlihatan (risk visibility) melalui laporan dan papan pemuka (dashboard) secara automatik, di mana membolehkan TM untuk memantau sebarang kemungkinan bagi mengurangkan kesan-kesan risiko.

Setiap anggota TM, tidak mengira pangkat atau unit perniagaan haruslah menguasai pengurusan risiko yang berdisiplin bagi mencapai kematangan risiko tahap antarabangsa dan global. TM mengharapkan setiap anggota kerja memahami risiko utama Syarikat dan peranan masing-masing untuk menanganinya seterusnya mewujudkan minda di mana risiko adalah "tanggungjawab bersama". TM secara konsistennya akan mengkaji keberkesanan pengurusan risiko perniagaan secara keseluruhan termasuk urus tadbir risiko dan pelaksanaan program risiko bagi meningkatkan tahap kematangan risiko Kumpulan.

# Menguruskan Risiko Operasi

Bagi mencapai aspirasi TM sebagai penyedia perkhidmatan berintegrasi, Kumpulan TM sentiasa terdedah dengan peningkatan pelbagai risiko perniagaan yang kompleks. Oleh itu, amalan pengurusan risiko yang kukuh akan terus dilaksanakan untuk memberikan jaminan yang munasabah kepada pihak berkepentingan bahawa Kumpulan boleh mencapai objektif perniagaan dengan kejutan minimum selain memaksimumkan peluang tanpa sebarang sekatan yang tidak dijangkakan sama ada daripada sumber dalaman atau luaran. Seksyen ini menonjolkan pendedahan risiko utama yang dialami oleh TM, yang dikaji secara berterusan dan diuruskan di bawah program ERM.




## Menguruskan Risiko Persaingan dan Pengurangan Hasil

TM sedar bahawa persaingan dalam industri telekomunikasi menjadi semakin hebat. Maka, TM mengambil pendekatan aktif bagi menghalang risiko-risiko yang berpotensi untuk mengurangkan pasaran saham dan keuntungan Syarikat. Sementara itu, TM turut memperkenalkan inisiatif-inisiatif pengekalan dan kesetiaan untuk meningkatkan pengalaman pelanggan melalui penawaran perkhidmatan dan perkhidmatan selepas-jualan yang cemerlang. Pelbagai kempen diperkenalkan untuk meningkatkan kandungan jalur lebar dan HyppTV selain menaiktaraf langganan bagi membuktikan komitmen TM ke arah mengekalkan kedudukannya sebagai Peneraju Jalur Lebar di Malaysia.

## Memperbaiki Risiko Kredit

Kumpulan terus meningkatkan usaha untuk mengukuhkan polisi dan prosedur pengurusan kredit serta memperbaiki pengurusan kutipan dan olahan akaun delinkuen. Usaha-usaha ini termasuk permohonan had kredit, meningkatkan pengurusan kolateral dan memperbaiki pengurusan kutipan. Kumpulan juga berhubung dengan para pelanggan secara berterusan untuk menggalakkan pembayaran dilakukan dengan kadar segera. Selain itu, usaha untuk menghapuskan penipuan sedang giat dijalankan melalui peningkatan akses keselamatan oleh penjual dan pemasang. Pelaksanaan kawalan ini dijangkakan membolehkan TM mencapai sasaran kutipan dan mengurangkan jumlah keseluruhan hutang lapuk.

## Menguruskan Risiko Ancaman Keselamatan

Menguruskan ancaman keselamatan menjadi fokus utama TM berikutan penggunaan Internet yang semakin meluas, termasuk pendedahan terhadap kecurian kabel, kebocoran maklumat, serangan siber, spam penggodaman dan pencerobohan dan penipuan. Ancaman-ancaman ini diuruskan melalui pelbagai inisiatif termasuk Polisi Urus Tadbir Data, sistem Perlindungan Pembocoran Data dan Pengurusan Keselamatan Korporat termasuk garis panduan untuk menguruskan ancaman keselamatan secara fizikal dan logikal.

## Menguruskan Risiko Kecurian Kabel

Kecurian kabel menjadi kebimbangan, kerana ia bukan sahaja membawa kepada kerugian langsung disebabkan oleh kos yang tinggi berkaitan dengan penggantian kabel yang dicuri, tetapi juga menyebabkan gangguan perkhidmatan dan memberi kesan negatif terhadap pengalaman pelanggan, reputasi Syarikat dan meningkat peralihan pelanggan. Pelbagai inisiatif-inisiatif pencegahan telah dilaksanakan dan dipertingkatkan untuk menangani risiko kecurian kabel termasuk program-program awam dengan kerjasama MERS 999, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang mana dokumentari

mengenai kecurian kabel "Banteras Kecurian Logam" ditayangkan di saluran TV1, TV2, TV3, TV9, HyppTV dan YouTube. TM turut memperkukuhkan sistem, proses dan prosedur-prosedur untuk membenteras salah laku berkaitan isu kecurian kabel serta mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pelaku tersebut.

TM akan terus melaksanakan inisiatif pencegahan kecurian kabel secara tegar dengan kerjasama pihak polis, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Organisasi Bukan Kerajaan (NGOs) dan masyarakat umum.

### Menguruskan Risiko Reputasi

TM terus memantau dan mengurus tindakan, peristiwa atau keadaan yang boleh menjejaskan reputasi Kumpulan. Pada tahun 2014, faktor-faktor risiko seperti amalan tidak beretika, kegagalan mematuhi keperluan peraturan dan undang-undang, atau kegagalan untuk menyampaikan standard minimum perkhidmatan kepada pelanggan, dan tindakan undang-undang berprofil tinggi adalah di bawah kawalan, seperti yang dibuktikan oleh ketiadaan apa-apa laporan negatif media terhadap Kumpulan. Penubuhan Panduan Pencegahan Rasuah adalah bukti usaha berterusan oleh TM untuk memerangi semua bentuk rasuah. Ini disokong oleh maklum balas operasi melalui media sosial dan pembentukan Majlis Pengurusan Perkhidmatan untuk membincangkan dan menangani isu-isu pelanggan dan memantau kawalan-kawalan tersebut.

### Menguruskan Risiko Penipuan Telekomunikasi

Kecanggihan teknologi mendorong kepada pelbagai aktiviti penyalahgunaan dan penipuan oleh pihak ketiga, penjual dan pekerja. TM akan terus memastikan bahawa sistem pengesanan penipuan adalah kukuh untuk membolehkan pengesanan awal penipuan bagi meminimumkan kesan risiko terhadap TM. Kebanyakan daripada aktiviti penipuan boleh dikawal dengan mempertingkatkan kesedaran melalui kerjasama dengan pemilik proses untuk mengkaji semula keseluruhan proses dalam memastikan semua kelemahan dikesan dan ditangani di peringkat awal.

### Mengurus Risiko Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (OSHE)

TM terus komited untuk mewujudkan alam sekitar yang selamat dan sihat kepada para anggotanya, kontraktor, pelanggan dan pihak berkepentingan pada setiap masa. Berusaha mencapai kemalangan sifar, kecederaan atau kemusnahan, TM terus memastikan garis panduan keselamatan dikuatkuasakan secara konsisten di keseluruhan Kumpulan. Pelbagai sesi kesedaran dan pendidikan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan dijalankan untuk pekerja dan kontraktor bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan yang diperlukan tentang bahaya dan kawalan risiko. Selain itu, TM amat berharap supaya semua pekerja, kontraktor dan Anak Syarikat mematuhi sepenuhnya terhadap keperluan sistem pengurusan OSH. Ia juga bertujuan untuk memupuk budaya keselamatan dan kesihatan dengan meletakkan penekanan kepada Sistem Pengurusan OSH (OSH MS), Pelaksanaan Bahaya, Penilaian dan Kawalan Risiko (HIRARC), audit dalaman, penguatkuasaan, pemeriksaan tapak kerja, pematuhan audit dan pengurusan impak/kesan.

### Mengurangkan Risiko Pematuhan

TM meletakkan keutamaan tertinggi dalam memastikan pematuhan kepada arahan, peraturan dan undang-undang, dasar dan prosedur serta kod perilaku dalamannya. Menyedari cabaran di atas. Pengurusan Pematuhan Korporat (CCM) diwujudkan untuk membolehkan TM memenuhi kewajipan pematuhan luarannya. Ini termasuklah penambahan nilai dan kewujudan yang lebih holistik terhadap isu-isu pematuhan korporat dan tindakan pemulihan yang berpusat bagi pengurusan dan operasi. Selain itu, Rangka kerja Pematuhan Korporat yang meliputi pendekatan pematuhan kumpulan, pemantauan, laporan, tindakan pemulihan, latihan dan pendidikan telah diwujudkan.

Dalam usaha untuk memupuk disiplin pematuhan, akauntabiliti dan tanggungjawab pemilikan pematuhan telah ditentukan dengan jelas, didokumenkan dan disampaikan kepada pemilik masing-masing di dalam Kumpulan. Ketua-ketua Aliran Perniagaan (LOB), Fungsi Perniagaan, Fungsi Pusat dan Anak Syarikat bertanggungjawab bagi memastikan tugas utama mereka dilaksanakan mengikut kewajipan yang telah ditetapkan.

## Kesimpulan

Kejayaan pelaksanaan ERM di dalam sesebuah organisasi adalah bergantung kepada penerimaan terhadap pengurusan risiko tersebut. Menyedari hakikat ini, TM akan terus memupuk budaya pengurusan risiko yang terbaik di keseluruhan Kumpulan dengan tujuan untuk mempertingkatkan tahap kematangan risikonya. TM yang sentiasa memahami bahawa pengurusan risiko itu merupakan satu proses yang dinamik akan terus mengkaji keberkesanan program ERMnya untuk mencapai nilai "Hidup/Perniagaan Lebih Mudah".

**DATO' IBRAHIM MARSIDI**
*Pengerusi BRC*

# PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN

Pada tahun 2014, TM terus mengukuhkan program Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) merentasi seluruh organisasi. BCM di TM adalah sebahagian daripada usaha Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM) yang lebih luas untuk memastikan daya tahan perniagaan dengan mengurangkan risiko gangguan perkhidmatan utama yang melibatkan fungsi perniagaan kritikal apabila berlaku bencana alam. Dengan berpandukan metodologi ISO 22301, program BCM kami yang menyeluruh memastikan jaminan kesediaan perkhidmatan empat kawasan berpusat utama yang menjadi tulang belakang operasi Syarikat iaitu Rangkaian, IT, Pusat Panggilan dan Pejabat Korporat.




*Rajah: Kerangka Kesinambungan Perniagaan Pelanggan Yang Dikaji semula*

Untuk mengukuhkan program BCM di seluruh Kumpulan, kami telah membentuk satu pasukan Pejabat Pengurusan Program BCM (PMO) yang cekap dan bertauliah, menjalankan latihan dan ujian yang intensif dengan pasukan BCM dan Pengurusan, serta menggunakan BCM di unit-unit yang berurusan dengan Pelanggan Korporat.

## Pensijilan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan ISO 22301: 2012

Disebabkan oleh sifat kritikal BCM, sistem ini telah diserap sebagai disiplin perniagaan yang mantap, dengan pensijilan ISO 22301 sebagai piawaian emas global yang mengiktiraf rangka kerja pengurusan yang terbaik bagi memastikan konsistensi, kebolehpercayaan dan berdaya majunya program tersebut sebagai mencerminkan komitmen kami mematuhi amalan terbaik BCM, TM sedang berusaha memperoleh pensijilan ISO 22301:2012. Untuk tujuan ini, kami telah melatih anggota-anggota dalam organisasi menjadi profesional BCM dan membentuk, mengurus, melaksana dan memelihara kesinambungan perniagaan sejajar dengan piawaian antarabangsa yang baru ini. Pensijilan ini akan mengesahkan keberkesanan program BCM kami dan dengan demikian membuktikan keupayaan kami menyediakan perkhidmatan secara berterusan kepada pelanggan kami yang dihargai.

## Kajian semula Kesinambungan Perniagaan untuk Pelanggan Korporat

Sebagai sebahagian daripada pelan rancangan untuk tahun 2014, kami telah mengkaji semula Pelan Kesinambungan Perniagaan untuk Pelanggan Korporat untuk digabungkan dengan keperluan kesinambungan perniagaan yang baru. Ini melibatkan Analisis Impak Perniagaan sepanjang rantaian nilai pelanggan korporat. Berdasarkan analisis ini, kami telah memastikan kebergantungan sistem yang optimal, mengatasi keterbatasan proses dan kepelbagaian rangkaian, dengan mengambil kira keupayaan dalaman semasa dan projek penambahbaikan di peringkat operasi.

## Pengurusan Perubahan BCM

Pelan kesinambungan perniagaan TM untuk setiap bidang dikaji semula dan diuji dari semasa ke semasa bagi memastikan kemajuan teknologi terkini digunakan supaya sesuai dengan persekitaran perniagaan yang sentiasa berevolusi di samping perubahan dalam keperluan pengawalseliaan. Kami juga terus menggalakkan kesedaran tentang kesinambungan perniagaan di kalangan anggota dalam Syarikat dengan menitikberatkan pembangunan keupayaan. Menerusi usaha-usaha seumpama ini, kami telah berjaya menubuhkan sebuah Pasukan Tindak Balas Operasi dan Pengurusan Risiko di setiap peringkat di seluruh organisasi.

Pasukan BCM PMO dipimpin oleh Jawatankuasa Pemandu BCM, dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Jawatankuasa ini mengkaji semula, membincang dan meluluskan ketetapan berkaitan dengan pembangunan dan pelaksanaan program-program BCM. Sekiranya berlaku sesuatu bencana, proses pemulihan akan diterajui oleh Pasukan Pengurusan Krisis Korporat (CCMT) yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan yang bertanggungjawab sebagai Pengarah Pemulihan.




*Rajah: Struktur BCM PMC TM*

**Sepanjang tahun 2014, TM telah melaksanakan beberapa inisiatif kesinambungan perniagaan yang ketara di mana ianya melibatkan beberapa kajian semula ke atas pelan dan dokumentasi sedia ada dengan disusuli oleh satu siri latihan atas meja Pelan Kesinambungan Perniagaan.** Latihan tersebut merupakan ujian terhadap keteguhan dan kebolehlaksanaan pelan tersebut serta memastikan Pasukan Operasi Pemulihan dan Pengurusan Krisis membiasakan diri dengan proses-proses berkaitan.

Sepanjang tahun 2014, TM telah melaksanakan beberapa inisiatif kesinambungan perniagaan yang ketara di mana ianya melibatkan beberapa kajian semula ke atas pelan dan dokumentasi sedia ada dengan disusuli oleh satu siri latihan atas meja Pelan Kesinambungan Perniagaan. Latihan tersebut merupakan ujian terhadap keteguhan dan kebolehlaksanaan pelan tersebut serta memastikan Pasukan Operasi Pemulihan dan Pengurusan Krisis membiasakan diri dengan proses-proses berkaitan.

## Melangkah ke hadapan

Kegagalan TM menyediakan perkhidmatan yang berterusan disebabkan oleh tempoh sistem tergendala yang berpanjangan atau gangguan rangkaian bukan sahaja akan memudaratkan pengalaman pelanggan akan mencetuskan kadar perpindahan pelanggan yang tinggi, tetapi ia juga bermakna ketidakpatuhan kepada kriteria pengawalseliaan. Untuk mengurangkan risiko seumpama ini, TM akan terus menambahbaik dan meningkatkan pelan dan program BCM kami.

Bagi membolehkan kesinambungan perniagaan yang efektif dan memastikan keupayaan kesinambungan perniagaan kami yang berterusan, satu program pengurusan perubahan yang menyeluruh sedang dirancang. Pengintegrasian BCM dalam perancangan perniagaan dijangka dapat mengurangkan potensi kerugian sekiranya berlaku bencana serta pada masa yang sama dapat menyelamatkan nyawa dan infrastruktur penting. Di samping itu, pelan pemantauan dan penyelenggaraan yang berkesan dan tersusun telah diwujudkan dengan merangkumi satu siri ujian serta latihan sepanjang tahun 2014 dan disusuli oleh program penambahbaikkan. Oleh kerana setiap unit perniagaan beroperasi dari lokasi yang berbeza, satu pelan kesinambungan perniagaan (BCP) "serba lengkap" tidak semestinya berkesan. Pelan Pemulihan Perniagaan kami akan mengambil kira aspek kepelbagaian akaun serta penemuan Analisis Impak Perniagaan dan BCM ISO 22301:2012.

Sebagai peneraju dalam penawaran penyelesaian teknologi untuk pengurangan risiko bencana, TM berupaya memainkan peranan penting dalam membina sebuah masyarakat yang berdaya tahan. Kami percaya bahawa komitmen TM dalam memastikan kesinambungan perniagaan kami akan menyumbang pada skala yang lebih besar ke arah sebuah negara yang mampan.

# MAKLUMAT PEMATUHAN TAMBAHAN

MAKLUMAT PEMATUHAN TAMBAHAN MENGIKUT LAMPIRAN 9C KEPERLUAN PENYENARAIAN PASARAN UTAMA (KEPERLUAN PENYENARAIAN UTAMA) BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD (BURSA SECURITIES)

Maklumat berikut disediakan bagi mematuhi Keperluan Penyenaraian Utama Bursa Securities:

## 1.0 PENGGUNAAN PEROLEHAN DARIPADA CADANGAN-CADANGAN KORPORAT

Di sepanjang tahun kewangan, Syarikat telah menerbitkan beberapa Nota Islam Jangka Sederhana (IMTN) sebagai sebahagian daripada Kertas Komersil Islam (ICP)/IMTN yang diluluskan pada tahun 2013. Ringkasan urus niaga dan penggunaan perolehan adalah seperti berikut:

| Tarikh Terbitan | Jenis | Nilai Nominal (RM juta) | Tarikh Matang | Penggunaan Perolehan |
|---|---|---|---|---|
| 21 Mac 2014 | IMTN | 300 | 21 Mac 2024 | Untuk kegunaan perbelanjaan modal dan keperluan operasi perniagaan |
| 27 Jun 2014 | IMTN | 300 | 27 Jun 2024 | Untuk kegunaan perbelanjaan modal dan keperluan operasi perniagaan |
| 7 Oktober 2014 | IMTN | 300 | 7 Oktober 2024 | Untuk kegunaan perbelanjaan modal dan keperluan operasi perniagaan |
| 22 Disember 2014 | IMTN | 300 | 20 Disember 2024 | Untuk kegunaan perbelanjaan modal dan keperluan operasi perniagaan |

*[Disediakan menurut perkara 13, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]*

## 2.0 PEMBELIAN BALIK SAHAM

Syarikat tidak membuat sebarang cadangan pembelian balik saham dalam tahun kewangan ini.

*[Disediakan menurut perkara 14, Bahagian A, Lampiran 9C dan Perenggan 12.23, Lampiran 12D, Keperluan Penyenaraian Utama]*

## 3.0 OPSYEN ATAU SEKURITI BOLEH TUKAR

Syarikat tidak menawarkan sebarang opsyen atau sekuriti boleh tukar dalam tahun kewangan ini.

*[Disediakan menurut perkara 15, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]*

## 4.0 PROGRAM PENERIMAAN DEPOSITORI

Syarikat tidak menaja sebarang program Penerimaan Depositori dalam tahun kewangan ini.

*[Disediakan menurut perkara 16, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]*

## 5.0 PENGENAAN SEKATAN/ PENALTI

Tiada sekatan awam dan/atau penalti yang dikenakan ke atas Syarikat atau anak-anak syarikat, pengarah-pengarah atau pihak pengurusannya oleh badan-badan kawal selia yang berkaitan dalam tahun kewangan ini.

*[Disediakan menurut perkara 17, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]*

## 6.0 YURAN BUKAN AUDIT

Jumlah yuran bukan audit yang dibayar oleh Kumpulan kepada juruaudit luar, Tetuan PricewaterhouseCoopers (PwC) dan syarikat-syarikat bersekutunya dalam tahun kewangan adalah RM5,043,000.

Perkhidmatan yang diberikan oleh PwC tidak dilarang oleh keperluan kawal selia atau badan profesional lain, dan adalah berdasarkan garis panduan amalan global berhubung dengan kebebasan juruaudit. PwC dilantik untuk menyediakan perkhidmatan berkaitan berdasarkan kepakaran dan pengalaman mereka, beserta mempunyai pengetahuan mengenai perniagaan Kumpulan TM. Pelantikan mereka sejajar dengan tadbir urus dan polisi Kumpulan dengan mengambil kira proses dan keperluan yang tercatat di dalam Piagam Lembaga berkaitan dengan terma rujukan Jawatankuasa Audit Lembaga.

Di samping itu, pelantikan tersebut dibuat demi kepentingan pemegang-pemegang berkepentingan Kumpulan dari segi kualiti, harga dan kecekapan.

*[Disediakan menurut perkara 18, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]*

## 7.0 PERBEZAAN KEPUTUSAN KEWANGAN

Tiada anggaran, ramalan atau unjuran keuntungan dibuat atau diumumkan oleh Syarikat dalam tahun kewangan ini.

*[Disediakan menurut perkara 19, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]*

## 8.0 JAMINAN KEUNTUNGAN

Syarikat tidak memberi sebarang jaminan keuntungan dalam tahun kewangan ini.

*[Disediakan menurut perkara 20, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]*

## 9.0 KONTRAK MATERIAL MELIBATKAN KEPENTINGAN PENGARAH DAN PEMEGANG SAHAM UTAMA

Tiada kontrak material atau kontrak berkaitan dengan pinjaman yang dimeteraikan oleh Syarikat dan/atau anak syarikatnya melibatkan kepentingan pengarah-pengarah atau pemegang saham utama yang masih berkuatkuasa setakat 31 Disember 2014 atau dimeteraikan sejak akhir tahun kewangan sebelumnya berakhir 31 Disember 2013.

*[Disediakan menurut perkara 21 dan 22, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]*

## 10.0 PENYENARAIAN HARTANAH

Pada 3 Mei 2002, Syarikat telah mendapat pelepasan Bursa Securities daripada mengemukakan butiran hartanah Syarikat bagi Laporan Tahunan 2001 dan laporan-laporan tahunan berikutnya. Pelepasan tersebut masih sah sehingga kini.

Nilai buku bersih tanah dan bangunan serta penggunaan hartanah bagi tahun kewangan 31 Disember 2014 dinyatakan pada muka surat 392 dan 393 laporan tahunan ini.

*[Disediakan menurut perkara 25, Bahagian A, Lampiran 9C, Keperluan Penyenaraian Utama]*

## 11.0 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN YANG BERULANG YANG BERBENTUK HASIL ATAU DAGANGAN (UPBB)

Pada Mesyuarat Agung Luarbiasa Syarikat yang diadakan pada 8 Mei 2014, Syarikat telah memperoleh mandat am daripada para pemegang saham bagi UPBB yang melibatkan Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya (Mandat UPBB). Mandat UPBB tersebut berkuatkuasa sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat ke-30 yang akan diadakan pada 30 April 2015.

Menurut Perenggan 10.09(2)(b) dan Perenggan 3.1.5 Nota Amalan 12 Keperluan Penyenaraian Utama, butiran UPBB yang dijalankan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 menurut Mandat UPBB tersebut adalah seperti berikut:

| Syarikat-syarikat dalam Kumpulan yang terlibat | Pihak-pihak Berkaitan | Pemegang Saham Utama/Pengarah yang Berkepentingan | Bentuk Hubungan | Bentuk UPBB | Nilai Urus Niaga (RM'000) |
|---|---|---|---|---|---|
| TM dan/atau anak-anak syarikatnya | Axiata Group Berhad (Axiata) dan/atau anak-anak syarikatnya (Kumpulan Axiata) | Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Dato' Fauziah Yaacob, Dato' Siti Zauyah Md Desa, Eshah Meor Suleiman, Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin dan Nik Rizal Kamil Tan Sri Nik Ibrahim Kamil | Selain kepentingan mereka di dalam TM, MKD dan Khazanah mempunyai pegangan saham langsung dan tidak langsung sebanyak 38.70% di dalam Axiata.<br><br>Dato' Fauziah adalah wakil MKD dalam Lembaga Pengarah TM. Dato' Siti Zauyah merupakan Pengarah Ganti beliau yang telah dilantik pada 5 November 2014.<br><br>Puan Eshah merupakan mantan Pengarah Ganti kepada Dato' Fauziah. Beliau dilantik pada 4 Mac 2013 dan meletak jawatan pada 31 Oktober 2014. | <u>Hasil</u> | |
| | | | | – Hasil sambungtara daripada Kumpulan Axiata. | 37,013 |
| | | | | – Perkhidmatan berkaitan Suara Melalui Protokol Internet (VOIP) kepada Kumpulan Axiata. | 66,311 |
| | | | | – Perkhidmatan kos litar suwa kepada Kumpulan Axiata. | 26,224 |
| | | | | – Perkhidmatan berkaitan data dan lebar jalur oleh TM kepada Kumpulan Axiata. | 52,330 |
| | | | | – Sewa tapak bagi prasarana dan kelengkapan telekomunikasi dan bayaran oleh Kumpulan TM kepada Celcom Axiata Berhad (Celcom). | 49,111 |
| | | | | – Perkhidmatan akses Internet dan jalur lebar kepada Celcom. | 75 |
| | | | | – Penyediaan perkhidmatan pusat hubungan dan proses perniagaan sumber luar kepada Kumpulan Axiata oleh VADS Berhad (VADS). | 63,430 |
| | | | | – Penyewaan teras gentian optik dan penyediaan jalur lebar kepada Celcom oleh Fiberail Sdn Bhd. | 7,880 |

| Syarikat-syarikat dalam Kumpulan yang terlibat | Pihak-pihak Berkaitan | Pemegang Saham Utama/Pengarah yang Berkepentingan | Bentuk Hubungan | Bentuk UPBB | Nilai Urus Niaga (RM'000) |
|---|---|---|---|---|---|
| *Samb.* | | | Tunku Dato' Mahmood Fawzy merupakan wakil Khazanah dalam Lembaga TM. Nik Rizal Kamil adalah Pengarah Ganti beliau. | – Penyediaan dan penjualan fiber gelap, lebar jalur, ruang dan kemudahan kepada Celcom oleh Fibrecomm Network (M) Sdn Bhd (Fibrecomm). | 9,554 |
| | | | | – Penyewaan premis pejabat kepada Kumpulan Axiata. | 14,661 |
| | | | | Kos | |
| | | | | – Caj sambungtara oleh Kumpulan Axiata. | 41,737 |
| | | | | – Caj litar suwa oleh Kumpulan Axiata. | 2,196 |
| | | | | – Caj fiber gelap dan litar suwa kepada Fibrecomm oleh Celcom. | 1,279 |
| | | | | – Caj berkaitan VOIP oleh Kumpulan Axiata. | 48,568 |
| | | | | – Sewa utama dan perkhidmatan mudah alih oleh Celcom kepada Kumpulan TM. | 2,433 |
| | | | | **JUMLAH** | **422,802** |
| TM dan/atau anak-anak syarikat TM | Astro Malaysia Holdings Berhad (AMH) dan anak-anak syarikatnya (Kumpulan AMH) | Khazanah, Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin dan Nik Rizal Kamil Tan Sri Nik Ibrahim Kamil | Selain pegangan saham di dalam TM, Khazanah merupakan pemegang saham utama AMH dengan pegangan tidak langsung sebanyak 20.72%. | Hasil | |
| | | | | – Penyediaan perkhidmatan pusat data oleh VADS kepada Kumpulan AMH. | 1,429 |
| | | | | – Penyediaan akses internet, jalur lebar dan litar fiber kepada Kumpulan AMH. | 3,728 |
| | | | Tunku Dato' Mahmood Fawzy merupakan wakil Khazanah dalam Lembaga TM. Nik Rizal Kamil adalah Pengarah Ganti beliau. | – Penyediaan perkhidmatan produk Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), penghantaran radio dan keterhubungan oleh TM kepada Kumpulan AMH. | 11,717 |
| | | | | – Komisyen kutipan bayaran yang dibuat oleh pelanggan-pelanggan Kumpulan AMH. | 831 |
| | | | | Kos | |
| | | | | – Penyediaan kandungan oleh Kumpulan AMH kepada Kumpulan TM. | 63,273 |
| | | | | **JUMLAH** | **80,978** |

# INTEGRITI KORPORAT



*Felo Integriti TM.*

TM terus komited memerangi rasuah untuk memperkukuhkan integriti anggota dan rakan kongsi perniagaan melalui amalan-amalan yang terbaik. Syarikat telah menganjurkan pelbagai program dan inisiatif secara berterusan yang menggariskan etika perniagaan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman terhadap integriti korporat. Syarikat juga telah terus memacu usaha untuk mengukuhkan tadbir urus, dasar dan prosedur bagi tujuan meningkatkan ketelusan, kecekapan dan kebertanggungjawaban. Pada masa yang sama, kami terus mengambil tindakan terhadap amalan-amalan tidak beretika selain menggalakkan penggunaan Talian Etika TM.

Pada tahun 2014, inisiatif-inisiatif dan program-program berikut telah dianjurkan bagi membangunkan amalan-amalan integriti dengan lebih mendalam.

## 1. Hari Integriti @ Di Hati TM

Syarikat membuka lembaran tahun 2014 dengan buat julung kalinya telah menganjurkan Minggu Integriti TM yang bermula dari 13-16 Januari. Ia menjadi sebahagian daripada beberapa inisiatif lain untuk menyemai nilai-nilai teras syarikat di seluruh Kumpulan, dan Kewibawaan Tanpa Kompromi (*"Uncompromising Integrity"*) secara khususnya. Program ini mencerminkan komitmen TM dalam mematuhi tadbir urus yang baik dan memenuhi tanggungjawab kami terhadap pelabur serta pihak berkepentingan lain. Ia juga adalah selaras dengan Pelan Integriti Nasional (NIP) yang diperkenalkan pada tahun 2004 yang bertujuan membina sebuah masyarakat yang bersatu, berharmoni, bermoral serta beretika. Pada minggu tersebut, Forum Integriti TM turut dianjurkan di mana isu-isu yang berkaitan dengan integriti korporat telah diperbincangkan.

Sempena Hari Anti-Rasuah Antarabangsa pada 9 Disember 2014, kami telah menganjurkan Hari Integriti @ Di Hati TM yang merangkumi forum khas yang berjudul *"Uncompromising Integriti: Speaking Difficult Truth"*. Dalam forum yang turut dihadiri oleh pihak Pengurusan ini, isu-isu berkaitan dengan rasuah dan tadbir urus individu turut dibincangkan. Di samping itu, 150 orang Felo Integriti TM telah diperkenalkan kepada para anggota kerja dan salinan Panduan Pencegahan Rasuah TM yang baru diterbitkan turut diedarkan. Sepanjang minggu itu, kami juga telah mempamerkan Perjalanan Integriti TM serta inisiatif-inisiatif pembendungan rasuah oleh Kerajaan dan *Transparency International Malaysia*.

## 2. Felo Integriti TM

Untuk mengukuh tadbir urus dan etika perniagaan kami selanjutnya, TM telah melancarkan program untuk melatih kira-kira 200 anggota sebagai Felo Integriti. Felo ini ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang etika dan integriti yang akan mereka sebarkan ke seluruh Kumpulan. Tujuannya ialah untuk mewujudkan felo-felo yang dipilih dari bahagian-bahagian yang berlainan di mana setiap ketua bahagian akan mencalonkan wakil-wakil dari kalangan pasukan kerja masing-masing. Felo Integriti akan meliputi semua peringkat bermula dari peringkat bawah hingga ke Pengurusan Kanan, termasuk peringkat Naib Presiden Negeri dan Pengurus Besar Negeri.

Mereka bukan sahaja akan memainkan peranan sebagai sumber rujukan atau titik sentuhan untuk semua perkara yang berkaitan dengan etika dan integriti korporat tetapi akan juga mengendalikan program serta acara dengan tujuan menyebar inisiatif-inisiatif yang dijalankan di Ibu Pejabat kepada bahagian masing-masing. Untuk memantapkan pengetahuan diri, mereka akan menghadiri sesi-sesi perkongsian dan pemantapan tentang etika dan integriti yang dikendalikan oleh pakar-pakar dari dalam negeri dan antarabangsa.

## 3. Panduan Pencegahan Rasuah TM

TM mengamalkan toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah dan komited terhadap mengendalikan perniagaan kami dengan cara yang terbuka, jujur serta beretika. Penerbitan Panduan Pencegahan Rasuah (ACG) mencerminkan komitmen ini. Panduan ini bertujuan sebagai pelengkap kepada Kod Etika Perniagaan kami yang juga melarang dengan tegas semua bentuk sogokan dan rasuah.

ACG memberi garis panduan kepada para anggota kerja serta rakan kongsi perniagaan kami seperti berikut:

a. Kenyataan dasar dan garis panduan berkaitan permintaan yang tidak wajar, sogokan dan aktiviti rasuah lain serta isu-isu yang mungkin berbangkit dalam urusan perniagaan.
b. Undang-undang yang berkaitan dengan rasuah tidak terhad kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan Kanun Keseksaan (Akta 574).
c. Contoh-contoh situasi dan soalan hipotetikal untuk menambah kefahaman tentang tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku sebarang kejadian yang berkaitan dengan sogokan atau rasuah.
d. Tanda-tanda jelas yang penting yang perlu diteliti supaya dapat mengenal, mengesan dan mengelak daripada amalan rasuah.

## 4. Portal Sumber Etika & Integriti

TM telah mencipta satu laman portal Sumber Etika & Integriti (EIRP) sebagai platform perkongsian pengetahuan, serta memudahkan kerja rujukan oleh anggota kerja terhadap dokumentasi atau maklumat mengenai etika dan integriti.

Portal ini bakal memainkan peranan penting dalam memperluas dan meningkatkan komunikasi dalaman serta pengetahuan setempat tentang etika dan integriti. Ia adalah juga gerbang pengetahuan untuk para pengguna dengan menyampaikan maklumat tentang amalan-amalan etika dan integriti di TM, sambil menyiarkan berita serta acara terkini yang berkaitan dengan penyebaran etika dan integriti. Portal ini seterusnya akan menjadi platform yang membolehkan para Felo Integriti saling berkenalan, berbincang dan memberi pengemaskinian tentang tajuk-tajuk yang berkaitan serta membangkitkan sebarang kemusykilan atau soalan tentang etika dan integriti.

EIRP juga menyediakan pautan kepada borang e-Pemberian Maklumat di samping membolehkan anggota kerja mengisytihar sebarang hadiah yang mereka terima melalui borang Pengisytiharan Hadiah dalam talian.

## 5. Kaji selidik Integriti Perniagaan TM 2014

Sebagai sebahagian daripada inisiatif integriti TM, Kaji selidik Integriti Perniagaan TM 2014 telah dijalankan pada bulan November dengan bantuan *Transparency International Malaysia*. Tujuannya ialah untuk menilai kekuatan, kesempurnaan dan keberkesanan amalan-amalan etika dan integriti TM. Pada masa yang sama, kaji selidik itu akan membuat taksiran sama ada dasar dan prosedur semasa adalah mencukupi untuk operasi perniagaan dan telah disebarkan dengan mencukupi kepada anggota kerja dan rakan kongsi perniagaan. Perolehan dari kaji selidik ini akan membolehkan TM menambahbaik amalan-amalan etika dan integritinya.

## 6. Projek *'Giveaway 2"*

Pada tahun 2013, TM telah berjaya melaksanakan *Projek Giveaway* yang pertama di mana semua *hamper* atau hadiah musim perayaan yang dihantar kepada Lembaga Pengarah dan anggota kerja semasa Hari Raya Aidilfitri telah didermakan kepada organisasi-organisasi amal yang layak menerimanya, orang perseorangan, termasuk anggota bukan eksekutif yang bekerja shif di pusat-pusat panggilan serta pusat-pusat pengurusan data kami.

Pada tahun 2014, kami telah memaklumkan semua rakan kongsi perniagaan supaya tidak menghantar *hamper*/hadiah kepada Lembaga Pengarah serta anggota kerja di seluruh negara. Semua *hamper*/hadiah yang dihantar kepada premis-premis TM tidak akan diterima. Dalam beberapa kejadian di mana penghantar masih mahu meninggalkan *hamper*/hadiah di premis kami, hadiah itu telah diderma kepada organisasi-organisasi amal dan surat-surat akuan terima telah kemudiannya dikemukakan kepada semua penghantar asal. Usaha ini membuktikan komitmen Syarikat dalam menjunjung nilai Kristal kami iaitu Kewibawaan Tanpa Kompromi, dan dengan harapan ia dapat menyemai piawaian integriti yang tertinggi dan tadbir urus yang baik di seluruh Kumpulan.

Amalan untuk tidak menerima sebarang *hamper*/hadiah daripada rakan kongsi perniagaan akan juga dipatuhi semasa sambutan perayaan-perayaan lain di Malaysia. Satu notis yang menyatakan pendirian kami tidak menerima hadiah daripada rakan kongsi perniagaan akan dipaparkan di kaunter penyambut tetamu di semua bangunan TM sepanjang perayaan-perayaan tersebut.

Pada tahun 2014, TM juga meneruskan semua program dan inisiatif integriti yang dimulakan pada tahun 2013. Ini termasuk:

## Berkomunikasi, Berkomunikasi, Berkomunikasi

Komunikasi yang kerap dan berkesan adalah penting sebagai peringatan tentang perilaku yang boleh diterima dan tidak boleh diterima dalam perniagaan harian. Selaras dengan ini, komunikasi yang berterusan mengenai pengekalan tahap etika dan integriti yang tinggi telah dijalankan sepanjang tahun melalui saluran-saluran komunikasi dalaman temasuk coretan, senario, dialog, garis panduan, berita semasa dan terkini supaya kesedaran dikekalkan pada tahap yang tinggi.

## Pemimpin Menyuarakan Pendirian – Mesej Pengurusan

*"Pendirian pucuk pimpinan"* menentukan kepimpinan dan komitmen Pengurusan terhadap perilaku keterbukaan, kejujuran, integriti serta etika. Pendirian pucuk pimpinan ini disuarakan oleh semua peringkat Pengurusan dan memberi kesan ke atas semua anggota kerja. Jika pendirian pucuk pimpinan mengutamakan kejujuran, integriti dan etika, anggota kerja akan lebih cenderung ke arah menjunjung nilai-nilai yang sama.

Sepanjang tahun 2014, nilai-nilai ini telah disampaikan secara berterusan melalui sesi Penglibatan Anggota dengan Ketua Pegawai Eksekutif melalui program Jom Bersama. Semasa musim perayaan, mesej telah disampaikan kepada semua anggota kerja sebagai peringatan terhadap polisi tidak menerima sebarang hadiah oleh TM. Dalam Sesi-sesi pendekatan, para pemimpin bahagian telah berkongsi mesej peribadi tentang etika dan integriti yang berkaitan dengan sifat perniagaan masing-masing.

## Program *'Reaching Out'*

Sepanjang tahun 2014, TM telah menganjurkan sesi-sesi pendekatan yang berkaitan dengan etika dan integriti meliputi lebih daripada 13,000 anggota kerja merangkumi bidang-bidang Perniagaan, operasi negeri dan anak-anak syarikat.

Semasa sesi ini, kami telah membincang perkara-perkara yang berkaitan dengan penghayatan nilai Kristal Syarikat iaitu Kewibawaan Tanpa Kompromi, berkongsi maksud dan prinsip etika serta integriti dari perspektif TM. Kami juga memberi penekanan kepada Kod Etika Perniagaan, perjalanan TM dalam meningkatkan nilai-nilai integriti, integriti di tempat kerja (tugas yang beramanah dan berkesetiaan), memberi nafas baru melalui cerita-cerita yang berkaitan dengan perilaku beretika dan integriti dalam sesebuah organisasi. Anggota kerja juga diingatkan tentang Talian Etika TM yang memberi mereka satu saluran yang selamat untuk melapor perilaku perniagaan yang salah dari segi undang-undang, tidak beretika dan tidak munasabah yang membawa kesan kepada Syarikat.

Sesi-sesi pendekatan ini telah mendapat sambutan yang baik serta menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam terhadap etika dan integriti. Ia juga menegaskan kewajipan anggota kerja terhadap menjaga piawaian integriti dan kebertanggungjawaban yang tinggi.

## Penyemaian Integriti Melalui Platform Keagamaan

Seruan agama telah terbukti berkesan dalam memerangi rasuah dan meningkatkan integriti. Mengikut hukum Islam, sebarang perolehan yang tidak beretika, tidak bermoral dan haram diberi tegahan dengan setegasnya. Nabi Muhammad S.A.W meletakkan dosa yang sama berat ke atas pemberi dan penerima rasuah serta orang perantaraannya. Kami percaya bahawa ajaran dan mesej agama tentang integriti serta kebencian terhadap semua bentuk rasuah patut diperkukuhkan di tempat kerja kerana para anggotalah yang bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung dalam menjaga dan meningkatkan integriti Syarikat.

Pada tahun 2014, satu forum yang bertajuk *"Mencari Keberkatan Rezeki"* telah dianjurkan dengan melibatkan cendikiawan agama yang terkenal membincangkan apa maksudnya rezeki atau pendapatan yang diberkati dan bagaimana hendak memperolehnya. Mesej tentang etika dan integriti telah disampaikan melalui khutbah agama di Surau Menara TM dan syarahan-syarahan agama di peringkat negeri.

## Pengisytiharan Aset dan Kepentingan

Demi memastikan ketelusan dan integriti dalam urusan perniagaan harian, semua anggota kerja dan Pengurusan TM diwajibkan mengisytiharkan setiap tahun, aset dan kepentingan mereka termasuk perniagaan keluarga, kepada Ketua Pegawai Modal Insan, Pengurusan Modal Insan Kumpulan. Pengisytiharan ini hendaklah dibuat melalui Sistem Pengisytiharan Aset dan Kepentingan Secara Dalam Talian yang terletak dalam *"Portal Sharepoint TM"* mengikut Fasal 12.12 Kod Etika Perniagaan. Pada tahun 2014, tidak kurang daripada 99.9% anggota kerja dalam TM telah mengisytiharkan aset dan kepentingan mereka.

## Perkongsian Pengetahuan

Pada tahun 2014, TM meneruskan tradisi untuk menganjurkan dan menghadiri sesi perkongsian maklumat yang berkaitan mengenai integriti dengan kerjasama jabatan-jabatan Kerajaan, syarikat-syarikat milik kerajaan dan syarikat yang berkaitan Kerajaan.

# Prestasi kami dimantapkan

Mencatat keputusan kewangan dan perniagaan yang mantap sentiasa menjadi sasaran kami bagi memastikan pertumbuhan berterusan. Inovasi dalam semua aspek: teknologi, produk, proses – besar atau kecil – akan melonjak dan meluaskan jangkauan kami. Dengan merangka strategi-strategi yang berkesan, kami bakal memacu perniagaan yang lebih cemerlang dan mampan.






PENC
PERUB

CETUS
BAHAN

# ULASAN PRESTASI

166 Ulasan Kewangan Kumpulan
170 Penyata Nilai Tambah
171 Pengagihan Nilai Tambah
173 Produk & Perkhidmatan Kumpulan TM

# ULASAN KEWANGAN KUMPULAN

## Hasil Kendalian

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, hasil Kumpulan meningkat sebanyak 5.7% kepada RM11,235.1 juta daripada RM10,628.7 juta yang dicatatkan pada tahun 2013 walaupun menghadapai persekitaran persaingan yang semakin meningkat. Pertumbuhan hasil ini dipacu oleh peningkatan hasil Internet dan multimedia, data dan perkhidmatan berkaitan telekomunikasi yang lain, yang secara kolektif mewakili 66.4% daripada hasil Kumpulan.

### Perkhidmatan Internet dan multimedia

Mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju jalur lebar Malaysia, asas pelanggan jalur lebar Kumpulan telah meningkat kepada 2.23 juta, dipacu oleh UniFi yang mencatatkan peningkatan asas pelanggan yang kukuh sebanyak 14.8% kepada 729,048 pelanggan sehingga penghujung tahun daripada 634,809 pada akhir tahun 2013. 2014 juga telah menyaksikan lebih banyak penaiktarafan pakej kepada kelajuan yang lebih tinggi iaitu 4Mbps dan ke atas, menjadikan 48.0% daripada pelanggan kami pengguna jalur lebar berkelajuan tinggi. Pertumbuhan yang berterusan juga dapat dilihat dari peningkatan bilangan pembelian untuk Saluran Premium serta Video Atas Permintaan (VOD) yang membawa kepada Purata Hasil Per Pengguna (ARPU) yang lebih tinggi bagi UniFi dan Streamyx. Gabungan faktor-faktor ini telah menyumbang kepada pertumbuhan perkhidmatan Internet dan multimedia yang kukuh sebanyak 11.9% kepada RM2,995.1 juta pada tahun 2014 daripada RM2,676.4 juta pada tahun 2013.

Selaras dengan pencapaian hasil yang lebih tinggi, perkhidmatan Internet dan multimedia telah menyumbang sebanyak 26.6% kepada hasil kendalian Kumpulan, berbanding dengan 25.2% pada tahun kewangan sebelumnya.

### Perkhidmatan data

Perkhidmatan data terutamanya yang merangkumi perkhidmatan litar suwa, perkhidmatan Ethernet, IPVPN dan IP, meningkat sebanyak 3.7% pada tahun kewangan semasa kepada RM2,606.0 juta berbanding dengan RM2,512.3 juta pada tahun 2013. Pertumbuhan ini adalah dipacu terutamanya oleh permintaan terhadap jalur lebar yang berterusan serta peningkatan langganan di kedua-dua peringkat borong dan runcit dalam spektrum pasaran. Kontrak-kontrak jangka panjang yang utama juga turut menyumbang kepada aliran hasil bagi Kumpulan daripada segmen ini.

Perkhidmatan data telah menyumbang sebanyak 23.2% kepada hasil kendalian Kumpulan pada tahun 2014, lebih rendah sedikit berbanding dengan 23.7% pada tahun 2013.




### Perkhidmatan berkaitan telekomunikasi yang lain

Keyakinan terhadap keupayaan Kumpulan menyampaikan manfaat dalam projek-projek telekomunikasi dan perkhidmatan berkaitan yang lain adalah jelas dengan peningkatan berterusan dalam hasil yang dilaporkan daripada segmen hasil ini sebanyak 26.1% kepada RM1,864.7 juta pada tahun kewangan ini berbanding RM1,478.3 juta pada tahun 2013. Hasil daripada segmen ini diperolehi terutamanya daripada projek-projek pelanggan, selenggaraan, penyiaran, pemulihan kabel dasar laut, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) terurus, penyumberluaran proses perniagaan dan perkhidmatan komunikasi nilai tambah yang ditingkatkan. Pengambilalihan anak syarikat baru iaitu GTC Global Sdn Bhd dalam tahun kewangan ini telah melengkapi selanjutnya portfolio dan penawaran perkhidmatan Kumpulan, terutamanya dalam hasil projek pengawasan yang telah memberi sumbangan tambahan kepada pertumbuhan hasil Kumpulan. Anak-anak syarikat lain yang sedia ada seperti Kumpulan VADS Berhad dan GITN Sdn Berhad juga telah melaporkan pertumbuhan hasil yang berterusan untuk segmen ini.

Seiring dengan pertumbuhan hasil, sumbangan segmen ini kepada hasil kendalian Kumpulan juga telah meningkat kepada 16.6% daripada 13.9% pada tahun kewangan sebelumnya.




### Perkhidmatan bukan berkaitan telekomunikasi

Perkhidmatan bukan berkaitan telekomunikasi mencatatkan pengurangan hasil sebanyak 12.8% daripada RM344.0 juta pada tahun 2013 kepada RM300.1 juta pada tahun 2014. Pengurangan hasil dalam segmen ini yang merangkumi perkhidmatan daripada anak-anak syarikat yang tertumpu kepada pendidikan, percetakan dan penerbitan direktori, pembangunan hartanah dan perdagangan peralatan premis pelanggan, disebabkan terutamanya oleh hasil yang lebih rendah daripada pelupusan tanah oleh sebuah anak syarikat milik penuh walaupun terdapat peningkatan hasil daripada anak syarikat yang menangani kluster pendidikan menerusi Universiti Telekom Sdn Bhd.

Sumbangan kepda hasil kendalian Kumpulan pada tahun 2014 adalah sebanyak 2.6%, lebih rendah daripada 3.2% yang dicatatkan pada tahun 2013.

### Perkhidmatan suara

Hasil daripada perkhidmatan suara berjumlah RM3,469.2 juta, susut sebanyak 4.1% berbanding dengan jumlah RM3,617.7 juta yang dicatatkan pada tahun 2013. Merangkumi hasil daripada telefoni perniagaan termasuk ISDN, sambung tara dan penerimaan antarabangsa serta telefoni kediaman, pengurangan hasil dalam segmen perkhidmatan suara adalah disebabkan oleh pengurangan dalam minit penggunaan suara borong tempatan dan antarabangsa serta pelarasan yang tidak menguntungkan untuk talian perkhidmatan dalaman. Hasil yang lebih rendah ini telah mengurangkan sumbangan perkhidmatan suara kepada hasil Kumpulan daripada 34.0% pada tahun 2013 kepada 30.9% pada tahun 2014.

# Kos Kendalian

Kos kendalian Kumpulan telah meningkat sebanyak 7.6% daripada RM9,378.3 juta pada tahun 2013 kepada RM10,095.1 juta pada tahun 2014. Kos selenggaraan, kos anggota, kos bekalan dan bahan adalah antara penyumbang kepada peningkatan di samping dasar pengendalian kredit yang lebih ketat yang dilaksanakan pada tahun 2014.

### Susut nilai, pengurangan nilai dan pelunasan

Kumpulan caj-caj ini yang terdiri daripada susut nilai, pengurangan nilai dan hapus kira hartanah, loji dan peralatan (PPE) serta pelunasan aset tak ketara, telah meningkat sebanyak 8.4% daripada RM2,159.7 juta pada tahun 2013 kepada RM2,341.3 juta pada tahun 2014 disebabkan terutamanya oleh caj susut nilai yang lebih tinggi daripada asas aset yang lebih besar dan penambahan pada tahun kewangan di mana ianya perlu khususnya bagi menyokong perkembangan hasil dan projek-projek pelanggan yang semakin bertambah. Pengambilalihan Packet One Networks Sdn Bhd (P1) yang berintensif aset sebagai anak syarikat pada tahun kewangan, juga menyumbang kepada peningkatan ini. Faktor-faktor penyumbang lain adalah termasuk caj-caj berkaitan dengan penghapusan disebabkan oleh kecurian kabel serta peruntukan hapus kira untuk aset-aset yang musnah akibat banjir yang berlaku pada akhir tahun kewangan.

Sebagai sebahagian daripada kos keseluruhan Kumpulan, susut nilai, pengurangan nilai dan pelunasan merupakan 23.2% daripada kos kendalian keseluruhan, satu peningkatan marginal daripada 23.0% pada tahun 2013.

### Kos anggota

Kos anggota bagi Kumpulan telah meningkat sebanyak 6.0% daripada RM2,369.7 juta pada tahun 2013 kepada RM2,511.9 juta pada tahun 2014 disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang lebih tinggi dalam gaji daripada kenaikan tahunan dan peruntukan sekaligus untuk Skim MESRA, iaitu satu skim persaraan opsyenal bagi anggota yang berumur 55 tahun dan ke atas pada 31 Disember 2014. Kos anggota menyumbang sebanyak 24.9% kepada kos kendalian keseluruhan Kumpulan pada tahun 2014 berbanding dengan 25.3% pada tahun 2013.

### Selenggaraan

Kos selenggaraan meningkat sebanyak 10.8% kepada RM846.2 juta daripada RM763.4 juta pada tahun 2013 berpunca terutamanya daripada kos yang lebih tinggi ditanggung untuk projek-projek pelanggan selaras dengan hasil yang lebih tinggi. Anak-anak syarikat seperti TM Net Sdn Bhd dan Kumpulan VADS Berhad juga mencatatkan kos selenggaraan yang lebih tinggi bagi menyokong keperluan kendalian perniagaan.

### Bekalan dan bahan

Bekalan dan bahan meningkat sebanyak 12.9% daripada RM692.8 juta pada tahun 2013 kepada RM782.0 juta pada tahun 2014 disebabkan terutamanya oleh kos yang lebih tinggi ditanggung

untuk projek-projek pelanggan selaras dengan hasil yang lebih tinggi dan penyatuan anak-anak syarikat yang diambil alih pada tahun kewangan. Ini telah diimbangi sebahagiannya oleh kos pemerolehan pelanggan yang lebih rendah disebabkan oleh tamat tempoh minimum kontrak bagi pakej-pakej jalur lebar berpendapatan rendah di mana kos pemerolehan pelanggan yang sepadannya telah selesai dilunaskan.

# Pendapatan Kendalian Lain

Pendapatan kendalian lain meningkat sebanyak 27.0% daripada RM121.5 juta pada tahun 2013 kepada RM154.3 juta disebabkan muhibah negatif daripada pengambilalihan sebuah anak syarikat pada tahun kewangan serta laba yang lebih tinggi daripada pelupusan aset tak semasa yang dipegang untuk dijual, diimbangi sebahagiannya oleh pendapatan dividen yang lebih rendah daripada pelaburan ekuiti antarabangsa.

# Kos Pembiayaan Bersih

Kos pembiayaan bersih Kumpulan berkurangan sebanyak 38.8% daripada RM331.5 juta kepada RM202.9 juta pada tahun kewangan semasa, walaupun terdapat pergerakan kurang menguntungkan dalam kadar pertukaran asing terhadap Dolar AS, disebabkan terutamanya oleh kos peminjaman yang lebih rendah berikutan penebusan sekuriti hutang tertentu yang dijelaskan seperti berikut.

## Kos pembiayaan

Kos pembiayaan Kumpulan susut sebanyak 21.4% daripada RM371.2 juta pada tahun 2013 kepada RM291.6 juta pada tahun 2014 susulan ketiadaan kos pembiayaan Sekuriti Pendapatan Terkait Islam TM sebanyak RM2,000.0 juta dan Nota Jaminan sebanyak USD465.1 juta yang ditebus sepenuhnya pada akhir tahun kewangan sebelumnya dan pada suku ketiga tahun ini. Pengurangan ini telah diimbangi sebahagiannya oleh terbitan Nota Jangka Sederhana Islam sebanyak RM1,200.0 juta dalam nilai nominal pada tahun kewangan untuk membiayai perbelanjaan modal dan keperluan kendalian perniagaan serta penyatuan anak-anak syarikat yang baru diambil alih pada tahun kewangan.

## Pendapatan pembiayaan

Pendapatan pembiayaan mencatatkan pengurangan kecil sebanyak 5.7% daripada RM144.9 juta pada tahun 2013 kepada RM136.6 juta pada tahun 2014 disebabkan terutamanya oleh pendapatan faedah yang lebih rendah daripada simpanan yang lebih rendah disebabkan oleh pembayaran balik hutang pada tahun kewangan walaupun kadar hasilnya adalah lebih tinggi sementara penyatuan keputusan daripada anak-anak syarikat yang diambil alih pada tahun kewangan telah mengimbangi pengurangan keseluruhan tersebut.

## Pertukaran asing atas terjemahan peminjaman

Walaupun terdapat peningkatan nilai Dolar AS berbanding Ringgit Malaysia pada suku keempat tahun 2014, kesan Dolar AS yang lebih kukuh itu telah diimbangi oleh pembayaran balik sepenuhnya Nota Jaminan sebanyak USD465.1 juta pada bulan September 2014. Oleh itu, walaupun Kumpulan telah mencatat kerugian pertukaran asing sebanyak RM31.8 juta pada tahun 2014, ia merupakan varians menguntungkan sebanyak 78.3% berbanding kerugian sebanyak RM146.6 juta yang dicatatkan pada tahun 2013.

Laba/(kerugian) nilai saksama atas kontrak hadapan mata wang asing yang dimeterai untuk melindungi peminjaman denominasi mata wang asing dibentangkan di bawah pertukaran asing atas terjemahan peminjaman. 2014 mencatatkan kerugian nilai saksama sebanyak RM16.1 juta sebagai pergerakan nilai saksama daripada kontrak hadapan yang dimeterai pada tahun-tahun kewangan sebelumnya untuk melindung nilai dan meminimumkan pendedahan mata wang asing Kumpulan berkaitan dengan penyelesaian Nota Jaminan tersebut. Kontrak hadapan ini telah tamat tempoh sepenuhnya pada bulan September 2014 seiring dengan penebusan Nota Jaminan oleh Kumpulan di atas.

Susulan daripada apa yang dinyatakan di atas, kerugian pertukaran asing bersih yang dicatatkan pada tahun kewangan ini sebanyak RM47.9 juta adalah jauh lebih rendah berbanding dengan RM105.2 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

# Perbelanjaan Cukai

Tahun kewangan semasa mencatatkan caj cukai sebanyak RM259.9 juta berbanding dengan pendapatan cukai bersih sebanyak RM6.1 juta pada tahun 2013 disebabkan ketiadaan insentif cukai pada tahun ini yang menjadikan kadar cukai efektif bagi tahun 2014 kepada 23.5%, iaitu rendah sedikit daripada kadar cukai berkanun. Aset cukai tertunda atas insentif cukai yang tidak diguna dan diiktiraf pada tahun 2013 adalah berjumlah RM161.8 juta.

# Keuntungan

Keuntungan Kumpulan sebelum cukai dan zakat meningkat sebanyak 5.7% daripada RM1,046.0 juta kepada RM1,105.5 juta tahun ini disebabkan oleh kos pembiayaan bersih yang lebih rendah yang mengimbangi kos kendalian yang lebih tinggi seperti dinyatakan di atas. Walaupun keuntungan sebelum cukai dan zakat adalah lebih tinggi, keuntungan milik pemegang ekuiti berkurangan kepada RM831.8 juta daripada RM1,012.2 juta pada tahun 2013 disebabkan oleh ketiadaan insentif cukai pada tahun 2014 untuk mengimbangi caj-caj cukai Kumpulan pada tahun kewangan.

# Jumlah Aset

Jumlah aset Kumpulan adalah sebanyak RM22,623.2 juta, mencatatkan peningkatan sebanyak 7.0% daripada RM21,146.5 juta pada

**Keuntungan Milik Pemegang Ekuiti Syarikat (RM Juta)**



akhir tahun kewangan sebelumnya disebabkan terutamanya oleh peningkatan belum terima perdagangan dan lain-lain, tunai dan baki bank, hartanah, loji dan peralatan (PPE) dan aset tak ketara. Peningkatan aset tak ketara sebanyak RM261.9 juta adalah disebabkan oleh pengiktirafan aset tak ketara boleh dikenal pasti yang diambil alih sebanyak RM211.1 juta susulan peruntukan harga belian berhubung dengan pengambilalihan Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd (P1) serta muhibah yang diiktiraf berbangkit daripada pengambilalihan P1 berjumlah RM52.1 juta.

### Belum terima perdagangan dan lain-lain

Belum terima perdagangan dan lain-lain meningkat sebanyak 23.5% kepada RM2,825.3 juta disebabkan terutamanya oleh penyatuan GTC Global Sdn Bhd dan P1 pada tahun kewangan semasa yang menyumbang sebanyak 67.0% kepada peningkatan itu. Pengebilan yang lebih tinggi berbanding kutipan juga menyumbang kepada peningkatan ini.

### Tunai dan baki Bank

Tunai dan baki bank Kumpulan meningkat sebanyak 18.7% kepada RM2,985.8 juta daripada RM2,514.9 juta pada akhir tahun kewangan sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh aliran masuk tunai daripada pelanggan dan perolehan daripada peminjaman baru serta terbitan saham baru di bawah Skim Pelaburan Semula Dividen yang secara kolektif adalah lebih tinggi daripada aliran keluar bagi penebusan Nota Jaminan sebanyak USD465.1 juta (RM1,513.3 juta) pada bulan September 2014, pembelian PPE dan pembayaran kepada pembekal.

### Hartanah, loji dan peralatan (PPE)

PPE Kumpulan adalah sebanyak RM14,785.1 juta pada akhir tahun 2014, mencatatkan peningkatan sebanyak 1.5% daripada RM14,572.0 juta pada akhir tahun 2013. Peningkatan ini disebabkan oleh penyatuan P1 yang menyumbang sebanyak RM542.5 juta, dan diimbangi sebahagiannya oleh pengurangan di Syarikat dan anak-anak syarikat lain disebabkan oleh caj-caj susut nilai yang lebih tinggi berbanding dengan penambahan aset serta perbelanjaan modal pada tahun kewangan.

## Jumlah Liabiliti

Jumlah liabiliti Kumpulan meningkat sebanyak 5.9% daripada RM13,847.2 juta pada akhir tahun kewangan sebelumnya kepada RM14,663.3 juta, disebabkan terutamanya oleh belum bayar perdagangan dan lain-lain dan pengiktirafan liabiliti opsyen jual ke atas saham dalam sebuah anak syarikat yang dipegang oleh kepentingan bukan mengawal dalam instrumen kewangan derivatif bukan semasa pada tahun kewangan semasa. Liabiliti opsyen jual berjumlah RM270.1 juta pada akhir tahun 2014, mewakili nilai kini amaun penebusan yang dijangkakan bagi opsyen itu, apabila dilaksanakan.

### Belum bayar perdagangan dan lain-lain

Belum bayar perdagangan dan lain-lain meningkat sebanyak 13.6% kepada RM3,605.2 juta daripada RM3,172.8 juta pada akhir tahun 2013 disebabkan terutamanya oleh peruntukan skim persaraan awal opsyenal untuk Kumpulan berjumlah RM111.2 juta dan penyatuan anak-anak syarikat baru, khususnya P1 yang menyumbang sebanyak RM222.8 juta kepada peningkatan itu. Di samping itu, terdapat juga belum bayar perdagangan yang lebih tinggi untuk membiayai keperluan kendalian perniagaan, antara lainnya untuk melestari dan mengekalkan rangkaian sedia ada.

## Ekuiti Pemegang Saham

Ekuiti pemegang saham Kumpulan kekal kukuh pada RM7,571.1 juta, mencatatkan peningkatan sebanyak 6.1% daripada tahun kewangan sebelumnya. Peningkatan ini disokong oleh keuntungan tahun semasa milik pemegang ekuiti Syarikat sebanyak RM831.8 juta dan terbitan saham biasa baru berikutan Skim Pelaburan Semula Dividen, walaupun terdapat pembayaran dividen sebanyak RM931.5 juta dan pengiktirafan awal bagi nilai kini penebusan liabiliti opsyen jual ke atas saham yang dipegang oleh kepentingan bukan mengawal sebanyak RM267.6 juta.

### Perolehan sesaham (EPS) dan pulangan ekuiti pemegang saham (ROE)

Sataras dengan keuntungan lebih rendah milik pemegang ekuiti Syarikat, EPS asas bagi tahun 2014 berkurangan kepada 22.9 sen berbanding dengan 28.3 sen pada tahun 2013. Sejajar dengan ini, ROE juga berkurang daripada 14.4% pada tahun 2013 kepada 11.3% pada tahun 2014.

### Dividen

Menepati komitmennya untuk memberi ganjaran kepada pemegang saham, Lembaga Pengarah telah, pada 26 Februari 2015, mencadangkan dividen setingkat akhir sebanyak 13.4 sen sesaham berjumlah RM498.4 juta untuk kelulusan pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Ke-30 Syarikat yang akan datang. Bersama dengan dividen setingkat interim sebanyak 9.5 sen sesaham, jumlah pembayaran dividen akan menjadi sebanyak RM846.8 juta atau 22.9 sen sesaham, selaras dengan dasar pembayaran dividen Syarikat iaitu RM700.0 juta atau sehingga 90.0% keuntungan dinormalisasikan milik pemegang ekuiti, yang mana lebih tinggi.

**EPS dan ROE**



# PENYATA NILAI TAMBAH

Nilai tambah ialah ukuran kekayaan yang dihasilkan. Penyata berikutnya menunjukkan nilai tambah Kumpulan untuk tahun 2013 dan 2014 dan pengagihan melalui pembayaran kepada anggota, kerajaan/agensi-agensi yang diluluskan dan pemegang saham, dengan baki disimpan dalam Kumpulan untuk pelaburan semula dan pertumbuhan masa hadapan.

| | 2013 RM Juta | 2014 RM Juta |
|---|---|---|
| **NILAI TAMBAH** | | |
| Hasil | 10,628.7 | **11,235.1** |
| Pembelian barangan dan perkhidmatan | (4,848.9) | **(5,241.9)** |
| Nilai tambah oleh Kumpulan | 5,779.8 | **5,993.2** |
| Pendapatan kendalian lain (bersih) | 121.5 | **154.3** |
| Laba lain (bersih) | 1.7 | **4.8** |
| Pendapatan pembiayaan | 144.9 | **136.6** |
| Kos pembiayaan | (371.2) | **(291.6)** |
| Kerugian pertukaran asing atas peminjaman | (105.2) | **(47.9)** |
| Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu | 3.9 | **9.3** |
| Nilai tambah tersedia untuk pengagihan | 5,575.4 | **5,958.7** |
| **PENGAGIHAN** | | |
| Kepada Anggota | | |
| Kos penggajian | 2,369.7 | **2,511.9** |
| Kepada Kerajaan/Agensi-agensi yang Diluluskan | | |
| Cukai dan Zakat | (1.8) | **263.0** |
| Kepada Pemegang Saham | | |
| Dividen | 787.0 | **931.5** |
| Kepentingan bukan mengawal | 35.6 | **10.7** |
| Disimpan untuk pelaburan semula dan pertumbuhan masa hadapan | | |
| Susut nilai, pengurangan nilai dan pelunasan | 2,159.7 | **2,341.3** |
| Keuntungan tertahan | 225.2 | **(99.7)** |
| Jumlah yang diagihkan | 5,575.4 | **5,958.7** |

# PENGAGIHAN NILAI TAMBAH

- Anggota – Kos penggajian
- Kerajaan/Agensi-agensi yang Diluluskan – Cukai dan zakat
- Pemegang Saham – Dividen dan kepentingan bukan mengawal
- Disimpan untuk pelaburan semula dan pertumbuhan masa hadapan – Susut nilai, pengurangan nilai, pelunasan dan keuntungan tertahan







- Anggota – Kos penggajian
- Kerajaan/Agensi-agensi yang Diluluskan – Cukai dan zakat
- Pemegang Saham – Dividen dan kepentingan bukan mengawal
- Disimpan untuk pelaburan semula dan pertumbuhan masa hadapan – Susut nilai, pengurangan nilai, pelunasan dan keuntungan tertahan




**Alamilah komunikasi tanpa batasan.**

Peneraju jalur lebar anda kini lebih hebat. Dengan Packet 1 menjadi sebahagian daripada kumpulan TM, kami mengorak langkah melangkaui 4G untuk menjadi satu-satunya peneraju perkhidmatan komunikasi berintegrasi yang sebenar. Dalam usaha berterusan kami untuk membawa perkhidmatan komunikasi berintegrasi generasi alaf baru dan gaya hidup digital yang dipertingkatkan kepada rakyat Malaysia, TM akan membantu anda berhubung, berkomunikasi dan berkolaborasi dengan lebih mantap menjadikan kehidupan lebih mudah.

TM
Merintis kemungkinan

www.tm.com.my

# PRODUK & PERKHIDMATAN KUMPULAN TM

## PASARAN MASSA

### Perkhidmatan-perkhidmatan Akses Suara

- Talian Kediaman
- Talian Perniagaan
- CDMA
- ISDN
- Centrex

### Perkhidmatan-perkhidmatan Tambah Nilai

- Penyebaran Maklumat *(Infoblast)*
- Markating Tools
- Mel Suara
- Bebas Tol 1300/1800
- BizApps Store

### Perkhidmatan Prabayar

- *iTalk*

- Jalur Lebar *(Pengguna)*
  - UniFi VIP
  - Streamyx
  - TM WiFi
  - Streamyx Tanpa Wayar (CDMA/EVDO)
  - TMgo

- Jalur Lebar (Perniagaan)
  - UniFi Biz
  - Jalur Lebar Perniagaan
  - TM WiFi
  - *Direct*
  - Perkhidmatan Jalur Lebar Dalam Bangunan (IBS)

### Geomatik

- AVLS (Lokasi Kenderaan Automatik)
- SmartMap
- Sistem Navigasi

## AKAUN TERURUS

### Perkhidmatan-perkhidmatan Internet

- *Direct*
- *Direct V*
- Perkhidmatan Jalur Lebar Dalam Bangunan (IBS)
- Hospitality Entertainment Solutions
- Hotzone

### Internet VAS

- BOD & Burstable *(Direct)*
- Border Gateway Protocol (BGP)
- CPEPV *(Direct)*
- Expedite Request
- IPv4 for *Direct*
- IPv6 for *Direct*
- Service Level Guarantee (SLG)
- XDSL backup for *Direct*

### Perkhidmatan-perkhidmatan Suara

- Access Multi-Line SIP
- ISDN
- ISDN Minutes Plan
- TMCentrex
- Hotline Package

### Perkhidmatan Tambah Nilai Suara

- Tollfree
- Tollfree Analytics
- TollFree Solutions for BPO
- Infoblast
- Infoblast Flat Rate Plan
- TollFree Disaster Recovery Manager
- Businessline SMS
- Infoblast Open API
- Call Plan
- Flexi Smart PIN
- Flexi Smart Call
- Flexi Destina
- Flexi Destina Value
- Smart Call/Smart Biz
- Flexi Destina Plus
- Privilege Plan
- SmartPIN
- Flexi Destina for Toll Free (TF)
- Data Services Managed Connectivity Services VSAT Ku-Band
- VSAT Starnet (C-Band)
- VSAT StarNet MESH
- Hyperband
- Domestic Leased Line – Wideband
- Domestic Leased Line – Digitaline I
- Domestic Leased Line – Broadband
- Managed Network Services
- IPVPN Backup 3G & IPLite 3G
- IPVPN Value
- Metro Ethernet
- IPVPN Premier
- IPVPN Lite
- IPVPN Wireless Off Premise ATM
- SmartBiz
- IPVPN Value EVO
- School Broadband

### Perkhidmatan-perkhidmatan Integrasi ICT

- Managed Data Centre & Cloud Services
  - Managed Data Centre Services
  - Managed Cloud Services
- Managed Communication & Collaboration Services
  - Managed Unified Communications
  - Managed TelePresence Services
- Managed Network & Network Integration Services
  - Managed Local Area Network (MLAN)
  - Managed Wide Area Network (MWAN)
  - Managed Network Visibility Services (MNVS)
- Managed Security Services
  - Managed Web Application Firewall (MWAF)
  - Managed Unified Threat Management (MUTM)
  - Cloud Based Web Security Service (CBWS)
- End User Computing Services
  - Managed Desktop Services
  - Managed Service Desk

### Integrated BPO Services

- Customer Experience Management
  - Customer Service
  - Technical Support
  - Service Desk
- Revenue Generation & Protection
  - Tele Sales
  - Inside Sales
  - Inbound Sales
  - Tele Collection
  - Tele Reminder
  - Tele Save-A-Customer
  - Telemarketing
- Knowledge Process Outsourcing
  - Business Insights
  - Dashboard Reporting
  - Social Media Analytics
- Business Suites/Facilities Management
  - Facility Management
  - Disaster Recovery

## MEDIA BAHARU

### Perkhidmatan-perkhidmatan Kandungan

- HyppTV
- HyppGames
- B-Smart
- My1Content
- TM Shop
- E-browse

### Perkhidmatan-perkhidmatan Nilai Tambah

- E-storage

### Perkhidmatan-perkhidmatan Pengiklanan

- Yellow Pages Publications (YP Big Book, YP4Home, Destination Malaysia & Halal Pages)
- Digital Yellow Pages (Internet & Mudah Alih)
- Pengiklanan TV HyppTV

## GLOBAL & BORONG

### Perkhidmatan-perkhidmatan Suara

- Minit Salinghubung *(Interconnect Minutes)*
- Perkhidmatan Suara Dua Hala *(Bilateral Minutes)*
- Perkhidmatan Hab Suara *(Voice Hubbing)*
- Perkhidmatan Nilai Tambah (VAS) Antarabangsa
  - SMS Hab Global

### Perkhidmatan-perkhidmatan Data

- Perkhidmatan Rangkaian Persendirian Maya Protokol Internet (IPVPN) Global
- Perkhidmatan Penghantaran Media *(Media Delivery Service* – MDS)
- Perkhidmatan IP

### Perkhidmatan-perkhidmatan Lebar Jalur

- *Next-Gen Backhaul*™ (NGBH)
- Metro Ethernet Borong
- Talian Persendirian Ethernet Antarabangsa (IEPL)
- Litar Suwa Persendirian Antarabangsa (IPLC)
- Lebar Jalur Transit
- Lebar Jalur *Backhaul (Bandwidth Backhaul)*
- Lebar Jalur Salinghubung *(Bandwidth Interconnection)*
- VSAT Global

### Perkhidmatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB)

### Perkhidmatan Infrastruktur

- Perkhidmatan Pengehosan Global
- Perkhidmatan Infrastruktur Borong

### Perkhidmatan Penyelesaian

- My1Hub

# Pendekatan kami diselaraskan

Kami mengorak langkah awal ke arah menjadi organisasi digital berintegrasi sebenar yang pertama di Malaysia. Dimulakan dengan transformasi pelanggan, merangkumi semua semua unit perniagaan dan menghubungkan mereka bukan sekadar di Internet, malah telah menjangkau imiginasi, merealisasikan inovasi menjadi suatu kenyataan.







# ULASAN PERNIAGAAN & FUNGSI


178 Pasaran Massa
- 178 Pengguna
- 182 Perusahaan Kecil dan Sederhana
- 186 Media Baharu

190 Rencana: Pusat Pertukaran Inovasi

194 Akaun Terurus
- 194 Perusahaan
- 196 Kerajaan
- 198 VADS

202 Rencana: “Perniagaan Lebih Mudah” dengan Pengurusan Produk Akaun Terurus

204 Global & Borong

208 Mudah Alih & Tanpa Wayar: P1

212 Rencana: Evolusi Ke Arah Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi

214 Perniagaan Sokongan

218 Aliran Pendidikan: MMU, MMC & Yayasan TM

222 IT&NT – Transformasi Ke Arah Ketangkasan

## Fakta Sekilas Pandang

**RM3,147.8 juta**
hasil dijana oleh segmen Pengguna TM

**2.8 juta**
pelanggan telefon

**>1.8 juta**
pelanggan jalur lebar (Streamyx dan UniFi)





# PENGGUNA

## 2014 SATU LAGI TAHUN PENTING BAGI PERTUMBUHAN INOVASI

### Tinjauan

Segmen Pengguna TM memenuhi keperluan komunikasi dan hiburan isi rumah serta individu di Malaysia, daripada penyediaan perkhidmatan telefon kepada sambungan jalur lebar termasuk WiFi dan HyppTV.

### Prestasi Kewangan

Hari ini, 67 daripada 100 isi rumah di Malaysia memiliki sambungan jalur lebar, dengan TM menyumbang 40.0% daripada kadar penembusan jalur lebar isi rumah negara menerusi penawaran pakej UniFi dan Streamyx yang telah mencatatkan 604,228 dan 1,241,679 pelanggan masing-masing.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, segmen Pengguna TM merekodkan hasil berjumlah RM3,147.8 juta, iaitu pertumbuhan sebanyak 6.1% dicatatkan terutamanya disebabkan oleh permintaan kukuh terhadap perkhidmatan jalur lebar dan HyppTV.

### Inisiatif Strategik dan Utama

Pada zaman ini, kekal terhubung ke Internet merupakan satu keperluan dan bukan lagi satu kemewahan. Setiap individu ingin terus berhubung tanpa mengira tempat dan masa dengan menggunakan pelbagai peranti, daripada TV dan komputer peribadi kepada peranti mudah alih seperti komputer riba, tablet dan telefon pintar bagi memenuhi keperluan komunikasi, pengetahuan dan hiburan.

Sejajar dengan perkembangan ini, masyarakat juga semakin kerap menonton kandungan. Secara purata, sesebuah isi rumah meluangkan masa selama 15 jam seminggu di Internet (terutamanya menonton video) dan enam jam seminggu menonton TV. Pendek kata, kandungan lebih mendominasi dan perbezaan yang wujud hanyalah sama ada kandungan tersebut ditonton secara konvensional (menerusi TV) atau secara digital (dengan mencari kandungan khusus dan menstrim daripada Internet).




*Pengalaman TMgo di Kampung Ewa, Pulau Langkawi.*

---

Selari dengan janji kami "Hidup Lebih Mudah", pada tahun 2014, kami telah melancarkan dua kempen utama yang menepati gaya hidup digital masa kini: Hypp-Normous Deal dan Stream Champion. Pelanggan yang melanggan pakej-pakej HyppTV diberikan penaiktarafan jalur lebar percuma bagi menikmati kandungan dengan sebaik-baiknya – menonton secara konvensional (HyppTV) dan secara digital iaitu menerusi sambungan jalur lebar yang lebih pantas.

Bagi merapatkan jurang digital, kami juga telah melancarkan jalur lebar mudah alih, TMgo, di beberapa kawasan yang kurang menerima liputan perkhidmatan; bermula di Kedah diikuti dengan Melaka, Perak, Selangor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Selain itu, satu program kerjasama dengan pihak Kerajaan bagi menyediakan peranti dan perkhidmatan jalur lebar kepada isi rumah berpendapatan rendah seluruh negara telah dilancarkan dan sedang berjalan dengan baik.

Pertumbuhan jalur lebar TM memacu pencetusan nilai pemegang saham sambil memenuhi agenda kami ke arah pembinaan negara. Menurut Bank Dunia, setiap 10.0% pertumbuhan jalur lebar menyumbang kepada peningkatan 0.25%-1.38% dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

## Menjangkau Isi Rumah dan Individu di Malaysia

Segmen Pengguna TM meneruskan siri jelajah "Hidup Lebih Mudah" di seluruh negara bagi mengetengahkan penawaran yang memenuhi keperluan komunikasi dan hiburan isi rumah di Malaysia. Sebanyak 55 acara "Hidup Lebih Mudah" telah diadakan di kompleks-kompleks beli-belah sementara program-program selama empat hari telah diadakan di 19 kawasan komuniti bagi merapatkan jurang digital. Menerusi kerjasama dengan pusat-pusat khidmat komuniti dan pemimpin masyarakat tempatan, program-program ini menggambarkan bahawa sambungan jalur lebar boleh memperkaya kehidupan penduduk setempat.

## Pengalaman Pelanggan yang Lebih Baik

Berpegang kepada janji kami "Hidup Lebih Mudah", segmen Pengguna TM menempatkan lebih banyak kios pembayaran di premis-premis TMpoint, menjadikan jumlah keseluruhannya kepada 149 kios, justeru membolehkan pelanggan membuat pembayaran bil dengan lebih mudah dan selesa, 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Kami juga menambah rangkaian premis TMpoint kepada 169 premis di seluruh negara bagi meluaskan jangkauan pelanggan.

Bagi menghargai suara dan pendapat pelanggan, pada bulan September 2014, segmen Pengguna TM memperkenalkan sistem penarafan melalui SMS bagi membolehkan para pelanggan memberi maklum balas berkenaan interaksi mereka dengan ejen jualan dan anggota barisan hadapan TMpoint kami. Sistem maklum balas yang serupa akan diperluas meliputi pusat perkhidmatan lain pada tahun 2015 seperti pusat panggilan serta pasukan pemasangan dan pemulihan kami.




*Siri Jelajah TM "Hidup Lebih Mudah" di Mid Valley Megamall, Kuala Lumpur.*

# Prospek

Jalur Lebar dan HyppTV akan terus memacu pertumbuhan segmen Pengguna TM pada tahun 2015. Penambahan data mudah alih kepada portfolio penawaran segmen Pengguna TM (susulan pelaburan TM dalam P1) akan meningkatkan kedudukan TM dalam pasaran daripada Peneraju Jalur Lebar Negara kepada Peneraju Integrasi Negara.

MENURUT BANK DUNIA, SETIAP 10% PERTUMBUHAN PENEMBUSAN JALUR LEBAR MENYUMBANG KEPADA PENINGKATAN 0.25%-1.38% DALAM KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK).



## Fakta Sekilas Pandang

**RM1,947.0 juta**
hasil dijana segmen PKS

**346,002 pelanggan**
Jalur Lebar PKS

**59 hotel**
melanggan Hospitality Entertainment Solution (HES)

# PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA

## MENJALIN USAHASAMA STRATEGIK DENGAN ORGANISASI DAN BADAN KAWAL SELIA MENJADI FAKTOR PENTING UNTUK MENDEKATI PKS




*Dato' Sri Halim Shafie, bekas Pengerusi TM (kiri) bersama dengan Azizi A Hadi, bekas Naib Pengerusi Eksekutif TM SME ketika pelancaran Shop in a Box™ di Menara TM.*

# Tinjauan

Segmen Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) TM mengendalikan keperluan komunikasi pelbagai syarikat PKS di negara ini dengan menawarkan perkhidmatan telefon, sambungan jalur lebar/data dan perkhidmatan perniagaan serta penyelesaian untuk pasaran menegak seperti sektor peruncitan dan hospitaliti.

# Prestasi Kewangan

Memberi perkhidmatan kepada hampir 73.0% daripada keseluruhan PKS di Malaysia, pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, segmen PKS TM merekodkan jumlah hasil sebanyak RM1,947.0 juta. Ini merupakan peningkatan kurang daripada 0.1% berbanding tahun kewangan yang lalu, dan dicatatkan terutamanya disebabkan oleh permintaan yang kukuh terhadap perkhidmatan jalur lebar.

# Inisiatif Strategik dan Utama

PKS menjadi peneraju utama kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan menyumbang lebih daripada 32.0% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), menyediakan sebanyak kira-kira 59.0% peluang kerjaya dan menghasilkan hampir 19.0% jumlah eksport negara.

Segmen PKS TM memanfaatkan pasaran yang luas ini dengan mewujudkan sebuah ekosistem yang kondusif untuk PKS di Malaysia berkembang. Memahami sepenuhnya kumpulan pelanggannya,

STRATEGI-STRATEGINYA DIPACU OLEH OBJEKTIF UTAMA UNTUK MENJADI RAKAN ICT PILIHAN KEPADA PKS TEMPATAN DENGAN JANJI "PERNIAGAAN LEBIH MUDAH".




*Dato' Sri Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak Perdana Menteri merasmikan Agenda Lokalism, Kolaborasi Strategik antara TM & MTEM bersempena pelancaran Gathering of Rising Entrepreneurs Act Together (GREAT 2014) di MAGiC, Cyberjaya.*

**80 acara BizFiesta™ diadakan sepanjang 2014 di premis TMpoint terpilih dengan trafik perniagaan yang tinggi.** Objektif utama adalah untuk menjadikan "Perniagaan Lebih Mudah" kepada pelanggan PKS kami dengan memanfaatkan penyelesaian-penyelesaian ICT kami yang komprehensif.

segmen PKS TM membentuk usahasama-usahasama dan pakatan-pakatan strategik dengan pelbagai badan kerajaan dan persatuan seperti SME Corporation Malaysia (SME Corp), Multimedia Development Corporation (MDeC), SME Association Malaysia (dahulunya dikenali sebagai SMI Association of Malaysia) dan Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) di samping mengekalkan hubungan baik dengan organisasi media.

Strategi-strategi segmen PKS TM dipacu oleh objektif utama untuk menjadi rakan ICT pilihan kepada PKS tempatan untuk menjadi "Perniagaan Lebih Mudah". Melalui rangkaian produk dan penyelesaian, segmen PKS TM membolehkan syarikat-syarikat PKS berhubung secara lebih baik dengan para pelanggan mereka, berkomunikasi dengan rakan-rakan perniagaan dan berkolaborasi dengan ekosistem PKS di Malaysia.

Perkhidmatan-perkhidmatan segmen PKS TM merangkumi penawaran buat syarikat-syarikat yang baru bermula seperti Office in a Box™ (OIAB) dengan Microsoft Office 365 yang terdiri daripada perkhidmatan telefon, jalur lebar dan aplikasi awan, sehinggalah kepada Shop in a Box™ (SIAB) dengan SurePay™ yang mempunyai kemudahan tambahan pembayaran menerusi kad debit dan kad kredit. Bagi perniagaan-perniagaan hospitaliti yang memerlukan penyelesaian komunikasi dan hiburan secara holistik, segmen PKS TM menawarkan Hospitality Entertainment Solution (HES) meliputi telefon, jalur lebar (termasuk WiFi) dan 73 saluran HyppTV untuk dipilih.

Meningkatkan tahap produktiviti PKS di Malaysia menjadi antara agenda penting dan dapat dipenuhi dengan perkhidmatan-perkhidmatan perniagaan primer termasuklah perisian produktiviti (dokumentasi, pembentangan, kertas kerja), perisian kewangan dan perakaunan serta perisian pengurusan sumber manusia. Menerusi kerjasama VADS dengan Microsoft, segmen PKS TM turut berupaya menawarkan aplikasi-aplikasi Office 365 melalui perkhidmatan awan milik TM. Ini termasuklah akaun-akaun emel bertaraf perusahaan, perkongsian dokumen serta persidangan video dan web.

Segmen PKS TM akan terus bekerjasama dengan pembekal perisian dan aplikasi lain bagi menawarkan pelbagai pilihan perkhidmatan perniagaan kepada PKS untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang lestari.

### Mendekati PKS

Pada tahun 2014, segmen PKS TM menganjurkan tiga program di seluruh negara bagi menghubungkan syarikat-syarikat PKS – SME BizFest™, SME BizFiesta™ dan SME BizNet™.

SME BizFest™ yang dianjurkan secara tahunan memberikan tumpuan ke arah mempercepatkan penerimaan ICT oleh syarikat-syarikat PKS tempatan dengan menghimpunkan penyertaan pelbagai syarikat. Antara aktiviti utamanya adalah sesi ceramah oleh ikon-ikon perniagaan terkenal dan rakan-rakan strategik serta aktiviti-aktiviti perkongsian ilmu. Menggunapakai slogan "Dominasi dengan Inovasi", SME BizFest™ pada tahun 2014 telah diadakan di empat lokasi mengikut zon – Lembah Klang, Johor, Pulau Pinang dan Sarawak. Acara ini telah menerima sambutan memberangsangkan daripada syarikat-syarikat PKS yang ingin merebut manfaat daripada program-program yang dianjurkan.

Sejumlah 80 acara SME BizFiesta™ telah diadakan sepanjang tahun 2014 di premis-premis TMpoint terpilih dengan trafik perniagaan yang tinggi. Objektif utamanya adalah untuk menjadikan "Perniagaan Lebih Mudah" kepada pelanggan PKS kami dengan memanfaatkan penyelesaian-penyelesaian ICT kami yang komprehensif. Semasa setiap acara, kaunter-kaunter dibuka bagi memberikan khidmat nasihat dan demonstrasi produk serta pameran peranti pejabat oleh rakan penyelesaian PKS kami yang turut menawarkan produk dan penyelesaian mereka pada harga yang rendah.

SME BizNet™, juga merupakan satu acara tahunan, telah dianjurkan di semua negeri seluruh negara khusus buat syarikat-syarikat PKS dalam bidang peruncitan, perkhidmatan dan pembuatan. Pada acara yang berasaskan seminar ini, segmen PKS TM mempamerkan penyelesaian-penyelesaian ICT terkini yang dibangunkan khusus untuk meningkatkan produktiviti perniagaan dan membantu pertumbuhan PKS.

### Pengalaman Pelanggan yang Lebih Baik

Menyedari hakikat bahawa masa itu amat berharga dalam menjalankan sesebuah perniagaan, segmen PKS TM terus memperkukuhkan pusat khidmat pelanggannya bagi memberikan pengalaman yang lebih baik kepada para pelanggan. Segmen ini kini menyediakan laluan khas untuk PKS di 32 premis TMpoint terpilih seluruh negara. Para pelanggan PKS juga boleh mendapat keutamaan panggilan apabila menghubungi pusat panggilan 100 dengan cara memasukkan nombor telefon mereka apabila diminta.

Sebagai usaha untuk memperbaiki lagi proses penyampaian perkhidmatan, segmen PKS TM memperkenalkan satu sistem penarafan SMS pada bulan September 2014 bagi membolehkan para pelanggan memberi maklum balas berkenaan interaksi mereka dengan ejen jualan dan anggota barisan hadapan TMpoint kami. Pada tahun 2015, sistem maklum balas yang serupa diwujudkan bagi meliputi pusat perkhidmatan lain seperti pusat panggilan serta pasukan pemasangan dan pemulihan kami.

## Prospek

Segmen PKS TM akan terus memacu kadar penembusan dan penerimaan ICT berdasarkan keperluan secara menegak dan skala operasi menerusi penyelesaian-penyelesaian yang terkhusus. Penambahan penawaran mudah alih dan berintegrasi akan dapat membantu merealisasikan aspirasi kami untuk menjadi rakan ICT pilihan PKS di Malaysia untuk tahun-tahun mendatang.



*Barisan Pengurusan segmen PKS TM dan para peserta SME BizFest 2014 bersama-sama Datuk Dr. Maznah Hamid, Pengerusi Eksekutif Syarikat Kumpulan Securiforce, antara penceramah perniagaan pada acara tersebut.*



# MEDIA BAHARU

## MENERAJUI PUSAT PERTUKARAN INOVASI UNTUK MENJADI SATU-SATUNYA PENERAJU INTEGRASI SEBENAR DI MALAYSIA





### Tinjauan

Media Baharu memainkan peranan penting dalam mendokong sasaran utama TM untuk menjadi sebuah Syarikat Berintegrasi No. 1 menerusi tiga tonggak strategiknya iaitu HyppTV, Pengiklanan Berintegrasi dan Perkhidmatan Atas Talian. Dengan memanfaatkan pelanggan-pelanggan Streamyx dan Unifi TM yang besar dan semakin bertambah, ia memacu transformasi TM ke arah sebuah Pusat Pertukaran Inovasi dengan menawarkan penggunaan Perkhidmatan Kandungan, Aplikasi dan Direktori *(CADS)* yang lebih menyeluruh dan bertaraf dunia melalui peranti pelbagai skrin, yang disasarkan kepada pasaran Pengguna dan Perniagaan.

#### HyppTV

HyppTV, perkhidmatan IPTV yang paling pesat berkembang di Malaysia dengan slogan utamanya, *"Primetime, Anytime, Everytime"* kekal menjadi komponen penting dalam pakej-pakej UniFi TM. Perkhidmatan TV berbayar tempatan ini terus berkembang dengan penambahan saluran-saluran premium, video-atas-permintaan *(VOD)* dan saluran-saluran interaktif merangkumi program-program tempatan, dari kandungan berbahasa Cina dan India hinggalah kepada sukan, berita dan hiburan dengan lebih daripada 120 saluran.

#### Pengiklanan Berintegrasi

Yellow Pages telah berevolusi melangkaui pengiklanan direktori konvensional apabila memasuki era digital yang mempunyai spektrum media dengan jangkauan yang lebih meluas. Bukan hanya sebagai penyenaraian direktori, perkhidmatan pengiklanan berintegrasi ini memberikan penawaran yang menyeluruh meliputi semua medium kepada para pengiklan dan pelanggan.

#### Perkhidmatan Atas Talian

Perkhidmatan Atas Talian merangkumi hab untuk perkhidmatan kandungan, aplikasi dan platform e-dagang yang disasarkan kepada segmen Pengguna dan Perniagaan TM menerusi penawaran perkhidmatan yang kos efektif bagi menepati gaya hidup dan gaya kerja masa kini. Dengan menawarkan perkhidmatan tambah nilai untuk perdagangan elektronik atas talian dan mudah alih yang lengkap, hab ini membolehkan pengguna memaksimumkan potensi perkhidmatan atas talian, justeru bertepatan dengan falsafah TM, iaitu "Hidup Lebih Mudah".

PADA MAC 2014, HYPPTV MENERIMA ANUGERAH *"BEST COMPONENT OR ENABLER"* DI *TV CONNECT INDUSTRY AWARDS 2014* DI LONDON.



## Fakta Sekilas Pandang

**125 saluran**
di HyppTV

**43** saluran dalam Definisi Tinggi *(HD)*

**17 Video-atas-permintaan *(VOD)***

# Inisiatif-inisiatif Utama

## HyppTV

Sejak diperkenalkan pada tahun 2010, HyppTV kini boleh berbangga dengan pelbagai penawaran program asal berkualiti tinggi dan pakej-pakej nilai yang mendorong lebih banyak pelanggan melanggan perkhidmatan ini. Di samping itu, keunggulan teknologi *IPTV* yang memberikan pengalaman tontonan *HD* secara menyeluruh yang tidak terjejas oleh keadaan cuaca, terus menarik para pelanggan untuk menonton HyppTV bagi memenuhi keperluan hiburan mereka.

Menerusi pelancaran Dunia Sinema dan *Al-Hijrah on Demand* pada Mac 2014, *HyppFlicks Plus* (Malaysia) untuk mempromosikan telefilem tempatan secara eksklusif di HyppTV pada Mei 2014, HyppSensasi (saluran hiburan Melayu pertama milik HyppTV) pada Ogos 2014 dan *Playbox HD* pada September 2014, HyppTV mengukuhkan lagi kehadirannya dalam pasaran kandungan tempatan yang disasarkan kepada pengguna tempatan.

Pada Oktober 2014, HyppTV telah memperkenalkan *HyppTV Everywhere*, aplikasi mudah alih yang membolehkan pengguna menikmati pengalaman hiburan tanpa batas melalui peranti pelbagai skrin ketika berada di luar rumah. Aplikasi ini boleh dimuat turun daripada *Google Play Store* untuk pengguna *Android*, *Apple App Store* bagi pengguna *iOS* dan di laman web HyppTV iaitu di http://hypptv.tm.com.my untuk versi WebTV.

Seperti tahun-tahun sebelum ini, HyppTV terus meluaskan himpunan pakej-pakejnya dengan *HyppTV Ruby Pack*, *HyppTV Mega Pack*, *HyppTV Sports Pack* dan *HyppTV Platinum Pack* yang baharu. Kesemua nilai-nilai pakej ini merangkumi kandungan sukan, hiburan, gaya hidup, berita dan pendidikan yang sesuai untuk semua lapisan pelanggan.



*Jeremy Kung, Naib Presiden Eksekutif, Media Baharu TM (kanan) menerima Anugerah "Best Component or Enabler" di TV Connect Industry Awards 2014 di London.*




*Emily Wee, Naib Presiden Operasi Perniagaan & Media, Media Baharu TM (kiri), bersama-sama Jeremy Kung, Naib Presiden Eksekutif, Media Baharu TM (kanan) semasa pelancaran HyppSensasi di Jump Street, Petaling Jaya pada 13 September 2014.*

Tahun 2014 turut menyaksikan pengenalan HyppTV untuk Perniagaan (UniFi Biz) yang memberikan pelanggan perniagaan pengalaman tontonan yang menyeluruh sama seperti Pengguna UniFi, justeru mengetengahkan pengalaman "Perniagaan Lebih Mudah". Selain itu, Solusi Hiburan Hospitaliti juga semakin mendapat tempat di pasaran tempatan yang merangkumi Perkhidmatan Jalur Lebar dalam Bangunan, Pusat Panggilan dan HyppTV.

Sehingga Disember 2014, lebih daripada 55 Perniagaan telah mendaftar untuk perkhidmatan HyppTV, termasuklah Hotel Shangri-La Putrajaya, Hotel Everly Putrajaya, Copthorne Cameron Highlands dan rangkaian Hospital KPJ di seluruh negara.

## Pencapaian HyppTV

Pada Mac 2014, HyppTV telah menerima Anugerah *Best Component or Enabler* di *TV Connect Industry Awards 2014* di London. Ini merupakan tahun kedua berturut-turut HyppTV mendapat pengiktirafan antarabangsa daripada *TV Connect*. Pada tahun kewangan lalu, HyppTV melakar sejarah apabila menjadi penyedia perkhidmatan *IPTV* Malaysia yang pertama memenangi anugerah di majlis berprestij seumpama itu yang meraikan inovasi, kecemerlangan dan pencapaian dalam industri hiburan terhubung.

## Pengiklanan Berintegrasi

Pada 2014, TM Info-Media Sdn Bhd (TMIM) telah memulakan transformasi produknya daripada media cetak kepada media penyiaran menerusi HyppTV yang sedang pesat berkembang dan platform atas talian menerusi Internet Yellow Pages (IYP) dan Pakej Premium Yellow Pages-Google. Langkah ini meletakkan TM secara strategik dalam pasaran pengiklanan yang terus berevolusi dengan persaingan yang kian sengit.

Sebuah penerbitan dalaman, *Destination Malaysia*, telah dirombak dalam usaha meluaskan pasarannya melalui usahasama TMIM dengan Pengedar MPH, menjadikan majalah tersebut boleh didapati di lebih 120 kedai buku seluruh negara.

Satu lagi penerbitan dalaman, Yellow Pages for Home (YP4H), juga telah dirombak pada tahun 2014. Menyedari bahawa pasaran untuk produk ini didominasi oleh kaum wanita, YP4H telah mengambil halatuju lebih feminin dengan mengetengahkan kandungan berkenaan hiasan rumah, keluarga, panduan isi rumah, berkebun dan landskap, resipi, kecantikan dan juga kesihatan.




*Emily Wee, Naib Presiden Operasi Perniagaan & Media, Media Baharu TM (empat dari kiri) dan Mohamad Nizam Mohd Radzi, Ketua Pengurusan Portfolio Integrasi Perniagaan, Media Baharu TM (kanan sekali) bersama-sama tiga pemenang terbaik pertandingan HyppMe. Turut serta ialah artis-artis tempatan seperti Intan Ladyana, Yana Samsudin dan Altimet semasa pelancaran HyppMe di KL Sentral pada Jun 2014.*

## Perkhidmatan Atas Talian

### SMART AP

Sejajar dengan matlamat slogan TM, iaitu "Hidup Lebih Mudah", portal TM *(SmartAP)* telah dipertingkatkan untuk memperkaya pengalaman pengguna menerusi proses pendaftaran dan pesanan yang menyeluruh, ciri-ciri layan diri yang lebih mudah dan integrasi media sosial yang diperhalusi menerusi enjin berprofil pintar.

*SmartAP* dilengkapi dengan platform perdagangan elektronik dan disepadukan dengan portal membeli-belah TM, *TM Shop*. *TM Shop*, memudahkan proses membeli belah melangkaui portal *Smart AP* dan merupakan aliran hasil baharu buat TM. Buat masa ini, *TM Shop* mempromosikan produk-produk tempatan – dari rakyat Malaysia kepada rakyat Malaysia. Inisiatif ini didorong oleh penglibatan dari jenama tempatan, justeru memberi keunikan kepada *TM Shop*.

### HyppMe

Sejak HyppMe mula diperkenalkan pada bulan Jun 2014 yang boleh dimuat turun dengan mudah menerusi *Apple App Store* dan *Android Google Play*, aplikasi ini telah mencatatkan lebih daripada 25,000 pengaktifan. Berbanding produk-produk *"Over-the-Top" (OTT)* yang lain, pembeza utama HyppMe ialah penawaran menyeluruh dengan ciri-ciri yang dipertingkatkan untuk perkhidmatan suara dan pesanan pada kadar rata yang sangat kompetitif merentasi semua rangkaian telekomunikasi. Pelanggan dapat menikmati kadar panggilan yang lebih murah ke sebarang nombor telefon selain panggilan dan pesanan percuma ke pengguna HyppMe lain dan nombor talian tetap TM di seluruh negara serta akses mudah ke Pusat Khidmat Pelanggan TM.

**Pembeza utama HyppMe ialah penawaran menyeluruh dengan ciri-ciri yang dipertingkatkan untuk perkhidmatan suara dan pesanan pada kadar rata** yang sangat kompetitif merentasi semua rangkaian telekomunikasi.

### My1Content

*My1Content* disasarkan menjadi hab serantau bagi industri kreatif Malaysia dan saluran jualan yang efektif di peringkat global. Sehingga kini, *My1Content* menghimpunkan lebih daripada 1,300 kandungan digital dengan 47,000 ahli baharu yang berdaftar.

Pada tahun 2014, *My1Content* mewujudkan saluran kandungan menerusi kolaborasi dengan syarikat terkenal seperti KRU Media Sdn Bhd dan Al-Hijrah Media Co-operation, bagi menawarkan perkhidmatan siaran langsung kandungan tempatan. Melalui platform *My1Content*, Media Baharu juga berkolaborasi dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menganjurkan Festival Filem Pelajar Malaysia dan pertandingan Liga Remaja Kreatif.

# Prospek

Media Baharu akan terus memainkan peranan penting dalam membawakan gaya hidup digital yang inovatif dan segar demi menyokong perkembangan Kumpulan TM ke arah sebuah Pusat Pertukaran Inovasi. Segmen ini berhasrat untuk memenuhi peranannya dengan menawarkan perkhidmatan kandungan dan aplikasi terkini serta perkhidmatan yang berkaitan dengan media lain yang berada di atas capaian jalur lebar. Bagi tujuan ini, Media Baharu akan terus meluaskan portfolio kandungan dan aplikasinya – untuk pasaran Pengguna dan Perniagaan – bagi membolehkan pelanggan mengakses perkhidmatannya melalui peranti pelbagai skrin, mengikut keperluan dan kehendak mereka.

KERAJAAN BERASPIRASI MENJADIKAN MALAYSIA LOKASI PILIHAN BAGI SYARIKAT-SYARIKAT PERMULAAN DI RANTAU INI.



# PUSAT PERTUKARAN INOVASI

Menjadikan TM sebagai Pusat Pertukaran Inovasi merupakan fasa akhir dalam evolusi Kumpulan, daripada menyediakan jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) pertama negara dalam menjadi Pusat Pertukaran Maklumat. Evolusi ini melengkapkan strategi keseluruhan penembusan Internet dan penciptaan platform, serta penggunaan data yang tinggi menerusi aplikasi dan perkhidmatan.

Melalui kemajuan Internet dan peranti pintar, permintaan terhadap data dan kandungan telah meningkat dengan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan dan dijangka akan terus berganda pada masa akan datang. Selari dengan itu, TM perlu bergerak sama pantas untuk meletakkan Syarikat sebagai platform pilihan pereka dan pembangun kandungan bagi memenuhi permintaan ini.

## Objektif

Pusat Pertukaran Inovasi bertujuan memenuhi dua sasaran utama:

1. Untuk menggalak dan menyemai inovasi, kreativiti dan keusahawanan di dalam TM
2. Untuk merebut peluang-peluang dalam pasaran

Kajian menunjukkan bahawa syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) tidak seiring dengan syarikat-syarikat multinasional (MNC) dan syarikat-syarikat sendirian berhad dari segi memupuk budaya, keupayaan dan kemampuan inovasi.

**Jumlah Pasaran Tersedia: RM6.0 bilion***




*Sumber: MDeC 2014*

Bagaimanapun, konsep ini bukanlah sesuatu yang baharu di TM, kerana inovasi telah menjadi faktor penting dalam pelbagai projek transformasi berkaitan organisasi, teknologi, produk dan perkhidmatan atau inisiatif-inisiatif penambahbaikan proses. Contoh-contoh inovasi termasuklah HSBB, Rangkaian Generasi Akan Datang (NGN) dan Ke Arah Kesempurnaan Operasi (TOP) oleh IT&NT.

Biarpun langkah-langkah positif telah diambil bagi memupuk budaya inovasi, namun masih banyak yang boleh dilakukan. Menurut Multimedia Development Corporation (MDeC), jumlah pasaran tersedia bagi kandungan multimedia kreatif adalah sejumlah RM16.0 bilion pada tahun 2015. Kebanyakkannya dijangka dipacu oleh aplikasi-aplikasi mudah alih dan perdagangan elektronik pada skrin besar dan kecil. Menyedari potensi pasaran tersebut yang masih belum diusik, TM komited untuk meletakkan platform, produk dan perkhidmatannya secara strategik bagi membuka aliran-aliran hasil baharu daripada pasaran yang baharu ini.

# Landskap Inovasi

Konsep platform inovasi tajaan korporat bukanlah baharu. Di rantau ini, penyedia perkhidmatan telah lama melaksanakan program-program dengan objektif sebegini, biarpun model operasi mereka berbeza. DTAC Thailand memperuntukkan USD3.0 juta untuk melabur dan memacu syarikat-syarikat permulaan di Thailand, Telkom Indonesia baru-baru ini mengumumkan dana pelaburan syarikat permulaan sejumlah USD200.0 juta menerusi inkubatornya Indigo, sementara Innov8 milik SingTel turut berhasrat menjadikan syarikat sebagai satu lagi pemain/ pelabur yang disegani dalam pasaran syarikat permulaan.

Persoalannya: Bagaimanakah TM harus meletakkan kedudukannya dalam ekosistem ini dan menerapkan budaya inovasi?

## Pemain Tempatan

Kerajaan Malaysia sentiasa menyokong industri inovasi tempatan menerusi pelbagai syarikat inovasi dan pelaburan yang menyediakan bantuan kewangan serta sokongan menerusi dana cambahan, kem-kem permulaan dan platform pengiktirafan pasaran. Organisasi-organisasi seperti MDeC, Cradle, MaGiC dan beberapa lagi organisasi mempunyai sasaran yang sama iaitu memupuk potensi syarikat permulaan dengan harapan dapat menghasilkan kisah-kisah kejayaan yang serupa seperti di Silicon Valley.

Beberapa syarikat korporat juga telah melabur dalam platform keusahawanan. Challenge for Change (CFC) oleh DiGi, League of Extraordinary Developers (LED) oleh Celcom dan Accelerator Fund oleh Star Media Group hanyalah beberapa contoh inisiatif yang disasarkan kepada membangun dan menjual semula kandungan menerusi saluran-saluran milik syarikat berkenaan.

Walaupun terdapat banyak sumber kewangan di pasaran serta wujudnya sistem sokongan yang mantap, namun syarikat-syarikat permulaan sering merasakan penghasilan pengkomersilan produk mereka adalah sesuatu yang mencabar. Isu-isu ini secara amnya disebabkan oleh kekurangan sokongan infrastruktur dan saluran-saluran ke dalam pasaran.

TM, sebagai Penyedia Jalur Lebar No. 1 di Malaysia dengan kehadiran jenama dan infrastruktur yang kukuh di seluruh negara, mungkin mampu memberikan penyelesaian.



### Kolaborasi

- Pusat Inovasi TM
- MMU
- TMCC



### Bimbingan Inovasi

Pasukan yang memberi panduan awal kepada syarikat-syarikat permulaan



### Wadah Pembangunan

Platform pengurusan API terbuka



### Pakatan-pakatan Srategik

Usahasama dengan institusi Kerajaan dan perniagaan

## Program Pemacu

Menerusi Pusat Pertukaran Inovasi TM (TM IX), TM berada dalam kedudukan unik untuk memanfaatkan sumber-sumber kami bagi mewujudkan satu rangka kerja pemacu yang bukan sahaja mendorong inovasi dalam organisasi, tetapi juga akan memberi manfaat kepada ekosistem inovasi secara lebih luas. Biarpun mungkin ada yang berpendapat bahawa pemacu tajaan korporat akan menghapuskan pemain lain dalam pasaran, kami percaya ini adalah yang terbaik untuk semua pihak bagi melengkapi rantaian nilai inovasi dengan memberi akses pasaran kepada syarikat permulaan, vendor perisian bebas (ISV) dan para usahawan yang ingin melancarkan dan mengembangkan produk mereka.

Sektor utama dan kategori tumpuan TM IX adalah penyelesaian yang boleh memenuhi keperluan pengguna sehinggalah kepada badan-badan dan agensi-agensi Kerajaan. Penyelesaian yang dibangunkan di bawah Program Pemacu seharusnya selari dengan slogan kami "Hidup Lebih Mudah" dan "Perniagaan Lebih Mudah" yang diterapkan dalam semua produk dan perkhidmatan terkini TM.

# Rangka Kerja

Rangka kerja pemacu terdiri daripada empat elemen sokongan utama buat syarikat-syarikat permulaan yang menyertai Pusat Pertukaran Inovasi TM.

## Ruang Kolaborasi

Ruang pejabat terbuka lengkap dengan kemudahan untuk digunakan oleh syarikat-syarikat permulaan semasa program pemacu.

## Bimbingan Inovasi

Satu pasukan dalam organisasi serta/atau rakan-rakan strategik memberikan panduan dan bimbingan awal kepada syarikat-syarikat permulaan, daripada aspek teknikal hinggalah kepada strategi ke pasaran dan banyak lagi.

## Wadah Pembangunan

Akses kepada aset teknologi TM seperti platform terbuka *Application Programming Interfare* (API) untuk digunakan oleh syarikat-syarikat permulaan semasa fasa pembangunan dalam program pemacu.

## Pakatan Strategik

Usahasama strategik dengan agensi-agensi kerajaan dan korporat daripada ekosistem inovasi.

**Pusat Pertukaran Inovasi TM merupakan platform pilihan pereka** dan pembangun kandungan bagi memenuhi permintaan yang kian tinggi terhadap data dan kandungan.

Setiap komponen telah dikenalpasti untuk saling berkait dengan komponen lain tetapi boleh berfungsi secara berasingan, bergantung kepada keperluan setiap projek dan inisiatif.

Ditubuhkan pada bulan April 2014, TM IX menempa nama dalam ekosistem inovasi menerusi penglibatan dalam acara-acara utama yang dianjurkan oleh pemain inovasi.

# Melangkah ke Hadapan

Sejak penubuhannya, Pusat Pertukaran Inovasi TM berusaha untuk menjadi Platform Inovasi Korporat No. 1 di Malaysia, memberikan hanya aset terbaik bagi memberi aspirasi kepada para usahawan. Pada tahun 2015, TM IX berharap untuk terus mengukuhkan kehadirannya dan menjadi jenama yang sentiasa diingati dalam ekosistem inovasi, dengan penambahbaikan berikut:

## 'Platform Inovasi Korporat No. 1'



Syarikat Berintegrasi Pertama di pasaran menyediakan platform dan ekosistem kandungan yang holistik

Saluran-saluran ke pasaran terbaik memberi pengiktirafan

Penerapan proses IX yang kemas memastikan kepantasan untuk ke pasaran dan inovasi dalaman

Rangkaian mentor dalaman dan luaran yang mantap

Aliran kerja ICT menyediakan pembangunan khusus kepada pelanggan-pelanggan yang berpotensi

---

ideastoinvest SMART MONEY MEETS BRILLIANT IDEAS

50 buah syarikat permulaan menghadiri pemilihan, dua syarikat permulaan menerima pelaburan

SWELL

150 orang telah hadir, Ceramah industri: AirAsia X, Axiata, IBM




30 aplikasi dibangunkan dalam tempoh 48 jam, disahkan oleh Kementerian Pelancongan

Startup GRIND powered by Google for Entrepreneurs

Sesi perkongsian oleh Cheryl Yeoh, Ketua Pegawai Eksekutif, MaGiC

ImagineCup MALAYSIA

20 buah pasukan mengambil bahagian, pemenang bakal bertanding di Redmond, Amerika Syarikat




20 buah syarikat permulaan menghadiri pemilihan, dua terpilih untuk program pemacu

angelhack KUALA LUMPUR

250 orang peserta, pemenang daripada MMU, akan diterbangkan ke Lembah Silikon




500 orang menghadiri Bina edisi Malaysia yang pertama

## Fakta Sekilas Pandang

**3.3% Pertumbuhan**
hasil dicatatkan

**12.6% Pertumbuhan**
hasil ICT/BPO

Peroleh kontrak 15 tahun
bagi Penyiaran Televisyen Terestrial
Digital bernilai
**RM1.096 bilion**



# PERUSAHAAN

## MENGUBAH LANDSKAP PASARAN MENEGAK DENGAN PANDANGAN BERMAKLUMAT, KEMAHIRAN TAMBAHAN DAN KEPAKARAN TAHAP TINGGI

# Tinjauan

Pasaran Teknologi Komunikasi & Maklumat ICT terus dibanjiri dengan syarikat-syarikat global, penyedia perkhidmatan IT dan syarikat penyepadu sistem yang baharu dan sedia ada. Walau bagaimanapun, segmen Perusahaan TM mampu membezakan penawarannya dengan memenuhi slogan TM, "Perniagaan Lebih Mudah" dan tahun 2014 jelas menjadi satu lagi tahun yang berinspirasi dan aktif buat segmen Perusahaan TM. Menggunakan Pusat Pertukaran Inovasi sebagai Pencetus Perubahan (Game Changer) untuk mengintegrasikan perkhidmatan telekomunikasi dan Teknologi Komunikasi & Maklumat/Penyumberluaran Proses Perniagaan ICT/BPOnya, segmen ini terus menumpukan kepada pasaran-pasaran menegak, serta melengkapkan pasukan jualan dengan keperincian maklumat, kemahiran dan kepakaran tambahan bagi membolehkan mereka berinteraksi dengan lebih bermakna dan menyediakan khidmat perundingan jualan. Semua ini, digabungkan dengan perancangan akaun yang sistematik, telah meningkatkan kadar penukaran jualan dan menjana pembinaan keupayaan yang memberikan hasil positif.

# Prestasi Kewangan

Biarpun wujud tekanan harga dalam pasaran yang amat kompetitif, segmen Perusahaan TM telah mencatatkan tahun kewangan yang cemerlang, susulan daripada keberkesanan program Transformasi Jualan yang telah dilancarkan pada tahun 2012. Segmen ini mencatatkan hasil berjumlah RM1,211.8 juta dengan pertumbuhan sebanyak 3.3% berbanding tahun sebelumnya. Keterhubungan kekal menjadi penyumbang hasil terbesar iaitu sebanyak 91.0% daripada hasil keseluruhan ICT/BPO yang mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 12.6% (2013: 31.6%), selaras dengan aspirasi TM untuk menjadi penyedia perkhidmatan berintegrasi.

# Inisiatif-inisiatif Utama

Menyedari keperluan-keperluan khusus industri dalam keadaan pasaran yang dinamik, segmen Perusahaan TM telah menghasilkan penyelesaian-penyelesaian berintegrasi menyeluruh untuk tiga sektor yang telah dikenalpasti iaitu minyak dan gas, peruncitan dan institusi kewangan. Penawaran perkhidmatannya yang terkhusus membolehkan syarikat memberikan nilai tambah kepada pelanggan selari dengan keperluan perniagaan mereka.

Rancangan transformasi menegak ini memerlukan segmen Perusahaan TM membina kepakaran menegaknya secara dalaman dan luaran. Di peringkat dalaman, pasukan-pasukan jualan terus diberikan latihan dan pensijilan ICT berstruktur mengikut industri-industri tertentu. Selain itu, sumber-sumber telah dijajarkan bagi menyokong keperluan pasaran dan memperbaiki prestasi jualan menerusi tumpuan yang lebih baik dan fungsi tugas yang lebih jelas.

Di peringkat luaran, segmen Perusahaan TM memanfaatkan hubungan baik dengan rakan teknologi utama dan terlibat secara aktif dalam acara-acara industri sama ada di peringkat tempatan mahupun global. Antara acara-acara utama yang menyaksikan penglibatan segmen ini adalah Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Minyak dan Gas (MOGSEC), Persidangan BankTech Asia (BankTech) dan Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Minyak dan Gas Sabah (SOGEC). Segmen Perusahaan TM ini merupakan ahli Jawatankuasa Perkhidmatan Minyak dan Gas Malaysia (MOGSC), sebuah forum yang mengetengahkan kepentingan pembekal perkhidmatan minyak dan gas.

Selain itu, segmen Perusahaan TM menggunakan peluang serantau dan bertindak secara proaktif terhadap keperluan perusahaan-perusahaan tempatan yang meluaskan operasi mereka ke luar Malaysia. Singapura dan Indonesia terus menjadi tumpuan bagi perluasan serantau, beserta dengan inisiatif-inisiatif untuk menarik pelaburan serantau ke Nusajaya, Malaysia. Segmen Perusahaan TM turut melancarkan khidmat aliran perniagaan masuk bagi menyokong keperluan keterhubungan dan ICT oleh syarikat-syarikat dan pelaburan-pelaburan baharu.

# Produk dan Perkhidmatan

## Suara

Segmen Perusahaan TM melaksanakan inisiatif-inisiatif 'pelan panggilan baharu' pada tahun 2014 seperti Smart Call dan Flexi Destina bagi memenuhi keperluan pelanggan terhadap perkhidmatan berkualiti yang berkos efektif.

## Data dan Internet/Jalur Lebar Perniagaan

Perkhidmatan keterhubungan seperti Internet dan jalur lebar perniagaan terus dikomoditikan. Ini dirumitkan lagi dengan bilangan pemain yang kian meningkat dalam pasaran dan memiliki pelbagai strategi serta kelebihan masing-masing. Biarpun berdepan dengan cabaran pasaran yang berterusan, segmen Perusahaan TM mampu memanfaatkan perkhidmatan nilai tambah sebagai faktor pembeza. Menumpukan kepada menangani persaingan harga perkhidmatan data dan jalur lebar dengan perkhidmatan-perkhidmatan nilai tambah dan kualiti perkhidmatan rangkaian yang lebih baik; kami berjaya mengekang tekanan harga dan mencatatkan pertumbuhan hasil data dan Internet.

## ICT/BPO

Segmen Perusahaan TM memperkukuhkan khidmat perundangan jualan sebagai strateginya untuk menawarkan penyelesaian-penyelesaian menyeluruh dan berintegrasi. Pada tahun 2014, perkhidmatan ini mencatatkan hasil sebanyak RM114.4 juta, iaitu pertumbuhan ketara sebanyak 12.6% berbanding tahun sebelumnya (2013: RM101.6 juta atau pertumbuhan 31.6%).

# Prospek

Bagi menangani cabaran-cabaran yang dijangka muncul pada masa akan datang, segmen Perusahaan TM telah memperkukuhkan keupayaan dan kecekapan pra-jualan dan pasca-jualan serta pengurusan saluran dengan menggunapakai Salesforce.com. Sistem baharu tersebut akan digunapakai bagi mengoptimum dan menggerakkan sepenuhnya sumber jualan, memberi lebih tumpuan kepada hubungan dengan pelanggan, perancangan akaun dan pembangunan saluran, serta menggunakan khidmat perundingan jualan yang lebih baik.

Penstrukturan semula mekansime pra-jualan, jualan dan pasca-jualannya secara sistematik pada suku keempat 2014 dijangka akan meningkatkan kecekapan keseluruhan rantaian nilainya, justeru meningkatkan kepuasan pelanggan bagi setiap interaksi. Pasukan jualan dan pra-jualan segmen Perusahaan TM disusun agar sejajar dengan industri-industri menegak bagi memberi tumpuan sewajarnya dan membantu merealisasikan interaksi dan kolaborasi dengan pelanggan yang lebih erat.

Segmen Perusahaan TM juga telah merombak pendekatannya terhadap rakan kongsi dengan memfokus kepada kolaborasi pemasaran dan teknologi. Ia dijangka dapat mencipta sinergi dengan rakan-rakan usahasamanya bagi meningkatkan hasil menerusi pembezaan produk dan perkhidmatan yang lebih mantap serta liputan jualan yang lebih luas.

Landskap pasaran segmen Perusahaan TM dijangka akan terus dinamik di sebalik kesesakan pasaran. Persekitaran sebegini akan memacu pertumbuhan Kumpulan yang berkekalan apabila segmen ini menumpu kepada keterhubungan, perkhidmatan terurus dan ICT. Pusat Data, Awan, Keselamatan dan Mobiliti Perusahaan dijangka menjadi pemacu utama ICT.

TM akan terus membina keupayaan khusus industri dan memperluaskan operasi menerusi penyelesaian-penyelesaian berintegrasi bagi memenuhi keperluan-keperluan perusahaan yang kian kompleks, baik di peringkat tempatan mahupun serantau.

# KERAJAAN



## Fakta Sekilas Pandang

**>12,000**
Tapak agensi Kerajaan dihubungkan

**3 perkhidmatan perkongsian utama**
1Gov*Net, 1GovUC, 1MOCC

**3 produk ICT utama**
Penyelesaian Pembelajaran Abad Ke-21 Berintegrasi, Pendigitalan Peta, SmartMap

## Tinjauan

Sektor Kerajaan TM menyediakan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disasarkan bagi memenuhi keperluan Kerajaan Malaysia. Sejak tahun 2009, sektor ini menawarkan sambungan dalam bentuk Data, Internet dan Suara kepada Kerajaan Malaysia. Hari ini, selari dengan misi Kumpulan untuk menjadi pencetus perubahan (game changer) dengan tumpuan kepada Pusat Pertukaran Inovasi, perkhidmatan-perkhidmatan teras ini sedang diintegrasikan dengan produk ICT dan penyumberluaran proses perniagaan.

Setelah meletakkan asas bagi menghubungkan lebih daripada 12,000 agensi Kerajaan menerusi Intranet dan Internet – di bawah rangkaian 1Gov*Net – sektor ini terus membangun dan memperluaskan Komunikasi Bersepadu Kerajaan (1GovUC). Sektor Kerajaan TM turut menyediakan Pusat Panggilan 1 Malaysia (1MOCC) dan Pusat Panggilan Kecemasan MERS 999, yang terus diperluaskan ke seluruh negara.

Semasa dalam tempoh kajian semula, sektor Kerajaan TM mula menggunakan asas ICT kukuh yang telah dilaksanakan untuk Kerajaan Malaysia bagi membolehkannya menawarkan himpunan perkhidmatan menegak dalam bidang pendidikan dan pemetaan. Matlamat utama adalah untuk memanfaatkan keupayaan Kumpulan sebagai sebuah Pusat Pertukaran Inovasi bagi membolehkan Kerajaan Malaysia menjadi "SMART". Ini seterusnya membawa kepada pembinaan ciri-ciri **S**osial, **M**obiliti dan **A**nalisis sambil mencipta keterbukaan dan **R**adikal dan Keyakinan (**T**rust). Ini melibatkan penggunaan pelbagai inovasi tercanggih daripada Data Terbuka dan Data Besar kepada awan dan Internet Untuk Segala-galanya.

Sebuah Kerajaan Malaysia yang SMART bukan sahaja memberi faedah kepada Kerajaan – dengan meningkatkan kecekapan operasi dan kos – tetapi juga memberi manfaat kepada rakyat Malaysia yang bakal menikmati perkhidmatan lebih pantas, lebih mudah dan akses segera kepada pangkalan data yang menghimpunkan pelbagai informasi berguna.

# Prestasi Kewangan

Prestasi berkekalan dipacu oleh pelaksanaan strategi perniagaan yang efektif menyumbang kepada keputusan kewangan mampan yang direkodkan oleh sektor Kerajaan TM pada tahun 2014. Pertumbuhan hasil berbanding tahun sebelumnya dapat dicapai melalui sumbangan oleh perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi lain. Hasil Perkidmatan Data dan Internet meningkat, masing-masing kepada 3.0% dan 11.0%, sementara hasil Suara sedikit menurun berikutan pengenalan teknologi Komunikasi alternatif.

# Produk dan Perkhidmatan

Sepanjang tahun 2014, tiga produk baharu telah diperkenalkan sementara perkhidmatan Suara, Data, Internet dan ICT/BPO yang sedia ada terus dipertingkatkan dan diperluaskan. Tiga produk baharu tersebut ialah: Penyelesaian Pembelajaran Bersepadu Abad Ke-21 Berintegrasi, Pendigitalan Peta dan SmartMap. Kedua-dua projek pemetaan dikendalikan oleh sektor Kerajaan TM dan TM Geomatics dengan menggunapakai teknologi geospatial bagi meneroka potensi komersil pemetaan digital di negara ini.

## Penyelesaian Pembelajaran Bersepadu Abad Ke-21

Sektor Kerajaan TM memulakan sebuah projek bagi menawarkan satu penyelesaian ICT bersepadu terdiri daripada Sistem Pengurusan Pembelajaran, Sistem Pengurusan Kandungan, e-Teaching dan Microsoft 365. Sistem ini berfungsi menerusi sambungan gentian berkelajuan tinggi yang berintegrasi dengan 1Gov*Net, justeru memberikan lebih lebar jalur berbanding sistem-sistem pembelajaran berasaskan ICT sebelum ini.

Selain daripada kandungan program yang boleh dirangka sendiri oleh seorang guru individu, penyelesaian ini turut membolehkan guru-guru lain disambungkan kepada sistem tersebut untuk mengakses kandungan satu sama lain, dan membolehkan akses kepada sesi-sesi bilik darjah dan bahan-bahan sokongan pembelajaran buat para pelajar.

## Pendigitalan Peta

TM terlibat dalam rekaan peta Malaysia berbentuk 3D, yang akan menyediakan pelbagai jenis maklumat yang tidak boleh didapati melalui cara konvensional iaitu peta dua dimensi seperti pembangunan dan kepadatan populasi di sesuatu kawasan. Dengan adanya maklumat sebegini, agensi-agensi Kerajaan mampu merancang aktiviti pembangunan tanah dengan lebih berkesan.

Sektor Kerajaan TM akan menghasilkan peta 3D pertama di negara ini – peta Putrajaya dan Kuala Lumpur – dengan mengambil lima bangunan di setiap kawasan sebagai projek percubaan. Selepas peta percubaan tersebut lengkap pada bulan Disember 2015, sektor Kerajaan TM akan terus membangunkan lebih banyak peta komprehensif untuk seluruh Malaysia. Bagi projek ini, sektor Kerajaan TM menggunakan kepakaran daripada TM Geomatics dan turut berkolaborasi dengan rakan-rakan pakar dalam teknologi geospatial.

## SmartMap

Sebagai usaha meningkatkan hasil Kerajaan Malaysia, agensi-agensi Kerajaan menggunakan SmartMap untuk memberikan maklumat dan lokasi perusahaan-perusahaan komersil.

Sistem tersebut boleh diakses menerusi komputer peribadi dan pelayar tablet, justeru sistem ini mesra pengguna walaupun pengguna tersebut tidak memiliki sebarang latar belakang Sistem Maklumat Geografi (GIS). Skop projek ini merangkumi pembangunan aplikasi, keselamatan sistem, penyepaduan data dan pengekodan secara geografi.

# Prospek

Sektor Kerajaan TM yakin dapat memperluaskan perniagaannya apabila sektor ini terus menyokong Kerajaan Malaysia mencapai misinya bagi memberi satu wadah tunggal kepada rakyat untuk mencapai pelbagai aplikasi Kerajaan. Ketika Kerajaan Malaysia bersedia untuk Rancangan Malaysia Ke-11 yang menggariskan pelan pembangunan negara dari 2016 hingga 2020, sektor Kerajaan TM menjangkakan peningkatan pelaburan dalam program-program ICT berintegrasi bagi mencapai pelbagai sasaran yang membentuk Wawasan 2020 negara.

Sambil memperkukuh rangkaian-rangkaian dan sistem-sistem yang telah disediakan untuk Kerajaan Malaysia, sektor Kerajaan TM akan meluaskan perkhidmatan menegak yang mampu diberikan lantas menyumbang kepada tahap kecekapan lebih baik merentasi pelbagai perkhidmatan kerajaan, daripada penjagaan kesihatan kepada keselamatan awam dan kewangan. Semua ini akan dipakejkan bersama platform-platform yang relevan, daripada Data Besar dan Kandungan Besar kepada Mobiliti.




*Ahli-ahli Parlimen Malaysia melawat Pusat Panggilan Kecemasan MERS 999.*

# VADS

## Tinjauan

VADS Berhad (VADS), ditubuhkan pada tahun 1991, merupakan syarikat Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)/ Penyumberluaran Proses Perniagaan (BPO) Terurus Bersepadu terulung di Malaysia. Syarikat milik penuh TM ini menggabungkan insan, proses dan teknologi untuk membolehkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang lebih berkesan dan dinamik. Tenaga kerjanya yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang dan budaya, memiliki gabungan kepakaran operasi untuk menerajui operasi VADS di dalam penyelidikan, pembangunan senibina, penyelesaian dan pengurusan projek. Setiap anggota komited untuk memperkasa perniagaan-perniagaan dengan menawarkan kemahirannya bagi membawakan penyelesaian dan perkhidmatan inovatif berasaskan nilai, justeru membolehkan pelanggan menumpukan kepada perniagaan teras mereka.

## Prestasi Kewangan

Kumpulan VADS mencatat hasil berjumlah RM921.9 juta, dengan BPO menyumbang RM327.8 juta, ICT memberikan RM364.9 juta, PT VADS menyumbang RM64.1 juta dan RM165.0 datang daripada GSP Terurus dan lain-lain.

Kumpulan VADS melancarkan dua produk teras baharu – VADS Awan Persendirian Maya (VPC) dan VADS Contact Centre Lite (CC Lite). Menerusi VADS VPC, Kumpulan menyasarkan untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai penyedia awan terkemuka negara. VADS CC Lite pula membuka aliran hasil baharu kepada syarikat.

## Penawaran Perkhidmatan

Evolusi teknologi terus mengubah landskap perniagaan di Malaysia. Bagi memenuhi keperluan perniagaan yang semakin berkembang, VADS bekerjasama erat dengan rakan-rakan teknologi untuk menjangka dan membangunkan penyelesaian-penyelesaian perniagaan yang memberi nilai sebenar kepada pelanggan. Dengan portfolio perkhidmatan yang meluas di dalam Sambungan Terurus, ICT dan BPO, VADS berhasrat untuk berpegang teguh kepada falsafah kumpulan iaitu "Perniagaan Lebih Mudah."

### Perkhidmatan ICT Bersepadu

VADS, merupakan syarikat Penyedia ICT Terurus Bersepadu terulung di Malaysia yang menawarkan penyelesaian ICT yang stabil, fleksibel dan boleh diubahsuai untuk membolehkan syarikat-syarikat korporat menjadi lebih aktif dan bertindak balas dengan lebih pantas sejajar dengan keadaan perniagaan yang berubah-ubah. Dalam memacu kecemerlangan operasi, VADS menerajui inisiatif bagi mendapatkan pensijilan ISO 20000 untuk salah satu Meja Bantuan ICTnya yang menyokong sebuah organisasi terkemuka di negara ini.

**Bekerjasama erat dengan rakan-rakan teknologi bagi menjangka dan** membangunkan penyelesaian dengan nilai sebenar untuk para pelanggan.




VADS juga terus mengekalkan ISMS 27001 untuk Pusat Datanya, Pengkomputeran Awan dan Pusat Operasi Keselamatan (SOC). VADS juga merupakan peneraju dalam Program Rakan Saluran Cisco yang merangkumi Perkongsian Emas Cisco dan pensijilan Perkhidmatan Terurus.

Bagi memastikan pertumbuhan perniagaan ICT Terurus Bersepadunya, VADS terus melabur terhadap tenaga kerja dan prasarana agar syarikat mempunyai kepakaran teknikal dan pensijilan secukupnya merentasi aspek-aspek ICT yang utama termasuklah Rangkaian, Keselamatan, Kolaborasi, Perkhidmatan Teknikal IT, Pelayan dan Penyimpanan, Pusat Data, Pengkomputeran Awan dan Pengurusan Projek. VADS akan memperluaskan lagi himpunan kompetensinya bagi merangkumi Perisian, Pangkalan Data dan Pengkomputeran Pengguna Akhir dengan Mobiliti.

VADS mempunyai lebih 200 orang anggota persijilan profesional dan merupakan rakan usahasama bertauliah kepada lebih 15 syarikat dan peneraju ICT global seperti Cisco, VMware, IBM, HP, Juniper, Oracle, Avaya, Microsoft, Hitachi, Riverbed, Fortinet, Blue Coat dan Radware.

VADS terus melabur untuk pembangunan platform awannya bagi menyokong model penyampaian perkhidmatan yang kian mendapat sambutan. Pada bulan Jun 2014, VADS melancarkan Awan Persendirian Maya (VPC) pertama negara. Dihoskan di Malaysia, peyelesaian awan persendirian bertaraf perusahaan ini memenuhi keperluan perusahaan-

# VADS KOMITED DALAM MEMPERKASAKAN PERNIAGAAN DENGAN PENYELESAIAN INOVATIF BERASASKAN NILAI



## Fakta Sekilas Pandang

**> 5,000 wakil**

khidmat pelanggan di 13 pusat BPO di 2 negara

**> 500 pelanggan PKS**

dari segmen Perusahaan dan Kerajaan merentasi pelbagai industri khusus

**> 200 persijilan profesional**

dari tenaga kerja ICT/BPO dan jumlah ini kian bertambah

TM MENYOKONG ASPIRASI VADS UNTUK MENJADI PENYEDIA PERKHIDMATAN ICT DAN BPO TERURUS BERSEPADU TERULUNG DI MALAYSIA.




*Sesi lawatan barisan pengurusan POS Laju ke VADS.*

perusahaan bersaiz besar yang memerlukan penyelesaian pengkomputeran awan yang fleksibel tanpa perlu membuat pelaburan awal yang besar atau memiliki sumber tenaga kerja berkemahiran. VADS VPC merupakan infrastruktur awan yang mantap dan mampu memberi pengalaman pelanggan terunggul kepada klien. Penawaran ini melengkapi penawaran awan sedia ada VADS dan sebagai Penyedia Perkhidmatan Terurus Bersepadu, VPC ini akan membolehkan VADS memberi perkhidmatan nilai tambah dan seterusnya mempertingkatkan pengalaman pelanggan. VPC membolehkan perusahaan-perusahaan tempatan menikmati semua manfaat platform awan perusahaan, daripada Infrastruktur-sebagai-Perkhidmatan (IaaS), Platform-sebagai-Perkhidmatan (PaaS) dan Perisian-sebagai-Perkhidmatan (SaaS) dalam persekitaran yang terjamin keselamatannya. Ia menjadi pembeza utama yang memberi nilai lebih tinggi kepada pelanggan pada kos operasi yang lebih rendah. Dalam tempoh enam bulan, VADS VPC telah memperolehi lebih daripada lima klien utama dan banyak lagi syarikat bakal turut serta, menjadikan VADS syarikat VPC utama dan relevan di negara ini. Penawaran VADS premium IaaS dan SaaS yang terjamin selamat mencatatkan pertumbuhan lebih 30% pada tahun 2014. Pusat Data dan Perkhidmatan Awan VADS kedua-duanya mendapat pensijilan ISO 27001 sementara rangkaiannya dikuasakan oleh rangkaian IP berkelajuan tinggi TM yang meluas, dengan liputan domestik dan antarabangsa.

Pada 2014, VADS menjadi salah satu Rakan Penyelesaian Perlesenan Microsoft yang membolehkannya memberi penyelesaian perlesenan secara pukal kepada perniagaan-perniagaan di Malaysia. Usahasama strategik ini melengkapi himpunan produk dan penyelesaian ICT sedia adanya, serta mencipta peluang untuk menjadi pusat sehenti bagi Pusat Pertukaran Emel, Perkhidmatan Komunikasi Bersepadu dan Perkhidmatan Komputer Terurus dengan Perlesenan Klien dan Aplikasi Microsoft.

Hubungan VADS dengan Microsoft (MS) bermula pada tahun 2011 apabila VADS menjadi Rakan Pensindiketan Microsoft untuk O365, satu-satunya organisasi di Malaysia yang memberi perkhidmatan kepada pasaran tempatan dan rantau-rantau tertentu di Asia. Pada tahun 2014, susulan inisiatif ke pasaran yang agresif bersama-sama segmen PKS TM dan Microsoft menyaksikan langganan MS O365 meningkat tiga kali ganda berbanding tahun 2013. Usaha inilah yang membawa kepada perlantikan TM sebagai Rakan Pensindiketan Global MS bagi tahun 2014.

VADS sendiri menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan daripada rakan-rakan usahasama dan industri. Pada bulan Februari, VADS telah dinobatkan sebagai Rakan Perkhidmatan Terurus Terbaik oleh Cisco dan menerima pengiktirafan Rakan Penyedia Penyelesaian Perusahaan Terbaik daripada WMware untuk peringkat Global dan rantau Asia Pasifik. Di *Computerworld Malaysia Readers Choice Awards 2014*, VADS telah membawa pulang anugerah Penyedia Sambungan Terurus Terbaik serta Penyedia Awan Hibrid dan Persendirian Terbaik. Selain itu, VADS diangkat sebagai Penyedia Perkhidmatan Terurus Terbaik di Malaysia dan Penyedia Perkhidmatan BPO Terbaik di *Frost & Sullivan Excellence Award 2014*.

## Perkhidmatan BPO Berintegrasi

Fokus utama VADS Business Process Sdn Bhd (VADS BPO) adalah untuk mengembangkan operasi pusat panggilannya menerusi lima teras utama iaitu Pengurusan Pengalaman Pelanggan, Penjanaan Hasil, Penyumberluaran Proses Pengetahuan, Analisis dan Pandangan Perniagaan serta Pengurusan Modal Insan. Ini membolehkan syarikat memperkukuh kedudukannya dalam pasaran domestik sambil memperluaskan kehadirannya di rantau ini.

Walaupun industri penyumberluaran berkait rapat dengan perusahaan-perusahaan besar, pasaran PKS – terdiri daripada lebih 700,000 perusahaan kecil dan sederhana – dijangka menjadi pemacu utama pertumbuhan perniagaan

# VADS BPO MULA MELABUR DALAM PERKAKASAN DAN PLATFORM YANG MEMBOLEHKAN PELANGGAN BERINTERAKSI DENGAN PELANGGAN MEREKA MENERUSI MEDIA SOSIAL. IA JUGA MENAWARKAN ANALISIS PERNIAGAAN UNTUK MEMBANTU MENINGKATKAN KESETIAAN PELANGGAN

penyumberluaran negara. Bagi memenuhi keperluan PKS, yang mewakili 99.2% daripada keseluruhan organisasi perniagaan di Malaysia, pada tahun 2014, VADS telah melancarkan Contact Centre Lite (CC Lite) – satu cara baharu dan berevolusi untuk meluaskan perkhidmatan pusat panggilan profesional yang menawarkan pelbagai ciri produk dan perkhidmatan dalam persekitaran yang mudah diubah, justeru membolehkan PKS menguruskan kos mereka dengan lebih baik.

Pada masa yang sama, menyedari keperluan pelanggannya telah berubah, VADS BPO melengkapkan perkhidmatan berasaskan suaranya dengan lebih banyak perkhidmatan nilai tambah. Syarikat mula melabur kepada perkakasan dan platform yang membolehkan klien berinteraksi dengan pelanggan mereka menerusi media sosial. Syarikat juga menawarkan Analisis Perniagaan untuk membantu klien meningkatkan kesetiaan pelanggan mereka dan menjana lebih banyak hasil dengan memberi mereka pandangan berkenaan kehendak dan tingkah laku pelanggan mereka.

Bagi memacu segmen bukan berasaskan suara, syarikat menawarkan perkhidmatan *back office* yang lebih cekap dan berkesan dalam aspek-aspek seperti pengurusan dan pendigitalan dokumen untuk mempertingkatkan Penyumberluaran Proses Pengetahuan (KPO).

Sementara itu, pembangunan insan kekal menjadi keutamaan dan latihan berterusan diberikan bagi mempersiapkan Khidmat Pelanggan Profesional (CSP) dengan gabungan kemahiran teknikal dan insaniah yang tepat untuk memberikan khidmat kepada pelanggan dengan lebih baik. VADS telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kolej Antarabangsa INTI Kuala Lumpur bagi menawarkan para anggotanya rebat istimewa ke atas yuran pengajian untuk program-program terpilih, justeru membolehkan mereka mendapat pendidikan formal bagi mengembangkan kerjaya mereka. Pada masa yang sama, VADS juga memberikan maklum balas kepada INTI tentang cara yang boleh mempertingkatkan lagi kurikulum mereka agar menepati keperluan industri.

Antara pencapaian-pencapaian penting VADS pada tahun ini adalah membantu salah satu kliennya memperoleh pensijilan ISO 9001:2008 daripada SIRIM, menjadikannya pusat panggilan ketiga diuruskan VADS yang menerima pensijilan ISO.

VADS BPO pula telah merangkul 11 anugerah pada tahun 2014, dengan yang paling utama ialah dua pingat Emas – bagi Pusat Panggilan Mega dan Pengurus Jualan Terbaik – dan satu pingat Gangsa untuk Penggunaan Media Sosial Terbaik bagi Pusat Panggilan di *Contact Centre World Awards 2014* di Las Vegas, Amerika Syarikat.

Kemenangan terbesar dicatatkan di *15th National Customer Experience Industry Awards* yang menyaksikan VADS BPO membawa pulang satu pingat Emas dan enam pingat Gangsa. Selain itu, syarikat juga memenangi pingat Emas di *Contact Centre World Asia Pacific Awards 2014*; dan pingat Perak untuk Pusat Panggilan Sumberluaran Terbaik di *14th Annual Contact Centre Association of Singapore Awards.*

Anak syarikat VADS BPO, PT VADS, yang mula beroperasi pada tahun 2008, mencatatkan pertumbuhan stabil di Indonesia, mengukuhkan kedudukannya sebagai salah satu Penyedia Perkhidmatan BPO yang paling pesat berkembang di negara tersebut. PT VADS merekodkan pertumbuhan hasil memberangsangkan pada 2014 dengan memperoleh 1.5 kali ganda jumlah hasil yang disasarkan. Pencapaian ini dapat dicapai menerusi perolehan beberapa klien daripada pelbagai sektor industri – telekomunikasi, pengendali mudah alih, logistik dan banyak lagi.

Perkhidmatan teras PT VADS adalah Penyelesaian Pusat Panggilan, Pusat Pembelajaran Khidmat Pelanggan, Pengurusan Modal Insan dan Penempatan Pusat Data. PT VADS sentiasa meneroka pelbagai cara untuk terus berkembang menerusi prestasi yang lestari dan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. Kedua-dua VADS dan PT VADS sedang memperluas jangkauan mereka merentasi rantau ini dengan menyediakan perkhidmatan melangkaui sempadan di pasaran-pasaran baharu yang sedang meningkat naik untuk berkongsi kepakaran mereka.

## Prospek

Dengan produk-produk inovatif dan segmen-segmen pasaran baharu, VADS akan terus membangun dan menguruskan perkhidmatan-perkhidmatan Sambungan, ICT dan BPO Kumpulan dengan meletakkan syarikat sebagai rakan pilihan yang diyakini menerusi pemerkasaan perniagaan untuk mengembangkan produk dan penyelesaiannya. Pelanggan bakal melihat persepaduan yang lebih mantap melalui komponen-komponen Sambungan dan ICT disampaikan menerusi penawaran awan yang bertumpu kepada lapan sektor menegak: minyak dan gas, penjagaan kesihatan, pendidikan, peruncitan, perkhidmatan kewangan, hartanah, sektor awam dan keselamatan awam. Sebagai sebahagian daripada pelan perluasannya, VADS turut berhasrat memanfaatkan keadaan sempadan global yang semakin pudar bagi memperluaskan kehadiran serantaunya.

# "PERNIAGAAN LEBIH MUDAH" DENGAN PENGURUSAN PRODUK AKAUN TERURUS



SEGMEN AKAUN TERURUS (MA) TELAH DIWUJUDKAN PADA TAHUN 2014 BAGI MENYEDIAKAN PLATFORM LEBIH BAIK BUAT PELANGGAN KAMI. SEGMEN INI MENGINTEGRASIKAN PRODUK-PRODUK TERAS DAN MEMACU PERTUMBUHAN DENGAN MEMBANGUNKAN PENYELESAIAN BERORIENTASIKAN TEKNOLOGI BAGI MEMENUHI KEPERLUAN PASARAN KHUSUS. INISIATIF-INISIATIF PENTING YANG BERSESUAIAN TELAH DIRANGKA BAGI MEMBERI PERKHIDMATAN LEBIH BAIK KEPADA PARA PELANGGAN KAMI.

## Strategi dan Inisiatif-inisiatif Utama

Landskap penyelesaian perniagaan-ke-perniagaan (B2B) sentiasa berubah dan perkhidmatan awan merupakan pencetus perubahan utama. Dalam pasaran yang terbahagi tetapi dinamik ini, kehadiran teknologi telah menghapuskan halangan untuk bersaing dan bersepadu. Dalam persekitaran ini, produk-produk yang berfungsi terhad tidak dapat memberi lebih nilai kepada pelanggan. Justeru, segmen MA berhasrat untuk menyediakan produk portfolio yang dipertingkatkan menerusi awan sebagai model penyampaian perkhidmatan baharu. Awan Persendirian Maya (VPC) membezakan segmen MA dengan memberi nilai yang lebih tinggi kepada pelanggan pada kos yang

lebih rendah, membuktikan falsafah TM, "Perniagaan Lebih Mudah."

### Keterhubungan

Segmen MA komited untuk terus mempertingkat kecekapan perniagaan dan operasinya bagi mengurangkan kos sambil menambahbaik pengalaman pelanggan. Produk dan perkhidmatan baharu menjadi lebih ringkas, lebih kos efektif dan mampu dilaksanakan dengan lebih cepat bagi membolehkan pelanggan menikmati lebih nilai dengan keterhubungan lebih pantas.

### Perkhidmatan Terurus Berintegrasi

Segmen MA mempertingkatkan portfolio produknya menerusi pengintegrasian komponen keterhubungan dan ICT yang lebih mantap dibawakan menerusi awan berdasarkan langganan dan ini memudahkan penyampaian perkhidmatan walau di mana, pada bila-bila masa dan pada sebarang peranti. Segmen ini akan melancarkan empat portfolio produk utama untuk memberi lebih nilai kepada pelanggan, iaitu: Perisian Perusahaan-sebagai-Perkhidmatan (SaaS), Komunikasi dan Kolaborasi Bersepadu (UCC), Pengkomputeran Pelanggan Akhir dengan Pengurusan Mobiliti Perusahaan, dan Perkhidmatan Keselamatan Terurus. Produk-produk ini ditawarkan menggunakan model bayar-mengikut-penggunaan dan pelanggan mendapat manfaat daripada struktur caj yang fleksibel ini.

### Peranan Kami dalam Pasaran Terkhusus

Segmen MA membezakan penawarannya dengan memenuhi keperluan sesebuah industri yang spesifik. Segmen ini berusaha gigih bagi memahami keperluan individu setiap pasaran terkhusus dan meringkaskan proses serta operasi perniagaan mereka demi menghasilkan produk perniagaan-ke-perniagaan-ke-pelanggan (B2B2C) yang terbaik. Setakat ini, segmen MA telah mengenalpasti lapan pasaran terkhusus untuk diberi tumpuan: minyak dan gas, penjagaan kesihatan, pendidikan, runcit, perkhidmatan kewangan, hartanah, sektor awam dan keselamatan awam. Segmen ini komited untuk membangunkan penyelesaian-penyelesaian unik bagi setiap sektor, justeru membuktikan kemampuannya menyampaikan perkhidmatan yang menyeluruh.

### Pertumbuhan Penyumberluaran Proses Perniagaan (BPO)

BPO mencatat pertumbuhan mantap yang stabil dalam pasaran tempatan. Sempadan antarabangsa semakin kabur dan syarikat-syarikat mula memandang kepada penyampaian merentasi sempadan bagi mengambil peluang daripada kos tenaga kerja yang mampu dibayar dan insentif-insentif cukai. Sementara itu, BPO akan menumpu kepada memperkukuh penawaran nilai serantau dengan model-model berorientasikan lokasi buat klien-klien yang memiliki kehadiran di dalam dan di luar Malaysia. Justeru, BPO akan mewujudkan Pusat Penyampaian Kecemerlangan Serantau bagi Trafik Masuk, Trafik Keluar dan Media Sosial untuk memberi lebih nilai kepada pelanggan.

### Penciptaan Perkhidmatan Baharu dalam Mobiliti

Apabila P1 kini telah menyertai Kumpulan TM, segmen MA akan melihat elemen mobiliti sebagai penawaran baharu bagi melengkapkan perkhidmatan-perkhidmatan talian tetap dan mudah dibawa. Spektrum Evolusi Jangka Panjang (LTE) akan diletakkan sebagai sokongan utama bagi penawaran IPVPN dan Internet untuk menambah penawaran perkhidmatan mudah alih dan juga buat para pelanggan di kawasan-kawasan terpencil justeru mewujudkan aliran hasil baharu buat peranti Mesin-kepada-mesin (M2M) dan sambungan aplikasi.

### Pusat Data – Membina Platform Pertumbuhan Baharu

Langkah segmen MA berikutnya dalam membawakan kecemerlangan perkhidmatan adalah melabur dalam pusat data generasi akan datang yang terbuka kepada semua syarikat telekomunikasi dan menggunapakai proses-proses hijau yang disahkan dalam bangunan hijau yang disahkan. Pusat-pusat Data premium ini akan menjadi infrastruktur asas dan komponen utama bagi model penyampaian perkhidmatan awan untuk memastikan ketersediaan dan keyakinan dan keselamatan prasarana berada pada tahap tertinggi. Sasaran segmen MA adalah untuk menjadi hab komunikasi dan kandungan rantau ini dengan adanya pusat data tercanggih.

### Perkhidmatan Pintar

Intelsec, sebuah anak syarikat baharu ditubuhkan pada 2014 untuk menawarkan khususnya perkhidmatan awan dan perisian yang memberi sokongan secara kos efektif kepada sektor awam dan swasta. Kebanyakkan penyelesaiannya akan menjadi tonggak teknologi daripada keselamatan dan keselamatan awam hingga kepada pengurusan tenaga dan prasarana.

## Rumusan

Di sebalik garis sempadan yang memisahkan semasa perniagaan semakin kecil dan menimbulkan lebih banyak kerumitan, segmen MA memastikan segmen ini memberi penawaran perkhidmatan yang lebih dinamik dan fleksibel ke pasaran bagi mencatat tahap kestabilan lebih tinggi dan potensi pertumbuhan kepada pelanggannya. Mementingkan pengalaman pelanggan, segmen MA berhasrat terus mempertingkat portfolio produk berintegrasinya, dan melengkapinya dengan penyampaian perkhidmatan yang cekap, pelaksanaan lebih panas dengan model pembayaran yang fleksibel. Mengintegrasikan pelbagai teknologi ke dalam portfolio produk berintegrasi, segmen MA terus berpegang kepada penawaran nilai TM, "Perniagaan Lebih Mudah."

Melancarkan
**Awan persendirian pertama**
di Malaysia, membolehkan penyampaian perkhidmatan awan

Melancarkan
**6 perkhidmatan**
terurus berintegrasi baharu berasaskan awan

Melaksanakan
**3 inisiatif penjimatan kos**

Melancarkan
**14 penambahbaikan**
bagi meringkaskan penawaran

Peroleh kontrak bernilai
**RM1.096 bilion**
bagi Penyiaran Televisyen Terestrial Digital selama 15 tahun



# GLOBAL & BORONG

## Fakta Sekilas Pandang

Kehadiran di lebih

**50 negara seluruh dunia**

**>120Gbps**

litar *next-gen backhaul* (NGBH) disediakan di seluruh negara

Sistem kabel dasar laut sepanjang lebih

**100,000**

**batu laluan-fiber**

seluruh dunia

# Tinjauan

Segmen Global dan Borong (G&W) tertumpu kepada perniagaan borong tempatan dan antarabangsa, menawarkan pelbagai perkhidmatan dan penyelesaian komunikasi tercanggih yang komprehensif dalam bentuk perkhidmatan sambungan, data, infrastruktur, suara dan multimedia. Komited untuk memberikan pengalaman pelanggan yang lebih baik kepada syarikat-syarikat telekomunikasi di lebih 50 buah negara yang mempunyai kehadirannya, G&W terus membangun dan memperbaiki rangkaian terrestrialnya yang meluas, sistem kabel dasar laut dan sambungan satelit, serta mempertingkatkan infrastruktur sedia ada secara berterusan yang diuruskan oleh anak-anak syarikatnya – Fiberail Sdn Bhd, Fibrecomm Network (M) Sdn Bhd dan syarikat sekutu Acasia Communications Sdn Bhd.

Beraspirasi untuk menjadi rakan pilihan bagi sambungan menyeluruh dan keperluan ICT, segmen ini terus meluaskan jangkauan infrastruktur Protokol Internet (IP) dan membina kehadiran dalam pasaran-pasaran strategik baharu. Sambil meninjau untuk meluaskan operasi di peringkat global, segmen G&W juga menumpu kepada pasaran bersebelahan dan khususnya ASEAN di mana segmen ini percaya ia mampu menyokong wawasan sebagai blok ekonomi yang dinamik. Menerusi sekutu Singapuranya, BlueTel Networks Pte Ltd (BTN), segmen G&W mempelbagaikan lagi himpunan penyelesaiannya yang kos efektif bagi menghubungkan Malaysia dan ASEAN kepada dunia.

Dalam negara, segmen G&W bertanggungjawab terhadap infrastruktur ICT sedia ada yang menyokong wawasan Kerajaan untuk membina sebuah ilmu ekonomi berasaskan nilai. Segmen ini turut menyokong memajukan infrastruktur negara untuk telekomunikasi masa hadapan agar perniagaan dan kehidupan para pelanggan kami menjadi lebih mudah.

Menyelaraskan operasinya dengan visi Pusat Pertukaran Maklumat dan Inovasi Kumpulan TM, segmen G&W bersedia untuk menyediakan rangkaian dan perkhidmatan bagi membolehkan penghimpunan, pengagihan dan pertukaran maklumat menerusi penyelesaian-penyelesaian sambungan yang dipertingkatkan serta menggalakkan inovasi melalui media komprehensif, kandungan dan ekosistem aplikasi.

# Prestasi Kewangan

Keputusan kewangan berakhir Disember 2014 bagi segmen Global & Borong TM mencatatkan jumlah hasil terkumpul berjumlah RM2,106.3 juta atau pertumbuhan 4.6% daripada RM2,013.2 juta yang dilaporkan tahun lalu. Ini disumbangkan khususnya oleh perkhidmatan Data daripada Akses Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBA), perkhidmatan kapasiti antarabangsa dan suwa domestik jangka panjang, digandingkan bersama perkhidmatan Infrastruktur seperti sewaan lokasi dan kabel dasar laut nasional walaupun jumlah minit penggunaan perkhidmatan suara domestik dan antarabangsa merosot.

Kos operasi berjumlah RM1,698.9 juta susut 0.6% setakat Disember 2014 berbanding RM1,708.9 juta yang dicatatkan pada Disember 2013 berikutan kos pembayaran domestik dan antarabangsa yang lebih rendah serta caj litar suwa yang lebih rendah ditanggung oleh Fibrecomm disebabkan oleh pelarasan kadar.

Hasil lebih tinggi dan kos operasi lebih rendah yang dinyatakan di atas telah membawa kepada catatan EBIT segmen Global & Borong setakat Disember 2014 berjumlah RM409.4 juta, peningkatan 33.9% berbanding setakat Disember 2013 iaitu RM305.7 juta.

# Operasi Perniagaan

Dari ibu pejabatnya di Menara TM, Kuala Lumpur, segmen G&W memantau rangkaian pejabat-pejabat serantau dan perwakilan di seluruh dunia. Terdapat lima pejabat serantau di Singapura, Hong Kong, United Kingdom, Amerika Syarikat (AS) dan Australia; serta pejabat-pejabat perwakilan di Prague, Dubai dan Taiwan bagi menyokong pasaran-pasaran Eropah Timur, Timur Tengah dan China yang kian pesat berkembang.




*TM jalin usahasama dengan Etisalat bagi Prasarana Smarthub.*




*TM bersama 14 syarikat telekomunikasi global membentuk pakatan bagi pembinaan sistem kabel dasar laut SEA-ME-WE-5 yang menghubungkan tiga benua – Asia, Afrika dan Eropah.*

# Produk dan perkhidmatan

Segmen G&W menawarkan pelbagai produk sambungan ICT daripada perkhidmatan Suara sehingga perkhidmatan Data, Lebar Jalur dan perkhidmatan serta penyelesaian Infrastruktur.

## Perkhidmatan Suara

Setelah menaik taraf ke Rangkaian Generasi Akan Datang (NGN), segmen G&W mampu menawarkan sambungtara menerusi Suara melalui Protokol Internet (VoIP) dan Pemultiplekskan Pembahagian Masa (TDM) pada satu platform yang sama. Selain rangkaian tempatan, syarikat telekomunikasi seluruh dunia mempunyai fleksibiliti untuk menikmati kebolehcapaian hampir lengkap ke seluruh dunia menerusi Titik Kehadiran (POP) milik segmen G&W di Singapura, Hong Kong, United Kingdom dan AS, membolehkan mereka mengendalikan perkhidmatan suara dan faks telefon-ke-telefon, serta mencipta aplikasi bernilai tambah.

### Minit Salinghubung *(Interconnect Minutes)*

Minit Salinghubung sama ada tetap atau mudah alih, ditawarkan menerusi sambungan antara Pengendali Rangkaian Berlesen yang Lain (OLNOs) dan *Points of Interconnect* (POI) milik segmen G&W. Ini membolehkan pengguna akhir rangkaian kami berkomunikasi dengan pengguna akhir OLNOs dan sebaliknya. Selain panggilan suara biasa, segmen G&W turut menawarkan perkhidmatan kecemasan, bantuan operator dan telefon bebas tol pada kadar yang kompetitif.

### Suara Dua Hala *(Bilateral Minutes)*

Segmen G&W menyediakan perkhidmatan sambungan suara langsung ke lebih 67 buah negara menerusi lebih daripada 110 syarikat pengendali termasuklah semua syarikat pengendali di Malaysia. Melalui kerjasama dua hala, segmen ini juga mampu menyokong Perkhidmatan Bebas Tol Percuma (ITFS), *Home Country Direct* (HCD), Nombor Telefon Percuma Antarabangsa Universal (UIFN) dan Panggilan Bantuan Operator (OAC).

### Hab Suara *(Voice Hubbing)*

Segmen G&W bertindak sebagai hab transit bagi penamatan suara ke lebih 1,000 destinasi talian tetap dan mudah alih, sama ada di peringkat domestik dan juga antarabangsa. Segmen ini menawarkan pilihan perkhidmatan hab Standard dan Premium, dengan laluan dan harga berbeza bagi memastikan kombinasi kualiti dan nisbah harga terbaik.

### Perkhidmatan Nilai-Tambah (VAS) Antarabangsa

VAS merupakan penawaran perkhidmatan tambahan yang menawarkan pelanggan akses kepada ratusan rangkaian mudah alih di seluruh dunia menerusi satu sambungan dan satu kontrak. Segmen G&W mampu mengendalikan semua aspek teknikal dan komersial operasi tersebut justeru meminimumkan sumber-sumber yang diperlukan di pihak pelanggan.

## Perkhidmatan Data

### Perkhidmatan Rangkaian Persendirian Maya Protokol Internet (IPVPN) Global

IPVPN Global merupakan penyelesaian rangkaian persendirian maya menyeluruh terurus sepenuhnya yang mudah, selamat dan boleh dipertingkatkan. Penyelesaian ini menawarkan empat kelas perkhidmatan yang membolehkan pelanggan menggabungkan video, suara, data dan aplikasi-aplikasi perniagaan lain menerusi sambungan rangkaian persendirian tunggal yang meluas ke mana sahaja.

Perkhidmatan ini boleh didapati di 18 POP global TM iaitu di Malaysia, Sri Lanka, Indonesia, Singapura, Hong Kong, Taiwan, Jepun, Korea Selatan, Los Angeles, New York, Ashburn, Palo Alto, San Jose, Miami, London, Amsterdam, Frankfurt dan POP terbaharu di Fujairah.

### Perkhidmatan Penghantaran Media (*Media Delivery Service* – MDS)

MDS merupakan teknologi siaran (streaming) media berasaskan awan tercanggih yang membolehkan penyampaian siaran langsung dan siaran atas-permintaan berdefinisi tinggi menerusi Internet tanpa gangguan. Pada masa kini, teknologi ini memberikan siaran Internet secara langsung dengan lancar kepada jutaan pengguna serentak di lebih daripada 200 buah negara dengan skala dinamik dan model perniagaan yang menguntungkan.

### Perkhidmatan Protokol Internet (IP)

Segmen G&W menawarkan sambungan meluas dengan penyedia perkhidmatan Kelas 1 dan pembekal serantau lain bagi memastikan prestasi perkhidmatan yang optimum. Perkhidmatan IP Globalnya disediakan menerusi infrastruktur rangkaian antarabangsa yang meluas melalui 18 POP di seluruh dunia. Kapasiti Rangkaian IP (AS4788) TM telahpun melangkaui kelajuan 1Tbps.

## Perkhidmatan Lebar Jalur

### Perkhidmatan Next-Gen Backhaul™ (NGBH)

NGBH™ merupakan penyelesaian backhaul mudah alih komprehensif menerusi Ethernet yang dibangunkan bagi memenuhi keperluan backhaul daripada pengendali 2G/3G/LTE sedia ada serta Pengendali Rangkaian Mudah Alih (MNO) baharu yang ingin menghubungkan tapak liputan mudah alih mereka ke tapak serantau utama mereka. Penyelesaian ini memberikan kapasiti lebar jalur lebih tinggi iaitu 150Mbps bagi Tapak Akses dan minimum 500Mbps bagi Tapak Pengagregatan (Aggregation Sites) dengan Kualiti Perkhidmatan (QoS) yang fleksibel dan boleh disesuaikan mengikut kehendak bagi memenuhi keperluan MNO yang dinamik.

Sejak pelancaran NGBH™ pada 2013, UMobile, Celcom dan DiGi telah melanggan perkhidmatan ini untuk backhaul LTE bagi menghubungkan tapak akses dan himpunan masing-masing ke tapak serantau utama (regional main sites). Setakat ini, lebih daripada 120Gbps litar next-gen backhaul telah disediakan di seluruh negara, dengan lebih 382 litar lagi dijangka akan dipasang secara berperingkat sehingga tahun 2017.

### Metro Ethernet Borong

Metro Ethernet Borong menyediakan sambungan lebar jalur Ethernet lokasi-ke-lokasi atau pelbagai lokasi yang selamat menerusi rangkaian MPLS-IP persendirian milik segmen G&W. Perkhidmatan ini membolehkan penyedia perkhidmatan mewujudkan sambungan lebar jalur yang selamat, tersendiri dan boleh disesuaikan mengikut kehendak rakan-rakan perniagaan atau penyedia perkhidmatan lain.

### Talian Persendirian Ethernet Antarabangsa (IEPL)

IEPL merupakan penyelesaian lebar jalur Ethernet menyeluruh yang menyediakan sambungan lokasi-ke-lokasi khusus merentasi sempadan sehingga ke premis pelanggan. Perkhidmatan ini menggunakan platform *Synchronous Digital Hierarchy* (SDH)/*Dense Wavelength Division Multiplexing* (DWDM) yang diyakini dan selamat pada kelajuan tinggi yang boleh disesuaikan mengikut kehendak sehingga 10Gbps.

### Litar Suwa Persendirian Antarabangsa (IPLC)

Litar Suwa Persendirian Antarabangsa (IPLC) adalah sambungan lokasi-ke-lokasi khusus menerusi kabel-kabel dasar laut, sambungan terrestrial atau sistem satelit seluruh dunia antara mana-mana dua lokasi di dunia.

### Lebar Jalur Transit

Lebar Jalur Transit adalah sambungan negara-ke-negara khusus yang bermula dan berakhir di sebuah negara luar tetapi transit di Malaysia.

### Lebar Jalur Backhaul *(Bandwidth Backhaul)*

Lebar Jalur Backhaul adalah kapasiti khusus antara stesen-stesen pendaratan kabel atau stesen-stesen sempadan di Malaysia yang mana pelanggan sendiri memiliki kapasiti pada sesebuah kabel dasar laut antarabangsa atau prasarana terrestrial.

### Lebar Jalur Salinghubung *(Bandwidth Interconnection)*

Lebar Jalur Salinghubung menghubungkan dua sistem kabel dasar laut milik pelanggan atau milik TM di stesen pendaratan kabel TM.

### VSAT Global

VSAT Global merupakan penyelesaian satelit sehenti menawarkan sambungan global yang selamat untuk akses Internet berkelajuan tinggi, suara dan data. Teknologi VSAT Global memberikan penyelesaian dengan mobiliti tinggi dan kos efektif buat pengguna yang inginkan rangkaian bebas bagi menghubungkan beberapa kawasan terpencil.

## Perkhidmatan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB)

HSBB membolehkan penyedia perkhidmatan memenuhi permintaan para pelanggan mudah alih dan jalur lebar yang kian bertambah terhadap penyelesaian berasaskan IP bersepadu dan aplikasi-aplikasi yang memerlukan lebar jalur tinggi. Pada masa ini, rangkaian HSBB TM meliputi lebih 1.50 juta premis termasuk segmen Pengguna dan PKS. Pada tahun 2014, perkhidmatan HSBB berkembang 45.0%. Penyedia perkhidmatan yang melanggan HSBB adalah Maxis Berhad, Celcom Axiata Berhad, Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd, REDtone Marketing Sdn Bhd dan Formis Development Sdn Bhd (Formis).

## Perkhidmatan Infrastruktur

### Perkhidmatan Pengehosan Global

Dilengkapi prasarana tercanggih, pusat ini beroperasi pada tahap kebolehpercayaan perkhidmatan dan keselamatan infrastruktur tertinggi, bagi memenuhi keperluan operasi perniagaan paling mencabar dengan keupayaan Kelas III+.

### Perkhidmatan Infrastruktur Borong

Evolusi rangkaian mudah alih kepada 3G, dan kini LTE, memerlukan penaiktarafan dan mendimensikan semula rangkaian pengendali mudah alih. Infrastruktur borong menyediakan sewaan ruang kepada penyedia-penyedia perkhidmatan ini bagi menempatkan peralatan mereka di bangunan-bangunan rangkaian TM.

## Perkhidmatan Penyelesaian

### My1Hub

My1Hub menyediakan platform neutral kepada penyedia-penyedia perkhidmatan dan pusat data bagi mempertingkatkan penawaran mereka dengan menggunapakai infrastruktur domestik dan antarabangsa yang meluas milik segmen G&W. Ia menyediakan perkhidmatan Internet, lebar jalur dan pengehosan holistik menerusi nod-nod yang disambungkan secara domestik ke stesen-stesen pendaratan kabel pada lebar jalur berkapasiti tinggi bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih pantas. Pelanggan yang bertempat di mana-mana nod My1Hub boleh dihubungkan ke semua sistem kabel dasar laut yang bersambung dengan segmen G&W menerusi stesen-stesen pendaratannya di Cherating, Terengganu; Mersing, Johor; Kuala Muda, Kedah; dan Pengkalan Balak di Melaka.

# Jangkauan dan Kehadiran Global

Segmen G&W mempunyai 18 POP seluruh dunia, dan memiliki atau memajak kapasiti pada 13 sistem kabel dasar laut sepanjang lebih 100,000 batu laluan-fiber di seluruh dunia. Pada bulan Mac 2014, bagi memenuhi permintaan yang kian meningkat terhadap HSBB, TM membentuk satu pakatan dengan 15 syarikat telekomunikasi global terkemuka bagi membina sebuah sistem kabel dasar laut baharu iaitu South East Asia – Middle East – Western Europe 5 (SEA-ME-WE 5) yang dijangka mula membawa trafik komersial pada tahun 2016.

TM juga berkolaborasi dengan Vodafone (UK) Group Limited bagi menerajui sistem kabel *Bay of Bengal* (BBG) yang akan menghubungkan Malaysia dan Singapura ke Timur Tengah menerusi sambungan di India dan Sri Lanka. Sistem kabel ini direkabentuk bagi menyediakan prasarana transmisi berkapasiti tinggi dan boleh disesuaikan mengikut kehendak dengan menggunapakai teknologi kabel dasar laut jarak jauh 100Gbps terkini bermula dari hari pertama perkhidmatan diaktifkan. BBG dijangka akan membawa trafik komersial menjelang suku ketiga tahun 2015.

# Prospek

Segmen G&W berhasrat menambah portfolio produk dan penyelesaian komunikasi tercanggihnya bagi mengukuhkan kedudukan sebagai pusat sehenti bagi penyedia perkhidmatan domestik dan global sambil meluaskan lagi jangkauan globalnya menerusi perkongsian dan kolaborasi global. Terdapat perancangan untuk menubuhkan POP dan pejabat-pejabat serantau baharu, dengan tumpuan khusus kepada negara-negara ASEAN yang akan mengetengahkan TM sebagai rakan usahasama pilihan di peringkat domestik dan juga antarabangsa. Segmen G&W kini sedang bersedia meningkatkan tahap kesediaan untuk menangani permintaan yang semakin tinggi terhadap penyelesaian-penyelesaian Melangkaui Sambungan *(Beyond Connectivity)* dengan menumpu kepada platform rangkaian bagi pengehosan, penyimpanan dan penyampaian data, kandungan dan aplikasi serta Pengurusan Projek dan Khidmat Nasihat.

# P1



# KOMITED MENGHUBUNGKAN PARA PELANGGAN MELANGKAUI JALUR LEBAR, MENAWARKAN PERKHIDMATAN DATA SEHENTI, SUARA, VIDEO DAN PERKHIDMATAN NILAI TAMBAH DENGAN KOS EFEKTIF PADA NILAI LEBIH BAIK KEPADA PARA PELANGGAN.

## Tinjauan

Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd (P1), dirasmikan pada 18 Ogos 2008 sebagai pengendali baharu yang ditubuhkan oleh Green Packet Berhad, merupakan syarikat telekomunikasi 4G pertama dan terkemuka di Malaysia. P1 juga mewakili pelaksanaan komersial 4G WiMAX berskala besar pertama di Asia Tenggara, dan pelaksanaan berskala besar pertama bagi rangkaian WiMAX 802.16e 2.3GHz di luar Korea. P1 telah meletakkan asas peralihan Teknologi negara kepada 4G Evolusi Jangka Panjang (LTE) menerusi usahasama strategik yang lebih mantap bersama syarikat-syarikat LTE terbesar di dunia iaitu *Qualcomm International, China Mobile Limited* dan *Global TD-LTE Initiative* (GTI).

## Fakta Sekilas Pandang

Syarikat telekomunikasi
**4G WiMAX Pertama**
di Malaysia & Asia Tenggara

**65.0% kawasan**
liputan berpopulasi seluruh negara

**467,000 pelanggan**

**Red Herring Asia 2008**
Pemenang Red Herring Asia 2008 sebagai Syarikat Teknologi Persendirian Paling Inovatif

**Malaysia Book of Records 2008**
Tercatat di dalam Malaysia Book of Records 2008 sebagai syarikat Telekomunikasi WiMAX Pertama di Malaysia

**MSC Malaysia APICTA's 2009**
Pemenang Syarikat Permulaan Terbaik di MSC Malaysia APICTA's Companies 2009

**Frost&Sullivan Malaysia Telecom Awards 2010**
Dinobatkan oleh Frost&Sullivan Telecom Awards 2010 sebagai Most Promising Service Provider of the Year



**Malaysia Effie Awards 2010**
Kempen "Sudah Potong?" (Emas)


**Best Enterprise Brand 2011**
oleh Global Golden Brand Awards


**Global Leadership Awards 2011**
Kategori Internet

Pada 30 September 2014, Kumpulan TM mengambil alih 55.3% kepentingan dalam P1. Menerusi satu perjanjian pelaburan strategik dan usahasama dengan Green Packet dan SK Telecom, syarikat mudah alih terbesar di Korea Selatan, TM mensasarkan untuk meletakkan P1 sebagai sebuah syarikat telekomunikasi 4G LTE mudah alih yang disegani.

## Prestasi Kewangan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, P1 Networks mencatatkan hasil sebanyak RM67.1 juta. Didorong oleh penambahbaikan rangkaian bagi tempoh perlaksanaan perkhidmatan minimum pada 99.7%, Peningkatan Tahap Perkhidmatan (SLA) di pusat panggilan serta penambahan aktiviti jualan dan pemasaran, jumlah pelanggan jalur lebar tanpa wayar meningkat menghampiri 384,000.

## Inisiatif-inisiatif Utama

P1 komited menghubungkan para pelanggan melangkaui jalur lebar, menawarkan perkhidmatan data sehenti, suara, video dan perkhidmatan nilai tambah dengan kos efektif pada nilai yang lebih baik kepada para pelanggan Dengan mengenalpasti arah aliran dan peluang yang boleh menangani cabaran-cabaran dihadapi penyedia perkhidmatan tanpa wayar, P1 berjaya melaksanakan sambungan akhir dengan pantas menerusi infrastruktur rangkaian sokongan yang cekap bagi memenuhi keperluan pelanggan.

Pada 2014, P1 melancarkan kempen *Keep Playing* untuk menggalakkan rakyat Malaysia menggunakan lebih data. Diskaun sehingga 50.0% untuk tempoh terhad membolehkan pengguna melanggan pakej-pakej ForHome™, OnePlan™ dan ToGo™ dengan kelajuan lebih pantas dan kuota lebih tinggi. Pakej-pakej perkhidmatan bermula serendah RM49, memberikan akses segera kepada Internet bagi pengguna yang prihatin terhadap kos untuk menambah pengalaman atas talian mereka melalui sebarang peranti, tanpa mengira lokasi.




Kempen Keep Playing P1, Jalur Lebar dari serendah RM29.




Kempen Negara Internet P1, memudahkan jalur lebar untuk negara.

Menyedari setiap pengguna adalah unik, P1 meneruskan pelancaran kempen Kempen Internet Negara dari P1™ yang membolehkan pelanggan berpenggunaan rendah, tinggi dan terhebat memilih gabungan kepantasan dan kuota mereka sendiri pada peranti pilihan mereka, daripada *dongle* USB kepada MiFi kepada modem di rumah. Pengguna yang inginkan fleksibiliti tetap dan mudah dialih daripada satu akaun tunggal juga boleh memilih pembelian-dengan-pembelian pada kadar hanya RM14.50 sebulan bagi mendapatkan peranti mudah dibawa tambahan.

Satu lagi pelancaran penting pada tahun tersebut ialah P1 e-Social – blog korporat untuk golongan celik teknologi dan prihatin kepada perkembangan digital yang memberi tumpuan kepada berita teknologi dan gaya hidup terkini, faedah-faedah berguna untuk para usahawan dan pelajar. Blog ini telah diiktiraf oleh pakar-pakar blog korporat dan penulis bersama *Corporate Blogging for Dummies, Douglas Karr* dan *Chantelle Flannery*, sebagai salah satu Blog Korporat Contoh Terbaik di dunia, meletakkan P1 e-Social sebaris dengan blog-blog seperti *Amazon, Google* dan *Vanity Fair.*

Memenuhi keperluan khusus perniagaan-perniagaan di Malaysia, P1 dengan kerjasama NEC membolehkan *trunking* perkhidmatan suara SIP untuk pelanggan jalur lebar. Menerusi kolaborasi ini, NEC akan menawarkan pakej-pakej gabungan eksklusif sistem-sistem SIP NEC dengan ForBiz™ 4G, ForBiz™ Fiber dan BizVoice™ P1 kepada perniagaan, justeru pelanggan tidak lagi memerlukan sambungan tempatan ke PSTN pada kos tinggi seperti talian PRI dengan menyambungkan telefon SIP terus ke internet. Selain dapat menjimatkan kos, perniagaan akan menikmati nilai tambahan menerusi kemudahan menguruskan panggilan dan pemindahan data dan video pada rangkaian yang sama.

# Produk & Perkhidmatan

P1 menawarkan pakej-pakej jalur lebar ringkas dan berbaloi yang dipakej bersama perkhidmatan suara tetap dan disasarkan kepada pelanggan-pelanggan kediaman dan perniagaan.

**OnePlan™** – membolehkan pelanggan menikmati jalur lebar semua-dalam-satu di rumah dan di luar rumah dengan perkhidmatan suara dalam satu pakej. Ianya didatangkan dengan modem WiFi mudah alih terbaik untuk perkongsian di rumah, modem USB berprestasi tinggi bagi penggunaan luar dan telefon tanpa wayar yang menarik untuk perkhidmatan suara. Kuota yang diberikan untuk pelan 4G semua-dalam-satu ini juga boleh dikongsi antara perkhidmatan kediaman dan mudah dibawa. OnePlan™ ini dikuasakan lagi dengan teknologi jalur lebar fiber berkelajuan tinggi berwayar buat mereka yang memerlukan kepantasan dan tahap kestabilan lebih tinggi.

**ForHome™** – direka untuk penggunaan di rumah, dengan modem WiFi mudah alih serta perkhidmatan suara sedia ada. Sejak penubuhan P1 pada 2008, ForHome™ menjadi pilihan utama dengan menyediakan alternatif terbaik kepada mereka yang ingin mengelakkan kerosakan akibat proses pendawaian di rumah atau mereka yang menggunakan jalur lebar lebih daripada satu lokasi di dalam rumah.




Blog P1 e-Social, diundi sebagai salah satu Blog Korporat Contoh Terbaik di dunia.

**ToGo™** – membolehkan pengguna kekal berhubung ketika di luar. Pelan ini datang bersama kepantasan 4G tanpa had dan kuota penggunaan yang tinggi. Pelanggan boleh memilih antara penggunaan USB atau MiFi yang boleh menyambungkan sehingga enam peranti secara serentak.

**Tambah Nilai Kuota** – menawarkan pelanggan dengan pelan tambah nilai kuota mampu milik yang mereka boleh beli secara atas talian dengan mudah di rumah mereka.

**ForBiz™ 4G** – sesuai untuk perniagaan yang inginkan penyelesaian jalur lebar tanpa wayar dan 'plug-and-play' mampu milik dengan pengaktifan perkhidmatan segera.

**ForBiz™ Fiber** – pelan Internet gentian berkelajuan tinggi perniagaan mampu milik di pasaran yang membolehkan SOHO dan PKS kekal berdaya saing sambil meminimumkan kos.

**ForBiz™ Litar Suwa** – untuk perniagaan yang memerlukan jalur lebar bagi penggunaan aplikasi-aplikasi penting. Pelan ini didatangkan dengan jaminan 99.70% kepantasan dan ketersediaan perkhidmatan untuk tahap prestasi luar biasa dan kebolehpercayaan. Pelan ini juga boleh diubahsuai dan direka untuk penjimatan kos jangka panjang.

**BizVoice™** – menawarkan perniagaan fleksibiliti untuk mengubahsuai pelan suara dan skala berdasarkan keperluan di masa hadapan dengan kadar panggilan yang kompetitif ke talian tetap dan mudah alih seluruh negara, serta panggilan IDD. Pemasangan perkhidmatan yang pantas dan mudah tanpa sebarang gangguan perkhidmatan.

**BizSMS™** – perkhidmatan sebaran SMS pukal yang membolehkan perniagaan menjangkau kepada kumpulan prospek yang besar jumlahnya dengan segera dengan kos yang efektif. Perkhidmatan ini datang dengan ciri-ciri yang membolehkan SMS dua hala, sokongan teknikal 24 jam dan daftar masuk berganda.

# Prospek

Walaupun pasaran tanpa wayar akan terus mencabar, kemunculan peluang-peluang besar untuk data mudah alih bersama-sama percambahan peranti pintar, kandungan dan aplikasi baru. Masih terdapat kengkangan permintaan terhadap data mudah alih di kawasan-kawasan bandar, dengan potensi pertumbuhan yang pesat di kawasan-kawasan kurang membangun berikutan lahirnya golongan muda dan kepelbagaian populasi.Permintaan data hanya boleh berkembang dan bertambah dengan kemunculan LTE dan Segalanya Internet.



*OnePlan™: 3 perkhidmatan, 2 modem, 1 harga rendah. Pilihan Editor sebagai 25 Terbaik dalam kategori TEKNOLOGI untuk 2014 oleh klweekly.*



*ForHome™: jalur lebar tetap yang boleh dibawa ke mana-mana, segera dan pantas untuk kediaman anda, kini dengan suara. Diundi sebagai Jalur Lebar Kediaman Tanpa Wayar Terbaik pada 2012.*




*Jalur lebar mudah dibawa dengan kepantasan 4G tanpa had dan kuota penggunaan yang tinggi.*

P1 menyasarkan untuk memanfaatkan gelombang mudah alih masa kini apabila syarikat memasuki pasaran pada 2015-2016 dengan penawaran-penawaran perkhidmatan mudah alih yang baharu. Pada masa yang sama, sebagai syarikat Kumpulan TM, P1 akan merebut peluang ini untuk memenuhi keperluan perkhidmatan mudah alih daripada 2.3 juta pelanggan TM. TM melihat kemasukannya ke dalam pasaran mudah alih menerusi P1 sebagai satu perkembangan semulajadi selari dengan integrasi sebenar, bukan sahaja dari perspektif teknologi dan peranti, tetapi juga daripada sudut pengalaman pelanggan.

Pada masa yang sama, segmen tanpa wayar tetap dan mudah dialih masih memberi peluang-peluang menarik kerana penyelesaian ini memenuhi keperluan pengguna secara khusus seperti mudah alih dan pemasangan pantas. Walaupun kadar penembusan jalur lebar isi rumah sekarang pada tahap 65.0%, namun masih wujud jurang digital antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. P1 akan merangka peluang-peluang pasaran yang baharu agar perniagaan tanpa wayar tetap dan mudah dialihnya dapat merapatkan jurang tersebut.



*Ketua Pegawai Jualan & Perkhidmatan P1 (kiri) Kelvin Lee menerima sijil usahasama daripada Penolong Pengurus Besar, Bahagian Penyelesaian Rangkaian, NEC, Francis Wong.*

# EVOLUSI KE ARAH PENERAJU PERKHIDMATAN BERINTEGRASI

PERJALANAN KAMI DI TM BERMULA DENGAN PENUH KESEDERHANAAN, IAITU DARIPADA SEBUAH JABATAN KERAJAAN – JABATAN TELEKOMUNIKASI MALAYA PADA TAHUN 1946 – SEHINGGALAH PADA HARI INI: SEBUAH SYARIKAT PENERAJU JALUR LEBAR DI MALAYSIA SERTA PUSAT PERTUKARAN MAKLUMAT YANG BERASPIRASI UNTUK MENJADI PENYEDIA PERKHIDMATAN KOMUNIKASI BERINTEGRASI NO. 1 NEGARA.

Pada mulanya, perkhidmatan utama kami adalah perkhidmatan telefoni tetap khusus analog (suara), yang yang dihubungkan dengan wayar tembaga dan ibu sawat telefon. Walaupun perkhidmatan tersebut dikenali pada hari ini sebagai "perkhidmatan tunggal (1P)", perkhidmatan yang kami tawarkan adalah ringkas namun berkesan. Detik perubahan kami bermula sekitar tahun 1983-1984 dengan kehadiran komunikasi data dan teknologi suis paket, yang telah membolehkan TM membangunkan rangkaian data awam yang pertama di Malaysia, dan seterusnya menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti perkhidmatan litar suwa analog.

Hampir sedekad kemudian, kehidupan rakyat Malaysia berubah sama sekali apabila *World Wide Web* diperkenalkan. Tidak lama selepas itu, TM mula menyediakan perkhidmatan Internet *dial-up* analog pada tahun 1995 dan seterusnya kami telah menubuhkan anak syarikat milik penuh kami, TM Net pada tahun 2001 yang menjadi Penyedia Perkhidmatan Internet terbesar di Asia Tenggara. TM kini mampu menawarkan "perkhidmatan dua serangkai (2P)" iaitu suara talian tetap dan Internet talian tetap. Perkhidmatan jalur lebar Streamyx telah dilancarkan pada bulan April 2001 dengan kelajuan 384kbps. Ini kemudian disusuli dengan perkhidmatan Streamyx berkelajuan 4Mbps yang diperkenalkan di kawasan-kawasan terpilih pada bulan Jun 2007, iaitu kelajuan paling tinggi pada masa itu.

Pada tahun 2008, kami mencatat satu lagi pencapaian penting apabila menandatangani Usahasama Awam-Swasta (PPP) dengan pihak kerajaan bagi projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB). Di bawah inisiatif ini, kami dipertanggungjawabkan untuk menyediakan akses perhubungan akhir ke premis-premis kediaman dan perniagaan bagi memudahkan penyampaian perkhidmatan HSBB, satu inisiatif yang masih diteruskan sehingga hari ini. Pada tahun 2010, kami berjaya melancarkan "perkhidmatan tiga serangkai (3P)" yang pertama, iaitu UniFi. UniFi menawarkan perkhidmatan suara talian tetap, jalur lebar talian tetap serta perkhidmatan TV Protokol Internet (IPTV), HyppTV. Dalam tahun pertamanya, UniFi berjaya menarik hampir 50,000 pelanggan dan kini setakat 31 Disember 2014, kami telah memperolehi seramai 729,000 pelanggan. Sesungguhnya kami telah menempuh perjalanan yang panjang dan menempa pelbagai kejayaan daripada sekadar sebuah Ibu sawat Telefon analog sehinggalah menjadi penyedia perkhidmatan digital yang terkemuka di Malaysia.

## Ke Arah Menjadi Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi Yang Lengkap

Sentiasa berpegang kepada prinsip mengutamakan pelanggan, kami berhasrat untuk meluaskan keupayaan kami agar mampu menyediakan perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar bagi melengkapkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan talian tetap kami. Justeru itu, TM



telah mengambilalih P1 pada tahun 2014 untuk melangkah ke arah penyediaan perkhidmatan Evolusi Jangka Panjang (LTE). Menerusi pengambilalihan ini, kami berposisi baik untuk menjadi penyedia perkhidmatan berintegrasi yang lengkap bagi membolehkan penyediaan perkhidmatan Internet berkualiti tinggi, perkhidmatan data dan aplikasi yang berintegrasi sepenuhnya, merentasi semua segmen masyarakat, walau di mana mereka berada.

LTE merupakan teknologi terkini yang membolehkan transmisi data berkelajuan tinggi untuk telefon dan alat peranti mudah alih yang lain. Teknologi ini membolehkan kelajuan muat turun empat hingga lima kali ganda lebih laju berbanding rangkaian 3G dan mampu menyaingi perkhidmatan setengah jalur lebar talian tetap kediaman. Keunikan yang ada pada LTE adalah ia membolehkan pengguna menikmati kelajuan sebegini sama ada ketika berada di luar rumah mahupun di luar pejabat. Pengguna boleh mengakses Internet di sebarang kawasan yang mempunyai liputan menerusi alat peranti yang menyokong perkhidmatan 4G, termasuklah telefon pintar, tablet dan hotspot mudah alih. 4G LTE menawarkan "perkhidmatan empat serangkai (4P)" iaitu suara, Internet, video dan TV berbayar.

Rajah 1: Evolusi Pelbagai Rangkai




*Sumber: Dihasilkan semula dengan merujuk kepada dokumen "Welcome, Let's See the Road Ahead" berkenaan LTE daripada Ericsson.*

## Mendefinisikan Integrasi

Dengan meningkatnya kecanggihan keperluan serta kehendak para pengguna, mereka mengharapkan sesuatu yang hebat daripada perkhidmatan berintegrasi tersebut. Dari segi teknologi, integrasi adalah suatu penggabungan di antara alat peranti, perisian, aplikasi dan perhubungan yang membolehkan rekaan produk-produk bagi memenuhi kehendak pengguna. Dari segi pandangan pengguna pula, integrasi adalah suatu perkhidmatan yang relevan dan menarik yang boleh mereka guna dan nikmati tanpa mengambilkira alat peranti yang digunakan mahupun lokasi, serta tidak perlu risau tentang teknologi di sebalik perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Objektif perkhidmatan berintegrasi adalah untuk membolehkan pelanggan meningkatkan gaya hidup digital serta menikmati semua manfaatnya iaitu liputan yang lebih luas, mobiliti, fleksibiliti dan kecekapan yang lebih mantap. Kami akan mencapai tahap integrasi sebenar apabila kedua-dua visi ini dapat direalisasikan. Aspirasi TM adalah untuk menjadi Penyedia Perkhidmatan Komunikasi Berintegrasi No. 1 di Malaysia demi memenuhi janji kami kepada pelanggan iaitu "Hidup dan Perniagaan Lebih Mudah". Kami percaya dengan kemampuan kami untuk menyediakan hubungan, liputan dan kelajuan terbaik tanpa mengira teknologi, alat peranti atau lokasi.

Rajah 2: Perbandingan di antara LTE dengan 3G dan WiFi

| **Kelebihan-kelebihan 4G LTE berbanding teknologi tanpa wayar lain** | |
|---|---|
| **Berbanding dengan 3G** | **Berbanding dengan WiFi** |
| • Lebih banyak aplikasi boleh digunakan dengan alat peranti mudah alih di luar rumah atau di luar pejabat<br>• Perkongsian fail bersaiz besar dan penstriman media yang lebih pantas atau pada masa nyata<br>• Penghantaran data penting secara hampir serta-merta, seperti interaksi atau transaksi masa nyata. | • Penggunaan aplikasi mudah alih yang sepenuhnya, di mana jalur lebar berkelajuan tinggi diperlukan<br>• Menambahbaik kemudahan (sambungan mudah alih adalah 'milik sendiri')<br>• Keselamatan (tidak memerlukan pengesahan apabila mengakses rangkaian lain, contohnya rangkaian awam) |



# MENINGKATKAN NILAI PEMEGANG SAHAM, PERNIAGAAN SOKONGAN MEMAHAMI TRANSFORMASI YANG MEMBERI TUMPUAN KE ATAS PERKHIDMATAN DAN PENINGKATAN PRODUKTIVITI

## Tinjauan

Perniagaan Sokongan, merangkumi hartanah, fasiliti, keselamatan, kenderaan dan pengurusan hospitaliti, telah mengalami satu transformasi dengan memberikan lebih tumpuan terhadap perkhidmatan cemerlang dan peningkatan produktiviti. Ia merupakan peranan utama untuk meningkatkan nilai pihak pemegang saham dalam perniagaan di bawah seliaan, dan bagi memastikan kecekapan yang lebih berhemah di dalam Kumpulan.

## Prestasi Kewangan

Perniagaan Sokongan mencatatkan jumlah hasil sebanyak RM734.0 juta pada tahun 2014 dengan peningkatan EBITDA sebanyak 34.0% berbanding tahun sebelumnya. Manakala kos operasi mengalami sedikit penurunan kepada RM625.8 juta daripada RM649.1 juta ekoran kecekapan dalam pengurusan kos yang lebih efektif.

Perbelanjaan modal dikurangkan kepada RM78.2 juta daripada RM79.1 juta pada tahun 2013 di mana RM50.7 juta telah disalurkan terhadap usaha-usaha penyelesaian pengurusan fasiliti berkaitan dengan kerja-kerja Awam, Mekanikal dan Elektrik; RM23.4 juta telah dibelanjakan untuk menggantikan kenderaan-kenderaan lama; dan RM3.9 juta diperuntukkan bagi penambahbaikan fasiliti di Menara Kuala Lumpur.

## Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd

Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd (MKLSB) menguruskan Menara Kuala Lumpur (MKL), Menara Alor Setar (MAS) dan Muzium Telekom (MT) dengan satu visi untuk menjadikan lokasi-lokasi ini sebagai peneraju destinasi pelancongan. Sehingga kini, Syarikat yang menerima pensijilan ISO 9001:2008 merupakan ahli Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA), Persatuan Hotel Malaysia (MAH) dan organisasi-organisasi lain yang berkaitan dengan industri pelancongan dan hospitaliti di Malaysia.

Berketinggian 421 meter MKL merupakan menara ketujuh tertinggi di dunia dan yang tertinggi di Asia Tenggara. Sebagai ahli *World Federation of Great Towers* (WFGT), ia satu-satunya bangunan yang tersergam indah yang dibangunkan di dalam hutan simpan. Sepanjang beberapa tahun, MKL berjaya menganjurkan acara-acara khas antaranya *KL Tower International Towerthon Challenge* dan *KL Tower International Jump*. Acara-acara seumpama ini telah menyumbang kepada jumlah pelawat sebanyak 14.0 juta sejak ianya dibuka pada tahun 1996.




*1Malaysia Kuala Lumpur Heritage Xplorace.*

## Fakta Sekilas Pandang

**14.0 juta**
pelawat ke Menara Kuala Lumpur

**RM78.2 juta**
termasuk penyelesaian pengurusan fasiliti

**34.0%**
peningkatan kepada EBITDA

Sepanjang tahun 2014, Menara Kuala Lumpur (MKL) telah menerima 834,000 pelawat termasuk pelancong dari luar negara terutamanya dari India, China, Australia, Jepun, Indonesia dan Eropah. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, syarikat mencatatkan jumlah hasil RM51.0 juta yang sebahagian besar disumbangkan daripada jualan tiket berjumlah sehingga RM23.5 juta dan RM14.1 juta keuntungan selepas cukai.

MKL menerima penganugerahan Tarikan Pelancongan Terbaik (Buatan Manusia) oleh Pelancongan Malaysia, dan Anugerah Kecemerlangan bagi Tarikan Terbaik atau Pengalaman Pelancong 2014 oleh majalah *Expatriate Lifestyle*.

Bangunan Muzium Telekom (MT) dengan bercirikan klasik mula dibina pada tahun 1928, ia diibaratkan sebuah rumah yang menyimpan pelbagai koleksi peranti awal telekomunikasi bagi mempamerkan evolusi industri telekomunikasi di Malaysia. MT bekerjasama dengan beberapa muzium dan lokasi tarikan pelancong di seluruh negara sebagai inisiatif pemasarannya. Antara usaha yang lebih agresif untuk tarikan pelancongan, MT turut merancang memperkayakan koleksi artifaknya dan menyediakan pengalaman interaktif kepada para pelawat melalui dua tema galeri baru. Ia juga akan menyertai lebih banyak acara-acara luar selain mengadakan pelbagai acara dalaman.

Menara Alor Setar (MAS), pada ketinggian 165.5m merupakan menara telekomunikasi ke-22 tertinggi di dunia. Ia mampu menarik lebih 400,000 pelawat pada tahun 2014, kebanyakannya adalah rakyat Malaysia, Thailand, Indonesia dan Singapura. Usaha menaik taraf MAS secara besar-besaran sedang dijalankan bagi menarik lebih ramai kemasukan para pelancong. Ia turut menyediakan beberapa pakej unik untuk menarik lebih ramai pelancong dari Thailand.



# PERNIAGAAN SOKONGAN




*Dato' Zuraidah Mohd Said, Naib Presiden Perniagaan Sokongan (tiga dari kiri) bersama para pemenang 1Malaysia Kuala Lumpur Heritage Xplorace.*

# Operasi Hartanah

Operasi Hartanah (PO) menyediakan perkhidmatan pengurusan fasiliti secara keseluruhan untuk bangunan milik TM. Sepanjang tahun 2014, rombakan semula Unit Pengurusan Projek dan Rundingan (PMC) yang dahulunya di bawah Pengurusan Hartanah menjadi sebahagian dari pasukan kerja di unit Awam, Mekanikal & Elektrik (CME) di PO untuk memberikan penyelesaian fasiliti secara menyeluruh dalam operasi, penyelenggaraan dan pelaksanaan projek.

Pasukan Kerja CME sendiri secara langsung terlibat dalam pembangunan pusat data di Wilayah Iskandar untuk VADS dan menaiktaraf asrama milik Universiti Multimedia (MMU). Ini adalah tambahan kepada aktiviti-aktiviti biasa iaitu projek untuk jualan TM dan cabang rangkaian kepada Global & Borong, Pengurusan Khidmat Pelanggan dan IT&NT seperti ubahsuai pejabat dan penyediaan tapak untuk bilik rangkaian.

Divisyen ini turut menjalani *Transforming Perception, Exceeding Expectation* di mana ia merupakan satu inisiatif untuk mempertingkatkan penyampaian pelanggan sebagai salah satu Pelan Transformasi 1.0 yang menumpukan manusia, proses dan sistem. Ia bertujuan untuk mewujudkan satu persekitaran yang lebih bersemangat bagi memotivasikan para anggota untuk mencapai kecemerlangan operasi, meningkatkan produktiviti dan kepuasan pelanggan. Satu inisiatif turut diperkenalkan terhadap sistem Pengurusan Aduan Pelanggan yang mana ia telah menyumbang ke arah peningkatan ICSI (Indeks Kepuasan Pelanggan Dalaman) yang lebih baik.

Sepanjang tahun, PO telah menaiktaraf sistem elektrik di enam bangunan utama iaitu – JRC, BRF, Menara TM, KLJ, CBJ1 dan CBJ2 – dengan perbelanjaan sebanyak RM31.0 juta, di samping meneruskan dengan program sedia ada untuk menggantikan alat penghawa dingin di seluruh negara dengan kos melibatkan RM5.2 juta. Ini memberikan penjimatan daripada kos-kos penyelenggaraan dan bil-bil elektrik. Selain daripada elektrik dan penghawa dingin, PO mengambil langkah agresif bagi inisiatif penjagaan bangunan *(housekeeping)* untuk menaikkan imej bangunan-bangunan TM.

Melalui Program Peningkatan Fasiliti *(Facilities Improvement Programme)* (FIPRO), pasukan ini telah melaksanakan satu sistem Pengurusan Fasiliti *Kaizen* (KFM) untuk memastikan perniagaan secara berterusan, di mana ia mengurangkan jumlah kerosakan peralatan-peralatan utama dengan sasaran lebih daripada 10.0% berbanding tahun 2013. Di bawah Inisiatif Hijau *(Green Initiative)*, bagaimanapun, PO memperkenalkan mekanisme penjimatan tenaga di mana ia menjimatkan RM8.6 juta yang dicatatkan dalam bil-bil elektrik TM. Selain itu, kos penjimatan menunjukkan divisyen telah merekodkan kira-kira RM113.0 juta hasil berbanding kos operasi bernilai RM126.0 juta.

Bagi menyokong transformasi ini, PO mengadakan analisis berkaitan keperluan latihan untuk diberikan kepada mereka yang layak. Antaranya latihan Awam, Mekanikal, Elektrik dan beberapa program latihan bagi pengurusan fasiliti yang telah dijalankan.

# Pengurusan Hartanah

Pengurusan Hartanah (PM) bertindak sebagai penasihat dalaman TM dalam bidang tanah dan hartanah, dan ia memberi sumbangan terhadap pencapaian TM dengan memperuntukkan nilai tanah yang tidak digunakan dan juga penyewaan ruangan pejabat kepada penyewa-penyewa dalaman dan luaran. Ia secara berterusan melihat kepada usaha penjimatan kos, terutamanya terhadap cukai-cukai hartanah dan sewa pajak.

PM juga menguruskan Pusat Konvensyen TM (TMCC), Menara TM, TM Annexe 1 & 2, Menara Celcom dan Wisma TM Taman Desa.

Pada tahun 2014, PM berjaya mengenalpasti keuntungan bernilai RM28.8 juta, disumbangkan oleh pengkomersialan hartanah di mana ia termasuk aktiviti-aktiviti penjualan tanah dan pembangunan tanah bersama. TMCC bagaimanapun telah menyumbangkan hasil sebanyak RM5.3 juta.

Pencapaian utama adalah penyiapan dan pematuhan undang-undang projek *Gunung Serapi Skyline* yang mana operasi telekomunikasi dan perkhidmatan penyelenggaraan dapat disediakan dari *lower peak* ke *upper peak* Gunung Serapi di Sarawak.

# TMF Autolease Sdn Bhd

TMF Autolease Sdn Bhd (TMFA) menguruskan kenderaan-kenderaan Kumpulan TM. Setakat 31 Disember 2014, terdapat 5,048 kenderaan, sebahagian besar terdiri daripada kenderaan utiliti seperti van dan kenderaan pacuan empat roda (4WD). TMFA juga menguruskan tujuh pejabat zon dan 27 pusat perkhidmatan di seluruh negara dengan 175 anggota bagi menyokong operasi TM. Pelanggan-pelanggan utama TMFA sepanjang beberapa tahun ini adalah dari Kumpulan IT&NT iaitu di bahagian Pembangunan Rangkaian dan Operasi Rangkaian Kawasan yang bersama-sama menyewa 3,790 kenderaan, atau 75.4% daripada jumlah keseluruhan.

Pada tahun 2014, TMFA telah merekodkan hasil berjumlah RM49.7 juta dengan kos operasi sebanyak RM35.1 juta dan keuntungan selepas cukai berjumlah RM11.8 juta. Sebahagian besar daripada hasil (77.0%) adalah dari yuran Pakej Pengurusan dan Penyelenggaraan (MMP) untuk kenderaan-kenderaan TM.

TMFA meneruskan pelaksanaan program penyusunan semula bilangan kenderaan, di mana 21 kenderaan dikembalikan untuk digunakan semula oleh pengguna yang lain, 23 kenderaan diletakkan dalam kumpulan kenderaan perkongsian dan 34 kenderaan dijual. Pada masa yang sama, 123 daripada 4WD, van dan kenderaan lain telah dibaikpulih, yang menyumbang kepada penjimatan RM8.0 juta untuk perbelanjaan modal bagi pembelian kenderaan-kenderaan baru dalam tempoh sekurang-kurangnya dua tahun. Sebahagian daripada kenderaan-kenderaan baru (76.6%) telah diserahkan kepada IT&NT. Di samping itu, 468 kenderaan lama telah dijual melalui lelongan awam dengan perolehan semula sebanyak RM6.0 juta.



*Majlis perkahwinan yang diadakan di Dewan Kristal Pusat Konvensyen TM.*

Penjimatan setiap RM0.1 juta turut diperoleh daripada penggunaan semula alat gantian daripada kenderaan yang telah dijual dan pengurangan penyelenggaraan berjadual bagi kenderaan yang rendah penggunaannya. Pada masa yang sama, ia menjimatkan RM1.0 juta dengan memberikan perkhidmatan penyelenggaraan ke atas 3,880 kenderaan di beberapa premis pelanggan, dan memperoleh RM0.9 juta sebagai potongan daripada pembelian kenderaan tersebut.

Sepanjang tahun, TMFA menjalankan 89 program kualiti untuk para pelanggan termasuk 51 kursus pemanduan selamat dan cekap, 13 program pemanduan kenderaan 4WD termasuk 25 pengurusan kenderaan. Secara keseluruhannya, TMFA berjaya mencatatkan 99.3% ketersediaan kenderaan kepada para pelanggan, 100.0% untuk perkhidmatan penyelenggaraan kenderaan, 100.0% pematuhan kepada proses dan prosedur TMFA serta 92.5% dalam Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI), kesemua ini mencerminkan keprihatinan TMFA terhadap budaya mengutamakan pelanggan.

# Pengurusan Keselamatan

Perniagaan teras Pengurusan Keselamatan (SM) adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang terjamin dan berkesan bagi melindungi aset-aset dan anggota TM serta meminimumkan sebarang gangguan atau kerugian kepada operasi perniagaan.

SM mengurangkan bilangan kes-kes kecurian di beberapa premis TM daripada 13 pada tahun 2013 kepada enam pada 2014. Kecurian kabel diuruskan melalui pelbagai pendekatan termasuk meningkatkan kesedaran awam, rondaan waktu malam di kawasan-kawasan terpencil, serta segera melaporkan sebarang aktiviti-aktiviti yang mencurigakan. Sebanyak 82 program komuniti telah dijalankan sepanjang tahun di seluruh negara.

SM mengekalkan Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI) di tahap 98.2% dan Indeks Ketersediaan Perkhidmatan Pelanggan Keselamatan (SSAI) di tahap 99.6% pada tahun 2014.




*Karnival Kerjaya di Pusat Konvensyen TM.*

# ALIRAN PENDIDIKAN

UNIVERSITI MULTIMEDIA (MMU) DAN ANAK SYARIKATNYA KOLEJ MULTIMEDIA (MMC) BERSAMA-SAMA DENGAN YAYASAN TM (YTM) MEMBENTUK SATU HAB PENDIDIKAN TM YANG BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENYOKONG KERAJAAN MALAYSIA DALAM MEMBANGUNKAN MODAL INSAN NEGARA. OBJEKTIF UTAMA ADALAH UNTUK MELAHIRKAN TENAGA KERJA YANG BERPENGETAHUAN DAN BERKEMAHIRAN SELAIN MEMACU KE ARAH NEGARA BERSTATUS PENDAPATAN TINGGI.



# MMU MEGAH SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI SWASTA TERKEMUKA, DI TENGAH-TENGAH EKOSISTEM ICT DAN INOVASI MULTIMEDIA DI MALAYSIA

## Universiti Multimedia

Universiti Multimedia dibangunkan melalui anak syarikat milik penuh TM iaitu Universiti Telekom Sdn Bhd (UTSB), yang merupakan universiti swasta pertama di Malaysia. Sejak ia ditubuhkan di Melaka 18 tahun yang lalu, ia berkembang menjadi dua kampus baru di Cyberjaya dan Nusajaya. Kini, tiga kampus tersebut dihuni seramai 18,130 mahasiswa, 1,352 mereka berasal daripada 68 negara luar. Pada tahun 2014, universiti turut menerima kunjungan 53 pelajar antarabangsa yang datang melalui program pertukaran pelajar.

Universiti ini mempunyai reputasi yang baik di dalam industri, dengan 96.0% daripada graduannya memperoleh pekerjaan dalam masa enam bulan selepas mereka tamat pengajian.

Kampus Cyberjaya menawarkan 73 program di peringkat asasi, diploma, ijazah dan sarjana, 64 daripadanya diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA); manakala kampus Melaka menawarkan 47 program yang turut menerima pengiktirafan MQA. Sementara itu, universiti turut mendapatkan kelulusan untuk satu lagi program baru iaitu Ijazah Sarjana Muda Strategik Komunikasi (Kepujian).

Keunikan MMU ialah Program Seni Sinematik *("Cinematic Arts Programme")* (CAP) yang dibangunkan bersama University of Southern California. Kelompok pertama mahasiswa-mahasiswa program tersebut kini sedang mengikuti pengajian di Kampus MMU Nusajaya Johor Malaysia.

Beberapa kursus di MMU juga dikendalikan oleh institusi-institusi lain. Pada 2014, Kolej Automatif Antarabangsa *("International College of Automotive")* (ICAM) mengendalikan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pentadbiran (Kepujian) Pengurusan Pemasaran manakala Kolej Teknologi dan Sains Antarabangsa Melaka



*"Melaka International College of Science and Technology"* (MiCoST) menandatangani satu perjanjian untuk menjalankan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pentadbiran (Kepujian) dalam Pengurusan Sumber Manusia. Di peringkat antarabangsa pula program MBA MMU sedang dijalankan di Kish University, Iran sementara usaha-usaha mencari peluang untuk berkerjasama dengan beberapa universiti lain di seluruh dunia tetap diteruskan.

MMU disenaraikan oleh *QS.com's World University Rankings* di kedudukan 200 teratas universiti dunia bagi Sains Komputer dan Sistem Informasi. Ia juga merupakan Institusi Pendidikan Swasta Terbaik di Asia, berdasarkan *World Consulting and Research Corporation* (WCRC). Dari segi R&D, kepimpinan MMU telah diiktiraf dengan memenangi enam emas dan enam pingat perak bagi 12 produk yang dipersembahkan pada Pameran Rekacipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa ke-25, (ITEX) 2014.

Universiti menambahkan pendapatannya melalui pengewangan *(monetization)* aset dan kemahiran. Setakat 2014, MMU telah mengkomersilkan Pusat Kajian Fiber Optik kepada Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia melalui Cnergy, iaitu anak syarikatnya.

Bagi memperkukuhkan lagi kedudukannya sebagai sebuah institusi pendidikan terkemuka, MMU melaksanakan pelan transformasi "MMU 2.0", yang bertemakan Pertumbuhan & Pelaksanaan *(Growth and Execution)* pada 2014. Ia terdiri daripada empat cabang, iaitu Peningkatan Persepsi Pemasaran *("Market Perception Enhancement")*, Kecemerlangan Operasi *("Operational Excellence")*, Program Peningkatan Kualiti Akademik dan Penyampaian Pembelajaran *("Enhancement of Quality of Academic Programme & Teaching Delivery")*, dan Kecemerlangan Inovasi dan Pasca Siswazah *("Innovation Excellence and Post Graduate")*.



Di bawah Program Peningkatan Kualiti Akademik dan Penyampaian Pembelajaran *("Enhancement of Quality of Academic Programme & Teaching Delivery")*, tumpuan yang lebih besar diberikan terhadap pembangunan keusahawanan dan kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa, selain penambahbaikkan dari segi penyampaian kandungan berkonsepkan digital yang selari dengan inisiatif Pengajaran dan Pembelajaran jangka panjang MMU. Empat fakulti sudah dikenal pasti untuk membina beberapa makmal pembelajaran pintar manakala Sistem Pembelajaran Multimedia Mesra Peranti Mudah Alih telah dibangunkan pada 2014.

Ke arah Kecemerlangan Inovasi dan Pasca Siswazah *("Innovation Excellence and Post Graduate")*, MMU berusaha memperbaiki kuantiti dan kualiti R&Dnya. Para graduan Sekolah Pengurusan di MMU memainkan peranan yang sangat penting kerana melaluinya ia dapat berkerjasama dengan pelbagai pihak antarabangsa termasuk *Groupe Speciale Mobile Association (GSMA)*, *Universiti Cranfield* serta Universiti Canadian dari Dubai.

Kecemerlangan Operasi *("Operational Excellence")* akan dicapai melalui enam aspek: staf, pengurusan mahasiswa antarabangsa; peningkatan dan penyewaan kemudahan untuk meningkatkan pendapatan; menambahbaik Fakulti Kreatif Multimedia; merangsang hasil daripada Cnergy; serta mempertingkatkan kecekapan anak-anak syarikat, iaitu Kolej Multimedia (MMC). Kesemua enam aspek ini dipantau oleh sistem pengurusan perusahaan meluas dan sistem pembayaran yang lebih cekap. Untuk mencapai kecemerlangan operasi, sebuah sistem pengurusan pembelajaran bersepadu (SMILES) telah juga dilancarkan.

Peningkatan Persepsi Pemasaran *("Market Perception Enhancement")* melibatkan pemerkasaan penjenamaan UTSB melalui pemasaran yang lebih cekap untuk menambah bilangan kemasukan mahasiswa. Usaha ini dilengkapkan dengan komunikasi yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan dalaman dan luaran.

# Kolej Multimedia (MMC)

MMC merupakan sebuah kolej terulung yang menyediakan peluang-peluang kepada remaja untuk meningkatkan pengetahuan mereka dan kemahiran vokasional dalam bidang Multimedia dan IT. Selain daripada kampus utamanya di Kuala Lumpur, MMC mempunyai cawangan di Perak, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Kelima-lima kampus tersebut menjadi kebanggaan lebih 1,768 populasi pelajar.

Setakat ini, MMC menawarkan lapan program diploma diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dalam Teknologi (Kejuruteraan Telekomunikasi), Kejuruteraan Elektronik, Kejuruteraan Perisian, Sistem Maklumat Perniagaan, Teknologi Maklumat, Media Baharu



Kreatif dan Pengurusan dan Perakaunan. Selain itu, kampus di Terengganu merupakan satu-satunya kolej swasta di Pantai Timur yang menawarkan program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam Pembangunan Kandungan Multimedia. Dua sijil yang ditawarkan ialah:

- Tahap 2: Artis Multimedia – Visual
- Tahap 3: Perekabentuk Multimedia – Animasi & Visual

Dengan pengiktirafan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, graduan SKM boleh menyambung pelajaran mereka ke peringkat diploma (Tahap 4 – Pembangunan Kandungan Multimedia) di kampus Terengganu bermula pada Mac 2015. Pada 24 Ogos 2014, MMC mengadakan Majlis Konvokesyen ke-18 seramai 714 graduan menerima diploma. Sejak penubuhannya pada 1997, MMC melahirkan seramai 7,067 graduan.

## Yayasan Telekom Malaysia

Yayasan Telekom Malaysia (YTM) telah diperbadankan pada 27 Januari 2007 untuk memberi peluang pendidikan peringkat menengah dan pengajian tinggi dengan menawarkan biasiswa-biasiswa dan bantuan kewangan kepada para pelajar yang layak. Program biasiswa bukan sahaja membolehkan pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik untuk meneruskan cita-cita dalam pendidikan bahkan para pemegang biasiswa ini turut diserap sebagai anggota TM.

Setakat ini, YTM telah memperuntukkan sejumlah RM462.0 juta dalam bentuk biasiswa dan pinjaman biasiswa kepada 13,557 pelajar. Pada tahun 2014, biasiswa bernilai RM12.4 juta telah dibayar kepada 1,207 mahasiswa termasuk 850 pelajar sekolah menengah, 315 di institusi tempatan serta 42 lagi di institusi pendidikan luar negara. 156 anggota Kumpulan TM turut menerima bantuan pendidikan melalui biasiswa dan pinjaman pendidikan untuk melanjutkan pengajian ijazah tertinggi atau kursus profesional.

Selain daripada bantuan kewangan, YTM turut memperkenalkan Program Pembangunan Pemegang Biasiswa ("Scholars' Development Programme") untuk mempertingkatkan kemahiran kepimpinan di kalangan pemegang biasiswa TM. Melalui program tersebut, para pemegang biasiswa akan mengikuti beberapa bengkel dan turut serta dalam inisiatif tanggungjawab korporat untuk menggalakkan penggunaan jalur lebar di kalangan masyarakat luar bandar.

**Program biasiswa bukan sahaja membolehkan pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik** untuk meneruskan cita-cita dalam pendidikan malah berjaya menjadi sebahagian daripada barisan kepimpinan TM.



# IT&NT – TRANSFORMASI KE ARAH KETANGKASAN









*iGrid.*

## Tinjauan

IT&NT adalah penyedia infrastruktur TM bagi Rangkaian dan IT. Bahagian ini bertanggungjawab merancang, membina, menyampaikan, mengendali dan menyelenggara infrastruktur komunikasi Kumpulan yang memberi perkhidmatan kepada lebih empat juta pelanggan telefoni dan lebih 2.23 juta pelanggan jalur lebar.

Pada 2014, usaha IT&NT tertumpu kepada peningkatan pengalaman pelanggan dengan memantapkan usaha menambahbaik penyampaian perkhidmatan. Peralihan rangkaian legasi semakin menyeluruh. Peralihan kesemua ibu sawat PSTN kepada rangkaian Protokol Internet (IP) berjalan lancar dan dijangka siap pada tahun 2015. Dengan Rangkaian Generasi Baharu (NGN) IP sepenuhnya dan berkeupayaan IPv6 berasaskan Perkhidmatan Multimedia IP (IMS), IT&NT mampu untuk memberikan pengalaman pelanggan yang terbaik.

## Fakta Sekilas Pandang

Rangkaian
**NGN sepenuhnya**
pada tahun 2014

**2.23 juta**
pelanggan jalur lebar

**iGrid – awan maya**
terbesar di ASEAN

## Prestasi

Bagi menggalakkan penciptaan dan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan baharu oleh pembangun aplikasi pihak ketiga, satu platform Komunikasi-sebagai-Perkhidmatan (CaaS) yang bersandarkan Program Pusat Pertukaran Inovasi TM telah diwujudkan untuk menyepadu dan menerokai keupayaan rangkaian. Melalui CaaS, sumber-sumber rangkaian sedia ada dioptimumkan bagi mendorong inovasi dan kolaborasi yang dipertingkatkan.

Dari segi Teknologi Maklumat (IT), IT&NT telah menyelesaikan lima transformasi sepanjang lima tahun lalu, dengan transformasi paling utama adalah peralihan sistem kerangka utama yang berusia 27 tahun kepada dua susunan kerangka yang berasingan.

IT&NT mensasarkan untuk mengubah infrastruktur pengkomputeran sedia ada kepada awan Infrastruktur-sebagai-Perkhidmatan (IaaS) persendirian dengan keupayaan-keupayaan utama seperti penyediaan perkhidmatan atas permintaan, penyediaan perkhidmatan segera secara automatik, serta perkhidmatan berdasarkan utiliti atau berdasarkan langganan menerusi katalog sejajar. Selaras dengan hasrat ini, TM melancarkan infrastruktur awan persendirian iGrid pada bulan Jun 2014 yang merupakan awan maya terbesar di ASEAN. Ketangkasan infrastruktur ini telah mengurangkan masa ke pasaran menerusi penyediaan perkhidmatan secara automatik dan peningkatan keupayaan teras pelayan sebanyak 60.0% di dalam pusat-pusat data berkebolehsediaan tinggi.

Dari segi operasi, IT&NT terus mempertingkat penyampaian perkhidmatannya dengan meningkatkan ketepatan dan kecekapan sistem-sistemnya. Sistem Pengurusan Tenaga Kerja (WFMS) telah menambahbaik tempoh kitaran pemasangan sebanyak 13.0% dan meningkatkan baikpulih tepat kali pertama lebih 80.0%. Sementara itu, produktiviti pasukan teknikal telah meningkat sebanyak 25.0%.

# IT&NT INGIN MENJAYAKAN ASPIRASI TM UNTUK MENJADI PENERAJU PERKHIDMATAN BERINTEGRASI NEGARA

Dari aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D), TM R&D telah memenangi beberapa anugerah ICT berprestij. Pembangunan TM R&D di dalam Aplikasi Pencahayaan Internet Termaju yang membolehkan maklumat disiarkan menggunakan cahaya LED, telah diiktiraf dengan Anugerah Pengerusi di *World Information Technology Services Alliance* (WITSA) *Global ICT Excellence Awards*, yang dianjurkan serentak dengan *World Congress on Information Technology* (WCIT) 2014 di Guadalajara, Mexico. Anugerah ini mengiktiraf produk-produk ICT yang memberi manfaat besar kepada masyarakat. Kajian TM R&D 10Mbps berjaya menggunakan LED dalam jarak sehingga 3m.

TM R&D juga menerima Anugerah Perdana Menteri pada Mesyuarat Majlis Pelaksanaan MSC Malaysia ke-26 di Putrajaya atas kejayaan memenangi Anugerah Pengerusi WITSA tersebut.

Selain itu, TM R&D menerima *Broadband InfoVision Award* di bawah kategori Usahasama Jalur Lebar Terbaik untuk Kolaborasi Hijau bagi projek Radio Optikal (G-CORN). G-CORN adalah Radio menerusi Fiber (RoF) Rangkaian Optikal Pasif (PON) *Wavelength-Division Multiplexing* (WDM) satu-lokasi-ke-pelbagai-lokasi dengan 16GHz (muat turun) dan 14GHz (muat naik) untuk capaian rangkaian.

## Strategi

Pencetus perubahan IT&NT berkisar kepada lima tonggak strategik, iaitu:

**Kepimpinan dan Tenaga Kerja Profesional (PLW)**

PLW merangkumi pembinaan tenaga kerja kompeten dan cekap yang mampu membuat keputusan terbaik bagi menghasilkan kerja berkualiti. Tumpuan diberikan kepada kemahiran dan profesionalisme kontraktor dan anggota. Kejayaan PLW dilihat dari segi produktiviti pasukan teknikal dan kontraktor.

**Peningkatan Kualiti secara Proaktif (PQI)**

PQI menyasarkan empat aliran:
- Pengurangan kadar kerosakan menerusi langkah-langkah pencegahan;
- Peningkatan kebolehan jangkaan menerusi pengoptimuman prestasi rangkaian dan penyelesaian Data Besar;
- Peningkatan keupayaan Pemulihan Bencana (DR), penambahbaikan kesediaan keselamatan dan penurunan tahap kegagalan rangkaian menerusi mekanisme "perlindungan"; dan
- Peningkatan tahap integriti data himpunan rangkaian sebagai pemangkin lapisan asas.




*Juruteknik melengkapkan pemasangan FTH pertama di Malaysia, dikuasakan oleh UniFi TM.*

Peralatan pemulihan bencana dilaksanakan di kawasan-kawasan dikenalpasti sebagai kritikal. Keselamatan rangkaian dipertingkatkan dengan pemasangan pagar. IT&NT berada di kedudukan tepat dari segi penambahbaikan integriti data maklumat rangkaian sambil memperkukuh keselamatan rangkaian dan maklumat.

**Operasi yang Kemas dan Tersusun**

Objektifnya adalah untuk melaksanakan model operasi dan kaedah yang kemas disokong oleh IT di dalam dan luar bahagian IT&NT. Bagi memastikan penerimaan operasi yang kemas dan tersusun secara meluas, bakat-bakat penting daripada pelbagai bahagian di TM dilantik sebagai pemacu perubahan. Dari segi kecemerlangan operasi, langkah-langkah pencegahan dilaksanakan bagi meminimumkan gangguan perkhidmatan. Ini termasuk pelaksanaan sistem dan infrastruktur yang berbagai-bagai, dan pengenalan proses kesinambungan perniagaan yang lebih mantap.

**Inovasi Tersendiri (DI)**

IT&NT beraspirasi untuk mencipta persekitaran inovatif yang hebat bagi menggalakkan idea-idea dan penyelesaian-penyelesaian baharu khususnya untuk produk, perkhidmatan, proses dan kualiti. Menerusi DI, IT&NT berusaha untuk menjadikan proses penghasilan idea dan saluran interaksi sesuatu yang nyata bagi mengumpul idea-idea inovatif dan berimpak, menganalisis dan menyaring cadangan-cadangan tersebut sebelum proses pelaksanaan. Setakat Jun 2014, lebih daripada 35.0% idea-idea yang diterima pelaksanaan atau peringkat terakhir.

**Infrastruktur $E^3$**

$E^3$ adalah akronim bagi Berkesan, Cekap dan Elastik (Effective, Efficient and Elastic). $E^3$ merupakan falsafah berkenaan infrastruktur yang Berkesan bagi rangkaian dan sistem yang kemas dan tersusun untuk memenuhi fungsinya, beroperasi secara Cekap pada kos yang rendah serta bersifat Elastik untuk diubahsuai apabila perlu. Infrastruktur $E^3$ ini akan membolehkan pelaburan yang betul dibuat pada masa yang tepat bagi mendapat pulangan yang optimum.

Antara inisiatif yang telah dikenalpasti adalah infrastruktur berasaskan awan, peralihan platform rangkaian/IT, pengoptimuman infrastruktur rangkaian/sistem dan keselamatan.




*Radio menerusi Fiber: G-CORN satu-lokasi-ke-pelbagai-lokasi*

Penamatan kerangka utama bagi segmen Global dan Borong telah selesai pada Julai manakala penggabungan pusat data dan pengoptimuman rangkaian teras sedang berjalan lancar. IT&NT bercadang untuk menyempurnakan transformasi ini bagi memperkukuh infrastruktur $E^3$ dan melangkah ke operasi berorientasikan perkhidmatan.

Prinsip peningkatan berterusan, kualiti dalam setiap kerja yang dilakukan, disiplin kos dan keutamaan pelanggan secara pintar menjadi asas kepada semua inisiatif yang dinyatakan di bawah setiap tonggak strategik itu. Antara ukuran kejayaan termasuklah prestasi lebih baik, tepat pada kali pertama dalam setiap tugasan, kos unit yang standard bagi semua negeri dan kontraktor serta pengurusan pelanggan yang lebih berkesan.

# Prospek

IT&NT berada pada kedudukan betul untuk mencapai pelan transformasi tiga tahunnya (2013-2015). Gelombang pertama transformasi, tertumpu kepada penyampaian Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) dan kecemerlangan operasi telah menghasilkan peningkatan ketara. IT&NT kini berada pada gelombang kedua transformasinya, berpandukan Program Peningkatan Prestasi (PIP) 3.0 TM. Liputan HSBB akan diperluas ke kawasan-kawasan berimpak ekonomi tinggi, termasuk ibu-ibu negeri dan bandar-bandar terpilih seluruh negara. Di bawah HSBB 2.0, 95 ibu sawat akan menikmati HSBB dengan 390,000 premis sedia dipasang menjelang akhir 2017 dengan kepantasan sehingga 100Mbps.

Bagi mempercepatkan tempoh ke pasaran produk dan perkidmatan termaju, TM akan menggunapakai kaedah IT yang tangkas untuk pembangunan dan pelaksanaan aplikasi. Ini akan menggalakkan lebih banyak interaksi berkesan antara IT dan pengguna perniagaan serta membolehkan pengguna mengikuti perkembangan proses pembangunan aplikasi tersebut.

Melangkah ke hadapan, tumpuan IT&NT terhadap pengalaman pelanggan akan disokong oleh dua visi utama, iaitu operasi berorientasikan perkhidmatan dan infrastruktur $E^3$. Walaupun IT&NT telah meletakkan sasaran yang tinggi, tetapi dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif berimpak tinggi yang lancar setakat ini, IT&NT yakin dapat mencapai sasaran tersebut.

# Idea kami direka cipta khas

Kehidupan yang seringkali berubah mengikut peredaran zaman telah memberi kami inspirasi untuk sentiasa menginovasi dan mereka cipta idea-idea demi memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pihak-pihak berkepentingan dan komuniti setempat.




IMBAS UNTUK
KANDUNGAN AURA

PENC
PERUB

# INISIATIF-INISIATIF UTAMA


230 CEMT: Memperkukuhkan Ekosistem Bagi Menginsankan Khidmat Pelanggan Kami

234 Rencana: Menjadi Peneraju Perkhidmatan Berintegrasi Berorientasikan Pelanggan

238 Pemacu Budaya Berinovasi: Kerja-Hidup Lebih Mudah

242 Keselamatan Diutamakan – Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (OSHE)

244 Tanggungjawab Korporat



## Fakta Sekilas Pandang

**85.0% Pematuhan**
Piagam Khidmat Pelanggan

**>88.0% Pelanggan**
berpuas hati dengan Inisiatif Suara Pelanggan TM

**>72 TRI*M**

Peningkatan Indeks Kepuasan Pelanggan



# CEMT: MEMPERKUKUHKAN EKOSISTEM BAGI MENGINSANKAN KHIDMAT PELANGGAN KAMI

## MENCETUS PERUBAHAN DALAM BUDAYA PENGALAMAN PELANGGAN

### Tinjauan

Bahagian Pengurusan dan Transformasi Pengalaman Pelanggan (CEMT) merupakan unit khidmat pelanggan sehenti TM yang mengendalikan interaksi dengan pelanggan dan penambahbaikan perkhidmatan. Unit ini bertanggungjawab terhadap operasi harian pusat-pusat panggilan kami, menangani aduan serta jaminan perkhidmatan dan kualiti untuk pelanggan-pelanggan Pasaran Massa dan Akaun Terurus. Selain itu, unit ini juga memantau program-program Transformasi Pengalaman Pelanggan TM untuk jangka masa panjang yang disasarkan bagi menerapkan budaya berorientasikan pelanggan di dalam Syarikat.

Pada 2014, CEMT menumpukan kepada peningkatan ekosistem sokongan pengalaman pelanggan dengan menggalakkan usaha menginsankan khidmat pelanggan TM. Pencapaian penting yang dicatatkan termasuklah ukuran Piagam Khidmat Pelanggan (CSC) yang dipertingkatkan bagi memperkenalkan ukuran prestasi operasi kami yang lebih berorientasikan pelanggan, khususnya untuk segmen Pasaran Massa dan Akaun Terurus.

TUMPUAN KEPADA PENINGKATAN EKOSISTEM SOKONGAN PENGALAMAN PELANGGAN, JUSTERU MENGGALAKKAN USAHA MENGINSANKAN KHIDMAT PELANGGAN TM DAN MENINGKATKAN KECEKAPAN.




KOMITED TERHADAP MENGHUBUNGKAN PELANGGAN MELANGKAUI JALUR LEBAR, MENAWARKAN PERKHIDMATAN DATA, SUARA, VIDEO DAN PERKHIDMATAN NILAI TAMBAH LAIN DENGAN KOS EFEKTIF PADA NILAI YANG LEBIH BAIK KEPADA PARA PELANGGAN.

## Prestasi

CSC yang baharu telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa, yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Induk Berorientasikan Pelanggan. Piagam tersebut menggariskan komitmen TM kepada penambahbaikan berterusan dalam pengendalian aduan pelanggan, pemberian perkhidmatan, penyelenggaran perkhidmatan, pengebilan dan kualiti perkhidmatan agar perkhidmatan dapat disampaikan dengan sepenuh hati atau *"Service with Heart"*.

Semua inisiatif penambahbaikan operasi khidmat pelanggan pada tahun 2014 berpusat kepada piagam berkenaan bagi memberi impak maksimum terhadap pengalaman pelanggan.

Antara peningkatan utama piagam tersebut adalah pengenalan peringkat perkhidmatan yang berbeza bagi pelanggan-pelanggan perniagaan untuk memastikan proses pemulihan yang lebih pantas sekiranya berlaku sebarang gangguan perkhidmatan. Selain itu, konsep Tepat Pada Kali Pertama dimantapkan dengan pengenalan Baikpulih Kali Pertama yang Tepat dan Pemasangan Kali Pertama yang Tepat. Langkah-langkah ini diberi penekanan agar setiap proses baikpulih dan pemberian perkhidmatan dilaksanakan dengan kualiti terbaik. Hasil daripada tumpuan dan usaha yang baharu ini, pematuhan piagam secara keseluruhan bagi setengah tahun kedua 2014 adalah 35.0% lebih tinggi daripada setengah tahun pertama 2014.

Bagi memastikan perkhidmatan terus selari dengan keperluan pelanggan, TM telah mencuba mekanisme baru dalam menerapkan maklum balas pelanggan dalam rekaan perkhidmatan kami. Satu inisiatif yang dikenali sebagai Suara Pelanggan telah dilaksanakan di Koridor Raya Multimedia (MSC) bagi proses baikpulih perkhidmatan Pasaran Massa. Maklum balas diterima menerusi pesanan teks untuk dianalisis dan mencetuskan "pesanan kerja pembetulan" yang kemudiannya dihantar kepada penyelia-penyelia dan pengurus-pengurus kawasan. Keputusan awal memberi hasil menggalakkan dengan lebih daripada 80.0% pelanggan menyatakan bahawa interaksi perkhidmatan menepati atau melebihi jangkaan mereka.

Dalam usaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pasukan teknikal TM, satu Sistem




Pengurusan Tenaga Kerja yang baharu, dikenali sebagai SWIFT telah digunapakai.

Sistem tersebut mengautomasikan proses penyampaian perkhidmatan dan kawalan agihan pesanan kerja yang lebih baik antara pasukan-pasukan teknikal. Sistem ini juga memastikan perkembangan tugasan dipantau dengan lebih baik bagi memastikan proses baikpulih perkhidmatan yang lebih pantas. SWIFT telah memperbaiki waktu kitaran baikpulih sebanyak 32.0% dan meningkatkan tahap produktiviti pasukan teknikal sebanyak 25.0%. Pada tahun 2014, sistem berkenaan akan dilaksanakan dalam operasi pemberian perkhidmatan.

Satu lagi inisiatif penting yang dilaksanakan pada tahun 2014 adalah penambahbaikan pengalaman perkhidmatan di pusat-pusat interaksi pelanggan, merangkumi pusat-pusat panggilan TM dan portal layan diri. Bagi memenuhi keperluan pelanggan-pelanggan berbangsa Cina, pilihan Bahasa Mandarin telah diperkenalkan pada fasa percubaan di pusat panggilan TM100 dan akan diperluaskan ke lebih banyak pusat interaksi pada tahun 2015. Selain itu, satu portal telah diperkenalkan yang menawarkan kepada pelanggan Proses Kenalpasti Masalah Secara Layan Diri bagi menguji kualiti talian dan seterusnya membuat aduan secara atas talian.

# Prospek

CEMT berada pada landasan yang betul dalam menginsankan khidmat pelanggan TM. Penambahbaikan CSC merupakan manifestasi jelas komitmen TM untuk menjadi sebuah organisasi berorientasikan pelanggan. Namun perjalanan baru sahaja bermula dan akan terus dipacu menerusi beberapa strategi yang telah digariskan untuk dilaksanakan pada tahun 2015.

Antara aspek tumpuan utama adalah perluasan saluran digital TM bagi memberikan para pelanggan lebih pilihan dan keselesaan. Pada masa yang sama, pusat interaksi pelanggan akan terus melalui proses transformasi untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi. Usaha-usaha ini akan disokong oleh proses-proses sokongan seperti Sistem Pengurusan Tenaga Kerja serta OSS dan BSS lain yang membolehkan TM menyediakan penyampaian dan kualiti perkhidmatan secara menyeluruh dan konsisten kepada para pelanggan

Kunci kejayaan semua perancangan strategik ini adalah mempunyai pemikiran yang tepat. Justeru, penekanan berterusan akan diberikan terhadap penerapan budaya berorientasikan pelanggan dalam kalangan anggota, kontraktor dan rakan-rakan niaga kami.

**Antara aspek tumpuan utama adalah perluasan saluran digital TM** bagi memberikan para pelanggan lebih pilihan dan keselesaan.

# MENJADI PENERAJU PERK BERORIENTASI

Pada tahun 2014, TM melancarkan program Transformasi Pengalaman Pelanggan jangka panjang bagi mempertingkatkan budaya berorientasikan pelanggan di dalam Syarikat. Menumpukan kepada perjalanan pelanggan secara menyeluruh, idea utamanya ialah memastikan interaksi berkualiti di semua pusat interaksi, daripada saluran-saluran jualan kepada khidmat pelanggan, operasi rangkaian malah rakan-rakan niaga kami yang sah. Program ini memerlukan setiap individu di TM memikirkan semula cara Syarikat beroperasi dan merencana semula proses-proses kami bagi memacu produktiviti, kecekapan dan keberkesanan operasi yang lebih mantap justeru memberikan nilai terbaik kepada pelanggan.

Secara ringkas, program Transformasi Pengalaman Pelanggan ini beraspirasi untuk membawa anjakan minda dalam kalangan anggota TM agar sentiasa mementingkan pelanggan dalam setiap perkara yang Syarikat lakukan. Para anggota digalakkan untuk mengenalpasti peluang potensi penambahbaikan dan menjana penyelesaian untuk mencapainya. Penyelesaian-penyelesaian ini diuji menerusi percubaan-percubaan berskala kecil dan diubahsuai sekiranya perlu, sebelum dilaksanakan untuk mempertingkatkan pengalaman pelanggan.



# HIDMATAN BERINTEGRASI KAN PELANGGAN




PROGRAM TRANSFORMASI PENGALAMAN PELANGGAN MEMPERTINGKATKAN LAGI TUMPUAN TM TERHADAP PELANGGAN KAMI. IDEA UTAMANYA IALAH MEMASTIKAN INTERAKSI BERKUALITI DI SEMUA PUSAT INTERAKSI.

Program ini mempunyai empat objektif utama:

1. Untuk mempertingkatkan keseluruhan perjalanan pelanggan dari aspek interaksi bersama TM merentasi pelbagai pusat interaksi, dengan berpegang kepada falsafah "Hidup dan Perniagaan Lebih Mudah"

2. Untuk memacu pertumbuhan hasil menerusi sokongan dan kesetiaan pelanggan, didorong oleh penawaran-penawaran bernilai tambah serta penyampaian dan kualiti perkhidmatan yang konsisten

3. Untuk memacu kecekapan dan keberkesanan operasi

4. Untuk menerapkan pemikiran dan budaya Pelanggan Didahulukan di kalangan warga TM dan rakan perniagaannya

# Kaedah Inovatif untuk Kemampanan

Kaedah yang digunapakai untuk program transformasi ini adalah berdasarkan lima prinsip:

**Dipacu Strategi**

Disokong sepenuhnya oleh barisan kepimpinan dengan sasaran ditetapkan oleh Pengurusan Kanan

**Holistik**

Menumpukan kepada penyelesaian teknikal, pemikiran, tingkah laku dan infrastruktur pengurusan

**Merentasi Keseluruhan Perjalanan Pelanggan**

Bertujuan memperbaiki proses, ekosistem dan unit-unit dalam organisasi di sepanjang perjalanan pelanggan secara keseluruhan berbanding penumpuan kepada inisiatif penambahbaikan individu secara berasingan

**Boleh diulang**

Pelaksanaannya akan beralih kepada perjalanan pelanggan dan aliran nilai yang baharu setiap enam ke lapan bulan dengan menggunapakai kaedah penambahbaikan secara konsisten

**Memfokus kepada insan**

Memerlukan komitmen wakil khidmat pelanggan bagi memberi impak bersama

Pendekatan transformasi ini berpaksikan kepada "tiga lensa" berikut:

**Infrastruktur Pengurusan**

Struktur, proses dan sistem formal bagi menguruskan sumber-sumber untuk menyokong sistem operasi. Ini termasuklah persekitaran organisasi, matriks prestasi, kitaran maklum balas menyeluruh, perancangan keupayaan dan lain-lain lagi.



### Sistem Operasi

Cara aset-aset dan sumber-sumber dioptimumkan untuk mencipta nilai menerusi kecekapan operasi. Ini termasuklah proses-proses, wadah-wadah, standard-standard dan sistem-sistem.

### Pemikiran dan Tingkah Laku

Cara seseorang berfikir, merasa dan membawa diri mereka di tempat kerja, sama ada secara individu atau secara kolektif. Ini termasuklah peranan dan tanggungjawab, kepimpinan, pembinaan keupayaan, ganjaran dan insentif, komunikasi serta motivasi.

# Meletakkan Pelanggan Sebagai Keutamaan

Salah satu cabaran utama TM adalah untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan sambil mengoptimumkan kos kami bagi pemberian perkhidmatan. Ini memerlukan pendekatan berorientasikan pelanggan yang menggunapakai sumber-sumber sedia ada dalam cara baharu dan lebih baik untuk mempertingkatkan pengalaman pelanggan.

Sepanjang tahun 2014, TM mencatat peningkatan ketara dari segi penyampaian perkhidmatan keseluruhan yang lebih pantas, tahap kecekapan operasi yang lebih tinggi, pengalaman pelanggan yang lebih baik dan produktiviti organisasi yang lebih mantap. Apabila digabungkan, semua ini membantu meningkatkan prestasi kami serta membina momentum bagi perjalanan transformasi kami.

# Penyampaian Perkhidmatan Keseluruhan yang Lebih Pantas

Berdasarkan kepada kejayaan projek pada tahun 2010, program Transformasi Pengalaman Pelanggan telah mengorak langkah perubahan bagi meningkatkan kecekapan operasi menerusi proses automasi dan pengoptimuman. Satu sistem pengurusan tenaga kerja (WFMS) yang diberi nama kod SWIFT telah diperkenalkan untuk mengautomasi kebanyakan proses penyampaian perkhidmatan kami agar bertindak balas dengan lebih pantas terhadap permintaan-permintaan pemasangan atau baikpulih, serta mencapai "Tepat Pada Kali Pertama" dalam pelbagai tugas. Sistem tersebut dibangunkan di peringkat dalaman oleh TM R&D sebagai sebahagian daripada hasrat kami untuk mendorong inovasi perniagaan.

Berikut adalah antara kejayaan-kejayaan ringkas program Transformasi Pengalaman Pelanggan:

## Jaminan

### Purata Masa untuk Baikpulih (MTTR)

Purata masa untuk baikpulih kerosakan perkhidmatan Suara dan Jalur Lebar berjaya diperbaiki agar setanding dengan syarikat-syarikat telekomunikasi terbaik di dunia. Khusus kepada pelanggan PKS, kitaran waktu untuk membaikpulih kerosakan menjadi 30.0% lebih baik selepas pelaksanaan SWIFT.

### Baikpulih Kali Pertama yang Tepat (FFR)

Jaminan "tepat pada kali pertama" secara keseluruhan, seperti yang diukur mengikut FFR, telah bertambah baik kepada lebih 80.0%.

## Pemasangan

### Purata Masa untuk Pemasangan (MTTI)

Purata masa untuk proses pemasangan perkhidmatan Suara dan Jalur Lebar telah berkurang sebanyak 13.0%, meletakkan TM antara syarikat telekomunikasi terbaik di seluruh dunia.

# Produktiviti Tenaga Kerja Teknikal

Selain penyampaian perkhidmatan yang lebih pantas, pengautomasian operasi jaminan menerusi SWIFT telah memperbaiki produktiviti anggota teknikal sebanyak 25.0%. Ini membolehkan TM menyalurkan sumber-sumbernya kepada bidang-bidang yang mencipta lebih nilai untuk Syarikat, justeru mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan pelanggan kami.

# Kecekapan Operasi Lebih Tinggi

Pengenalan Model Operasi dan Sistem Sokongan Operasi (OSS) yang dipertingkatkan seperti SPANMS, Sistem Konfigurasi CPE (CCS) dan projek TOP+ telah menunjukkan potensi sebenar operasi TM bagi mempertingkatkan pengalaman perkhidmatan pelanggan. Tahap Penyelesaian pada Interaksi Pertama kami meningkat sebanyak 20.0% pada tahun 2014, yang menyaksikan lebih banyak aduan pelanggan boleh diselidik dan diselesaikan dari jarak jauh menggunakan keupayaan SPANMS dan CCS. Kombinasi proses perjalanan pelanggan keseluruhan yang lebih kemas, keupayaan sistem yang dipertingkatkan dan kebertanggungjawaban individu telah membawa kepada tahap kecekapan yang tinggi, justeru meningkatkan kemampuan kami untuk mencapai sasaran perniagaan dan lebih penting, melangkaui jangkaan pelanggan kami.

Bagi mempertingkatkan lagi pengalaman pelanggan kami, Pusat Panggilan Pasaran Massa sedang disepadukan sementara agen-agen kami sedang dilatih untuk memberi sokongan pelanggan yang lebih berkesan. Inisiatif-inisiatif penambahbaikan berterusan kami mendapat pengiktirafan apabila Pusat Panggilan VADS TM dinobatkan sebagai Pusat Panggilan Mega Terbaik oleh Contact Center World Association (CCWA), badan global paling terkenal bagi amalan-amalan terbaik pusat panggilan, dalam satu majlis tahunan yang diadakan di Las Vegas, Amerika Syarikat pada bulan November 2014.

# Tindakan Pantas menerusi Maklum Balas Pelanggan

Menghargai Suara Pelanggan (VoC), kami menerima maklum balas sebagai hadiah yang membolehkan kami terus memperbaiki cara kami beroperasi, justeru menyampaikan pengalaman terbaik dan menghargai pelanggan kami serta pihak-pihak berkepentingan.

Pada 2014, kami melaksanakan satu mekanisme VoC yang sistematik untuk pelanggan memberikan maklum balas tentang interaksi mereka dengan TM. Inisiatif ini dilaksanakan di peringkat ujian di Koridor Raya Multimedia (MSC) yang meminta pelanggan menilai prestasi kami dalam proses baikpulih perkhidmatan. Maklum balas yang di bawah aras memuaskan terus mengaktifkan mekanisme "hantar semula" secara automatik dan TM akan segera menghubungi pelanggan untuk menyelesaikan situasi tersebut secepat mungkin.

# PEMACU BUDAYA BERINOVASI: KERJA-HIDUP LEBIH MUDAH

Kami percaya untuk menjadi Peneraju Perkhidmatan Komunikasi Berintegrasi, ia adalah penting untuk memupuk budaya berinovasi di tempat kerja. Pelbagai inisiatif Pencetus Perubahan telah diwujudkan bagi membimbing tingkah laku kerja yang lebih cekap agar selari dengan jangkauan perniagaan dan anggota. Falsafah ini merangkumi Kerja-Hidup Lebih Mudah untuk meningkatkan produktiviti dan kelestarian perniagaan serta turut menyokong Pengurusan Modal Insan Kumpulan mencapai tiga Fokus Penyampaian Utama iaitu membangunkan saluran kepimpinan, meningkatkan produktiviti anggota serta memastikan TM menjadi Majikan Pilihan.

**Membina Saluran Kepimpinan**

- Program Pembangunan dan Kepimpinan Eksekutif
- Pemerolehan Kepakaran dalam Perniagaan & Rangkaian

**Produktiviti Anggota**

- Membangunkan Akademi Lean
- Skim Struktur Pengorganisasian & Pergerakan Menegak

**Menjadi Majikan Pilihan**

- Kepelbagaian & Kemasukan *(Diversity & Inclusion)*
- Budaya Pemacu Inovasi
- Kecemerlangan Khidmat Pelanggan




*Rajah 1: 3 Fokus Utama Strategi Pengurusan Sumber Manusia*

# Membangunkan Saluran Kepimpinan

## – Pembaharuan Minda & Tingkah laku

TM telah menggariskan satu strategi pembangunan yang mana para pemimpin dikenalpasti, dibina dan dikekalkan di semua peringkat.

Eksekutif muda berprestasi tinggi didedahkan dengan "Fast Track Program" (FTP) supaya dapat mempersiapkan diri menjadi para pemimpin masa hadapan melalui pementoran, perhubungan dengan pemimpin dan latihan yang padat. Para peserta akan melalui pelbagai pusingan kerja dan tugas dalam Syarikat selama tiga tahun untuk memperluaskan kemahiran, membangunkan minda pelanggan serta membentuk kemahiran sosial selain pemikiran strategik.

Pada tahun 2014, bakat-bakat di seluruh organisasi telah melibatkan diri dalam projek *"needle-moving"* sebagai platform kepada mereka supaya menjadi lebih aktif dan paling penting bertanggungjawab dalam perniagaan bagi menyerlahkan potensi kepimpinan mereka. Mereka melalui pelbagai program pembangunan kondusif agar lebih cekap dan pantas dalam menjalankan tanggungjawab di beberapa divisyen yang berlainan selain bersedia untuk menjadi para pemimpin serba boleh.

Bagi memudahkan transisi perubahan daripada pengurusan peringkat pertengahan yang berpotensi kepada pengurusan atasan, Program *Lead, Excel & Deliver* (L.E.A.D) diperkenalkan. Program ini diuruskan oleh Fakulti Pengurusan di Universiti Cranfield yang menduduki tangga ke 10 carta dalam Diagram pembangunan eksekutif.

Selain itu, lebih daripada 200 pengurusan atasan menghadiri Program Kepimpinan Perniagaan TM sementara sebahagiannya pula mengikuti beberapa program eksekutif di sekolah-sekolah perniagaan terulung termasuklah yang dianjurkan oleh TalentCorp Malaysia. Untuk meningkatkan lagi pencapaian mereka, beberapa pembimbing eksekutif perniagaan ditugaskan kepada para pemimpin utama. Kami juga meminjamkan sebilangan anggota ke agensi-agensi kerajaan antaranya Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM).

Pengurusan tertinggi dan atasan bekerjasama erat dengan Pengurusan Modal Insan Kumpulan dalam setiap program pembangunan kepimpinan, dari mengenalpasti sehingga memantau dan membangunkan para pemimpin yang berpotensi. Dalam situasi ini, pembangunan kepimpinan menjadi keutamaan di TM. Beberapa program dalam rangka pembangunan, adalah berdasarkan Model Kompetansi Kepimpinan TM iaitu SUCCESS yang mana ia merangkumi tujuh faktor-faktor penting kepimpinan, seperti merujuk gambarajah di bawah:

Success

**KOMPETENSI KEPIMPINAN TM**

- **S** – Kecemerlangan Kepimpinan
- **U** – Perpaduan & Kerja Berpasukan
- **C** – Memupuk Kolaborasi dengan Pihak Berkepentingan
- **C** – Memangkin Perubahan
- **E** – Mendokong dan Mengasuh Minda Bakat
- **S** – Berusaha Mencapai Keputusan
- **S** – Berminda Keusahawanan dan Strategik

*Rajah 2: SUCCESS – Model Kompetansi Kepimpinan TM*

**EKSEKUTIF MUDA BERPRESTASI TINGGI DIDEDAHKAN DENGAN "FAST TRACK PROGRAM" (FTP) SUPAYA DAPAT MEMPERSIAPKAN DIRI MENJADI PARA PEMIMPIN MASA HADAPAN MELALUI PEMENTORAN, PERHUBUNGAN DENGAN PEMIMPIN DAN LATIHAN YANG PADAT**




*Rajah 3: Lima Dimensi Pengurusan Produktif (Lean Management)*

# Pembangunan Pengurusan Produktif (Lean Management) sebagai Pemacu Produktiviti

TM telah melaksanakan konsep pengurusan Produktif (Lean Management) untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan anggotanya. Ia bertujuan untuk menumpukan produktiviti anggota melalui lima dimensi; pengurusan prestasi, kemahiran dan organisasi, minda dan tingkahlaku, kecekapan proses dan pelanggan.

Beberapa inisiatif utama telah dilaksanakan seperti pengkemahiran-silang dan pengkemahiran menegak kepada anggota; peningkatan prestasi melalui inisiatif WoW (*"Way of Working"*) melibatkan proses pemudahan utama, piawaian dan automasi; dan penstrukturan semula fungsi-fungsi divisyen. Metodologi "lean" telah dikhaskan dengan fungsi-fungsi perniagaan yang berbeza untuk menggalakkan inovasi, kreativiti dan pemacu-penyelesaian minda di kalangan anggota. Bagi mengukuhkan perubahan kedudukan ke dalam ekosistem TM, Peneraju "Lean" dikenalpasti untuk menjadi pelopor dan mengekalkan perubahan momentum di seluruh organisasi.

## Memangkin Pembangunan Anggota melalui Perkembangan Teknologi

Untuk memastikan anggota-anggota mencapai kepantasan teknologi terkini, Akademi Teknikal menyediakan latihan berstruktur dalam Rangkaian Capaian, Internet Protokal/Sistem Teknologi dan Aplikasi Korporat. Sepanjang tahun ia juga menganjurkan seminar Talian Tetap Berintegrasi dan bekerjasama dengan Rangkaian Operasi dan Pengurusan selain Divisyen TOP untuk membangun dan melaksanakan Program *"External Plant Up-skilling"* yang tertumpu kepada:

- membangunkan Model Operasi Lean menerusi piawaian semua arahan kerja melalui pengawasan berpusat dan sistem pengesan.
- penselarian proses untuk membantu Pasukan Lapangan Zon memperbaiki tahap kelemahan mereka/mengembalikan pusingan masa
- meningkatkan produktiviti pasukan Loji Luar
- menguruskan kekurangan dalam perkakasan-perkakasan dan gear uji melalui peningkatan kecekapan pasukan lapangan

## Memperhebatkan Kebolehan Khidmat Pelanggan – Pengalaman Baharu

Dalam industri kompetitif seperti telekomunikasi, memastikan pengalaman pelanggan yang terbaik adalah penting untuk kehidupan. Akademi Perkhidmatan Pelanggan (CSA) diteruskan bagi memacu budaya hubungan-pelanggan sekaligus mengharmonikan pengalaman pelanggan di seluruh cabang interaksi di dalam Syarikat. Program *Superb and Meaningful Interaction Leading to Excellence* (SMILE) diperhebatkan untuk melindungi keseluruhan cawangan-cawangan TMpoint di seluruh negara selain program-program bersesuaian turut dilaksanakan agar para pelanggan boleh berinterasi dengan anggota seperti pasukan pemasangan, penjual semula dan pusat-pusat panggilan. Selain itu, program-program latihan ke arah meningkatkan kemahiran-kemahiran kecekapan anggota barisan hadapan turut dilaksanakan.

Bagi pasukan Pengurusan Akaun, satu siri Seminar Industri dianjurkan untuk membolehkan anggota-anggota lebih menghargai ekosistem industri serta nilai rantaian bagi menyediakan perkhidmatan pelanggan yang lebih jelas dan terbaik.

# Menjadi Majikan Pilihan

Kami percaya persekitaran kerja yang ditawarkan tidak hanya tertumpu kepada kecemerlangan tetapi juga diinspirasi oleh *"sense of belonging and ownership"* untuk pencapaian motivasi yang lebih optimum. Ini dicapai melalui beberapa sumbangan yang dinilai oleh setiap anggota, menghubungkan mereka dalam satu situasi positif selain menegenalpasti sumbangan-






*Kepelbagaian hubungan budaya di TM sempena 1TM sambutan Tahun Baru Cina/Deepavali.*

sumbangan tersebut. Kejayaan kami dibuktikan dengan menerima pelbagai pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Ia termasuk 50 Syarikat Terbaik untuk Bekerja di Asia 2014, Anugerah 50 Jenama Majikan Terbaik Asia 2014 dan 10 Majikan Pilihan di Malaysia 2014.

## Menghubungkan Anggota Kami

Kami berhubung secara aktif dengan para anggota melalui pelbagai platform termasuk GCEO Turun Padang, Jom Bersama, Sesi-sesi Teh Tarik, ZBC Amazing Race dan Kempen *"I Love TM"*. Pada masa yang sama, menggalakkan semangat perpaduan melalui pelbagai program seperti Berpasukan Dengan Bersemangat (*"Teaming with Passion"*) (TWP) yang dipertingkatkan lagi pada 2014 melalui penggabungan inisiatif Pemacu Perubahan, Model Kompetansi Kepimpinan SUCCESS dan hubungan pelanggan. Selain memupuk semangat 1TM, kami turut mengenalpasti sumbangan-sumbangan individu kepada TM melalui Malam Anugerah Kumpulan TM, Anugeral KRISTAL dan Warisan Kasih.

Hasil daripada inisiatif-inisiatif tersebut, kami memperoleh skor 90.0% dalam Kajian My 1TM baru-baru ini yang kekal seperti tahun-tahun terdahulu. Ia menyumbang dalam melestarikan jenama kami sebagai Majikan Pilihan.

## Penguasaan melalui Pelan Flexi – *"Faedah Anda, Cara Anda, Hidup Lebih Mudah"*

Memastikan setiap anggota mempunyai keperluan dan jangkaan yang berbeza, kami memperkenalkan Pelan Flexi TM yang mengandungi faedah teras dan pilihan. Faedah-faedah teras menyediakan perlindungan asas bagi memenuhi keperluan-keperluan yang ditetapkan. Ia merupakan tambahan kepada 25 keperluan-keperluan pilihan anggota yang boleh dipilih berdasarkan daripada kutipan mata Flexi Points yang diperoleh dalam Flexible Spending Account (FSA). Kesemua faedah-faedah ini di bawah kategori Gaya hidup, Kesihatan & Kecantikan, dan Teknologi. Antara faedah-faedah pilihan adalah percutian, penjagaan kanak-kanak, perlindungan perubatan untuk ibu-bapa dan pembelian komputer atau komputer tablet.

## Skim Pilihan Persaraan

Melalui skim ini, yang mana ia adalah berdasarkan permintaan daripada anggota, mereka diberi pilihan untuk bersara pada umur antara 55 dan 60 tahun. Skim ini dilaksanakan bermula dari 1 Julai 2013, sejajar dengan pelaksanaan Persaraan Umur Minimum 2012 yang menetapkan umur persaraan dari 55 kepada 60 tahun.

## Semangat Kepelbagaian Budaya

Mengenalpasti sumbangan-sumbangan dalam kepelbagaian anggota serta semangat padu 1TM, kami menyediakan peluang secara sama rata kepada setiap anggota demi menghormati jantina, agama atau kepercayaan dalam aspek-aspek pekerjaan termasuk ganjaran dan penghargaan, pembangunan kerjaya, pendedahan kerja, faedah-faedah dan kenaikan gaji. Dalam konteks yang sama, kami meraikan setiap sambutan perayaan negara dengan penuh kegembiraan tanpa berbelah-bahagi. Ini memperteguhkan persekitaran budaya bersatu hati yang diamalkan dalam setiap aktiviti seharian demi membangunkan anggota yang produktif dan berprestasi tinggi.

## Mengekalkan Keharmonian Industri

TM komited untuk mengekalkan keharmonian hubungan dengan kesatuan-kesatuan kami dan turut berjaya mencapai tahap sifar dalam pertikaian industri sepanjang beberapa dekad lalu bererti keempat-empat kesatuan kami - Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Telekomunikasi (NUTE), Kesatuan Pekerja Telekom Sarawak (UTES) dan Kesatuan Pekerja Telekom Sabah (SUTE) dan Kesatuan Pekerja Telekomunikasi Sabah (SUTEN) – ini sebagai pengukur dalam mengekalkan hubungan harmoni antara Pengurusan dan lebih 28,000 anggota-anggota kami.

Pihak Pengurusan menjalinkan kerjasama dengan kesatuan-kesatuan secara proaktif untuk berhubung dan melaksanakan Inisiatif Program Peningkatan Prestasi 3.0 (PIP) melalui pelaksanaan program-program pembangunan kendiri, kemahiran penyeliaan dan pelbagai program pembangunan kerjaya.

## Menyatu Usaha-Usaha ke arah Melestarikan Minda 1TM

Kami menjalinkan hubungan yang kukuh bersama-sama NGO di seluruh organisasi seperti Kelab TM, Badan Kebajikan Islam TM (BAKIT), Tiaranita dan Rejimen Semboyan Diraja Pakar Telekom (RSDPT). Bekerja dengan beberapa organisasi, kami mampu merealisasikan Minda 1TM. Ini jelas digambarkan melalui beberapa acara antaranya Karnival Sukan Telekom Malaysia (KASTEL) dan Karnival Islam TM 2014 di mana anggota bekerja bersama-sama tanpa mengira latar belakang bidang tugasan demi mencapai matlamat yang sama.

## Fakta Sekilas Pandang

Pembaharuan Polisi dan Sistem

**Pengurusan OSHE**
memenuhi piawaian MS1722 & OHSAS 18001

**Meningkat 288.0%**
dalam laporan kemalangan

**Kemalangan sifar**
di kalangan anggota-anggota



# KESELAMATAN DIUTAMAKAN: KESELAMATAN, KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR (OSHE)

## Tinjauan

TM terus mengekalkan prestasi keseluruhan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (OSHE) untuk tahun 2014 yang merekodkan sedikit peningkatan bilangan dan keterukan kemalangan pekerjaan. Kami juga mengekalkan tahap risiko "Tinggi" yang telah menurun dari "Amat Tinggi" pada 2012.

## Prestasi Keselamatan

Pada tahun kajian menyaksikan sebanyak 53 kemalangan berbanding 32 pada tahun lalu. Ini menunjukkan kadar kemalangan sebanyak 1.11 setiap 1,000 anggota termasuk kontraktor, yang meningkat sedikit daripada kadar tahun lalu iaitu 0.57 setiap 1,000 anggota. Kebanyakan kemalangan melibatkan anggota terjatuh dari tangga dan tiang. Pada masa yang sama, keterukan kemalangan dikira mengikut kehilangan masa cedera (LTI) meningkat dari 360 hari pada 2013 ke 554 hari pada 2014. Dari segi positif, sejumlah 288.0% peningkatan laporan kemalangan nyaris dari lapan kepada 31, ini menandakan peningkatan kesedaran di kalangan anggota untuk melaporkan semua kemalangan di tempat kerja.

TM terus mengekalkan rekod kematian sifar sejak pada tahun 2010, namun terdapat satu kemalangan maut di kalangan kontraktor di Bau, Sarawak disebabkan renjatan dari talian atas penghantaran kuasa elektrik dalam bulan Mac.

## Aktiviti dan Program

### Pematuhan

TM mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994 dan TM mematuhi dan peraturan-peraturannya dalam usaha mempromosikan budaya kerja yang selamat dan sihat.





## Jawatankuasa OSHE Induk & Negeri

Pada tahun 2014, TM terus mengukuhkan Jawatankuasa Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (OSHE). Jawatankuasa OSHE Negeri dan Jawatankuasa OSHE Bangunan/Premis telah menunjukkan pematuhan kepada semua keperluan OSHA 1994 dan Peraturan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan 1996. Selain itu, Jawatankuasa Induk turut melawat beberapa stesen TM: Logistik Malaysia Larkin, TM Sentosa Johor Bahru, Ibu Sawat Raub, Ibu Sawat Bentong dan Pusat Operasi Rangkaian (TM NOC), Cyberjaya.

## Semakan Semula Sistem Pengurusan OSHE (OSHE MS)

Lanjutan semakan semula OSHE MS mengikut OHSAS 18001:2007 yang dilengkapkan pada penghujung tahun 2013, Polisi OSHE dan Manual OSHE MS yang baru telah diluluskan dan ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM pada 7 Julai 2014. Berikutan itu, OSHE MS baru telah dikuatkuasakan di seluruh negara.

## Promosi OSHE di Tempat Kerja

Usaha berterusan dilaksanakan untuk mengiktiraf OSHE dalam mempromosikan budaya kerja yang selamat dan sihat.

## Kempen OSHE

Berbagai aktiviti OSHE telah dilaksanakan oleh pasukan dan jawatankuasa OSHE untuk menangani risiko berkaitan OSHE. Ini temasuk secara berterusan pemeriksaan, minggu OSHE, Hari Kesihatan OSHE, Portal OSHE, Mesyuarat Jawatankuasa OSHE, Pelan OSH, Berita OSHE, Daftar Perundangan OSH, Audit Pematuhan OSH, Aktiviti 5S dan latihan kebakaran dan kecemasan. Kesemua aktiviti ini dapat meningkatkan rasa tanggungjawab yang lebih baik di kalangan anggota TM, anak-anak syarikat dan kontraktor ke arah mengekalkan tempat kerja yang selamat.

Dalam tahun 2014, tiga negeri di Kuala Lumpur, Johor dan Sabah telah menganjurkan kempen Minggu OSHE untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan. Selain itu, Pertandingan *OSH Race* turut diperkenalkan untuk pertama kalinya di Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

## Pengurusan Kontraktor

Pelbagai program telah diadakan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan di kalangan kontraktor kami. Mereka dijemput menghadiri seminar, latihan, taklimat, aktiviti-aktiviti dan pertandingan OSH. Program kesedaran OSH diadakan secara berterusan untuk memastikan pengurusan kontraktor dan anggota bertanggungjawab mematuhi keperluan OSH. Semua kontrak baru dan sedia ada dinyatakan penyediaan keperluan dan garis panduan OSH. Malahan pejabat kami di Negeri Sembilan, Johor dan Perak meneruskan program mentor-mentee OSHE dengan kerjasama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).

## Pasport Keselamatan NIOSH-TM (NTMSP)

Dianggarkan seramai 45,000 pekerja kontraktor telah dilatih di bawah program anjuran bersama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dan TM. NTMSP diwajibkan kepada setiap pekerja kontraktor yang memasuki tapak kerja TM atau melaksanakan sebarang kerja berkaitan TM.

## Pelan OSH

Semua kontraktor dan pembekal dilatih dan dibimbing dalam penyediaan Pelan OSH bagi memastikan mereka memenuhi keperluan OSH dalam usaha mencegah sebarang kecederaan ketika membekalkan barangan dan perkhidmatan. Pelan OSH perlu diluluskan sebelum pelaksanaan sesuatu kerja.

## Latihan OSHE

Pelbagai usaha telah dijalankan untuk meningkatkan pengetahuan, pemahaman dan kemahiran anggota TM berhubung Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar. Ini adalah untuk memastikan OSHE menjadi aspek terpenting dalam persekitaran kerja dan diserap sebagai sebahagian daripada budaya kerja. Latihan OSHE dijalankan sama ada oleh pihak luar ataupun menerusi sumber dalaman. Ia termasuklah Program Latihan Arahan Kerja Selamat, Penyeliaan Berkesan (Dengan Buku Log Penyelia), Kebenaran Masuk dan Orang yang Menunggu (AESP), Pertolongan Kecemasan Pekerjaan Asas (BOFA), Kesedaran OSH, Sistem Pengurusan OSH, Ketua Auditor OSH MS, Audit Dalaman dan Ergonomik. Pada Disember 2014, unit OSHE melaksanakan modul e-Pembelajaran Kesedaran Asas OSHE.

## Keselamatan Tempat Kerja

TM telah mengambil langkah-langkah wajar dan praktikal untuk mengenalpasti bahaya dan mengurangkan risiko berkaitan pekerjaan.

## Program Pengenalpastian Hazad, Penilaian Risiko & Kawalan Risiko (HIRARC)

Pusat Operasi Rangkaian, Perkhidmatan Rangkaian Khas, Pengurusan Kenderaan TM dan Logistik Malaysia dalam proses melengkapkan program HIRARC. Program tersebut dilanjutkan kepada semua Jawatankuasa OSHE untuk mengenalpasti sebarang hazad, menilai risiko dan menghapuskannya setakat yang praktik untuk keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

## Ergonomik

Semenjak Garis Panduan Ergonamik Pejabat dilancarkan pada 5 Mac 2013, Latihan Ergonomik untuk Ketua-Ergo dan Penghubung-Ergo telah dikendalikan seluruh negara melibatkan 500 anggota.

## Alam Sekitar

Sehingga kini, EMS 14001 telah dilaksanakan oleh Pengurusan Hartanah dan Operasi. Piawaian ini akan dikembangkan ke seluruh negara selepas jadual semakan semula bagi penggal pertama tahun 2015 untuk meningkatkan tahap pelaksanaannya. Sementara itu, pasukan OSHE telah menjalani Latihan Asas Alam Sekitar dan EMS 14001 pada tahun 2014.

## Program Audit

Audit OSH merupakan salah satu komponen utama OSH MS. Berdasarkan program ini, kami telah melatih pasukan pengurusan OSHE untuk menjalankan audit dan melantik mereka sebagai Ketua Juruaudit OSH MS. Pasukan OSHE setiap negeri turut dilatih dan dilantik sebagai Juruaudit Dalaman OSH MS. Pasukan terlatih kami menjalankan audit dalaman di setiap negeri. Selain itu, audit dalaman turut dijalankan oleh Kumpulan Audit Dalaman di beberapa negeri terpilih.

## Pencapaian Keselamatan Anak Syarikat

Anak syarikat kami merekodkan satu peningkatan yang memberangsangkan dalam pencapaian keselamatan dan kesihatan. Sepanjang 2014, sebanyak 12 kemalangan dilaporkan, 54.0% kurang daripada tahun lalu. Malah sejumlah 48 hari kehilangan masa cedera direkodkan, iaitu 75.0% kurang daripada tahun lalu berjumlah 193 hari.

# Melangkah Ke Hadapan

Sebagai satu usaha untuk menambahbaik keselamatan bekerja, TM akan memastikan bahawa semua anggota, kontraktor dan anak syarikat mematuhi sepenuhnya semua keperluan undang-undang OSHE dan menyedari betapa pentingnya keselamatan dan kesihatan di tempat kerja serta mengamal keselamatan sebagai sebahagian daripada budaya kerja. TM akan terus memberi penekanan terhadap pelaksanaan OSH MS, HIRARC, audit dalaman, penguatkuasaan, pemeriksaan tempat kerja, audit pematuhan dan pengurusan akibat.

IMBAS UNTUK KANDUNGAN AURA

# TANGGUNGJAWAB KORPORAT



TM MENTAKRIFKAN SEMULA CARA PENYELESAIAN ISU-ISU YANG TIMBUL BAGI KE ARAH PENYELESAIAN INOVATIF DAN MENJANGKAU KEPERLUAN MASA HADAPAN.

**Imbas untuk muat turun**

Laporan Kelestarian TM 2014
www.tm.com.my/annualreport/2014/sr

Kebelakangan ini, TM menjadi sebuah syarikat yang mencatatkan pertumbuhan mampan. Kemampanan ini dapat dilihat pada setiap perkara yang dilaksanakan, daripada memacu pembangunan dan pembuatan produk sehingga kepada bagaimana pelanggan menggunakan produk kami. Ini membantu meningkatkan lagi tahap kesihatan dan keselamatan kami; dan menyaksikan TM berinteraksi dengan pihak berkepentingan secara aktif, menyumbang kepada komuniti setempat dengan cara yang lebih bermakna serta mengurangkan kesan terhadap alam sekitar.

Kemampanan kami adalah berlandaskan model perniagaan yang bertenaga dan didorong oleh inovasi. TM mentakrifkan semula cara penyelesaian isu-isu yang timbul bagi ke arah penyelesaian inovatif dan menjangkau keperluan masa hadapan. Pada masa yang sama, kami terus memanfaatkan inovasi dan teknologi untuk menggunakan sumber-sumber dengan lebih efisien bagi meningkatkan produktiviti.

Inisiatif-inisiatif kami telah menghasilkan beberapa kejayaan yang cemerlang di mana ringkasan kejayaan ini dipaparkan di halaman berikutnya. Untuk keterangan lanjut mengenai usaha-usaha kemampanan kami, pihak berkepentingan disarankan agar merujuk kepada Laporan Kelestarian kami yang diterbitkan secara berasingan.

## Kaji Selidik Materialiti TM

Pada tahun 2014, kami telah mula menggunakan garis panduan Laporan Kelestarian yang terkini iaitu *Global Reporting Initiatives (GRI)* – GRI G4. Penggunaan piawaian baharu ini telah mendorong kepada penghasilan kajian pihak berkepentingan dan materialiti TM. Maklumbalas daripada semua kumpulan pihak berkepentingan telah diambil kira dan konsep materialiti ini merupakan fokus utama Laporan Kelestarian TM. Memandangkan kelestarian merupakan salah satu daripada lima objektif strategik TM, ia adalah penting untuk menyelaraskan jangkaan pihak-pihak berkepentingan terhadap organisasi. Kajian yang dijalankan oleh TM ini merupakan kajian materialiti yang terperinci pernah dibuat dalam bidang ini.

Seramai 3,633 pihak berkepentingan telah memberi penilaian merangkumi kesemua aspek kelestarian TM di mana pengarah-pengarah dan pihak pengurusan kanan mewakili persepsi TM.

# Fokus Kelestarian di TM

- Menyokong matlamat kerajaan dalam menjadikan negara berpendapatan tinggi dengan menekankan pendidikan dan pembangunan modal insan
- Mengenal pasti keperluan masyarakat dengan memperkasakan ibu tunggal, komuniti Orang Kelainan Upaya (OKU) dan mangsa bencana alam
- Mewujudkan perhubungan dengan mengenal pasti digital dan pembahagian geografi secara keseluruhan

- Mengintegrasikan kemampanan dalam bekalan proses rantaian kami
- Meningkatkan nilai kepada industri
- Memberikan kualiti dan inovasi produk serta perkhidmatan yang cemerlang
- Memastikan kepuasan pelanggan dan menjadikan hidup mereka lebih mudah




- Meminimumkan kesan alam sekitar daripada operasi kami
- Perlindungan alam semulajadi dan biodiversiti
- Menangani cabaran perubahan Iklim dengan menguruskan kesan karbon kami
- Memelihara sumber termasuk tenaga dan air

- Menjanjikan penyediaan peningkatan kerjaya untuk semua anggota
- Memastikan keselamatan setiap anggota
- Memupuk modal insan yang pelbagai di tempat kerja
- Menjadi "Majikan Pilihan"

## Fakta Sekilas Pandang

**3,633 pihak berkepentingan**
telah memberi maklumbalas terhadap kaji selidik materialiti

**>RM2.0 juta**
telah dibelanjakan untuk Program Sekolah Angkat sejak 2003

**>1,006 TM ROVers**
telah membantu untuk mangsa banjir sehingga 25 Februari 2015




*Pemetaan Kaji Selidik Materialiti TM keputusan berdasarkan kepentingan TM dan pihak berkepentingannya.*

Keputusan analisis ini telah digunakan untuk membentuk matriks materialiti seperti di bawah:

# Komitmen Kami Dalam Pasaran

Tatacara perniagaan TM adalah berlandaskan kepada kejujuran, integriti, profesionalisme dan kecemerlangan dalam setiap urusniaga kami dengan pihak-pihak berkepentingan. Untuk memastikan etika perniagaan merentasi rantaian nilai kami berada di tahap yang tertinggi, kami menggalakkan rakan perniagaan dan pembekal-pembekal kami mengamalkan amalan-amalan bertanggungjawab. Kami bekerja rapat dengan rakan rantaian bekalan kami untuk mencapai tahap kecekapan yang tertinggi. Kami melindungi pihak-pihak berkepentingan kami dengan mengekalkan tadbir urus korporat yang baik. Kami juga sentiasa membuat pembaharuan untuk menawarkan produk dan perkhidmatan yang dapat merubah kehidupan pelanggan kami.

## Program Pembangunan Pembekal Bumiputera (VDP)

TM telah lama memainkan peranan sebagai pemacu Program Pembangunan Pembekal (VDP) dan kami merupakan antara Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) pertama yang mewujud dan melaksanakan program ini dengan memberi tumpuan kepada sokongan yang berkualiti tinggi, nilai tambah dan pembangunan mampan para pembekal TM.

Penunjuk Utama Prestasi (KPI) pada 2014, termasuklah memperkasakan Bumiputera. Oleh itu, kami berusaha untuk memperkasakan lagi pembekal kami dengan meningkatkan keupayaan mereka untuk bersaing di pasaran. Kami telah menetapkan sasaran untuk menawarkan 40.0% daripada kontrak-kontrak kami kepada pembekal Bumiputera dan kami berjaya melepasi sasaran tersebut dengan mencapai kadar 47.0%. Kami akan terus menggalakkan segmen ini dengan lebih fokus untuk meningkatkan lagi kemahiran dan kecekapan mereka.

## Sistem Pengurusan Tenaga Kerja (WFMS)

WFMS memberi tumpuan kepada peningkatan berterusan dalam perkhidmatan pelanggan melalui kecemerlangan operasi. Melalui WFMS, kami telah menggantikan aktiviti manual kepada automatik, seterusnya mengurangkan kesilapan manusia dan kos pengurusan. Melalui sistem ini juga, kami menyediakan perkhidmatan kemas kini secara dalam talian untuk pasukan pemasangan kami dan kontraktor-kontraktor lain, justeru memudahkan tugas mereka dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan.

## Pengurusan Perhubungan Pembekal (SRM)

SRM adalah platform pembelian berasaskan web yang memberi penjimatan berterusan dan penjanaan nilai untuk pengurusan bekalan bertaraf dunia. Ia merangkumi keseluruhan kitaran bekalan termasuklah penyumberan strategik, perolehan operasi dan pembangunan pembekal dengan memanfaatkan kandungan dan data induk yang digabungkan. SRM membolehkan keseluruhan proses perniagaan daripada perolehan kepada pembayaran secara menyeluruh, mengurangkan masa dan kos kepada pembekal-pembekal melalui Sistem, Aplikasi dan Produk (SAP) SRM. Pembekal-pembekal diuruskan mengikut barangan dan perkhidmatan yang mereka sediakan. Pada masa yang sama, ia boleh mengurangkan kesan karbon dan menggalakkan vendor TM menggunakan Internet untuk inbois.

## Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)

QMS TM R&D berasaskan web merupakan medium untuk anggota TM R&D mendapatkan maklumat yang lengkap sebagai rujukan dan tindakan mengenai ISO 9001:2008. Ia menggalakkan penambahbaikan dan keberkesanan yang berterusan bagi memastikan sumber-sumber dan maklumat yang diperlukan mencukupi dalam menyokong operasi. Bagi mempertingkatkan proses-proses dalaman dan produktiviti TM R&D, mereka telah menaik taraf QMS ke ISO 9001:2015.

## Infrastruktur $E^3$

Infrastruktur $E^3$ TM adalah pintar, tangkas, fleksibel, modular, berskala, terjamin dan kos efektif, dalam menyokong cita-cita TM untuk menjadi pusat sehenti penyelesaian segala keperluan pelanggan korporatnya. Kesemua inisiatif yang dikenalpasti di bawah setiap tema strategik ini mempunyai prinsip-prinsip penambahbaikan yang berterusan, berkualiti, kos dan berasaskan kepentingan pelanggan.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi infrastruktur $E^3$ TM, IT&NT telah menggunakan unsur-unsur Rangkaian Tenaga Hijau yang cekap, yang dihasilkan daripada bahan-bahan tidak berbahaya dan selain menggunakan kaedah-kaedah mesra alam. Antara amalan operasi dan reka bentuk terbaik yang dilaksanakan adalah pembentukan semula susun atur peralatan, penggabungan platform rangkaian dan pengurusan suhu optimum. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dikenal pasti pada tahun 2014 adalah infrastruktur berasaskan Awan, migrasi platform rangkaian/IT, pengoptimuman rangkaian/sistem infrastruktur dan keselamatan. IT&NT merancang untuk melengkapkan transformasi semasa untuk mengukuhkan infrastruktur $E^3$ dalam menuju ke arah operasi yang berasaskan perkhidmatan.

## Menghayati "Hidup Lebih Mudah"

Kami sentiasa mencari jalan dan cara yang baru untuk menjadikan hidup para pelanggan kami lebih mudah. Kami telah memperbanyakkan premis-premis TMpoint dan memasang lebih banyak kiosk pembayaran di dalam premis-premis ini, untuk membolehkan para pelanggan membayar bil-bil mereka dengan mudah. Sehingga kini, kami mempunyai sejumlah 169 premis-premis TMpoint dan 149 kiosk di seluruh negara. Di samping itu, TM Autopay dan sistem rebat disediakan untuk memudahkan para pelanggan menguruskan bil-bil mereka dihujung jari.

Kami juga melaksanakan mekanisme *Voice of Customer* (VoC), untuk mendapatkan maklumbalas pelanggan terhadap sebarang ketidakpuasan hati. Pada September 2014, sistem penilaian melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) telah diperkenalkan untuk membolehkan pelanggan memberikan pendapat mengenai interaksi mereka dengan agensi jualan dan anggota barisan hadapan TMpoint. Sistem maklumbalas yang sama akan diperkenalkan di titik-titik sentuhan seperti pusat-pusat panggilan, pasukan-pasukan pemasangan dan pembaikpulihan pada tahun 2015.




## Privasi Pelanggan

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) telah diluluskan pada tahun 2010 dan mula berkuatkuasa pada 15 November 2013. TM berusaha untuk mematuhi sepenuhnya Akta ini dan telah memperkenalkan Notis Privasi. TM hanya menggunakan maklumat peribadi pelanggan untuk:

- Menilai permohonan atau peruntukan terus produk dan/atau perkhidmatan;
- Mengesah dan memproses pembayaran, bil dan pertanyaan mengenai bil;
- Menyampaikan iklan khas dan kandungan di laman web TM;
- Memberi maklum balas kepada pertanyaan pelanggan;
- Penyelidikan dan analisis data sejarah dan statistik;
- Melaksanakan operasi umum dan penyelenggaraan produk dan perkhidmatan termasuk audit dan laman web yang berkaitan;
- Menjalankan pengesahan umum;
- Mengemaskini data pelanggan dari semasa ke semasa;
- Menyediakan pelanggan dengan komunikasi biasa yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan yang disediakan;
- Menyiasat aduan, transaksi yang disyaki mencurigakan dan penyelidikan untuk perkhidmatan atau dan penambahbaikan produk; dan
- Mematuhi mana-mana peraturan kawal selia, berkanun atau undang-undang seperti penyediaan Direktori Bantuan Perkhidmatan 103 sebagai sebahagian daripada Perkhidmatan Aplikasi Dikehendaki.

TM memastikan bahawa maklumat peribadi pelanggan tidak didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga. Walau bagaimanapun, maklumat peribadi boleh diberikan dalam kes-kes tertentu seperti atas sebab undang-undang, litigasi atau permintaan daripada pihak berkuasa awam dan kerajaan. Maklumat juga boleh diberikan jika ia diperlukan untuk keselamatan negara, penguatkuasaan undang-undang atau isu-isu lain yang menjadi kepentingan awam.

### Anti-Rasuah

TM komited untuk menjalankan perniagaan secara terbuka, jujur, beretika dan mengguna pakai pendekatan toleransi sifar untuk segala bentuk rasuah. TM tidak menawarkan wang sumbangan atau barangan kepada pegawai parti politik atau calon untuk jawatan awam tanpa kelulusan daripada Lembaga TM atau Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.

Bahagian berisiko tinggi telah dikenal pasti berdasarkan penglibatan mereka dengan pihak luar, rakan-rakan perniagaan dan pihak berkuasa. Pelbagai sesi hubungan dan kesedaran telah diadakan untuk kumpulan pekerja yang berisiko tinggi. Kaedah hubungan dan kesedaran adalah termasuk mengadakan sesi yang dapat mengukuh dan menekankan kepentingan etika, piawaian integriti dan tingkah laku.

Program-program ini adalah untuk memastikan anggota memahami etika dan amalan terbaik integriti. Pada tahun 2014, TM telah mengadakan lebih daripada 30 sesi yang meliputi bidang perniagaan, negeri dan anak-anak syarikat yang dihadiri oleh kira-kira 39.0% daripada Pengurusan dan 10.0% daripada bukan Pengurusan. Sesi-sesi ini merangkumi Nilai Kristal kami iaitu Kewibawaan Tanpa Kompromi.

# Komitmen Kami di Tempat Kerja

TM mengiktiraf bahawa kejayaan kami bergantung kepada lebih daripada 28,000 anggota di seluruh negara, yang bertanggungjawab untuk memacu inovasi bagi mengekalkan TM sebagai peneraju pasaran. Pada tahun ini, tumpuan utama penglibatan anggota adalah termasuk penyatuan anggota di semua peringkat organisasi; menghubungkan tanggungjawab unik setiap aggota dalam memacu inovasi; untuk menyumbang kepada perniagaan, dan memberikan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan kami dan masyarakat tempatan.

### Kami Bersatu dalam Perkara Ini

TM komited untuk membina masyarakat yang merangkumi semua peringkat dan peranan dalam Syarikat. Pihak pengurusan atasan komited untuk menghubungkan seluruh organisasi dengan ketelusan, ke arah tahap komunikasi dan kerjasama yang lebih baik.

Penglibatan anggota adalah faktor utama ke arah memacu kemampanan TM. Anggota yang terlibat adalah mereka dan cenderung untuk melibatkan diri dalam kerja mereka dan membuat inovasi. Mereka menjadikan TM supaya mementingkan alam sekitar dan penyumbang utama kepada masyarakat, lebih berpuas hati, produktif dan setia. Dengan melibatkan anggota, amalan kemampanan dapat memajukan serta dikekalkan sebagai norma syarikat.

Sejak 2009, Kaji Selidik My1TM digunakan setiap tahun untuk menilai penglibatan anggota. Semua anggota diselidik selain daripada orang-orang yang telah meletakkan jawatan atau yang menyertai syarikat selepas tarikh akhir yang dipersetujui. Hasil kajian dibincangkan dan dipersetujui di peringkat pengurusan. Kunci utama yang mengekalkan tahap penglibatan tenaga kerja ditangani. Ruang penambahbaikan turut dititikberatkan, jika tidak ia boleh membawa kepada peningkatan bilangan anggota yang diabaikan. Keputusan disampaikan kepada bahagian masing-masing untuk pelan tindakan selanjutnya. TM memperoleh 90.0% dalam kajian ini pada tahun 2014, yang mana ianya adalah tahap penglibatan yang sama selama tiga tahun ini, dengan maklum balas 89.0% daripada anggota.

**Penerbitan dan Saluran Dalaman**

- **752** Sebaran Emel yang dikeluarkan
- **98** *Snippets* (9 topik) diterbitkan
- **48** Video Berita 1Suara diterbitkan
- **16** Mesej GCEO diterbitkan
- **12** *Newsflashes* dikeluarkan
- **7** Video Perspektif diterbitkan



*Sesi Jom Bersama GCEO yang diadakan setiap suku tahun untuk memaklumkan kepada anggota tentang perkembangan Syarikat.*

**Menyemarakkan Semangat Melalui Penglibatan**




## Kesukarelawanan Anggota

TM menyokong penuh kesukarelawanan anggota, terutamanya di kawasan masyarakat dan negara maju. Kami amat menggalakkan aktiviti kesukarelawanan yang sejajar dengan tanggungjawab korporat (CR) kami yang menitikberatkan nilai-nilai pembangunan masyarakat, negara, pendidikan dan perlindungan alam sekitar. Kesukarelawanan anggota telah menguatkan semangat kerja berpasukan dan mengukuhkan lagi penglibatan anggota di tempat kerja.

Melalui *TM Reaching Out Volunteers* (TM ROVers), anggota boleh mengambil bahagian dalam pelbagai program yang berbentuk kemasyarakatan. TM ROVers telah menunjukkan semangat yang jitu pada tahun ini apabila mereka bergabung tenaga untuk menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir yang terburuk di beberapa daerah Pantai Timur. Bukan sahaja mereka telah memberikan sokongan kepada rakan-rakan sekerja yang mengalami kerugian harta benda yang besar dalam bencana itu, malah mereka juga membantu rakyat Malaysia yang turut terjejas. Lebih daripada 1,006 orang TM ROVers telah membantu mangsa-mangsa banjir ini pada Disember 2014 sehingga Februari 2015.

Pelbagai aktiviti telah diadakan pada tahun 2014 bagi memupuk semangat sukarelawan ini. Ini termasuklah bengkel setengah hari latihan bersama MERCY Malaysia pada 2 Disember di Pusat Konvensyen TM, yang menyaksikan kehadiran lebih daripada 20 orang TM ROVers bersama-sama dengan peserta-peserta dari Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) lain. Kami merancang untuk memperkukuhkan asas TM ROVers dengan memperlengkapkan mereka dengan latihan yang mencukupi dan mewujudkan satu dasar mengenai sukarelawan.

**TM Bergabung Tenaga dengan GLC untuk Membantu Mangsa Bencana Alam**

*GLC Disaster Response and Relief Network (GDRRN)* telah diaktifkan bagi membolehkan G20 untuk menyokong Kerajaan dalam membantu masyarakat Malaysia yang terbabit dalam bencana alam dengan menyediakan perkhidmatan persediaan menghadapi bencana tepat pada masanya dan selaras. G20 terdiri daripada Syarikat-syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan dan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan.

Diketuai oleh Khazanah Nasional Berhad bersama-sama Majlis Keselamatan Negara (MKN), objektif GDRRN adalah untuk mempertingkatkan penyelarasan dan kerjasama antara G20 bagi mengelakkan pertindihan bantuan dan memberikan sumbangan menyeluruh dalam menyokong aktiviti-aktiviti bantuan bencana.

TM telah menggerakkan TM ROVers untuk misi ini. TM ROVers turut bersama-sama Rejimen Semboyan DiRaja Pakar Telekom (Pakar Semboyan), rejimen Askar Wataniah yang melindungi perkhidmatan telekomunikasi penting semasa kecemasan atau bencana alam.

TM juga menggalakkan rakan-rakan perniagaannya untuk bersama-sama memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana alam ini. Sumbangan yang diterima diedarkan kepada pusat-pusat pemindahan mangsa banjir melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

## Faedah yang Kompetitif

Menurut satu sistem ganjaran kompetitif yang membandingkan TM dengan pasaran, kami menawarkan faedah-faedah yang paling menarik dalam beberapa perkara tertentu dalam industri ini.

Liabiliti pencen anggota dilindungi sepenuhnya melalui skim KWSP, manakala perlindungan insurans juga disediakan kepada semua anggota sepenuh masa. Anggota kami juga diberi elaun dan pembayaran balik, kenderaan syarikat, keahlian kelab, keadaan pekerjaan yang fleksibel, cuti, pinjaman, faedah perubatan dan persaraan mengikut tahap penjawatan mereka dalam organisasi.

Pelan *Flexi* yang terdiri daripada faedah-faedah teras dan pilihan telah diperkenalkan pada April 2014 untuk memenuhi pelbagai keperluan dan jangkaan anggota. Selain faedah teras yang mengikut garis panduan undang-undang, kami turut menawarkan 25 pilihan faedah yang boleh dipilih oleh anggota bergantung kepada jumlah mata Flexi yang terkumpul dalam Akaun Perbelanjaan Fleksibel (FSA) mereka.

Pada 13 Oktober 2014, sebagai tindak balas kepada permintaan anggota, kami telah mengumumkan Skim MESRA yang memberikan pilihan kepada anggota untuk bersara dengan insentif khas dan faedah yang ditetapkan pada usia antara 55 dan 60. Skim ini telah berkuatkuasa pada 1 Julai 2013, di mana Akta Umur Persaraan Minimum 2012 telah dilaksanakan berkesan, meningkatkan umur persaraan dari 55 ke 60 tahun.



*TM ROVers membantu MERCY Malaysia dalam usaha-usaha bantuan banjir di Pantai Timur sebahagian daripada GLC Disaster Response and Relief Network.*

## Pembangunan Kerjaya

TM telah menggariskan hala tuju pembangunan yang mengenal pasti, membina dan mengekalkan pemimpin di semua peringkat. Eksekutif muda yang berprestasi tinggi akan didaftarkan dalam *Fast Track Programme (FTP)* di mana mereka menerima latihan intensif dan bimbingan di samping melibatkan diri dengan latihan kepimpinan.

Pada tahun 2014, bakat di seluruh TM telah terlibat dalam projek *"needle moving"* yang membolehkan mereka memainkan peranan lebih aktif dan penting untuk mendedahkan potensi kepimpinan mereka. Pada tahun yang sama, TM juga telah memperkenalkan konsep pengurusan berskala kecil untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan di tempat kerja. Produktiviti anggota bergantung kepada lima dimensi iaitu pengurusan prestasi, organisasi dan kemahiran, pemikiran dan tingkah laku, kecekapan proses dan pelanggan.

## Pengurusan Prestasi

Di TM, Pengurusan Prestasi mewujudkan visi yang jelas tentang apa yang akan dicapai. Ia mensasarkan kemahiran pekerja dan keperluan kompetensi dengan rancangan pembangunan serta penyampaian hasil. Pengurusan Prestasi terdiri daripada tiga fasa iaitu penetapan matlamat prestasi, pemantauan prestasi dan penilaian pencapaian prestasi yang berlaku secara berterusan sepanjang tahun.

## Kebebasan Persatuan dan Perjanjian Perundingan Kolektif

Pekerja bukan eksekutif menikmati kebebasan berpersatuan dan boleh bergabung atau meninggalkan persatuan TM sebagaimana sepatutnya. Kesatuan-kesatuan pekerja, yang diuruskan oleh Kesatuan Pengurusan di bawah Kumpulan Pengurusan Modal Insan (GHCM), diberi kuasa untuk mengambil tindakan kolektif untuk memperjuangkan kepentingan pekerja seperti yang tercatat dalam Undang-undang Pekerjaan Malaysia.

Pusingan terakhir Perjanjian Kolektif (CA) telah ditandatangani oleh Kesatuan Kebangsaan Pekerja Pekerja Telekomunikasi Semenanjung Malaysia (NUTE), Kesatuan Pekerja Telekom Malaysia Berhad Sarawak (UTES) dan Kesatuan Pekerja-Pekerja Telekom Malaysia Berhad Sabah (SUTE) secara berasingan pada 19 Julai, 23 Julai dan 24 Julai 2013. CA, yang memberi manfaat berbentuk kewangan dan bukan kewangan kepada semua 24,891 anggota pekerja tetap bukan eksekutif di seluruh negara, adalah sah sehingga Disember 2015.

**Pecahan Keahlian Kesatuan TM dari 2012 sehingga 2014**

| Tahun/ Kesatuan | NUTE | UTES | SUTE |
|---|---|---|---|
| 2012 | 8,147 | 987 | 726 |
| 2013 | 9,347 | 1,092 | 761 |
| 2014 | 9,204 | 1,074 | 777 |

# Komitmen Kami kepada Komuniti

Sebagai sebahagian daripada komitmen kami kepada warga korporat, TM menyokong pelbagai perkara-perkara bermanfaat, mengintegrasikan sejauh mungkin kepakaran perniagaan kami kepada inisiatif komuniti agar usaha kami lebih mampan. Kami menumpukan usaha di dalam merapatkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar, memperkasakan individu, keluarga serta masyarakat.

## Pembinaan-Keupayaan melalui Pendidikan

TM telah mewujudkan strategi kelestarian yang komprehensif dengan menumpukan kepada pendidikan. Pendekatan kami untuk pendidikan dan pembangunan kemahiran mempunyai fokus yang pelbagai. Kami menjangkakan penembusan yang lebih mendalam dan fokus kepada pendidikan yang berkualiti melalui Yayasan Telekom Malaysia (YTM), Universiti Multimedia (MMU) dan Kolej Multimedia (MMC).






**Program Sekolah Angkat TM**

TM bekerjasama dengan PINTAR Foundation melalui program sekolah angkat, berusaha untuk memupuk kecemerlangan akademik dan bukan akademik terutama bagi pelajar di kawasan luar bandar. Tujuannya adalah untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi melalui pendidikan. Ia telah mentakrif semula program sekolah angkat selaras dengan seruan kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk mencapai sebuah negara ekonomi berpendapatan tinggi.

Baru-baru ini, RM2.0 juta telah dibelanjakan untuk sekolah angkat. Pada tahun 2014, lebih RM186,000 telah digunakan untuk pembiayaan empat sekolah angkatnya. Program Sekolah Angkat TM bersama PINTAR Foundation ini telah melibatkan lebih 19,526 pelajar, guru, ibubapa dan masyarakat setempat di sekitar sekolah angkat tersebut.

**Program Robotik TM ini menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan pelajar yang merupakan elemen penting dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)** untuk melengkapkan pelajar dengan kaedah pemikiran yang betul dan kemahiran penyelesaian masalah.

| Sekolah | Guru dan Anggota Sokongan | Pelajar |
|---|---|---|
| SMK Munshi Abdullah, Sg Air Tawar, Selangor | 85 orang guru dan 18 Anggota Sokongan | 821 |
| SMK Orang Kaya Haji, Kuala Lipis, Pahang | 46 orang guru dan 13 Anggota Sokongan | 515 |
| SMK Chenderiang, Tapah, Perak | 60 orang guru dan 10 Anggota Sokongan | 693 |
| Sekolah Pendidikan Khas Pekan Tuaran, Tuaran, Sabah | 21 orang guru dan 20 Anggota Sokongan | 37 |

Antara aktiviti-aktiviti penting yang telah dianjurkan untuk sekolah angkat diringkaskan seperti di bawah.

**Program Robotik TM**

Pada tahun 2014, kami telah bekerjasama dengan Sasbadi Sdn Bhd, untuk mengendalikan Program Robotik TM, dan mendaftarkan tiga sekolah angkat TM dalam kejohanan Lego Pertama (FLL) Malaysia: SMK Chenderiang, Perak, SMK Orang Kaya Haji, Pahang, SMK Munshi Abdullah, Selangor termasuk sekolah tajaan TM, Sekolah Berprestasi Tinggi Tun Abdul Razak, Pahang. Program Robotik TM ini menggalakkan daya kreativiti dan inovasi di kalangan pelajar yang merupakan elemen penting dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) untuk melengkapkan pelajar dengan pemikiran dan kemahiran menyelesaikan masalah kritikal dengan betul.

**Pertandingan Merekacipta Laman Web dan Blog bagi Sekolah Angkat TM**

Kami menganjurkan pertandingan laman web dan blog antara sekolah-sekolah angkat TM untuk menggalakkan dan menyepadukan gaya hidup digital serta mewujudkan kesedaran ICT termasuk etika media sosial di kalangan pelajar, guru dan komuniti.

## Inisiatif-inisiatif Pembinaan Negara dan Masyarakat

**Program Sejahtera**

Program Sejahtera di Kelantan telah membantu lima ibu tunggal dengan memberikan keluarga mereka peruntukan dari segi kewangan serta mempertingkatkan taraf hidup mereka. Ibu-ibu tunggal ini mendapat latihan kemahiran asas dan berpeluang menghadiri bengkel



*Program Robotik TM.*

keusahawanan di mana mereka didedahkan kepada rangkaian dan peluang perniagaan.

TM memperkasakan ibu-ibu tunggal ini dengan geran kecil, latihan dan peralatan dalam membantu dan mempertingkatkan perniagaan mereka. Anak-anak mereka yang berkelayakan akan didaftarkan ke MMU atau MMC supaya mereka berpeluang untuk berjaya dalam kehidupan.

**Merapatkan Jurang Digital**

Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) menggalakkan ketersediaan dan penggunaan rangkaian dan perkhidmatan aplikasi di seluruh Malaysia dengan mempertingkatkan pemasangan kemudahan rangkaian dan penyediaan perkhidmatan di kawasan-kawasan yang mendapat kurang liputan perkhidmatan atau yang kurang diberi perkhidmatan dalam masyarakat.

Pada masa ini, projek-projek USP telah meluaskan capaiannya di luar kawasan luar bandar. Ia mengatur infrastruktur telekomunikasi, kabel dasar laut, hotspot WiFi, jalur lebar tanpa wayar, telefon awam dan pusat jalur lebar komuniti. Pelaburan USP dibuat dengan kerjasama SKMM. Projek USP yang dilaksanakan oleh TM dari tahun 2012 dan 2014 adalah seperti di bawah.

| Senarai Projek USP yang diberikan | Bilangan kawasan yang diberi |
|---|---|
| Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) | 355 |
| *Payphone* | 2,714 |
| LTE | 307 |
| Kampung Tanpa Wayar (KTW) | 1,837 |
| DEL | 59,000 DEL talian |
| Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia (SKR1M) | 3,500km |
| Perpustakaan Jalur Lebar Komuniti (CBL) | 43 |
| WiFi 1Malaysia (WI1M) | 286 |
| Pusat Jalur Lebar Komuniti Mini (CBC Mini) | 56 |

# Komitmen Kami Terhadap Alam Sekitar

TM komited dalam menguruskan kesan alam sekitar dalam menjalankan setiap operasinya dan sentiasa mempertingkatkan kecekapan tenaga kami, di samping mengurangkan pembaziran serta menggalakkan pemuliharaan sumber. Kami juga percaya bahawa teknologi komunikasi yang inovatif boleh mencipta kecekapan penggunaan tenaga, maka kami mencipta produk dan penyelesaian yang bersesuaian.

## Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS)

Kami mempunyai sistem EMS yang menyeluruh dalam mempertingkatkan kualiti alam sekitar dengan menyediakan cara yang berkesan bagi menguruskan sumber keperluan dan program dalam tempoh terdekat dan jangka panjang. EMS juga membantu kami dalam memperuntukkan sumber dan penetapan tanggungjawab dalam menjaga alam sekitar dengan cekap.

**Pengurusan Tenaga**

Penggunaan elektrik di TM dibahagikan kepada dua kategori utama; rangkaian telekomunikasi termasuk pusat data kami, ibu sawat telekomunikasi, infrastruktur capaian; dan infrastruktur bukan rangkaian seperti perniagaan dan bangunan pejabat pentadbiran.

Pada 2014, kemudahan rangkaian kami mencatatkan 91.0% (533.78GWh/setahun) untuk kadar penggunaan 588.53GWh/setahun sementara bukan rangkaian masih mengekalkan 9.0% (54.75GWh/setahun).

Pada tahun tersebut, kami menetapkan asas penggunaan kadar elektrik yang baharu iaitu 612.2GWh bagi tahun 2013, sasaran untuk tiga tahun (2014-2016) berdasarkan pada pengurangan 20GWh/setahun untuk memastikan sasaran pengurangan sebanyak 60WGh pada tahun 2016. Pada tahun 2014, Operasi Hartanah dan Perniagaan Sokongan telah memperkenalkan lima inisiatif pengurusan tenaga untuk bangunan-bangunan komersial, ibu sawat-ibu sawat telekomunikasi dan kabin di seluruh negara seperti berikut:

- Penjimatan elektrik dari migrasi PSTN
- Peningkatan kecekapan sistem penyejukan di semua premis-premis TM
- Kawalan Suhu
- Penggantian penghawa dingin jenis *inverter*
- Lain-lain inisiatif dalam bangunan-bangunan komersial TM

Hasil daripada inisiatif ini, TM telah menjimatkan kira-kira 23.7GWh sumber tenaga pada tahun 2014 yang menunjukkan penurunan lebih 17,861 metrik tan (MT) $CO^2$ (dengan faktor penukaran 1kWh=0.747kg$CO^2$)

Penggunaan elektrik untuk telekomunikasi bergantung kepada kadar pertumbuhan rangkaian. Sebagai penyedia rangkaian untuk lebih pengguna jalur lebar dengan trafik yang tinggi, kadar penggunaan akan terus meningkat.

Pada tahun 2014, projek hijau dalam pengurusan pejabat telah diwujudkan untuk melaksanakan rangka kerja hijau yang berterusan termasuk garis panduan baru, metrik kecekapan tenaga dan pelan pengurangan karbon.

Pada tahun 2015, TM akan menubuhkan metrik kecekapan tenaga yang baru untuk asas dan tanda aras:

- Keberkesanan Penggunaan Tenaga (PUE) untuk bangunan rangkaian
- Indeks Tenaga Bangunan (BEI) untuk bangunan bukan rangkaian
- Kecekapan jaringan dalam terma kepenggunaan bagi seorang pengguna, untuk rangkaian

**TM memperkasakan ibu-ibu tunggal ini dengan geran kecil, latihan dan peralatan dalam membantu dan mempertingkatkan perniagaan mereka.** Anak-anak mereka, yang berkelayakan, akan didaftarkan ke MMU atau MMC supaya mereka berpeluang untuk berjaya dalam kehidupan.

# TM KOMITED DALAM MENGURUSKAN KESAN ALAM SEKITAR DALAM MENJALANKAN SETIAP OPERASINYA DAN SENTIASA MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN TENAGA, DI SAMPING MENGURANGKAN PEMBAZIRAN SERTA MENGGALAKKAN PEMULIHARAAN SUMBER

## Menangani Penipisan Lapisan Ozon

Pada tahun 2014, proses penyejukkan 275 penghawa dingin telah diggantikan dengan R-410. Butiran terhadap penggantian telah dirumuskan seperti jadual di bawah:

| Pemasangan penghawa dingin menggunakan gas mesra alam pada tahun 2014 | | |
|---|---|---|
| **Kawasan** | **Jenis Bahan Penyejuk Mesra Alam** | **Bilangan Penghawa Dingin yang Dipasang** |
| Tengah | R-410A | 56 |
| Utara | R-410A | 20 |
| Selatan | R-410A | 49 |
| Timur | R-410A | 68 |
| Sarawak | R-410A | 67 |
| Sabah | R-410A | 15 |
| **Jumlah** | **R-410A** | **275** |

### Sistem Rintangan Api – Penggunaan Novec

Operasi Hartanah telah menggantikan Halon 1301, yang boleh merosakkan lapisan ozon dengan gas generasi-baru iaitu Novec 1230 yang lebih mesra alam. Kini, TM mempunyai 15,848.7kg Halon 1301. Butiran mengenai program penggantian pada tahun 2014 telah dirumuskan oleh jadual di bawah:

| Pemasangan Halon 1301 pada tahun 2014 | |
|---|---|
| **Negeri/Kawasan** | **Kuantiti yang Digantikan (kg)** |
| Timur | 500.0 |
| Sarawak | Tiada |
| Tengah | 3,741.0 |
| Selatan | 3,035.0 |
| Utara | 2,000.0 |
| Sabah | Tiada |
| **Jumlah** | **9,276.0** |

## Pengurusan Sisa Buangan

Operasi Hartanah telah memperkenalkan inisiatif untuk mengurangkan sisa pepejal berkuantiti besar yang dihasilkan di Menara TM setiap hari. Ini termasuklah kertas, kertas tisu, surat khabar lama, kotak-kotak terpakai dan sisa makanan.

Terdapat dua ketegori sisa buangan yang telah dikenalpasti di TM:

- Sisa pepejal yang terdiri daripada kertas dan sisa makanan
- Sisa buangan yang berjadual yang dihasilkan oleh aktiviti penyelenggaraan dan bukan penyelenggaraan dalam penyelarasan berjadual dengan Jadual Pertama, Bahagian 1 dan 2, Akta Kualiti Persekitaraan (EQA) peraturan 1974 (Penjadualan sisa buangan) 2005. Kategori bahan buangan ini adalah termasuk lampu kalimantang, sisa buangan minyak, kain buruk, bateri dan tin aerosol

TM menggalakkan inisiatif mesra alam untuk mengekalkan persekitaran yang sesuai didiami dan boleh digunakan. Sejak 1 Januari 2012, semua kontrakor pembersihan di Malaysia dikehendaki menggunakan bahan pencuci yang mengandungi bahan kimia pembersihan mesra alam.

## Lain-lain Inisiatif Alam Sekitar

**Rawatan Akustik Set Janakuasa**

Pada tahun 2014, sebanyak 12 set janakuasa di seluruh negara yang tersedia ada telah digantikan bagi mengukuhkan kebergantungan bekalan kuasa serta menjaga alam sekitar. Set janakuasa baharu ini telah mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh JKKP dan EQA 1974 serta peraturan-peraturan mengenai asap hitam, udara, kotoran, udara bersih, kawalan dan had bunyi. Penggantian set janakuasa mengikut wilayah dibentangkan dalam jadual di bawah.

**Penggantian Set Janakuasa mengikut kawasan pada tahun 2014**

| Kawasan | Set Janakuasa | | | | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 60kVA | 100kVA | 150kVA | 250kVA | 500kVA | 750kVA | |
| Timur | | | | 2 | | | 2 |
| Utara | 1 | 1 | 1 | 1 | | 1 | 5 |
| Selatan | | | | | 1 | | 2 |
| Sabah | 3 | 1 | | | | | 4 |
| **Jumlah** | **4** | **2** | **1** | **3** | **1** | **1** | **13** |

## Kesedaran Alam Sekitar Di TM

***Bumiku Tropical Wilderness Camp 2014***

*BumiKu Tropical Wilderness Camp 2014*, yang berlangsung pada 14-16 November, telah dihadiri oleh hampir 150 orang TM ROVers. Aktiviti selama tiga hari itu diadakan di Endau-Rompin National Park, Johor dengan tema *'Experience Splashing Thrills and Rainforest Adventure'*. Ini adalah perkhemahan BumiKu yang kelima anjuran bersama Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS).

Tujuan perkhemahan tahunan BumiKu ini diadakan untuk mempromosikan kepentingan memelihara alam sekitar di kalangan anggota serta anak syarikat TM. Kami juga menggunakan sebahagian besar peluang yang sedia ada untuk menyumbang kepada masyarakat yang memerlukan. Pada tahun 2014, TM ROVers juga mengadakan program gotong-royong bertempat di Kampung Orang Asli Endau-Rompin, Johor mana telah mereka memasang lampu, kipas dan sistem audio asas di balai raya. Mereka juga mengecat, mengubahsuai dewan serta membaiki tandas awam. Selain itu, mereka turut membantu melukis mural di tadika, menanam pokok buah-buahan dan memberikan alatan tulis kepada pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Peta. Sebagai aktiviti tambahan, TM menderma pakaian, buku dan mesin pemotong kepada masyarakat setempat.

***Bumiku Share-A-Ride***

*Share-A-Ride* adalah program berkongsi kereta bagi kakitangan, yang diperkenalkan bagi mengurangkan karbon kami. Ruang yang terhad bagi meletakkan sebuah kenderaan adalah untuk kapasiti empat orang bagi satu kawasan letak kereta yang terhad di menara TM. Sebanyak 30 lot diperuntukkan Menara TM dan 10 lot di Annexe bagi program *Share-A-Ride* TM ini. Inisiatif ini bukan sahaja menyumbang kepada alam sekitar, malah ia juga telah membantu menangani masalah kekurangan tempat letak kereta. Peruntukan ruang letak kereta bagi program tersebut diperbaharui setiap tiga bulan bagi membolehkan kakitangan seramai yang mungkin untuk manfaat daripadanya.



*Aktiviti bersama salah satu komuniti setempat sempena TM BumiKu Tropical Wilderness Camp 2014.*



*Menara TM merupakan salah sebuah bangunan yang mempunyai kecekapan tenaga di dalam negara.*

***Earth Hour 2014***

*Earth Hour* dan *Earth Day* adalah usaha untuk membantu meningkatkan kesedaran, minat dan mengambil berat terhadap pemanasan global dan perubahan iklim dunia. Semasa *Earth Hour*, semua premis TM telah memberhentikan operasinya di seluruh negara dengan memadamkan lampu dan aliran elektrik dari jam 8.30-9.30 malam pada 29 Mac 2014. Sebagai aktiviti tambahan, Perniagaan Sokongan TM telah menganjurkan Kempen Hari Bumi pada 21-25 April 2014 dimana bermulanya penurunan suhu pendingin hawa kepada satu darjah Celsius daripada tetapan normal bagi semua premis TM di seluruh negara. Penggunaan beg plastik juga tidak dibenarkan pada hari tersebut. Kami juga mengadakan pertandingan ikrar terbaik sempena *Earth Day* dengan melakukan *'selfie'* dan pemenangnya telah diberikan hadiah.

***TM-MMU Mudball Project 2014***

*TM-MMU Mudball Project 2014* telah diadakan di Tasik Cyber MMU pada 20 Ogos yang melibatkan anggota TM, pemegang biasiswa YTM serta anggota dan pelajar MMU. Pada majlis tersebut lebih daripada 5,000 biji bebola lumpur yang dikenali sebagai EM *(effective micro-organisms)* telah dilontarkan ke dalam tasik. Pengkomposan yang mencampurkan kepelbagaian mikrob termasuk bekteria asid lactic, yis dan bekteria phototropic dan juga campuran molasses, tanah kering dan nasi. Bebola lumpur tersebut telah dihasilkan mengandungi bakteria yang berguna di dalam air dan berkebolehan menghalang pembiakan *microbes* yang tidak baik.

Bacaan biometrik Tasik Cyber MMU telah menunjukan peningkatan ketara selepas *TM-MMU Mudball Project 2014* seperti jadual di bawah.

| Parameter | Bacaan Biometik sebelum *TM-MMU Mudball Project* | Bacaan Biometrik selepas *TM-MMU Mudball Project* |
|---|---|---|
| *pH* | 6.90 | 7.70 |
| *Dissolved Oxygen Biochemical* | 9 mg/l | 4.3 mg/l |
| *Orygen Demand (BODS)* | 12 mg/l | 10 mg/l |
| *Chemical Oxygen Demand (COD)* | 35 mg/l | 39 mg/l |
| *Suspended Solids* | 54 mg/l | 33 mg/l |
| *Ammoniacal-Nitrogen* | 6.8 mg/l | 2.62 mg/l |
| *Coliform (A54276.4-1 995)* | 1,460 | 2,300 |
| *Faecal coliform* | 1,220 | 700 |
| *Phosphorus* | 0.01 mg/l | <0.1 mg/l |
| *Nitrate-Nitrogen* | 0.11 mg/l | 0.53 mg/l |
| *Turbidity* | 32.7 NTU | 46.7 NTU |

### TM Earth Camp

*TM Earth Camp* dijalankan selama tiga hari dan dilancarkan pada tahun 2010 dengan kerjasama Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), yang menyasarkan pelajar yang menjadi ahli Kelab Pencinta Alam sekolah masing-masing. Berteraskan lima elemen utama iaitu tanah, tenaga, air, udara dan manusia, *TM Earth Camp* telah meningkatkan kesedaran pelajar, guru dan komuniti secara amnya terhadap sumber kepelbagaian (biodiversiti) di Malaysia.

Setiap perkhemahan mempunyai tema yang tersendiri mengikut elemen unik di setiap lokasi perkhemahan berkenaan.

### TM Memulakan Laporan MYCarbon

Semasa persidangan *United Nations Climate Change* yang telah diadakan pada Disember 2009 di Copenhagen, Denmark, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan inisiatif secara sukarela untuk mengurangkan kadar pelepasan karbon negara bagi setiap KDNK kepada 40.0% berbanding tahun 2005, dengan sokongan pemindahan teknologi dan kewangan daripada negara maju.

Dalam menyokong agenda Negara, TM telah melaporkan kadar pelepasan karbon di dalam Laporan Kelestarian kami sejak dari tahun 2011. Baru-baru ini, kami telah mengikuti memulakan Laporan *MYCarbon* selama dua tahun yang telah dijalankan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan UNDP Malaysia. Laporan ini akan memberi sumbangan terhadap usaha kementerian untuk mengukur kemajuan dalam mengurangkan pelepasan karbon negara. Pada masa yang sama, laporan ini akan memberi panduan kepada kami ke arah mencapai matlamat untuk melaporkan prestasi alam sekitar di seluruh negara.

| Zon | Tema | Tarikh | Lokasi | Aktiviti | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| Zon Borneo (Sabah) | Tenaga | 25-27 April 2014 | Danum Valley, Lahad Datu, Sabah | Jejak hutan, lawatan ke kolam badak, pertandingan untuk membina menara paling tinggi dan kukuh menggunakan suratkhabar | Jumlah keseluruhan adalah 126: 31 guru dan 95 pelajar daripada 17 sekolah |
| Zon Selatan | Biodiversiti | 2-4 Mei 2014 | Resort Agrotek Garden, Hulu Langat, Selangor | Pengenalan biodiversiti, permainan alam semulajadi, perjalanan alam semulajadi, pengenalan hutan dan aktiviti meredah hutan | Jumlah keseluruhan adalah 123: 16 guru dan 107 pelajar daripada 21 sekolah |
| Zon Timur | Air | 23-25 Mei 2014 | Resort Tanjung Piai, Taman Negara Tanjung Piai dan Taman Negara Pulau Kukup, Johor | Merasa madu mentah yang diekstrak daripada sarang lebah, membuat keropok lekor, meneroka bakau dan makhluk yang aktif pada waktu malam, dan aktiviti kraf | Jumlah keseluruhan adalah 146: 36 guru dan 110 pelajar daripada 29 sekolah |
| Zon Tengah | Tanah, Manusia dan Air | 22-24 Ogos 2014 | Taman Negeri Perlis, Perak, Perlis | Aktiviti penerokaan gua, eksplorasi hutan, audit sisa buangan di Pasar Wang Kelian, pemantauan air, ekologi air dan penghayatan alam semulajadi | Jumlah keseluruhan adalah 150: 50 guru dan 100 pelajar daripada 37 sekolah |
| Zon Utara | Manusia | 5-7 September 2014 | Taman Negeri Gunung Stong, Kelantan | Berjalan malam, lukisan mural, gotong-royong dan penanaman pokok | Jumlah keseluruhan adalah 135: 50 guru dan 85 pelajar daripada 35 sekolah |
| Zon Borneo (Sarawak) | Udara | 17-19 Oktober 2014 | Taman Negara Similajau, Bintulu, Sarawak | Berjalan malam, penghayatan alam semulajadi, penanaman pokok, pembersihan pantai, mengecat kemudahan di taman, dan menyelenggara termasuk membaikpulih bangku | Jumlah keseluruhan adalah 134: 48 guru dan 86 pelajar daripada 12 sekolah |

PENC
PERUB

# PENYATA KEWANGAN


258 Penyata Tanggungjawab oleh Pengarah-Pengarah
259 Laporan Pengarah
264 Penyata Pendapatan
265 Penyata Pendapatan Keseluruhan
266 Penyata Kedudukan Kewangan
268 Penyata Perubahan Ekuiti yang Disatukan
270 Penyata Perubahan Ekuiti Syarikat
272 Penyata Aliran Tunai
273 Nota-nota kepada Penyata Kewangan
384 Maklumat Tambahan
385 Penyata Pengarah
385 Akuan Berkanun
386 Laporan Juruaudit Bebas

# PENYATA TANGGUNGJAWAB OLEH PENGARAH-PENGARAH

Berkenaan penyediaan Penyata Kewangan Tahunan Beraudit

Menurut Akta Syarikat, 1965 (Akta Syarikat), Pengarah-pengarah hendaklah memastikan penyata kewangan yang disediakan pada setiap tahun kewangan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat serta memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai urusan Kumpulan dan Syarikat pada hujung tahun serta keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan tersebut.

Dalam menyediakan penyata kewangan, Pengarah-pengarah telah:

- menerima pakai dasar-dasar perakaunan yang sewajarnya dan mengamalkannya secara berterusan;
- membuat keputusan dan anggaran yang wajar dan berhemat;
- memastikan pematuhan semua piawaian perakaunan berkaitan yang diluluskan; dan
- menyediakan penyata kewangan berdasarkan usaha perniagaan berterusan sepertimana para Pengarah menjangkakan dengan sewajarnya, setelah kaji selidik dijalankan, bahawa Kumpulan dan Syarikat mempunyai sumber yang mencukupi untuk meneruskan operasi sedia ada dan yang akan datang.

Pengarah-pengarah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Kumpulan dan Syarikat menyimpan rekod-rekod perakaunan yang menunjukkan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat yang tepat, serta membolehkan pengarah-pengarah memastikan penyata kewangan tersebut mematuhi peruntukan Akta Syarikat.

Pengarah-pengarah bertanggungjawab secara keseluruhannya dalam mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk melindungi aset-aset Kumpulan dan mewujud serta melaksanakan sistem perakaunan dan kawalan dalaman yang sesuai bagi mengelak dari berlakunya sebarang pemalsuan dan ketidakpatuhan.

# LAPORAN PENGARAH

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

Pengarah-pengarah dengan sukacitanya mengemukakan laporan tahunan mereka dan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang beraudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2014.

## Aktiviti Utama

Aktiviti utama Syarikat adalah pewujudan, penyelenggaraan dan penyediaan perkhidmatan telekomunikasi dan perkhidmatan berkaitan. Aktiviti utama anak-anak syarikat adalah seperti dinyatakan dalam nota 52 kepada penyata kewangan. Tiada perubahan penting dalam aktiviti utama Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan.

## Keputusan

Keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan tersebut adalah seperti berikut:

| | Kumpulan RM Juta | Syarikat RM Juta |
|---|---|---|
| Keuntungan bagi tahun kewangan milik: | | |
| – pemegang ekuiti Syarikat | 831.8 | 863.7 |
| – kepentingan bukan mengawal | 10.7 | – |
| Keuntungan bagi tahun kewangan tersebut | 842.5 | 863.7 |

Pada pendapat Pengarah-pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan berbentuk luar biasa.

## Dividen

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, dividen-dividen ke atas saham-saham biasa yang telah dibayar, diisytihar atau dicadangkan oleh Syarikat adalah seperti berikut:

| | Syarikat RM Juta |
|---|---|
| (a) Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, dividen setingkat akhir sebanyak 16.3 sen sesaham, telah dibayar pada 23 Jun 2014 | 583.1 |
| (b) Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, dividen setingkat interim sebanyak 9.5 sen sesaham, telah dibayar pada 29 Oktober 2014 | 348.4 |

Skim Pelaburan Semula Dividen (DRS) seperti yang dijelaskan dalam nota 14(c) kepada penyata kewangan adalah terpakai ke atas keseluruhan dividen akhir dan interim di atas, di mana keseluruhan Bahagian yang Boleh Dipilih bagi kedua-dua dividen, boleh dipilih untuk dilaburkan semula menjadi saham-saham biasa Syarikat yang baru bernilai RM0.70 setiap satu (Saham-saham Baru TM) menurut DRS tersebut.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, Pengarah-pengarah kini mengesyorkan dividen setingkat akhir sebanyak 13.4 sen sesaham (Dividen Akhir), tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat ketiga puluh (AGM ke-30) akan datang.

Pengarah-pengarah telah menentukan bahawa DRS tersebut adalah terpakai ke atas semua Dividen Akhir. Perumpukan dan penerbitan Saham-saham Baru TM berhubung dengan DRS adalah tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang untuk pembaharuan semula autoriti Pengarah-pengarah Syarikat, bagi memperuntukkan dan menerbitkan Saham-saham Baru TM serta kelulusan Bursa Malaysia Securities Berhad untuk penyenaraian dan sebut harga bagi Saham-saham Baru TM tersebut.

## Modal Saham

**Saham diterbitkan berikutan Skim Pelaburan Semula Dividen (DRS)**

Sepanjang tahun kewangan, modal saham diterbitkan dan berbayar penuh Syarikat telah bertambah dengan penerbitan 141,967,019 saham-saham biasa bernilai RM0.70 sesaham untuk tunai di bawah DRS seperti yang diringkaskan di bawah. Sila rujuk nota 14(c) kepada penyata kewangan untuk perincian lanjut berkenaan DRS.

| | Bilangan saham diterbitkan | Harga terbitan sesaham RM |
|---|---|---|
| Saham diterbitkan pada: | | |
| – 23 Jun 2014 | 89,770,254 | 5.38 |
| – 29 Oktober 2014 | 52,196,765 | 5.67 |
| Jumlah saham diterbitkan | 141,967,019 | |

## Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN)

Sepanjang tahun kewangan, Syarikat menerbitkan IMTN tambahan di bawah program IMTN yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia seperti yang diterima oleh Syarikat pada 30 Ogos 2013 dengan perincian seperti berikut. Maklumat lanjut mengenai program IMTN adalah seperti yang dinyatakan dalam nota 17(d) penyata kewangan.

| Tarikh Terbitan | Nilai Nominal | Tarikh Matang |
|---|---|---|
| 21 Mac 2014 | RM300.0 juta | 21 Mac 2024 |
| 27 Jun 2014 | RM300.0 juta | 27 Jun 2024 |
| 7 Oktober 2014 | RM300.0 juta | 7 Oktober 2024 |
| 22 Disember 2014 | RM300.0 juta | 20 Disember 2024 |

Perolehan daripada terbitan IMTN digunakan oleh Syarikat untuk menepati keperluan perbelanjaan modal dan operasi perniagaannya.

## Pergerakan Rizab dan Peruntukan

Kesemua pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan telah didedahkan dalam penyata kewangan.

## Maklumat Berkanun berkaitan Penyata Kewangan

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, Pengarah-pengarah telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk:

(a) menentukan bahawa tindakan telah diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan peruntukan bagi hutang ragu, dan telah berpuas hati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan secukupnya telah dibuat untuk hutang ragu; dan

(b) memastikan bahawa sebarang aset semasa yang mungkin tidak dapat direalisasikan pada nilai buku secara urusan biasa perniagaan, telah pun diturunkan nilainya ke paras yang dijangka boleh realis.

Pada tarikh laporan ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui akan adanya sebarang keadaan:

(a) yang boleh menyebabkan jumlah yang dihapus kira untuk hutang lapuk atau jumlah yang diperuntukkan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat jauh tidak mencukupi atau nilai aset semasa yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; dan

(b) yang telah timbul yang boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak wajar.

Dalam tempoh masa antara akhir tahun kewangan hingga tarikh laporan ini:

(a) tiada perkara, urus niaga atau peristiwa lain yang penting dan berbentuk luar biasa telah timbul yang, pada pendapat Pengarah-pengarah, boleh menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan dalam mana laporan ini dibuat; dan

(b) tiada cagaran telah timbul ke atas aset mana-mana syarikat dalam Kumpulan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain, mahupun telah timbul sebarang liabiliti luar jangka dalam mana-mana syarikat dalam Kumpulan.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain milik mana-mana syarikat dalam Kumpulan telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan akan dikuatkuasakan dalam tempoh 12 bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat Pengarah-pengarah, akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk memenuhi segala kewajipan apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui akan adanya sebarang keadaan yang tidak diambil kira dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, yang boleh menyebabkan mana-mana amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

## Peristiwa Susulan Penting

Peristiwa susulan penting selepas akhir tahun kewangan adalah seperti yang dibentangkan dalam nota 51 kepada penyata kewangan.

## Pengarah

Pengarah-pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lepas adalah seperti berikut:

| Pengarah-pengarah | Pengarah-pengarah Gantian |
|---|---|
| Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob<br>*(Dilantik pada 12 Januari 2015)* | |
| Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa | |
| Datuk Bazlan Osman | |
| Dato' Fauziah Yaacob | Eshah Meor Suleiman<br>*(Berhenti berkhidmat pada 31 Oktober 2014)*<br>Dato' Siti Zauyah Md Desa<br>*(Dilantik pada 5 November 2014)* |
| Tunku Dato' Mahmood Fawzy Tunku Muhiyiddin | Nik Rizal Kamil Tan Sri Nik Ibrahim Kamil |
| Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam | |
| Datuk Zalekha Hassan | |
| Dato' Ir Abdul Rahim Abu Bakar | |
| Dato' Ibrahim Marsidi | |
| Davide Giacomo Federico Benello | |
| Datuk Seri Fateh Iskandar Tan Sri Dato' Mohamed Mansor | |
| Gee Siew Yoong<br>*(Dilantik pada 13 Mac 2014)* | |
| Dato' Sri Dr Halim Shafie<br>*(Bersara pada 12 Januari 2015)* | |

Berikutan Artikel 98(2) Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Tan Sri Dato' Seri Dr Sulaiman Mahbob yang dilantik sebagai Pengarah Syarikat pada 12 Januari 2015, akan bersara pada AGM ke-30 Syarikat akan datang dan kerana layak, menawarkan dirinya untuk dipilih semula.

Selaras dengan Artikel 103 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Pengarah-pengarah berikut akan bersara mengikut giliran daripada Lembaga Pengarah pada AGM ke-30 Syarikat yang akan datang dan kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dipilih semula:

(i) Dato' Fauziah Yaacob;
(ii) Datuk Zalekha Hassan; dan
(iii) Dato' Ibrahim Marsidi.

Dato' Danapalan T.P. Vinggrasalam, berumur 71 tahun, akan bersara menurut Seksyen 129(2) Akta Syarikat, 1965, pada AGM ke-30 Syarikat yang akan datang dan kerana layak, menawarkan dirinya untuk dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat dan memegang jawatan tersebut sehingga ke tarikh Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang.

## Kepentingan Pengarah

Selaras dengan Daftar Pemegangan Saham Pengarah, Pengarah-pengarah yang berkhidmat pada akhir tahun kewangan dan mempunyai kepentingan dalam saham Syarikat adalah seperti berikut:

| | Bilangan saham biasa bernilai RM0.70 sesaham | | | |
|---|---|---|---|---|
| Kepentingan dalam Syarikat | Baki pada 1.1.2014 | Dibeli | Dijual | Baki pada 31.12.2014 |
| Dato' Sri Dr Halim Shafie | 8,000* | 94 | – | 8,094* |
| Tan Sri Dato' Sri Zamzamzairani Mohd Isa | 9,000** | 427 | – | 9,427** |
| Datuk Bazlan Osman | 2,000 | 94 | – | 2,094 |

Nota:
* Kepentingan dalam saham Syarikat yang dipegang oleh isteri
** Termasuk kepentingan dalam 4,000 saham yang dipegang oleh isteri

Selaras dengan Daftar Pemegangan Saham Pengarah, tiada seorang pun Pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan, mempunyai sebarang kepentingan langsung atau tidak langsung dalam saham Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan dengannya sepanjang tahun kewangan.

## Manfaat Pengarah

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada seorang pun Pengarah telah menerima atau berhak untuk menerima sebarang manfaat (kecuali yuran Pengarah, imbuhan dan emolumen lain seperti yang dinyatakan dalam nota 7(b) kepada penyata kewangan) disebabkan suatu kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan sebuah firma yang mana beliau adalah seorang ahli atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang besar dan apa jua manfaat yang dianggap telah diterima oleh Pengarah-pengarah tertentu.

Sama ada pada bila-bila masa sepanjang tahun kewangan ataupun pada akhir tahun kewangan tersebut, Syarikat atau mana-mana syarikat berkaitan dengannya tidak menjadi pihak kepada sebarang persetujuan yang matlamatnya membolehkan Pengarah-pengarah mendapat manfaat dengan cara pemerolehan saham, atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat yang lain.

## Juruaudit

Juruaudit, Tetuan PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 26 Februari 2015.

**TAN SRI DATO' SERI DR SULAIMAN MAHBOB**
*Pengarah/Pengerusi*

**TAN SRI DATO' SRI ZAMZAMZAIRANI MOHD ISA**
*Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan*

# PENYATA PENDAPATAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

| Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya | Nota | Kumpulan 2014 RM | Kumpulan 2013 RM | Syarikat 2014 RM | Syarikat 2013 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| HASIL KENDALIAN | 6 | **11,235.1** | 10,628.7 | **10,011.2** | 9,485.5 |
| KOS KENDALIAN | | | | | |
| – susut nilai, pengurangan nilai dan pelunasan | 7(a) | **(2,341.3)** | (2,159.7) | **(2,077.9)** | (1,923.2) |
| – kos kendalian lain | 7(b) | **(7,753.8)** | (7,218.6) | **(6,885.0)** | (6,546.5) |
| PENDAPATAN KENDALIAN LAIN (bersih) | 8 | **154.3** | 121.5 | **269.8** | 280.8 |
| LABA/(KERUGIAN) LAIN (bersih) | 9 | **4.8** | 1.7 | **(4.2)** | 1.7 |
| KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS PEMBIAYAAN | | **1,299.1** | 1,373.6 | **1,313.9** | 1,298.3 |
| PENDAPATAN PEMBIAYAAN | | **136.6** | 144.9 | **110.1** | 135.6 |
| KOS PEMBIAYAAN | | **(291.6)** | (371.2) | **(297.0)** | (378.6) |
| KERUGIAN PERTUKARAN ASING ATAS PEMINJAMAN | | **(47.9)** | (105.2) | **(47.9)** | (105.2) |
| KOS PEMBIAYAAN BERSIH | 10 | **(202.9)** | (331.5) | **(234.8)** | (348.2) |
| SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU | | | | | |
| – bahagian keputusan (selepas ditolak cukai) | 27 | **9.3** | 3.9 | **–** | – |
| KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT | | **1,105.5** | 1,046.0 | **1,079.1** | 950.1 |
| CUKAI DAN ZAKAT | 11 | **(263.0)** | 1.8 | **(215.4)** | 22.7 |
| KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN TERSEBUT | | **842.5** | 1,047.8 | **863.7** | 972.8 |
| MILIK: | | | | | |
| – pemegang ekuiti Syarikat | | **831.8** | 1,012.2 | **863.7** | 972.8 |
| – kepentingan bukan mengawal | | **10.7** | 35.6 | **–** | – |
| KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN TERSEBUT | | **842.5** | 1,047.8 | **863.7** | 972.8 |
| PEROLEHAN SESAHAM (sen) | | | | | |
| – asas/dicairkan | 12 | **22.9** | 28.3 | | |

Penyata Pendapatan di atas perlu dibaca dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di muka surat 273 hingga 383.

Laporan Juruaudit Bebas – Muka surat 386 hingga 387.

# PENYATA PENDAPATAN KESELURUHAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

| Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya | Nota | Kumpulan 2014 RM | Kumpulan 2013 RM | Syarikat 2014 RM | Syarikat 2013 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN TERSEBUT | | **842.5** | 1,047.8 | **863.7** | 972.8 |
| PENDAPATAN KESELURUHAN LAIN | | | | | |
| Perkara yang mungkin akan dikelaskan semula kemudian kepada penyata pendapatan: | | | | | |
| – pertambahan/(penyusutan) dalam nilai saksama bagi pelaburan tersedia-untuk-dijual | 28 | **2.4** | (6.5) | **2.4** | (6.5) |
| – (penyusutan)/pertambahan dalam nilai saksama bagi belum terima tersedia-untuk-dijual | 29 | **(0.8)** | 0.4 | **(0.8)** | 0.4 |
| – pelarasan pengelasan semula berhubung dengan pelupusan pelaburan tersedia-untuk-dijual | 9 | **(0.1)** | (0.2) | **(0.1)** | (0.2) |
| – lindung nilai aliran tunai | | | | | |
| – pertambahan dalam nilai saksama bagi lindung nilai aliran tunai | 19 | **45.6** | 20.5 | **45.6** | 20.5 |
| – pengelasan semula kepada kerugian pertukaran asing | 10 | **(28.6)** | (0.9) | **(28.6)** | (0.9) |
| – perbezaan terjemahan mata wang | | | | | |
| – anak-anak syarikat | | **4.4** | 3.1 | **–** | – |
| – syarikat bersekutu | | **(0.1)** | 0.3 | **–** | – |
| Pendapatan keseluruhan lain bagi tahun kewangan tersebut | | **22.8** | 16.7 | **18.5** | 13.3 |
| JUMLAH PENDAPATAN KESELURUHAN BAGI TAHUN KEWANGAN TERSEBUT | | **865.3** | 1,064.5 | **882.2** | 986.1 |
| MILIK: | | | | | |
| – pemegang ekuiti Syarikat | | **854.6** | 1,028.9 | **882.2** | 986.1 |
| – kepentingan bukan mengawal | | **10.7** | 35.6 | **–** | – |
| JUMLAH PENDAPATAN KESELURUHAN BAGI TAHUN KEWANGAN TERSEBUT | | **865.3** | 1,064.5 | **882.2** | 986.1 |

Penyata Pendapatan Keseluruhan di atas perlu dibaca dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di muka surat 273 hingga 383.

Laporan Juruaudit Bebas – Muka surat 386 hingga 387.

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

pada 31 Disember 2014

| Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya | Nota | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2014 RM | 2013 RM | 2014 RM | 2013 RM |
| MODAL SAHAM | 14 | **2,603.6** | 2,504.2 | **2,603.6** | 2,504.2 |
| PREMIUM SAHAM | | **722.7** | 43.2 | **722.7** | 43.2 |
| RIZAB-RIZAB LAIN | 15 | **(70.9)** | 173.9 | **192.9** | 174.4 |
| KEUNTUNGAN TERTAHAN | 16 | **4,315.7** | 4,415.4 | **3,158.3** | 3,226.1 |
| JUMLAH MODAL DAN RIZAB MILIK PEMEGANG EKUITI SYARIKAT | | **7,571.1** | 7,136.7 | **6,677.5** | 5,947.9 |
| KEPENTINGAN BUKAN MENGAWAL | | **388.8** | 162.6 | **–** | – |
| JUMLAH EKUITI | | **7,959.9** | 7,299.3 | **6,677.5** | 5,947.9 |
| Peminjaman | 17 | **6,251.4** | 4,865.0 | **5,510.8** | 4,296.3 |
| Belum bayar kepada sebuah anak syarikat | 18(a) | **–** | – | **575.7** | 568.7 |
| Instrumen kewangan derivatif | 19 | **337.8** | 51.4 | **67.7** | 51.4 |
| Liabiliti cukai tertunda | 20 | **1,258.0** | 1,151.0 | **1,135.0** | 1,030.9 |
| Pendapatan tertunda | 21 | **1,823.1** | 1,999.5 | **1,823.1** | 1,999.5 |
| Belum bayar perdagangan dan lain-lain | 37 | **135.8** | 9.8 | **34.3** | 9.8 |
| LIABILITI TERTUNDA DAN BUKAN SEMASA | | **9,806.1** | 8,076.7 | **9,146.6** | 7,956.6 |
| | | **17,766.0** | 15,376.0 | **15,824.1** | 13,904.5 |
| Hartanah, loji dan peralatan | 22 | **14,785.1** | 14,572.0 | **12,564.1** | 12,830.0 |
| Hartanah pelaburan | 23 | **–** | – | **114.7** | 116.9 |
| Aset tak ketara | 24 | **581.7** | 319.8 | **–** | – |
| Anak-anak syarikat | 25 | **–** | – | **1,736.7** | 1,265.7 |
| Pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat | 26 | **–** | – | **250.5** | 166.9 |
| Syarikat-syarikat bersekutu | 27 | **6.5** | 10.7 | **–** | – |
| Pelaburan tersedia-untuk-dijual | 28 | **99.0** | 99.7 | **98.9** | 99.6 |
| Belum terima tersedia-untuk-dijual | 29 | **6.9** | 7.6 | **6.9** | 7.6 |
| Belum terima bukan semasa lain | 30 | **500.7** | 314.9 | **306.7** | 242.2 |
| Instrumen kewangan derivatif | 19 | **147.3** | 80.3 | **138.3** | 80.3 |
| Aset cukai tertunda | 20 | **14.8** | 19.3 | **–** | – |
| ASET BUKAN SEMASA | | **16,142.0** | 15,424.3 | **15,216.8** | 14,809.2 |

| **Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya** | **Nota** | **Kumpulan 2014 RM** | **Kumpulan 2013 RM** | **Syarikat 2014 RM** | **Syarikat 2013 RM** |
|---|---|---|---|---|---|
| Inventori | 31 | **115.9** | 154.0 | **35.1** | 45.1 |
| Aset bukan semasa dipegang untuk dijual | 32 | **13.0** | 22.3 | **13.0** | 22.3 |
| Kos pemerolehan pelanggan | 33 | **62.7** | 73.8 | **62.7** | 73.8 |
| Belum terima perdagangan dan lain-lain | 34 | **2,825.3** | 2,288.6 | **2,122.3** | 2,073.4 |
| Instrumen kewangan derivatif | 19 | **–** | 27.1 | **–** | 27.1 |
| Pelaburan tersedia-untuk-dijual | 28 | **469.3** | 624.3 | **469.3** | 624.3 |
| Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian | 35 | **9.2** | 17.2 | **9.2** | 17.2 |
| Tunai dan baki bank | 36 | **2,985.8** | 2,514.9 | **2,347.8** | 2,092.9 |
| ASET SEMASA | | **6,481.2** | 5,722.2 | **5,059.4** | 4,976.1 |
| Belum bayar perdagangan dan lain-lain | 37 | **3,605.2** | 3,172.8 | **3,315.8** | 3,327.2 |
| Deposit pelanggan | 38 | **482.4** | 502.1 | **480.6** | 500.3 |
| Pengebilan sewa terdahulu | | **416.1** | 380.8 | **400.9** | 359.0 |
| Instrumen kewangan derivatif | 19 | **–** | 11.0 | **–** | 11.0 |
| Peminjaman | 17 | **197.0** | 1,590.2 | **102.7** | 52.5 |
| Belum bayar kepada sebuah anak syarikat | 18(b) | **–** | – | **–** | 1,524.7 |
| Cukai dan zakat | | **156.5** | 113.6 | **152.1** | 106.1 |
| LIABILITI SEMASA | | **4,857.2** | 5,770.5 | **4,452.1** | 5,880.8 |
| ASET/(LIABILITI) SEMASA BERSIH | | **1,624.0** | (48.3) | **607.3** | (904.7) |
| | | **17,766.0** | 15,376.0 | **15,824.1** | 13,904.5 |

Penyata Kedudukan Kewangan di atas perlu dibaca dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di muka surat 273 hingga 383.

Laporan Juruaudit Bebas – Muka surat 386 hingga 387.

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI YANG DISATUKAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

| | | Milik pemegang ekuiti Syarikat | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Diterbitkan dan Berbayar Penuh RM0.70 sesaham Saham Istimewa*/ Saham Biasa | | | | | | | | | |
| Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya | Nota | Modal Saham RM | Premium Saham RM | Rizab Nilai Saksama RM | Rizab Lindung Nilai RM | Rizab Penebusan Modal RM | Rizab Lain RM | Perbezaan Terjemahan Mata Wang RM | Keuntungan Tertahan RM | Kepentingan Bukan Mengawal RM | Jumlah Ekuiti RM |
| Pada 1 Januari 2014 | | 2,504.2 | 43.2 | 56.3 | 46.5 | 71.6 | – | (0.5) | 4,415.4 | 162.6 | 7,299.3 |
| Keuntungan bagi tahun kewangan tersebut | | – | – | – | – | – | – | – | 831.8 | 10.7 | 842.5 |
| Pendapatan keseluruhan lain | | | | | | | | | | | |
| Perkara yang mungkin akan dikelaskan semula kemudian kepada penyata pendapatan: | | | | | | | | | | | |
| – pertambahan dalam nilai saksama bagi pelaburan tersedia-untuk-dijual | 28 | – | – | 2.4 | – | – | – | – | – | – | 2.4 |
| – penyusutan dalam nilai saksama bagi belum terima tersedia-untuk-dijual | 29 | – | – | (0.8) | – | – | – | – | – | – | (0.8) |
| – pelarasan pengelasan semula berhubung dengan pelupusan pelaburan tersedia-untuk-dijual | 9 | – | – | (0.1) | – | – | – | – | – | – | (0.1) |
| – lindung nilai aliran tunai | | | | | | | | | | | |
| – pertambahan dalam nilai saksama bagi lindung nilai aliran tunai | 19 | – | – | – | 45.6 | – | – | – | – | – | 45.6 |
| – pengelasan semula kepada kerugian pertukaran asing | 10 | – | – | – | (28.6) | – | – | – | – | – | (28.6) |
| – perbezaan terjemahan mata wang | | | | | | | | | | | |
| – anak-anak syarikat | | – | – | – | – | – | – | 4.4 | – | – | 4.4 |
| – syarikat bersekutu | | – | – | – | – | – | – | (0.1) | – | – | (0.1) |
| Jumlah pendapatan keseluruhan bagi tahun kewangan tersebut | | – | – | 1.5 | 17.0 | – | – | 4.3 | 831.8 | 10.7 | 865.3 |
| Urus niaga dengan pemilik: | | | | | | | | | | | |
| Saham diterbitkan berikutan Skim Pelaburan Semula Dividen (DRS) | 14(c) | 99.4 | 679.5 | – | – | – | – | – | – | – | 778.9 |
| Dividen akhir dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 | 13 | – | – | – | – | – | – | – | (583.1) | – | (583.1) |
| Dividen interim dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 | 13 | – | – | – | – | – | – | – | (348.4) | – | (348.4) |
| Dividen dibayar kepada kepentingan bukan mengawal | | – | – | – | – | – | – | – | – | (25.4) | (25.4) |
| Liabiliti opsyen jual ke atas saham dipegang oleh kepentingan bukan mengawal | 15 | – | – | – | – | – | (267.6) | – | – | – | (267.6) |
| Pengambilalihan sebuah anak syarikat | 5(a) | – | – | – | – | – | – | – | – | 240.9 | 240.9 |
| Jumlah urus niaga dengan pemilik | | 99.4 | 679.5 | – | – | – | (267.6) | – | (931.5) | 215.5 | (204.7) |
| **Pada 31 Disember 2014** | | 2,603.6 | 722.7 | 57.8 | 63.5 | 71.6 | (267.6) | 3.8 | 4,315.7 | 388.8 | 7,959.9 |

| Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya | Nota | Milik pemegang ekuiti Syarikat<br>Diterbitkan dan Berbayar Penuh RM0.70 sesaham<br>Saham Istimewa*/ Saham Biasa<br>Modal Saham RM | Premium Saham RM | Rizab Nilai Saksama RM | Rizab Lindung Nilai RM | Rizab Penebusan Modal RM | Rizab Lain RM | Perbezaan Terjemahan Mata Wang RM | Keuntungan Tertahan RM | Kepentingan Bukan Mengawal RM | Jumlah Ekuiti RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pada 1 Januari 2013 | | 2,504.2 | 43.2 | 62.6 | 26.9 | 71.6 | – | (3.9) | 4,190.2 | 165.2 | 7,060.0 |
| Keuntungan bagi tahun kewangan tersebut | | – | – | – | – | – | – | – | 1,012.2 | 35.6 | 1,047.8 |
| Pendapatan keseluruhan lain | | | | | | | | | | | |
| Perkara yang mungkin akan dikelaskan semula kemudian kepada penyata pendapatan: | | | | | | | | | | | |
| – penyusutan dalam nilai saksama bagi pelaburan tersedia-untuk-dijual | 28 | – | – | (6.5) | – | – | – | – | – | – | (6.5) |
| – pertambahan dalam nilai saksama bagi belum terima tersedia-untuk-dijual | 29 | – | – | 0.4 | – | – | – | – | – | – | 0.4 |
| – pelarasan pengelasan semula berhubung dengan pelupusan pelaburan tersedia-untuk-dijual | 9 | – | – | (0.2) | – | – | – | – | – | – | (0.2) |
| – lindung nilai aliran tunai | | | | | | | | | | | |
| – pertambahan dalam nilai saksama bagi lindung nilai aliran tunai | 19 | – | – | – | 20.5 | – | – | – | – | – | 20.5 |
| – pengelasan semula kepada kerugian pertukaran asing | 10 | – | – | – | (0.9) | – | – | – | – | – | (0.9) |
| – perbezaan terjemahan mata wang | | | | | | | | | | | |
| – anak-anak syarikat | | – | – | – | – | – | – | 3.1 | – | – | 3.1 |
| – syarikat bersekutu | | – | – | – | – | – | – | 0.3 | – | – | 0.3 |
| Jumlah (kerugian)/pendapatan keseluruhan bagi tahun kewangan tersebut | | – | – | (6.3) | 19.6 | – | – | 3.4 | 1,012.2 | 35.6 | 1,064.5 |
| Urus niaga dengan pemilik: | | | | | | | | | | | |
| Dividen akhir dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 | 13 | – | – | – | – | – | – | – | (436.4) | – | (436.4) |
| Dividen interim dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 | 13 | – | – | – | – | – | – | – | (350.6) | – | (350.6) |
| Dividen dibayar kepada kepentingan bukan mengawal | | – | – | – | – | – | – | – | – | (38.2) | (38.2) |
| Jumlah urus niaga dengan pemilik | | – | – | – | – | – | – | – | (787.0) | (38.2) | (825.2) |
| Pada 31 Disember 2013 | | 2,504.2 | 43.2 | 56.3 | 46.5 | 71.6 | – | (0.5) | 4,415.4 | 162.6 | 7,299.3 |

* Saham diterbitkan dan berbayar penuh termasuk Saham Keutamaan Boleh Tebus Hak Istimewa (Saham Istimewa) bernilai RM1.00. Rujuk nota 14(a) kepada penyata kewangan untuk maklumat lanjut mengenai terma dan hak berkaitan Saham Istimewa tersebut.

Penyata Perubahan Ekuiti yang Disatukan di atas perlu dibaca dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di muka surat 273 hingga 383.

Laporan Juruaudit Bebas – Muka surat 386 hingga 387.

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI SYARIKAT

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

| Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya | Nota | Diterbitkan dan Berbayar Penuh RM0.70 sesaham Saham Istimewa*/ Saham Biasa | Tidak Boleh Diagih | | | | Boleh Diagih | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Modal Saham RM | Premium Saham RM | Rizab Nilai Saksama RM | Rizab Lindung Nilai RM | Rizab Penebusan Modal RM | Keuntungan Tertahan RM | Jumlah Ekuiti RM |
| Pada 1 Januari 2014 | | 2,504.2 | 43.2 | 56.3 | 46.5 | 71.6 | 3,226.1 | 5,947.9 |
| Keuntungan bagi tahun kewangan tersebut | | – | – | – | – | – | 863.7 | 863.7 |
| Pendapatan keseluruhan lain | | | | | | | | |
| Perkara yang mungkin akan dikelaskan semula kemudian kepada penyata pendapatan: | | | | | | | | |
| – pertambahan dalam nilai saksama bagi pelaburan tersedia-untuk-dijual | 28 | – | – | 2.4 | – | – | – | 2.4 |
| – penyusutan dalam nilai saksama bagi belum terima tersedia-untuk-dijual | 29 | – | – | (0.8) | – | – | – | (0.8) |
| – pelarasan pengelasan semula berhubung dengan pelupusan pelaburan tersedia-untuk-dijual | 9 | – | – | (0.1) | – | – | – | (0.1) |
| – lindung nilai aliran tunai | | | | | | | | |
| – pertambahan dalam nilai saksama bagi lindung nilai aliran tunai | 19 | – | – | – | 45.6 | – | – | 45.6 |
| – pengelasan semula kepada kerugian pertukaran asing | 10 | – | – | – | (28.6) | – | – | (28.6) |
| Jumlah pendapatan keseluruhan bagi tahun kewangan tersebut | | – | – | 1.5 | 17.0 | – | 863.7 | 882.2 |
| Urus niaga dengan pemilik: | | | | | | | | |
| Saham diterbitkan berikutan DRS | 14(c) | 99.4 | 679.5 | – | – | – | – | 778.9 |
| Dividen akhir dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 | 13 | – | – | – | – | – | (583.1) | (583.1) |
| Dividen interim dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 | 13 | – | – | – | – | – | (348.4) | (348.4) |
| Jumlah urus niaga dengan pemilik | | 99.4 | 679.5 | – | – | – | (931.5) | (152.6) |
| **Pada 31 Disember 2014** | | 2,603.6 | 722.7 | 57.8 | 63.5 | 71.6 | 3,158.3 | 6,677.5 |

| Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya | Nota | Diterbitkan dan Berbayar Penuh RM0.70 sesaham Saham Istimewa*/ Saham Biasa | Tidak Boleh Diagih | | | | Boleh Diagih | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Modal Saham RM | Premium Saham RM | Rizab Nilai Saksama RM | Rizab Lindung Nilai RM | Rizab Penebusan Modal RM | Keuntungan Tertahan RM | Jumlah Ekuiti RM |
| Pada 1 Januari 2013 | | 2,504.2 | 43.2 | 62.6 | 26.9 | 71.6 | 3,040.3 | 5,748.8 |
| Keuntungan bagi tahun kewangan tersebut | | – | – | – | – | – | 972.8 | 972.8 |
| Pendapatan keseluruhan lain | | | | | | | | |
| Perkara yang mungkin akan dikelaskan semula kemudian kepada penyata pendapatan: | | | | | | | | |
| – penyusutan dalam nilai saksama bagi pelaburan tersedia-untuk-dijual | 28 | – | – | (6.5) | – | – | – | (6.5) |
| – pertambahan dalam nilai saksama bagi belum terima tersedia-untuk-dijual | 29 | – | – | 0.4 | – | – | – | 0.4 |
| – pelarasan pengelasan semula berhubung dengan pelupusan pelaburan tersedia-untuk-dijual | 9 | – | – | (0.2) | – | – | – | (0.2) |
| – lindung nilai aliran tunai | | | | | | | | |
| – pertambahan dalam nilai saksama bagi lindung nilai aliran tunai | 19 | – | – | – | 20.5 | – | – | 20.5 |
| – pengelasan semula kepada kerugian pertukaran asing | 10 | – | – | – | (0.9) | – | – | (0.9) |
| Jumlah (kerugian)/pendapatan keseluruhan bagi tahun kewangan tersebut | | – | – | (6.3) | 19.6 | – | 972.8 | 986.1 |
| Urus niaga dengan pemilik: | | | | | | | | |
| Dividen akhir dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 | 13 | – | – | – | – | – | (436.4) | (436.4) |
| Dividen interim dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 | 13 | – | – | – | – | – | (350.6) | (350.6) |
| Jumlah urus niaga dengan pemilik | | – | – | – | – | – | (787.0) | (787.0) |
| Pada 31 Disember 2013 | | 2,504.2 | 43.2 | 56.3 | 46.5 | 71.6 | 3,226.1 | 5,947.9 |

* Saham diterbitkan dan berbayar penuh termasuk Saham Keutamaan Boleh Tebus Hak Istimewa (Saham Istimewa) bernilai RM1.00. Rujuk nota 14(a) kepada penyata kewangan untuk maklumat lanjut mengenai terma dan hak berkaitan Saham Istimewa tersebut.

Penyata Perubahan Ekuiti Syarikat di atas perlu dibaca dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di muka surat 273 hingga 383.

Laporan Juruaudit Bebas – Muka surat 386 hingga 387.

# PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

| Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya | Nota | Kumpulan 2014 RM | Kumpulan 2013 RM | Syarikat 2014 RM | Syarikat 2013 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN | 39 | **3,014.1** | 2,795.7 | **2,954.6** | 2,222.4 |
| ALIRAN TUNAI DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PELABURAN | 40 | **(2,162.0)** | (2,362.4) | **(2,229.4)** | (1,737.5) |
| ALIRAN TUNAI DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PEMBIAYAAN | 41 | **(391.3)** | (1,655.0) | **(470.6)** | (1,626.8) |
| PENINGKATAN/(PENYUSUTAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI | | **460.8** | (1,221.7) | **254.6** | (1,141.9) |
| KESAN PERUBAHAN KADAR PERTUKARAN | | **(0.3)** | (2.1) | **0.3** | (6.8) |
| TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN | | **2,514.5** | 3,738.3 | **2,092.9** | 3,241.6 |
| **TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN** | 36 | **2,975.0** | 2,514.5 | **2,347.8** | 2,092.9 |

Penyata Aliran Tunai di atas perlu dibaca dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di muka surat 273 hingga 383.

Laporan Juruaudit Bebas – Muka surat 386 hingga 387.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014

Semua amaun adalah dalam juta kecuali dinyatakan sebaliknya

## 1. Aktiviti Utama

Aktiviti utama Syarikat adalah pewujudan, penyelenggaraan dan penyediaan perkhidmatan telekomunikasi dan perkhidmatan berkaitan. Aktiviti utama anak-anak syarikat adalah seperti dinyatakan dalam nota 52 kepada penyata kewangan. Tiada perubahan penting dalam aktiviti utama Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan.

Telekom Malaysia Berhad adalah syarikat awam liabiliti terhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia, dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah Aras 51, Sayap Utara, Menara TM, Jalan Pantai Baharu, 50672 Kuala Lumpur. Alamat pejabat dan tempat perniagaan utama bagi Syarikat adalah Menara TM, Jalan Pantai Baharu, 50672 Kuala Lumpur.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting

Dasar-dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam menangani perkara-perkara yang dianggap penting berhubung dengan penyata kewangan, dan telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun kewangan yang dibentangkan, kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

### (a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965, di Malaysia.

Penyata kewangan telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah, kecuali seperti dinyatakan dalam Dasar-dasar Perakaunan yang Penting di bawah ini.

Penyediaan penyata kewangan selaras dengan MFRS, memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan kritikal tertentu yang memberi kesan kepada amaun aset dan liabiliti yang dilaporkan, dan pendedahan aset serta liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan amaun yang dilaporkan bagi hasil dan perbelanjaan sepanjang tempoh pelaporan. Pengarah-pengarah juga perlu melaksanakan pertimbangan mereka dalam proses mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Kumpulan. Walaupun anggaran dan pertimbangan tersebut adalah berasaskan pengetahuan terbaik Pengarah-pengarah mengenai hal ehwal dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza.

Bidang yang melibatkan tahap pertimbangan atau kerumitan yang lebih tinggi, atau bidang di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan, adalah didedahkan dalam nota 3 kepada penyata kewangan.

#### (i) Pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi baru Jawatankuasa Interpretasi (IC) yang berkuat kuasa dan diterima pakai bagi tahun kewangan Kumpulan dan Syarikat mulai 1 Januari 2014

Pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi baru IC yang diterbitkan oleh MASB serta berkuat kuasa dan diterima pakai bagi tahun kewangan Kumpulan dan Syarikat mulai 1 Januari 2014, adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Pindaan kepada MFRS 132 | Mengimbangi Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan |
| Pindaan kepada MFRS 10, 12 dan 127 | Entiti-entiti Pelaburan |
| Pindaan kepada MFRS 136 | Pendedahan Amaun Boleh Pulih bagi Aset Bukan Kewangan |
| Pindaan kepada MFRS 139 | Novasi Derivatif dan Penyambungan Perakaunan Lindung Nilai |
| Interpretasi IC 21 | Levi |

- Pindaan kepada MFRS 132 "Instrumen Kewangan: Pembentangan" berkenaan mengimbangi aset kewangan dan liabiliti kewangan tidak mengubah model pengimbangan semasa dalam MFRS 132. Pindaan ini menjelaskan bahawa hak untuk menolak hendaklah tidak bergantung pada peristiwa masa hadapan. Ia juga hendaklah boleh dikuatkuasakan dari segi undang-undang untuk semua pihak yang menyertai urusan dalam urusan perniagaan biasa, serta sekiranya berlaku kemungkiran, ketakmampuan bayar atau kemuflisan. Pindaan ini juga mengambil kira mekanisme penyelesaian di mana ia menjelaskan bahawa sesuatu mekanisme penyelesaian kasar yang mempunyai ciri-ciri yang pada hakikatnya bersamaan dengan penyelesaian bersih akan memenuhi kriteria pengimbangan MFRS 132.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan (sambungan)

#### (i) Pindaan kepada piawaian tersiar dan Interpretasi baru Jawatankuasa Interpretasi (IC) yang berkuat kuasa dan diterima pakai bagi tahun kewangan Kumpulan dan Syarikat mulai 1 Januari 2014 (sambungan)

- Pindaan kepada MFRS 10 "Penyata Kewangan yang Disatukan", MFRS 12 "Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-entiti Lain", dan MFRS 127 "Penyata Kewangan yang Berasingan" memperkenalkan pengecualian kepada penyatuan bagi entiti-entiti pelaburan. Entiti-entiti pelaburan adalah entiti-entiti di mana matlamat perniagaan mereka adalah untuk melabur dana semata-mata bagi memperolehi pulangan daripada peningkatan modal, pendapatan pelaburan atau kedua-duanya dan menilai prestasi pelaburan mereka berdasarkan nilai saksama. Pindaan memerlukan entiti-entiti pelaburan mengukur anak-anak syarikat tertentu pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian dan bukannya menyatukan mereka. Perubahan juga telah dibuat kepada MFRS 12 dan MFRS 127 untuk memperkenalkan pendedahan bagi entiti-entiti pelaburan.

- Pindaan kepada MFRS 136 "Pengurangan Nilai Aset" adalah tentang pendedahan amaun boleh pulih untuk aset bukan kewangan. Pindaan ini telah membatalkan pendedahan tertentu tentang amaun boleh pulih Unit Penjanaan Tunai (CGU) yang telah dimasukkan dalam MFRS 136 dengan tersiarnya MFRS 13 "Pengukuran Nilai Saksama".

- Pindaan kepada MFRS 139 "Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran" adalah tentang novasi derivatif dan penyambungan perakaunan lindung nilai. Pindaan ini mengambil kira perubahan undang-undang ke atas derivatif atas kaunter dan pembentukan pihak yang mengendalikan penjelasan secara berpusat. Di bawah MFRS 139, novasi derivatif kepada pihak yang mengendalikan penjelasan secara berpusat akan membawa kepada pemberhentian perakaunan lindung nilai. Pindaan ini memberi pelepasan daripada pemberhentian perakaunan lindung nilai dalam situasi di mana derivatif yang telah ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, dinovasikan kepada pihak yang mengendalikan penjelasan secara berpusat selaras dengan keperluan undang-undang atau peraturan, jika syarat-syarat tertentu dipenuhi.

- Interpretasi IC 21 merupakan tafsiran MFRS 137 "Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka" berhubung dengan perakaunan berkaitan liabiliti untuk membayar levi. MFRS 137 menggariskan kriteria bagi pengiktirafan liabiliti, di mana salah satu daripadanya adalah entiti tersebut perlulah mempunyai obligasi semasa akibat daripada peristiwa lampau (dikenali sebagai peristiwa berobligasi). Interpretasi ini menjelaskan bahawa peristiwa berobligasi yang menimbulkan liabiliti untuk membayar levi tersebut adalah aktiviti yang dinyatakan dalam undang-undang berkaitan yang mencetuskan pembayaran levi tersebut.

Penerimaan pakai pindaan-pindaan dan Interpretasi baru IC kepada piawaian tersiar di atas tidak menimbulkan sebarang kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

#### (ii) Piawaian dan pindaan kepada piawaian tersiar yang belum dikuatkuasakan dan tidak diterima pakai lebih awal oleh Kumpulan dan Syarikat

Piawaian baru dan pindaan kepada piawaian tersiar yang bersesuaian dengan Kumpulan dan Syarikat, yang tidak diterima pakai lebih awal oleh Kumpulan dan Syarikat, adalah seperti berikut:

**<u>Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2014</u>**

| | |
|---|---|
| Pindaan kepada MFRS 119 | Pelan Manfaat Tetap: Caruman Anggota |
| Pindaan kepada MFRS 2, 3, 8, 13, 116, 124 dan 138 | Pindaan kepada MFRS yang terkandung dalam dokumen yang bertajuk "Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS, Kitaran 2010 – 2012" |
| Pindaan kepada MFRS 1, 3, 13 dan 140 | Pindaan kepada MFRS yang terkandung dalam dokumen yang bertajuk "Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS, Kitaran 2011 – 2013" |

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan (sambungan)

#### (ii) Piawaian dan pindaan kepada piawaian tersiar yang belum dikuatkuasakan dan tidak diterima pakai lebih awal oleh Kumpulan dan Syarikat (sambungan)

Piawaian baru dan pindaan kepada piawaian tersiar yang bersesuaian dengan Kumpulan dan Syarikat, yang tidak diterima pakai lebih awal oleh Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut: (sambungan)

**Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016**

| | |
|---|---|
| MFRS 14 | Akaun Tertunda Pengawalseliaan |
| Pindaan kepada MFRS 11 | Perakaunan untuk Pemerolehan Kepentingan dalam Operasi Bersama |
| Pindaan kepada MFRS 116 dan 138 | Penjelasan tentang Kaedah Boleh Diterima tentang Susut Nilai dan Pelunasan |
| Pindaan kepada MFRS 127 | Kaedah Ekuiti dalam Penyata Kewangan yang Berasingan |
| Pindaan kepada MFRS 10, 12 dan 128 | Entiti-entiti Pelaburan Mengguna pakai Pengecualian Penyatuan |
| Pindaan kepada MFRS 10 dan 128 | Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dengan Syarikat Bersekutu atau Syarikat Usahasamanya |
| Pindaan kepada MFRS 5, 7, 119 dan 134 | Pindaan kepada MFRS yang terkandung dalam dokumen yang bertajuk "Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS, Kitaran 2012 – 2014" |
| Pindaan kepada MFRS 101 | Inisiatif Pendedahan |

**Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017**

| | |
|---|---|
| MFRS 15 | Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan |

**Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018**

| | |
|---|---|
| MFRS 9 | Instrumen Kewangan (IFRS 9 diterbitkan oleh IASB pada Julai 2014) |

- Pindaan kepada MFRS 119 "Manfaat Anggota" menjelaskan perakaunan bagi caruman daripada pekerja atau pihak ketiga kepada pelan manfaat tetap. Jika amaun caruman bebas daripada bilangan tahun perkhidmatan, entiti tersebut dibenarkan mengiktiraf caruman sebegitu sebagai pengurangan dalam kos perkhidmatan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan, dan bukannya mengaitkan caruman kepada tempoh perkhidmatan. Jika amaun caruman bergantung kepada bilangan tahun perkhidmatan, sesuatu entiti diperlukan untuk mengaitkan caruman tersebut kepada tempoh perkhidmatan dengan menggunakan kaedah atribusi yang sama selaras dengan keperluan MFRS 119 bagi manfaat kasar (iaitu sama ada berdasarkan formula caruman pelan atau berdasarkan garis lurus).
- Pindaan kepada MFRS 2 "Pembayaran Berasaskan Saham" menjelaskan definisi syarat letak hak menerusi takrifan berasingan 'syarat prestasi' dan 'syarat perkhidmatan' bagi memastikan pengelasan tekal syarat yang berkaitan dengan bayaran berasaskan saham.
- Pindaan kepada MFRS 3 "Gabungan Perniagaan" menjelaskan bahawa apabila pertimbangan bersyarat dalam satu gabungan perniagaan memenuhi takrif instrumen kewangan, pengelasannya sebagai liabiliti atau ekuiti ditentukan dengan merujuk kepada MFRS 132. Pertimbangan bersyarat yang diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti itu hendaklah kemudiannya diukur pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan dan perubahan dalam nilai saksama akan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Satu lagi pindaan menjelaskan bahawa MFRS 3 mengecualikan daripada skopnya, perakaunan bagi pembentukan kesemua jenis pengaturan bersama (sebagaimana yang ditakrifkan dalam MFRS 11 "Pengaturan Bersama") di dalam penyata kewangan perjanjian pengaturan bersama itu sendiri, tetapi tidak kepada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dalam pengaturan bersama tersebut.
- Pindaan kepada MFRS 8 "Segmen Operasi" memerlukan pendedahan tentang pertimbangan yang dibuat dalam mengguna pakai kriteria pengagregatan kepada segmen operasi di mana ianya perlu merangkumi penerangan ringkas segmen operasi yang telah diagregatkan dan juga petunjuk-petunjuk ekonomi yang telah dinilai dalam menentukan segmen-segmen operasi yang diagregatkan berkongsi ciri-ciri ekonomi yang sama. Penyesuaian jumlah aset segmen-segmen yang boleh dilaporkan kepada aset entiti juga diperlukan sekiranya jumlah tersebut lazimnya diberikan kepada ketua pembuat keputusan operasi.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan (sambungan)

**(ii) Piawaian dan pindaan kepada piawaian tersiar yang belum dikuatkuasakan dan tidak diterima pakai lebih awal oleh Kumpulan dan Syarikat (sambungan)**

Piawaian baru dan pindaan kepada piawaian tersiar yang bersesuaian dengan Kumpulan dan Syarikat, yang tidak diterima pakai lebih awal oleh Kumpulan dan Syarikat, adalah seperti berikut: (sambungan)

- Pindaan kepada MFRS 116 "Hartanah, Loji dan Peralatan" dan MFRS 138 "Aset Tak Ketara" menjelaskan perakaunan bagi susut nilai atau pelunasan terkumpul apabila sesuatu harta itu dinilai semula. Nilai dibawa kasar diselaraskan secara tekal dengan penilaian semula amaun dibawa bagi aset dan susut nilai atau pelunasan terkumpul dikira sebagai perbezaan di antara amaun dibawa kasar dan amaun dibawa aset selepas mengambil kira kerugian pengurangan nilai terkumpul.
- Pindaan kepada MFRS 124 "Pendedahan Pihak Berkaitan" memperluaskan definisi 'pihak berkaitan' untuk merangkumi entiti, atau mana-mana ahli dalam satu kumpulan yang mana ia adalah sebahagiannya, yang menyediakan perkhidmatan anggota pengurusan utama kepada entiti pelaporan atau syarikat induk kepada entiti pelaporan.
- Pindaan kepada MFRS 1 "Penerimaan Pertama Kali Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia" berkaitan dengan Asas Kesimpulan piawaian tersebut yang menjelaskan bahawa penerima pakai pertama kali dibenarkan tetapi tidak diwajibkan untuk mengguna pakai Piawaian yang baru atau yang disemak semula yang belum lagi berkuat kuasa tetapi tersedia ada bagi penggunaan awal.
- Pindaan kepada MFRS 13 "Pengukuran Nilai Saksama" menjelaskan bahawa skop pengecualian portfolio MFRS 13 merangkumi kesemua kontrak dalam skop MFRS 139 atau MFRS 9 "Instrumen Kewangan", tanpa mengira sama ada ianya memenuhi definisi aset kewangan atau liabiliti kewangan sebagaimana yang ditakrifkan dalam MFRS 132.
- Pindaan kepada MFRS 140 "Hartanah Pelaburan" menjelaskan bahawa penentuan sama ada sesuatu pembelian hartanah pelaburan memenuhi definisi kedua-dua gabungan perniagaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam MFRS 3 dan hartanah pelaburan sebagaimana yang ditakrifkan dalam MFRS 140 memerlukan penggunaan kedua-dua Piawaian secara berasingan, bebas daripada satu sama lain.
- MFRS 14 "Akaun Tertunda Pengawalseliaan" adalah setaraf dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) 14 dengan nama yang sama, yang membenarkan penerima pakai pertama kali IFRS untuk terus mengiktiraf amaun berkaitan dengan pengawalseliaan kadar mengikut keperluan prinsip perakaunan yang diterima secara am (GAAP) dahulu ketika mereka menerima pakai IFRS. IFRS 14 bertujuan menghapuskan satu sekatan utama bagi penerimaan pakai IFRS oleh entiti dalam bidang kuasa di mana GAAP mereka yang sedia ada membolehkan pengiktirafan baki akaun tertunda pengawalseliaan yang berpunca daripada penyediaan barangan dan perkhidmatan kepada pelanggan pada harga yang tertakluk kepada pengawalseliaan kadar. Bagaimanapun, oleh kerana baki akaun tertunda tidak diiktiraf dalam penyata kewangan MFRS, prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam MFRS 14 tidak memberi kesan kepada entiti-entiti Malaysia.
- Pindaan kepada MFRS 11 "Pengaturan Bersama" berkenaan Perakaunan untuk Pemerolehan Kepentingan dalam Operasi Bersama menjelaskan bahawa apabila sesuatu entiti memperolehi kepentingan dalam sesuatu operasi bersama di mana aktiviti operasi bersama itu merangkumi satu perniagaan seperti yang ditakrifkan oleh MFRS 3 "Gabungan Perniagaan", prinsip-prinsip perakaunan yang berkaitan akan dikenakan bagi gabungan perniagaan dalam MFRS 3 serta lain-lain MFRS yang tidak bercanggah dengan MFRS 11. Antara kesan yang mungkin timbul adalah pengiktirafan muhibah, pengiktirafan aset/liabiliti cukai tertunda dan pengiktirafan kos berkaitan pemerolehan sebagai perbelanjaan. Pindaan-pindaan ini tidak diguna pakai bagi operasi bersama di bawah kawalan bersama dan juga menjelaskan bahawa kepentingan yang dipegang dahulu dalam sesuatu operasi bersama tidak dinilai semula jika operator bersama masih mengekalkan kawalan bersama.
- Pindaan kepada MFRS 101 "Pembentangan Penyata Kewangan" berkenaan Inisiatif Pendedahan bertujuan meningkatkan keberkesanan dalam pendedahan dan direka untuk menggalakkan syarikat-syarikat mengguna pertimbangan profesional dalam menentukan maklumat yang didedahkan dalam penyata kewangan.
- Pindaan kepada MFRS 116 dan MFRS 138 berkenaan Penjelasan Kaedah Yang Boleh Diterima Bagi Susut Nilai dan Pelunasan memberi panduan tambahan untuk pengiraan susut nilai atau pelunasan hartanah, loji dan peralatan serta aset tak ketara. MFRS 116 melarang susut nilai berasaskan hasil kerana sebagai satu prinsip, hasil tidak mencerminkan cara sesuatu hartanah, loji dan peralatan diguna atau dipakai. Pindaan kepada MFRS 138 memperkenalkan satu tanggapan yang boleh dipatahkan iaitu sesuatu kaedah pelunasan yang berasaskan hasil yang dijana oleh sesuatu aktiviti yang merangkumi penggunaan sesuatu aset tak ketara adalah tidak munasabah kecuali di bawah keadaan-keadaan tertentu yang terhad.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan (sambungan)

#### (ii) Piawaian dan pindaan kepada piawaian tersiar yang belum dikuatkuasakan dan tidak diterima pakai lebih awal oleh Kumpulan dan Syarikat (sambungan)

Piawaian baru dan pindaan kepada piawaian tersiar yang bersesuaian dengan Kumpulan dan Syarikat, yang tidak diterima pakai lebih awal oleh Kumpulan dan Syarikat, adalah seperti berikut: (sambungan)

- Pindaan kepada MFRS 127 "Penyata Kewangan yang Berasingan" berkenaan Kaedah Ekuiti dalam Penyata Kewangan yang Berasingan membolehkan syarikat induk dan para pelabur menggunakan kaedah ekuiti dalam penyata kewangan yang berasingan untuk perakaunan pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat usahasama dan syarikat bersekutu, sebagai tambahan kepada opsyen yang sedia ada.
- Pindaan kepada MFRS 10, MFRS 12 dan MFRS 128 berkenaan Entiti-entiti Pelaburan: Mengguna pakai Pengecualian Penyatuan adalah untuk menangani isu-isu yang berbangkit dalam konteks mengguna pakai pengecualian penyatuan untuk entiti-entiti pelaburan. Pindaan juga memberi pengecualian di bawah keadaan-keadaan tertentu, yang akan mengurangkan kos mengguna pakai Piawaian, memberi penjelasan tentang pengecualian daripada menyediakan penyata kewangan disatukan bagi entiti induk perantaraan, sebuah anak syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan dengan aktiviti pelaburan syarikat induk, mengguna pakai kaedah ekuiti oleh pelabur entiti bukan-pelaburan untuk penerima pelaburan yang merupakan entiti pelaburan serta pendedahan-pendedahan yang diperlukan.
- Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128 berkenaan Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat-syarikat Bersekutu atau Usaha Samanya bertujuan untuk menangani ketidaktekalan yang diakui antara keperluan dalam MFRS 10 "Penyata Kewangan yang Disatukan" dan MFRS 128 "Pelaburan Dalam Syarikat-syarikat Bersekutu dan Usaha Sama". Keuntungan atau kerugian penuh sepatutnya diiktiraf bagi kehilangan kawalan sesuatu perniagaan, sama ada perniagaan itu ditempatkan dalam sebuah anak syarikat atau tidak. Pada masa yang sama, keuntungan atau kerugian yang disebabkan oleh jualan atau sumbangan sebuah anak syarikat yang bukan suatu perniagaan seperti yang ditakrifkan dalam IFRS 3 "Gabungan Perniagaan" kepada sesuatu syarikat bersekutu atau syarikat usaha sama hanya patut diiktiraf setakat kepentingan pelabur yang tidak berkaitan dalam syarikat bersekutu atau syarikat usaha sama itu.
- Pindaan kepada MFRS 5 "Aset Bukan Semasa yang Dipegang untuk Dijual dan Operasi yang Ditamatkan" memperkenalkan panduan tertentu dalam MFRS 5 apabila sesuatu entiti mengelas semula sesuatu aset (atau kumpulan pelupusan) daripada dipegang-untuk-dijual kepada dipegang-untuk-pengagihan kepada para pemilik (atau sebaliknya), atau apabila dipegang-untuk-pengagihan dihentikan.
- Pindaan kepada MFRS 7 "Instrumen Kewangan: Pendedahan" memberi panduan tambahan bagi menjelaskan sama ada kontrak perkhidmatan merangkumi penglibatan berterusan untuk tujuan mengguna pakai keperluan pendedahan di bawah MFRS 7 dan menjelaskan kesesuaian Pendedahan – Mengimbangi Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan (Pindaan kepada MFRS 7) kepada penyata kewangan interim yang diringkaskan.
- Pindaan kepada MFRS 119 menjelaskan bahawa bon korporat berkualiti tinggi yang digunakan untuk menganggar kadar diskaun untuk obligasi manfaat pasca pekerjaan seharusnya berdenominasi mata wang yang sama dengan liabiliti tersebut. Pindaan juga menjelaskan bahawa kedalaman pasaran untuk bon korporat berkualiti tinggi sepatutnya dinilai mengikut mata wang.
- Pindaan kepada MFRS 134 "Pelaporan Kewangan Interim" menjelaskan maksud pendedahan maklumat 'di lain-lain tempat dalam laporan kewangan' seperti yang digunakan dalam MFRS 134. Pindaan ini memerlukan pendedahan sedemikian diberi sama ada dalam penyata kewangan interim atau dimasukkan menerusi rujukan silang daripada penyata kewangan interim kepada penyata lain yang boleh didapati oleh para pengguna penyata kewangan tersebut, pada syarat yang sama dan pada masa yang sama dengan penyata kewangan interim.
- MFRS 15 "Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan" adalah satu Piawaian baru yang bertujuan menambahbaik pelaporan kewangan untuk hasil dan keterbandingan dan pada masa yang sama menambah kejelasan terhadap pengiktirafan hasil bagi bidang-bidang di mana keperluan sedia ada telah secara tidak sengaja mewujudkan kelainan dari segi amalan. MFRS 15 adalah mengenai pengiktirafan hasil dan menetapkan prinsip-prinsip untuk melapor maklumat yang berguna kepada para pengguna penyata kewangan tentang sifat, amaun, masa dan ketidaktentuan hasil dan aliran tunai yang timbul daripada kontrak entiti dengan para pelanggan. Hasil diiktiraf apabila seorang pelanggan mendapat kuasa ke atas sesuatu barangan atau perkhidmatan dan dengan demikian berupaya mengarah penggunaannya serta mendapat manfaat daripada barangan dan perkhidmatan tersebut. MFRS 15 menggantikan MFRS 118 "Hasil" dan MFRS 111 "Kontrak Pembinaan" serta interpretasi yang berkaitan.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan (sambungan)

#### (ii) Piawaian dan pindaan kepada piawaian tersiar yang belum dikuatkuasakan dan tidak diterima pakai lebih awal oleh Kumpulan dan Syarikat (sambungan)

Piawaian baru dan pindaan kepada piawaian tersiar yang bersesuaian dengan Kumpulan dan Syarikat, yang tidak diterima pakai lebih awal oleh Kumpulan dan Syarikat, adalah seperti berikut: (sambungan)

- MFRS 9 "Instrumen Kewangan (seperti yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IASB) pada Julai 2014)" menggantikan panduan dalam MFRS 139 yang berkaitan dengan pengelasan dan pengukuran instrumen kewangan. MFRS 9 mengekalkan tetapi memudahkan model pengukuran campuran dan mengadakan tiga kategori pengukuran untuk aset kewangan: kos terlunas, nilai saksama menerusi pendapatan keseluruhan lain (OCI) dan nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian (FVPTL). Asas pengelasan bergantung kepada model perniagaan entiti dan sifat-sifat aliran tunai berkontrak aset kewangan. Pelaburan dalam instrumen ekuiti perlu diukur pada FVPTL dengan opsyen tidak boleh ditarik balik dari permulaan untuk membentang perubahan nilai saksama di dalam OCI, di mana hanya pendapatan dividen daripada pelaburan tersebut yang diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. MFRS 9 memperkenalkan model jangkaan kerugian kredit yang baru bagi menggantikan model kerugian pengurangan nilai tertanggung yang digunakan dalam MFRS 139.

  Untuk liabiliti kewangan, tiada perubahan kepada pengelasan dan pengukuran kecuali untuk liabiliti yang telah ditetapkan dari permulaan untuk diukur pada FVPTL. Untuk ini, bahagian daripada perubahan nilai saksama yang disebabkan oleh perubahan dalam risiko kredit entiti itu sendiri akan diiktiraf dalam OCI dan bukan dalam keuntungan atau kerugian. MFRS 9 telah melonggarkan keperluan bagi keberkesanan perlindungan nilai dengan menggantikan ujian keberkesanan lindung nilai garis cerah. Ia memerlukan adanya hubungan ekonomi antara butiran yang dilindung nilai dan instrumen lindung nilai serta untuk 'nisbah lindung nilai' selaras dengan apa yang sebenarnya digunakan oleh pihak pengurusan untuk tujuan pengurusan risiko. Dokumentasi semasa tetap diperlukan tetapi berbeza dari apa yang disediakan sekarang di bawah MFRS 139.

  MFRS 7 memerlukan pendedahan mengenai peralihan daripada MFRS 139 kepada MFRS 9.

Penerimaan pakai piawaian serta pindaan piawaian tersiar yang bersesuaian di atas dijangka tidak mempunyai kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan atau Syarikat kecuali bagi MFRS 9 dan MFRS 15. Kumpulan masih belum menilai kesan penuh MFRS 9. Kumpulan telah memulakan projek untuk pelaksanaan MFRS 15 dalam seluruh kumpulan termasuk penilaian kesan menerima pakai piawaian hasil yang baru tersebut. Semasa penyata kewangan ini disediakan, kesan dari penerimaan pakai piawaian masih belum dapat diukur sepenuhnya.

Tiada piawaian lain, pindaan kepada piawaian tersiar atau Interpretasi IC lain yang masih belum dikuatkuasakan yang dijangka mempunyai kesan ketara ke atas Kumpulan dan Syarikat.

### (b) Entiti-entiti Ekonomi dalam Kumpulan

#### (i) Anak-anak Syarikat

Anak-anak syarikat merupakan kesemua entiti (termasuk entiti berstruktur) di mana Kumpulan mempunyai kawalan. Kumpulan mengawal sesebuah entiti sekiranya Kumpulan mempunyai:

- Kuasa ke atas penerima pelaburan (iaitu, hak tersedia ada yang memberikannya keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti berkaitan entiti tersebut),
- Pendedahan, atau hak, kepada variasi pulangan daripada penglibatannya dengan entiti tersebut, dan
- Keupayaan menggunakan kuasa ke atas entiti tersebut bagi mempengaruhi pulangannya.

Apabila Kumpulan mempunyai kurang daripada majoriti hak mengundi atau yang serupa ke atas sesebuah entiti, Kumpulan akan mempertimbangkan kesemua fakta dan situasi yang berkaitan dalam menilai sama ada ia mempunyai kuasa ke atas entiti tersebut, termasuk:

- Pengaturan kontrak dengan pemegang undi lain entiti tersebut
- Hak yang timbul daripada pengaturan kontrak lain
- Hak mengundi dan potensi hak mengundi Kumpulan

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (b) Entiti-entiti Ekonomi dalam Kumpulan (sambungan)

#### (i) Anak-anak Syarikat (sambungan)

Kumpulan menilai semula sama ada ianya mengawal atau tidak penerima pelaburan sekiranya fakta dan situasi menunjukkan bahawa terdapat perubahan dalam satu atau lebih daripada tiga elemen kawalan.

Anak-anak syarikat disatukan menerusi kaedah perakaunan pengambilalihan, kecuali untuk penggabungan perniagaan yang melibatkan beberapa entiti atau perniagaan di bawah kawalan pihak yang sama dengan perjanjian bertarikh pada/selepas 1 Januari 2006, yang diambil kira dengan menggunakan kaedah penggabungan.

Kumpulan telah memanfaatkan pengecualian yang diperuntukkan oleh MFRS 1 untuk tidak menyatakan semula gabungan perniagaan yang berlaku sebelum tarikh peralihan kepada MFRS iaitu 1 Januari 2011. Sewajarnya, gabungan perniagaan yang dimeterai sebelum tarikh peralihan tidak dinyatakan semula.

Di bawah kaedah perakaunan pengambilalihan, anak-anak syarikat disatukan sepenuhnya dari tarikh apabila kuasa mengawal dipindahkan kepada Kumpulan dan tidak disatukan dari tarikh kawalan tamat.

Pertimbangan yang dipindahkan bagi pengambilalihan sesebuah anak syarikat adalah nilai saksama aset-aset yang dipindahkan, liabiliti yang ditanggung dan kepentingan ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan. Pertimbangan yang dipindahkan termasuk nilai saksama apa-apa aset atau liabiliti terhasil daripada pengaturan pertimbangan bersyarat. Kos berkaitan pengambilalihan adalah diiktirafkan sebagai perbelanjaan mengikut jumlah yang telah dibelanjakan.

Aset-aset yang boleh dikenal pasti yang diambil alih dan liabiliti dan liabiliti luar jangka yang diambil alih dalam satu gabungan perniagaan pada mulanya diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan.

Dalam satu gabungan perniagaan yang dicapai secara berperingkat-peringkat, kepentingan ekuiti dalam syarikat yang diambil alih yang dipegang sebelum ini diukur semula pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan laba atau kerugian yang terhasil daripadanya diiktiraf dalam Penyata Pendapatan yang Disatukan.

Lebihan pertimbangan yang dipindahkan, amaun apa-apa kepentingan bukan mengawal dalam syarikat yang diambil alih dan nilai saksama pada tarikh pengambilalihan bagi apa-apa kepentingan ekuiti sebelumnya dalam syarikat yang diambil alih berbanding dengan nilai saksama aset bersih yang boleh dikenal pasti dicatatkan sebagai muhibah. Sekiranya ia adalah kurang daripada nilai saksama anak syarikat yang diambil alih bagi pembelian pada harga yang murah, perbezaan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan yang Disatukan (rujuk kepada Dasar-dasar Perakaunan yang Penting nota 2(f)(i) mengenai Muhibah).

Kepentingan bukan mengawal adalah ekuiti dalam sesebuah anak syarikat bukan milik syarikat induk secara langsung atau tidak langsung. Bagi setiap pengambilalihan, Kumpulan mengukur apa-apa kepentingan bukan mengawal dalam syarikat yang diambil alih sama ada pada nilai saksama atau pada bahagian seimbang kepentingan bukan mengawal bagi aset bersih syarikat yang diambil alih yang boleh dikenal pasti. Pada akhir tempoh pelaporan, kepentingan bukan mengawal merangkumi amaun yang dikira pada tarikh gabungan dan bahagian perubahannya dalam ekuiti anak syarikat sejak tarikh penggabungan.

Berkuat kuasa pada 1 Januari 2011, semua perolehan dan kerugian anak syarikat diagihkan kepada syarikat induk dan kepentingan bukan mengawal, walaupun kerugian yang diagihkan kepada kepentingan bukan mengawal menyebabkan baki debit dalam ekuiti pemegang saham. Keuntungan atau kerugian yang diagihkan kepada kepentingan bukan mengawal bagi tahun-tahun sebelumnya tidak dinyatakan semula.

Di bawah kaedah perakaunan penggabungan, keputusan anak-anak syarikat dibentangkan seolah-olah penggabungan terlaksana sepanjang tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya. Aset dan liabiliti yang digabung diambil kira berasaskan amaun dibawa daripada perspektif pemegang saham kawalan bersama pada tarikh pindahan. Apabila berlaku penyatuan, kos penggabungan termansuh dengan nilai saham yang diterima. Sebarang perbezaan kredit yang terhasil dikelaskan sebagai ekuiti dan dianggap sebagai rizab yang tidak boleh diagih. Sebarang perbezaan debit yang terhasil diselaraskan terhadap mana-mana rizab yang sesuai. Jika terdapat premium saham, rizab penebusan modal dan sebarang rizab lain yang boleh diagih kepada modal saham perusahaan yang digabungkan, setakat mana ianya belum dipermodalkan dengan perbezaan debit, dikelaskan semula dan dibentangkan sebagai pergerakan dalam rizab modal yang lain.

Urus niaga serta baki dan keuntungan atau kerugian belum terealisasi daripada urus niaga antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan disingkirkan. Dasar-dasar perakaunan anak-anak syarikat telah diubah di mana perlu bagi memastikan ketekalan dengan dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai oleh Kumpulan.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (b) Entiti-entiti Ekonomi dalam Kumpulan (sambungan)

#### (i) Anak-anak Syarikat (sambungan)

Laba atau kerugian atas pelupusan sesebuah anak syarikat merupakan perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dengan bahagian Kumpulan dalam aset bersih anak syarikat tersebut pada tarikh pelupusan, termasuk amaun terkumpul bagi sebarang perbezaan pertukaran yang berkaitan dengan anak syarikat berkenaan dan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan yang Disatukan.

#### (ii) Urus niaga dengan kepentingan bukan mengawal

Urus niaga dengan kepentingan bukan mengawal yang tidak menyebabkan kehilangan dalam kawalan adalah diambil kira sebagai urus niaga ekuiti – iaitu sebagai urus niaga dengan pemilik dalam kapasitinya sebagai pemilik. Bagi pembelian daripada kepentingan bukan mengawal, perbezaan antara sebarang pertimbangan dibayar dengan bahagian yang relevan daripada nilai dibawa bagi aset bersih milik anak syarikat yang diambil alih dicatatkan dalam ekuiti. Bagi pelupusan kepada kepentingan bukan mengawal, perbezaan antara sebarang perolehan yang diterima dengan bahagian yang relevan daripada kepentingan bukan mengawal juga diiktiraf dalam ekuiti.

#### (iii) Syarikat-syarikat Bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah perbadanan, perkongsian atau entiti-entiti lain di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi tidak mempunyai kawalan. Pengaruh penting ialah kuasa untuk menyertai proses penentuan dasar-dasar kewangan dan kendalian bagi syarikat-syarikat bersekutu tetapi tidak mempunyai kawalan terhadap dasar-dasar berkenaan.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diambil kira dalam penyata kewangan yang disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti dan pada permulaannya diiktiraf pada kos. Perakaunan ekuiti akan dihentikan apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas syarikat-syarikat bersekutu. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu meliputi muhibah yang dikenal pasti pada pengambilalihan, selepas ditolak sebarang kerugian pengurangan nilai terkumpul.

Bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan syarikat-syarikat bersekutunya diiktiraf dalam Penyata Pendapatan yang Disatukan, dan bahagian Kumpulan dalam pergerakan rizab selepas pengambilalihan diiktiraf dalam pendapatan keseluruhan lain. Pergerakan terkumpul selepas pengambilalihan diselaraskan terhadap amaun dibawa bagi pelaburan. Apabila bahagian Kumpulan dalam kerugian sesebuah syarikat bersekutu menyamai atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu berkenaan, termasuk sebarang belum terima lain tidak bercagar, kepentingan Kumpulan dikurangkan kepada sifar dan pengiktirafan kerugian selanjutnya dihentikan kecuali apabila Kumpulan menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu tersebut.

Kumpulan menentukan pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti yang berasas bahawa pelaburan dalam syarikat bersekutu tersebut mengalami pengurangan nilai. Dalam hal sedemikian, Kumpulan mengira amaun pengurangan nilai sebagai perbezaan antara amaun yang boleh diperoleh semula bagi syarikat bersekutu dan nilai dibawanya dan mengiktiraf amaun di sebelah 'bahagian keuntungan/(kerugian) sebuah syarikat bersekutu' dalam penyata pendapatan.

Keputusan kewangan syarikat-syarikat bersekutu diambil daripada penyata kewangan terkini syarikat-syarikat bersekutu berkenaan yang tidak diaudit, yang dibuat sehingga ke suatu tarikh yang tidak melebihi 3 bulan sebelum berakhirnya tahun kewangan Kumpulan.

Keuntungan belum terealisasi daripada urus niaga antara Kumpulan dengan syarikat-syarikat bersekutunya disingkirkan setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu tersebut; kerugian belum terealisasi juga disingkirkan melainkan urus niaga berkenaan menunjukkan bukti pengurangan nilai aset yang dipindahkan. Di mana perlu, dalam mengguna pakai kaedah ekuiti, pelarasan yang sesuai dibuat kepada penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu bagi memastikan ketekalan dengan dasar-dasar perakaunan Kumpulan.

Laba dan kerugian pencairan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan yang Disatukan.

Apabila Kumpulan menambah pegangannya dalam pelaburan sedia ada dan pelaburan tersebut menjadi syarikat bersekutu untuk pertama kali, muhibah dikira pada setiap peringkat pengambilalihan. Kumpulan tidak menilai semula bahagian dalam aset bersih yang dimilikinya sebelum ini kepada nilai saksama. Sebarang rizab tersedia-untuk-dijual yang sedia ada dibalikkan dalam pendapatan keseluruhan lain, menyatakan semula pelaburan tersebut kepada kos. Bahagian keuntungan (selepas dividen) berserta bahagian apa-apa pergerakan ekuiti yang berkaitan dengan kepentingan yang dimiliki sebelum ini diambil kira dalam pendapatan keseluruhan lain.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (b) Entiti-entiti Ekonomi dalam Kumpulan (sambungan)

#### (iii) Syarikat-syarikat Bersekutu (sambungan)

Laba atau kerugian atas pelupusan sesebuah syarikat bersekutu merupakan perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dengan bahagian Kumpulan dalam aset bersih syarikat bersekutu tersebut pada tarikh pelupusan, termasuk amaun terkumpul bagi sebarang perbezaan pertukaran yang berkaitan dengan syarikat bersekutu berkenaan yang sebelumnya diiktiraf dalam pendapatan keseluruhan lain, dan kini diiktiraf dalam Penyata Pendapatan yang Disatukan.

#### (iv) Perubahan dalam Kepentingan Pemilikan

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan, kawalan bersama atau pengaruh penting, sebarang kepentingan tertahan dalam entiti diukur semula pada nilai saksamanya dengan perubahan dalam amaun dibawa diiktiraf dalam Penyata Pendapatan yang Disatukan. Nilai saksama ini adalah nilai saksamanya pada permulaan pengiktirafan sebagai aset kewangan selaras dengan MFRS 139. Apa-apa amaun yang sebelumnya diiktiraf dalam pendapatan keseluruhan lain berkenaan dengan entiti tersebut diambil kira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan secara langsung aset atau liabiliti yang berkaitan.

### (c) Pelaburan dalam Anak-anak Syarikat dan Syarikat-syarikat Bersekutu

Pelaburan dalam anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos tolak kerugian pengurangan nilai terkumpul dalam penyata kewangan berasingan Syarikat. Apabila wujudnya tanda pengurangan nilai, amaun dibawa bagi pelaburan berkenaan ditaksir dan diturunkan nilai serta merta kepada amaun boleh diperoleh semula (rujuk nota 2(g) Dasar-dasar Perakaunan yang Penting mengenai Pengurangan Nilai Aset Bukan Kewangan). Kerugian pengurangan nilai dicaj kepada Penyata Pendapatan.

Apabila pelaburan dalam anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu dilupuskan, perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan amaun dibawa pelaburan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

### (d) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai dan kerugian pengurangan nilai terkumpul. Kos ini termasuk perbelanjaan yang berkait secara langsung untuk memperoleh aset-aset tersebut. Sesetengah tanah pegangan kekal dibawa pada nilai saksama, yang merupakan kos anggapannya selaras dengan pengecualian yang diperuntukkan oleh MFRS 1 "Penerimaan Pertama Kali Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia" pada 1 Januari 2011, iaitu pada tarikh peralihan kepada MFRS.

#### (i) Kos

Kos bagi rangkaian telekomunikasi meliputi perbelanjaan sehingga dan termasuk peti penyampaian terakhir sebelum premis pelanggan dan termasuk caj kontraktor, bahan-bahan, tenaga buruh langsung dan overhed yang berkaitan. Kos untuk hartanah, loji dan peralatan lain mengandungi kos pembeliannya dan sebarang kos sampingan berkaitan pemerolehan. Kos tersebut termasuk kos peleraian, pengalihan dan membaik pulih, yang mana obligasi tersebut ditanggung berikutan pemasangan aset berkenaan. Kos juga termasuk kos peminjaman yang berkait secara langsung disebabkan oleh pemerolehan, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak (lihat nota 2(q)(ii) Dasar-dasar Perakaunan yang Penting mengenai kos peminjaman).

Kos berikutnya diambil kira dalam amaun dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset yang berasingan, dengan sewajarnya, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut akan masuk ke dalam Kumpulan dan kos aset berkenaan boleh ditentukan dengan pasti. Amaun dibawa bagi bahagian aset yang diganti dinyahiktiraf. Kesemua kos pembaikan dan penyelenggaraan lain dicaj kepada Penyata Pendapatan dalam tempoh kos ditanggung.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (d) Hartanah, Loji dan Peralatan (sambungan)

#### (ii) Susut Nilai

Tanah pegangan kekal tidak disusut nilai kerana ia mempunyai hayat tidak terhad. Tanah pegangan pajak yang dikelaskan sebagai pajakan kewangan, dilunaskan dalam amaun ansuran sama rata sepanjang tempoh pemegangan pajakan yang berkenaan. Tanah pegangan pajakan jangka panjang mempunyai tempoh pajakan yang belum tamat selama 50 tahun dan ke atas. Hartanah, loji dan peralatan lain disusut nilai berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset hingga ke nilai sisa sepanjang anggaran hayat berguna, dalam tahun, seperti yang diringkaskan di bawah:

| | |
|---|---|
| Rangkaian telekomunikasi | 3 – 25 |
| Harta mudah alih dan peralatan | 5 – 8 |
| Sistem sokongan komputer | 3 – 5 |
| Bangunan | 5 – 40 |

Modal kerja dalam pelaksanaan adalah dinyatakan pada kos dan tidak disusutnilaikan. Sebaik selesai, modal kerja dalam pelaksanaan dipindahkan kepada kategori hartanah, loji dan peralatan bergantung pada jenis aset. Modal kerja dalam pelaksanaan adalah termasuk peralatan servis, bahan-bahan dan alat ganti. Susut nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan yang masih dalam pembinaan bermula apabila hartanah, loji dan peralatan sedia untuk digunakan. Susut nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan tidak lagi diteruskan apabila pengiktirafan aset berkenaan dihentikan atau apabila aset berkenaan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual, yang mana lebih awal.

Nilai sisa dan hayat berguna aset disemak semula dan diselaraskan sewajarnya pada setiap tarikh pelaporan.

#### (iii) Pengurangan Nilai

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan membuat penilaian sama ada wujud sebarang tanda pengurangan nilai. Jika tanda sedemikian wujud, analisis dilakukan bagi menentukan sama ada nilai dibawa bagi aset berkenaan boleh diperoleh semula sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat jika nilai dibawa melebihi amaun boleh diperoleh semula (rujuk nota 2(g) Dasar-dasar Perakaunan yang Penting mengenai Pengurangan Nilai Aset Bukan Kewangan).

#### (iv) Laba atau Kerugian atas Pelupusan

Laba atau kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan amaun dibawa bagi aset berkaitan dan diambil kira dalam pendapatan kendalian lain dalam Penyata Pendapatan.

#### (v) Urus Niaga Pertukaran Aset

Hartanah, loji dan peralatan berkemungkinan diperoleh melalui pertukaran dengan aset bukan monetari atau gabungan aset monetari dan bukan monetari dan diukur pada nilai saksama melainkan,

- urus niaga pertukaran kurang kandungan komersil; atau
- nilai saksama bagi aset yang diterima mahupun aset yang diserahkan tidak boleh ditentukan dengan pasti.

Aset yang diperoleh ditentukan nilainya dengan cara ini walaupun Kumpulan tidak boleh menyahiktiraf aset yang diserahkan dengan serta merta. Jika aset yang diperoleh itu tidak dapat ditentukan dengan pasti pada nilai saksamanya, kosnya ditentukan pada amaun dibawa bagi aset yang diserahkan.

#### (vi) Pembaikan dan Penyelenggaraan

Pembaikan dan penyelenggaraan dicaj kepada Penyata Pendapatan dalam tempoh ianya ditanggung. Kos pengubahsuaian utama diambil kira dalam amaun dibawa aset apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang melebihi standard prestasi aset sedia ada, yang dinilai terdahulu, akan masuk ke dalam Kumpulan. Kos ini disusut nilai sepanjang baki tempoh hayat berguna aset yang berkenaan.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (e) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan, terutamanya meliputi tanah dan bangunan pejabat, dipegang untuk hasil sewaan jangka panjang atau untuk tambah nilai modal atau untuk kedua-duanya, dan harta tersebut tidak diduduki oleh Kumpulan atau Syarikat.

Hartanah pelaburan dibawa pada kos tolak susut nilai dan kerugian pengurangan nilai terkumpul. Hartanah pelaburan disusut nilai berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos hartanah pelaburan hingga ke nilai sisa sepanjang anggaran hayat berguna, dalam tahun, seperti yang diringkaskan di bawah:

| | |
|---|---|
| Tanah pegangan pajak | sepanjang tempoh pemegangan pajak masing-masing |
| Bangunan | 5 – 40 |

Tanah pegangan kekal tidak disusut nilai kerana ia mempunyai jangka hayat tidak terhad.

Perbelanjaan berikutnya dipermodalkan kepada amaun dibawa aset berkenaan hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi pada masa hadapan yang berkaitan dengan perbelanjaan akan masuk ke dalam Kumpulan dan kos butiran itu boleh diukur dengan pasti. Kesemua kos pembaikan dan penyelenggaraan lain diambil kira sebagai belanja apabila ia ditanggung. Apabila sebahagian daripada harta pelaburan diganti, amaun dibawa bagi harta yang diganti itu akan dinyahiktiraf.

Apabila hartanah pelaburan dilupuskan, atau apabila penggunaannya dihentikan secara kekal dan dijangkakan tiada lagi manfaat ekonomi masa hadapan, maka ia akan dinyahiktiraf (disingkirkan daripada Penyata Kedudukan Kewangan). Laba atau kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan pelupusan bersih dengan amaun dibawa dan diambil kira dalam Penyata Pendapatan.

### (f) Aset Tak Ketara

#### (i) Muhibah

Muhibah merupakan lebihan kos pengambilalihan anak-anak syarikat ke atas bahagian Kumpulan dalam nilai saksama aset bersih yang boleh dikenal pasti, termasuk liabiliti luar jangka anak-anak syarikat pada tarikh pengambilalihan. Muhibah daripada pengambilalihan yang berlaku pada atau selepas 1 Januari 2002 berhubung dengan sesebuah anak syarikat diambil kira dalam Penyata Kedudukan Kewangan yang Disatukan sebagai aset tak ketara. Muhibah daripada pengambilalihan yang berlaku sebelum 1 Januari 2002 dihapus kira daripada rizab dalam tahun pengambilalihan.

Sebagai sebahagian daripada peralihan kepada MFRS, Kumpulan memilih untuk tidak menyatakan semula gabungan perniagaan yang berlaku sebelum tarikh peralihan kepada MFRS iaitu 1 Januari 2011. Muhibah yang wujud daripada pengambilalihan sebelum 1 Januari 2011 telah dibawa ke hadapan daripada rangka kerja Piawaian Pelaporan Kewangan yang sebelumnya pada tarikh peralihan.

Muhibah dibawa pada kos tolak kerugian pengurangan nilai terkumpul. Muhibah diuji bagi menentukan pengurangan nilai, sekurang-kurangnya sekali setahun atau apabila berlaku peristiwa atau keadaan yang menunjukkan bahawa pengurangan nilai mungkin wujud. Pengurangan nilai muhibah dicaj kepada Penyata Pendapatan yang Disatukan apabila ia berlaku. Kerugian pengurangan nilai muhibah tidak boleh berbalik. Laba dan kerugian atas pelupusan sesebuah entiti termasuk amaun dibawa muhibah berkaitan entiti yang dilupuskan.

Muhibah diagihkan kepada unit-unit penjanaan tunai untuk tujuan ujian pengurangan nilai. Setiap unit penjanaan tunai atau sekumpulan unit penjanaan tunai merupakan tahap terendah dalam Kumpulan di mana muhibah dipantau bagi tujuan pengurusan dalaman dan dijangka akan memperoleh manfaat daripada sinergi gabungan.

#### (ii) Perisian

Kos-kos yang berkait secara langsung dengan produk perisian yang boleh dikenal pasti dan unik yang dikawal oleh Kumpulan, yang mungkin menjana faedah ekonomi yang melebihi kos lebih dari setahun, diiktiraf sebagai aset tak ketara. Pelunasan dikira menggunakan kaedah garis lurus pada kadar 20% setahun tertakluk kepada pengurangan nilai.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (f) Aset Tak Ketara (sambungan)

#### (iii) Hak-hak program

Hak-hak program merangkumi hak-hak yang dibenarkan daripada pihak ketiga dengan tujuan utama untuk disiarkan dalam urusan biasa kitaran operasi. Hak-hak tersebut dinyatakan pada kos tolak pelunasan dan kerugian pengurangan nilai terkumpul (rujuk kepada Dasar-dasar Perakaunan yang Penting nota 2(g) mengenai Pengurangan Nilai Aset Bukan Kewangan).

Kumpulan melunaskan hak-hak program menggunakan kaedah garis lurus mengikut tempoh lesen atau anggaran hayat berguna jika lebih pendek, dari tarikh transmisi yang pertama, untuk menyepadankan kos penggunaan dengan anggaran faedah yang akan diterima. Pelunasan diambil kira dalam Penyata Pendapatan.

#### (iv) Spektrum Telekomunikasi

Spektrum telekomunikasi yang diperoleh melalui penggabungan perniagaan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, dengan hayat berguna yang tidak terhad atas anggapan kos pembaharuan adalah kecil dan boleh diabaikan. Ianya tertakluk kepada kajian pengurangan nilai tahunan atau apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan memberi petunjuk bahawa pengurangan nilai mungkin telah berlaku.

#### (v) Asas Pelanggan

Asas pelanggan yang diperoleh melalui penggabungan perniagaan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Ia dijangka mempunyai hayat berguna terhad dan dibawa pada kos tolak pelunasan terkumpul yang dikira mengikut kaedah garis lurus dalam tempoh hayat berguna yang telah dianggarkan selama tiga tahun. Pada prinsipnya, jangkaan hayat berguna mencerminkan pandangan Kumpulan terhadap purata hayat ekonomi bagi asas pelanggan, dinilai dengan merujuk kepada kadar peralihan pelanggan.

### (g) Pengurangan Nilai Aset Bukan Kewangan

Aset yang mempunyai hayat berguna tidak terhad tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji bagi menentukan pengurangan nilai pada setiap tahun, atau apabila berlaku peristiwa atau keadaan yang menunjukkan bahawa pengurangan nilai mungkin wujud. Hartanah, loji dan peralatan serta aset bukan semasa yang lain, termasuk aset tak ketara dengan hayat berguna terhad, disemak semula bagi menentukan kerugian pengurangan nilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa amaun dibawa mungkin tidak boleh diperoleh semula. Kerugian pengurangan nilai diiktiraf apabila amaun dibawa bagi sesuatu aset melebihi amaun boleh diperoleh semula. Amaun boleh diperoleh semula adalah nilai yang lebih tinggi antara nilai saksama tolak kos jualan dan nilai guna bagi sesuatu aset. Untuk tujuan penaksiran pengurangan nilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penjanaan tunai). Aset selain daripada muhibah yang mengalami pengurangan nilai, disemak semula bagi menentukan sama ada kebalikan mungkin boleh dilakukan pada setiap tarikh pelaporan.

Kerugian pengurangan nilai dicaj kepada Penyata Pendapatan. Kerugian pengurangan nilai atas muhibah tidak boleh berbalik. Bagi aset-aset lain, sebarang pertambahan selanjutnya dalam amaun boleh diperoleh semula akan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

### (h) Aset-aset Kewangan

Aset-aset kewangan dikelaskan dalam kategori berikut: pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, pinjaman dan belum terima serta tersedia-untuk-dijual. Pihak pengurusan menentukan pengelasan aset-aset kewangan pada permulaan pengiktirafan berdasarkan kepada jenis aset dan tujuan aset itu diperoleh.

#### (i) Aset-aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah aset kewangan yang dipegang untuk didagangkan. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini sekiranya ia diperoleh, dari segi prinsipnya, adalah bagi tujuan untuk dijual dalam jangka pendek. Derivatif juga dikategorikan sebagai dipegang untuk didagangkan melainkan ia ditetapkan sebagai lindung nilai. Aset dalam kategori ini dikelaskan sebagai aset semasa.

Sekuriti ekuiti disebut harga (dalam lingkungan aset semasa), yang ditentukan berdasarkan portfolio agregat, dikelaskan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Aset kewangan dibawa pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian pada permulaannya diiktiraf pada nilai saksama, dan kos urus niaga dicaj kepada Penyata Pendapatan.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (h) Aset-aset Kewangan (sambungan)

#### (i) Aset-aset Kewangan pada Nilai Saksama melalui Keuntungan atau Kerugian (sambungan)

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dalam tempoh di mana perubahan timbul.

#### (ii) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan, yang tidak disebut harga dalam pasaran yang aktif. Pinjaman dan belum terima ini termasuk dalam aset semasa, melainkan bagi kematangan melebihi 12 bulan selepas berakhirnya tempoh pelaporan. Pinjaman dan belum terima ini dikelaskan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan belum terima Kumpulan terdiri daripada belum terima bukan semasa, belum terima perdagangan dan lain-lain serta tunai dan baki bank dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Pinjaman dan belum terima diukur pada nilai saksama termasuk kos urus niaga pada permulaan dan berikutnya, pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Apabila pinjaman dan belum terima terjejas, amaun dibawa aset berkenaan dikurangkan dan amaun kerugian diiktiraf dalam Penyata Pendapatan. Kerugian pengurangan nilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset tersebut dan nilai kini bagi anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit pada masa hadapan yang belum ditanggung) terdiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset berkenaan.

#### (iii) Aset Kewangan Tersedia-untuk-dijual

Aset kewangan tersedia-untuk-dijual adalah aset kewangan bukan derivatif yang sama ada ditetapkan dalam kategori ini atau tidak dikelaskan dalam mana-mana kategori lain. Ia termasuk dalam aset bukan semasa kecuali pelaburan tersebut matang atau pihak pengurusan berhasrat untuk melupuskannya dalam tempoh 12 bulan dari akhir tempoh pelaporan.

Sekuriti pendapatan tetap (dalam lingkungan aset semasa), dan pelaburan ekuiti bukan semasa tertentu dikelaskan sebagai pelaburan tersedia-untuk-dijual, manakala pinjaman pendidikan boleh ubah (dalam lingkungan aset bukan semasa) dikelaskan sebagai belum terima tersedia-untuk-dijual. Aset-aset ini pada awalnya diukur pada nilai saksama termasuk kos urus niaga dan berikutnya, pada nilai saksama.

Perubahan dalam nilai saksama pelaburan tersedia-untuk-dijual diiktiraf dalam pendapatan keseluruhan lain. Sementara itu, perubahan dalam nilai saksama belum terima tersedia-untuk-dijual dikelaskan sebagai aset bukan semasa boleh dianalisis melalui perubahan yang timbul daripada penukaran belum terima kepada biasiswa dan perubahan nilai saksama lain. Perubahan berikutan daripada penukaran tersebut diiktiraf dalam Penyata Pendapatan, manakala perubahan dalam nilai saksama lain diiktiraf dalam pendapatan keseluruhan lain. Faedah bagi belum terima tersedia-untuk-dijual yang dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

Apabila aset kewangan tersedia-untuk-dijual telah dijual, pelarasan nilai saksama terkumpul yang diiktiraf dalam pendapatan keseluruhan lain dikelaskan semula dalam Penyata Pendapatan.

#### (iv) Nyahiktiraf

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan tersebut tamat atau dipindahkan dan Kumpulan telah memindahkan kebanyakkan risiko dan manfaat pemilikan.

Belum terima yang difaktor keluar kepada bank dan institusi kewangan lain dengan bantuan Kumpulan tidak dinyahiktiraf sehingga tempoh bantuan tersebut tamat dan risiko dan manfaat belum terima tersebut telah dipindahkan sepenuhnya. Tunai sepadan yang diterima daripada institusi kewangan dicatatkan sebagai peminjaman.

#### (v) Mengimbangi Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan amaun bersih dibentangkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila terdapatnya hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi amaun yang diktiraf dan terdapatnya hasrat untuk pelunasan pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan melunaskan liabiliti secara serentak.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (i) Pengurangan Nilai Aset Kewangan

#### (i) Aset yang Dibawa pada Kos Terlunas

Kumpulan menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan telah terjejas. Satu aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan telah terjejas dan kerugian pengurangan nilai ditanggung sekiranya terdapat bukti objektif terdapatnya pengurangan nilai disebabkan satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas permulaan pengiktirafan aset tersebut (satu 'peristiwa kerugian') dan bahawa peristiwa (atau peristiwa-peristiwa) kerugian itu memberi kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan bagi aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan tepat.

Kriteria yang digunakan oleh Kumpulan untuk menentukan terdapatnya bukti objektif mengenai kerugian pengurangan nilai termasuklah:

- kesukaran yang ketara dari segi kewangan di pihak pelanggan atau penangguh obligasi;
- pelanggaran kontrak, seperti keingkaran atau delinkuen dalam pembayaran faedah atau pembayaran pokok;
- kemungkinan pelanggan akan mengalami kemuflisan atau penyusunan semula kewangannya;
- data yang boleh dipantau menunjukkan bahawa terdapat pengurangan yang ketara dalam anggaran aliran tunai masa hadapan daripada portfolio aset kewangan sejak permulaan pengiktiran aset-aset berkenaan, walaupun pengurangan itu belum dapat dikenal pasti dengan aset kewangan individu dalam portfolio tersebut, termasuk:
  - perubahan buruk dalam status pembayaran pelanggan-pelanggan dalam portfolio; dan
  - keadaan ekonomi negara atau tempatan yang berhubung kait dengan kemungkiran pada aset dalam portfolio.

Amaun kerugian diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset tersebut dan nilai kini anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit masa hadapan yang belum ditanggung) terdiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan. Amaun dibawa aset tersebut dikurangkan dan amaun kerugian diiktiraf dalam Penyata Pendapatan. Jika satu pinjaman mempunyai kadar faedah boleh ubah, kadar diskaun bagi pengukuran apa-apa kerugian pengurangan nilai adalah kadar faedah berkesan semasa yang ditetapkan di bawah kontrak. Sebagai langkah segera, Kumpulan boleh mengukur pengurangan nilai berasaskan nilai saksama sesuatu instrumen menggunakan nilai pasaran yang boleh dipantau.

Jika, dalam tempoh berikutnya, amaun kerugian pengurangan nilai berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada suatu peristiwa yang berlaku selepas pengurangan nilai diiktiraf (seperti peningkatan dalam penarafan kredit penghutang), kebalikan bagi kerugian pengurangan nilai yang diiktiraf sebelumnya akan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

#### (ii) Aset yang Dikelaskan sebagai Tersedia-untuk-dijual

Dalam perkara sekuriti ekuiti dan pendapatan tetap yang dikelaskan sebagai tersedia-untuk-dijual, selain kriteria bagi 'aset yang dibawa pada kos terlunas' di atas, kriteria berikut juga dipertimbangkan sebagai petanda-petanda pengurangan nilai:

- kesukaran yang ketara dari segi kewangan bagi pihak pengeluar atau penanggung obligasi;
- ketiadaan pasaran yang aktif bagi aset kewangan tersebut disebabkan kesukaran kewangan; atau
- pengurangan yang ketara dan berpanjangan dalam nilai saksama aset kewangan di bawah kos yang dianggap sebagai petanda bahawa aset telah terjejas.

Sekiranya terdapat bukti-bukti seumpama itu, kerugian terkumpul, diukur sebagai perbezaan di antara kos pemerolehan dan nilai saksama semasa, tolak apa-apa kerugian pengurangan nilai yang sebelumnya diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan, dibalikkan daripada ekuiti dan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan. Jika, dalam tempoh masa berikutnya, nilai saksama satu instrumen hutang meningkat dan kenaikan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian pengurangan nilai itu diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan, kerugian pengurangan nilai itu dibalikkan menerusi Penyata Pendapatan. Kerugian pengurangan nilai diiktiraf dalam Penyata Pendapatan atas instrumen ekuiti yang dikelaskan sebagai tersedia-untuk-dijual dibalikkan menerusi pendapatan keseluruhan lain dan bukannya menerusi Penyata Pendapatan.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (j) Instrumen Kewangan Derivatif dan Aktiviti Lindung Nilai

Instrumen kewangan derivatif diiktiraf dan diukur pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimeterai dan kemudiannya diukur semula pada nilai saksama dengan perubahan-perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam Penyata Pendapatan pada setiap tarikh pelaporan. Kaedah untuk mengiktiraf laba atau kerugian bergantung kepada sama ada derivatif tersebut ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, dan jika demikian, sifat butiran yang dilindung nilai. Kumpulan menetapkan derivatif-derivatif tertentu sebagai lindung nilai bagi nilai saksama aset atau liabiliti yang diiktiraf (lindung nilai saksama) atau lindung nilai bagi risiko tertentu yang berkaitan dengan aset atau liabiliti yang diiktiraf (lindung nilai aliran tunai).

Kumpulan mendokumenkan semasa permulaan urus niaga perkaitan di antara instrumen lindung nilai dan butiran yang dilindung nilai, serta matlamat dan strategi pengurusan risikonya bagi pelbagai urus niaga lindung nilai yang diambil. Kumpulan juga mendokumenkan taksirannya, semasa permulaan lindung nilai dan pada dasar berterusan, sama ada derivatif yang digunakan dalam urus niaga lindung nilai adalah amat berkesan bagi mengimbangi perubahan-perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai butiran yang dilindung nilai.

Nilai saksama penuh derivatif lindung nilai dikelaskan sebagai aset atau liabiliti bukan semasa apabila tempoh matang butiran yang dilindung nilai adalah lebih dari 12 bulan, dan sebagai aset dan liabiliti semasa apabila tempoh matang butiran yang dilindung nilai adalah kurang dari 12 bulan. Derivatif perdagangan dikelaskan sebagai aset atau liabiliti semasa.

**Lindung nilai saksama**

Perubahan dalam nilai saksama derivatif yang ditetapkan dan layak sebagai lindung nilai saksama dicatatkan dalam Penyata Pendapatan, beserta apa-apa perubahan dalam nilai saksama aset atau liabiliti yang dilindung nilai, yang berpunca daripada risiko yang dilindung. Kumpulan mengguna pakai perakaunan lindung nilai saksama bagi melindung nilai risiko faedah tetap ke atas peminjaman. Laba atau kerugian berkaitan dengan bahagian berkesan swap kadar faedah melindung nilai peminjaman kadar tetap diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dalam 'kos pembiayaan'. Laba atau kerugian berkaitan dengan bahagian tidak berkesan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dalam 'laba atau kerugian lain – bersih'. Perubahan-perubahan dalam nilai saksama peminjaman kadar tetap yang dilindung nilai yang berkaitan dengan risiko kadar faedah diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dalam 'kos pembiayaan'.

Sekiranya lindung nilai tidak lagi memenuhi kriteria bagi perakaunan lindung nilai tersebut, pelarasan terhadap amaun dibawa butiran yang dilindung nilai yang mana kaedah faedah berkesan digunakan akan dilunaskan dalam Penyata Pendapatan sepanjang tempoh kematangan.

**Lindung nilai aliran tunai**

Bahagian perubahan yang berkesan dalam nilai saksama derivatif yang ditetapkan dan layak sebagai lindung nilai aliran tunai diiktiraf dalam pendapatan keseluruhan lain. Laba atau kerugian berkaitan dengan bahagian yang tidak berkesan diiktiraf serta-merta dalam Penyata Pendapatan dalam 'laba atau kerugian lain – bersih'.

Amaun-amaun terkumpul dalam ekuiti dikelaskan semula kepada Penyata Pendapatan dalam tempoh apabila butiran lindung nilai menjejaskan Penyata Pendapatan. Laba atau kerugian berkaitan dengan bahagian berkesan swap kadar faedah mata wang bersilang melindung nilai peminjaman kadar tetap diiktiraf dalam Penyata Kewangan dalam 'kos pembiayaan'.

Apabila instrumen lindung nilai matang, atau apabila lindung nilai tidak lagi dapat memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai, apa-apa laba atau kerugian terkumpul dalam ekuiti pada waktu itu kekal dalam ekuiti dan diiktiraf apabila butiran yang dilindung nilai akhirnya diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

### (k) Derivatif Tersirat

Derivatif tersirat di dalam instrumen atau kontrak kewangan lain diambil kira sebagai derivatif berasingan dan direkodkan pada nilai saksama sekiranya ciri-ciri ekonomi dan risikonya tidak berkait rapat dengan kontrak utama, dan kontrak utama tersebut adalah tidak dipegang untuk urus niaga dengan sendirinya atau ditetapkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Derivatif tersirat yang diasingkan daripada kontrak utama adalah dibawa pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, dengan perubahan dalam nilai saksama tersebut diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (l) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realis bersih.

Kos ditentukan berdasarkan kaedah purata wajaran dan meliputi semua kos pembelian dan kos-kos lain yang ditanggung bagi membawa inventori ke lokasi yang terkini. Kos barangan siap dan kerja dalam pelaksanaan meliputi kos reka bentuk, bahan mentah, tenaga buruh langsung, kos langsung yang lain dan overhed pengeluaran yang berkaitan (berdasarkan kapasiti operasi biasa). Ia tidak termasuk kos peminjaman.

Nilai boleh realis bersih merupakan anggaran harga jualan dalam urusan biasa perniagaan, tolak semua anggaran kos sehingga siap dan perbelanjaan jualan boleh ubah yang berkaitan. Untuk mendapatkan nilai boleh realis bersih, peruntukan sewajarnya dibuat bagi semua inventori usang dan kurang laris.

### (m) Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Dijual

Aset bukan semasa dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual apabila amaun dibawa aset tersebut perlu diperoleh semula terutamanya melalui urus niaga jualan dan jualan dianggap kemungkinan besar berlaku. Ia dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara amaun dibawa dan nilai saksama tolak kos jualan. Sebarang penurunan nilai aset kepada nilai saksama tolak kos jualan diiktiraf sebagai kerugian pengurangan nilai dan dicaj kepada Penyata Pendapatan.

### (n) Kos Pemerolehan Pelanggan

Kos pemerolehan pelanggan ditanggung sewaktu mengaktifkan pelanggan-pelanggan baru berikutan suatu kontrak. Kos pemerolehan pelanggan akan dipermodalkan dan dilunaskan dalam tempoh kontrak berkenaan. Sekiranya seseorang pelanggan menamatkan perkhidmatan dalam tempoh kontrak, apa-apa kos pemerolehan yang belum dilunaskan akan dihapus kira dalam Penyata Pendapatan dengan serta-merta.

### (o) Tunai dan Kesamaan Tunai

Untuk tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan kesamaan tunai merangkumi tunai dalam tangan, deposit panggilan di bank, pelaburan-pelaburan jangka pendek lain yang berkecairan tinggi dengan tempoh matang asal 3 bulan atau kurang. Deposit dipegang sebagai sekuriti sandaran untuk pinjaman bertempoh yang diberikan, tidak diambil kira sebagai tunai dan kesamaan tunai.

### (p) Modal Saham

#### (i) Pengelasan

Saham biasa dan saham keutamaan tak boleh tebus dengan hak dividen yang ditentukan mengikut budi bicara dikelaskan sebagai ekuiti. Saham-saham lain dikelaskan sebagai ekuiti dan/atau liabiliti mengikut kandungan maksud instrumen tertentu.

Pengagihan kepada pemegang-pemegang sesuatu instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti didebitkan secara langsung kepada ekuiti.

#### (ii) Kos Terbitan Saham

Pertambahan kos luaran yang berkaitan secara langsung dengan penerbitan saham atau opsyen baru ditunjukkan dalam ekuiti sebagai pengurangan, selepas ditolak cukai daripada perolehan.

#### (iii) Dividen kepada Pemegang Saham Syarikat

Dividen ke atas saham keutamaan boleh tebus diiktiraf sebagai liabiliti dan dinyatakan berasaskan akruan. Dividen-dividen lain diiktiraf sebagai liabiliti dalam tempoh ianya diisytiharkan.

*Dividend in specie* yang diagihkan kepada pemegang-pemegang saham Syarikat direkodkan pada nilai dibawa aset bersih yang diagihkan. Pengagihan ini direkodkan sebagai pergerakan dalam ekuiti.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (q) Liabiliti Kewangan

Belum bayar perdagangan dan lain-lain, deposit pelanggan dan peminjaman dikelaskan sebagai liabiliti kewangan lain. Kesemuanya diiktiraf pada permulaannya pada nilai saksama dan kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

#### (i) Belum Bayar Perdagangan

Belum bayar perdagangan adalah obligasi untuk membayar barangan dan perkhidmatan yang diperoleh daripada pembekal-pembekal dalam urusan biasa perniagaan. Akaun belum berbayar dikelaskan sebagai liabiliti semasa sekiranya pembayaran perlu dibuat dalam tempoh setahun atau kurang dari setahun (atau dalam kitaran pengendalian biasa perniagaan jika lebih lama). Sebaliknya, ia akan dibentangkan sebagai liabiliti bukan semasa.

#### (ii) Bon, Nota, Debentur dan Peminjaman

Peminjaman diiktiraf pada permulaannya pada nilai saksama, selepas ditolak kos urus niaga yang ditanggung. Peminjaman kemudiannya dibawa pada kos yang terlunas; apa-apa perbezaan di antara amaun diiktiraf pada permulaan dan nilai penebusan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dalam tempoh peminjaman menggunakan kaedah faedah berkesan, melainkan bagi kos peminjaman yang ditanggung bagi pembinaan apa-apa aset yang layak.

Faedah, dividen, laba dan kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan, atau sebahagian daripada komponen yang dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan dalam kos pembiayaan dalam Penyata Pendapatan. Laba atau kerugian pertukaran asing yang timbul daripada terjemahan peminjaman dalam mata wang asing, dilaporkan dalam 'kos pembiayaan' dalam Penyata Pendapatan.

Peminjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti tersebut untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

Kos peminjaman yang ditanggung berhubung dengan pembiayaan pembinaan dan pemasangan hartanah, loji dan peralatan dipermodalkan sehingga hartanah, loji dan peralatan berkenaan sedia untuk digunakan. Semua kos peminjaman lain dicaj kepada Penyata Pendapatan.

Fi yang dibayar bagi penyediaan kemudahan pinjaman diiktiraf sebagai kos urus niaga pinjaman berkenaan setakat mana terdapatnya kemungkinan bahawa sesetengah atau semua kemudahan akan dikeluarkan. Dalam hal ini, fi tersebut ditunda sehingga pengeluaran itu dibuat. Setakat mana tiada terdapatnya bukti bahawa terdapat kemungkinan bahawa sesetengah atau semua kemudahan akan dikeluarkan, fi tersebut akan dipermodalkan sebagai bayaran pendahuluan bagi perkhidmatan mudah cair dan dilunaskan sepanjang tempoh kemudahan berkenaan yang mana ia mempunyai perkaitan.

#### (iii) Liabiliti Opsyen Jual Ke atas Saham yang Dipegang oleh Kepentingan Bukan Mengawal

Sebuah kontrak yang mengandungi obligasi yang memerlukan Kumpulan memberi tunai atau aset kewangan lain sebagai pertukaran untuk mendapat saham ekuitinya sendiri (atau saham ekuiti anak syarikatnya) adalah satu liabiliti kewangan. Liabiliti ini direkod tanpa mengira sama ada kontrak tersebut memenuhi definisi instrumen ekuiti. Liabiliti kewangan itu diiktiraf mengikut nilai kini amaun penebusan opsyen tersebut, apabila ia dilaksanakan.

Liabiliti penebusan awal diiktiraf sebagai Rizab Lain dalam ekuiti sebagai satu pengurangan ekuiti Kumpulan sekiranya risiko dan ganjaran pemilikan kekal bersama kepentingan bukan mengawal atau satu pengurangan ekuiti kepentingan bukan mengawal jika risiko dan ganjaran pemilikan dipindah kepada Kumpulan. Seterusnya, opsyen jual dinilai semula pada nilai saksama akibat daripada perubahan dalam liabiliti yang dijangkakan di mana sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam Penyata Pendapatan. Jika opsyen itu tamat tempoh tanpa dilaksanakan, liabiliti opsyen jual akan dinyahiktiraf dengan pelarasan yang sepadan kepada ekuiti.

### (r) Pajakan

#### (i) Pajakan Kewangan

Pajakan aset di mana Kumpulan menanggung sebahagian besar daripada kesemua risiko dan manfaat pemilikan, dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Pajakan kewangan dipermodalkan pada permulaan pajakan, pada nilai yang lebih rendah antara nilai kini bagi bayaran pajakan minimum dan nilai saksama bagi aset yang dipajak. Obligasi pembayaran sewa yang sepadan, selepas ditolak caj pembiayaan, dimasukkan dalam peminjaman.

Setiap bayaran pajakan adalah diuntukkan antara pengurangan liabiliti dan caj pembiayaan agar memperoleh kadar faedah yang malar dan berkala ke atas baki liabiliti. Caj pembiayaan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (r) Pajakan (sambungan)

#### (i) Pajakan Kewangan (sambungan)

Aset yang diperoleh di bawah pajakan kewangan, disusut nilai sepanjang tempoh yang lebih pendek antara anggaran hayat berguna atau mengikut terma-terma pajakan.

#### (ii) Pajakan Kendalian

Pajakan aset di mana sebahagian besar daripada risiko dan manfaat pemilikan dikekalkan oleh pemberi pajak, dikelaskan sebagai pajakan kendalian. Bayaran yang dibuat di bawah pajakan kendalian (selepas ditolak sebarang insentif yang diterima daripada pemberi pajak) dicaj kepada Penyata Pendapatan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Apabila pajakan kendalian ditamatkan sebelum tamat tempoh pajakannya, sebarang bayaran yang perlu dibuat kepada pemberi pajak sebagai penalti diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh berlakunya penamatan.

### (s) Geran Kerajaan

Geran daripada kerajaan diiktiraf pada nilai saksama apabila terdapat jaminan yang munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan Kumpulan akan mematuhi semua syarat yang ditetapkan.

Geran kerajaan berkaitan dengan pendapatan ditunda dan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan sepanjang tempoh kewangan yang perlu untuk memadankannya dengan kos yang bakal diganti.

Geran kerajaan berkaitan dengan pembelian aset dimasukkan dalam liabiliti bukan semasa sebagai pendapatan tertunda dan dikreditkan kepada Penyata Pendapatan berasaskan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkaitan.

### (t) Cukai Pendapatan

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang percukaian bagi setiap bidang kuasa di mana Kumpulan beroperasi dan meliputi semua cukai berasaskan keuntungan yang boleh dicukai, termasuk cukai pegangan yang perlu dibayar oleh anak-anak syarikat asing atau syarikat-syarikat bersekutu semasa pengagihan keuntungan tertahan kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan, dan cukai keuntungan hartanah yang perlu dibayar atas pelupusan hartanah.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, dengan menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara yang timbul antara amaun aset dan liabiliti bagi tujuan cukai dengan amaun dibawa aset dan liabiliti tersebut dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertunda tidak diambil kira sekiranya ia timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam sesuatu urus niaga selain daripada penggabungan perniagaan yang pada masa urus niaga berkenaan, tidak memberi kesan kepada keuntungan atau kerugian perakaunan mahupun yang boleh dicukai. Cukai tertunda ditentukan dengan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang percukaian) yang telah dikuatkuasakan atau sudah digubal pada tarikh pelaporan dan dijangka akan digunakan apabila aset cukai tertunda yang berkaitan direalisasikan atau liabiliti cukai tertunda dijelaskan.

Aset cukai tertunda diiktiraf hingga ke suatu takat yang berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan terhasil pada masa hadapan, yang daripadanya, perbezaan sementara boleh dipotong atau kerugian cukai belum guna dan kredit cukai (termasuk elaun pelaburan), boleh digunakan.

Cukai tertunda diiktiraf atas perbezaan sementara yang timbul daripada pelaburan dalam anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu, kecuali apabila masa pembalikan bagi perbezaan sementara tersebut boleh dikawal dan perbezaan sementara itu berkemungkinan tidak akan berbalik pada masa hadapan yang boleh diramalkan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dan pendapatan diimbangi apabila terdapatnya hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan yang tertunda berkaitan dengan cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa percukaian yang sama ke atas entiti boleh cukai atau entiti boleh cukai yang berlainan sekiranya terdapat hasrat untuk melunaskan baki atas dasar bersih.

Bahagian Kumpulan dalam cukai pendapatan bagi syarikat-syarikat bersekutu dimasukkan ke dalam bahagian Kumpulan dalam keputusan kewangan syarikat-syarikat bersekutu.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (u) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi semasa secara sah atau konstruktif, kesan daripada peristiwa lampau yang berkemungkinan memerlukan aliran keluar sumber bagi menjelaskan obligasi tersebut, dan apabila anggaran yang pasti berhubung dengan amaun tersebut boleh dibuat. Jika Kumpulan menjangka sesuatu peruntukan akan dibayar balik (contohnya, di bawah kontrak insurans), pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset yang berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik tersebut adalah benar-benar pasti. Peruntukan tidak diiktiraf bagi kerugian operasi masa hadapan.

Jika terdapat beberapa obligasi yang serupa, kemungkinan aliran keluar yang akan diperlukan untuk sesuatu penjelasan ditentukan dengan mempertimbangkan kelas obligasi secara menyeluruh. Peruntukan diiktiraf walaupun kemungkinan aliran keluar berhubung dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam sesuatu kelas obligasi yang sama adalah kecil.

Peruntukan ditentukan pada nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan bagi menjelaskan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang mencerminkan taksiran pasaran semasa tentang nilai masa wang dan risiko khusus terhadap obligasi tersebut. Peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos pembiayaan.

### (v) Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka merupakan obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa lampau yang mana kewujudannya akan disahkan oleh berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan, atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tidak mungkin akan memerlukan aliran keluar sumber untuk menjelaskan obligasi tersebut. Liabiliti luar jangka juga timbul dalam keadaan yang amat luar biasa di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf disebabkan ia tidak dapat dinilai dengan pasti. Walau bagaimanapun, liabiliti luar jangka tidak merangkumi kontrak jaminan kewangan.

Aset luar jangka ialah aset yang mungkin timbul daripada peristiwa lampau yang mana kewujudannya akan disahkan oleh berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan. Kumpulan tidak mengiktiraf aset luar jangka, tetapi mendedahkan kewujudannya di mana terdapat kemungkinan aliran masuk manfaat ekonomi, tetapi tidak boleh ditentukan dengan pasti.

Dalam pengambilalihan anak-anak syarikat oleh Kumpulan di bawah penggabungan perniagaan, liabiliti luar jangka yang diambil alih pada mulanya dinilai pada nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira setakat mana sebarang kepentingan bukan mengawal.

Kumpulan mengiktiraf secara berasingan liabiliti luar jangka bagi syarikat-syarikat yang diambil alih sebagai sebahagian daripada pengagihan kos penggabungan perniagaan di mana nilai saksamanya boleh ditentukan dengan pasti. Jika nilai saksama tidak boleh ditentukan dengan pasti, kesannya akan tergambar dalam muhibah yang timbul daripada pengambilalihan ini.

Selepas pengiktirafan awal, Kumpulan mengukur liabiliti luar jangka yang diiktiraf secara berasingan pada tarikh pengambilalihan pada nilai yang lebih tinggi antara amaun yang mungkin diiktiraf selaras dengan peruntukan MFRS 137 dan amaun yang diiktiraf pada awalnya kurang, apabila wajar, pelunasan terkumpul yang diiktiraf selaras dengan peruntukan MFRS 118.

### (w) Pengiktirafan Hasil

Hasil kendalian meliputi nilai saksama pertimbangan yang diterima atau akan diterima bagi penjualan produk dan penyediaan perkhidmatan, ditolak pulangan, duti, diskaun jualan dan cukai jualan yang dibayar, selepas menyingkirkan jualan dalam Kumpulan. Hasil kendalian diiktiraf atau diakru semasa penyediaan produk atau perkhidmatan, apabila amaun hasil boleh diukur dengan pasti dan manfaat ekonomi masa hadapan berkemungkinan akan mengalir kepada Kumpulan.

Pengebilan sewa terdahulu merangkumi terutamanya bil pendahuluan untuk perkhidmatan data, yang dilunaskan mengikut kaedah garis lurus bergantung kepada terma kontrak.

Pendapatan dividen daripada pelaburan-pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan pelaburan-pelaburan ekuiti diiktiraf dalam 'pendapatan kendalian lain (bersih)' apabila hak untuk menerima bayaran adalah pasti.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

**(w) Pengiktirafan Hasil (sambungan)**

Pendapatan pembiayaan termasuk pendapatan daripada deposit di bank-bank berlesen, institusi-institusi kewangan lain, deposit lain, belum terima tersedia-untuk-dijual dan pinjaman anggota, diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan.

**(x) Manfaat Anggota**

**(i) Manfaat Anggota Jangka Pendek**

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan manfaat bukan monetari diakru dalam tempoh perkhidmatan berkaitan dilaksanakan oleh anggota Kumpulan.

**(ii) Pelan Caruman yang Ditetapkan**

Caruman Kumpulan kepada pelan caruman yang ditetapkan dicaj kepada Penyata Pendapatan dalam tempoh caruman dikaitkan. Setelah caruman dibayar, Kumpulan tidak lagi bertanggungjawab untuk pembayaran selanjutnya. Caruman prabayar diiktiraf sebagai aset sehingga terdapat pemulangan tunai atau pengurangan dalam pembayaran pada masa hadapan.

**(iii) Manfaat Penamatan Kerja**

Manfaat penamatan kerja akan dibayar apabila penggajian seseorang anggota ditamatkan sebelum tarikh persaraan biasa atau apabila seseorang anggota menerima pemberhentian secara sukarela sebagai pertukaran untuk manfaat ini. Kumpulan mengiktiraf manfaat penamatan kerja apabila ia menunjukkan komitmen sama ada untuk menamatkan penggajian anggota semasa menurut pelan rasmi terperinci tanpa kemungkinan untuk menarik balik atau menyediakan manfaat penamatan kerja berikutan tawaran yang dibuat untuk menggalakkan pemberhentian secara sukarela. Manfaat yang perlu dibayar dalam tempoh lebih daripada 12 bulan selepas tarikh pelaporan didiskaunkan kepada nilai kini. Manfaat penamatan kerja ini termasuk manfaat perubatan terhad yang disediakan sehingga suatu tempoh umur tertentu bagi bekas pekerja yang layak di bawah skim persaraan pilihan tertentu.

**(y) Mata Wang Asing**

**(i) Mata Wang Fungsian dan Pembentangan**

Butiran yang dimasukkan dalam penyata kewangan setiap entiti dalam Kumpulan ditentukan dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi yang utama di mana entiti tersebut beroperasi (mata wang fungsian). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, iaitu mata wang fungsian dan pembentangan Syarikat.

**(ii) Urus Niaga dan Baki**

Urus niaga dalam mata wang asing diterjemahkan ke dalam mata wang fungsian dengan menggunakan Kadar pertukaran yang ada pada tarikh urus niaga. Laba dan kerugian pertukaran asing hasil daripada penyelesaian urus niaga sedemikian dan daripada terjemahan aset dan liabiliti monetari yang nilainya dinyatakan dalam mata wang asing, pada kadar pertukaran akhir tahun, diiktiraf dalam Penyata Pendapatan, kecuali apabila tertunda dalam pendapatan keseluruhan lain sebagai lindung nilai aliran tunai yang layak.

Laba dan kerugian pertukaran asing yang berkaitan dengan peminjaman dibentangkan dalam Penyata Pendapatan dalam 'kos pembiayaan bersih'. Kesemua laba dan kerugian pertukaran asing yang lain dibentangkan dalam Penyata Pendapatan dalam 'kos kendalian'.

**(iii) Syarikat-syarikat dalam Kumpulan**

Keputusan dan kedudukan kewangan kesemua entiti dalam Kumpulan (tiada satu pun mempunyai mata wang ekonomi inflasi melampau) yang mempunyai mata wang fungsian berbeza daripada mata wang pembentangan, diterjemahkan kepada mata wang pembentangan seperti berikut:

- aset dan liabiliti bagi setiap Penyata Kedudukan Kewangan yang dibentangkan diterjemahkan pada kadar penutup pada tarikh pelaporan;
- pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap Penyata Pendapatan diterjemahkan pada kadar pertukaran purata (melainkan purata ini merupakan anggaran yang tidak munasabah bagi kesan terkumpul kadar semasa pada tarikh urus niaga, dan dalam hal ini, pendapatan dan perbelanjaan diterjemahkan menggunakan kadar semasa pada tarikh urus niaga); dan
- semua perbezaan pertukaran yang terhasil diiktiraf sebagai komponen berasingan dalam pendapatan keseluruhan lain.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan yang Penting (sambungan)

### (y) Mata Wang Asing (sambungan)

#### (iii) Syarikat-syarikat dalam Kumpulan (sambungan)

Semasa penyatuan, perbezaan pertukaran yang timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam operasi asing diambil kira dalam pendapatan keseluruhan lain. Apabila operasi asing dilupus atau dijual, perbezaan pertukaran sedemikian yang dicatatkan dalam ekuiti diiktiraf dalam Penyata Pendapatan sebagai sebahagian daripada laba atau kerugian atas pelupusan.

### (z) Pelaporan Segmen

Segmen operasi dilaporkan dengan cara yang konsisten dengan pelaporan dalaman yang disediakan kepada ketua pembuat keputusan operasi. Ketua pembuat keputusan operasi tersebut bertanggungjawab untuk mengagihkan sumber-sumber dan menilai prestasi segmen operasi dan membuat keputusan strategik secara keseluruhannya.

Pendedahan lanjut berkenaan Pelaporan Segmen dibentangkan dalam nota 45 kepada penyata kewangan.

## 3. Anggaran Perakaunan yang Kritikal

Anggaran dinilai secara berterusan oleh Pengarah-pengarah berdasarkan kepada pengalaman masa lalu serta faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah mengikut keadaan.

### Anggaran dan Andaian Perakaunan yang Kritikal

Kumpulan membuat anggaran dan andaian berhubung masa hadapan. Mengikut takrifan, anggaran perakaunan yang dilakukan jarang menyamai keputusan sebenar yang berkaitan. Untuk mempertingkatkan kandungan maklumat anggaran, faktor-faktor pemboleh ubah utama tertentu yang dijangka mempunyai kesan ketara terhadap keputusan dan kedudukan kewangan Kumpulan diuji untuk kepekaannya terhadap perubahan parameter asas. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko ketara yang boleh menyebabkan pelarasan ketara terhadap amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun hadapan dinyatakan di bawah.

### (a) Anggaran Hayat Berguna Hartanah, Loji dan Peralatan

Kumpulan menyemak semula anggaran hayat berguna hartanah, loji dan peralatan pada setiap tahun berdasarkan kepada pelbagai faktor seperti rancangan dan strategi perniagaan, jangkaan tahap penggunaan, perubahan dalam teknologi, penemuan terkini dalam penyelidikan dan pembangunan, amalan terkini untuk meningkatkan prestasi aset rangkaian tertentu dan kemajuan teknologi masa hadapan. Keputusan operasi masa hadapan boleh terjejas dengan ketara oleh perubahan anggaran ini yang disebabkan oleh perubahan faktor-faktor tersebut. Perubahan dalam anggaran hayat berguna hartanah, loji dan peralatan akan mengubah susut nilai yang direkodkan serta amaun dibawa hartanah, loji dan peralatan.

### (b) Pengurangan Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan, Aset Tak Ketara (selain daripada muhibah) serta Pelaburan dalam Anak-anak Syarikat

Kumpulan menaksir pengurangan nilai aset yang dinyatakan di atas apabila terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa amaun dibawa sesuatu aset mungkin tidak boleh diperoleh semula iaitu apabila amaun dibawa sesuatu aset adalah melebihi amaun boleh diperoleh semula. Amaun boleh diperoleh semula ditentukan pada nilai yang lebih tinggi antara nilai saksama tolak kos untuk menjual aset berkenaan dan nilai gunanya. Nilai guna adalah nilai kini bersih aliran tunai masa hadapan yang diunjurkan yang boleh diperoleh daripada aset berkenaan, didiskaunkan pada kadar diskaun yang sesuai.

Unjuran aliran tunai masa hadapan adalah berasaskan kepada anggaran Kumpulan yang dikira berdasarkan kepada arah aliran masa lalu, sektor dan industri, keadaan pasaran dan ekonomi umum, perkembangan teknologi dan maklumat-maklumat lain yang sedia ada.

### (c) Pengurangan Nilai Muhibah

Kumpulan menguji pengurangan nilai muhibah sekali setahun selaras dengan dasar perakaunannya atau apabila terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan perlunya ujian pengurangan nilai. Andaian yang digunakan, keputusan dan kesimpulan bagi penilaian pengurangan nilai ini dinyatakan dalam nota 24 kepada penyata kewangan.

## 3. Anggaran Perakaunan yang Kritikal (sambungan)

**Anggaran dan Andaian Perakaunan yang Kritikal (sambungan)**

**(d) Pengurangan Nilai Belum Terima Perdagangan**

Kumpulan menaksir pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa belum terima perdagangan harus dikurangkan nilai. Kerugian pengurangan nilai dikira secara berkala berdasarkan semakan semula status semasa belum terima sedia ada dan arah aliran kutipan masa lalu untuk mencerminkan pengalaman sebenar dan jangkaan.

**(e) Nilai Saksama Dianggarkan dan Hayat Berguna Aset Tak Ketara yang Diperoleh Menerusi Gabungan Perniagaan**

Nilai saksama spektrum telekomunikasi yang diperoleh menerusi penggabungan perniagaan didapati daripada anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijana oleh aset tersebut selepas pelarasan sepadan untuk caj-caj aset penyumbang. Nilai saksama asas pelanggan yang diperoleh didapati menerusi kos penggantian yang dianggarkan. Walaupun Kumpulan percaya bahawa anggaran nilai saksama adalah munasabah, namun penggunaan teknik atau andaian yang berlainan boleh menghasilkan pengukuran nilai saksama yang berbeza.

Aset tak ketara dilunaskan mengikut tempoh hayat berguna yang bergantung kepada anggaran pihak pengurusan terhadap tempoh manfaat ekonomi yang boleh diperoleh daripada aset itu. Hayat berguna dikaji semula dari semasa ke semasa bagi memastikan bahawa ianya kekal munasabah. Asas untuk menentukan hayat berguna aset tak ketara yang diperoleh melalui penggabungan perniagaan adalah seperti berikut:

- Spektrum telekomunikasi dianggarkan mempunyai hayat berguna yang tidak terhad atas anggapan kos pembaharuan adalah kecil dan boleh diabaikan dan Kumpulan dijangka terus menggunakan spektrum tersebut dalam menyediakan perkhidmatan telekomunikasi tanpa had tempohnya.
- Anggaran hayat berguna bagi asas pelanggan yang diperoleh mencerminkan terutamanya, pandangan Kumpulan terhadap purata hayat ekonomi bagi asas pelanggan dan dinilai dengan merujuk kepada kadar peralihan pelanggan.

**(f) Cukai**

**(i) Cukai Pendapatan**

Kumpulan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan cukai pendapatan di serata rantau. Pertimbangan digunakan untuk menentukan peruntukan cukai pendapatan bagi seluruh Kumpulan. Terdapat urus niaga dan pengiraan tertentu yang mana penentuan muktamad cukai pendapatan tidak dapat dipastikan dalam urusan biasa perniagaan. Kumpulan mengiktiraf liabiliti cukai berdasarkan kepada anggaran sama ada cukai tambahan akan dikenakan. Jika keputusan akhir cukai tersebut adalah berbeza daripada amaun yang diiktiraf pada permulaan, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada peruntukan cukai pendapatan dan/atau cukai tertunda dalam tempoh di mana penentuan sedemikian dibuat.

**(ii) Aset Cukai Tertunda**

Aset cukai tertunda diiktiraf hingga ke suatu takat yang berkemungkinan bahawa keuntungan yang boleh dicukai pada masa hadapan akan terhasil, yang daripadanya, perbezaan sementara atau kerugian cukai belum guna dan kredit cukai (termasuk elaun pelaburan) boleh digunakan. Ini melibatkan pertimbangan berhubung keuntungan yang boleh dicukai pada masa hadapan bagi entiti tertentu di mana aset cukai tertunda telah diiktiraf.

Anggaran keuntungan yang boleh dicukai pada masa hadapan melibatkan andaian-andaian penting, terutamanya berhubung dengan permintaan perkhidmatan sedia ada dan baru, persaingan dan perubahan kawal selia yang mungkin memberi kesan terhadap harga perkhidmatan. Andaian-andaian ini diperoleh berdasarkan prestasi masa lalu dan diselaraskan untuk keadaan yang tidak berulang.

**(g) Liabiliti Luar Jangka**

Penentuan kaedah perakaunan bagi liabiliti luar jangka adalah berdasarkan kepada pendapat Pengarah-pengarah tentang keputusan yang dijangka daripada perkara-perkara luar jangka selepas mendapat nasihat daripada penasihat undang-undang bagi kes-kes litigasi dan pakar-pakar dalaman dan luaran Kumpulan bagi perkara-perkara berbangkit daripada urusan biasa perniagaan. Perincian-perincian bagi prosiding undang-undang yang melibatkan Kumpulan setakat 31 Disember 2014 didedahkan dalam nota 50 kepada penyata kewangan.

## 3. Anggaran Perakaunan yang Kritikal (sambungan)

**Anggaran dan Andaian Perakaunan yang Kritikal (sambungan)**

**(h) Nilai Saksama Derivatif dan Instrumen Kewangan Lain**

Nilai saksama instrumen kewangan yang tidak didagangkan dalam pasaran yang aktif (misalnya, derivatif atas kaunter) ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian. Kumpulan melaksanakan pertimbangannya dalam memilih pelbagai kaedah penilaian dan membuat andaian yang terutamanya berdasarkan keadaan pasaran pada akhir setiap tempoh pelaporan. Nilai saksama derivatif adalah nilai kini aliran tunainya di masa hadapan. Kumpulan menganggarkan nilai saksama pada tarikh pelaporan, bagi aset kewangan tersedia-untuk-dijual tertentu yang tidak didagangkan di pasaran yang aktif dengan menggunakan kaedah aset ketara bersih dan kaedah aliran tunai terdiskaun. Dalam menganggar nilai saksama opsyen jual dan beli atas saham sebuah anak syarikat, Kumpulan telah menggunakan model penilaian dalam mengunjur jangkaan harga saham dengan menggunakan kadar diskaun dan pertumbuhan yang mencerminkan keadaan pasaran khusus kepada industri tertentu yang sedia ada pada tarikh pelaporan. Walaupun Kumpulan dan Syarikat percaya bahawa anggaran nilai saksama adalah bersesuaian, penggunaan kaedah atau andaian yang lain boleh membawa kepada pengukuran nilai saksama yang berbeza.

Ringkasan instrumen kewangan mengikut kategori didedahkan dalam nota 46 kepada penyata kewangan. Penilaian bagi instrumen kewangan sedemikian dibincangkan dengan lebih lanjut dalam nota 47 kepada penyata kewangan.

## 4. Matlamat dan Dasar Pengurusan Risiko Kewangan

**(a) Faktor Risiko Kewangan**

Risiko utama yang timbul daripada aset dan liabiliti kewangan Kumpulan adalah risiko pasaran (merangkumi risiko pertukaran asing, risiko harga dan risiko kadar faedah), risiko kredit dan risiko kecairan. Pengurusan risiko keseluruhan Kumpulan adalah untuk mengurangkan potensi kesan-kesan buruk risiko-risiko ini ke atas prestasi kewangan Kumpulan.

Kumpulan telah menyediakan dasar, garis panduan dan prosedur pengurusan risiko untuk menangani pendedahan kepada risiko-risiko kewangan ini. Strategi-strategi lindung nilai ditetapkan memandangkan komitmen perdagangan untuk mengurangkan pendedahan risiko-risiko yang berkaitan. Instrumen kewangan derivatif digunakan untuk melindung nilai pendedahan perdagangan yang utama dan tidak dipegang untuk tujuan spekulatif.

**(i) Risiko Pasaran**

- Risiko Pertukaran Asing

  Risiko pertukaran asing Kumpulan merujuk kepada pergerakan kadar pertukaran yang buruk ke atas kedudukan mata wang asing yang berpunca daripada belum terima dan belum bayar perdagangan, deposit dan peminjaman yang didenominasikan dalam mata wang asing, dan daripada keuntungan tertahan dalam anak-anak syarikat luar negeri, yang mata wang kefungsiannya bukan dalam Ringgit Malaysia.

  Matlamat Kumpulan ialah untuk mengurangkan pendedahan kadar pertukaran asing ke tahap yang boleh diterima berbanding had dan kesan yang telah ditentukan terlebih dahulu kepada Penyata Pendapatan. Kumpulan memantau aset dan liabilitinya yang didenominasikan dalam mata wang asing dan menggunakan pelbagai instrumen lindung nilai seperti kontrak hadapan, Kontrak Swap Kadar Faedah Mata Wang Bersilang (CCIRS) dan struktur opsyen selain mengekalkan dana dalam mata wang asing pada tahap yang berpatutan untuk menyokong keperluan aliran tunai operasi. Dasar Kumpulan memerlukan semua urus niaga bagi melindung nilai pendedahan risiko pertukaran mata wang asing hendaklah dilaksanakan mengikut parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

  Risiko pertukaran asing Kumpulan timbul terutamanya daripada peminjaman yang didenominasikan dalam mata wang asing, terutamanya Dolar AS dan Yen Jepun. Sepanjang tahun kewangan, selain kontrak hadapan dan CCIRS dalam Dolar AS dan Yen Jepun yang sedia ada, Kumpulan memeterai kontrak hadapan tambahan untuk melindung nilai peminjaman dalam Dolar AS yang terpilih bagi mengurangkan pendedahan mata wang asing. Selepas melindung nilai peminjaman dalam Dolar AS dan Yen Jepun itu, komposisi peminjaman mata wang asing daripada jumlah peminjaman Kumpulan pada 31 Disember 2014 dikurangkan kepada 10.9% (2013: 19.5%). Terdapat satu pembayaran balik pinjaman mata wang asing Kumpulan pada 22 September 2014 berjumlah USD465.1 juta (RM1,513.3 juta).

  Berdasarkan kepada kedudukan peminjaman pada 31 Disember 2014, sekiranya Ringgit Malaysia menyusut/mengukuh sebanyak 5.0% berbanding dengan Dolar AS dan Yen Jepun dengan kesemua pemboleh ubah lain adalah malar, keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan tersebut untuk Kumpulan adalah lebih rendah/lebih tinggi sebanyak kira-kira RM81.3 juta (sebelum lindung nilai) dan RM35.0 juta (selepas lindung nilai) disebabkan kerugian atau laba daripada pertukaran asing atas terjemahan peminjaman yang didenominasikan dalam Dolar AS dan Yen Jepun.

## 4. Matlamat dan Dasar Pengurusan Risiko Kewangan (sambungan)

### (a) Faktor Risiko Kewangan (sambungan)

#### (i) Risiko Pasaran (sambungan)

- Risiko Harga

Kumpulan terdedah kepada risiko harga sekuriti ekuiti dan pendapatan tetap yang timbul daripada pelaburan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, dikategorikan sama ada sebagai tersedia-untuk-dijual atau pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Kumpulan tidak terdedah kepada risiko harga komoditi. Portfolio sekuriti ekuiti disebut harga telah menurun kepada RM9.2 juta pada 31 Disember 2014 daripada RM17.2 juta pada akhir tahun 2013 disebabkan oleh pelupusan ekuiti pada separuh pertama 2014 ke atas portfolio sedia ada.

Berdasarkan portfolio sekuriti ekuiti yang disebut harga pada 31 Disember 2014, jika indeks ekuiti Bursa Malaysia berubah sebanyak 5.0%, dengan kesemua pemboleh ubah lain adalah malar, kesan terhadap keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan tersebut adalah sebanyak kira-kira RM0.4 juta. Keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan tersebut akan meningkat atau berkurangan disebabkan laba/kerugian daripada sekuriti ekuiti yang dikelaskan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Pada masa hadapan, kesannya akan terus berkurangan selaras dengan usaha yang dilakukan untuk menutup keseluruhan portfolio ekuiti.

Komponen-komponen lain ekuiti sepatutnya bertambah/berkurangan disebabkan laba/kerugian atas sekuriti ekuiti dan pendapatan tetap yang dikelaskan sebagai tersedia-untuk-dijual.

- Risiko Kadar Faedah

Kumpulan mempunyai tunai dan deposit jangka pendek dan sekuriti pendapatan tetap yang terdedah kepada pergerakan kadar faedah. Kumpulan menguruskan risiko kadar faedah atas tunai dan deposit jangka pendek melalui peruntukan dalam tempoh bersesuaian. Manakala, bagi sekuriti pendapatan tetap, Kumpulan mengguna pakai tempoh bersesuaian dan analisis penilaian mata asas untuk menguruskan risiko kadar faedahnya.

Pelaburan-pelaburan Kumpulan dalam pasaran wang dan sekuriti pendapatan tetap pada 31 Disember 2014 masing-masing adalah RM2,042.8 juta (2013: RM1,759.5 juta) dan RM469.3 juta (2013: RM624.3 juta). Bagi kenaikan dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas oleh Bank Negara Malaysia dan diandaikan keluk hasil faedah keseluruhan juga meningkat dengan peratusan yang sama, pendapatan pembiayaan daripada portfolio pasaran wang akan bergerak secara selaras sebanyak kira-kira RM5.1 juta manakala nilai aset bersih bagi portfolio pendapatan tetap akan bergerak secara songsang sebanyak kira-kira RM5.1 juta.

Hutang Kumpulan termasuk kredit pusingan, peminjaman, bon, nota dan debentur. Matlamat Kumpulan adalah untuk menguruskan risiko kadar faedah ke tahap pendedahan yang boleh diterima atas kos pembiayaan. Kumpulan menyemak semula komposisi kadar hutang tetap dan terapungnya berdasarkan penilaian pendedahannya yang sedia ada dan profil kadar faedah yang dikehendaki yang boleh diterima oleh Kumpulan. Instrumen lindung nilai seperti swap kadar faedah digunakan bagi mengurus risiko-risiko ini.

Dasar Kumpulan menghendaki semua urus niaga bagi melindung nilai pendedahan risiko kadar faedah dilaksanakan mengikut parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Kumpulan telah melaksanakan beberapa urus niaga swap kadar faedah dengan institusi kewangan yang taraf kreditnya berwibawa. Berdasarkan kedudukan lindung nilai pada 31 Disember 2014, sekiranya terdapat kenaikan dalam kadar OPR sebanyak 25 mata asas, kos pembiayaan akan menjadi lebih tinggi sebanyak kira-kira RM0.6 juta.

Pada 31 Disember 2014, profil kadar faedah tetap-dengan-terapung Kumpulan, selepas lindung nilai, adalah 92:8 (2013: 92:8).

Pendedahan kadar faedah akan dikurangkan, setakat mana yang boleh, dengan mengimbangi kesan di antara aset dan liabiliti.

## 4. Matlamat dan Dasar Pengurusan Risiko Kewangan (sambungan)

### (a) Faktor Risiko Kewangan (sambungan)

#### (ii) Risiko Kredit

Aset kewangan yang terutamanya terdedah kepada risiko kredit adalah belum terima, tunai dan baki bank, sekuriti boleh niaga dan instrumen kewangan yang digunakan dalam aktiviti lindung nilai.

Bertepatan dengan jenis perniagaan Kumpulan, para pelanggan adalah dibahagikan, terutamanya, mengikut segmen perniagaan. Kumpulan tidak mempunyai penumpuan risiko kredit yang ketara oleh kerana kepelbagaian asas pelanggannya. Risiko kredit diurus melalui penilaian dan kelulusan kredit, had kredit dan prosedur pemantauan yang ketat. Di mana wajar, Kumpulan akan mendapatkan deposit atau jaminan bank daripada para pelanggan yang akan dipegang sebagai cagaran.

Kumpulan menyimpan tunai dan kesamaan tunai dalam beberapa institusi kewangan yang taraf kreditnya berwibawa. Dasar Kumpulan mengehadkan penumpuan pendedahan kredit terhadap sesebuah institusi kewangan tunggal berdasarkan kedudukan aset ketara bersih dan/atau penarafan kredit, tertakluk kepada semakan semula tahunan.

Kumpulan telah melantik beberapa pengurus dana pendapatan tetap dan surat perdagangan untuk mengendalikan portfolio pelaburannya. Dalam menguruskan risiko kredit portfolio berkenaan, parameter pelaburan telah diwujudkan bagi mengehadkan semua pengurus dana untuk hanya melabur dalam sekuriti-sekuriti yang mempunyai penarafan kredit sekurang-kurangnya A3/P1 atau yang setara dengannya. Ini adalah selaras dengan Dasar dan Garis Panduan Pelaburan Perbendaharaan Kumpulan. Pada tahun kewangan semasa, portfolio pelaburan Kumpulan terutamanya adalah sekuriti-sekuriti yang mempunyai penarafan kredit AA/P1 atau lebih daripada itu, seperti yang ditunjukkan dalam nota 28 kepada penyata kewangan.

Kesemua instrumen lindung nilai dilaksanakan dengan institusi kewangan yang taraf kreditnya berwibawa demi mengehadkan pendedahan risiko kredit Kumpulan. Walau bagaimanapun, Kumpulan tetap terdedah kepada kerugian yang berkaitan dengan kredit sekiranya berlaku kegagalan pelaksanaan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam instrumen kewangan derivatif, namun Kumpulan tidak menjangka mana-mana pihak akan gagal memenuhi obligasi mereka.

Dalam mematuhi dasar pengurusan risiko, semua pihak yang terlibat dalam urus niaga perlu mengekalkan keluwesan kredit tertentu seperti yang ditakrifkan oleh agensi penarafan antarabangsa dan tempatan.

#### (iii) Risiko Kecairan

Perbendaharaan Kumpulan mengekalkan tunai dan kesamaan tunai pada tahap yang dianggap berpatutan oleh pengurusan untuk membiayai operasi Kumpulan. Ia juga memantau dan mengawal pendedahan risiko kecairan dan keperluan pendanaan secara aktif bagi semua entiti yang sah dalam Kumpulan, bidang perniagaan dan mata wang, dengan mengambil kira had-had perundangan, pengawalseliaan dan operasi menerusi operasi Perbendaharaan berpusat.

Disebabkan bentuk perniagaan utamanya yang dinamik, Kumpulan juga berhasrat untuk terus mengekalkan keluwesan dalam pembiayaan dengan menyediakan talian kredit yang dijanji sanggup dan tidak dijanji sanggup.

Unjuran aliran tunai dibuat dalam operasi entiti-entiti Kumpulan atas dasar boleh pinda dan diagregat oleh Perbendaharaan Kumpulan untuk memastikan terdapat tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan pengendalian sambil mengekalkan penimbal yang mencukupi atas kemudahan kredit yang telah dijanji sanggup dan belum dikeluarkan pada setiap masa. Pada 31 Disember 2014, Kumpulan mempunyai deposit sebanyak RM2,042.8 juta (2013: RM1,759.5 juta) dengan institusi-institusi kewangan dan tunai dan baki bank sebanyak RM943.0 juta (2013: RM755.4 juta) yang dijangka tersedia bagi memenuhi apa sahaja obligasi bayaran apabila tiba masanya.

Risiko pembiayaan semula diuruskan dengan mengehadkan amaun peminjaman yang matang dalam tempoh yang tertentu dan dengan mempunyai strategi yang sewajarnya untuk menguruskan keperluan pembiayaan semula apabila perlu. Kumpulan mempunyai dana tersedia dengan pewujudan program Kertas Komersil Islam dan program Nota Jangka Sederhana Islam dengan had gabungan sehingga RM1.6 bilion dalam nilai nominal untuk menepati keperluan perbelanjaan modal dan operasi perniagaan. Analisis profil kematangan bagi liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat ditunjukkan dalam nota 48 kepada penyata kewangan

Tiada perubahan ketara dalam matlamat dan dasar pengurusan risiko kewangan Kumpulan begitu juga dengan pendedahan risiko kewangannya dalam tahun kewangan semasa berbanding dengan tahun kewangan sebelumnya.

## 4. Matlamat dan Dasar Pengurusan Risiko Kewangan (sambungan)

### (b) Pengurusan Risiko Modal

Matlamat Kumpulan dalam menguruskan modal adalah untuk melindungi keupayaan Kumpulan untuk terus beroperasi, sebagai usaha yang berterusan, bagi menyediakan pulangan jangka panjang kepada pemegang-pemegang saham dan ganjaran bagi pihak-pihak berkepentingan lain. Rangka kerja pengurusan modal Kumpulan merangkumi dasar dividen selain berusaha mengekalkan struktur modal optimum yang akan meningkatkan keupayaan modalnya.

Dalam usaha untuk mengekalkan atau menyelaraskan struktur modal, Kumpulan boleh menyelaraskan amaun dividen yang akan dibayar kepada pemegang-pemegang saham atau modal pulangan kepada pemegang-pemegang saham menerusi nisbah hutang ekuiti (paras penggearan). Pada 2014, Kumpulan telah memperkenalkan Skim Pelaburan Semula Dividen (DRS) di mana pemegang-pemegang saham mempunyai pilihan untuk menerima dividen tunai atau melabur semula dividen tersebut dalam saham biasa baru Syarikat. Bergantung kepada tahap langganan DRS, Kumpulan dijangka membesarkan asas modal saham dan juga mengukuhkan kedudukan modalnya.

Nisbah penggearan pada 31 Disember adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | |
|---|---|---|
| | **2014** | **2013** |
| Peminjaman (RM juta) (nota 17) | **6,448.4** | 6,455.2 |
| Jumlah Ekuiti Pemegang Saham (RM juta) | **7,571.1** | 7,136.7 |
| Nisbah Hutang-kepada-Ekuiti | **0.9** | 0.9 |

Kumpulan juga memantau tahap penggearannya berbanding dengan pesaing-pesaingnya dalam industri di samping mengekalkan paras penarafan kredit yang dikehendaki. Pada tahun 2014, penarafan kredit Kumpulan terus kekal pada AAA oleh RAM, A- oleh S&P dan A3 oleh Moody's.

Tambahan pula, Kumpulan mematuhi Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad untuk mengekalkan ekuiti pemegang saham yang disatukan sebanyak lebih 25 peratus daripada modal diterbitkan dan berbayar dan mengekalkan ekuiti pemegang saham pada tidak kurang daripada RM40.0 juta.

## 5. Gabungan Perniagaan

### (a) Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd (P1)

Pada 27 Mac 2014, Kumpulan telah mengumumkan bahawa anak syarikat milik penuhnya, Mobikom Sdn Bhd (Mobikom) telah menandatangani perjanjian pelaburan bersyarat dengan pihak-pihak berikut, antara lain, langganan oleh Mobikom ke atas saham biasa baru P1 berharga RM1.00 setiap saham (Saham P1) untuk memegang kira-kira 57% daripada modal terbitan P1, tertakluk kepada pelarasan akhir bagi pertimbangan berjumlah RM350.0 juta (Langganan Saham) (Perjanjian Pelaburan):

(a) Packet One Sdn Bhd (Packet One), anak syarikat milik penuh Green Packet Berhad (Green Packet);
(b) SK Telecom Co. Ltd (SKT atau Penjamin SKT di mana berkaitan);
(c) Green Packet (juga Penjamin Packet One di mana berkaitan);
(d) Telekom Malaysia Berhad (Syarikat) (Penjamin Mobikom di mana berkaitan); dan
(e) Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd (P1).

Penyempurnaan Langganan Saham (Penyempurnaan) telah diumumkan pada 30 September 2014 berikutan terkecualinya beberapa Syarat tertentu, seperti yang dipersetujui oleh semua pihak kepada Perjanjian Pelaburan pada 25 September 2014, dan penyempurnaan semua terma dan syarat-syarat lain dalam Perjanjian Pelaburan serta kelulusan berkaitan, termasuk kelulusan daripada badan pengawalseliaan berkaitan dan para pemegang saham Green Packet.

Penyempurnaan tersebut telah menjadikan Syarikat, menerusi Mobikom, muncul sebagai syarikat induk baru P1 (termasuk anak-anak syarikatnya) dengan pegangan saham sebanyak 55.3% setelah pelarasan akhir dibuat berikutan penyusunan semula dalaman P1 dan penentuan nilai ekuiti P1 pada 31 Mei 2014 mengikut terma Perjanjian Pelaburan. Baki 44.7% pegangan saham ke atas P1, dipegang oleh Green Packet sebanyak 31.1% dan SKT sebanyak 13.6%.

## 5. Gabungan Perniagaan (sambungan)

### (a) Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd (P1) (sambungan)

Perkongsian tersebut memacu sinergi yang kukuh daripada tiga rakan kongsi yang saling melengkapi untuk bekerja bersama dengan memanfaatkan peluang mobiliti justeru menyampaikan perkhidmatan komunikasi tertumpu generasi akan datang. Pada asasnya kerjasama ini akan membolehkan P1 menyertai Evolusi Jangka Panjang (LTE) dan berupaya menawarkan mobiliti sepenuhnya di samping menyediakan platform sedia-LTE kepada Syarikat untuk memacu serta meningkatkan kecekapan dalam menyediakan produk jalur lebar tanpa wayar kepada pelanggan. Ini merangkumi akses kepada jalur spektrum yang sesuai, keupayaan memanfaatkan pengetahuan teknologi SKT, memajukan asas pelanggan yang telah tersedia ada serta asas kukuh tapak-tapak WiMAX yang boleh dipertingkatkan kepada LTE untuk mencapai liputan LTE yang meluas dengan pantas.

Sejajar dengan Perjanjian Pelaburan, Green Packet telah menyertai antara lain, perjanjian program dengan Mobikom berkaitan program nota jangka sederhana boleh tebus boleh tukar 8 tahun (MTN Boleh Tukar) (dahulunya disebut sebagai Bon Boleh Tukar atau EB) oleh Green Packet untuk mendapatkan dana sebanyak RM210.0 juta (Program MTN Boleh Tukar) (Perjanjian Program MTN Boleh Tukar). MTN Boleh Tukar tersebut boleh ditukar menjadi, antara lain, saham P1 yang dipegang oleh Packet One sejurus selepas Penyempurnaan menurut terma Perjanjian Program MTN Boleh Tukar. MTN Boleh Tukar akan dicagarkan dengan Saham-saham P1 yang dipegang oleh Packet One berikutan Penyempurnaan dan nota jangka sederhana tidak bercagar boleh ubah 8 tahun (MTN Boleh Ubah) (dahulunya disebut sebagai Bon Boleh Ubah atau CB) yang diterbitkan oleh P1 di bawah Program MTN Boleh Ubah untuk dilanggani antara lain oleh Packet One dan/atau badan korporatnya yang berkaitan pada bila-bila masa dengan menggunakan sebahagian daripada pendapatan terbitan MTN Boleh Tukar di bawah Program MTN Boleh Tukar (termasuk mana-mana Saham P1 yang diterbitkan berikutan MTN Boleh Ubah itu).

Syarikat menerusi Mobikom telah melanggani *tranche* pertama terbitan MTN Boleh Tukar di bawah Program MTN Boleh Tukar pada 30 September 2014 dengan nilai langganan sebanyak RM119.3 juta (Siri 1 MTN Boleh Tukar).

Sejajar dengan Perjanjian Pelaburan dan Penyempurnaan, perjanjian-perjanjian utama seperti berikut telah dimeterai oleh P1 dengan pihak-pihak berkaitan:

(i) Perjanjian program langganan, antara lain, dengan Mobikom (dan/atau badan korporatnya yang berkaitan), Packet One (dan/atau badan korporatnya yang berkaitan), SKT (dan/atau badan korporatnya yang berkaitan) berkaitan Program MTN Boleh Ubah untuk mendapat dana bernilai RM1.65 bilion mengikut *tranche*; dan

(ii) perjanjian kerjasama antara Syarikat, Green Packet dan SKT (di satu pihak) dengan P1 (di pihak satu lagi) berkaitan dengan kerjasama operasi dan perniagaan antara pihak-pihak berkenaan dan pelbagai perjanjian operasi lain yang akan dimeterai (Perjanjian-perjanjian Kerjasama). Perjanjian-perjanjian Kerjasama ini mengawal parameter perkongsian mereka dalam bidang-bidang utama antara lain seperti penggunaan infrastruktur, rangkaian transmisi dan saluran pengagihan, pajakan spektrum bersama perkhidmatan rundingan dan teknikal, produk dan/atau perkhidmatan.

Perjanjian Pelaburan juga antara lain termasuk pemberian tertentu opsyen beli dan opsyen jual antara Mobikom dengan Packet One dan SKT masing-masing ke atas saham P1, seperti berikut:

(i) Opsyen jual atas kepentingan bukan mengawal (Opsyen Jual Packet One)

Mobikom telah memberi Packet One opsyen untuk menjual, yang memerlukan Mobikom membeli, semua saham dalam modal P1 yang didaftar atas nama Packet One (termasuk badan korporat Packet One yang berkaitan), secara kolektif (Opsyen Jual Packet One).

Opsyen Jual Packet One boleh dilaksanakan secara keseluruhan atau secara sebahagian pada atau selepas 31 Mac 2021 sehingga 30 September 2022 pada harga pasaran purata wajaran volum P1 pada masa pelaksanaan jika ia didagang atau disenaraikan di bursa saham yang diiktiraf seperti Bursa Malaysia Securities atau jika saham P1 tidak didagangkan secara awam, nilai ekuiti atau nilai pasaran pengagihan sepenuhnya seandainya saham P1 didagangkan di bursa saham yang diiktiraf.

## 5. Gabungan Perniagaan (sambungan)

### (a) Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd (P1) (sambungan)

Perjanjian Pelaburan juga antara lain termasuk pemberian tertentu opsyen beli dan opsyen jual antara Mobikom dengan Packet One dan SKT masing-masing ke atas saham P1, seperti berikut: (sambungan)

(ii) Opsyen beli atas Saham P1 (Opsyen Beli SKT)

SKT telah memberi satu opsyen kepada Mobikom untuk membeli dan SKT untuk menjual, semua saham P1 yang didaftar di bawah nama SKT (termasuk badan korporat SKT yang berkaitan), secara kolektif (Opsyen Beli SKT).

Antara syarat-syaratnya, Opsyen Beli SKT hanya boleh dilaksanakan secara keseluruhan dan tidak secara bahagian, pada bila-bila masa setelah SKT dan badan-badan korporatnya berhenti memiliki sekurang-kurangnya 10% daripada modal saham terbitan P1 dan akan luput secara automatik berikutan yang paling awal dari yang berikut:

(i) Dua (2) bulan selepas penyempurnaan terbitan MTN Boleh Ubah bernilai RM1.65 bilion;
(ii) tarikh sejurus sebelum sempurnanya sebarang tambahan modal selain yang terkandung dalam Perjanjian Pelaburan; atau
(iii) penawaran awam awal yang dilaksanakan oleh P1.

Harga pelaksanaan adalah pada harga yang bersamaan dengan harga langganan sesaham yang dilanggani Mobikom pada masa Penyempurnaan pada 30 September 2014.

Selain daripada yang disebut di atas, terdapat derivatif lain yang berbangkit daripada pelaburan Kumpulan dalam P1 di mana harga pelaksanaannya adalah pada nilai saksama pasaran saham-saham dalam P1 semasa opsyen itu bakal dilaksanakan dan dengan demikian, nilai saksama opyen-opsyen itu adalah sifar.

Jadual berikut adalah ringkasan pertimbangan yang dibayar untuk P1 dan nilai saksama aset yang diambil alih dan liabiliti tertanggung pada tarikh pengambilalihan:

| Pertimbangan pada 30 September 2014 | RM |
|---|---|
| Tunai (Jumlah Pertimbangan) | **350.0** |
| **Amaun aset dikenal pasti yang diambil alih dan liabiliti tertanggung yang diiktiraf** | |
| Tunai dan baki bank | **112.0** |
| Hartanah, loji dan peralatan (nota 22) | **555.7** |
| Aset tak ketara (nota 24) | **211.1** |
| Belum terima perdagangan dan lain-lain | **114.5** |
| Pinjaman dan peminjaman | **(33.4)** |
| Belum bayar perdagangan dan lain-lain (semasa dan bukan semasa) | **(411.4)** |
| Liabiliti cukai tertunda (nota 20) | **(9.7)** |
| Jumlah aset bersih dikenal pasti | **538.8** |
| Kepentingan bukan mengawal | **(240.9)** |
| Muhibah (nota 24) | **52.1** |
| **Jumlah** | **350.0** |

Kos berkaitan pengambilalihan berjumlah RM23.2 juta telah dicaj kepada kos kendalian lain dalam Penyata Pendapatan yang Disatukan. Hasil yang termasuk dalam Penyata Pendapatan yang Disatukan mulai 30 September 2014 yang disumbang oleh P1 dan anak-anak syarikatnya berjumlah RM67.1 juta sementara sumbangannya kepada keuntungan selepas cukai Kumpulan adalah kerugian berjumlah RM53.3 juta.

Andainya Kumpulan P1 disatukan mulai 1 Januari 2014, Penyata Pendapatan yang Disatukan akan menunjukkan hasil pro-forma berjumlah RM11,415.4 juta dan keuntungan selepas cukai berjumlah RM698.3 juta.

Nilai saksama belum terima perdagangan dan lain-lain semasa pengambilalihan berjumlah RM114.5 juta. Amaun kontrak kasar untuk belum terima perdagangan yang sudah matang berjumlah RM75.7 juta yang mana RM39.6 juta dijangka tidak dapat dipungut (nota 34(a)).

## 5. Gabungan Perniagaan (sambungan)

### (a) Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd (P1) (sambungan)

Kepentingan bukan mengawal dalam Kumpulan P1, sebuah syarikat tak tersenarai, berjumlah RM240.9 juta telah dianggarkan dengan menggunakan bahagian milik kepentingan tidak mengawal sebanyak 44.7% ke atas nilai saksama aset bersih Kumpulan P1 pada tarikh pengambilalihan.

Muhibah berjumlah RM52.1 juta yang berbangkit daripada pengambilalihan ini adalah disebabkan oleh ekonomi skala dan sinergi yang dijangkakan menerusi penggabungan operasi Kumpulan dan Kumpulan P1. Tiada muhibah yang diiktiraf dijangka akan dapat dipotong untuk tujuan cukai pendapatan.

Nilai saksama aset tak ketara yang diperoleh berjumlah RM211.1 juta merangkumi spektrum telekomunikasi dan asas pelanggan P1. Kumpulan telah menilai aset diperoleh dan liabiliti tertanggung yang boleh dikenal pasti daripada pengambilalihan ini pada tarikh pengambilalihan. MFRS 3 "Gabungan Perniagaan" membenarkan pelarasan kepada pengagihan harga pembelian sehingga tempoh 12 bulan dari tarikh pengambilalihan.

### (b) GTC Global Sdn Bhd (GTC)

Pada 27 November 2013, Syarikat telah menandatangani Perjanjian Jualan Saham bersyarat (SSA) dengan Gapurna Global Solutions Sdn Bhd (GGS) untuk mengambil alih keseluruhan kepentingan ekuiti yang dipegang oleh GGS dalam GTC (Saham Jualan) untuk pertimbangan berjumlah RM45.0 juta yang perlu dijelaskan dengan tunai (Pengambilalihan). SSA itu adalah bersyarat tertakluk kepada beberapa Syarat Terdahulu, dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh SSA itu atau sebarang tarikh lain yang mungkin dipersetujui antara Syarikat dan GGS.

Pengambilalihan telah disempurnakan pada 10 Januari 2014 setelah Syarat Terdahulu dipenuhi dan GTC menjadi anak syarikat milik penuh Syarikat berkuat kuasa mulai tarikh yang sama. GTC melengkapkan kompetensi teras Syarikat di samping memperluaskan keupayaan Kumpulan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan yang pelbagai, khususnya dalam segmen Perusahaan dan Kerajaan.

Jadual berikut adalah ringkasan pertimbangan yang dibayar untuk GTC dan nilai saksama aset yang diambil alih dan liabiliti tertanggung pada tarikh pengambilalihan:

| Pertimbangan pada 10 Januari 2014 | RM |
|---|---|
| Tunai (Jumlah Pertimbangan) | 45.0 |
| **Amaun aset dikenal pasti yang diambil alih dan liabiliti tertanggung yang diiktiraf** | |
| Tunai dan baki bank | 23.4 |
| Hartanah, loji dan peralatan (nota 22) | 0.6 |
| Belum terima pajakan kewangan | 133.6 |
| Belum terima perdagangan dan lain-lain | 102.6 |
| Pinjaman dan peminjaman | (119.6) |
| Pendapatan tertunda | (46.8) |
| Belum bayar perdagangan dan lain-lain | (26.7) |
| Liabiliti cukai tertunda dan semasa | (0.2) |
| Jumlah aset bersih dikenal pasti | 66.9 |
| Muhibah negatif dikreditkan kepada Penyata Pendapatan yang Disatukan | (21.9) |
| **Jumlah** | 45.0 |

## 5. Gabungan Perniagaan (sambungan)

### (b) GTC Global Sdn Bhd (GTC) (sambungan)

Kos berkaitan pengambilalihan berjumlah RM0.5 juta telah dicaj kepada kos kendalian lain dalam Penyata Pendapatan yang Disatukan. Hasil yang termasuk dalam Penyata Pendapatan yang Disatukan mulai 10 Januari 2014 yang disumbangkan oleh GTC berjumlah RM56.0 juta sementara sumbangannya kepada keuntungan Kumpulan adalah kerugian berjumlah RM2.7 juta, yang tidak akan berbeza secara ketara daripada apa yang akan dilaporkan andainya GTC disatukan mulai 1 Januari 2014.

Kumpulan telah menilai aset boleh kenal pasti yang diperoleh dan liabiliti tertanggung pada tarikh pengambilalihan. Nilai saksama belum terima perdagangan dan lain-lain semasa pengambilalihan berjumlah RM102.6 juta. Amaun kontrak kasar untuk belum terima perdagangan yang sudah matang berjumlah RM8.1 juta, di mana kesemuanya dijangka dapat dipungut.

Muhibah negatif yang telah dikredit kepada pendapatan kendalian lain dalam Penyata Pendapatan yang Disatukan mengambil kira pelarasan terjangka daripada perubahan anggaran untuk beberapa kontrak pelanggan utama GTC pada tarikh pengambilalihan.

## 6. Hasil Kendalian

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | **2014 RM** | 2013 RM | **2014 RM** | 2013 RM |
| Perkhidmatan suara | **3,469.2** | 3,617.7 | **3,460.8** | 3,607.6 |
| Perkhidmatan data | **2,606.0** | 2,512.3 | **2,300.6** | 2,203.3 |
| Perkhidmatan Internet dan multimedia | **2,995.1** | 2,676.4 | **2,942.9** | 2,680.9 |
| Perkhidmatan berkaitan telekomunikasi yang lain | **1,864.7** | 1,478.3 | **1,306.9** | 993.7 |
| Perkhidmatan bukan berkaitan telekomunikasi | **300.1** | 344.0 | **–** | – |
| **JUMLAH HASIL KENDALIAN** | **11,235.1** | 10,628.7 | **10,011.2** | 9,485.5 |

## 7(a) Susut Nilai, Pengurangan Nilai dan Pelunasan

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | **2014 RM** | 2013 RM | **2014 RM** | 2013 RM |
| Susut nilai hartanah, loji dan peralatan (PPE) | **2,259.9** | 2,134.4 | **2,018.6** | 1,913.4 |
| Susut nilai hartanah pelaburan | **–** | – | **2.2** | 2.2 |
| Pengurangan nilai PPE | **2.3** | – | **–** | – |
| Pengurangan nilai aset bukan semasa dipegang untuk dijual | **6.3** | – | **6.3** | – |
| Hapus kira/penamatan penggunaan PPE | **52.8** | 9.3 | **50.8** | 7.6 |
| Pelunasan aset tak ketara | **20.0** | 16.0 | **–** | – |
| **JUMLAH SUSUT NILAI, PENGURANGAN NILAI DAN PELUNASAN** | **2,341.3** | 2,159.7 | **2,077.9** | 1,923.2 |

## 7(b) Kos Kendalian Lain

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | 2014 RM | 2013 RM | 2014 RM | 2013 RM |
| Caj dan komisen agensi | **64.0** | 72.3 | **88.9** | 108.3 |
| Pembayaran sambung tara domestik dan antarabangsa | **821.7** | 813.0 | **890.3** | 868.4 |
| Pengurangan nilai belum terima perdagangan dan lain-lain (selepas ditolak kutipan semula hutang lapuk) | **228.9** | 89.9 | **238.1** | 96.6 |
| Kebalikan pengurangan nilai untuk pelaburan dalam sebuah anak syarikat | **–** | – | **(76.0)** | – |
| Selenggaraan | **846.2** | 763.4 | **848.4** | 795.9 |
| Pemasaran, pengiklanan dan promosi | **297.6** | 321.8 | **339.8** | 358.9 |
| Kerugian/(Laba) bersih daripada pertukaran asing bagi penyelesaian dan simpanan | | | | |
| – direalisasi | **3.0** | 2.7 | **0.6** | 0.8 |
| – belum direalisasi | **(9.7)** | (16.0) | **(20.8)** | (12.7) |
| Kos khidmat luaran | **61.7** | 81.0 | **301.3** | 295.6 |
| Sewa – peralatan | **58.2** | 65.5 | **103.0** | 111.7 |
| Sewa – tanah dan bangunan | **198.4** | 176.3 | **156.8** | 145.8 |
| Sewa – litar suwa | **226.6** | 238.6 | **–** | – |
| Sewa – lain-lain | **26.3** | 27.9 | **10.6** | 12.0 |
| Penyelidikan dan pembangunan | **8.6** | 7.6 | **61.9** | 57.8 |
| Kos anggota | **2,511.9** | 2,369.7 | **1,873.1** | 1,796.6 |
| Kos anggota dipermodalkan dalam PPE | **(118.7)** | (109.4) | **(118.7)** | (109.4) |
| Bekalan dan bahan | **782.0** | 692.8 | **518.0** | 497.3 |
| Pengangkutan dan perjalanan | **72.2** | 69.0 | **55.5** | 53.0 |
| Caruman Penyediaan Perkhidmatan Sejagat | **301.7** | 312.2 | **276.5** | 295.4 |
| Utiliti | **368.6** | 317.9 | **318.4** | 279.3 |
| Lain-lain | **1,004.6** | 922.4 | **1,019.3** | 895.2 |
| **JUMLAH KOS KENDALIAN LAIN** | **7,753.8** | 7,218.6 | **6,885.0** | 6,546.5 |
| Kos anggota termasuk: | | | | |
| – gaji, elaun, kerja lebih masa dan bonus | **1,900.4** | 1,935.5 | **1,387.0** | 1,457.5 |
| – caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) | **279.2** | 283.0 | **205.3** | 217.0 |
| – manfaat penamatan kerja | **111.2** | 0.7 | **101.4** | 0.7 |
| – manfaat lain anggota | **214.3** | 141.9 | **173.3** | 113.2 |
| – imbuhan Pengarah-pengarah Eksekutif Syarikat | | | | |
| – gaji, elaun dan bonus | **2.5** | 4.6 | **2.5** | 4.6 |
| – caruman kepada KWSP | **0.9** | 0.9 | **0.9** | 0.9 |
| – imbuhan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif Syarikat | | | | |
| – yuran | **2.5** | 2.0 | **1.9** | 1.6 |
| – elaun dan bonus | **0.9** | 0.8 | **0.8** | 0.8 |
| – imbuhan bekas-bekas Pengarah Bukan Eksekutif Syarikat | | | | |
| – yuran | **–** | 0.2 | **–** | 0.2 |
| – elaun dan bonus | **–** | 0.1 | **–** | 0.1 |

## 7(b) Kos Kendalian Lain (sambungan)

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | **2014 RM** | **2013 RM** | **2014 RM** | **2013 RM** |
| Lain-lain termasuk: | | | | |
| – yuran audit berkanun | | | | |
| – PricewaterhouseCoopers Malaysia | **3.6** | 3.0 | **2.2** | 2.1 |
| – firma ahli PricewaterhouseCoopers International Limited | **0.2** | 0.2 | **–** | – |
| – yuran berkaitan audit | **0.7** | 0.8 | **0.4** | 0.4 |
| – perkhidmatan cukai dan perkhidmatan lain bukan audit | **5.0** | 1.2 | **4.9** | 1.1 |

Anggaran nilai wang bagi manfaat Pengarah-pengarah berjumlah RM622,829 (2013: RM877,966) bagi Kumpulan dan RM622,829 (2013: RM876,260) bagi Syarikat.

Bagi memastikan kebebasan juruaudit luar, Jawatankuasa Audit Lembaga mempunyai dasar bagi mentadbir pengambilan juruaudit luar bagi kerja-kerja bukan audit dan proses kelulusan berkaitan yang perlu dipatuhi sebelum sebarang kerja-kerja bukan audit bermula. Kerja-kerja bukan audit boleh ditawarkan oleh juruaudit luar sekiranya terdapat manfaat kecekapan dan tambah nilai kepada Kumpulan.

## 8. Pendapatan Kendalian Lain (bersih)

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | **2014 RM** | **2013 RM** | **2014 RM** | **2013 RM** |
| Pendapatan dividen daripada anak-anak syarikat | **–** | – | **85.9** | 116.2 |
| Pendapatan dividen daripada sekuriti ekuiti – disebut harga | **1.3** | 1.3 | **1.3** | 1.3 |
| – tidak disebut harga | **7.1** | 11.4 | **7.1** | 11.4 |
| Pendapatan daripada penjualan sekerap | **10.6** | 10.1 | **10.6** | 10.1 |
| Pendapatan daripada anak-anak syarikat – faedah | **–** | – | **11.6** | 7.5 |
| – lain-lain | **–** | – | **4.1** | 4.3 |
| Tuntutan insuran | **0.5** | 0.5 | **0.5** | 0.4 |
| Kerugian atas pelupusan pinjaman anggota | **(0.4)** | (0.5) | **(0.4)** | (0.5) |
| Keuntungan atas pelupusan PPE | **5.6** | 1.9 | **5.7** | 2.3 |
| Keuntungan atas pelupusan aset bukan semasa dipegang untuk dijual | **27.0** | 8.3 | **27.0** | 8.3 |
| Penalti pelanggaran kontrak | **5.5** | 4.6 | **5.5** | 4.6 |
| Pendapatan sewa daripada tanah dan bangunan | **43.5** | 40.8 | **62.5** | 65.2 |
| Pendapatan sewa daripada kenderaan | **–** | – | **0.7** | 0.9 |
| Hasil daripada aktiviti latihan dan yang berkaitan | **1.8** | 0.2 | **2.2** | 1.0 |
| Lain-lain | **51.8** | 42.9 | **45.5** | 47.8 |
| **JUMLAH PENDAPATAN KENDALIAN LAIN (bersih)** | **154.3** | 121.5 | **269.8** | 280.8 |

## 9. Laba/(Kerugian) Lain (bersih)

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | **2014 RM** | **2013 RM** | **2014 RM** | **2013 RM** |
| Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian | | | | |
| – (kerugian)/keuntungan nilai saksama | **(4.3)** | 1.5 | **(4.3)** | 1.5 |
| – opsyen beli atas saham dipegang oleh kepentingan bukan mengawal | **9.0** | – | **–** | – |
| Pelaburan tersedia-untuk-dijual | | | | |
| – pengelasan semula daripada rizab nilai saksama | **0.1** | 0.2 | **0.1** | 0.2 |
| **JUMLAH LABA/(KERUGIAN) LAIN (bersih)** | **4.8** | 1.7 | **(4.2)** | 1.7 |

## 10. Kos Pembiayaan Bersih

| Kumpulan | 2014 Asing RM | 2014 Domestik RM | 2014 Prinsip Islam RM | 2014 Jumlah RM | 2013 Asing RM | 2013 Domestik RM | 2013 Prinsip Islam RM | 2013 Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pendapatan pembiayaan daripada | | | | | | | | |
| – deposit bank jangka pendek | **#** | **60.4** | **42.2** | **102.6** | 0.4 | 63.3 | 68.2 | 131.9 |
| – deposit lain | **–** | **3.4** | **3.0** | **6.4** | – | 2.4 | 1.6 | 4.0 |
| – Nota Jangka Sederhana Boleh Tebus Boleh Tukar (nota 30) | **–** | **2.4** | **–** | **2.4** | – | – | – | – |
| – pinjaman anggota | **–** | **0.7** | **3.2** | **3.9** | – | 0.9 | 2.2 | 3.1 |
| – pertambahan pendapatan pembiayaan | **–** | **19.1** | **–** | **19.1** | – | 3.0 | – | 3.0 |
| – belum terima tersedia-untuk-dijual | **–** | **2.2** | **–** | **2.2** | – | 2.9 | – | 2.9 |
| **JUMLAH PENDAPATAN PEMBIAYAAN** | **#** | **88.2** | **48.4** | **136.6** | 0.4 | 72.5 | 72.0 | 144.9 |
| Kos pembiayaan atas | | | | | | | | |
| – peminjaman | **(162.5)** | **(8.2)** | **–** | **(170.7)** | (166.0) | (2.0) | – | (168.0) |
| – Sekuriti Pendapatan Terkait Islam TM (nota 17(b)) | **–** | **–** | **(44.9)** | **(44.9)** | – | – | (162.6) | (162.6) |
| – laba nilai saksama atas swap kadar faedah – direalisasi (nota 17(c)) | **–** | **–** | **3.8** | **3.8** | – | – | 7.4 | 7.4 |
| – Kertas Komersil Islam (nota 17(d)) | **–** | **–** | **–** | **–** | – | – | (0.8) | (0.8) |
| – Nota Jangka Sederhana Islam (nota 17(d)) | **–** | **–** | **(107.4)** | **(107.4)** | – | – | (70.5) | (70.5) |
| – pertambahan kos pembiayaan (nota 17(e)) | **–** | **(8.4)** | **–** | **(8.4)** | – | (8.0) | – | (8.0) |
| – pajakan kewangan (nota 17(f)) | **–** | **(3.0)** | **–** | **(3.0)** | – | (3.2) | – | (3.2) |
| – penamatan diskaun opsyen jual ke atas saham sebuah anak syarikat (nota 47(a)) | **–** | **(2.5)** | **–** | **(2.5)** | – | – | – | – |
| – pelunasan subsidi faedah atas pinjaman anggota | **–** | **–** | **(0.8)** | **(0.8)** | – | (0.3) | (0.7) | (1.0) |
| Kos peminjaman dipermodalkan | **6.6** | **8.4** | **27.3** | **42.3** | 4.4 | 8.0 | 23.1 | 35.5 |
| **JUMLAH KOS PEMBIAYAAN** | **(155.9)** | **(13.7)** | **(122.0)** | **(291.6)** | (161.6) | (5.5) | (204.1) | (371.2) |
| Laba/(Kerugian) pertukaran asing atas peminjaman | | | | | | | | |
| – direalisasi | **254.2** | **–** | **–** | **254.2** | – | – | – | – |
| – belum direalisasi | **(314.6)** | **–** | **–** | **(314.6)** | (147.5) | – | – | (147.5) |
| – pengelasan semula daripada rizab lindung nilai | **28.6** | **–** | **–** | **28.6** | 0.9 | – | – | 0.9 |
| (Kerugian)/Laba nilai saksama atas kontrak hadapan mata wang asing | | | | | | | | |
| – direalisasi (nota 19) | **(16.1)** | **–** | **–** | **(16.1)** | – | – | – | – |
| – belum direalisasi (nota 19) | **–** | **–** | **–** | **–** | 41.4 | – | – | 41.4 |
| **JUMLAH KERUGIAN PERTUKARAN ASING ATAS PEMINJAMAN** | **(47.9)** | **–** | **–** | **(47.9)** | (105.2) | – | – | (105.2) |
| **KOS PEMBIAYAAN BERSIH** | **(203.8)** | **74.5** | **(73.6)** | **(202.9)** | (266.4) | 67.0 | (132.1) | (331.5) |

## 10. Kos Pembiayaan Bersih (sambungan)

| Syarikat | 2014 Asing RM | 2014 Domestik RM | 2014 Prinsip Islam RM | 2014 Jumlah RM | 2013 Asing RM | 2013 Domestik RM | 2013 Prinsip Islam RM | 2013 Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pendapatan pembiayaan daripada | | | | | | | | |
| – deposit bank jangka pendek | **#** | **58.3** | **40.6** | **98.9** | 0.1 | 61.3 | 64.8 | 126.2 |
| – deposit lain | **–** | **3.4** | **1.7** | **5.1** | – | 1.9 | 1.5 | 3.4 |
| – pinjaman anggota | **–** | **0.7** | **3.2** | **3.9** | – | 0.9 | 2.2 | 3.1 |
| – belum terima tersedia-untuk-dijual | **–** | **2.2** | **–** | **2.2** | – | 2.9 | – | 2.9 |
| **JUMLAH PENDAPATAN PEMBIAYAAN** | **#** | **64.6** | **45.5** | **110.1** | 0.1 | 67.0 | 68.5 | 135.6 |
| Kos pembiayaan atas | | | | | | | | |
| – peminjaman | **(160.3)** | **–** | **–** | **(160.3)** | (166.0) | (1.6) | – | (167.6) |
| – Sekuriti Pendapatan Terkait Islam TM (nota 17(b)) | **–** | **–** | **(44.9)** | **(44.9)** | – | – | (162.6) | (162.6) |
| – laba nilai saksama atas swap kadar faedah | | | | | | | | |
| – direalisasi (nota 17(c)) | **–** | **–** | **3.8** | **3.8** | – | – | 7.4 | 7.4 |
| – Kertas Komersil Islam (nota 17(d)) | **–** | **–** | **–** | **–** | – | – | (0.8) | (0.8) |
| – Nota Jangka Sederhana Islam (nota 17(d)) | **–** | **–** | **(107.4)** | **(107.4)** | – | – | (70.5) | (70.5) |
| – pertambahan kos pembiayaan (nota 17(e)) | **–** | **(8.4)** | **–** | **(8.4)** | – | (8.0) | – | (8.0) |
| – pajakan kewangan (nota 17(f)) | **–** | **(3.0)** | **–** | **(3.0)** | – | (3.2) | – | (3.2) |
| – Pengoptimuman Dana Antara Syarikat (nota 43(b)) | **–** | **(17.5)** | **(0.8)** | **(18.3)** | – | (7.8) | – | (7.8) |
| – pelunasan subsidi faedah atas pinjaman anggota | **–** | **–** | **(0.8)** | **(0.8)** | – | (0.3) | (0.7) | (1.0) |
| Kos peminjaman dipermodalkan | **6.6** | **8.4** | **27.3** | **42.3** | 4.4 | 8.0 | 23.1 | 35.5 |
| **JUMLAH KOS PEMBIAYAAN** | **(153.7)** | **(20.5)** | **(122.8)** | **(297.0)** | (161.6) | (12.9) | (204.1) | (378.6) |
| Laba/(Kerugian) pertukaran asing atas peminjaman | | | | | | | | |
| – direalisasi | **254.2** | **–** | **–** | **254.2** | – | – | – | – |
| – belum direalisasi | **(314.6)** | **–** | **–** | **(314.6)** | (147.5) | – | – | (147.5) |
| – pengelasan semula daripada rizab lindung nilai | **28.6** | **–** | **–** | **28.6** | 0.9 | – | – | 0.9 |
| (Kerugian)/Laba nilai saksama atas kontrak hadapan mata wang asing | | | | | | | | |
| – direalisasi (nota 19) | **(16.1)** | **–** | **–** | **(16.1)** | – | – | – | – |
| – belum direalisasi (nota 19) | **–** | **–** | **–** | **–** | 41.4 | – | – | 41.4 |
| **JUMLAH KERUGIAN PERTUKARAN ASING ATAS PEMINJAMAN** | **(47.9)** | **–** | **–** | **(47.9)** | (105.2) | – | – | (105.2) |
| **KOS PEMBIAYAAN BERSIH** | **(201.6)** | **44.1** | **(77.3)** | **(234.8)** | (266.7) | 54.1 | (135.6) | (348.2) |

# Amaun kurang daripada RM0.1 juta

## 11. Cukai dan Zakat

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | 2014 RM | 2013 RM | 2014 RM | 2013 RM |
| Caj cukai bagi Kumpulan dan Syarikat terdiri daripada: | | | | |
| **Malaysia** | | | | |
| **Cukai Pendapatan** | | | | |
| Tahun semasa | **161.3** | 59.0 | **108.6** | 25.5 |
| Tahun terdahulu | **(4.5)** | (12.1) | **0.9** | (5.9) |
| **Cukai Tertunda (bersih)** | **103.3** | (54.7) | **104.1** | (45.8) |
| | **260.1** | (7.8) | **213.6** | (26.2) |
| **Luar Negeri** | | | | |
| **Cukai Pendapatan** | | | | |
| Tahun semasa | **3.5** | 0.3 | **–** | – |
| Tahun terdahulu | **(2.3)** | (1.3) | **–** | – |
| **Cukai Tertunda (bersih)** | **(1.4)** | 2.7 | **–** | – |
| | **(0.2)** | 1.7 | **–** | – |
| **JUMLAH CUKAI** | **259.9** | (6.1) | **213.6** | (26.2) |
| **Zakat** | **3.1** | 4.3 | **1.8** | 3.5 |
| **CUKAI DAN ZAKAT** | **263.0** | (1.8) | **215.4** | (22.7) |
| **Cukai semasa** | | | | |
| Tahun semasa | **164.8** | 59.3 | **108.6** | 25.5 |
| (Lebihan)/Kurangan akruan pada tahun-tahun terdahulu (bersih) | **(6.8)** | (13.4) | **0.9** | (5.9) |
| **Cukai tertunda** | | | | |
| Permulaan dan kebalikan perbezaan sementara | **101.8** | 186.1 | **100.2** | 177.1 |
| Perubahan dalam kadar cukai | **3.9** | (35.0) | **3.9** | (31.8) |
| Insentif cukai | **–** | (191.1) | **–** | (191.1) |
| Manfaat daripada kerugian cukai yang tidak diiktiraf sebelum ini | **(3.8)** | (12.0) | **–** | – |
| | **259.9** | (6.1) | **213.6** | (26.2) |

## 11. Cukai dan Zakat (sambungan)

Perhubungan antara cukai dan keuntungan sebelum cukai dan zakat boleh diterangkan melalui penyesuaian berangka antara belanja cukai dan hasil keuntungan perakaunan didarab dengan kadar cukai Malaysia seperti di bawah:

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | **2014 RM** | **2013 RM** | **2014 RM** | **2013 RM** |
| Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat | **1,105.5** | 1,046.0 | **1,079.1** | 950.1 |
| Cukai dikira pada kadar cukai Malaysia yang diterima pakai sebanyak 25.0% | **276.4** | 261.5 | **269.8** | 237.5 |
| Kesan cukai daripada: | | | | |
| – bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu | **(2.3)** | (0.8) | **–** | – |
| – perbezaan kadar cukai di negara-negara lain | **0.5** | 1.7 | **–** | – |
| – belanja tidak boleh dipotong bagi tujuan cukai | **146.6** | 84.4 | **121.3** | 66.0 |
| – pendapatan tidak tertakluk kepada cukai | **(162.3)** | (97.7) | **(166.2)** | (90.3) |
| – belanja dibenarkan untuk potongan cukai berganda | **(16.1)** | (14.5) | **(16.1)** | (14.5) |
| – insentif cukai | **–** | (191.1) | **–** | (191.1) |
| – manfaat daripada kerugian cukai yang tidak diiktiraf sebelum ini | **(3.8)** | (12.0) | **–** | – |
| – perubahan dalam kadar cukai | **3.9** | (35.0) | **3.9** | (31.8) |
| – kerugian cukai tahun semasa yang tidak diiktiraf | **13.3** | 2.1 | **–** | – |
| – (lebihan)/kurangan akruan cukai pendapatan (bersih) | **(6.8)** | (13.4) | **0.9** | (5.9) |
| – perbezaan sementara yang tidak diiktiraf sebelum ini | **10.5** | 8.7 | **–** | 3.9 |
| **JUMLAH CUKAI** | **259.9** | (6.1) | **213.6** | (26.2) |

## 12. Perolehan Sesaham

Perolehan sesaham asas Kumpulan dikira dengan membahagikan keuntungan bersih milik pemegang-pemegang ekuiti dengan purata wajaran bilangan saham biasa yang diterbitkan dan berbayar Syarikat pada tahun kewangan berkenaan. Tiada saham biasa yang berpotensi dicairkan pada 31 Disember 2014. Oleh itu, perolehan sesaham yang dicairkan adalah bersamaan dengan perolehan sesaham asas.

| | Kumpulan | |
|---|---|---|
| | **2014** | **2013** |
| Keuntungan milik pemegang-pemegang ekuiti Syarikat (RM juta) | **831.8** | 1,012.2 |
| Purata wajaran bilangan saham biasa (juta) | **3,633.8** | 3,577.4 |
| **Perolehan sesaham asas/dicairkan (sen) milik pemegang-pemegang ekuiti Syarikat** | **22.9** | 28.3 |

## 13. Dividen Berhubung Saham Biasa

Dividen yang dilulus dan dibayar berhubung saham biasa:

| Syarikat | 2014 | | 2013 | |
|---|---|---|---|---|
| | Dividen sesaham Sen | Amaun dividen setingkat RM | Dividen sesaham Sen | Amaun dividen setingkat RM |
| Dividen akhir dibayar bagi tahun kewangan berakhir: | | | | |
| – 31 Disember 2013 | **16.3** | **583.1** | – | – |
| – 31 Disember 2012 | **–** | **–** | 12.2 | 436.4 |
| Dividen interim dibayar bagi tahun kewangan berakhir: | | | | |
| – 31 Disember 2014 | **9.5** | **348.4** | – | – |
| – 31 Disember 2013 | **–** | **–** | 9.8 | 350.6 |
| **DIVIDEN DIIKTIRAF SEBAGAI PENGAGIHAN KEPADA PEMEGANG EKUITI BIASA SYARIKAT** | **25.8** | **931.5** | 22.0 | 787.0 |

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, Pengarah-pengarah kini mengesyorkan dividen setingkat akhir sebanyak 13.4 sen sesaham (Dividen Akhir), yang berjumlah RM498.4 juta (2013: dividen setingkat akhir sebanyak 16.3 sen sesaham yang berjumlah RM583.1 juta) tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang. Pengarah-pengarah juga telah menentukan bahawa Skim Pelaburan Semula Dividen (DRS) adalah terpakai ke atas semua Dividen Akhir. Perumpukan dan penerbitan saham-saham biasa Syarikat yang baru bernilai RM0.70 setiap satu (Saham-saham Baru TM) berhubung dengan DRS adalah tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang untuk pembaharuan semula autoriti Pengarah-pengarah Syarikat, bagi memperuntukkan dan menerbitkan Saham-saham Baru TM serta kelulusan Bursa Malaysia Securities Berhad untuk penyenaraian dan sebut harga bagi Saham-saham Baru TM tersebut.

## 14. Modal Saham

| Kumpulan dan Syarikat | 2014 | | 2013 | |
|---|---|---|---|---|
| | Bilangan saham | RM | Bilangan saham | RM |
| Dibenarkan: | | | | |
| Saham biasa bernilai RM0.70 sesaham | **5,040.0** | **3,528.0** | 5,040.0 | 3,528.0 |
| Saham Istimewa bernilai RM1.00 (nota kecil (a)) | **#** | **#** | # | # |
| 2,000 Saham Keutamaan Boleh Tebus Tak Boleh Tukar Kelas C bernilai RM1.00 sesaham (nota kecil (b)) | **#** | **#** | # | # |
| 1,000 Saham Keutamaan Boleh Tebus Tak Boleh Tukar Kelas D bernilai RM1.00 sesaham (nota kecil (b)) | **#** | **#** | # | # |
| **JUMLAH MODAL SAHAM DIBENARKAN** | **5,040.0** | **3,528.0** | 5,040.0 | 3,528.0 |

## 14. Modal Saham (sambungan)

| Kumpulan dan Syarikat | 2014 | | 2013 | |
|---|---|---|---|---|
| | Bilangan saham | RM | Bilangan saham | RM |
| Diterbitkan dan berbayar penuh: | | | | |
| Saham biasa bernilai RM1.00 sesaham | | | | |
| Pada 1 Januari | **3,577.4** | **2,504.2** | 3,577.4 | 2,504.2 |
| Saham diterbitkan di bawah Skim Pelaburan Semula Dividen (nota kecil (c)) | **142.0** | **99.4** | – | – |
| Pada 31 Disember | **3,719.4** | **2,603.6** | 3,577.4 | 2,504.2 |
| Saham Istimewa bernilai RM1.00 (nota kecil (a)) | | | | |
| Pada 1 Januari dan 31 Disember | **#** | **#** | # | # |
| **JUMLAH MODAL SAHAM DITERBITKAN DAN BERBAYAR PENUH** | **3,719.4** | **2,603.6** | 3,577.4 | 2,504.2 |

# Amaun kurang daripada RM0.1 juta

**(a) Saham Keutamaan Boleh Tebus Hak Istimewa (Saham Istimewa)**

Saham Istimewa bernilai RM1.00 membolehkan pihak Kerajaan melalui Menteri Kewangan untuk memastikan bahawa keputusan penting tertentu yang melibatkan kendalian Syarikat adalah konsisten dengan dasar Kerajaan. Pemegang Saham Istimewa yang mungkin hanya Kerajaan sahaja atau mana-mana wakil atau sesiapa yang bertindak bagi pihaknya, adalah berhak untuk menerima notis mesyuarat, tetapi tidak mempunyai sebarang hak untuk mengundi pada mesyuarat Syarikat. Namun, Pemegang Saham Istimewa berhak menghadiri mesyuarat dan bersuara dalam mesyuarat tersebut.

Perkara-perkara tertentu, terutamanya, mengenai pindaan kepada Tataurusan Pertubuhan Syarikat berhubung dengan hak Pemegang Saham Istimewa, pembubaran Syarikat, sebarang pemerolehan dan pelupusan aset penting, percantuman, penggabungan dan pengambilalihan, memerlukan persetujuan terlebih dahulu daripada Pemegang Saham Istimewa.

Pemegang Saham Istimewa berhak untuk memohon Syarikat menebus Saham Istimewa pada nilai tara pada bila-bila masa. Dalam pengagihan modal ketika pembubaran Syarikat, Pemegang Saham Istimewa berhak mendapatkan pembayaran balik modal berbayar atas Saham Istimewa, mendahului pembayaran balik modal kepada mana-mana ahli lain. Saham Istimewa ini tidak memberi sebarang hak penglibatan dalam modal atau keuntungan Syarikat.

**(b) Saham Keutamaan Boleh Tebus Tak Boleh Tukar (NCRPS)**

Saham ini terdiri daripada 2,000 NCRPS Kelas C bernilai RM1.00 sesaham dan 1,000 NCRPS Kelas D bernilai RM1.00 sesaham. Pada 20 Julai 2007, Syarikat telah menerbitkan 2,000 NCRPS Kelas C (NCRPS C TM) dan 925 NCRPS Kelas D (NCRPS D TM) pada premium bernilai RM999.00 sesaham melebihi nilai tara RM1.00 sesaham. NCRPS C TM dan NCRPS D TM adalah bertaraf pari passu antara satu sama lain tetapi bertaraf di bawah Saham Istimewa dan lebih diutamakan daripada saham biasa Syarikat dalam pengagihan modal jika berlakunya pembubaran atau likwidasi Syarikat. NCRPS C TM dan NCRPS D TM telah dikelaskan sebagai liabiliti.

Maklumat mengenai NCRPS C TM dan NCRPS D TM adalah dijelaskan dalam nota 17(b)(I) kepada penyata kewangan.

**(c) Skim Pelaburan Semula Dividen**

Pada 27 Mac 2014, Syarikat mengumumkan satu cadangan untuk melaksanakan skim pelaburan semula dividen yang memberi opsyen kepada pemegang-pemegang saham Syarikat (Pemegang Saham) memilih untuk melabur, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada dividen tunai mereka yang merangkumi dividen interim, akhir, khas atau apa-apa dividen tunai yang lain, dalam saham-saham biasa yang baru pada harga RM0.70 setiap satu dalam Syarikat (Saham Baru TM) (DRS).

DRS telah mendapat kelulusan daripada Bursa Malaysia Securities Berhad menerusi suratnya bertarikh 7 April 2014 dan kelulusan pemegang-pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat pada 8 Mei 2014.

## 14. Modal Saham (sambungan)

**(c) Skim Pelaburan Semula Dividen (sambungan)**

Pemegang-pemegang saham mempunyai opsyen untuk melabur semula dividen tunai mereka dalam Saham Baru TM (Opsyen untuk Melabur Semula) seperti berikut:

- memilih untuk menyertainya dengan melabur semula keseluruhan atau sebahagian daripada dividen itu di mana Opsyen untuk Melabur Semula terpakai (Bahagian yang Boleh Dipilih), pada harga terbitan bagi Saham Baru TM.

  Sekiranya hanya sebahagian daripada Bahagian yang Boleh Dipilih dilabur semula, pemegang-pemegang saham akan menerima bahagian selebihnya dalam bentuk tunai; atau

- memilih untuk tidak menyertai dalam Opsyen untuk Melabur Semula dan akan menerima keseluruhan dividen itu dalam bentuk tunai.

Berikutan dengan DRS tersebut, Syarikat telah menambah modal saham terbitan dan berbayar sepenuhnya daripada RM2,504,184,312 kepada RM2,603,561,255.30 menerusi:

(i) terbitan 89,770,254 Saham Baru TM pada 23 Jun 2014 pada harga terbitan sebanyak RM5.38 sesaham Baru TM berhubung dengan Bahagian yang Boleh Dipilih dividen setingkat akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 sebanyak 16.3 sen sesaham TM. Ini diterjemahkan menjadi 82.8% kadar penerimaan oleh Pemegang-pemegang Saham untuk melabur semula dividen tunai akhir mereka dalam Saham Baru TM.

(ii) terbitan 52,196,765 Saham Baru TM pada 29 Oktober 2014 pada harga terbitan sebanyak RM5.67 sesaham Baru TM berhubung dengan Bahagian yang Boleh Dipilih dividen setingkat interim bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 sebanyak 9.5 sen sesaham TM. Ini diterjemahkan menjadi 85.0% kadar penerimaan oleh Pemegang-pemegang Saham untuk melabur semula dividen tunai interim mereka dalam Saham Baru TM.

Dengan penyempurnaan DRS berikutan penyenaraian dan sebut harga bagi Saham-saham Baru TM di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, jumlah modal saham terbitan dan berbayar Syarikat adalah RM2,603,561,225.30 terdiri daripada 3,719,368,999 saham biasa pada harga RM0.70 sesaham, 1 Saham Keutamaan Boleh Tebus Hak Istimewa bernilai RM1.00, 2,000 Saham NCRPS Kelas C bernilai RM1.00 sesaham, dan 925 Saham NCRPS Kelas D bernilai RM1.00 sesaham.

## 15. Rizab-rizab Lain

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | 2014 RM | 2013 RM | 2014 RM | 2013 RM |
| Rizab nilai saksama (nota 2(h)(iii)) | **57.8** | 56.3 | **57.8** | 56.3 |
| Rizab lindung nilai (nota 2(j)) | **63.5** | 46.5 | **63.5** | 46.5 |
| Rizab penebusan modal | **71.6** | 71.6 | **71.6** | 71.6 |
| Rizab lain (nota 2(q)(iii) & nota 47(a)) | **(267.6)** | – | **–** | – |
| Perbezaan terjemahan mata wang yang timbul daripada terjemahan | | | | |
| – anak-anak syarikat | **3.6** | (0.8) | **–** | – |
| – syarikat bersekutu | **0.2** | 0.3 | **–** | – |
| **JUMLAH RIZAB-RIZAB LAIN** | **(70.9)** | 173.9 | **192.9** | 174.4 |

## 16. Keuntungan Tertahan

Menurut Akta Kewangan, 2007, sistem setingkat telah diperkenalkan berkuat kuasa dari tahun taksiran 2008. Di bawah sistem setingkat ini, cukai ke atas keuntungan sesebuah syarikat adalah cukai akhir dan dividen yang diagihkan kepada pemegang-pemegang sahamnya akan dikecualikan daripada cukai. Dengan pelaksanaan sistem setingkat ini, syarikat-syarikat dengan baki Seksyen 108 yang belum digunakan, dibenarkan memilih opsyen muktamad untuk beralih kepada sistem setingkat atau terus menggunakan baki sedia ada Seksyen 108 pada 31 Disember 2007 sehingga suatu masa kredit cukai tersebut digunakan sepenuhnya atau apabila tamat tempoh peralihan selama 6 tahun pada 31 Disember 2013, yang mana lebih awal.

Syarikat telah memilih opsyen muktamad untuk mengetepikan baki Seksyen 108 sebanyak RM0.7 juta pada 13 September 2011 dan telah, pada hari yang sama, beralih kepada sistem setingkat dan dibenarkan untuk mengagihkan dividen setingkat.

Pada 31 Disember 2014, Syarikat mempunyai keuntungan dikecualikan cukai sebanyak RM110.6 juta (2013: RM100.5 juta) tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

## 17. Peminjaman

| | 2014 | | | | 2013 | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kumpulan | Kadar Purata Wajaran Pembiayaan | Bukan Semasa RM | Semasa RM | Jumlah RM | Kadar Purata Wajaran Pembiayaan | Bukan Semasa RM | Semasa RM | Jumlah RM |
| **DOMESTIK** | | | | | | | | |
| **Bercagar** | | | | | | | | |
| Peminjaman daripada institusi kewangan (nota kecil (a)) | **4.90%** | **164.7** | **81.2** | **245.9** | – | – | – | – |
| Pajakan kewangan | **2.89%** | **0.2** | **0.1** | **0.3** | – | – | – | – |
| **Jumlah Domestik Bercagar** | **4.90%** | **164.9** | **81.3** | **246.2** | – | – | – | – |
| **Tidak Bercagar** | | | | | | | | |
| Peminjaman daripada institusi kewangan | **4.31%** | **–** | **13.0** | **13.0** | 4.16% | – | 13.0 | 13.0 |
| Peminjaman di bawah prinsip Islam | | | | | | | | |
| – Sekuriti Pendapatan Terkait Islam TM (nota kecil (b) dan (c)) | **4.87%** | **925.0** | **–** | **925.0** | 4.87% | 925.0 | – | 925.0 |
| – Nilai saksama bagi risiko dilindung nilai (nota kecil (c)) | **–** | **3.6** | **–** | **3.6** | – | 7.5 | – | 7.5 |
| – Nota Jangka Sederhana Islam (nota kecil (d)) | **4.32%** | **3,400.0** | **–** | **3,400.0** | 4.12% | 2,200.0 | – | 2,200.0 |
| Peminjaman lain (nota kecil (e)) | **4.71%** | **89.8** | **98.1** | **187.9** | 4.71% | 132.2 | 48.2 | 180.4 |
| Pajakan kewangan (nota kecil (f)) | **6.23%** | **42.2** | **4.4** | **46.6** | 6.23% | 46.7 | 4.1 | 50.8 |
| **Jumlah Domestik Tidak Bercagar** | **4.46%** | **4,460.6** | **115.5** | **4,576.1** | 4.37% | 3,311.4 | 65.3 | 3,376.7 |
| **Jumlah Domestik** | **4.48%** | **4,625.5** | **196.8** | **4,822.3** | 4.37% | 3,311.4 | 65.3 | 3,376.7 |
| **ASING** | | | | | | | | |
| **Tidak Bercagar** | | | | | | | | |
| Peminjaman daripada institusi kewangan | **1.07%** | **575.7** | **–** | **575.7** | 1.06% | 568.7 | – | 568.7 |
| Nota dan Debentur (nota kecil (g)) | **7.88%** | **1,047.3** | **–** | **1,047.3** | 6.28% | 981.7 | 1,524.7 | 2,506.4 |
| Peminjaman lain | **–** | **2.9** | **0.2** | **3.1** | – | 3.2 | 0.2 | 3.4 |
| **Jumlah Asing** | **5.46%** | **1,625.9** | **0.2** | **1,626.1** | 5.31% | 1,553.6 | 1,524.9 | 3,078.5 |
| **JUMLAH PEMINJAMAN** | **4.73%** | **6,251.4** | **197.0** | **6,448.4** | 4.82% | 4,865.0 | 1,590.2 | 6,455.2 |

## 17. Peminjaman (sambungan)

| | 2014 | | | 2013 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Domestik RM | Asing RM | Jumlah RM | Domestik RM | Asing RM | Jumlah RM |
| Peminjaman bukan semasa Kumpulan akan dibayar balik seperti berikut: | | | | | | |
| Selepas setahun dan sehingga lima tahun | **1,182.3** | **228.3** | **1,410.6** | 1,083.4 | 243.2 | 1,326.6 |
| Selepas lima tahun dan sehingga sepuluh tahun | **3,443.2** | **348.6** | **3,791.8** | 2,227.9 | 326.8 | 2,554.7 |
| Selepas sepuluh tahun dan sehingga lima belas tahun | **–** | **1,048.0** | **1,048.0** | 0.1 | 982.5 | 982.6 |
| Selepas lima belas tahun | **–** | **1.0** | **1.0** | – | 1.1 | 1.1 |
| | **4,625.5** | **1,625.9** | **6,251.4** | 3,311.4 | 1,553.6 | 4,865.0 |

| | 2014 | | | | 2013 | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Syarikat | Kadar Purata Wajaran Pembiayaan | Bukan Semasa RM | Semasa RM | Jumlah RM | Kadar Purata Wajaran Pembiayaan | Bukan Semasa RM | Semasa RM | Jumlah RM |
| **DOMESTIK** | | | | | | | | |
| **Tidak Bercagar** | | | | | | | | |
| Peminjaman di bawah prinsip Islam | | | | | | | | |
| – Sekuriti Pendapatan Terkait Islam TM (nota kecil (b) dan (c)) | **4.87%** | **925.0** | **–** | **925.0** | 4.87% | 925.0 | – | 925.0 |
| – Nilai saksama bagi risiko dilindung nilai (nota kecil (c)) | **–** | **3.6** | **–** | **3.6** | – | 7.5 | – | 7.5 |
| – Nota Jangka Sederhana Islam (nota kecil (d)) | **4.32%** | **3,400.0** | **–** | **3,400.0** | 4.12% | 2,200.0 | – | 2,200.0 |
| Peminjaman lain (nota kecil (e)) | **4.71%** | **89.8** | **98.1** | **187.9** | 4.71% | 132.2 | 48.2 | 180.4 |
| Pajakan kewangan (nota kecil (f)) | **6.23%** | **42.2** | **4.4** | **46.6** | 6.23% | 46.7 | 4.1 | 50.8 |
| **Jumlah Domestik** | **4.46%** | **4,460.6** | **102.5** | **4,563.1** | 4.38% | 3,311.4 | 52.3 | 3,363.7 |
| **ASING** | | | | | | | | |
| **Tidak Bercagar** | | | | | | | | |
| Nota dan Debentur (nota kecil (g)) | **7.88%** | **1,047.3** | **–** | **1,047.3** | 7.88% | 981.7 | – | 981.7 |
| Peminjaman lain | **–** | **2.9** | **0.2** | **3.1** | – | 3.2 | 0.2 | 3.4 |
| **Jumlah Asing** | **7.86%** | **1,050.2** | **0.2** | **1,050.4** | 7.85% | 984.9 | 0.2 | 985.1 |
| **JUMLAH PEMINJAMAN** | **5.10%** | **5,510.8** | **102.7** | **5,613.5** | 5.17% | 4,296.3 | 52.5 | 4,348.8 |

## 17. Peminjaman (sambungan)

| | 2014 | | | 2013 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Domestik RM | Asing RM | Jumlah RM | Domestik RM | Asing RM | Jumlah RM |
| Peminjaman bukan semasa Syarikat akan dibayar balik seperti berikut: | | | | | | |
| Selepas setahun dan sehingga lima tahun | **1,038.6** | **0.5** | **1,039.1** | 1,083.4 | 0.5 | 1,083.9 |
| Selepas lima tahun dan sehingga sepuluh tahun | **3,422.0** | **0.7** | **3,422.7** | 2,227.9 | 0.8 | 2,228.7 |
| Selepas sepuluh tahun dan sehingga lima belas tahun | **–** | **1,048.0** | **1,048.0** | 0.1 | 982.5 | 982.6 |
| Selepas lima belas tahun | **–** | **1.0** | **1.0** | – | 1.1 | 1.1 |
| | **4,460.6** | **1,050.2** | **5,510.8** | 3,311.4 | 984.9 | 4,296.3 |

Profil pendedahan mata wang bagi peminjaman adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | 2014 RM | 2013 RM | 2014 RM | 2013 RM |
| Ringgit Malaysia | **4,822.3** | 3,376.7 | **4,563.1** | 3,363.7 |
| Dolar AS | **1,395.2** | 2,832.4 | **1,047.3** | 981.7 |
| Mata wang lain | **230.9** | 246.1 | **3.1** | 3.4 |
| | **6,448.4** | 6,455.2 | **5,613.5** | 4,348.8 |

(a) Peminjaman bercagar anak-anak syarikat merupakan kemudahan yang berkaitan dengan projek-projek bagi anak-anak syarikat dan dicagar terutamanya menerusi penyerahan hak belum terima daripada projek, caj tetap dan terapung ke atas aset dan aku janji anak-anak syarikat atau jaminan korporat oleh pemegang saham bukan mengawal.

(b) Pada 20 Julai 2007, Syarikat telah menerbitkan, secara sendiri dan melalui anak syarikat milik penuhnya, Hijrah Pertama Berhad (HPB), Sekuriti Pendapatan Terkait Islam TM (TM ISIS) yang terdiri daripada:

(i) (a) RM2.0 juta Saham Keutamaan Boleh Tebus Tak Boleh Tukar (NCRPS) Kelas C (NCRPS C TM) yang terdiri daripada 2,000 NCRPS Kelas C bernilai RM1.00 setiap satu dengan premium RM999.00, diterbitkan oleh Syarikat pada harga terbitan RM1,000 setiap satu;

(b) Sukuk Ijarah Kelas A pada nilai nominal RM1,998.0 juta diterbitkan oleh HPB; dan

(ii) (a) RM925,000 NCRPS Kelas D (NCRPS D TM) yang terdiri daripada 925 NCRPS Kelas D bernilai RM1.00 setiap satu dengan premium RM999.00, diterbitkan oleh Syarikat pada harga terbitan RM1,000 setiap satu;

(b) Sukuk Ijarah Kelas B pada nilai nominal RM924,075,000 diterbitkan oleh HPB.

Sukuk Ijarah Kelas A dan B, secara kolektif, dirujuk sebagai 'Sukuk'.

NCRPS TM (yang terdiri daripada NCRPS Kelas C dan Kelas D) adalah berkaitan secara efektif dengan Sukuk kerana NCRPS TM dan Sukuk diterbitkan serentak kepada pihak yang sama dan obligasi membuat pengagihan berkala di bawah Sukuk adalah bergantung kepada pembayaran yang dibuat di bawah NCRPS TM. Amaun tertunggak bagi Sukuk diambil kira sebagai peminjaman oleh Syarikat kerana Sukuk tersebut secara efektif merupakan obligasi Syarikat.

## 17. Peminjaman (sambungan)

(b) TM ISIS dikelaskan sebagai instrumen hutang dan justeru, ia dilaporkan sebagai liabiliti. Oleh itu, dividen belum bayar di bawah NCRPS TM dan sewa belum bayar di bawah Sukuk, dilaporkan sebagai kos pembiayaan.

Pada 30 Disember 2013, Syarikat membayar balik RM2.0 juta NCRPS Kelas C dan RM1,998.0 juta Sukuk Kelas A dalam nilai nominal.

Terma-terma utama bagi urus niaga di atas adalah:

**(I) NCRPS TM**

Ciri-ciri utama NCRPS TM diringkaskan seperti berikut:

(i) NCRPS tidak boleh ditukar kepada saham biasa Syarikat.

(ii) NCRPS tidak boleh dipindah milik/didagangkan dan akan dipegang oleh Pelanggan Utama. NCRPS wajib ditebus oleh Syarikat pada tempoh matang Sukuk tersebut.

(iii) Tidak akan ada hak pengundian kecuali berhubung dengan cadangan untuk mengurangkan modal Syarikat, kebenaran melupuskan keseluruhan harta, perniagaan dan perusahaan Syarikat atau di mana cadangan yang akan dikemukakan kepada mesyuarat, memberi kesan secara langsung kepada hak dan keistimewaan pemegang NCRPS atau sebagaimana diperuntukkan dalam Akta Syarikat, 1965.

(iv) NCRPS tidak akan disenaraikan di mana-mana papan di Bursa Malaysia Securities Berhad.

(v) NCRPS bertaraf pari passu di antara mereka tetapi bertaraf di bawah Saham Istimewa dan lebih diutamakan daripada saham biasa Syarikat dalam pengagihan modal jika berlaku pembubaran atau likwidasi Syarikat.

**(II) Sukuk Ijarah**

Sukuk diterbitkan dalam 4 kelas dan bertujuan untuk membiayai pembelian oleh HPB ke atas pemilikan benefisial aset-aset tertentu. Sukuk terdiri daripada kelas-kelas berikut:

(i) Sukuk Kelas A mengandungi Sukuk Kelas A1 dan Sukuk Kelas A2 (secara kolektif dirujuk sebagai 'Sukuk Kelas A')

(ii) Sukuk Kelas B mengandungi Sukuk Kelas B1 dan Sukuk Kelas B2 (secara kolektif dirujuk sebagai 'Sukuk Kelas B')

Sukuk Kelas A dan Sukuk Kelas B merupakan pemilikan benefisial sepenuhnya terhadap aset-aset yang berkenaan dan meliputi obligasi amanah HPB secara langsung, tanpa syarat dan tanpa cagaran dan bertaraf pari passu pada setiap masa, tanpa diskriminasi, keutamaan atau prioriti di antara mereka.

Ciri-ciri Sukuk diringkaskan seperti berikut:

(i) Sukuk mengandungi obligasi amanah HPB berhubung dengan, dan merupakan pemilikan benefisial sepenuhnya terhadap aset-aset.

(ii) Sukuk Kelas A2 dan Sukuk Kelas B2 tidak boleh dipindah milik/didagangkan dan akan dipegang oleh Pelanggan Utama sehingga tempoh matang Sukuk.

(iii) Sukuk mengandungi, antara lain, obligasi Syarikat.

(iv) Obligasi Syarikat berhubung dengan Sukuk merupakan obligasi Syarikat secara langsung, tanpa syarat dan tanpa cagaran dan bertaraf pari passu pada setiap masa, tanpa diskriminasi, keutamaan atau prioriti di antara mereka dan sekurang-kurangnya pari passu dengan semua obligasi lain tanpa cagaran dan bukan subordinat semasa dan masa hadapan Syarikat, tertakluk kepada yang diutamakan oleh undang-undang atau dokumen urus niaga.

## 17. Peminjaman (sambungan)

(b) Terma-terma utama bagi urus niaga di atas adalah: (sambungan)

**(II) Sukuk Ijarah (sambungan)**

(v) Sukuk diberi penarafan AAA oleh RAM Rating Services Berhad pada tarikh terbitannya.

Tempoh pemegangan Sukuk berkenaan adalah seperti berikut:

| Kelas | Tarikh Matang |
|---|---|
| A1 | 30 Disember 2013 |
| A2 | 30 Disember 2013 |
| B1 | 28 Disember 2018 |
| B2 | 28 Disember 2018 |

Sepanjang tempoh pemegangan TM ISIS, Syarikat boleh memilih sama ada untuk:

(i) Membayar dividen kasar, yang terdiri daripada dividen bersih bersama dengan kredit cukai berkenaan kepada pelabur-pelabur dan Sewa Nominal belum bayar kepada HPB; atau

(ii) Membayar sewa penuh kepada HPB, HPB pula akan mengagihkannya sebagai pengagihan berkala kepada pelabur-pelabur yang memegang Sukuk Kelas A2 dan Sukuk Kelas B2.

Apabila Syarikat memilih untuk membayar dividen, HPB akan hanya menerima Sewa Nominal di bawah perjanjian pajakan. HPB pula yang akan membayar kepada pelabur-pelabur di bawah Sukuk Kelas A2 dan Sukuk Kelas B2 sebagai pengagihan berkala nominal. Kadar pengagihan berkala nominal ialah 0.01% setahun.

Apabila Syarikat memilih untuk membayar sewa penuh, Kadar Pengagihan Berkala yang terdapat dalam TM ISIS bagi NCRPS Kelas C dan NCRPS Kelas D yang berkaitan dengan Sukuk Kelas A dan Sukuk Kelas B ialah masing-masing pada kadar 6.20% dan 5.25% setahun, yang perlu dibayar pada setiap setengah tahun secara tunggakan. Kadar Pengagihan Berkala bagi Sukuk Kelas B telah ditetapkan semula pada 31 Disember 2008 kepada 4.193% setahun yang perlu dibayar setiap setengah tahun secara tunggakan. Kadar Pengagihan Berkala bagi Sukuk Kelas B telah ditetapkan semula sekali lagi pada Disember 2013 kepada 4.87% setahun yang perlu dibayar setiap setengah tahun secara tunggakan. Tidak akan ada penetapan semula Kadar Pengagihan Berkala bagi Sukuk Kelas B selepas 2013 sehingga tarikh matang Sukuk.

Menurut Akta Kewangan, 2007, kredit cukai tidak boleh lagi dipindahkan kepada pelabur-pelabur yang bukan pemegang-pemegang saham biasa, berkuat kuasa dari 1 Januari 2008.

(c) Sebahagian daripada sekuriti tersebut seperti yang dinyatakan dalam nota kecil (a) di atas, telah dilindung nilai dengan swap kadar faedah yang diambil kira menurut perakaunan lindung nilai. Justeru, nilai saksama berkaitan dengan perubahan dalam risiko kadar faedah yang telah dilindung nilai, adalah termasuk dalam peminjaman.

(d) Pada 30 Ogos 2013, Syarikat menerima kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi pewujudan satu program Kertas Komersil Islam (ICP) dan program Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) yang baru dengan jumlah had gabungan sehingga RM3.0 bilion dalam nilai nominal, masing-masing mempunyai tempoh selama 7 dan 20 tahun dari tarikh terbitan pertama. ICP mempunyai tempoh tidak lebih daripada 12 bulan sementara IMTN di antara 1 hingga 20 tahun dengan syarat sekuriti-sekuriti hutang tersebut masing-masing matang sebelum tarikh luput program masing-masing.

Pada 5 April 2011, Syarikat juga mewujudkan program-program ICP dan IMTN dengan had gabungan sehingga RM2.0 bilion dalam nilai nominal, yang telah diterbitkan sepenuhnya sepanjang tahun kewangan sebelumnya.

## 17. Peminjaman (sambungan)

(d) Perolehan daripada terbitan ICP dan/atau IMTN itu digunakan oleh Syarikat bagi memenuhi keperluan perbelanjaan modal dan operasi perniagaannya. IMTN dalam terbitan terdiri daripada yang berikut:

| | Kumpulan dan Syarikat | |
|---|---|---|
| | **2014 RM** | **2013 RM** |
| IMTN matang pada tahun 2020 (4.30%) | **200.0** | 200.0 |
| IMTN matang pada tahun 2021 (4.20% – 4.50%) | **800.0** | 800.0 |
| IMTN matang pada tahun 2022 (3.95% – 4.00%) | **550.0** | 550.0 |
| IMTN matang pada tahun 2023 (3.93% – 3.95%) | **650.0** | 650.0 |
| IMTN matang pada tahun 2024 (4.55% – 4.82%) | **1,200.0** | – |
| | **3,400.0** | 2,200.0 |

(e) Peminjaman lain domestik termasuk nilai kini obligasi pembayaran masa hadapan berhubung dengan geran kerajaan yang diterima Syarikat.

(f) Bayaran pajakan minimum pada tarikh pelaporan adalah seperti berikut:

| Kumpulan | 2014 RM | 2013 RM |
|---|---|---|
| Tidak lebih daripada satu tahun | **7.3** | 7.1 |
| Selepas satu tahun dan tidak lebih daripada lima tahun | **28.6** | 28.4 |
| Selepas lima tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun | **24.2** | 31.3 |
| | **60.1** | 66.8 |
| Caj pembiayaan masa hadapan | **(13.2)** | (16.0) |
| Nilai kini liabiliti pajakan kewangan | **46.9** | 50.8 |
| Nilai kini liabiliti pajakan kewangan pada tarikh pelaporan adalah seperti berikut: | | |
| Tidak lebih daripada satu tahun | **4.6** | 4.1 |
| Selepas satu tahun dan tidak lebih daripada lima tahun | **20.4** | 19.1 |
| Selepas lima tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun | **21.9** | 27.6 |
| | **46.9** | 50.8 |

## 17. Peminjaman (sambungan)

(f) Bayaran pajakan minimum pada tarikh pelaporan adalah seperti berikut: (sambungan)

| Syarikat | 2014 RM | 2013 RM |
|---|---|---|
| Tidak lebih daripada satu tahun | **7.1** | 7.1 |
| Selepas satu tahun dan tidak lebih daripada lima tahun | **28.4** | 28.4 |
| Selepas lima tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun | **24.2** | 31.3 |
| | **59.7** | 66.8 |
| Caj pembiayaan masa hadapan | **(13.1)** | (16.0) |
| Nilai kini liabiliti pajakan kewangan | **46.6** | 50.8 |

Nilai kini liabiliti pajakan kewangan pada tarikh pelaporan adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Tidak lebih daripada satu tahun | **4.4** | 4.1 |
| Selepas satu tahun dan tidak lebih daripada lima tahun | **20.3** | 19.1 |
| Selepas lima tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun | **21.9** | 27.6 |
| | **46.6** | 50.8 |

Pajakan kewangan merujuk kepada pengaturan pajakan bagi sebuah bangunan pejabat Syarikat di Melaka.

(g) Nota dan Debentur terdiri daripada yang berikut:

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | 2014 RM | 2013 RM | 2014 RM | 2013 RM |
| Nota Terjamin 5.25% USD465.1 juta matang pada tahun 2014 | **–** | 1,524.7 | **–** | – |
| Debentur 7.875% USD300.0 juta matang pada tahun 2025 | **1,047.3** | 981.7 | **1,047.3** | 981.7 |
| | **1,047.3** | 2,506.4 | **1,047.3** | 981.7 |

Pada 22 September 2014, Kumpulan telah menebus sepenuhnya pada nilai nominalnya, Nota Terjamin 5.25% USD465.1 juta (RM1,513.3 juta).

Tiada Nota atau Debentur lain yang telah ditebus, dibeli atau dibatalkan dalam tahun kewangan semasa.

## 18. Belum Bayar kepada Sebuah Anak Syarikat

(a) (i) Pada 20 November 2012, anak syarikat milik penuh Syarikat iaitu TM Global Incorporated, sebuah syarikat yang diperbadankan di Wilayah Persekutuan Labuan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir, 1990, telah memperoleh pinjaman 5 tahun bernilai JPY7.8 bilion daripada sebuah institusi kewangan yang akan matang pada 20 November 2017. Pinjaman ini mengenakan faedah pada kadar tetap JPY sebanyak 0.91375% setahun yang perlu dibayar setiap setengah tahun pada 20 Mei dan 20 November pada setiap tahun kewangan. Pinjaman ini telah digunakan untuk membayar dua Kertas Komersil Islam yang dikeluarkan oleh Syarikat sebanyak RM150.0 juta setiap satu yang telah matang pada 21 November 2012. Pinjaman tersebut adalah tidak bersyarat dan jaminannya tidak boleh dibatalkan oleh Syarikat.

(ii) Pada 12 November 2013, anak syarikat milik penuh Syarikat iaitu TM Global Incorporated, telah memperoleh pinjaman 7 tahun bernilai USD100.0 juta daripada institusi kewangan yang lain yang akan matang pada 30 Oktober 2020. Pinjaman ini mengenakan faedah pada kadar terapung USD sebanyak Kadar Tawaran Antara Bank London (LIBOR) 3 bulan, campur 0.91% setahun yang perlu dibayar setiap suku tahun pada 12 Februari, Mei, Ogos dan November pada setiap tahun kewangan termasuk 30 Oktober 2020. Pinjaman tersebut adalah tidak bersyarat dan jaminannya tidak boleh dibatalkan oleh Syarikat.

(b) Pada 22 September 2004, anak syarikat milik penuh Syarikat iaitu TM Global Incorporated, telah menerbitkan Nota Terjamin 10 tahun bernilai USD500.0 juta matang pada 2014 (Nota). Nota ini mengenakan kadar faedah sebanyak 5.25% setahun yang perlu dibayar setiap setengah tahun secara tunggakan pada 22 Mac dan 22 September pada setiap tahun kewangan bermula pada bulan Mac 2005. Perolehan daripada urus niaga ini telah digunakan untuk membiayai semula hutang Syarikat yang akan matang dan modal kerja am. Nota tersebut adalah tidak bersyarat dan jaminannya tidak boleh dibatalkan oleh Syarikat.

Pada 4 Disember 2009, Syarikat telah membeli balik USD34.9 juta nilai nominal Nota. Nota tersebut telah matang pada 22 September 2014 dan Syarikat telah menebus sepenuhnya kesemua baki Nota yang berjumlah USD465.1 juta (RM1,513.3 juta) pada hari yang sama.

Nota dan pinjaman bertempoh ini ditunjukkan sebagai peminjaman Kumpulan (nota 17 kepada penyata kewangan).

## 19. Instrumen Kewangan Derivatif dan Urus Niaga Lindung Nilai

| Kumpulan | Amaun kontrak atau nosional RM | Nilai saksama | | Perubahan nilai saksama dalam tahun kewangan tersebut RM |
|---|---|---|---|---|
| | | Aset RM | Liabiliti RM | |
| **2014** | | | | |
| **Derivatif pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian** | | | | |
| Kontrak hadapan mata wang asing (nota kecil (b)) | | | | |
| – kurang daripada 1 tahun | **–** | **–** | **–** | **(16.1)** |
| Opsyen beli atas saham dipegang oleh kepentingan bukan mengawal | | | | |
| – lebih daripada 3 tahun (nota kecil (f)(ii)) | **87.1** | **9.0** | **–** | **9.0** |
| **Liabiliti opsyen jual ke atas saham dipegang oleh kepentingan bukan mengawal** | | | | |
| – lebih daripada 3 tahun (nota kecil (f)(i)) | **–** | **–** | **270.1** | **(270.1)** |
| **Derivatif diambil kira di bawah perakaunan lindung nilai** | | | | |
| Swap kadar faedah – lindung nilai saksama (nota kecil (i)) | | | | |
| – 1 tahun hingga 3 tahun (nota kecil (c)) | **500.0** | **3.6** | **–** | **(3.9)** |
| Swap kadar faedah mata wang bersilang – lindung nilai aliran tunai (nota kecil (ii)) | | | | |
| – lebih daripada 3 tahun (nota kecil (a), (d) & (e)) | **926.2** | **134.7** | **67.7** | **45.6** |
| **JUMLAH** | **1,513.3** | **147.3** | **337.8** | **(235.5)** |

## 19. Instrumen Kewangan Derivatif dan Urus Niaga Lindung Nilai (sambungan)

| Kumpulan | Amaun kontrak atau nosional RM | Nilai saksama Aset RM | Nilai saksama Liabiliti RM | Perubahan nilai saksama dalam tahun kewangan tersebut RM |
|---|---|---|---|---|
| **2013** | | | | |
| **Derivatif pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian** | | | | |
| Kontrak hadapan mata wang asing (nota kecil (b)) | | | | |
| – kurang daripada 1 tahun | 910.5 | 27.1 | 11.0 | 41.4 |
| **Derivatif diambil kira di bawah perakaunan lindung nilai** | | | | |
| Swap kadar faedah – lindung nilai saksama (nota kecil (i)) | | | | |
| – lebih daripada 3 tahun (nota kecil (c)) | 500.0 | 7.5 | – | (11.1) |
| Swap kadar faedah mata wang bersilang – lindung nilai aliran tunai (nota kecil (ii)) | | | | |
| – lebih daripada 3 tahun (nota kecil (a), (d) & (e)) | 926.2 | 72.8 | 51.4 | 20.5 |
| JUMLAH | 2,336.7 | 107.4 | 62.4 | 50.8 |

| Syarikat | Amaun kontrak atau nosional RM | Nilai saksama Aset RM | Nilai saksama Liabiliti RM | Perubahan nilai saksama dalam tahun kewangan tersebut RM |
|---|---|---|---|---|
| **2014** | | | | |
| **Derivatif pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian** | | | | |
| Kontrak hadapan mata wang asing (nota kecil (b)) | | | | |
| – kurang daripada 1 tahun | **–** | **–** | **–** | **(16.1)** |
| **Derivatif diambil kira di bawah perakaunan lindung nilai** | | | | |
| Swap kadar faedah - lindung nilai saksama (nota kecil (i)) | | | | |
| – 1 tahun hingga 3 tahun (nota kecil (c)) | **500.0** | **3.6** | **–** | **(3.9)** |
| Swap kadar faedah mata wang bersilang – lindung nilai aliran tunai (nota kecil (ii)) | | | | |
| – lebih daripada 3 tahun (nota kecil (a), (d) & (e)) | **926.2** | **134.7** | **67.7** | **45.6** |
| **JUMLAH** | **1,426.2** | **138.3** | **67.7** | **25.6** |

## 19. Instrumen Kewangan Derivatif dan Urus Niaga Lindung Nilai (sambungan)

| Syarikat | Amaun kontrak atau nosional RM | Nilai saksama Aset RM | Nilai saksama Liabiliti RM | Perubahan nilai saksama dalam tahun kewangan tersebut RM |
|---|---|---|---|---|
| **2013** | | | | |
| **Derivatif pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian** | | | | |
| Kontrak hadapan mata wang asing (nota kecil (b)) | | | | |
| – kurang daripada 1 tahun | 910.5 | 27.1 | 11.0 | 41.4 |
| **Derivatif diambil kira di bawah perakaunan lindung nilai** | | | | |
| Swap kadar faedah – lindung nilai saksama (nota kecil (i)) | | | | |
| – lebih daripada 3 tahun (nota kecil (c)) | 500.0 | 7.5 | – | (11.1) |
| Swap kadar faedah mata wang bersilang – lindung nilai aliran tunai (nota kecil (ii)) | | | | |
| – lebih daripada 3 tahun (nota kecil (a), (d) & (e)) | 926.2 | 72.8 | 51.4 | 20.5 |
| JUMLAH | 2,336.7 | 107.4 | 62.4 | 50.8 |

(i) Laba atau kerugian terkumpul atas butiran lindung nilai berkaitan dengan risiko dilindung nilai didedahkan dalam nota 17 kepada penyata kewangan.

(ii) Perakaunan lindung nilai telah diguna pakai bagi lindung nilai aliran tunai ini yang mana butiran pendasar yang dilindung nilai adalah seperti berikut:

(a) bahagian bayaran kupon berkala setiap setengah tahun dan penyelesaian akhir Debentur 7.875% bernilai USD300.0 juta yang akan matang pada tahun 2025.
(b) bayaran faedah setiap setengah tahun dan penyelesaian akhir pinjaman bernilai JPY7.8 bilion yang akan matang pada tahun 2017.
(c) bayaran faedah setiap suku tahun dan penyelesaian akhir pinjaman bernilai USD100.0 juta yang akan matang pada tahun 2020.

Tiada ketidakberkesanan yang dicatatkan daripada lindung nilai saksama dan aliran tunai yang diambil kira di bawah perakaunan lindung nilai.

Nilai saksama instrumen kewangan derivatif adalah nilai kini bagi aliran tunai masa hadapannya. Nilai saksama yang menguntungkan menunjukkan amaun belum terima oleh Kumpulan dan Syarikat jika kontrak-kontrak tersebut ditamatkan atau sebaliknya. Kumpulan dan Syarikat terdedah kepada risiko kredit apabila nilai saksama kontrak menguntungkan, di mana pihak yang menyertai urusan dikehendaki membayar Kumpulan atau Syarikat sekiranya kontrak ditamatkan.

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit pada tarikh pelaporan ialah amaun dibawa bagi aset-aset derivatif seperti yang dibentangkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Ringkasan di bawah adalah urus niaga derivatif lindung nilai yang dimeterai oleh Syarikat:

**(a) Kontrak Swap Kadar Faedah Mata Wang Bersilang (CCIRS)**

**Liabiliti Pendasar**

**Debentur 7.875% USD300.0 juta matang pada tahun 2025**

Pada tahun 1995, Syarikat menerbitkan Debentur 7.875% bernilai USD300.0 juta yang akan matang pada tahun 2025.

**Instrumen Lindung Nilai**

Pada 17 Oktober 2011, Syarikat telah memeterai perjanjian CCIRS dengan amaun nosional bernilai USD50.0 juta yang melayakkannya menerima faedah pada kadar tetap 7.875% setahun atas amaun nosional USD dan mewajibkannya membayar faedah pada kadar tetap 7.875% atas amaun nosional RM (dikira pada pertukaran yang telah ditentukan terlebih dahulu). Swap ini akan matang pada 1 Ogos 2025. Pada tarikh matang, Syarikat akan menerima amaun nosional USD dan membayar pihak yang menyertai CCIRS ini amaun yang sama nilai dalam RM berjumlah RM154.0 juta.

## 19. Instrumen Kewangan Derivatif dan Urus Niaga Lindung Nilai (sambungan)

Ringkasan di bawah adalah urus niaga derivatif lindung nilai yang dimeterai oleh Syarikat: (sambungan)

**(a) Kontrak Swap Kadar Faedah Mata Wang Bersilang (CCIRS) (sambungan)**

**Instrumen Lindung Nilai (sambungan)**

Pada 2 Disember 2011, Syarikat telah memeterai satu lagi perjanjian CCIRS dengan amaun nosional bernilai USD50.0 juta yang melayakkannya menerima faedah pada kadar tetap 7.875% setahun atas amaun nosional USD dan mewajibkannya membayar faedah pada kadar tetap 7.875% setahun atas amaun nosional RM (dikira pada pertukaran yang telah ditentukan terlebih dahulu). Swap ini akan matang pada 1 Ogos 2025. Pada tarikh matang, Syarikat akan menerima amaun nosional USD dan membayar pihak yang menyertai CCIRS ini amaun yang sama nilai dalam RM berjumlah RM156.5 juta.

Kontrak-kontrak CCIRS ini menukar sebahagian liabiliti USD secara berkesan kepada liabiliti RM.

**(b) Kontrak Hadapan Mata Wang Asing**

**Liabiliti Pendasar**

**Nota Terjamin 5.25% USD465.1 juta matang pada tahun 2014**

Pada tahun 2004, TM Global Incorporated menerbitkan Nota Terjamin 5.25% bernilai USD500.0 juta yang akan matang pada tahun 2014. Pada 4 Disember 2009, Syarikat membeli balik Nota tersebut berjumlah USD34.9 juta. Nota ini telah ditebus sepenuhnya pada 22 September 2014.

**Instrumen Lindung Nilai**

Pada 10 Mac 2009 dan 28 Mei 2009, Syarikat memeterai dua kontrak hadapan mata wang asing yang akan matang pada 22 September 2014. Pada tarikh matang, Syarikat akan menerima USD50.0 juta setiap satu daripada pihak-pihak yang menyertai kontrak ini sebagai pulangan bagi pembayaran masing-masing sebanyak RM174.5 juta dan RM169.8 juta.

Pada 12 September 2012, Syarikat memeterai kontrak hadapan mata wang asing yang akan matang pada 19 September 2014. Pada tarikh matang, Syarikat akan menerima USD50.0 juta daripada pihak yang menyertai kontrak ini sebagai pulangan bagi pembayaran yang akan ditentukan kemudian. Jika kadar pertukaran pada tarikh matang adalah di bawah kadar yang ditentukan terlebih dahulu, Syarikat akan membeli USD untuk RM bagi amaun nosional pada kadar minimum. Jika kadar pertukaran pada tarikh matang adalah melebihi kadar yang ditentukan terlebih dahulu, Syarikat akan membeli USD untuk RM bagi amaun nosional berdasarkan kadar pertukaran yang diselaraskan bagi perbezaan antara kadar yang ditentukan terlebih dahulu dan kadar minimum. Berikutnya, pada 17 Oktober 2012, Syarikat memeterai satu lagi kontrak hadapan mata wang asing yang akan matang pada 19 September 2014. Pada tarikh matang, Syarikat akan menerima USD30.0 juta daripada pihak yang menyertai kontrak ini sebagai pulangan bagi pembayaran sebanyak RM94.9 juta.

Pada 3 Januari 2013 dan 11 Januari 2013, Syarikat memeterai dua kontrak hadapan mata wang asing yang akan matang pada 19 September 2014. Pada tarikh matang, Syarikat akan menerima USD30.0 juta dan USD40.0 juta daripada pihak-pihak yang menyertai kontrak ini sebagai pulangan bagi pembayaran masing-masing sebanyak RM94.8 juta dan RM125.6 juta. Pada 18 Oktober 2013, Syarikat memeterai kontrak hadapan mata wang asing yang akan matang pada 19 September 2014. Pada tarikh matang, Syarikat akan menerima USD30.0 juta daripada pihak yang menyertai kontrak ini sebagai pulangan bagi pembayaran sebanyak RM96.5 juta.

Berdekatan dengan tarikh matang, antara Februari dan Ogos 2014, Syarikat telah memeterai kontrak hadapan mata wang asing tambahan yang matang pada 19 September 2014. Pada tarikh matang, Syarikat akan menerima USD155.0 juta daripada pihak yang menyertai kontrak ini sebagai pulangan bagi pembayaran sebanyak RM506.0 juta.

Kontrak-kontrak hadapan mata wang asing ini menukar sebahagian liabiliti USD secara berkesan kepada liabiliti prinsipal dalam RM.

Syarikat telah menerima sejumlah USD435.0 juta untuk kontrak-kontrak tersebut pada tarikh matang daripada pihak-pihak yang menyertai kontrak ini sebagai pulangan bagi pembayaran sebanyak RM1,416.6 juta.

## 19. Instrumen Kewangan Derivatif dan Urus Niaga Lindung Nilai (sambungan)

Ringkasan di bawah adalah urus niaga derivatif lindung nilai yang dimeterai oleh Syarikat: (sambungan)

**(c) Kontrak Swap Kadar Faedah (IRS)**

**Liabiliti Pendasar**

**Sekuriti Pendapatan Terkait Islam TM (TM ISIS) 4.193% RM925.0 juta matang pada tahun 2018**

Pada tahun 2007, Syarikat telah menerbitkan TM ISIS 5.25% bernilai RM925.0 juta yang akan matang pada tahun 2018. Kuponnya ditetapkan semula pada 4.193% setahun yang perlu dibayar setiap setengah tahun secara tunggakan pada 31 Disember 2008 dan telah ditetapkan semula sekali lagi pada 31 Disember 2013 pada 4.87% setahun.

**Instrumen Lindung Nilai**

Pada 2 November 2009, Syarikat telah memeterai satu perjanjian IRS dengan prinsipal nosional berjumlah RM500.0 juta yang melayakkannya menerima faedah pada kadar tetap 4.193% setahun dan mewajibkannya membayar faedah pada kadar terapung 6 bulan KLIBOR, tolak 0.035% setahun. Swap ini akan matang pada 30 Disember 2016. Walau bagaimanapun, pada 31 Disember 2013, seiringan dengan penetapan semula kupon liabiliti pendasar kepada 4.87% setahun, Syarikat diwajibkan membayar faedah pada kadar terapung KLIBOR 6 bulan, campur 0.642%. Swap ini akan matang pada 30 Disember 2016.

**(d) Kontrak Swap Kadar Faedah Mata Wang Bersilang (CCIRS)**

**Liabiliti Pendasar**

**Pinjaman 0.91375% JPY7.8 bilion matang pada tahun 2017**

Pada tahun 2012, Syarikat melalui anak syarikat milik penuhnya iaitu TM Global Incorporated, telah memperoleh pinjaman 5 tahun bernilai JPY7.8 bilion daripada sebuah institusi kewangan.

**Instrumen Lindung Nilai**

Pada 20 November 2012, Syarikat telah memeterai perjanjian CCIRS dengan amaun nosional bernilai JPY7.8 bilion yang melayakkannya menerima faedah pada kadar tetap sebanyak 0.91375% setahun atas amaun nosional JPY dan mewajibkannya membayar faedah pada kadar tetap sebanyak 3.62% atas amaun nosional RM (dikira pada kadar pertukaran yang telah ditentukan terlebih dahulu). Swap ini akan matang pada 20 November 2017. Pada tarikh matang, Syarikat akan menerima amaun nosional JPY dan membayar pihak yang menyertai CCIRS ini amaun yang sama nilai dalam RM berjumlah RM298.9 juta.

Kontrak CCIRS ini menukar liabiliti JPY secara berkesan kepada liabiliti RM.

**(e) Kontrak Swap Kadar Faedah Mata Wang Bersilang (CCIRS)**

**Liabiliti Pendasar**

**Pinjaman LIBOR 3 bulan campur 0.91% USD100.0 juta matang pada tahun 2020**

Pada tahun 2013, Syarikat melalui anak syarikat milik penuhnya iaitu TM Global Incorporated, telah memperoleh pinjaman 7 tahun bernilai USD100.0 juta daripada sebuah institusi kewangan.

**Instrumen Lindung Nilai**

Pada 12 November 2013, Syarikat telah memeterai dua perjanjian CCIRS dengan amaun nosional masing-masing bernilai USD70.0 juta dan USD30.0 juta. CCIRS yang pertama melayakkan Syarikat menerima faedah pada kadar terapung LIBOR 3 bulan, campur 0.91% setahun atas amaun nosional USD dan mewajibkannya membayar faedah pada kadar tetap sebanyak 4.02% setahun atas amaun nosional RM (dikira pada kadar pertukaran yang telah ditentukan terlebih dahulu). CCIRS yang kedua melayakkan Syarikat menerima faedah pada kadar terapung LIBOR 3 bulan, campur 0.91% setahun atas amaun nosional USD dan mewajibkannya membayar faedah pada kadar tetap sebanyak 4.00% setahun atas amaun nosional RM (dikira pada kadar pertukaran yang telah ditentukan terlebih dahulu). Swap ini akan matang pada 30 Oktober 2020. Pada tarikh matang, Syarikat akan menerima amaun nosional USD dan membayar pihak-pihak yang menyertai CCIRS ini amaun yang sama nilai dalam RM berjumlah RM316.8 juta.

Kontrak CCIRS ini menukar liabiliti USD secara berkesan kepada liabiliti RM.

## 19. Instrumen Kewangan Derivatif dan Urus Niaga Lindung Nilai (sambungan)

Ringkasan di bawah adalah urus niaga derivatif lindung nilai yang dimeterai oleh Syarikat: (sambungan)

**(f) Opsyen Beli dan Opsyen Jual atas Saham Sebuah Anak Syarikat kepada Kumpulan**

**(i) Liabiliti opsyen jual ke atas saham dipegang oleh kepentingan bukan mengawal**

Seperti yang dinyatakan dalam nota 5(a) kepada penyata kewangan, Kumpulan melalui Mobikom Sdn Bhd (Mobikom) telah memberi Packet One Sdn Bhd (Packet One) opsyen untuk menjual, yang memerlukan Mobikom membeli, semua saham dalam modal Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd (P1) yang didaftar atas nama Packet One (termasuk badan korporat Packet One yang berkaitan), secara kolektif (Opsyen Jual Packet One).

Opsyen Jual Packet One boleh dilaksanakan secara keseluruhan atau secara sebahagian pada atau selepas 31 Mac 2021 sehingga 30 September 2022 pada harga pasaran purata wajaran volum P1 pada masa pelaksanaan jika ia didagang atau disenaraikan di bursa saham yang diiktiraf seperti Bursa Malaysia Securities atau jika saham P1 tidak didagangkan secara awam, nilai ekuiti atau nilai pasaran pengagihan sepenuhnya seandainya saham P1 didagangkan di bursa saham yang diiktiraf.

**(ii) Opsyen beli atas saham dipegang oleh kepentingan bukan mengawal**

Seperti yang dinyatakan dalam nota 5(a) kepada penyata kewangan, SK Telecom Co Ltd (SKT) telah memberi satu opsyen kepada Mobikom untuk membeli dan SKT untuk menjual, semua saham P1 yang didaftar di bawah nama SKT (termasuk badan korporat SKT yang berkaitan), secara kolektif (Opsyen Beli SKT).

Antara syarat-syaratnya, Opsyen Beli SKT hanya boleh dilaksanakan secara keseluruhan dan tidak secara bahagian, pada bila-bila masa setelah SKT dan badan-badan korporatnya berhenti memiliki sekurang-kurangnya 10% daripada modal saham terbitan P1 dan akan luput secara automatik berikutan yang paling awal dari yang berikut:

(i) Dua (2) bulan selepas penyempurnaan terbitan MTN Boleh Ubah bernilai RM1.65 bilion;
(ii) tarikh sejurus sebelum sempurnanya sebarang tambahan modal selain yang terkandung dalam Perjanjian Pelaburan; atau
(iii) penawaran awam awal yang dilaksanakan oleh P1.

Harga pelaksanaan adalah pada harga yang bersamaan dengan harga langganan sesaham yang dilanggani Mobikom pada masa penyempurnaan pengambilalihan P1 oleh Kumpulan pada 30 September 2014.

Selain daripada yang disebut di atas, terdapat derivatif lain yang berbangkit daripada pelaburan Kumpulan dalam P1 di mana harga pelaksanaannya adalah pada nilai saksama pasaran saham-saham dalam P1 semasa opsyen itu bakal dilaksanakan dan dengan demikian, nilai saksama opyen-opsyen itu adalah sifar.

## 20. Cukai Tertunda

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan dari segi undang-undang untuk mengimbangkan aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan apabila cukai tertunda berkait dengan pihak berkuasa cukai yang sama. Amaun berikut, yang ditentukan selepas pengimbangan yang bersesuaian, dibentangkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan:

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | 2014 RM | 2013 RM | 2014 RM | 2013 RM |
| Tertakluk kepada cukai pendapatan: | | | | |
| Aset cukai tertunda | **14.8** | 19.3 | **–** | – |
| Liabiliti cukai tertunda | **1,258.0** | 1,151.0 | **1,135.0** | 1,030.9 |
| **JUMLAH CUKAI TERTUNDA** | **1,243.2** | 1,131.7 | **1,135.0** | 1,030.9 |
| Pada 1 Januari | **1,131.7** | 1,184.0 | **1,030.9** | 1,076.7 |
| Pengambilalihan sebuah anak syarikat (nota 5(b)) | **0.1** | – | **–** | – |
| (Dikredit)/Dicaj kepada Penyata Pendapatan pada tahun semasa yang timbul daripada: | | | | |
| – hartanah, loji dan peralatan | **(89.5)** | 128.5 | **(86.9)** | 97.2 |
| – aset tak ketara | **(0.8)** | – | **–** | – |
| – insentif cukai | **221.7** | (161.8) | **221.7** | (161.8) |
| – kerugian cukai | **–** | (6.3) | **–** | – |
| – peruntukan dan lain-lain | **(29.5)** | (12.4) | **(30.7)** | 18.8 |
| | **101.9** | (52.0) | **104.1** | (45.8) |
| – pelarasan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan sebuah anak syarikat (nota 5(a)) | **9.7** | – | **–** | – |
| – perbezaan terjemahan mata wang | **(0.2)** | (0.3) | **–** | – |
| **Pada 31 Disember** | **1,243.2** | 1,131.7 | **1,135.0** | 1,030.9 |

Pecahan baki terkumpul menurut setiap jenis perbezaan sementara:

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | 2014 RM | 2013 RM | 2014 RM | 2013 RM |
| **(a) Aset cukai tertunda** | | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | **19.6** | 36.3 | **–** | 5.5 |
| Insentif cukai | **756.9** | 978.6 | **756.9** | 978.6 |
| Kerugian cukai | **7.7** | 7.7 | **–** | – |
| Peruntukan dan lain-lain | **467.8** | 437.8 | **445.0** | 414.3 |
| | **1,252.0** | 1,460.4 | **1,201.9** | 1,398.4 |
| Imbangan | **(1,237.2)** | (1,441.1) | **(1,201.9)** | (1,398.4) |
| **Jumlah aset cukai tertunda selepas imbangan** | **14.8** | 19.3 | **–** | – |
| **(b) Liabiliti cukai tertunda** | | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | **2,485.8** | 2,592.1 | **2,336.9** | 2,429.3 |
| Aset tak ketara | **8.9** | – | **–** | – |
| Peruntukan dan lain-lain | **0.5** | – | **–** | – |
| | **2,495.2** | 2,592.1 | **2,336.9** | 2,429.3 |
- Nilai saksama swap kadar faedah yang dikira pada nilai kini anggaran aliran tunai masa hadapan berdasarkan keluk hasil boleh dipantau.
- Nilai saksama kontrak hadapan pertukaran asing yang ditentukan dengan menggunakan kadar pertukaran masa hadapan pada tarikh pelaporan, dengan nilai terhasil didiskaunkan semula kepada nilai kini.
- Nilai saksama opsyen jual atas kepentingan bukan mengawal sebuah anak syarikat yang ditentukan dengan menggunakan jangkaan nilai masa hadapan sebuah anak syarikat dengan nilai terhasil didiskaunkan kepada nilai kini.
- Nilai saksama opsyen beli atas saham sebuah anak syarikat yang dipegang oleh kepentingan bukan mengawal yang ditentukan melalui model penilaian opsyen dengan input pasaran boleh dipantau.
- Teknik-teknik lain, seperti analisis aliran tunai terdiskaun, digunakan bagi menentukan nilai saksama bagi instrumen kewangan yang selebihnya.

Semua hasil anggaran nilai saksama adalah termasuk dalam Tahap 2 kecuali bagi pelaburan dalam sekuriti ekuiti yang tidak didagangkan dan opsyen jual atas saham sebuah anak syarikat yang dipegang oleh kepentingan bukan mengawal.

## 47. Nilai Saksama (sambungan)

### (a) Instrumen Kewangan Dibawa pada Nilai Saksama (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan penyesuaian daripada baki mula hingga ke baki akhir bagi pengukuran nilai saksama dalam Tahap 3 hierarki nilai saksama:

| | Kumpulan dan Syarikat | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Aset | | Liabiliti | |
| | 2014 RM | 2013 RM | 2014 RM | 2013 RM |
| Pada 1 Januari | **48.4** | 49.3 | **–** | – |
| Pengiktirafan awal (nota 15 & 19(f)(i)) | **–** | – | **267.6** | – |
| Penamatan diskaun | **–** | – | **2.5** | – |
| Perubahan nilai saksama dipindahkan kepada pendapatan keseluruhan lain | **–** | (0.9) | **–** | – |
| **Pada 31 Disember** | **48.4** | 48.4 | **270.1** | – |

Aset kewangan termasuk dalam Tahap 3 hierarki nilai saksama adalah pelaburan ekuiti yang tidak didagangkan yang mana penilaiannya adalah berdasarkan kepada aliran tunai masa hadapan terdiskaun yang diperoleh daripada belanjawan dan unjuran entiti penerima pelaburan, yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Aliran tunai masa hadapan adalah didiskaunkan berdasarkan faktor-faktor diskaun entiti setanding yang disenarai awam jika ada, serta penanda aras industri, setelah mengambil kira keupayaan masa lalu penerima pelaburan dalam memenuhi belanjawan dan unjuran yang sebelumnya. Kumpulan juga mempunyai perwakilan Lembaga dalam penerima pelaburan di mana pemahaman sewajarnya mengenai prestasi sebenar dan unjuran yang digunakan oleh Kumpulan dalam menilai kepatutan anggaran dan andaian yang digunakan dalam penilaian. Dalam menganggar nilai saksama opsyen jual atas saham sebuah anak syarikat yang dipegang oleh kepentingan bukan mengawal, liabiliti kewangan yang termasuk dalam Tahap 3, Kumpulan telah menggunakan model penilaian dalam mengunjur jangkaan harga saham anak syarikat tersebut secara kumulatif dalam tahun 2021 hingga 2022 dengan menggunakan harga transaksi terkini, kadar pertumbuhan yang setanding dan faktor-faktor diskaun khusus kepada industri tertentu yang tersedia pada tarikh pelaporan.

Walaupun Kumpulan dan Syarikat percaya bahawa anggaran nilai saksama adalah wajar, penggunaan kaedah atau andaian yang berlainan boleh membawa kepada pengukuran nilai saksama yang berbeza. Bagi pengukuran nilai saksama dalam Tahap 3, sekiranya kadar diskaun yang digunakan dalam analisis aliran tunai terdiskaun berbeza sebanyak 10% daripada anggaran pengurusan, amaun dibawa aset kewangan tersedia-untuk-dijual adalah kira-kira RM1.0 juta (2013: RM1.0 juta) lebih rendah atau RM1.1 juta (2013: RM1.3 juta) lebih tinggi. Amaun dibawa opsyen jual atas saham sebuah anak syarikat Kumpulan adalah dianggarkan RM3.6 juta lebih rendah atau RM3.6 juta lebih tinggi sekiranya kadar diskaun yang digunakan dalam penilaian berbeza sebanyak 5% daripada anggaran pengurusan.

## 47. Nilai Saksama (sambungan)

### (b) Instrumen Kewangan Selain Daripada yang Dibawa pada Nilai Saksama

Amaun dibawa bagi aset dan liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat pada tarikh pelaporan adalah sewajarnya hampir dengan nilai saksamanya kecuali yang berikut:

| | Kumpulan | | | | Syarikat | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2014 | | 2013 | | 2014 | | 2013 | |
| | Amaun dibawa RM | Nilai saksama bersih RM | Amaun dibawa RM | Nilai saksama bersih RM | Amaun dibawa RM | Nilai saksama bersih RM | Amaun dibawa RM | Nilai saksama bersih RM |
| **Aset** | | | | | | | | |
| Pinjaman anggota | **82.6** | **79.7** | 37.7 | 35.1 | **82.5** | **79.6** | 37.6 | 35.0 |
| Belum terima Nota Jangka Sederhana Boleh Tebus Boleh Tukar | **121.7** | **120.8** | – | – | **–** | **–** | – | – |
| Belum terima bukan semasa lain (tidak termasuk cukai boleh dipungut semula) | **184.3** | **179.9** | 164.5 | 148.7 | **112.1** | **107.7** | 91.9 | 76.1 |
| **Liabiliti** | | | | | | | | |
| Peminjaman | **6,448.4** | **6,953.0** | 6,455.2 | 6,813.7 | **5,613.5** | **6,086.8** | 4,348.8 | 4,654.1 |
| Belum bayar kepada sebuah anak syarikat | **–** | **–** | – | – | **575.7** | **603.8** | 2,093.4 | 2,146.6 |
| Belum bayar oleh sebuah anak syarikat kepada pembekal | **192.6** | **206.5** | – | – | **–** | **–** | – | – |

**Aset**

Bagi menaksir nilai saksama instrumen kewangan tidak didagangkan, Kumpulan dan Syarikat menggunakan pelbagai kaedah dan membuat andaian yang berasaskan kepada keadaan pasaran yang ada pada setiap tarikh pelaporan. Jika pengurangan nilai dibuat berhubung sebarang pelaburan, amaun dibawa selepas ditolak peruntukan pengurangan nilai dianggap menghampiri nilai saksamanya.

Nilai saksama bagi pinjaman anggota dan belum terima bukan semasa lain telah dianggarkan dengan mendiskaunkan anggaran aliran tunai masa hadapan dengan menggunakan kadar pasaran semasa, masing-masing untuk risiko kredit dan baki tempoh matang yang sama.

Cagaran diambil bagi pinjaman anggota dan Pengarah-pengarah berpendapat bahawa potensi kerugian sekiranya terdapat sebarang kemungkiran, dapat dilindungi dengan nilai cagaran atas setiap pinjaman.

**Liabiliti**

Nilai saksama bon disebut harga telah dianggarkan dengan menggunakan harga tawaran disebut harga masing-masing. Untuk peminjaman tidak disebut harga dengan kadar faedah tetap, nilai saksama telah dianggarkan dengan mendiskaunkan anggaran aliran tunai masa hadapan dengan menggunakan kadar pasaran semasa untuk risiko kredit dan baki tempoh matang yang sama.

Liabiliti kewangan akan direalisasi pada amaun dibawanya dan bukan pada nilai saksamanya kerana Pengarah-pengarah tidak berhasrat untuk melangsaikan liabiliti tersebut selain daripada mengikut obligasi berkontrak.

Bagi semua instrumen kewangan jangka pendek lain yang matang dalam tempoh setahun atau yang akan dibayar semula mengikut permintaan, amaun dibawa adalah sewajarnya menghampiri nilai saksamanya pada tarikh pelaporan.

## 48. Risiko Kecairan

Jadual berikut menunjukkan analisa profil matang liabiliti kewangan bagi Kumpulan dan Syarikat (termasuk liabiliti derivatif kewangan) berdasarkan aliran tunai berkontrak tidak terdiskaun:

| Kumpulan | Kurang dari 1 tahun RM | >1 tahun hingga 2 tahun RM | >2 tahun hingga 5 tahun RM | >5 tahun RM | Jumlah aliran tunai berkontrak tidak terdiskaun RM | Perbezaan daripada amaun dibawa RM | Amaun dibawa seperti Penyata Kedudukan Kewangan RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **2014** | | | | | | | |
| Peminjaman | **(201.9)** | **(98.9)** | **(1,330.6)** | **(4,844.9)** | **(6,476.3)** | **27.9** | **(6,448.4)** |
| Liabiliti opsyen jual ke atas saham yang dipegang oleh kepentingan bukan mengawal | **–** | **–** | **–** | **(355.1)** | **(355.1)** | **85.0** | **(270.1)** |
| Swap kadar faedah mata wang bersilang tidak menguntungkan | **(8.7)** | **(8.7)** | **(55.1)** | **–** | **(72.5)** | **4.8** | **(67.7)** |
| Belum bayar perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk liabiliti berkanun dan hasil tertunda) | **(3,194.5)** | **–** | **–** | **–** | **(3,194.5)** | **–** | **(3,194.5)** |
| Deposit pelanggan | **(482.4)** | **–** | **–** | **–** | **(482.4)** | **–** | **(482.4)** |
| **Jumlah** | **(3,887.5)** | **(107.6)** | **(1,385.7)** | **(5,200.0)** | **(10,580.8)** | **117.7** | **(10,463.1)** |
| **Faedah** | **(290.7)** | **(286.9)** | **(805.6)** | **(944.0)** | **(2,327.2)** | | |
| **2013** | | | | | | | |
| Peminjaman | (1,595.4) | (57.7) | (1,297.5) | (3,544.3) | (6,494.9) | 39.7 | (6,455.2) |
| Kontrak hadapan tidak menguntungkan | (11.1) | – | – | – | (11.1) | 0.1 | (11.0) |
| Swap kadar faedah mata wang bersilang tidak menguntungkan | (8.6) | (8.5) | (38.9) | – | (56.0) | 4.6 | (51.4) |
| Belum bayar perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk liabiliti berkanun dan hasil tertunda) | (2,705.2) | – | – | – | (2,705.2) | – | (2,705.2) |
| Deposit pelanggan | (502.1) | – | – | – | (502.1) | – | (502.1) |
| Jumlah | (4,822.4) | (66.2) | (1,336.4) | (3,544.3) | (9,769.3) | 44.4 | (9,724.9) |
| Faedah | (289.4) | (226.4) | (662.7) | (822.9) | (2,001.4) | | |

## 48. Risiko Kecairan (sambungan)

| Syarikat | Kurang dari 1 tahun RM | >1 tahun hingga 2 tahun RM | >2 tahun hingga 5 tahun RM | >5 tahun RM | Jumlah aliran tunai berkontrak tidak terdiskaun RM | Perbezaan daripada amaun dibawa RM | Amaun dibawa seperti Penyata Kedudukan Kewangan RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **2014** | | | | | | | |
| Peminjaman | **(107.6)** | **(57.4)** | **(1,000.6)** | **(4,475.8)** | **(5,641.4)** | **27.9** | **(5,613.5)** |
| Belum bayar kepada sebuah anak syarikat | **–** | **–** | **(227.7)** | **(348.0)** | **(575.7)** | **–** | **(575.7)** |
| Swap kadar faedah mata wang bersilang tidak menguntungkan | **(8.7)** | **(8.7)** | **(55.1)** | **–** | **(72.5)** | **4.8** | **(67.7)** |
| Belum bayar perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk liabiliti berkanun dan hasil tertunda) | **(2,968.0)** | **–** | **–** | **–** | **(2,968.0)** | **–** | **(2,968.0)** |
| Deposit pelanggan | **(480.6)** | **–** | **–** | **–** | **(480.6)** | **–** | **(480.6)** |
| **Jumlah** | **(3,564.9)** | **(66.1)** | **(1,283.4)** | **(4,823.8)** | **(9,738.2)** | **32.7** | **(9,705.5)** |
| **Faedah** | **(280.8)** | **(280.8)** | **(792.7)** | **(939.5)** | **(2,293.8)** | | |
| **2013** | | | | | | | |
| Peminjaman | (57.7) | (57.7) | (1,054.8) | (3,218.3) | (4,388.5) | 39.7 | (4,348.8) |
| Belum bayar kepada sebuah anak syarikat | (1,524.7) | – | (242.7) | (326.0) | (2,093.4) | – | (2,093.4) |
| Kontrak hadapan tidak menguntungkan | (11.1) | – | – | – | (11.1) | 0.1 | (11.0) |
| Swap kadar faedah mata wang bersilang tidak menguntungkan | (8.6) | (8.5) | (38.9) | – | (56.0) | 4.6 | (51.4) |
| Belum bayar perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk liabiliti berkanun dan hasil tertunda) | (2,969.0) | – | – | – | (2,969.0) | – | (2,969.0) |
| Deposit pelanggan | (500.3) | – | – | – | (500.3) | – | (500.3) |
| Jumlah | (5,071.4) | (66.2) | (1,336.4) | (3,544.3) | (10,018.3) | 44.4 | (9,973.9) |
| Faedah | (288.9) | (226.4) | (662.7) | (822.9) | (2,000.9) | | |

## 49. Risiko Kadar Faedah/Analisis Matang

Jadual di bawah meringkaskan pendedahan Kumpulan dan Syarikat kepada risiko kadar faedah. Termasuk dalam jadual tersebut ialah aset dan liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat pada amaun dibawa, yang dikategorikan mengikut tarikh yang lebih awal antara tarikh dinilai semula atau tarikh matang berkontrak. Oleh itu, sebaran baki di antara kumpulan pengusiaan dalam jadual di bawah tidak semestinya bersesuaian dengan yang ditunjukkan dalam jadual risiko kecairan dalam nota 48 atau jadual pembayaran balik dalam nota 17 kepada penyata kewangan. Kepekaan kepada kadar faedah timbul daripada ketidakpadanan tarikh dinilai semula, aliran tunai dan ciri-ciri lain aset dengan pembiayaan liabilitinya.

| | | Matang atau dinilai semula (yang mana lebih awal) | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kumpulan** | **WARF*** | **1 tahun atau kurang RM** | **>1 - 2 tahun RM** | **>2 – 3 tahun RM** | **>3 – 4 tahun RM** | **>4 – 5 tahun RM** | **Lebih daripada 5 tahun RM** | **Jumlah peka kepada faedah RM** | **Tidak peka kepada faedah RM** | **Jumlah RM** |
| **2014** | | | | | | | | | | |
| **Aset kewangan** | | | | | | | | | | |
| Instrumen kewangan derivatif | - | 147.3 | - | - | - | - | - | 147.3 | - | 147.3 |
| Pelaburan tersedia-untuk-dijual | | | | | | | | | | |
| – tidak peka kepada faedah | - | - | - | - | - | - | - | - | 99.0 | 99.0 |
| – kadar faedah tetap | 4.47% | 469.3 | - | - | - | - | - | 469.3 | - | 469.3 |
| Belum terima tersedia-untuk-dijual | 8.04% | 1.6 | 0.8 | 0.9 | 1.2 | 1.1 | 1.3 | 6.9 | - | 6.9 |
| Pinjaman anggota dan belum terima bukan semasa lain (tidak termasuk cukai boleh dipungut semula dan manfaat prabayar anggota) | | | | | | | | | | |
| – kadar faedah tetap | | | | | | | | | | |
| – konvensional | 6.40% | 0.2 | 2.1 | 0.1 | 0.1 | 0.1 | 185.2 | 187.8 | 70.2 | 258.0 |
| – baki di bawah prinsip Islam | 4.20% | 51.3 | 1.3 | 1.6 | 2.4 | 2.0 | 72.0 | 130.6 | - | 130.6 |
| Belum terima perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk bayaran pendahuluan, cukai boleh dipungut semula dan pinjaman anggota) | - | - | - | - | - | - | - | - | 2,459.2 | 2,459.2 |
| Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian | - | - | - | - | - | - | - | - | 9.2 | 9.2 |
| Tunai dan baki bank | | | | | | | | | | |
| – tidak peka kepada faedah | - | - | - | - | - | - | - | - | 943.0 | 943.0 |
| – kadar faedah tetap | | | | | | | | | | |
| – konvensional | 4.34% | 1,088.4 | - | - | - | - | - | 1,088.4 | - | 1,088.4 |
| – baki di bawah prinsip Islam | 4.32% | 954.4 | - | - | - | - | - | 954.4 | - | 954.4 |
| **Jumlah** | | 2,712.5 | 4.2 | 2.6 | 3.7 | 3.2 | 258.5 | 2,984.7 | 3,580.6 | 6,565.3 |
| **Liabiliti kewangan** | | | | | | | | | | |
| Peminjaman | | | | | | | | | | |
| – tidak peka kepada faedah | - | - | - | - | - | - | - | - | 3.1 | 3.1 |
| – kadar faedah terapung | 1.17% | - | - | - | - | - | 347.9 | 347.9 | - | 347.9 |
| – kadar faedah tetap | | | | | | | | | | |
| – konvensional | 6.16% | 196.8 | 57.1 | 278.1 | 5.3 | 129.2 | 1,102.3 | 1,768.8 | - | 1,768.8 |
| – baki di bawah prinsip Islam | 4.43% | - | - | - | 928.6 | - | 3,400.0 | 4,328.6 | - | 4,328.6 |
| Instrumen kewangan derivatif | - | 67.7 | - | - | - | - | 270.1 | 337.8 | - | 337.8 |
| Belum bayar perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk liabiliti berkanun dan hasil tertunda) | | | | | | | | | | |
| – tidak peka kepada faedah | - | - | - | - | - | - | - | - | 3,001.9 | 3,001.9 |
| – kadar faedah tetap | 4.20% | - | 192.6 | - | - | - | - | 192.6 | - | 192.6 |
| Deposit pelanggan | - | - | - | - | - | - | - | - | 482.4 | 482.4 |
| **Jumlah** | | 264.5 | 249.7 | 278.1 | 933.9 | 129.2 | 5,120.3 | 6,975.7 | 3,487.4 | 10,463.1 |
| **Jurang kepekaan faedah** | | 2,448.0 | (245.5) | (275.5) | (930.2) | (126.0) | (4,861.8) | | | |

## 49. Risiko Kadar Faedah/Analisis Matang (sambungan)

| Kumpulan | WARF* | Matang atau dinilai semula (yang mana lebih awal) | | | | | | Jumlah peka kepada faedah RM | Tidak peka kepada faedah RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 1 tahun atau kurang RM | >1 - 2 tahun RM | >2 – 3 tahun RM | >3 – 4 tahun RM | >4 – 5 tahun RM | Lebih daripada 5 tahun RM | | | |
| **2013** | | | | | | | | | | |
| **Aset kewangan** | | | | | | | | | | |
| Instrumen kewangan derivatif | – | 107.4 | – | – | – | – | – | 107.4 | – | 107.4 |
| Pelaburan tersedia-untuk-dijual | | | | | | | | | | |
| – tidak peka kepada faedah | – | – | – | – | – | – | – | – | 99.7 | 99.7 |
| – kadar faedah tetap | 4.53% | 624.3 | – | – | – | – | – | 624.3 | – | 624.3 |
| Belum terima tersedia-untuk-dijual | 7.78% | 0.7 | 0.7 | 1.0 | 1.2 | 1.5 | 2.5 | 7.6 | – | 7.6 |
| Pinjaman anggota dan belum terima bukan semasa lain (tidak termasuk cukai boleh dipungut semula dan manfaat prabayar anggota) | | | | | | | | | | |
| – kadar faedah tetap | | | | | | | | | | |
| – konvensional | 3.60% | 0.2 | 0.2 | 0.2 | 0.1 | 0.1 | 44.1 | 44.9 | 72.6 | 117.5 |
| – baki di bawah prinsip Islam | 3.56% | 48.7 | 1.2 | 1.8 | 2.4 | 3.1 | 27.5 | 84.7 | – | 84.7 |
| Belum terima perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk bayaran pendahuluan, cukai boleh dipungut semula dan pinjaman anggota) | – | – | – | – | – | – | – | – | 1,983.9 | 1,983.9 |
| Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian | – | – | – | – | – | – | – | – | 17.2 | 17.2 |
| Tunai dan baki bank | | | | | | | | | | |
| – tidak peka kepada faedah | – | – | – | – | – | – | – | – | 755.4 | 755.4 |
| – kadar faedah tetap | | | | | | | | | | |
| – konvensional | 3.67% | 831.7 | – | – | – | – | – | 831.7 | – | 831.7 |
| – baki di bawah prinsip Islam | 3.63% | 927.8 | – | – | – | – | – | 927.8 | – | 927.8 |
| Jumlah | | 2,540.8 | 2.1 | 3.0 | 3.7 | 4.7 | 74.1 | 2,628.4 | 2,928.8 | 5,557.2 |
| **Liabiliti kewangan** | | | | | | | | | | |
| Peminjaman | | | | | | | | | | |
| – tidak peka kepada faedah | – | – | – | – | – | – | – | – | 3.4 | 3.4 |
| – kadar faedah terapung | 1.16% | 326.0 | – | – | – | – | – | 326.0 | – | 326.0 |
| – kadar faedah tetap | | | | | | | | | | |
| – konvensional | 5.74% | 1,586.2 | 45.8 | 43.6 | 284.6 | 0.1 | 1,032.9 | 2,993.2 | – | 2,993.2 |
| – baki di bawah prinsip Islam | 4.13% | – | – | – | – | 932.6 | 2,200.0 | 3,132.6 | – | 3,132.6 |
| Instrumen kewangan derivatif | – | 62.4 | – | – | – | – | – | 62.4 | – | 62.4 |
| Belum bayar perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk liabiliti berkanun dan hasil tertunda) | – | – | – | – | – | – | – | – | 2,705.2 | 2,705.2 |
| Deposit pelanggan | – | – | – | – | – | – | – | – | 502.1 | 502.1 |
| Jumlah | | 1,974.6 | 45.8 | 43.6 | 284.6 | 932.7 | 3,232.9 | 6,514.2 | 3,210.7 | 9,724.9 |
| Jurang kepekaan faedah | | 566.2 | (43.7) | (40.6) | (280.9) | (928.0) | (3,158.8) | | | |

* WARF – Kadar Purata Wajaran Pembiayaan pada 31 Disember

## 49. Risiko Kadar Faedah/Analisis Matang (sambungan)

Jadual di bawah meringkaskan kadar purata wajaran pembiayaan (WARF) pada 31 Disember mengikut mata wang utama bagi setiap kelas aset dan liabiliti kewangan:

| | 2014 | | 2013 | |
|---|---|---|---|---|
| **Kumpulan** | **USD** | **RM** | **USD** | **RM** |
| **Aset kewangan** | | | | |
| Pelaburan tersedia-untuk-dijual | **–** | **4.47%** | – | 4.53% |
| Belum terima tersedia-untuk-dijual | **–** | **8.04%** | – | 7.78% |
| Pinjaman anggota dan belum terima bukan semasa lain (tidak termasuk cukai boleh dipungut semula dan manfaat prabayar anggota) | **–** | **5.50%** | – | 3.59% |
| Tunai dan baki bank | **–** | **4.33%** | 0.59% | 3.66% |
| **Liabiliti kewangan** | | | | |
| Peminjaman | **6.20%** | **4.48%** | 5.69% | 4.37% |
| Belum bayar perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk liabiliti berkanun dan hasil tertunda) | **4.20%** | **–** | – | – |

## 49. Risiko Kadar Faedah/Analisis Matang (sambungan)

| Syarikat | WARF* | Matang atau dinilai semula (yang mana lebih awal) 1 tahun atau kurang RM | >1 - 2 tahun RM | >2 – 3 tahun RM | >3 – 4 tahun RM | >4 – 5 tahun RM | Lebih daripada 5 tahun RM | Jumlah peka kepada faedah RM | Tidak peka kepada faedah RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **2014** | | | | | | | | | | |
| **Aset kewangan** | | | | | | | | | | |
| Instrumen kewangan derivatif | – | 138.3 | – | – | – | – | – | 138.3 | – | 138.3 |
| Pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat (bersih) | | | | | | | | | | |
| – kadar faedah terapung | 4.42% | 250.5 | – | – | – | – | – | 250.5 | – | 250.5 |
| Pelaburan tersedia-untuk-dijual | | | | | | | | | | |
| – tidak peka kepada faedah | – | – | – | – | – | – | – | – | 98.9 | 98.9 |
| – kadar faedah tetap | 4.47% | 469.3 | – | – | – | – | – | 469.3 | – | 469.3 |
| Belum terima tersedia-untuk-dijual | 8.04% | 1.6 | 0.8 | 0.9 | 1.2 | 1.1 | 1.3 | 6.9 | – | 6.9 |
| Pinjaman anggota dan belum terima bukan semasa lain (tidak termasuk cukai boleh dipungut semula dan manfaat prabayar anggota) | | | | | | | | | | |
| – kadar faedah tetap | | | | | | | | | | |
| – konvensional | 3.57% | 0.1 | 0.1 | 0.1 | 0.1 | 0.1 | 63.5 | 64.0 | – | 64.0 |
| – baki di bawah prinsip Islam | 4.20% | 51.3 | 1.3 | 1.6 | 2.4 | 2.0 | 72.0 | 130.6 | – | 130.6 |
| Belum terima perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk bayaran pendahuluan, cukai boleh dipungut semula dan pinjaman anggota) | – | – | – | – | – | – | – | – | 1,838.9 | 1,838.9 |
| Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian | – | – | – | – | – | – | – | – | 9.2 | 9.2 |
| Tunai dan baki bank | | | | | | | | | | |
| – tidak peka kepada faedah | – | – | – | – | – | – | – | – | 451.5 | 451.5 |
| – kadar faedah tetap | | | | | | | | | | |
| – konvensional | 4.35% | 1,028.0 | – | – | – | – | – | 1,028.0 | – | 1,028.0 |
| – baki di bawah prinsip Islam | 4.33% | 868.3 | – | – | – | – | – | 868.3 | – | 868.3 |
| **Jumlah** | | 2,807.4 | 2.2 | 2.6 | 3.7 | 3.2 | 136.8 | 2,955.9 | 2,398.5 | 5,354.4 |
| **Liabiliti kewangan** | | | | | | | | | | |
| Peminjaman | | | | | | | | | | |
| – tidak peka kepada faedah | – | – | – | – | – | – | – | – | 3.1 | 3.1 |
| – kadar faedah tetap | | | | | | | | | | |
| – konvensional | 7.35% | 102.3 | 50.5 | 48.5 | 5.3 | 5.7 | 1,069.5 | 1,281.8 | – | 1,281.8 |
| – baki di bawah prinsip Islam | 4.43% | – | – | – | 928.6 | – | 3,400.0 | 4,328.6 | – | 4,328.6 |
| Belum bayar kepada sebuah anak syarikat | | | | | | | | | | |
| – kadar faedah tetap | 0.91% | – | – | 227.8 | – | – | – | 227.8 | – | 227.8 |
| – kadar faedah terapung | 1.17% | – | – | – | – | – | 347.9 | 347.9 | – | 347.9 |
| Instrumen kewangan derivatif | – | 67.7 | – | – | – | – | – | 67.7 | – | 67.7 |
| Belum bayar perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk liabiliti berkanun dan hasil tertunda) | | | | | | | | | | |
| – tidak peka kepada faedah | – | – | – | – | – | – | – | – | 2,675.3 | 2,675.3 |
| – kadar faedah terapung | 4.26% | 292.7 | – | – | – | – | – | 292.7 | – | 292.7 |
| Deposit pelanggan | – | – | – | – | – | – | – | – | 480.6 | 480.6 |
| **Jumlah** | | 462.7 | 50.5 | 276.3 | 933.9 | 5.7 | 4,817.4 | 6,546.5 | 3,159.0 | 9,705.5 |
| **Jurang sensitiviti faedah** | | 2,344.7 | (48.3) | (273.7) | (930.2) | (2.5) | (4,680.6) | | | |

## 49. Risiko Kadar Faedah/Analisis Matang (sambungan)

| Syarikat | WARF* | Matang atau dinilai semula (yang mana lebih awal) 1 tahun atau kurang RM | >1 - 2 tahun RM | >2 – 3 tahun RM | >3 – 4 tahun RM | >4 – 5 tahun RM | Lebih daripada 5 tahun RM | Jumlah peka kepada faedah RM | Tidak peka kepada faedah RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **2013** | | | | | | | | | | |
| **Aset kewangan** | | | | | | | | | | |
| Instrumen kewangan derivatif | – | 107.4 | – | – | – | – | – | 107.4 | – | 107.4 |
| Pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat (bersih) | | | | | | | | | | |
| – kadar faedah terapung | 3.69% | 166.9 | – | – | – | – | – | 166.9 | – | 166.9 |
| Pelaburan tersedia-untuk-dijual | | | | | | | | | | |
| – tidak peka kepada faedah | – | – | – | – | – | – | – | – | 99.6 | 99.6 |
| – kadar faedah tetap | 4.53% | 624.3 | – | – | – | – | – | 624.3 | – | 624.3 |
| Belum terima tersedia-untuk-dijual | 7.78% | 0.7 | 0.7 | 1.0 | 1.2 | 1.5 | 2.5 | 7.6 | – | 7.6 |
| Pinjaman anggota dan belum terima bukan semasa lain (tidak termasuk cukai boleh dipungut semula dan manfaat prabayar anggota) | | | | | | | | | | |
| – kadar faedah tetap | | | | | | | | | | |
| – konvensional | 3.60% | 0.1 | 0.2 | 0.2 | 0.1 | 0.1 | 44.1 | 44.8 | – | 44.8 |
| – baki di bawah prinsip Islam | 3.56% | 48.7 | 1.2 | 1.8 | 2.4 | 3.1 | 27.5 | 84.7 | – | 84.7 |
| Belum terima perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk bayaran pendahuluan, cukai boleh dipungut semula dan pinjaman anggota) | – | – | – | – | – | – | – | – | 1,811.5 | 1,811.5 |
| Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian | – | – | – | – | – | – | – | – | 17.2 | 17.2 |
| Tunai dan baki bank | | | | | | | | | | |
| – tidak peka kepada faedah | – | – | – | – | – | – | – | – | 426.6 | 426.6 |
| – kadar faedah tetap | | | | | | | | | | |
| – konvensional | 3.67% | 785.9 | – | – | – | – | – | 785.9 | – | 785.9 |
| – baki di bawah prinsip Islam | 3.63% | 880.4 | – | – | – | – | – | 880.4 | – | 880.4 |
| Jumlah | | 2,614.4 | 2.1 | 3.0 | 3.7 | 4.7 | 74.1 | 2,702.0 | 2,354.9 | 5,056.9 |
| **Liabiliti kewangan** | | | | | | | | | | |
| Peminjaman | | | | | | | | | | |
| – tidak peka kepada faedah | – | – | – | – | – | – | – | – | 3.4 | 3.4 |
| – kadar faedah tetap | | | | | | | | | | |
| – konvensional | 7.34% | 48.5 | 45.8 | 43.6 | 41.9 | 0.1 | 1,032.9 | 1,212.8 | – | 1,212.8 |
| – baki di bawah prinsip Islam | 4.13% | – | – | – | – | 932.6 | 2,200.0 | 3,132.6 | – | 3,132.6 |
| Belum bayar kepada sebuah anak syarikat | | | | | | | | | | |
| – kadar faedah tetap | 4.65% | 1,524.7 | – | – | 242.7 | – | – | 1,767.4 | – | 1,767.4 |
| – kadar faedah terapung | 1.16% | 326.0 | – | – | – | – | – | 326.0 | – | 326.0 |
| Instrumen kewangan derivatif | – | 62.4 | – | – | – | – | – | 62.4 | – | 62.4 |
| Belum bayar perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk liabiliti berkanun dan hasil tertunda) | | | | | | | | | | |
| – tidak peka kepada faedah | – | – | – | – | – | – | – | – | 2,547.4 | 2,547.4 |
| – kadar faedah terapung | 3.55% | 421.6 | – | – | – | – | – | 421.6 | – | 421.6 |
| Deposit pelanggan | – | – | – | – | – | – | – | – | 500.3 | 500.3 |
| Jumlah | | 2,383.2 | 45.8 | 43.6 | 284.6 | 932.7 | 3,232.9 | 6,922.8 | 3,051.1 | 9,973.9 |
| Jurang sensitiviti faedah | | 231.2 | (43.7) | (40.6) | (280.9) | (928.0) | (3,158.8) | | | |

## 49. Risiko Kadar Faedah/Analisis Matang (sambungan)

Jadual di bawah meringkaskan kadar purata wajaran pembiayaan (WARF) pada 31 Disember mengikut mata wang utama bagi setiap kelas aset dan liabiliti kewangan:

| Syarikat | 2014 | | 2013 | |
|---|---|---|---|---|
| | USD | RM | USD | RM |
| **Aset kewangan** | | | | |
| Pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat (bersih) | **2.33%** | **5.04%** | 2.35% | 4.50% |
| Pelaburan tersedia-untuk-dijual | **–** | **4.47%** | – | 4.53% |
| Belum terima tersedia-untuk-dijual | **–** | **8.04%** | – | 7.78% |
| Pinjaman anggota dan belum terima bukan semasa lain (tidak termasuk cukai boleh dipungut semula dan manfaat prabayar anggota) | **–** | **3.99%** | – | 3.59% |
| Tunai dan baki bank | **–** | **4.34%** | 0.59% | 3.66% |
| **Liabiliti kewangan** | | | | |
| Peminjaman | **7.88%** | **4.46%** | 7.88% | 4.38% |
| Belum bayar kepada sebuah anak syarikat | **1.17%** | **–** | 4.53% | – |
| Belum bayar perdagangan dan lain-lain (tidak termasuk liabilti berkanun dan hasil tertunda) | **–** | **4.26%** | – | 3.55% |

## 50. Liabiliti Luar Jangka (Tidak Bercagar)

(a) Pada 26 November 2007, Syarikat dan TESB telah menerima Writ Saman dan Penyataan Tuntutan berhubung dengan tuntutan yang difailkan oleh Mohd Shuaib Ishak (MSI). MSI menuntut daripada Syarikat, TESB dan 12 yang lain (termasuk bekas pengarah dan pengarah semasa Syarikat) secara bersama dan/atau berasingan, antaranya seperti berikut:

(i) satu Pengisytiharan bahawa Perjanjian Jual Beli bertarikh 28 Oktober 2002 antara Celcom dengan Syarikat (atau TESB) untuk pengambilalihan saham-saham TM Cellular Sdn Bhd oleh Celcom, dan kesemua hal lain terlaksana di bawah perjanjian tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada terbitan saham oleh Celcom adalah tidak sah serta terbatal dan tidak terkesan sama sekali;

(ii) satu Pengisytiharan bahawa semua pembelian saham dalam Celcom oleh TESB dan/atau Syarikat dan/atau pihak-pihak yang bertindak bersama-sama mereka, berkuat kuasa dari dan termasuk tarikh Notis Tawaran Mandatori bertarikh 3 April 2003 yang dikeluarkan oleh Commerce International Merchant Bankers Berhad (kini dikenali sebagai CIMB), adalah tidak sah serta terbatal dan tidak terkesan sama sekali;

(iii) semua perintah yang perlu dan wajar serta arahan yang mungkin perlu untuk memberi kesan terhadap Pengisytiharan tersebut yang Mahkamah dapati wajar, termasuk tetapi tidak terhad kepada arahan untuk memansuhkan semua pindah milik saham Celcom yang dibuat selepas Notis Tawaran Mandatori untuk saham dalam Celcom bertarikh 3 April 2003;

(iv) bahawa Syarikat dengan sendirinya, kakitangan dan ejennya adalah ditegah daripada memberi kesan kepada atau melaksanakan sebarang cadangan berhubung dengan cadangan pengasingan perniagaan mudah alih dan perniagaan talian tetap Kumpulan; dan

(v) pelbagai ganti rugi yang perlu ditaksir.

Pada 30 November 2007, Syarikat dan TESB telah memperoleh kebenaran untuk memasukkan kehadiran bersyarat dan seterusnya pada 17 Disember 2007, Syarikat dan TESB telah memfailkan permohonan yang relevan untuk membatalkan tindakan guaman tersebut (Permohonan Pembatalan).

Pada 20 Julai 2012, Mahkamah Tinggi telah membuat keputusan yang memihak kepada Syarikat dan membenarkan Permohonan Pembatalan.

Pada 13 Ogos 2012, MSI telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi di atas. Rayuan tersebut telah ditolak pada 30 Oktober 2013.

## 50. Liabiliti Luar Jangka (Tidak Bercagar) (sambungan)

(a) Pada 28 November 2013, MSI telah memfailkan permohonan untuk kebenaran merayu kepada Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang dinyatakan di atas. Permohonan itu ditetapkan untuk perbicaraan pada 3 Mac 2015.

Pengarah-pengarah, berdasarkan nasihat perundangan, berpendapat bahawa Syarikat dan TESB mempunyai peluang yang baik dalam pembelaan terhadap tindakan guaman tersebut.

(b) Pada 11 Ogos 2009, Syarikat dan anak syarikat milik penuhnya, TM Net Sdn Bhd (TM Net) telah menerima Writ Saman dan Penyataan Tuntutan daripada Network Guidance (M) Sdn Bhd (NGSB) berhubung usaha sama bagi melaksanakan sebuah projek yang dinyatakan di dalam penyataan tuntutan sebagai "Fine TV Services".

Pada 17 September 2009, Syarikat dan TM Net telah memfailkan Penyataan Pembelaan Terpinda dalam Mahkamah.

Pada 13 Oktober 2009, NGSB telah memfailkan dan menyerahkan Penyata Tuntutan Terpinda kepada TM Net yang mana NGSB telah menyatakan jumlah tuntutan mereka bagi ganti rugi teruk sebanyak RM200.0 juta dan ganti rugi teladan sebanyak RM200.0 juta. Berikutan daripada itu, Syarikat dan TM Net telah memfailkan Penyataan Pembelaan yang dipinda di Mahkamah pada 23 Oktober 2009.

Pada 10 Disember 2009, Syarikat dan TM Net memfailkan satu permohonan untuk membatalkan tuntutan NGSB. Pada 15 Julai 2010, Mahkamah Tinggi memulakan perbicaraan permohonan untuk membatalkan tuntutan tersebut dan menolak permohonan pembatalan tersebut dengan kos pada 9 Ogos 2010. Pada 3 September 2010, Syarikat dan TM Net telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang tersebut di atas. Pada 11 Januari 2011, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan.

Dalam masa yang sama, permohonan NGSB untuk meminda semula Penyataan Tuntutan Terpindanya telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi pada 12 Januari 2011. Berikutan dengan itu, pada 11 Februari 2011, peguam NGSB telah menghantar Writ Terpinda dan Penyataan Tuntutan yang Dipinda Semula (Tuntutan Dipinda Semula) kepada peguam-peguam Syarikat dan TM Net.

Relief yang dibuat oleh NGSB terhadap Syarikat dan TM Net dalam Tuntutan Dipinda Semula itu adalah seperti berikut:

(a) satu pengisytiharan bahawa:

(i) NGSB dan Syarikat telah menandatangani satu perjanjian yang mana adalah dipersetujui bahawa NGSB dan Syarikat akan memulakan projek Fine TV atas dasar usaha sama (Perjanjian tersebut);

(ii) Syarikat telah memungkiri Perjanjian tersebut;

(iii) berikutan daripada kemungkiran Perjanjian tersebut, NGSB telah mengalami kerugian dan kerosakan.

(b) satu perintah bahawa Syarikat dan TM Net membayar NGSB ganti rugi khas seperti berikut:

(i) RM0.15 juta bagi perkhidmatan Fiberail Sdn Bhd;

(ii) RM0.3 juta untuk perkhidmatan "MYLOCA" dan/atau sewa ruang bagi TM Net;

(iii) RM1.0 juta bagi kos ujian-ujian yang telah dijalankan;

(iv) RM5.0 juta untuk peralatan seperti pelayan, penghala, Pengkod Video Digital, Set Top Box dan Penyuntingan Video Digital;

(v) RM3.0 juta bagi fi lesen bagi penggunaan perisian;

(vi) RM3.0 juta untuk fi lesen bagi kegunaan kandungan;

## 50. Liabiliti Luar Jangka (Tidak Bercagar) (sambungan)

(b) (b) (vii) RM0.5 juta bagi fi guaman;

(viii) RM4.0 juta untuk overhed; dan

(ix) pinjaman sebanyak RM7.0 juta daripada Eurofine Sdn Bhd.

(c) faedah pada kadar sebanyak 8% setahun atas ganti rugi khas mulai tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh dan terakhir ganti rugi khas tersebut;

(d) satu perintah bahawa Syarikat dan TM Net membayar ganti rugi am;

(e) satu perintah bahawa ganti rugi am tersebut ditaksir oleh mahkamah;

(f) faedah sebanyak 8% setahun atas ganti rugi am mulai tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh dan terakhir ganti rugi am tersebut;

(g) kos; dan

(h) relief lain yang mahkamah anggap wajar.

Dalam Tuntutan Dipinda Semula, NGSB juga telah menunjukkan pengubahan nama NGSB kepada Fine TV Network Sdn Bhd.

Kes tersebut telah diteruskan untuk perbicaraan pada 25, 26 dan 27 Januari 2012 dan seterusnya pada 7 dan 8 Mei 2012. Pada 2 Julai 2012, Mahkamah Tinggi telah menolak tindakan guaman NGSB dengan kos.

Pada 1 Ogos 2012, NGSB memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi di atas. Rayuan ini ditetapkan untuk perbicaraan pada 28 Oktober 2014.

Pada 28 Oktober 2014, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan NGSB (kini dikenali sebagai Fine TV Sdn Bhd) terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 2 Julai 2012 untuk menolak tuntutan terhadap Syarikat dan TM Net. Mahkamah Rayuan juga telah memberi kos berjumlah RM20,000.00 yang memihak kepada Syarikat dan TM Net.

NGSB tidak memfailkan permohonan untuk kebenaran merayu kepada Mahkamah Persekutuan di dalam tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang.

Pengarah-pengarah, berdasarkan nasihat perundangan, berpendapat bahawa tindakan guaman tersebut telah tamat.

(c) Tindakan guaman telah dibuat oleh One Visa Sdn Bhd (OVSB) terhadap Syarikat pada 21 September 2012.

Secara ringkas, tindakan guaman tersebut adalah berpremiskan dakwaan bahawa Syarikat ialah penceroboh ke atas 5 bidang tanah yang dimiliki oleh OVSB yang dikenali sebagai HS(D) 23474 Lot 3181, HS(D) 23475 Lot 3182, HS(D) 23477 Lot 3183, HS(D) 23478 Lot 3184 dan HS(D) 23479 Lot 3185 di Pekan Ulu Temiang, Negeri Sembilan (Tanah tersebut) disebabkan wujudnya infrastruktur rangkaian Syarikat di atas tanah tersebut. OVSB seterusnya mendakwa bahawa ia telah dihalang daripada membangunkan Tanah tersebut mengikut potensi sepenuhnya berikutan pembekalan perkhidmatan telekomunikasi oleh Syarikat kepada penghuni haram tertentu (Setinggan) atas Tanah tersebut.

## 50. Liabiliti Luar Jangka (Tidak Bercagar) (sambungan)

(c) OVSB menuntut jumlah-jumlah yang berikut daripada Syarikat:

(i) ganti rugi berjumlah RM23,077,116.00 yang merupakan jumlah nilai sewaan Tanah yang didakwa perlu dibayar oleh Syarikat kepada OVSB, berdasarkan kadar nilai pasaran semasa yang dikira mulai 22 Mac 2011 dan berterusan sehingga tamatnya perkhidmatan telekomunikasi tersebut dan tarikh pengalihan infrastruktur tanpa izin daripada Tanah tersebut;

(ii) ganti rugi berjumlah RM198,110,908.00 yang didakwa oleh OVSB sebagai kehilangan peluang dan/atau kehilangan keuntungan disebabkan pendudukan Setinggan secara tidak sah yang berterusan di atas Tanah tersebut yang disebabkan, digalakkan atau dibantu oleh Syarikat mengakibatkan OVSB dihalang daripada membangunkan Tanah tersebut mengikut potensi sepenuhnya;

(iii) cukai tanah dan cukai pintu bagi Tanah tersebut bagi tahun 2012 masing-masing berjumlah RM234,677.00 dan RM49,360.00; dan

(iv) ganti rugi am, ganti rugi teruk/teladan, faedah dan kos.

Pada 28 September 2012, Syarikat telah memfailkan Memorandum Kehadirannya di Mahkamah Tinggi. Penyataan Pembelaan difailkan kemudiannya pada 22 Oktober 2012. Tindakan guaman ini telah dibicarakan penuh daripada 17 hingga 19 Februari 2014. Mahkamah Tinggi akan menyampaikan keputusannya pada 8 Mei 2014.

Pada 22 April 2014, tuntutan OVSB telah ditolak kecuali bagi tuntutan di bawah item 22(b) di Penyataan Tuntutan di mana Mahkamah Tinggi telah membenarkan ganti rugi khas berjumlah RM4,818.40 untuk sewaan Tanah bagi 10 bulan bermula 18 November 2011 sehingga September 2012. Mahkamah Tinggi seterusnya memberikan OVSB faedah terhadap jumlah tersebut sebanyak 4% setahun bermula 18 November 2011 sehingga bayaran penuh dan kos sebanyak RM15,000.00.

Syarikat telah mematuhi sepenuhnya penghakiman di atas. OVSB tidak memfail rayuan di dalam tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang.

Pengarah-pengarah, berdasarkan nasihat perundangan, adalah berpendapat bahawa tindakan guaman tersebut telah tamat.

(d) Pada 6 Mac 2013, TM Facilities Sdn Bhd (TMF), sebuah anak syarikat milik penuh Kumpulan, menerusi peguamcaranya, telah menerima Writ dan Penyataan Tuntutan oleh Menara Intan Langkawi Sdn Bhd (MIL) dan HBA Development Bhd (HBA), menerusi peguamcara mereka.

Tuntutan HBA adalah berlandaskan dakwaan penamatan salah sebuah Perjanjian Pajakan bertarikh 14 Ogos 2003 antara MIL dan TMF (Perjanjian). Di bawah Perjanjian ini, TMF telah bersetuju untuk mengambil pajakan menara telekomunikasi yang akan dibina di Mukim Kuah di Langkawi, daripada MIL, sebuah syarikat usaha sama antara Lembaga Pembangunan Langkawi dan HBA, bagi tempoh pajakan selama 15 tahun dan sewa pajakan sebanyak RM17.0 juta setahun.

Perjanjian Pajakan tersebut seterusnya telah ditamatkan oleh TMF pada 6 Februari 2007, kerana TMF berpendapat bahawa MIL telah gagal untuk mendapatkan kelulusan yang diperlukan dan memulakan pembinaan menara telekomunikasi sungguhpun telah diberi masa untuk berbuat demikian.

Berdasarkan Writ dan Penyataan Tuntutan Dipinda (Penyataan Tuntutan), MIL dan HBA menuntut yang berikut:

(a) Ganti rugi berhubung kehilangan keuntungan sebanyak RM168,701,922.00;

(b) Ganti rugi berhubung kerja dan perbelanjaan sebanyak RM86,298,078.60;

(c) Ganti rugi berhubung nilai tanah yang berukuran 28.49 ekar berjumlah RM80,600,000.00;

(d) Ganti rugi am;

## 50. Liabiliti Luar Jangka (Tidak Bercagar) (sambungan)

(d) (e) Faedah; dan

(f) Kos.

Pada 28 Mac 2013, TMF telah memfailkan satu permohonan untuk membatalkan Penyataan Tuntutan oleh Plaintif kedua, HBA terhadap TMF (Permohonan Pembatalan).

Pada 1 April 2013, TMF telah menerima Penyataan Tuntutan Dipinda bertarikh 29 Mac 2013 daripada kedua-dua Plaintif dalam tindakan guaman tersebut. Dalam Penyataan Tuntutan Dipinda, Plaintif-plaintif telah meminda tuntutan kehilangan keuntungan mereka daripada RM168,701,922.00 kepada RM225,000,000.00.

Pada 17 Mei 2013, Permohonan Pembatalan telah dibenarkan dengan kos oleh Mahkamah Tinggi. Pada hari yang sama, TMF telah memfailkan Pembelaan terhadap Penyataan Tuntutan Dipinda oleh Plaintif pertama, iaitu MIL.

Pada 1 Julai 2013, Mahkamah Tinggi telah memerintahkan MIL menyediakan cagaran kos berjumlah RM175,000.00 dalam tempoh 45 hari dan Mahkamah Tinggi juga turut memerintahkan tindakan guaman tersebut ditangguhkan sehingga pembayaran tersebut dijelaskan. Pada 26 Ogos 2013, MIL telah membayar cagaran kos tersebut ke dalam akaun peguamcara TMF.

Pada 18 November 2013, peguamcara TMF telah diberikan Permohonan Penghakiman Ringkasan di mana MIL berusaha mendapatkan Perintah berikut daripada Mahkamah Tinggi:

(i) Satu Perintah bagi Pengisytiharan bahawa tindakan TMF menamatkan Perjanjian adalah salah dan menyalahi undang-undang;

(ii) Satu Perintah bagi penaksiran ganti rugi yang perlu dibayar oleh TMF kepada MIL bagi kesemua kerosakan dan kerugian yang dialami oleh MIL sebagai pampasan bagi penamatan Perjanjian yang salah dan menyalahi undang-undang;

(iii) Satu Perintah supaya TMF membayar MIL secara serta-merta selepas penaksiran ganti rugi oleh Mahkamah; dan

(iv) Faedah dan kos.

Tarikh perbicaraan bagi Permohonan Penghakiman Ringkasan ditetapkan pada 26 Mei 2014.

Pada 26 Mei 2014, MIL menarik semula Permohonan Penghakiman Ringkasan tersebut. Perbicaraan bagi tindakan guaman diteruskan pada 26 – 27 Mei 2014 dan pada 23 – 24 Jun 2014.

Pada 31 Oktober 2014, Mahkamah Tinggi telah menolak tuntutan MIL dan memberikan kos berjumlah RM50,000.00 yang memihak kepada TMF.

Pada 12 November 2014, MIL telah memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi seperti yang dinyatakan. Rayuan itu ditetapkan untuk pengurusan kes pada 17 Mac 2015.

Pengarah-pengarah, berdasarkan nasihat perundangan, berpendapat bahawa TMF mempunyai peluang yang baik untuk membela dan menolak tindakan guaman tersebut.

Selain daripada perkara-perkara di atas, Pengarah-pengarah tidak mempunyai maklumat tentang kewujudan sebarang prosiding lain yang sedang berjalan ke atas Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya, ataupun sebarang fakta yang memungkinkan sebarang prosiding yang boleh menjejaskan dengan ketara kedudukan kewangan atau perniagaan Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya.

Tidak terdapat liabiliti luar jangka atau litigasi penting atau jaminan yang lain, selain daripada apa yang timbul dalam urusan biasa perniagaan Kumpulan dan Syarikat, dan juga tiada kerugian ketara dijangka daripada perkara-perkara tersebut.

## 51. Peristiwa Susulan Penting

**Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 (HSBB2) dan Projek Jalur Lebar Sub Bandar (SUBB)**

Pada 25 Februari 2015, Syarikat telah mengumumkan penerimaan Surat Keputusan (LoA) daripada Kerajaan Malaysia (Kerajaan) bagi pelaksanaan:

(a) projek HSBB2 dengan kerjasama pihak Kerajaan untuk menempatkan rangkaian akses dan teras domestik bagi menyediakan sambungan infrastruktur HSBB dari hujung ke hujung. Jumlah kos pelaburan HSBB2 bagi tempoh sepuluh (10) tahun adalah RM1.8 bilion.

(b) projek SUBB dengan kerjasama pihak Kerajaan untuk menempatkan rangkaian akses dan teras domestik bagi menyediakan sambungan infrastruktur HSBB dari hujung ke hujung. Jumlah kos pelaburan SUBB bagi tempoh sepuluh (10) tahun adalah RM1.6 bilion.

Dengan penerimaan LoA oleh Syarikat, pihak-pihak tersebut akan memeterai perjanjian rasmi (Perjanjian HSBB2 dan SUBB) berdasarkan terma dan syarat yang telah dipersetujui bersama.

## 52. Senarai Anak-anak Syarikat pada 31 Disember 2014

Anak-anak syarikat adalah seperti berikut:

| Nama Syarikat | Kepentingan Hakiki Kumpulan 2014 % | Kepentingan Hakiki Kumpulan 2013 % | Modal Berbayar 2014 Juta | Modal Berbayar 2013 Juta | Aktiviti-aktiviti Utama |
|---|---|---|---|---|---|
| Fiberail Sdn Bhd | **54** | 54 | **RM15.8** | RM15.8 | Penyediaan sambungan rangkaian dan perkhidmatan lebar jalur di Malaysia dan perkhidmatan pengurusan projek berkaitan dengan telekomunikasi |
| Fibrecomm Network (M) Sdn Bhd | **51** | 51 | **RM75.0** | RM75.0 | Penyediaan perkhidmatan rangkaian pemancar gentian optik |
| GITN Sdn Berhad | **100** | 100 | **RM50.0** | RM50.0 | Penyediaan perkhidmatan rangkaian terurus dan perkhidmatan telekomunikasi nilai ditambah yang telah dipertingkatkan dan teknologi maklumat |
| GTC Global Sdn Bhd (nota 5(b)) | **100** | – | **RM1.1** | – | Perniagaan dagangan, pajakan dan pemasangan peralatan selular dan telekomunikasi serta perdagangan berkaitan aksesori produk |
| Hijrah Pertama Berhad | **100** | 100 | **RM#** | RM# | Entiti tujuan khas |
| Intelsec Sdn Bhd | **100** | 100 | **RM3.0** | RM3.0 | Penyediaan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan penggunaan awan dengan mereka bentuk dan memanfaatkan platform rangkaian dan pertukaran. |
| Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd | **100** | 100 | **RM10.0** | RM10.0 | Pengurusan dan pengendalian Menara Kuala Lumpur |
| Mobikom Sdn Bhd | **100** | 100 | **RM610.0** | RM260.0 | Penyediaan pemancar suara dan data melalui sistem selular |
| Parkside Properties Sdn Bhd | **100** | 100 | **RM0.1** | RM0.1 | Dorman |

## 52. Senarai Anak-anak Syarikat pada 31 Disember 2014 (sambungan)

Anak-anak syarikat adalah seperti berikut: (sambungan)

| Nama Syarikat | Kepentingan Hakiki Kumpulan 2014 % | Kepentingan Hakiki Kumpulan 2013 % | Modal Berbayar 2014 Juta | Modal Berbayar 2013 Juta | Aktiviti-aktiviti Utama |
|---|---|---|---|---|---|
| Tekad Mercu Berhad | **100** | 100 | **RM#** | RM# | Entiti tujuan khas |
| Telekom Applied Business Sdn Bhd | **100** | 100 | **RM1.6** | RM1.6 | Penyediaan perkhidmatan pembangunan perisian dan penjualan produk-produk perisian |
| Telekom Enterprise Sdn Bhd | **100** | 100 | **RM0.6** | RM0.6 | Pemegangan pelaburan |
| Telekom Malaysia (Australia) Pty Ltd* | **100** | 100 | **AUD#** | AUD# | Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi antarabangsa |
| Telekom Malaysia (Hong Kong) Limited* | **100** | 100 | **HKD18.5** | HKD18.5 | Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi antarabangsa |
| Telekom Malaysia (S) Pte Ltd* | **100** | 100 | **SGD#** | SGD# | Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi antarabangsa |
| Telekom Malaysia (UK) Limited* | **100** | 100 | **GBP#** | GBP# | Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi antarabangsa |
| Telekom Malaysia (USA) Inc* | **100** | 100 | **USD3.5** | USD3.5 | Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi antarabangsa |
| Telekom Multi-Media Sdn Bhd | **100** | 100 | **RM1.7** | RM1.7 | Pemegangan pelaburan |
| Telekom Research & Development Sdn Bhd | **100** | 100 | **RM20.0** | RM20.0 | Penyediaan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam bidang komunikasi, aplikasi berteknologi canggih serta produk dan perkhidmatan dalam perniagaan berkaitan |
| Telekom Sales dan Services Sdn Bhd | **100** | 100 | **RM14.5** | RM14.5 | Penyediaan perkhidmatan pengurusan khidmat pelanggan dan perdagangan peralatan telekomunikasi premis pelanggan |
| Telekom Technology Sdn Bhd | **100** | 100 | **RM13.0** | RM13.0 | Telah berhenti beroperasi |
| TM Broadcasting Sdn Bhd | **100** | 100 | **RM#** | RM# | Dorman |
| TM ESOS Management Sdn Bhd | **100** | 100 | **RM0.1** | RM0.1 | Entiti tujuan khas |
| TM Facilities Sdn Bhd | **100** | 100 | **RM2.3** | RM2.3 | Penyediaan aktiviti pembangunan hartanah |
| TM Global Incorporated | **100** | 100 | **USD#** | USD# | Pemegangan pelaburan |
| TM Info-Media Sdn Bhd | **100** | 100 | **RM6.0** | RM6.0 | Penerbitan direktori telefon bercetak dan perkhidmatan direktori telefon dalam talian serta penyediaan penyelesaian pelbagai platform bagi pengiklanan |

## 52. Senarai Anak-anak Syarikat pada 31 Disember 2014 (sambungan)

Anak-anak syarikat adalah seperti berikut: (sambungan)

| Nama Syarikat | Kepentingan Hakiki Kumpulan 2014 % | Kepentingan Hakiki Kumpulan 2013 % | Modal Berbayar 2014 Juta | Modal Berbayar 2013 Juta | Aktiviti-aktiviti Utama |
|---|---|---|---|---|---|
| TM International (Cayman) Ltd[>] | **–** | 100 | **–** | USD# | Digugurkan pada 31 Disember 2014 |
| TM Net Sdn Bhd | **100** | 100 | **RM180.0** | RM180.0 | Pembangunan kandungan dan aplikasi bagi perkhidmatan Internet |
| Universiti Telekom Sdn Bhd | **100** | 100 | **RM650.0** | RM650.0 | Mengurus dan mentadbir sebuah universiti swasta yang dikenali sebagai Universiti Multimedia |
| VADS Berhad | **100** | 100 | **RM5.0** | RM5.0 | Penyediaan perkhidmatan rangkaian terurus, perkhidmatan penyepaduan sistem rangkaian dan perkhidmatan yang berkaitan dengan rangkaian |
| **Anak syarikat dipegang melalui Intelsec Sdn Bhd** | | | | | |
| Inneonusa Sdn Bhd | **100** | – | **RM#** | – | Penyediaan perkhidmatan sistem sekuriti ICT dan bangunan pintar termasuk perkhidmatan sewaan pintar bagi pemilik, pengendali, penghuni dan pengunjung bangunan |
| **Anak syarikat dipegang melalui Mobikom Sdn Bhd** | | | | | |
| Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd (nota 5(a)) | **55.3** | – | **RM16.7** | – | Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan infrastruktur rangkaian jalur lebar sambungan terakhir |
| **Anak-anak syarikat dipegang melalui Packet One Networks (Malaysia) Sdn Bhd** | | | | | |
